Syiekh Abu Abdullah bin Abd al-Salam 'Allusy

إبانة الأحكام

شرح

بلوغ المرام

IBANAH AL-AHKAM
SYARAH BULUGH AL- MARAM
(Jilid Ketiga)

Penterjemah:
Dr. Aminudin Basir @ Ahmad
Nor Hasanuddin H.M. Fauzi

Disemak Oleh:
Dr. Mohd Puzhi Usop
Ustaz Mohd Khairul Nizam Zainan Nazri

AL-HIDAYAH

AL-HIDAYAH PUBLICATION
KUALA LUMPUR
2010

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Kami adalah **penerbit** dan **pengedar buku-buku Islam** kontemporari dinihari. Bergerak bersama mendokong **kebenaran Al-Quran** dan As-sunnah sebagai teras pengabdian. **Menyebarkan ilmu** di mana dan ke mana saja demi **merealisasikan** cita-cita dan harapan **Membina generasi** di **masa depan.** Pastinya usaha kami **bukan meraih** keuntungan yang sedikit **di dunia** ini tetapi mahu melihat **generasi** dan **negara** ini mencapai mercu kecemerlangan di dunia dan di akhirat. Untuk itu kami sedia **memberi perkhidmatan** yang terbaik untuk keperluan masa **depan anda.**

AL-HIDAYAH

AL-HIDAYAH PUBLICATION

IBANAH AL-AHKAM
SYARAH BULUGH AL- MARAM

Judul Asal	:	Ibanatu al-Ahkam Syarhu Bulughu al-Maram
Penulis	:	Syiekh Abu Abdullah bin Abd al-Salam 'Allusy
Penerbit Asal	:	Dar al-Haramain, Jeddah
Penterjemah	:	Nor Hasanuddin H.M. Fauzi
Penyunting	:	Ustazah Sabariah Bakri (IIUM)
Tata Letak	:	Tim al-Hidayah

Cetakan Pertama …..… 2010

Diterbitkan Oleh:

AL-HIDAYAH PUBLICATION
No. 27, Jalan DBP Dolomite Business Park 68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6185 3002, 61857006, 6185 4009
Fax: 03-6185 9006
laman web: www.hidayah.com.my
E-mail: hidayah@streamyx.com

Diedarkan Oleh:

AR-RISALAH PRODUCT SDN. BHD
No. 27, Jalan DBP Dolomite Business Park 68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6185 3002, 61857006, 6185 4009
Fax: 03-6185 9006
laman web: www.hidayah.com.my
E-mail: risalah@streamyx.com

Dicetak Oleh:

PERCETAKAN ZAFAR SDN. BHD
Lot 18, Jalan 4/10B, Spring Crest Industrial Park Batu Caves,
68100 Kuala Lumpur

بسم الله الرحمن الرحيم

KATA PENGANTAR PENERBIT

SEGALA puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam disampaikan kepada junjungan Nabi Muhammad SAW, keluarga serta sahabat-sahabat baginda.

Dalam usaha untuk menambahkan buku-buku bacaan di kalangan masyarakat masa kini, dengan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT kerana kami dapat menerbitkan sebuah lagi buku yang bertajuk **IBANAH AL-AHKAM SYARAH BULUGH AL-MARAM.**

Sebagai penerbit, besar harapan kami agar buku ini dapat bermanfaat kepada pembaca. Segala amalan yang baik ini semoga mendapat keredaan Allah SWT.

Segala kesilapan dan kekurangan adalah kelemahan daripada kami, oleh itu teguran membina amatlah dialu-alukan.

Sekian, Wabillahi Taufiq, Wassalamu'alaikum.

Penerbit,
Al-Hidayah Publication

ISI KANDUNGAN

KITAB JUAL BELI

KITAB JUAL BELI

Takrif *al-bai'* (jual beli) mengikut bahasa adalah menukar harta dengan harta dan harta yang boleh dinilai dengan harga.

Manakala *al-baye'* (jual beli) mengikut syarak memiliki takrif yang sama dengan takrif jual beli secara bahasa, tetapi ditambahkan adanya syarat redha antara kedua-dua pihak baik; pembeli dan penjual.

Hikmah disyariatkan jual beli adalah setiap manusia tidak dapat hidup seorang diri. Seseorang pasti memerlukan bantuan orang lain untuk memenuhi setiap keperluannya. Demikian pula dengan orang lain, dia pasti memerlukan bantuan orang lain untuk memenuhi keperluannya. Inilah faktor di mana Allah mensyari'atkan jual beli yang tujuannya memastikan setiap keperluan manusia dapat dipenuhi baik pembeli mahupun penjual.

BAB SYARAT JUAL BELI SERTA APA-APA YANG DILARANG DALAM BERJUAL BELI

Syarat mengikut ulama fiqh adalah sesuatu yang jika tidak wujud, maka suatu hukum tidak diwujudkan pula. Dengan erti kata lain, jika syarat tidak wujud maka jual beli pun menjadi tidak sah.

Syarat ini meliputi pelaku transaksi atau pelaku 'akad (pembeli dan penjual) di mana mereka mestilah orang yang sudah berakal dan dewasa. Oleh itu, transaksi yang dilakukan oleh orang bodoh dan orang gila tidak sah di sisi hukum syari'at.

Syarat pula meliputi lafaz yang dengannya akad menjadi sempurna seperti lafaz mesti menggunakan lafaz kalimat masa lalu.

Syarat turut meliputi jenis harta yang diperjualbelikan, di mana harta itu mestilah dimiliki dan oleh kerananya, dilarang menjual haiwan atau burung yang masih terbang di udara, atau ikan yang masih berada di dalam laut, kerana burung atau ikan itu tidak berada di dalam kekuasaan si penjual.

Apa yang dimaksudkan dengan apa-apa yang dilarang dalam berjualbeli adalah larangan-larangan yang mencakupi syarat dan jual beli.

١- عَنْ رِفَاعَةَ بْنِ رَافِعٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ: أَيُّ الْكَسْبِ أَطْيَبُ؟ قَالَ: "عَمَلُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ، وَكُلُّ بَيْعٍ مَبْرُورٍ". رَوَاهُ الْبَزَّارُ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

1. Daripada Rifa'ah bin Rafi' (r.a) bahawa Nabi (s.a.w) pernah ditanya: "Apakah pekerjaan yang lebih baik?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Usaha seseorang dengan tangannya sendiri dan setiap jual beli yang berlandaskan kebaikan." (Diriwayatkan oleh al-Bazzar dan dinilah sahih al-Hakim: 801)

Makna Hadith

Setiap manusia pada dasarnya dituntut bekerja untuk memperoleh rezeki dan mereka mempunyai pandangan yang berbeza-beza dalam mencari rezeki. Oleh kerana cara yang berbeza ini pulalah manusia memperolehi rezeki yang berbeza-beza antara satu sama lain untuk memenuhi keperluan seharian mereka.

Oleh kerana seorang muslim dituntut untuk melakukan sesuatu yang terbaik dan menjauhi usaha haram, maka mereka pun mendatangi Rasulullah (s.a.w) untuk meminta petunjuk tentang usaha dan pekerjaan yang terbaik sama ada untuk kemasalahatan dunia mahupun akhirat. Rasulullah (s.a.w) membimbing mereka dengan mengatakan bahawa dua inti usaha atau pekerjaan, iaitu berniaga dan bekerja.

Analisis Lafaz

"الْكَسْب", sesuatu yang dikerjakan oleh manusia untuk kemudian dijadikan sebagai hak milik. Ia meliputi kepemilikan dan hasil usaha berupa harta benda dan segala sesuatu yang mempunyai nilai baik secara maknawi mahupun benda terlebih-lebih lagi pada zaman globalisasi sekarang ini di mana manusia dituntut untuk menanam modal kemudian mendapatkan

bahagian daripada keuntungan pelaburan itu, meskipun ada sesetengah mereka yang masih berusaha dengan tenaganya sendiri.

"أَطْيَبُ", paling berkat dan banyak menghasilkan keuntungan. Perkataan *al-Thayyib* merupakan lawan kata *al-Khabits* yang pada kebiasaannya digunakan untuk sesuatu yang diharamkan. Sesuatu yang halal pada dasarnya mempunyai kedudukan yang sama di sisi syari'at. Namun oleh kerana suatu yang halal itu kadang kala lebih mampu menjauhi sesuatu yang syubhat, maka dikatakan bahawa ini lebih halal dan lebih berkat.

"مَبْرُور", perbuatan dan usaha yang tidak mengandungi unsur penipuan dan kecurangan sesuai dengan ketentuan syari'at. Ini tentunya melarang daripada melakukan sesuatu yang diharamkan oleh syarak.

Fiqh Hadith

1. Disyariatkan bertanya tentang usaha yang hendak dilakukan dengan tujuan untuk mengenal pasti keutamaannya.
2. Keutamaan dalam usaha bergantung kepada sejauh mana keberkatan dan kebaikan yang di dalamnya serta mampu menjauhi syubhat apatah lagi sesuatu yang diharamkan. Jadi keutamaan sesuatu usaha di sisi syari'at tidak semata-mata dilihat aspek dan keuntungan yang diperolehi individu yang menjalankan usaha itu.
3. Usaha dan jerih payah hasil tangan sendiri mempunyai keutamaan dan kelebihan ke atas pekerjaan yang lain. Menurut al-Nawawi yang merupakan salah seorang ulama mazhab al-Syafi'i, sebaik-baik usaha adalah berladang, kerana berladang meliputi usaha dan tawakkal, ditambah lagi usaha ini memiliki manfa'at yang bersifat umum hingga haiwan seperti burung dapat hidup di sekitar tempat perladangan itu. Ibn Hajar al-Asqalani memberi komentar ke atas kenyataan al-Nawawi dengan berkata: "Lebih daripada itu, sebaik-baik itu mendapatkan harta orang kafir yang diambil melalui berjihad, kerana ini merupakan salah satu usaha yang pernah dilakukan Rasulullah (s.a.w). Malah ia merupakan salah satu usaha yang dilakukan dengan tangan sendiri."
4. Usaha berjual beli menduduki peringkat kedua setelah usaha dengan tangan dengan sendiri.

Perawi Hadith

Rifa'ah bin Rafi' bin Malik al-Ansori al-Zurqi, panggilannya Abu Mu'adz. Beliau adalah saudara Malik dan Khallad. Beliau turut serta dalam Perang Badar bersama ayahnya. Beliau bersama saudaranya merupakan salah seorang pemimpin dan turut serta dalam setiap peperangan yang dipimpin oleh Rasulullah (s.a.w). Beliau meninggal dunia pada permulaan era

pemerintahana Mu'awiyyah bin Abu Sufyan. Al-Sittah mengetengahkan hadithnya selain Muslim dan orang yang mengambil hadith daripadanya adalah anak-anaknya, anak saudaranya dan cucu-cucunya.

٢- عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ عَامَ الْفَتْحِ وَهُوَ بِمَكَّةَ: "إِنَّ اللهَ حَرَّمَ بَيْعَ الْخَمْرِ وَالْمَيْتَةِ وَالْخِنْزِيرِ وَالْأَصْنَامِ. فَقِيلَ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَرَأَيْتَ شُحُومَ الْمَيْتَةِ، فَإِنَّهُ تُطْلَى بِهَا السُّفُنُ وَتُدْهَنُ بِهَا الْجُلُودُ، وَيَسْتَصْبِحُ بِهَا النَّاسُ؟ فَقَالَ: "لاَ، هُوَ حَرَامٌ"، ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ ذَلِكَ: "قَاتَلَ اللهُ الْيَهُودَ، إِنَّ اللهَ لَمَّا حَرَّمَ عَلَيْهِمْ شُحُومَهَا جَمَلُوهُ، ثُمَّ بَاعُوهُ، فَأَكَلُوا ثَمَنَهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

2. Daripada Jabir bin Abdullah (r.a) bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda pada tahun pembukaan kota Mekah ketika berada di Mekah: "Sesungguhnya Allah mengharamkan jual beli khamar, bangkai, babi dan patung." Salah seorang sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, bagaimana pendapatmu tentang lemak bangkai? Ia digunakan untuk mengecat dinding kapal, dijadikan sebagai minyak kulit dan digunakan sebagai minyak lampu." Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak boleh. Semua itu tetap diharamkan." Kemudian Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Semoga Allah membinasakan orang-orang Yahudi, kerana ketika Allah mengharamkan lemak bangkai ke atas mereka, mereka malah mengolahnya lalu menjualnya dan kemudian memakan hasil jualannya." (Muttafaq 'alaihi: 802)

Makna Hadith

Hadith ini merupakan salah satu asas agama Islam, di mana Nabi (s.a.w) mengingatkan umat manusia supaya tidak berdolak dalik dalam memahami syari'at dan mencari celah untuk mempermainkan nas serta hukum Islam, termasuklah hukum jual beli. Oleh itu, Rasulullah (s.a.w) menetapkan ketetapan ini ketika pembukaan kota Mekah yang bersamaan dengan bulan Ramadhan supaya prinsip ini dapat tersebar luasa dan diketahui oleh ramai umat manusia untuk kemudian diamalkan dalam kehidupan seharian.

Di dalam hadith ini disebutkan beberapa jenis barangan yang dilarang untuk diperjualbelikan oleh umat manusia. Dalam kategori minuman seperti khamar, haiwan seperti bangkai dan lemaknya, barangan najis seperti babi barang produksi seperti patung.

Analisisi Lafaz

"عَامَ الْفَتْح", tahun pembukaan kota Mekah. Ia terjadi pada tahun kelapan Hijriah bersamaan dengan bulan Ramadhan al-Mubarak di mana Rasulullah (s.a.w) bersama para sahabatnya berjaya membuka kota Mekah. Jika hadith ini diteliti lebih mendalam, dapat dipastikan bahawa Rasulullah (s.a.w) tidak menyebut hadith ini pada saat pembukaan kota Mekah, kerana baginda tidak mengatakan sepatah kata pun pada waktu pembukaan kota Mekah. Namun sebahagian sahabat kadang terlampau bersemangat dalam meriwayatkan hadith ini, sehingga mereka menyebutnya pada "tahun", sementara maksud mereka adalah "hari", kerana hari itu merupakan salah satu hari yang paling penting dan bersejarah pada tahun itu. Ini tidak bererti bahawa kesemua benda-benda yang disebutkan di dalam hadith tersebut baru pada waktu pembukaan kota Mekah. Ada kemungkinan dikatakan demikian bagi mengingati semula peristiwa bersejarah itu.

"إِنَّ اللهَ حَرَّمَ", sesungguhnya Allah mengharamkan. Dalam kebanyakan naskah ditulis: "إن الله ورسوله حرم" seperti mana yang terdapat di dalam kitab Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, di mana fi'il dihubungkan kepada *dhamir* tunggal meskipun kalimat asalnya adalah: "حرما" dan kalimat seperti ini disebut dalam kitab selain al-Sahihain. Apapun, menggunakan lafaz *dhamir* tunggal dalam kalimat seperti ini dibolehkan. Alasannya kerana perintah Nabi (s.a.w) pastinya berdasarkan perintah Allah (s.w.t).

"الْخَمْرِ", sesuatu yang boleh mengacaukan akal. Ketika akal manusia dipengaruhi khamar, dia melakukan sesuatu yang tidak disedarinya, padahal dia seorang yang berakal sempurna. Ini akan dibahas dalam kitab hudud, bab hukuman bagi peminum khamar dan kriteria orang mabuk.

"الْمَيْتَةِ", dengan membaca baris *fathah* (ـَـ) pada huruf *mim* dan *sukun* (ـْـ) pada huruf *ya'*. Haiwan yang mati di mana ketika masih hidup tidak disembelih mengikut ketetapan syari'at.

"الْأَصْنَام", al-Jauhari berkata: "*Al-Shanam* adalah patung." Menurut pendapat lain, *al-Watsan* adalah patung yang mempunyai bentuk sementara *al-Shanam* adalah lukisan atau gambar.

"أَرَأَيْتَ", kalimat ini digunakan orang Arab untuk menanyakan satu permasalahan.

"تُطْلَى", digunakan sebagai minyak bagi menguatkan kayu dinding kapal supaya tidak mudah lapuk bahkan merapatkan celah-celah sambungan kayu antara antara satu sama lain supaya dengan demikian dapat memcegah air ke dalam kapal.

"يَسْتَصْبِحُ", dijadikan sebagai penerang, di mana lemak bangkai itu diletakkan di bawah sumbu lampu dan kemudian api lampu menghisapnya.

"لاَ، هُوَ حَرَامٌ", ada ulama yang mengakatan *dhamir* ini kembali kepada jual beli, maka hukum jual beli barangan ini diharamkan. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama. Pendapat lain mengatakan dhamir tersebut kembali kepada kegunaan barang itu. Inilah pendapat jumhur ulama.

"قَاتَلَ اللهُ الْيَهُودَ", semoga Allah membinasakan mereka. Menurut pendapat yang lain, semoga Allah menjadikan mereka hina.

"جَمَلُوهُ", dengan baris *fathah* (ـَـ) pada huruf *jim* dan *mim*, mereka memerah dan mengeluarkan lemaknya.

Fiqh Hadith

1. Hendaklah hukum yang dianggap penting disampaikan ketika dalam perhimpunan orang ramai dan acara keraian.
2. Disunatkan menyebut waktu dan tempat kejadian suatu peristiwa bagi mengenal pasti mana hukum yang *nasikh* dan mana pula hukum yang *mansukh* di samping memastikan perawi benar-benar hafal hadith.
3. Nabi (s.a.w) sentiasa beradab kepada Allah pada setiap kali wahyu daripada-Nya.
4. Hukum menjual khamar, bangkai, lemak bangkai, babi dan patung adalah haram. Jumhur ulama selain mazhab Maliki berpendapat, alasan diharamkan menjual khamar, bangkai dan babi adalah kerana ia merupakan barang najis dan oleh kerananya, mereka mengharamkan jual beli setiap barang barangan najis[1], meskipun ketika dalam keadaan darurat boleh dimanfaatkan. Sementara alasan diharamkan jual beli patung pula kerana tidak adanya manfa'at memperjualbelikan barangan ini. Oleh itu, bahwa jika patung itu pecah dan pecahannya itu masih dapat dimanfaatkan, maka ia boleh dijualbelikan di sisi mazhab al-Syafi'i dan ulama lain, namun mengikut sebahagian ulama, pecahan patung itu meskipun boleh dimanfaatkan tetap haram diperjualbelikan secara mutlak.
5. Hukum mengecat kapal dengan lemak bangkai, menjadikannya sebagai minyak kulit dan minyak lampu adalah haram. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama, namun jumhur ulama tidak melarang daripada berbuat demikian. Oleh yang demikian, mereka membolehkan memberi makan anjing dengan

[1] Barang yang terkena najis apabila masih ada cara untuk mensucikannya boleh dijualbelikan dan dimanfaatkan seperti kulit haiwan yang telah disamak. Ini kerana kulit menjadi suci setelah disamak. Inilah berdasarkan kesepakatan ulama.

lemak dan daging bangkai, meminum madu yang bersal daripada lebah yang menghisap benda najis, menjadiakan lemak bangkai sebagai minyak lampu dan lain-lain yang seumpamanya.

6. Disunatkan menjelaskan atau mengukuhkan suatu hukum dengan tidak membiarkan sesuatu hukum itu dalam keadaan sukar difahami.
7. Disunatkan menghuaraikan inti permasalahan secara detail supaya orang lain dapat belajar bagaimana cara mengembalikan setiap permasalahan kepada tempat asalnya.
8. Boleh mendoakan suatu bangsa yang telah menyalahi perintah Allah dan berhak menerima hukuman dari Allah.
9. Perbuatan tidak mematuhi perintah Allah hendaklah dianggap sebagai satu permasalahan besar supaya pendengar merasa takut untuk membangkang terhadap perintah ilahi.
10. Memakan hasil jualan suatu barang yang diharamkan adalah haram.
11. Haram melakukan setiap usaha yang sengaja bertujuan menganggap halal apa-apa yang telah diharamkan oleh Allah.

٣- عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "إِذَا اخْتَلَفَ الْمُتَبَايِعَانِ لَيْسَ بَيْنَهُمَا بَيِّنَةٌ، فَالْقَوْلُ مَا يَقُولُ رَبُّ السِّلْعَةِ أَوْ يَتَتَارَكَانِ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

3. Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika kedua-dua pihak (pembeli dan penjual) berselisih pendapat, sementara mereka berdua tidak dapat mengemukakan bukti yang jelas, maka perkataan yang mesti dijadikan pegangan adalah perkataan pemilik barang atau mereka berdua saling mengundurkan diri (daripada meneruskan bertransaksi)." (Diriwayatkan oleh *al-Khamsah* dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 803)

Makna Hadith

Menurut Abu Dawud, *asbab al-wurud* hadith ini adalah al-Asy'ats membeli seorang hamba dari Ibn Mas'ud (r.a) dengan harga dua puluh ribu, kemudian Abdullah membayarnya dengan mengirimkan jumlah harga pembelian hamba itu dan berkata: "Sebenarnya aku membelinya dengan harga sepuluh ribu." Mendengar itu, Abdullah berkata: "Kalau begitu, lantik seorang lelaki yang dapat dijadikan sebagai saksi untuk menyelesaikan pertelingkahan antara diriku denganmu berkaitan masalah kita ini."

Al-Asy'ats berkata: "Masalah kita ini boleh diselesaikan antara kita berdua saja." Abdullah berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda, kemudian beliau membacakan hadith di atas bahawa jika kedua-dua pihak (pembeli dan penjual) berselisih pendapat, sementara mereka berdua tidak dapat mengemukakan bukti yang jelas, maka perkataan yang mesti dijadikan pegangan adalah perkataan pemilik barang atau mereka berdua saling mengundurkan diri (daripada meneruskan bertransaksi).

Kisah ini yang disebut dalam hadith ini sering sekali berlaku dalam kehidupan seharian terlebih lagi jika kejadian ini dalam masalah transaksi dalam berjual beli.

Analisis Lafaz

"الْمُتَبَايِعَانِ", dalam riwayat yang lain disebutkan "البيِّعان" maksudnya penjual dan pembeli. Di sini tidak disebut masalah apa yang sedang dipertikai sama ada masalah yang dipertikai itu harga, barang yang diniagakan atau malah sesuatu yang berkaitan dengan syaratnya. Bentuk kalimat dalam hadith ini adalah umum, kerana ia tidak berkaitan dengan kes-kes tertentu. Itulah sebabnya Ibn Mas'ud tidak merasa ragu lagi untuk menyebut secara berulang-ulang selagi kes berkenaan ada kaitan dengan apa yang digambarkan hadith ini.

"بَيِّنَةٌ", sesuatu yang mesti dilakukan bagi membuktikan kesahihan salah seorang yang sedangbertikai.

"فَالْقَوْلُ مَا يَقُولُ", perkataan yang mesti dijadikan sebagai pegangan adalah apa yang dikatakan.

"رَبُّ السِّلْعَةِ", pemilik barang, pengurus atau wakil pemilik barang itu.

"يَتَتَارَكَانِ", membatalkan jual beli atau akad yang telah disepakati oleh mereka berdua.

Fiqh Hadith

1- Dianjurkan menyebutkan kedudukan suatu permasalahan[2] sebelum menetapkan dan menyebut hukumnya.

2- Dibolehkan membuang *mafhum* (konteks pemahaman) yang menjadi topik pembicaraan.

---

[2] Kedudukan suatu permasalahan adalah permasalahan yang berkaitan secara langsung dengan hukum, di mana jika tidak ada permasalahan itu, maka tidak ada pula ketentuan hukum.

3- Dibolehkan menggunakan istilah *rabb* untuk menyebut seseorang apabila bertujuan menegaskan kepemilikan seseorang terhadap suatu barang, walaupun barang itu adalah haiwan.
4- Wajib menuntut bukti bagi membuktikan kesahihan salah satu dakwaan orang yang sedang bertikai sebelum menerima dan membenarkan perkataan penjual.
5- Wajib menerima dan membenarkan perkataan penjual, namun tidak demikian dengan perkataan pembeli, bahkan perkataannya mesti diselidiki terlebih dahulu dan pembeli bebas sama meneruskan pembelian mengikut keterangan yang telah diungkapkan penjual atau malah membatalkan transaksi itu. Pembeli tidak diwajibkan untuk membeli suatu barang dan demikian pula penjual, dia tidak wajib menjual barang miliknya melainkan atas landasan redha. Jika kedua-dua pihak tidak mencapai kesepakatan, mereka boleh membatalkan pembelian atau penjualan yang telah mereka sepakati.

Tetapi ulama berbeza pendapat dalam masalah ini. Imam Malik dan Imam al-Syafi'i berkata: "Seorang penjual wajib disuruh bersumpah atas nama Allah dengan berkata: 'Hendaklah kamu bersumpah atas nama Allah bahawa kamu tidak menjual barangmu kecuali dengan harga yang telah aku katakan'." Jika penjual telah mengucapkan lafaz sumpah ini, maka harus dikatakan pula kepada pembeli: "Kamu boleh mengambil barang dagangan ini dengan harga yang dikatakan penjual atau bersumpah dengan berkata: "Aku tidak akan membeli barang dagangan tersebut kecuali dengan harga yang aku katakan'." Jika telah bersumpah, maka pembeli bebas daripada kesalahan sementara barang tersebut dipulangkan kepada penjual sama ada barang itu masih wujud atau sebaliknya.

Abu Hanifah dan sekumpulan ulama yang lain berkata: "Perkataan yang mesti dijadikan pegangan adalah perkataan pembeli yang disertai dengan sumpah." Mereka mendakwa hadith Ibn Mas'ud ini bersifat umum yang telah dikhususkan oleh hadith-hadith tentang pendakwaan.

٤- عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ ثَمَنِ الْكَلْبِ، وَمَهْرِ الْبَغِيِّ، وَحُلْوَانِ الْكَاهِنِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

4. Daripada Ibn Mas'ud al-Anshari (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang daripada menerima hasil jualan anjing, upah yang diterima pelacur dan bayaran yang diterima oleh seorang bomoh." (Muttafaq 'alaihi: 804)

Makna Hadith

Hadith ini merupakan landasan yang melarang daripaada menerima hasil jualan sesuatu barang tidak dibenarkan atau sesuatu barang yang tidak mempunyai nilai, sementara alasan menyebut kedua-dua bentuk pekerjaan ini, kerana keduanya merupakan dua perkara yang amat masyhur pada zaman Jahiliah, manakala hukum haram ketiga yang dalam hal ini adalah hasil jualan anjing adalah kerana haiwan ini najis, dan oleh kerananya menerima hasil jualan haiwan najis ini turut diharamkan.

Analisis Lafaz

"نَهَى عَنْ ثَمَنَ الْكَلْبَ", kalimat ini bermaksud diharamkan daripada menerima harga atau hasil menjual anjing.

"مَهْرَ", asal makna mahar menurut syarak adalah sesuatu yang diwajibkan kepada seorang lelaki untuk diberikan kepada wanita yang bakal dikahwininya. Apapun, maksud mahar di sini adalah upah yang diambil oleh seorang pelacur di atas layanan seks yang telah diberikannya. Penggunaan istilah ini disebutkan sebagai majaz.

"الْبَغَيِّ", menurut al-Azhari huruf ba' dalam kalimat ini dibaca baris fatah, huruf ghain pula dibaca kasrah (ــِـ) dan huruf ya' pula dibaca tasydid (ّ) yang bermaksud penghibur atau penyanyi. Hal ini berbeza dengan pendapat jumhur yang mengatakan bahawa kalimat ini bermaksud pezina.

"حُلْوَانَ", kalimat ini merupakan *mashdar* dari kalimat "حلوته حلوانا" jika memberikan suatu yang menyenangkan orang lain. Asal kalimatnya adalah "الحلاوة" yang bermaksud gula-gula atau sesuatu yang menggiurkan. Kaitan kalimat ini dengan konteks ini hadith ini adalah kerana seorang bomoh tidak perlu lagi bersusah payah untuk mendapatkan wang, di mana seorang bomoh mengambilnya sebagai upah di atas perkhidmatannya sebagai bomoh.

"الْكَاهَنَ", orang yang memberikan berita tentang masa akan datang malah kadang kala dia mengaku mampu mengetahui dan menyingkap segala bentuk rahsia alam ghaib. Orang ini sama dengan tukang tilik, dukun dan masih banyak lagi istilah-istilah lain untuk orang yang memiliki kerjaya seperti ini.

Fiqh Hadith

1. Diharamkan memakan dan mengambil harga jual beli anjing, sama ada anjing *mu'allam* (anjing yang telah dilatih untuk berburu) ataupun sebaliknya, sama ada anjing yang sengaja dijadikan sebagai haiwan peliharaan ataupun sebaliknya. Kesimpulan hukum haram

ini adalah barang siapa yang membunuh anjing, maka dia tidak perlu membayar ganti rugi atau membayar harga anjing itu kepada pemiliknya. Inilah pendapat jumhur ulama. Namun menurut Imam Abu Hanifah, boleh menjual anjing dan mengambil bayaran lantaran anjing itu dibunuh atau dibinasakan dan ini berlandaskan hadith yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i, meskipun kesahihan hadith ini masih diragui. Imam Malik pula berkata: "Tidak boleh menjual anjing, tetapi orang yang membinasakannya wajib membayar ganti kepada pemiliknya.

2. Seorang pelacur diharamkan mengambil upah kerana telah melacurkan dirinya. Ibn al-Qayyim berkata: "Orang yang mengambil upah kerana telah melacurkan dirinya wajib menyedehkahkan penghasilannya itu dan dia tidak perlu boleh memulangkan bayaran itu kepada orang yang telah membayarnya, kerana dia telah membayar pelacur tersebut dengan kehendaknya sendiri di samping bayaran itu disebabkan adanya pertukaran manfaat dan oleh kerananya, pembayar tidak dibolehkan supaya apa yang telah dibayarnya segera dipulangkan kepada dirinya.
3. Seorang bomoh diharamkan mengambil upah kerana telah memberi perkhidmatan sebagai bomoh.
4. Haram berzina, kerana jika zina itu dibolehkan, Rasulullah (s.a.w) tentu tidak mengharamkan mengambil upah pelacur, malah hukum haram ini telah dinyatakan secara tegas dalam al-Qur'an bahawa:

   وَلَا تَقْرَبُوا۟ ٱلزِّنَىٰٓ ۖ إِنَّهُۥ كَانَ فَٰحِشَةً وَسَآءَ سَبِيلًا ﴿٣٢﴾

   "*Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).*" (Surah al-Isra': 32).
5. Haram menjadi bomoh, di samping haram mempercayai dan bertanyakan sesuatu kepada bomoh. Dalam hadith sahih, Rasulullah (s.a.w) bersabda:

   مَنْ أَتَى عَرَّافًا فَسَأَلَهُ عَنْ شَيْءٍ لَمْ تُقْبَلْ لَهُ صَلاَةٌ أَرْبَعِينَ يَوْمًا.

   "Barang siapa yang mendatangi bomoh dan bertanyakan sesuatu kepadanya, maka solatnya tidak diterima (oleh Allah) selama empat puluh hari." (Diriwayatkan oleh Muslim).

Perawi Hadith

Beliau adalah 'Uqbah bin Tsa'labah bin 'Amr al-Khazraji al-Anshari al-Badri, beliau menyaksikan peranjian al-Aqabah Kedua, tetapi ulama berbeza pendapat sama ada beliau menyaksikan Perang Badar atau sebaliknya.

Pendapat yang paling kuat mengatakan beliau meninggal dunia pada tahun 40 H. Ulama hadith *al-Sab'ah* meriwayatkan hadithnya manakala Rib'i bin Hirasy, Syaqiq bin Salmah, 'Alqamah dan lain-lain meriwayatkan hadith daripadanya.

٥- عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ كَانَ يَسِيرُ عَلَى جَمَلٍ لَهُ أَعْيَا. فَأَرَادَ أَنْ يُسَيِّبَهُ. قَالَ: فَلَحِقَنِي النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَدَعَا لِي، وَضَرَبَهُ، فَسَارَ سَيْراً لَمْ يَسِرْ مِثْلَهُ، قَالَ: "بِعْنِيهِ بِوُقِيَّةٍ"، قُلْتُ: لاَ. ثُمَّ قَالَ: "بِعْنِيهِ" فَبِعْتُهُ بِوُقِيَّةٍ، وَاشْتَرَطْتُ حُمْلاَنَهُ إِلَى أَهْلِي، فَلَمَّا بَلَغْتُ أَتَيْتُهُ بِالْجَمَلِ، فَنَقَدَنِي ثَمَنَهُ، ثُمَّ رَجَعْتُ فَأَرْسَلَ فِي أَثَرِي. فَقَالَ: "أَتُرَانِي مَاكَسْتُكَ لِآخُذَ جَمَلَكَ؟ خُذْ جَمَلَكَ وَدَرَاهِمَكَ فَهُوَ لَكَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَهَذَا السِّيَاقُ لِمُسْلِمٍ.

5. Daripada Jabir bin Abdullah bahawa beliau berada di atas untanya yang sudah tersangat letih ketika dalam suatu perjalanan dan keadaan inilah yang mendorongnya untuk membiarkan untanya itu bebas berkeliaran. Jabir berkata: "Rasulullah (s.a.w) kemudian menghampiriku lalu baginda memanggilku." Jabir pun segera memukul untanya sehingga unta itu berjalan tidak seperti biasanya, kemudian baginda berkata: "Juallah untamu ini kepadaku seharga satu *auqiyyah*." Saya berkata: "Tidak." Baginda berkata lagi: "Juallah unta itu kepadaku." Saya lalu menjual unta tersebut kepada baginda seharga satu *auqiyyah* tetapi saya mengemukakan syarat supaya barang yang dibawa oleh unta itu dibawa sampai ke rumah saya. Sebaik tiba di rumah, saya membawa untaku itu kepada Rasulullah (s.a.w), lalu baginda memberiku harga unta itu, kemudian saya pulang. Setelah itu, Rasulullah (s.a.w) mengutus seseorang mendatangiku dan berkata: "Apakah kamu mengira ketika aku memintamu menurunkan harga untamu itu bertujuan untuk mengambil untamu itu? Ambillah unta dan wang dirham kamu itu, sesungguhnya ia tetap menjadi hak milikmu." (Muttafaq alaih: 805)

Makna Hadith

Hadith ini merupakan sebahagian daripada hadith yang amat panjang. Ibn Hajar sengaja memotong hadith ini untuk mengemukakan suatu dalil bagi suatu keadaan yang kerap berlaku ketika berjual beli, di mana pembeli dibolehkan meminta harga barang supaya diturunkan dan permintaan supaya suatu barang dijual oleh pemiliknya walaupun pemilik sama sekali tidak berniat untuk menjual barang miliknya itu. Semua itu dibolehkan selagi bersesuaian dengan syarat-syarat yang dikemukakan oleh penjual dan pembeli ketika bertransaksi.

Analisis Lafaz

"أَعْيَا", keletihan kerana melakukan perjalanan jauh.

"يُسَيِّبَهُ", membiarkan dan melapaskannya bebas berjalan.

"حُمْلاَنَهُ", barangan yang dibawanya.

"نَقَدَنِي", baginda memberiku harga secara tunai.

"أَثَرِي", di belakangku.

"أَتُرَانِي", apakah kamu mengira?.

"مَاكَسْتُكَ", aku memintamu untuk mengurangi harga.

Fiqh Hadith

1. Dianjurkan menyebut sesuatu dengan tujuan menambah kefahaman dengan syarat bersesuaian dengan kenteks perbahasan.
2. Betapa besar perhatian Rasulullah (s.a.w) kepada umatnya, malah tidak ketinggalan baginda turut mengambil berat urusan haiwan salah seorang umatnya.
3. Orang alim boleh mendoakan masyarakat awam.
4. Dibolehkan memukul haiwan dengan tujuan mahu berjalan atau berlari.
5. Dibolehkan meminta seseorang supaya menjual barang miliknya meskipun sebelumnya dia tidak mengungkapkan hasratnya untuk menjual barang miliknya.
6. Dibolehkan menawarkan barang dengan menentukan harganya.
7. Dibolehkan membatalkan jual beli tanpa harus menyebut apa alasannya.
8. Dibolehkan mengulangi permintaan kepada seseorang supaya dia mahu menjual barangnya dengan harapan muncul hasrat baru di dalam diri penjual untuk menjual barangnya.
9. Dibolehkan meminta diskaun atau pengurangan harga suatu barang daripada pemilik barang.
10. Seseorang yang menawar harga bagi suatu barang, kemudian dia mengulangi hasratnya untuk membeli barang itu bererti orang itu berhasrat membelinya mengikut harga yang telah disebutkan sebelumnya.
11. Dibolehkan mengemukakan syarat terhadap barang yang hendak dijual dan inilah yang dikenali dengan istilah pengecualian. Dalam masalah ini ulama berbeza pendapat:

Pertama, pengecualian dalam berjual beli sememangnya dibolehkan sedangkan larangan berjual beli dengan syarat merupakan hadith yang daif dan demikian pula dengan hadith jual beli dengan pengecualian, di mana sebahagian bunyi hadithnya adalah: "kecuali jika dia mengetahuinya." Jadi, apa yang dilarang dalam hadith ini adalah syarat yang tidak diketehui. Inilah pendapat Imam Ahmad dan Ishaq sekali gus pendapat yang paling kuat.

Kedua, pengecualian dalam berjual beli dibolehkan jika masa dan waktunya berdekatan, iaitu tidak melebihi waktu tiga hari.

Ketiga, berjual beli dengan syarat pengecualian tidak dibolehkan dan ia dikatagorikan sebagai jual beli yang *fasid* (rusak). Ini pendapat Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah. Mereka mengemukakan dalil bahawa Nabi (s.a.w) melarang berjual beli dengan pengecualian. (Diriwayatkan oleh Muslim). Mereka membantah hadith Jabir ini bahawa Nabi (s.a.w) meminjamkan unta itu kepada Jabir dan ada kemungkinan lain di mana Jabir meminta syarat itu dan bukannya satu persyaratan yang mesti dilaksanakan di mana dalam riwayat lain disebutkan: "Aku memerlukan belakangnya." Kalimat ini digunakan orang Arab dalam bentuk pinjam-meminjam.

12. Betapa Rasulullah (s.a.w) amat berbelas kasihan dengan segenap individu umatnya.
13. Meminta maaf amat dianjurkan walaupun itu tidak diminta oleh pihak lawan.
14. Berbuat baik kepada orang yang diharapkan dapat bersedekah ke atas dirinya dan bersedekah dengan cara yang baik sehingga tidak memberatkan kedua-dua pihak.

٦- وَعَنْهُ قَالَ: "أَعْتَقَ رَجُلٌ مِنَّا عَبْداً لَهُ عَنْ دُبُرٍ لَمْ يَكُنْ لَهُ مَالٌ غَيْرُهُ، فَدَعَا بِهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَبَاعَهُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

6. Daripada Jabir bin Abdullah (r.a), beliau berkata: "Seorang lelaki di kalangan kami memerdekakan seorang hamba setelah kematian tuannya sementara dia tidak mempunyai harta, kemudian Nabi (s.a.w) memanggilnya kemudian menjualnya." (Muttafaq alaihi: 806)

Makna Hadith

Menurut al-Bukhari, ada dua perkara penting yang disampaikan hadith ini, iaitu:

Pertama, menjual harta orang muflis atau orang hilang kemudian membahagikannya kepada orang yang memberi pinjaman kepadanya,

atau memberikan harta itu kepada orang tidak berharta sehingga dengan demikian dia mampu menyara dirinya sendiri. Ini merupakan salah satu alasan menjualan suatu barangan. Dengan kata lain, memerlukan wang tunai seperti mana disebut dalam riwayat yang lain.

Kedua, dibolehkan menjual *mudabbar* (menjual hamba yang ditinggal mati oleh tuannya).

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", perawi hadith ini sama dengan perawi hadith sebelumnya, Jabir bin Abdullah (r.a).

"أَعْتَقَ رَجُلٌ مِنَّا عَبْداً", seorang lelaki Anshar. Dalam riwayat Muslim dinyatakan bahawa nama hamba dan orang yang memerdekakannya disebutkan di mana seorang lelaki Ansar yang dibernama Abu Madzkur memerdekakan seorang hamba yang ditinggal mati oleh tuannya dan dia bernama Ya'qub.

"عَنْ دُبُرٍ", setelah kematian tuannya, jika seorang tuan meninggal dunia, maka hambanya itu dikira merdeka. Diberi nama *al-Mudabbar* kerana orang yang memerdekakan itu telah memikirkan masa depan hambanya di dunia dengan tetap berkhidmat selagi tuannya masih hidup, namun jika meninggal dunia maka hambanya merdeka dan tuannya pula memperoleh ganjaran pahala di akhirat kelak. Dengan kata lain, tuannya lebih mengutamakan kemaslahatan masa depan hambanya jika tuannya itu kelak meninggal dunia.

Fiqh Hadith

1. Boleh menjual hamba *al-Mudabbar* sebelum tuannya meniggal dunia. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad, Ishaq dan sekumpulan ulama yang lain. Dalam kaitan ini, Imam Ahmad mengemukakan syarat bahawa tuannya itu memiliki kewajipan membayar hutang sebagaimana yang ditegaskan dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i.

   Menurut Imam Abu Hanifah dan pengikutnya, tidak boleh menjual hamba *al-Mudabbar* kecuali telah wujud ketentuan yang menyatakan: "Jika aku mati kerana sakit, maka kamu merdeka." Jika demikian, maka hamba itu boleh dijual.

   Menurut Imam Malik pula, boleh menjual hamba *al-Mudabbar* ketika tuannya hendak mati dan tidak boleh menjualnya ketika tuannya masih hidup. Pendapat yang lain daripada Imam Malik sama dengan pendapat Imam Ahmad menyatakan bahawa hamba itu boleh dijual dengan syarat tuannya memiliki kewajipan untuk

melangsaikan hutang.

2. Seorang pemimpin boleh mewakili penjualan hamba orang lain.
3. Seseorang yang muflis dilarang untuk mengurus apatah lagi membelanjakan harta miliknya.
4. Memerdekakan hamba setelah tuannya meninggalkan dunia (hamba *al-Mudabbar*) adalah amat digalakkan.

Penting

Ulama bersepakat jika seorang hamba menjadi merdeka setelah kematian tuannya maka hendaklah dia dianggap termasuk ke dalam satu pertiga harta yang ditinggalkan oleh si mati kecuali Imam al-Laits dan Zufar, di mana mereka mengatakan bahawa hamba itu dianggap termasuk ke dalam perkiraan seluruh harta si mati.

٧- عَنْ مَيْمُونَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -وَرَضِيَ اللهُ عَنْهَا- أَنَّ فَأْرَةً وَقَعَتْ فِي سَمْنٍ، فَمَاتَتْ فِيهِ، فَسُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْهَا. فَقَالَ: "أَلْقُوهَا وَمَا حَوْلَهَا، وَكُلُوهُ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ، وَزَادَ أَحْمَدُ وَالنَّسَائِيُّ: فِي سَمْنٍ جَامِدٍ.

7. Daripada Maimunah isteri Nabi (s.a.w) bahawa seekor tikus jatuh ke dalam minyak samin lalu tikus itu mati di dalamnya. Beliau kemudian menanyakan masalah itu kepada Rasulullah (s.a.w) dan baginda bersabda: "Buang bangkai itu tersebut dan minyak samin yang ada di sekitarnya lalu makanlah sisanya." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari, manakala Imam Ahmad dan al-Nasa'i pula menambahkan: "ke dalam minyak samin yang beku.": 807)

Makna Hadith

Hadith ini menjadi salah satu landasan hukum berkaitan benda cair seperti minyak atau air yang dijatuhi najis. Perlu diketahui najis tidak dapat merubah status dan kadar seluruh benda cair yang dijatuhinya, sebaliknya najis itu hanya mempengaruhi sebahagian kecil benda cair itu sahaja.

Analisis Lafaz

"أَلْقُوهَا وَمَا حَوْلَهَا", buanglah bangkai tikus itu dan sebahagian daripada minyak sapi yang menjadi tempat tikus itu jatuh. Jika tidak, seluruh minyak sapi mesti dibuang.

"وَكُلُوهُ", dan makanlah sisa minyak sapi itu sebagaimana disebut dalam riwayat lain: "Maka makanlah minyak sapi kamu itu."

"جَامِدٍ", sesuatu yang tidak berubah oleh adanya benda lain, sebaliknya ia tetap dalam bentuknya yang semula.

Fiqh Hadith

1. Seekor tikus yang sudah mati adalah najis
2. Ulama berbeza pendapat tentang kedudukan benda cair yang dijatuhi najis.
3. Benda cair yang dijatuhi najis berubah menjadi najis. Inilah pendapat jumhur ulama, namun pendapat ini dibantah oleh al-Awza'i dan al-Zuhri.
4. Sebahagian benda cair yang kental menjadi najis, namun tidak dianggap najis secara keseluruhan. Dalam hadith mursal yang diriwayatkan daripada Atha' disebutkan bahawa kadar yang wajib dibuang adalah selebar telapak tangan, namun pendapat yang lain mengatakan bahawa kadar yang wajib dibuang sekadar batas yang disentuh oleh benda najis itu sahaja. Ini jika bahagian-bahagian benda cair itu tidak bersentuhan secara langsung dengan tempat najis tersebut.
5. Wajib membuang najis yang jatuh pada sesuatu objek tertentu.

Penting

Hadith ini menegaskan bahawa minyak sapi yang dijatuhi najis tidak boleh digunakan lagi kerana berdasarkan sabda Rasulullah (s.a.w): "Buanglah bangkai tikus itu dan begitu pula minyak sapi yang ada di sekitarnya", namun pada pembahasan sebelum ini dinyatakan bahawa minyak tersebut boleh digunakan untuk tujuan selain makan dan alat memasak seperti digunakan untuk bahan bakar atau minyak untuk menyalakan lampu.

Periwayat Hadith

Maimunah binti al-Harits al-Hilaliyyah salah seorang isteri Rasulullah (s.a.w), namun pendapat lain mengatakan bahawa namanya adalah Barrah lalu baginda mengganti namanya dengan Maimunah. Beliau meninggal dunia di Saraf, salah satu tempat Rasulullah (s.a.w) melangsungkan akad nikah dengannya. Daerah ini terletak antara Makkah dengan Madinah. Beliau meninggal dunia pada tahun 51 Hijriah dan hadithnya diriwayatkan oleh *al-Sab'ah*.

Orang yang meriwayatkan hadith daripada Maimunah adalah anak saudarinya bernama Abdullah bin Abbas, anak saudaranya bernama Abdurrahman bin al-Sa'ib, anak saudarinya bernama Abdullah bin Syaddad, Yazin bin al-Ashamm, dan kedua orang mawlanya Atha bin Yasar serta Sulaiman bin Yasar dan lain-lain.

٨- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا وَقَعَتْ الْفَأْرَةُ فِي السَّمْنِ، فَإِنْ كَانَ جَامِداً فَأَلْقُوهَا وَمَا حَوْلَهَا، وَإِنْ كَانَ مَائِعًا فَلاَ تَقْرَبُوهُ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ، وَقَدْ حَكَمَ عَلَيْهِ الْبُخَارِيُّ وَأَبُو حَاتِمٍ بِالْوَهْمِ.

8. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika seekor tikus jatuh ke dalam minyak sapi dan minyak tersebut kental, maka hendaklah kamu membuangnya dan demikian pula minyak yang berada di sekitar tikus itu, namun jika minyak tersebut cair, maka janganlah kamu mendekatinya lagi." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud, manakala al-Bukhari dan Abu Hatim menilai hadith ini sebagai waham: 808)

Perbahasan berkaitan hadith ini telah pun dinyatakan sebelum ini. Di sini Ibn Hajar mengulanginya semula bagi menguatkan lagi hukum yang berkaitan masalah ini, kerana seluruh benda cair yang terkena najis berubah menjadi najis, berbeza dengan benda kental (tidak cair) jika najis jatuh ke dalamnya, maka apa yang perlu dibuang hanyalah benda yang mengelilingi najis tersebut sahaja.

Ibn Hajar turut menjelaskan perkataan al-Bukhari dan Abu Hatim dalam kitab Fath al-Bari dengan berkata: "Al-Tirmidhi menceritakan daripada al-Bukhari bahawa beliau berkata mengenai riwayat Ma'mar iaitu hadith yang diriwayatkan daripada Ibn Syihab daripada Sa'id daripada Abu Hurairah, bahawa menurut al-Bukhari, hadith ini salah."

Ibn Abu Hatim dalam kitab 'Ilal al-Hadith berkata daripada ayahnya: "Hadith ini waham." Malah menurut al-Tirmidhi, hadith ini syadz.

Menurut al-Dzuhali dalam al Zuhriyahat, kedua-dua jalur pada kami sama-sama kuat namun jalur Ibn Abbas daripada Maimunah lebih masyhur.

٩- عَنْ أَبِي الزُّبَيْرِ قَالَ: سَأَلْتُ جَابِرًا عَنْ ثَمَنِ السِّنَّوْرِ وَالْكَلْبِ؟ فَقَالَ: زَجَرَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ذَلِكَ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ، وَالنَّسَائِيُّ وَزَادَ: إِلاَّ كَلْبَ صَيْدٍ.

9- Daripada Abu al-Zubair, beliau berkata: "Saya bertanya kepada Jabir (r.a) tentang hukum harga kucing dan anjing, kemudian beliau berkata:

"Rasulullah (s.a.w) melarang daripada yang demikian itu." (Diriwayatkan oleh Muslim manakala al-Nasa'i pula menambahkan: "kecuali anjing pemburu.": 809)

Makna Hadith

Rasulullah (s.a.w) melarang daripada memakan hasil jual beli kucing dan anjing, kecuali anjing pemburu.

Analisis Lafaz

"زَجَرَ", melarang dengan keras.

"السِّنَّوْر", dengn membaca *kasrah* (ـــِـ) huruf *sin* dan membaca *fatah* (ـــَـ) huruf *nun* yang ber-*tasydid* (ـّ) serta membaca *sukun* (ـْ) huruf *waw* di mana setelah huruf tersebut adalah huruf *waw,* ia bermaksud kucing.

Penting

Al-Nasa'i setelah mengemukakan tambahan "kecuali anjing pemburu" berkata: "Tambahan ini munkar." Oleh itu Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari berkata: "Al-Nasa'i meriwayatkan dengan sanad yang periwayat adalah thiqoh namun beliau malah meragui kesahihan hadith ini."

Sedangkan Ibn Hibban, Ibn al-Jauzi dan ramai lagi pula turut menilai daif hadith ini.

Fiqh Hadith

1. Diharamkan berjual beli anjing secara mutlak. Inilah pendapat jumhur ulama sebagaimana yang turut disebut dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Mas'ud sebelum ini.
2. Diharamkan berjual beli kucing. Inilah pendapat Abu Hurairah, Thaus, Mujahid dan Jabir, namun pendapat ini dibantah oleh jumhur ulama di mana mereka membolehkan berjual beli kucing, bahkan mereka mengemukakan dua bantahan ke atas hadith di atas:

   Pertama, kedudukan hadith ini daif, tetapi pernyataan ini ditolak kerana hadith ini diriwayatkan oleh Muslim dan sandanya pula sahih.

   Kedua, larangan ini bersifat peringatan, tetapi pendapat ini juga lemah, kerana ia bercanggah dengan zahir hadith di atas, tambahan pula pengharamannya pula diiringi dengan pengharaman harga anjing, sementara menurut jumhur ulama harga anjing diharamkan, bukannya makruh.

Penting

Meskipun diharamkan memakan hasil jual beli anjing dan kucing, namun tidak dilarang memeliharanya dengan syarat anjing itu dijadikan sebagai penjaga haiwan ternakan atau sebagai pemburu. Dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim diseburkan satu hadith:

مَنْ اقْتَنَى كَلْبًا إِلاَّ كَلْبَ صَيْدٍ نُقِصَ مِنْ أَجْرِهِ كُلَّ يَوْمٍ قِيرَاطَانِ.

"Barang siapa memelihara anjing selain anjing untuk berburu, Allah akan mengurangi ganjaran pahalanya setiap hari sebanyak dua qirath[3]*."*

Dalam lafaz Muslim dan lainnya disebutkan:

إِلاَّ كَلْبَ صَيْدٍ أَوْ زَرْعٍ أَوْ مَاشِيَةٍ.

"kecuali anjing yang digunakan untuk berburu, menjaga tanaman dan haiwan ternakan." Sedangkan memelihara kucing telah pun dibolehkan dalam satu hadith:

إِنَّهَا مِنَ الطَّوَّافِيْنَ عَلَيْكُمْ وَالطَّوَّافَاتِ.

"Ia (kucing) termasuk haiwan jinak yang sering bergaul dengan kamu".

١٠- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: جَاءَتْنِي بَرِيرَةُ، فَقَالَتْ: كَاتَبْتُ أَهْلِي عَلَى تِسْعِ أُوَاقٍ، فِي كُلِّ عَامٍ أُوقِيَّةٌ، فَأَعِينِينِي. فَقُلْتُ: إِنْ أَحَبَّ أَهْلُكِ أَنْ أَعُدَّهَا لَهُمْ وَيَكُونَ وَلاَؤُكِ لِي فَعَلْتُ، فَذَهَبَتْ بَرِيرَةُ إِلَى أَهْلِهَا. فَقَالَتْ لَهُمْ: فَأَبَوْا عَلَيْهَا، فَجَاءَتْ مِنْ عِنْدِهِمْ، وَرَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَالِسٌ. فَقَالَتْ: إِنِّي قَدْ عَرَضْتُ ذَلِكَ عَلَيْهِمْ فَأَبَوْا إِلاَّ أَنْ يَكُونَ الْوَلاَءُ لَهُمْ، فَسَمِعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَخْبَرَتْ عَائِشَةُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَقَالَ: خُذِيهَا وَاشْتَرِطِي لَهُمُ الْوَلاَءَ، فَإِنَّمَا الْوَلاَءُ لِمَنْ أَعْتَقَ فَفَعَلَتْ عَائِشَةُ، ثُمَّ قَامَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي النَّاسِ خَطِيباً، فَحَمِدَ اللهَ وَأَثْنَى عَلَيْهِ. ثُمَّ قَالَ: "أَمَّا بَعْدُ، مَا بَالُ رِجَالٍ يَشْتَرِطُونَ شُرُوطاً لَيْسَتْ فِي كِتَابِ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ مَا كَانَ مِنْ شَرْطٍ لَيْسَ فِي كِتَابِ اللهِ فَهُوَ بَاطِلٌ، وَإِنْ كَانَ مِائَةَ

[3] Satu qirath sama dengan 5 % dinar.

شَرْطٍ، قَضَاءُ اللهِ أَحَقُّ، وَشَرْطُ اللهِ أَوْثَقُ، وَإِنَّمَا الْوَلَاءُ لِمَنْ أَعْتَقَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ. وَعِنْدَ مُسْلِمٍ فَقَالَ: اِشْتَرِيهَا وَأَعْتِقِيهَا وَاشْتَرِطِي لَهُمُ الْوَلَاءَ.

10. Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Barirah datang kepadaku dan berkata: 'Sesungguhnya aku pernah menulis perjanjian merdeka daripada statusku sebagai hamba kepada majikanku sebanyak sembilan *auqiyah*. Setiap tahun mesti membayar satu *auqiyah*. Jadi bantulah saya. Maka saya pun berkata: 'Jika majikanmu bersedia bahawa wang yang kusediakan kepada mereka itu bakal menisbahkan kemerdekaanmu itu kelak kepadaku, aku bersedia memerdekakanmu'. Barirah kemudian mendatangi majikannya dan menceritakan kepada mereka apa yang telah ditawarkan oleh Aisyah, tetapi mereka enggan menerima tawaran itu. Barirah kemudian mendatangi mereka sedangkan Rasulullah (s.a.w) sedang duduk. Barirah berkata: 'Sesungguhnya saya telah menawarkan perihal ini kepada mereka, tetapi mereka enggan menerimanya melainkan kemerdekaanku tetap dinisbahkan kepada mereka. Rasulullah (s.a.w) mendengar perkataan ini, kemudian Aisyah memberitahu kejadian ini kepada baginda lalu baginda bersabda: "Ambillah dia (Barirah) dan berikan kepada mereka hak kemerdekaannya, kerana kemerdekaan mesti dinisbahkan kepada orang yang memerdekakan." Aisyah kemudian melakukan perintah Rasulullah (s.a.w) itu, kemudian baginda berdiri di hadapan orang ramai, lalu memuji Allah kemudian berkata: 'Amma ba'du, apa gerangan yang difikirkan oleh sekumpulan lelaki itu? Mereka mengemukakan syarat-syarat yang pada hakikatnya tidak tercantum di dalam kitab Allah? Setiap syarat yang tidak tercantum dalam Kitab Allah adalah batil, meskipun jumlah syarat itu sebanyak seratus syarat. Ketetapan Allah lebih benar dan syarat Allah lebih jelas. Sesungguhnya kemerdekaan dinisbahkan bagi orang yang memerdekakan hamba sahaya'." (Muttafaq alaih dan lafaz hadith ini milik al-Bukhari).

Manakala lafaz Muslim pula berbunyi: "Belilah dia (Barirah) lalu merdekakanlah dia kemudian kemukakan syarat kemerdekaan kepada mereka.": 810.

Makna Hadith

Allah telah menentukan satu ketetapan dan menetapkan satu kewajipan. Setiap muslim wajib mematuhinya dan tidak dibolehkan melanggarnya. Dia tidak boleh melakukan sesuatu yang tidak diperintahkan Allah. Seorang muslim tidak boleh mengemukakan syarat yang bercanggah dengan hukum Allah sebagaimana yang berlaku kepada Barirah yang telah mengadakan perjanjian kemerdekaan antara dirinya dengan tuannya, kemudian membeli dirinya dengan harta yang telah diberikan kepada mereka. Dia kemudian meminta bantuan orang lain untuk mengumpul wang tebusan untuk kemudian diberikan kepada tuannya namun mereka mengemukakan syarat

bahawa kemerdekaan tetap menjadi hak mereka. Mereka pada hakekatnya tidak memerdekakan Barirah, kerana kemerdekaan hanya dinisbahkan kepada orang yang memerdekakan. Jadi jelaslah syarat yang mereka kemukakan bercanggah dengan kaidah dalam ajaran Islam. Ini kerana orang yang membayar dan memerdekakan Barirah pada hakekatnya adalah Aisyah dan beliaulah yang berhak memperoleh hak penisbahan kemerdekaan, sementara mereka (tuan Barirah) tidak memerdekakan dirinya, sebaliknya mereka hanya memegang harga tebusan Barirah.

Analisis Lafaz

"بَرِيرَةُ", dengan membaca *fathah* huruf ba' mengikut wazan *fa'iah*, ia berasal dari kalimat *al-Barir* yang bermaksud buah kayu al-Arak, namun pendapat lain mengatakan kalimat ini mengikut wazan *fa'ilah* dan berasal dari kalimat *al-Birr* yang bermaksud *maf'ulah*.

"كَاتَبْتُ", aku mengadakan perjanjian atau transaksi dan inilah yang disebut dalam firman Allah:

.... فَكَاتِبُوهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا ۖ .... ﴿٣٣﴾

"*... hendaklah kamu buat perjanjian dengan mereka, jika kamu mengetahui ada kebaikan pada mereka*." (Surah al-Nur: 33) Dalam kaitan ini seorang hamba membayar sejumlah wang kepada tuannya supaya memerdekakannya daripada statusnya sebagai hamba sahaya.

"أَهْلِي", orang-orang yang memiliki Barirah. Mereka adalah sekumpulan orang Anshar sepertimana yang diterangkan dalam riwayat al-Nasa'i: "Barirah menjadi pembantu mereka (orang-orang Anshar) dan dia pula sering membantu keperluan Aisyah. Oleh itu, Barirah sering kali meminta bantuan Aisyah supaya dapat memerdekakan dirinya."

"تِسْعِ أُوَاقٍ، فِي كُلِّ عَامٍ أُوقِيَّةٌ", dalam riwayat al-Bukhari dikatakan: "وعليها خمس أواقي نجمت على خمس سنين" dan ini membawa maksud bahawa ia menyebutkan sisanya dan pada asalnya sebanyak sembilan auqiyah.

"أَعُدَّهَا لَهُمْ", aku membayarnya kepada mereka sekali gus. Dalam riwayat lain menggunakan lafaz: "أصبها لهم"

"وَيَكُونَ وَلاَؤُكِ لِي فَعَلْتُ", dalam riwayat lain disebutkan dengan makna yang lebih jelas lagi: "أعدها لهم عدة واحدة، واعتقك، ويكون ولاؤك لي" 'Aku membayar kepada mereka dengan sekali bayaran kemudian hak memerdekakanmu menjadi hak milikku.' Hadith ini menggambarkan kepada kita bahawa dia ingin membelinya dengan cara pembelian yang betul, kemudian memerdekakannya, kerana memerdekakan merupakan sebahagian daripada cara memiliki seorang hamba. Hal ini dijelaskan lagi oleh riwayat lain yang di antaranya: "ابتاعي فأعتقي" 'Belilah lalu merdekakanlah!'. Dalam riwayat

lain disebutkan: “خذيها” ‘Ambillah dia’.

Dalam riwayat yang lain pula, Barirah berkata: “Belilah daku kemudian merdekakanlah daku.” Aisyah kemudian berkata: “Ya, aku akan membeli dan memerdekakanmu. Manakala dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Umar disebutkan: “أرادت عائشة أن تشتري جارية فتعتقها” ‘Aisyah ingin membeli seorang hamba perempuan untuk dimerdekakan.”

Dalam riwayat lain yang diriwayatkan daripada Aisyah, beliau berkata: “Aku membeli Barirah untuk aku merdekakan, sementara keluarganya memberi syarat bahawa hak kemerdekaannya menjadi kepunyaan keluarganya sendiri.” Kesemua riwayat ini merujuk kepada lafaz hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari.

“فَقَالَتْ لَهُمْ”, kebebasan dan kemerdekaanmu dinisbahkan kepadaku dan oleh kerananya, Barirah mawla Aisyah.

“وَيَكُونَ وَلاَؤُكِ”, Barirah mengemukakan apa yang dikatakan oleh Aisyah kepada keluarganya.

“فَأَبَوْا”, mereka menolak dan enggan memberi hak kemerdekaannya kepada Aisyah, padahal mereka bersetuju dengan harga kemerdekaannya.

“خُذِيهَا”, belilah dia.

“وَاشْتَرِطي لَهُمُ الْوَلاَءَ”, menurut Imam al-Syafi’i dan sekumpulan ulama, makna “لهم” adalah ‘kepada mereka’. Dengan erti kata lain, berikan syarat kepada mereka bahawa hak kemerdekaannya menjadi miliki mereka sendiri, sementara hak tersebut menjadi hak milikmu bukan milik mereka.

Namun Imam al-Nawawi dan sebahagian ulama pengikut al-Syafi’i mengingkari yang pendapat itu berasal dari Imam al-Syafi’i. Bagi mereka, makna perkataan ini ‘berikan syarat kepada mereka’ adalah meskipun hak kemerdekaan Barirah dinisbahkan kepada mereka, tetapi engkau tetap orang yang berhak memilikinya. Syarat sebegini tentu dapat menggembirakan mereka secara zahir tetapi hukumnya tidak demikian, kerana penisbahan kemerdekaan tetap menjadi milikmu, bukan milik keluarga Barirah. Jadi syarat ini tidak memberi sebarang keuntungan kepada mereka. Apapun, hak milik kemerdekaan tetap bukan hak milik keluarga Barirah.

“لَيْسَتْ فِي كِتَابِ اللهِ”, ketentuan yang tidak terdapat di dalam syari’at yang diwajibkan oleh Allah kepada hamba-Nya. Kenyataan ini lebih bersifat umum daripada ketetapan yang terdapat di dalam al-Qur’an atau Sunnah.

“قَضَاءُ اللهِ أَحَقُّ”, dengan mengikutinya daripada syarat-syarat yang bertentangan dengan ketentuan Allah.

“شَرْطُ اللهِ أَوْثَقُ”, dengan mengikuti ajaran dan ketetapan yang telah ditentukan oleh Allah. Perumpamaan di sini tidak boleh difahami sesuai dengan kedaan yang sebenarnya, kerana tidak ada persamaan antara yang hak dan yang batil, di samping lafaz kalimat *tafdhil* sering kali disebutkan dengan membawa maksud yang berbeza dengan maksud asalnya.

"إِنَّمَا الْوَلاَءُ لِمَنْ أَعْتَقَ", bukan kepunyaan orang yang tidak memerdekakan, kerana kalimat "إنما" sebagai kalimat yang membawa maksud penyempitan.

Fiqh Hadith

1. Disyariatkan melakukan transaksi pemerdekaan antara hamba dengan tuannya dalam bentuk pembayaran sejumlah wang sebagai tebusan.
2. Pembayaran hendaklah dalam bentuk wang yang telah ditentukn.
3. Disyariatkan membayar wang tebusan pemerdekaan secara beransur-ansur bagi memudahkan proses pemerdekaan hamba sahaya berkenaan.
4. Dibolehkan meminta bantuan orang lain untuk membayar wang tebusan kemerdekaannya.
5. Disunatkan menghulurkan bantuan kepada hamba sahaya *mukatab* yang sedang dalam proses untuk memerdekakan dirinya atau membelinya kemudian memerdekakannya.
6. Seorang hamba perempuan dibolehkan melakukan usaha *mukatabah* (memerdekakan dirinya daripada status perhambaan) sama seperti seorang hamba lelaki, meskipun suami tidak memberinya kebenaran untuk berbuat demikian. Hal ini sebagaimana dijelaskan dalam sebahagian riwayat hadith.
7. Seorang hamba perempuan dibolehkan bekerja dan larangan bekerja bagi seorang hamba adalah jika pekerjaannya itu tidak jelas atau bekerja bukan untuk tujuan memerdekakan dirinya (*mukatabah*).
8. Dibolehkan meninggikan suara ketika mengingkari kemungkaran. Hal ini sebagaimana telah dijelaskan dalam sesetengah riwayat hadith yang membolehkan berbuat demikian.
9. Seseorang yang berhasrat membeli hamba untuk kemudian dimerdekakannya boleh memberitahu dan menceritakannya kepada orang lain yang berkemampuan dengan tujuan mereka mahu menghulurkan bantuan untuk memerdekakan hamba berkenaan, dan tindakan ini tidak dikategorikan sebagai riya'.
10. Jual beli tunai lebih baik daripada jual beli berhutang (kredit).
11. Dibolehkan mempercepatkan waktu pembayaran *mukatabah* daripada waktu yang telah ditentukan, tetapi seorang tuan tidak boleh memaksanya untuk berbuat demikian.
12. Dibolehkan melakukan *mukatabah* (perjanjian kemerdekaan) mengikut harga hamba berkenaan, baik lebih murah ataupun lebih mahal daripada harga asal.

13. Maksud "الخير" dalam firman Allah: "إِنْ عَلِمْتُمْ فِيهِمْ خَيْرًا" (Surah al-Nur: 33) adalah memiliki keupayaan untuk bekerja dan mampu membayar tebusan kemerdekaan dirinya daripada belenggu perhambaan. Jadi, maksud ayat ini tidak terbatas pada harta benda. Ini turut ditegaskan dalam hadith Abu Dawud: "إن علمتم فيهم حرفة" yang bermaksud amanah, meskipun ada ulama yang tidak sependapat dengan tafsiran ini.
14. Boleh menjual hamba *mukatab* dengan wang *mukatabah* ketika tidak mampu lagi untuk membayarnya. Dalam masalah ini, ada tiga pendapat: Pertama adalah pendapat yang membolehkan menjual hamba mukatab. Inilah pendapat Imam Ahmad dan Imam Malik. Dalil mereka adalah hadith Rasulullah (s.a.w):

    الْمُكَاتَبُ رِقٌّ مَا بَقِيَ عَلَيْهِ دِرْهَمٌ.

    "*Hamba mukatab tetap berstatus hamba sahaya selagi dia masih berkewajipan membayar satu dirham untuk memerdekakan dirinya.*" (Hadith hasan) Kedua, dibolehkan menjual hamba mukatab dengan syarat adanya keredhaan hamba berkenaan dengan berdalilkan hadith di atas. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i. Ketiga, tidak boleh menjual hamba mukatab walau apapun keadaannya. Inilah pendapat Imam Abu Hanifah.
15. Boleh menerima aduan seorang perempuana, walaupun dia seorang hamba perempuan.
16. Memulakan khutbah dengan hamdalah dan perkataan: *Amma ba'du*.
17. Khutbah hendaklah dilakukan dengan cara berdiri.
18. Dibolehkan menyampaikan ceramah dengan tujuan memberi pengajaran kepada orang ramai di samping bertujuan kebenaran dapat disebarluaskan.
19. Dibolehkan membuat syarat lebih daripada satu syarat.
20. Dibolehkan bersajak ketika bercakap selagi tidak berlebihan.
21. Dibolehkan menceritakan suatu peristiwa dengan tujuan menetapkan suatu hukum.
22. Seorang wanita dibolehkan membelanjakan hartanya sendiri meskipun tanpa izin suaminya dengan syarat sudah dewasa dan bijaksana.
23. Dibolehkan menyuruh wanita untuk mengadakan transaksi jual beli.
24. Dibolehkan membeli barang dengan harga yang lebih tinggi.

Penting

Menurut Imam al-Nawawi, Ibn Khuzaimah dan Ibn Jarir telah mengarang dua kitab berlainan berkaitan hadith ini di mana kedua-duanya memuatkan banyak *istinbath* hukum yang amat bermanfaat.

١١- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى عُمَرُ عَنْ بَيْعِ أُمَّهَاتِ الْأَوْلاَدِ فَقَالَ: لاَ تُبَاعُ، وَلاَ تُوهَبُ، وَلاَ تُورَثُ، لِيَسْتَمْتِعْ بِهَا مَا بَدَا لَهُ، فَإِذَا مَاتَ فَهِيَ حُرَّةٌ. رَوَاهُ مَالِكٌ وَالْبَيْهَقِيُّ، وَقَالَ: رَفَعَهُ بَعْضُ الرُّوَاةِ، فَوَهِمَ.

11- Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "'Umar melarang daripada menjual *Ummahatul Awlad*, beliau berkata: "*Umahatul Awlad* tidak boleh dijual, tidak boleh dihibahkan dan tidak boleh diwariskan, dan seorang tuan hendak memperlakukannya dengan baik. Jika tuannya meninggal dunia, maka hamba tersebut menjadi merdeka." (Diriwayatkan oleh Imam Malik dan al-Baihiqi. Al-Baihaqi berkata: "Sebahagian periwayat menilainya sebagai marfu', namun itu satu kesilapan.": 811)

Makna Hadith

Hadith ini melarang untuk menjual dan menghibahkan serta mewariskan seorang hamba perempuan yang melahirkan anak tuannya, kerana dia telah menjadi ibu kepada seorang anak yang merdeka. Dalam kaitan ini, Umar berpandangan menjual atau mewariskan hamba tersebut merupakan salah satu bentuk memutuskan tali silaturrahim, sementara syari'at telah melarangnya daripada berbuat demikian.

Analisis Lafaz

"أُمَّهَاتِ الْأَوْلاَدِ", seorang hamba perempuan yang melahirkan anak tuannya. Dengan demikian, hamba ini menjadi ibu kandung kepada anak tuannya. Inilah yang disebut *Ummul Walad*

"لِيَسْتَمْتِعْ بِهَا", dia dibolehkan memperlakukan hamba itu tersebut sebagaimana dia memperlakukan isterinya, kerana hamba tersebut halal baginya.

"رَفَعَهُ بَعْضُ الرُّوَاةِ، فَوَهِمَ", ini kerana Sufyan al-Tsauri dan Fulaih bin Sulaim meriwayatkan hadith ini daripada Abdullah bin Dinar daripada Ibn Umar daripada Umar secara *mawquf*. Namun Abdul Aziz bin Muslim dan Abdullah bin Ja'far tidak sependapat dengan riwayat Sufyan al-Tsawri dan Fulaih bin Sulaim dengan menyatakannya sebagai *marfu'*. Ini kerana riwayat Sufyan

disokong oleh banyak riwayat yang lain, di samping ia lebih dapat dipercaya berbanding Abdul Aziz dan Abdullah. Atas pertimbangan ini, hadith ini dinyatakan *mawquf* dan bukannya *marfu'*, meskipun ada sesetengah ulama hadith yang menyatakannya *marfu'*. Apapun, apa yang dikatakan al-Baihaqi adalah benar.

Fiqh Hadith

1. Larangan menjual ibu anak tuan (*Ummahtul Awlad*).
2. Larangan mewariskan ibu anak tuan (*Ummahtul Awlad*). Sebahagian besar ulama bersepakat untuk menjual dan mewariskan ummahatul awlad ini, malah sebahagian ulama mutakhirin telah mendakwanya sebagai satu ijmak. Masalah ini akan dihuraikan pada pembahasan hadith yang berikutnya.
3. Seorang tuan dibolehkan menyetubuhi hamba perempuan miliknya pada bila-bila masa kecuali berkaitan dengan perkara-perkara dilarang oleh syariat seperti sedang haid, nifas dan lain-lain.
4. Seorang ummul walad (ibu yang melahirkan anak tuan) menjadi merdeka setelah kematian tuannya.

١٢- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنَّا نَبِيعُ سَرَارِيَنَا أُمَّهَاتِ الْأَوْلاَدِ، وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَيٌّ، لاَ يَرَى بِذَلِكَ بَأْسًا. رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَه وَالدَّارَقُطْنِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

12- Daripada Jabir bin Abdullah (r.a), beliau berkata: "Kami pernah menjual hamba-hamba wanita yang kami miliki yang merupakan ibu anak-anak kami, sementara pada masa itu Rasulullah (s.a.w) masih hidup dan baginda tidak melihat tindakan kami itu sebagai satu kesalahan." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i, Ibn Majah, al-Daruquthni dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 812)

Makna Hadith

Hadith ini merupakan satu landasan di mana amalan sahabat pada zaman Rasulullah (s.a.w) masih hidup dianggap sebagai dalil dan hujah, kerana wahyu yang diturunkan kepada Rasulullah (s.a.w) pastinya memperlihatkan apa-apa yang dilakukan oleh para sahabat. Para sahabat meyakini bahawa ketika perbuaatan mereka tidak dilarang oleh Allah dan Rasul-Nya, maka itu bererti perbuatan mereka selari dengan ajaran syari'at. Demikian pula dengan pendapat Jabir dalam hadith ini, di mana beliau menjual hamba

yang merupakan ibu kepada anaknya ketika Rasulullah (s.a.w) masih hidup, semenara baginda tidak melarang perbuatannya itu. Ini menunjukkan perbuatannya dibolehkan di sisi syari'at.

Analisis Lafaz

"السراري" ,"سَرَارِيَنَا' jamak 'سُرية' yang berasal dari kalimat 'السر' yang bermaksud perkahwinan, kerana seorang hamba perempuan halal bagi tuannya untuk mengahwininya. Ada kemungkinan kalimat ini pula berasal dari kalimat 'السرور' (bahagia), kerana tuannya bahagia dan senang ketika menyetubuhinya.

"بَأْسًا", dosa dan kesalahan.

Penting

Dalam riwayat al-Hakim disebutkan pada akhir hadith bahawa ketika Umar bin al-Khattab menjawat sebagai khalifah, beliau melarang kami daripada (menjual *ummahatul awlad*) dan kami pun akhirnya menghentikan perbuatan itu.

Fiqh Hadith

1. Amalan sahabat pada zaman Rasulullah (s.a.w) masih hidup boleh dijadikan sebagai hujah dengan syarat selagi tidak diingkari oleh Rasulullah (s.a.w).
2. Dibolehkan menjual hamba perempuan yang melahirkan anak tuannya. Hadith ini bercanggah dengan hadith sebelumnya di mana di situ ditegaskan bahawa dilarang menjual hamba perempuan yang melahirkan anak tuannya sebagaimana yang dikatakan oleh Umar bin al-Khattab dan pendapat jumhur ulama, malah Ibn Qudamah mendakwa para sahabat telah pun berijmak dalam masalah ini. Apapun, dakwaan ijma' ini tidak menjadi cacat lantaran Ali bin Abu Thalib, Ibn Abbas dan Ibn al-Zubair berpendapat bahawa dibolehkan menjual hamba perempuan yang melahirkan anak tuannya, kerana dalam satu riwayat diceritakan bahawa mereka telah pun meninggalkan pendapatnya dan kembali menyokong hadith yang membolehkan menjual hamba perempuan yang melahirkan anak tuannya. Antara ulama yang membolehkan menjual hamba perempuan yang melahirkan anak tuannya adalah al-Nashir, al-Baqir, al-Shadiq, al-Imamiyyah, al-Muzani salah seorang pengikut Imam al-Syafi'i, Dawud al-Zhahiri dan Qatadah.

١٣- عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ فَضْلِ الْمَاءِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ. وَزَادَ فِي رِوَايَةٍ: وَعَنْ بَيْعِ ضِرَابِ الْجَمَلِ.

13- Daripada Jabir bin Abdullah, beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang daripada menjual air yang melebihi keperluan." (Diriwayatkan oleh Muslim dan dalam riwayat lain ditambahkan: "dan (dilarang) daripada menjual (mengambil) upah dari pejantan unta.": 813)

Makna Hadith

Air merupakan salah satu unsur paling penting dalam kehidupan. Manusia tidak mampu hidup tanpa air. Itulah sebabnya manusia memiliki hak yang sama dalam memperoleh air. Jika seseorang memiliki air yang melebihi keperluannya, maka air itu tidak boleh lagi dijadikan sebagai hak miliknya dan oleh kerananya, dia tidak boleh menjualnya sebab itu telah menjadi hak bagi orang lain yang amat memerlukannya.

Baka jantan haiwan pada dasarnya tidak salah menjadikan seekor haiwan ternak menjadi pejantan. Apa yang dilarang dalam masalah ini adalah mengambil upah dari pejantan tersebut, kerana pada hakikatnya seseorang tidak memerlukan biaya untuk memberikan pejantan tersebut kepada orang lain.

Analisis Lafaz

"فَضْلِ الْمَاءِ", air yang melebihi keperluan asas, seperti seseorang yang mempunyai telaga di atas tanah miliknya sendiri yang digunakan untuk memenuhi keperluannya. Jika air itu melebihi keperluannya, maka dia tidak berhak menahan air tersebut dari orang yang memerlukannya dan tidak boleh pula menjualnya.

"ضِرَابِ الْجَمَلِ", seekor haiwan pejantan yang biasanya digunakan untuk mengahwinkannya dengan haiwan betina.

Fiqh Hadith

1. Tidak boleh menjual air yang sudah melebihi keperluan.
2. Tidak boleh mengambil upah ke atas binatang pejantan.

١٤- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ عَسْبِ الْفَحْلِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

14- Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang daripada mengambil upah dari seekor haiwan pejantan." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 814)

Makna Hadith

Hadith ini melarang seseorang daripada mengambil upah ke atas haiwan pejantan.

Analisis Lafaz

"عَسْب", dengan membaca baris *fathah* huruf *'ain* dan membaca *sukun* huruf *sin* yang bermakna sperma yang dikeluarkan oleh seekor haiwan pejantan kepada haiwan betina.

"الْفَحْل", jantan yang merupakan lawan kata betina, maksudnya adalah pejantan haiwan, tetapi kalimat ini boleh pula digunakan untuk manusia.

Fiqh Hadith

1. Diharamkan mengambil upah terhadap haiwan pejantan. Inilah pendapat jumhur ulama.
2. Tetapi dalam pendapat lain menurut mazhab Syafi'i dan mazhab Hanbali yang juga diriwayatkan daripada Imam Malik bahawa boleh menyewakan haiwan pejantan adalah dibolehkan dengan syarat dilakukan dalam waktu yang ditentukan dan mereka memahami larangan dalam hadith ini sebagai makruh tanzih belaka. Malah pendapat ini yang serupa turut dikemukakan oleh al-Hasan dan Ibn Sirin, di mana dibolehkan menyewakan haiwan pejantan.

١٥- وَعَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ بَيْعِ حَبَلِ الْحَبَلَةِ، وَكَانَ بَيْعاً يَتَبَايَعُهُ أَهْلُ الْجَاهِلِيَّةِ: كَانَ الرَّجُلُ يَبْتَاعُ الْجَزُورَ إِلَى أَنْ تُنْتَجَ النَّاقَةُ، ثُمَّ تُنْتَجُ الَّتِي فِي بَطْنِهَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

15- Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang daripada menjual perkhidmatan haiwan pejantan, kerana jual beli seperti ini merupakan salah satu jenis jual beli yang digemari masyarakat Jahiliah, di mana seseorang membeli seekor unta dan dibayar jika unta tersebut melahirkan dan anak yang di dalam kandungan ibunya melahirkan kandungannya. (Muttafaq alaihi: 815)

Makna Hadith

Hadith ini pada dasarnya melarang jual beli yang mengandungi unsur penipuan, iaitu setiap jual beli yang pada zahirnya bertujuan menipu pembeli, kerana di dalamnya memuatkan unsur yang tidak jelas dan penuh spekulasi. Pendapat lain mengatakan bahawa jual beli penipuan adalah jual beli yang di dalamnya memuatkan unsur spekulasi yang menyebabkan kerugian. Pendapat lain pula mengatakan bahawa jual beli penipuan adalah setiap di mana barang yang diniagakan, harga atau tempohnya masih tidak diketahui. Hadith ini melarang jual beli yang berlandaskan unsur penipuan kerana boleh mendatangkan kerugian dan pertelagahan di kemudian hari, kerana kehamilan haiwan tersebut masih belum dapat dipastikan. Seandainya haiwan betina yang dikahwinkan itu benar-benar hamil, ada kemungkinan pemilik haiwan akan mengingkari kehamilannya.

Analisis Lafaz

"عَنْهُ", periwayat hadith ini sama dengan hadith sebelumnya, Ibn Umar.

"حَبَلِ الْحَبَلَةِ", hasil atau calon anak yang dihasilkan oleh haiwan ternakan. Ada yang bertanya, istilah hamil (حبل الحبلة) hanya khusus digunakan untuk menyebut manusia kecuali dalam hadith ini. Jawapannya, istilah ini turut disebut dalam hadith yang lain.

"وَكَانَ بَيْعاً", maksudnya adalah haiwan pejantan. Perkataan merupakan tambahan salah seorang periwayat hadith sama ada Nafi' atau mawlanya Abdullah bin Umar.

"يَبْتَاعُ", membeli.

"الْجَزُورَ", dengan membaca baris *fathah* huruf *jim* dan *zai* yang bermaksud unta baik jantan mahupun betina dan ini berlaku bagi setiap haiwan ternakan, tidak berlaku khusus kepada unta sahaja.

"إِلَى أَنْ تُنْتَجَ النَّاقَةُ", melahirkan.

"ثُمَّ تُنْتَجُ الَّتِي فِي بَطْنِهَا", kemudian anak yang dilahirkan itu hidup hingga ia besar dan kemudian melahirkan lagi.

Fiqh Hadith

1. Dilarang menjual anak dari anak haiwan yang bakal melahirkan (cucu haiwan ternak) menurut Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama, kerana mereka mentafsirkan hadith ini sebagaimana yang telah kami bahas sebelum ini. Sementara lafaz Imam Ahmad dan Imam Ishaq menegaskan bahawa apa yang diharamkan adalah menjual anak yang bakal dilahirkan oleh haiwan ternak. Dalam

riwayat lain, Imam Malik mengatakan yang kemudian disetujui oleh sebahagian pengikut mazhab Syafi'i bahawa apa yang dilarang itu adalah membeli anak haiwan yang bakal dilahirkan dengan menentukan harganya terlebih dahulu, meskipun anak haiwan tersebut belum dilahirkan. Alasannya larangan itu adalah jual beli seperti ini memuatkan unsur penipuan dan termasuk jual beli barang yang tidak ada dalam kepemilikan di samping tidak dapat dilakukan serah terima. Jual beli seperti ini dikategorikan sebagai jual beli penipuan. Dari perbezaan pendapat ini kita dapat menyimpulkan empat pendapat iaitu: Dua mazhab iaitu mazhab Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad mengatakan bahawa apakah alasan mengharamkan jenis jual beli seperti ini berlandaskan tempoh yang tidak jelas atau lantaran ketiadaan barang yang diniagakan? Dua mazhab lagi iaitu mazhab Imam Malik dalam riwayat lain mengatakan apakah alasan mengharamkan itu kerana jual beli seperti ini lantaran tempoh yang tidak jelas atau lantaran ketiadaan barang yang diniagakan?

2. Disunatkan merincikan suatu hukum bagi seseorang yang mampu berbuat demikian sekali gus mengemukakan contohnya.
3. Hadith ini menggambarkan sistem ekonomi masyarakat Jahiliah, di mana di dalamnya banyak memuatkan transaksi yang berunsurkan penipuan hingga mengakibatkan perbuatan dan tindakan yang tidak terpuji.

١٦- وَعَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْوَلَاءِ وَعَنْ هِبَتِهِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

16- Dari Ibn Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang daripada menjual dan menghibahkan *wala'*. (Muttafaq alaih: 816)

Makna Hadith

Pada zaman Jahiliah, orang Arab biasa menjual hamba yang telah dimerdekakan tuannya. Jika orang yang memerdekakan meninggal dunia, hamba itu diwarisi oleh orang yang memerdekakannya kemudian mereka menjual *wala'* (hak kemerdekaan) itu atau menghibahkannya. Rasulullah (s.a.w) melarang daripada perbuatan ini, kerana *wala'* sama kedudukannya dengan nasab keturunan yang tidak boleh dihilangkan dengan apa-apa sebab.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", daripada Ibn Umar, periwayat hadith ini sama dengan hadith sebelumnya .

"الْوَلاَءِ", dibaca dengan baris *fathah* huruf *waw* (و) yang bermaksud seseorang yang memerdekakan hamba. Jika seorang tuan memerdekakan hambanya, maka hak kemerdekaan hamba itu (*wala'*) itu menjadi milik tuannya.

"هِبَتِهِ", memberikan sesuatu kepada orang lain atau memberikan suatu barang kepada orang lain tanpa mengharapkan imbalan/balasan.

Fiqh Hadith

1. Hukum menjual *wala'* adalah haram.
2. Hukum menghibahkan *wala'* adalah haram. Kedua-dua hukum ini telah disepakati oleh ulama.

١٧- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْحَصَاةِ، وَعَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

17- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang jual beli *hashah* dan jual beli dengan cara menipu (*gharar*)." (Diriwayatkan oleh Muslim: 817).

Makna Hadith

Ada dua bentuk larangan dalam hadith ini; larangan pertama merupakan contoh bagi larangan kedua. Jadi larangan pertama sebagai contoh sedangkan larangan kedua dianggap sebagai kaedah yang mencakupi larangan pertama dan larangan terhadap kes-kes lain yang serupa sebagaimana yang telah dibahas sebelum ini tentang jual beli penipuan.

Dalam hadith ini, Islam mengharamkan segala bentuk jual beli yang di dalamnya memuatkan unsur penipuan dan kecurangan. Inilah yang disebut jual beli *gharar*. Antara contoh jual beli *gharar* adalah jual beli *hashah* di mana ketika mengadakan transaksi, segala jenis, ciri dan jumlah barang yang bakal dibeli telah ditentukan sementara pembeli atau penjual belum memiliki keinginan atau belum mengemukakan hasratnya untuk itu, misalnya, pembeli melempar kerikil ke arah sejumlah pakaian; jika kerikil itu jatuh ke mana-mana pakaian tersebut, maka baju itu menjadi hak miliknya dan dia pun wajib membuat bayaran ke atas baju tersebut. Jadi, unsur kecurangan di sini wujud dalam masalah harga dan barang yang tidak dapat dipastikan itu.

Analisis Lafaz

"بَيْعِ الْحَصَاةِ", banyak perbezaan pendapat tentang takrif istilah ini meskipun semuanya memiliki maksud yang sama, di antaranya adalah:

Pertama, *bai' al-hashah* adalah seorang penjual berkata kepada pembeli: "Jika aku melemparkan sesuatu kepadamu, maka jual beli wajib dilaksanakan antara kita."

Kedua, ia adalah seseorang berkata: "Lemparkan batu itu, jika ia jatuh dan terkena suatu barang, maka ia menjadi hak milikmu dan kamu wajib membelinya."

Ketiga, ia adalah seseorang berkata: "Aku menjual tanah ini sampai bahagianmu habis."

Keempat, ia adalah seseorang menggenggam kerikil dalam genggaman tangannya dan berkata: "Jika ada barang yang keluar dari genggamanku bererti aku menjualnya untukmu", atau seorang penjual berkata: "Setiap bahagian, aku jual sebanyak satu dirham."

"بَيْعِ الْغَرَرِ", asal makna *al-gharar* (penipuan) adalah sesuatu yang aslinya sengaja disembunyikan. Pendapat lain mengatakan kalimat ini berasal daripada perkataan *al-ghurur*, kerana zahirnya dirahsiakan sementara batinnya tidak menyenangkan. Pendapat lain mengatakan kalimat ini bermaksud tipuan di mana jika seseorang mengetahui hakikat yang sebenar, dia pasti enggan membeli barang yang ditawarkan itu. Ada pula yang mengatakan jual beli gharar sama halnya dengan jual beli spekulasi.

Takrif *bai' al-gharar* adalah setiap jual beli di mana harga, tempoh atau barang masih tidak dapat diketahui dengan pasti atau penjual tidak mampu menyerahkan barang yang ditawarkan kepada pembeli. Antara bentu-bentuk *bai' al-gharar* adalah:

1. *Bai' habl al-habalah*.
2. *Bai' al-hashah*.
3. *Bai' al-mulaqih*.
4. *Bai'' al-mudhamin*.
5. Menjual buah yang masih belum matang di pohonnya.
6. *Bai' al-mulamasah* dan *bai' al-munabadzah*.
7. Menjual ikan di dalam air, hamba sahaya yang melarikan diri, sesuatu barang yang sudah hilang atau barang yang tidak mampu untuk diadakan serah terima.

Fiqh Hadith

1. Haram melakukan jual beli *al-hashah*.
2. Haram melakukan jual beli *al-gharar* seperti hamba yang sudah

melarikan diri, kuda yang lepas dari kandangnya atau ikan yang masih berenang di dalam lautan.

Penting

Ada sebahagian jual beli yang berisiko mengandungi unsur penipuan, tetapi jual beli seperti ini tetap dianggap sah di sisi Islam seperti seseorang yang membeli kedai namun sejauh mana kekuatan rangka gedung masih belum diketahui dengan jelas dan demikian pula membeli jubah secara borongan namun belum diketahui sama ada seluruh kualiti jubah tersebut dapat dijamin atau malah sebaliknya. Jual beli seperti ini dibolehkan mengikut ijma', kerana jika kekuatan rangkanya dipaksa untuk dilihat, maka tindakan ini boleh merosakkan bangunan atau nilai kedai itu berkurang lantaran kerosakan yang disebabkan oleh pemeriksaan itu.

Demikian pula seseorang yang menyewa pekerja dengan gaji bulanan, di mana kadang kala satu bulan berjumlah tiga puluh hari atau dua puluh sembilan hari bahkan ada yang hanya dua puluh lapan hari. Keadaan sebegini dibolehkan mengikut ijma' ulama.

Tidak dapat dimungkiri bahawa setiap permasalahan seringkali diselimuti oleh perkara syubhat, sehingga seseorang kebingungan dalam menentukan hukumnya sama ada dibolehkan atau sebaliknya. Sila rujuk perbahasan ini dalam kitab fiqh.

١٨- وَعَنْهُ: أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنِ اشْتَرَى طَعَاماً فَلاَ يَبِعْهُ حَتَّى يَكْتَالَهُ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

18. Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa membeli makanan maka hendaklah dia tidak menjualnya sebelum mengetahui sukatan atau menimbangnya." (Diriwayatkan oleh Muslim: 818)

Makna Hadith

Kepemilikan terhadap barang dalam jual beli dapat dilakukan dengan pelbagai macam cara; kadang kadang pemilikan itu dilakukan dengan cara penjumlahan, kadang kala dilakukan dengan cara timbangan, ada pula ketikanya dilakukan dengan cara sukatan, ada pula ketikanya dilakukan dengan cara serah terima barangan diperjualbelikan dan banyak lagi tradisi lain yang menunjukkan itu adalah sebagai serah terima kepemilikan dalam berjual beli. Dalam hadith ini disebutkan jika jual beli dilakukan dengan timbangan, maka penimbangan itu dilakukan oleh penjual ketika menjual suatu barangan berkenaan, walaupun sebelumnya dia telah menimbangnya

dengan cara yang betul.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", periwayat hadith ini sama dengan sebelumnya, yakni Abu Hurairah.

"طَعَاماً", makanan yang sudah dikenali umum, sama ada makanan manusia mahupun makanan haiwan, tetapi adakah kalimat ini bersifat umum yang meliputi setiap makanan atau bersifat khusus hanya sekadar meliputi makanan tertentu? Dalam kaitan ini, mengemukakan dua pendapat yang perbahasannya akan dihuraikan berikut ini.

"يَكْتَالَهُ", ditimbang dengan menggunakan sukatan bagi memastikan kadar dan jumlahnya.

Fiqh Hadith

1. Dilarang menjual barangan yang belum ditimbang dan setiap barang yang hendak dijual terlebih dahulu mestilah ditimbang. Inilah pendapat jumhur ulama. Menurut Atha' dan sekumpulan ulama, hadith ini melarang daripada menjual suatu barangan sebelum dimiliki atau dikuasainya. Inilah yang dimaksudkan dengan timbangan atau sukatan dalam hadith ini dan mereka mengemukakan dalil bagi mengukuhkan pendapat mereka dengan hadith Ibn Abbas yang diriwayatkan oleh *al-Sab'ah* kecuali al-Tirmidhi bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

   مَنِ ابْتَاعَ طَعَامًا فَلاَ يَبِعْهُ حَتَّى يَسْتَوْفِيَهُ.

   "*Barang siapa menjual makanan, maka dia tidak boleh menjualnya sebelum memilikinya.*" Dalam hadith lain yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Hakim bin Hizam yang dinilai sebagai hadith *marfu'*:

   إِذَا اشْتَرَيْتَ شَيْئًا فَلاَ تَبِعْهُ حَتَّى تَقْبِضَهُ.

   "*Jika kamu membeli sesuatu barangan, maka janganlah kamu menjualnya sebelum memiliki barangan itu.*" Demikian pula hadith Abu Dawud yang diriwayatkan daripada Zaid bin Tsabit bahawa:

   أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى أَنْ تُبَاعَ السِّلْعَةُ حَتَّى يَحُوْزَهَا التُّجَّارُ إِلَى رِحَالِهِمْ.

   "*Rasulullah (s.a.w) melarang daripada menjual barangan sebelum para peniaga benar-benar memiliki barang dagangannya itu.*" Tetapi dalil Atha' dan sekumpulan ulama ini merupakan syarat lain dalam

berjual beli yang tidak bercanggah dengan kewajipan menimbang barang sebelum menjualnya. Jadi apapun, pendapat yang lebih kuat adalah pendapat jumhur ulama.

2. Larangan yang disebutkan di atas khusus untuk makanan sahaja sebagaimana yang diisyaratkan oleh lafaz hadith itu. Inilah pendapat jumhur ulama. Menurut Abu Hanifah, setiap barang yang bergerak wajib ditimbang sebelum dijual dan ini berlandaskan hadith yang diriwayatkan daripada Zaid bin Tsabit di atas.

١٩- وَعَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعَتَيْنِ فِي بَيْعَةٍ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالنَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ.

19. Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang daripada menawarkan dua jenis penjualan dalam satu akad jual beli." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Nasa'i, dan dinilai sahih oleh al-Tirmidhi dan Ibn Hibban: 819).

٢٠- وَلِأَبِي دَاوُدَ: مَنْ بَاعَ بَيْعَتَيْنِ فِي بَيْعَةٍ فَلَهُ أَوْكَسُهُمَا أَوْ الرِّبَا.

20. Menurut lafaz hadith Abu Dawud: "Barang siapa yang menawarkan dua jenis penjualan dalam satu akad jual beli, maka orang itu telah melakukan riba." (820).

Makna Hadith

Hadith ini melarang jual beli seperti yang dinyatakan dalam hadith di atas, karena jual beli ini termasuk ke dalam salah satu daripada dua jenis jual beli yang dilarang di sisi syariat; unsur kesamaran dan unsur riba. Ini digambarkan dalam kalimat "menawarkan dua jenis penjualan dalam satu akad jual beli" yang maksudnya dibahas dalam analisis lafaz berikut ini.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", periwayat hadith ini sama dengan hadith sebelumnya, yakni Abu Hurairah.

"بَيْعَتَيْنِ فِي بَيْعَةٍ", menurut Imam al-Syafi'i, ada beberapa tafsiran untuk kalimat ini, iaitu:

Pertama, ketika seseorang menawarkan barang berkata: "Saya menjual barang ini seharga dua ribu dengan pembayaran ansuran atau beharga seribu dengan pembayaran tunai dan kamu boleh membeli barang ini dengan mana-mana harga yang kamu sukai berdasarkan tawaran tadi. Jual beli ini dikategorikan jual beli fasid kerana memuatkan unsur kesamaran

dan unsur tidak jelas.

Bagi pensyarah ('Allusy), tafsiran ini disokong oleh hadith Abdullah bin Mas'ud yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bahawa:

نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ صَفْقَتَيْنِ فِي صَفْقَةٍ.

"*Rasulullah (s.a.w) melarang daripada melakukan dua transaksi dalam satu penjualan barang.*" Contoh jual beli seperti ini seperti mana dikemukakan oleh Simak salah seorang periwayat hadith ini adalah seseorang menawarkan barang dengan berkata: "Harga barang ini sekian apabila dibayar secara ansuran sedangkan harga barang ini sekian apabila dibayar secara tunai." Apapun, sanad hadith ini masih dipertikai (*maqol*).[4]

Alasan jual beli seperti ini dilarang kerana harga yang ditawarkan tidak tetap sehingga menimbulkan unsur riba, di samping adanya tambahan harga akibat kelewatan waktu pembayaran.

Kedua, menurut Imam al-Syafi'i, jual beli ini dilakukan oleh seseorang dengan berkata: "Aku menjual hambaku kepadamu dengan syarat kamu menjual kudamu kepadaku."

Bagi pensyarah, lafaz hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud menguatkan tafsiran yang pertama, kerana pada tafsiran kedua tidak wujud unsur riba.

Ketiga, ada pula ulama yang mentafsirkan hadith tersebut dengan cara tafsiran yang berlainan dengan Imam al-Syafi'i, di mana seseorang memberi pinjaman hutang satu dinar dengan satu kantong makanan dengan tempoh hutang selama satu bulan. Ketika tempoh pembayaran hutang tiba, dia berkata: "Juallah kepadaku makanan yang menjadi hutangmu itu selama dua bulan dengan bayaran sebanyak dua kantong makanan." Tafasiran ini dikemukakan oleh penulis kitab Nayl al-Awthar.

Fiqh Hadith

1. Larangan menjual satu barang dalam dua bentuk penjualan seperti menjual barang dengan harga ansuran dan tunai tanpa menentukan harga penjualan yang disetujui. Inilah pendapat ini Zainal 'Abidin Ali bin al-Husain dan Yahya.

   Menurut jumhur ulama, jual beli seperti ini dibolehkan seperti mana disebut dalam kitab Nayl al-Awthar, namun al-Khattabi mengemukakan pendapat sebaliknya dengan berkata: "Menjual baju seharga sepuluh dinar secara tunai dan menjual baju dengan harga

[4] Maksud dalam hadith ini ada *maqol* adalah daif akibat salah seorang periwayatnya daif, munqathi', mursal atau cacat.

dua puluh dinar secara ansuran selama satu bulan merupakan salah satu bentuk jual beli yang *fasid* di sisi jumhur ulama kerana pembeli dan penjual tidak mengetahui harga mana yang akan mereka sepakati, di samping wujud kesamaran harga yang menjadikan transaksi tersebut tidak sah. Menurut Thawus, tidak ada salahnya mengadakan jual beli satu barang dalam dua bentuk penjualan. Pendapat ini senada dengan pendapat Ibrahim dan Hammad. Tetapi apa yang dinukil oleh al-Khattabi ini berbeza dengan pendapat yang telah dinukil oleh al-Syawkani.

Jadi, jumhur ulama mengatakan jual beli yang tidak jelas merupakan salah satu bentuk jual beli yang dianggap *fasid* (tidak sah), kerana tidak ada ketetapan yang jelas. Jika jika ada ketetapan yang jelas, maka jual beli seperti ini tetap dibolehkan. Bagi mereka, kedudukan hadith ini amat lemah atau pendapat ini masih memuatkan pelbagai tafsiran dan oleh kerananya tidak ada alasan untuk mentafsirkannya mengikut pandangan ini sahaja. Di sisi lain jumhur ulama mengemukakan dalil-dalil yang secara umum membolehkan jual beli dengan sistem ansuran.

2. Larangan menjual suatu barang yang di dalamnya mensyaratkan si penjual wajib membeli suatu barang milik pembeli ketika transaksi jual beli sedang dilangsungkan. Pendapat ini berdasarkan ijma' ulama.

٢١- عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ يَحِلُّ سَلَفٌ وَبَيْعٌ وَلاَ شَرْطَانِ فِي بَيْعٍ، وَلاَ رِبْحُ مَا لَمْ يُضْمَنْ، وَلاَ بَيْعُ مَا لَيْسَ عِنْدَكَ." رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ خُزَيْمَةَ وَالْحَاكِمُ. وَأَخْرَجَهُ فِي "عُلُومِ الْحَدِيثِ" مِنْ رِوَايَةِ أَبِي حَنِيفَةَ عَنْ عَمْرٍو الْمَذْكُورِ بِلَفْظِ: "نَهَى عَنْ بَيْعٍ وَشَرْطٍ". وَمِنْ هَذَا الْوَجْهِ أَخْرَجَهُ الطَّبَرَانِيُّ فِي "الْأَوْسَطِ" وَهُوَ غَرِيبٌ.

21- Daripada Amr bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya, beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak halal pinjaman sekali gus jual beli, tidak halal dua syarat dalam satu akad jual beli, tidak halal menjualkan barang yang tidak dapat dijamin dan tidak halal menjual barang yang bukan hak milikmu." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, dinilah sahih oleh al-Tirmidhi, Ibn Khuzaimah dan al-Hakim). Hadith ini turut disebut oleh al-Hakim dalam kitab 'Ulum al-Hadith' daripada riwayat Abu Hanifah daripada 'Amr yang disebut di atas dengan lafaz: "Baginda melarang daripada jual beli sekali gus wujud syarat." Jalur ini turut dikeluarkan oleh al-Tabrani dalam kitab al-Awsath, namun statusnya *gharib*. (821).

Makna Hadith

Hadith ini mengemukakan sejumlah jenis jual beli yang dilarang di sisi syariat, antara lain adalah:

Pertama, jual beli yang di dalamnya disyaratkan pinjaman daripada si pembeli.

Kedua, jual beli bersyarat yang pada hakekatnya menimbulkan mudharat terhadap barang yang diperjualbelikan.

Ketiga, jual beli barang yang belum dikuasai.

Keempat, jual beli barang yang belum menjadi hak miliknya.

Analisis Lafaz

"لاَ يَحِلُّ سَلَفٌ وَبَيْعٌ", *al-salaf* adalah hutang. Ulama mentafsirkan lafaz ini dengan beberapa tafsiran yang antara lain:

Pertama, seseorang ingin membeli barangan dengan harga yang lebih tinggi lantaran dia menangguhkan pembayarannya dan jual beli seperti ini tidak dibolehkan. Oleh itu, dia meminjam wang kepada si penjual untuk membayar harga barang tersebut. Hal ini disebut dalam kitab Subul al-Salam.

Kedua, seseorang berkata: "Aku menjual baju ini dengan harga sepuluh dirham dengan syarat kamu mesti memberi pinjaman kepadaku wang sebanyak sepuluh dirham. Inilah pendapat yang dikemukakan oleh al-Khattabi.

Ketiga, seseorang meminjamkan wang, kemudian penjual menjual barang kepada peminjam wang tersebut dengan harga yang lebih tinggi.

Keempat, seseorang mempunyai hutang kepada orang lain, kemudian dia berkata: "Jika kamu tidak mampu membayar hutangmu, maka barang tersebut telah terjual untukmu."

Bentuk jual beli ketiga dan keempat disebut oleh al-Tirmidhi daripada Ishaq bin Manshur, di mana beliau pernah bertanya kepada Imam Ahmad tentang *bai' wa salaf*, lalu Imam Ahmad menjawabnya dengan kedua-dua jawapan ini.

"شَرْطَانِ فِي بَيْعٍ", contoh lafaz ini menurut Imam Ahmad adalah seseorang membeli pakaian dan mensyaratkan kepada si penjual untuk menjahit dan memotongnya atau membeli makanan dan mensyaratkan kepada si penjual untuk mengangkut dan menjamin keselamatan barang yang dibelinya itu sampai di tujuan.

Dalam riwayat kedua daripada Imam Ahmad disebutkan bahawa contoh jual beli ini adalah seseorang mensyaratkan untuk tidak menjual semula barang tersebut, tidak memakainya dan tidak menghibahkannya.

Pendapat lain mengatakan contoh jual beli seperti ini dilakukan oleh seseorang dengan berkata: "Aku menjual barang ini sekian dengan harga tunai sedangkan harga ansurannya pula sekian. Hukum masalah ini telah pun dibahas sebelum ini.

Pendapat lain mengatakan jual beli seperti ini dilakukan oleh seseorang dengan berkata: "Aku menjual barangan ini kepadamu dengan syarat kamu menjual barang si fulan itu kepadaku dengan harga sekian. Hukum masalah ini juga telah pun dibahas sebelumnya.

Dalam kitab al-Nihayah turut dikemukakan oleh tafsiran yang serupa dengan tafsiran kedua bagi kes bai' wa salaf seperti mana yang dikemukakan oleh al-Khatthabi, namun pendapat ini jauh menyimpang daripada permasalahan.

"وَلاَ رِبْحُ مَا لَمْ يُضْمَنْ", sesuatu yang belum dimilikinya.

Pendapat lain mengatakan bahawa maksudnya adalah sesuatu yang belum dikuasainya.

"مَا لَيْسَ عِنْدَكَ", sesuatu yang tidak menjadi hak milikmu seperti mana ditegaskan dalam hadith yang diriwayatkan oleh Hakim bin Hizam yang disebut oleh ashab al-Sunan dengan sanad yang baik. Hakim bin Hizam berkata:

قُلْتُ: يَا رَسُوْلَ اللهِ، يَأْتِيْنِي الرَّجُلُ فَيُرِيْدُ مِنِّي الْمَبِيْعَ لَيْسَ عِنْدِي، فَأَبْتَاعُ لَهُ مِنَ السُّوْقِ، قَالَ: لاَ تَبِعْ مَا لَيْسَ عِنْدَكَ.

"Saya bertanya: "Wahai Rasulullah, seorang lelaki datang kepadaku dan ingin membeli barangan yang tidak kumiliki, kemudian aku menjual barang untuknya yang aku peroleh dari pasar." Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jangan kamu menjual barang sebelum kamu memilikinya."

"وَأَخْرَجَهُ", dikeluarkan oleh al-Hakim.

"فِي عُلُومِ الْحَدِيثِ", dalam kitab 'Ulum al-Hadith karya al-Hakim al-Naisaburi yang di dalamnya turut membahas tentang ilmu mustalah hadith. Ia merupakan kitab yang amat berharga.

"أَبِي حَنِيفَةَ", Abu Hanifah bernama al-Nu'man bin Tsabit, pengasas mazhab Hanafi.

"وَمِنْ هَذَا الْوَجْهِ", yakni melalui jalur Abu Hanifah daripada 'Amr bin Syu'aib.

"الْأَوْسَطِ", yakni kitab al-Mu'jam al-Awsath, sebuah kitab yang di dalamnya menghimpun hadith-hadith yang dinilai *mufrad* dan ini merupakan satu tugasan yang amat melelahkan seperti mana yang diakui sendiri oleh penulisnya, al-Hakim.

"وَهُوَ غَرِيبٌ", inilah penilaian al-Hafiz Ibn Hajar ke atas sanad dan lafaz hadith ini. Takrif hadith *gharib* telah pun dikemukakan sebelum ini. Abu

Hanifah hanya seorang diri yang mengeluarkan lafaz hadith: "بيع وشرط".

Fiqh Hadith

1. Haram menjual barangan yang disertai dengan hutang yang contoh-contohnya telah disebutkan sebelum ini.
2. Haram menetapkan dua syarat ke atas pembeli atau mengemukakan satu syarat di sisi jumhur ulama, kerana syarat seperti ini boleh membatalkan kesahihan akad. Jika tidak membatalkan kesahihan akad, maka wajib menunaikan syarat itu kepada pembeli seperti mana yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam hadith *marfu'*:

   مَنْ بَاعَ عَبْدًا وَلَهُ مَالٌ فَمَالُهُ لِلْبَائِعِ إِلاَّ أَنْ يُشْتَرَطَ الْمُبْتَاعُ.

   "*Barang siapa yang menjual hamba sahaya sementara hamba itu memiliki harta, maka harta hamba itu tetap menjadi milik penjual, kecuali ada wujud syarat lain ketika sedang terjadi transaksi.*" Sebahagian ulama berpendapat bahawa syarat yang dibolehkan dalam jual beli apabila syarat itu merupakan tuntutan jual beli atau termasuk kemaslahatannya. Pendapat ini dikemukakan oleh al-Khatthabi.
3. Larangan menjual barangan yang tidak dapat dihadirkan ketika sedang bertransaksi.
4. Larangan menjual barangan yang tidak berada dalam kekuasaan.

٢٢- وَعَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْعُرْبَانِ. رَوَاهُ مَالِكٌ قَالَ: بَلَغَنِي عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ بِهِ.

22- Daripadanya ('Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang daripada jual beli *al-'urban*." (Diriwayatkan oleh Imam Malik dan berkata: "Hadith ini disampaikan kepadaku daripada 'Amr bin Syu'aib": 822).

Makna Hadith

Hadith ini merupakan salah satu hadith yang menggambarkan jual beli yang dilakukan dengan cara yang tidak jelas dan dilarang di sisi syari'at iaitu pemisahan antara penjual dengan pembeli, di mana seorang penjual mengambil sebahagian harga barang sebelum akad jual beli selesai dilangsungkan. Jika pembeli datang, maka dia dikehendaki menghitung dan membayar harga secara keseluruhan. Jika pembeli tidak datang, maka wang muka yang diberikan pembeli menjadi hangus sesuai dengan perjanjian dan jangka waktu yang telah disepakati. Jual beli seperti ini sama seperti

mengambil harta orang lain tanpa hak yang dibenarkan dan semua bentuk transaksi ini dilarang di sisi Islam.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", yakni daripada Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash mengikut pendapat yang kuat di sisi ulama.

"الْعُرْبَانِ", dengan membaca *dhammah* huruf *'ain* dan *sukun* huruf *ra'* maksudnya adalah sesuatu yang dibayar oleh pembeli kepada penjual sebagai wang muka dengan syarat pembeli datang untuk membayar baki harga barangan yang hendak dibelinya itu. Jika tidak datang, pembeli mengambil wang muka tanpa perlu membayar ganti rugi. Kalimat ini disebut dengan "أربون" ,"عربون"atau "أربان".

"رَوَاهُ مَالِكٌ قَالَ: بَلَغَنِي عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ بِهِ", diriwayatkan oleh Imam Malik dan berkata: "Hadith ini disampaikan kepadaku daripada 'Amr bin Syu'aib bermaksud bahawa ini mengisyaratkan hadith tersebut berasal daripada riwayat Imam Malik dan periwayat yang meriwaytakannya selain Imam Malik pada hakikatnya meriwayatkannya melaluinya seperti Imam Ahmad, Abu Dawud, Ibn Majah, Ibn Abu Syaibah, al-Baghawi dan lain-lain.

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Malik dengan menggunakan perkataan "بلغنى", namun tidak menyebutkan siapa yang menyampaikan hadith ini kepadanya sama ada periwayat yang menyampaikan kepadanya itu 'Amr secara langsung atau di sana ada periwayat lain yang menyampaikannya kepadanya. Hadith seperti ini dikategorikan sebagai hadith daif, kerana salah seorang periwayatnya tidak diketahui siapa dia sebenarnya.

Akan tetapi ini sering dilakukan oleh Imam Malik dalam kebanyakan riwayat hadith sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Baghawi, misalnya, "Daripada Malik daripada periwayat yang thiqoh di sisinya daripada 'Amr…" Imam Ahmad mengemukakan contoh yang serupa, misalnya, "Daripada Malik, beliau memberitahukan kepadaku daripada seorang periwayat yang thiqoh." Apapun, Imam Malik telah menilai periwayat hadith berkenaan sebagai thiqoh dan Imam Malik sentiasa merujuk kepada periwayat yang dinilai thiqoh.

Dalam keadaan yang lain, periwayat yang tidak diketahui kadang kala disebut namanya secara jelas sebagaimana yang ditegaskan oleh Ibn Majah, di mana beliau meriwayatkannya daripada Habib daripada Malik daripada Abdullah bin 'Amir al-Aslami daripada 'Amr. Namun Habib seorang periwayat *matruk* dan oleh kerananya, sanad hadith ini sangat lemah di sisi Imam Malik.

Periwayat yang tidak diketahui turut disebut dengan jelas dalam riwayat al-Khatib, di mana hadith ini diriwayatkan oleh 'Amr bin al-Harits,

tetapi jalurnya masih dipertikai oleh ulama.

Ibn Abdul Barr, seorang ulama hadith yang menjadi rujukan tentang isi kitab al-Mawattha' telah pun menyatakan dengan tegas bahawa nama periwayat yang tidak diketahui namanya itu adalah Ibn Lahi'ah.

Pada saya, kedudukan Ibn Lahi'ah sebagai periwayat masih dipertikai oleh ulama, malah jumhur ulama telah pun menilainya sebagai periwayat yang daif..

Kesimpulan, jumhur ulama menilai hadith ini daif sama halnya penilaian yang dilakukan oleh Ibn Hajar ke atas hadith ini.

Fiqh Hadith

1. Diharamkan melakukan jual beli *al-'urbun*. Inilah pendapat Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan Abu Hanifah, tetapi dalam satu riwayat 'Umar malah membolehkannya. Demikian pula anaknya bernama Abdullah dan Imam Ahmad, meskipun beliau turut menilai hadith ini daif.
2. Diharamkan mengambil dan memperoleh harta tanpa wujud pertukaran dengan benda yang lain.
3. Diharamkan jual beli dengan cara menipu.
4. Diharamkan jual beli dengan syarat yang *fasid*.

٢٣- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: ابْتَعْتُ زَيْتاً فِي السُّوقِ، فَلَمَّا اسْتَوْجَبْتُهُ لَقِيَنِي رَجُلٌ فَأَعْطَانِي بِهِ رِبْحاً حَسَناً، فَأَرَدْتُ أَنْ أَضْرِبَ عَلَى يَدِ الرَّجُلِ، فَأَخَذَ رَجُلٌ مِنْ خَلْفِي بِذِرَاعِي، فَالْتَفَتُّ، فَإِذَا هُوَ زَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ، فَقَالَ: لاَ تَبِعْهُ حَيْثُ ابْتَعْتَهُ حَتَّى تَحُوزَهُ إِلَى رَحْلِكَ: فَإِنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى أَنْ تُبَاعَ السِّلَعُ حَيْثُ تُبْتَاعُ، حَتَّى يَحُوزَهَا التُّجَّارُ إِلَى رِحَالِهِمْ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَاللَّفْظُ لَهُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

23. Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Saya membeli minyak masak di pasar. Ketika saya telah membelinya, seorang lelaki menemuiku dan menawarkanku dengan keuntungan yang menggiurkan. Saya pun ingin menjual minyak masak itu kepadanya, kemudian seseorang menahan tanganku dari arah belakang. Saya pun segera menoleh ke arahnya dan ternyata lelaki itu adalah Zaid bin Tsabit. Beliau berkata: "Janganlah kamu menjualnya di tempat di mana kamu membelinya sehinggalah kamu sampai ke tempat tujuanmu, kerana Rasulullah (s.a.w) melarang daripada menjual

barang di tempat barangan itu dibeli sampai para penjualnya pulang sampai ke tempat tujuan mereka." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Daud dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim: 823)

Makna Hadith

Hadith ini melarang daripada menjual barang di tempat seseorang itu membelinya. Ini kerana pembeli pertama yang ingin menjual barang yang telah dibelinya pada dasarnya tidak ingin menjual barangan tersebut melainkan setelah diyakini bakal memperoleh keuntungan dan ini bakal diketahui oleh penjual pertama, sehingga keadaan ini boleh menimbulkan penyesalan di dalam hatinya kenapa sebelum ini dia tidak menaikkan harga barang yang dijualnya itu atau keadaan ini memaksa penjual pertama menaikkan lagi harga barang dagangan miliknya yang lain. Malah penjual pertama bakal menaikkan harga barang jika melakukan jual beli dalam waktu dan tempat yang sama dan keadaan ini mengakibatkan harga barangan melonjak tinggi. Inilah yang ingin dicegah oleh syariat Islam daripada terjadi agar tidak berlaku kenaikan barang secara mengejut dan di luar dugaan.

Analisis Lafaz

"ابْتَعْتُ", aku membeli.

"اسْتَوْجَبْتُه", menjadi milikku menerusi akad jual beli yang sah.

"أَضْرِبَ عَلَى يَدِ الرَّجُلِ", aku mengadakan transaksi jual beli dengannya, di mana kebiasaan masyarakat pada masa itu apabila penjual ingin mengadakan transaksi, maka dia meletakkan tangannya di atas tangan pembeli yang diajak untuk mengadakan transaksi sebagai bukti mereka saling menyetujui. Ada ketikanya pula mereka saling bersalaman sebagai bukti mereka sudah bersedia melangsungkan akad transaksi. Inilah yang dinamakan *al-shafaqat* dalam bahasa Arab, jual beli yang disertai dengan cara bersalaman.

"تَحُوزَهُ", menjadikannya sebagai hak milik.

"حَيْثُ تُبْتَاعُ", kalimat ini menerangkan tempat yang bermaksud tempat membeli barang itu.

"رِحَالِهِمْ", maksudnya tempat mereka pergi. Ini merupakan perumpamaan terhadap sesuatu yang ada didalamnya. *Al-Rihl* adalah rumah dan perabot yang ada di dalamnya. Dengan kata lain, ia adalah tempat tinggal mereka. Tetapi kalimat ini hanya menunjukkan suatu kebiasaan. Jadi, jika seseorang membeli suatu barangan kemudian membawanya ke kedai miliknya, maka ini bererti seseorang itu telah membawanya ke tempat tinggal dan dia sudah dibolehkan untuk menjual barang yang baru sahaja dibelinya itu mengikut ijma' ulama.

Fiqh Hadith

1. Galakan bagi seseorang untuk mengurus sendiri harga perniagaann, urusan penjualan dan pembelian suatu barang.
2. Jual beli dianjurkan supaya dilakukan di pasar, kerana itu dapat menstabilkan harga barang, di samping pasar merupakan tempat timbunan segala bentuk jenis barangan.
3. Seorang yang berilmu meskipun setinggi apa pun ilmu yang telah dimiliknya kadang kala tidak mampu menjawab suatu permasalahan walau ia suatu masalah yang sudah popular sekalipun.
4. Penjual dan pembeli dianjurkan bersalaman ketika sedang melakukan transaksi jual beli.
5. Dianjurkan memberikan nasihat, walaupun kepada orang yang berilmu, kerana besar kemungkinan mereka pun lalai dalam mengharungi bahtera kehidupan yang penuh dengan gelombang ini.
6. Seseorang berhak melarang orang lain yang dianggap telah menyimpang daripada ajaran syari'at selagi usaha melarangnya itu tidak mengakibatkan bahaya yang lebih besar dan dengan syarat pelaku kesalahan tetap dalam perilakunya, meskipun orang yang melarang itu salah.
7. Zaid bin Tsabit adalah salah seorang sahabat yang berilmu dan memiliki banyak keistimewaan.
8. Dibolehkan mengeluarkan fatwa tanpa mengeluarkan dalilnya terlebih dahulu.
9. Larangan menjual barang di tempat pembeliannya, tetapi jumhur ulama tidak sependapat dengan makna zahir hadith ini, kerana menurut mereka hadith ini bermaksud larangan menjual barang sebelum diadakan serah terima.
10. Larangan menjual barang sebelum diadakan serah terima dan menjadikannya sebagai hak milik sebagaimana yang telah dihuraikan sebelum ini, di mana ulama mengatakan barang yang telah dijual tidak perlu dipindah sebagai bukti adanya serah terima dan hadith ini menjadi bantahan ke atas mereka yang mengemukakan pendapat sebaliknya. Dalam kaitan ini, Imam al-Syafi'i menjelaskan bahawa jika barang yang diniagakan itu dapat digenggam tangan seperti dirham dan pakaian kemudian pembeli menggenggamnya dengan tangannya, maka itu sudah dianggap sebagai serah terima untuk menjadikannya sebagai hak milik dan ia boleh dijual setelahnya. Sementara barang yang biasa dipindahkan seperti kayu, biji-bijian dan haiwan, maka serah terima untuk memilikinya mesti dilakukan dengan cara memindahkannya ke tempat yang lain dan ia tidak boleh dijual sebelum dipindah ke tempat yang lain. Manakala barang yang

tidak dapat dipindahkan pula seperti bangunan, tanah dan buah-buahan yang masih berada di atas pohonnya, maka serah terima untuk memilikinya dapat dilakukan dengan cara mengusapnya dengan tangan.

٢٤- وَعَنْهُ قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنِّي أَبِيعُ الْإِبِلَ بِالْبَقِيعِ، فَأَبِيعُ بِالدَّنَانِيرِ وَآخُذُ الدَّرَاهِمَ، وَأَبِيعُ بِالدَّرَاهِمِ وَآخُذُ الدَّنَانِيرَ، آخُذُ هَذَا مِنْ هَذِهِ وَأُعْطِي هَذِهِ مِنْ هَذَا؟ فَقَالَ رَسُولُ اللهِ -صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ-: لَا بَأْسَ أَنْ تَأْخُذَهَا بِسِعْرِ يَوْمِهَا مَا لَمْ تَتَفَرَّقَا وَبَيْنَكُمَا شَيْءٌ. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

24- Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Saya berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya telah menjual seekor unta di al-Baqi'. Saya membelinya dengan harga dinar dan menjualnya dengan harga dirham, dan membelinya dengan harga dirham dan menjualnya dengan harga dainar. Saya membeli ini dan itu lalu menjualnya." Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) berabda: "Tidak ada salahnya bagi kamu mengambilnya (membeli dan menjualnya) dengan harga yang berlaku pada hari itu selagi kamu belum dipisahkan oleh sesuatu." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah dan dinilai sahihkan oleh al-Hakim: 824)

Makna Hadith

Emas dan perak adalah alat tukar bagi manusia. Mereka membuat wang dinar dari emas dan wang dirham dari perak. Mata wang mereka dinilai dengan emas dan perak, tetapi pada masa sekarang ini sudah berbeza, di mana umat manusia melakukan transaksi dengan wang kertas yang senilai dengan emas dan perak. Ini sudah diatur dalam undang-undang negara, di mana satu negera menetapkan mata wang mereka sendiri.

Pada masa itu, jika seseorang memerlukan wang 1/2 atau 1/4 dinar, namun tidak akan mendapatkannya, dia akan menghitungnya melalu dirham yang terbuat daripada perak.

Masalah ini kemudian ditanyakan Ibn Umar kepada Rasulullah (s.a.w), di mana transaksi dilakukan dengan menukarkan emas dengan perak. Baginda pun membolehkannya dengan syarat mesti menggunakan harga yang berlaku pada hari itu dan barang telah dilakukan serah terima sebagai bukti kepemilikan sehingga tidak satu pun barang yang belum dilakukan serah terima.

Namun sekumpulan pakar hadith seperti al-Tirmidhi, al-Baihaqi dan lain-lain menilai hadith ini *mawquf* kepada Ibn Umar dan menyalahkan sebahagian ulama yang menilainya *marfu'* kepada Rasulullah (s.a.w),

kerana kebanyakan sahabat Ibn Umar menilainya *mawquf* kepadanya dan tidak menilainya sebagai hadith *marfu'*.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", periwayat hadith ini sama dengan hadith sebelumnya, Ibn Umar (r.a).

"بِالْبَقِيع", satu tempat berhampiran Masjid Nabawi di Madinah yang kemudian dijadikan sebagai kawasan perkuburan.

"فَأَبِيعُ بِالدَّنَانِيرِ", yakni dengan emas, kerana wang dinar terbuat daripada emas.

"وَآخُذُ الدَّرَاهِمَ", yakni dengan perak.

"هَذَا مِنْ هَذِهِ وَأُعْطِي هَذَهِ مِنْ هَذا", maksudnya dinar ini ditukar dengan dirham ini dan dirham ini ditukar dengan dinar ini. Apa yang saya lihat dalam kebanyakan naskah Sunan Abu Dawud disebutkan: "Aku membeli dengan membayar wang dirham dan mengambil bakinya dengan wang dinar dan menjual dengan menerima wang dinar dan mengembalikan dengan wang dirham.

"لاَ بَأْسَ أَنْ تَأْخُذَهَا", sebagai alat pembayaran.

"وَبَيْنَكُمَا شَيْءٌ", sebelum dilakukan serah terima.

Fiqh Hadith

1. Al-Baqi' pada suatu masa dahulu merupakan pasar tempat berjual beli
2. Berniaga adalah disunatkan, tetapi bekerja dengan menggunakan tangan sendiri adalah lebih diutamakan.
3. Dibolehkan melakukan suatu pekerjaan jika dianggap benar sebelum menanyakan kedudukan hukumnya.
4. Disunatkan menanyakan suatu perbuatan yang di dalamnya terdapat keraguan sama ada hukumnya halal ataupun haram, terlebih-lebih lagi suatu yang berkaitan dengan urusan perniagaan, meskipun kedua pihak menganggapnya telah melakukan yang benar. Jika seseorang ragu sama ada yang dilakukan itu itu benar atau sebaliknya, maka dia wajib menanyakannya terlebih dahulu sebelum melakukannya.
5. Dibolehkan mengambil emas sebagai ganti perak dan sebaliknya dengan syarat transaksi tersebut mematuhi harga yang berlaku pada hari itu dan harga telah dibayar secara tunai. Inilah pendapat majoriti ulama, malah semua mereka telah bersepakat untuk itu kecuali Abu Salamah bin Abdurrahman bin 'Auf dan Ibn Syabramah.

٢٥- وَعَنْهُ قَالَ: نَهَى صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ النَّجْشِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

25- Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang daripasda jual beli *al-najasy*." (Muttafaq 'alaih: 825)

Makna Hadith

Segala bentuk penipuan dalam jual beli adalah batil dan jual beli *al-najasy* merupakan salah satu bentuk penipuan dalam berjual beli, di mana pemilik barang melakukannya seorang diri atau melalui bantuan orang lain dengan cara menampilkan barang seelok yang mungkin dalam pandangan pembeli supaya tertarik membelinya dan mahu membayar dengan harga yang lebih tinggi daripada yang semestinya.

Analisis Lafaz

"النَّجْش", dengan membaca *fatah* huruf *nun* dan *sukun* pada huruf *jim*. Ia secara bahasa bermaksud menghalau haiwan buruan dari tempatnya untuk diburu, manakala menurut syari'at pula adalah menaikkan harga jual suatu barang di hadapan orang yang tidak berminat membelinya supaya orang itu mahu membelinya dengan harga yang tinggi. Dengan ini, pembeli yang sebenar tertipu dengan transaksi yang dilakukan oleh pembeli pertama.

Fiqh Hadith

Haram jual beli dengan cara *al-najasy*. Inilah ijma' ulama fiqh, tetapi mereka berbeza pendapat sekiranya jual beli ini telah terlanjur terjadi, apakah jual beli tersebut dianggap sah atau sebaliknya?

Ulama hadith, ahli zahir, Imam Malik dalam satu ruwayat, mazhab Hanbali dalam mazhab yang masyhur menegaskan jual beli *al-najasy* yang sudah terlanjur terjadi dianggap *fasid* jika itu sengaja dilakukan oleh penjual.

Menurut mazhab Maliki dalam mazhab yang masyhur dan ini merupakan pendapat mazhab Syafi'i, jual beli *al-nasjay* yang sudah terlanjur terjadi hendaklah dilakukan *khiyar* (pilihan) sama ada ia diteruskan atau sebaliknya.

Menurut mazhab Syafi'i dalam mazhab yang paling sahih dan ini merupakan pendapat mazhab Hanafi, jual beli ini sah tetapi penjual dan pembeli tetap berdosa.

Menurut Ibn Abdul Barr, Ibn Arabi dan Ibn Hizam, jual beli *al-najasy* menjadi haram jika kenaikan harga melebihi harga harga pasaran. Jika seseorang melihat barang tanpa dibubuh harga padanya lalu penjual

menaikkan harganya dengan kadar yang wajar, maka jual beli seperti ini tidak dikategorikan sebagai jual beli *al-najasy*.

٢٦- عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ الْمُحَاقَلَةِ، وَالْمُزَابَنَةِ، وَالْمُخَابَرَةِ، وَعَنْ الثُّنْيَا، إِلاَّ أَنْ تُعْلَمَ. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ ابْنَ مَاجَه، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ.

26- Daripada Jabir bin Abdullah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang daripada *al-muhaqalah, al-muzabanah*, *al-mukhabarah*, *al-tsunya* kecuali jika diberitahu terlebih dahulu. (Diriwayatkan oleh al-Khamsah kecuali Ibn Majah dan dinilai sahih oleh al-Tirmidhi: 826)

Makna Hadith

Hadith ini mencakupi tiga jenis jual beli yang biasa dipraktikkan masyarakat jahiliyah, kemudian Islam melarang daripada mempraktikkannya, kerana di dalamnya memuatkan unsur spekulasi dalam penilaian dan lain-lain, seperti menjual buah anggur basah dengan anggur kering, menjual buah yang masih berada di atas pohonnya meskipun sama jenisnya atau menjual sesuatu yang disertai syarat yang tidak diketahui. Hadith ini turut memuatkan larang keempat iaitu melakukan suatu pekerjaan di mana pekerja belum mengetahui dengan pasti berapa sebenarnya jumlah upah yang mesti dia terima kelak sebaik kerjanya selesai.

Analisis Lafaz

"الْمُحَاقَلَةِ", ada beberapa takrif berkaitan perkataan ini yang antara lain:

Pertama, menjual makanan yang masih berada di tangkainya dengan biji-bijian. Ia berasal dari perkataan "الحقل". Inilah pendapat Abu Ubaid.

Kedua, menjual tanaman sebelum masak dan sebelum diketahui berapa jumlah hasil yang bakal diperoleh. Inilah pendapat al-Laits.

Ketiga, menjual kembang kurma yang masih berada di dalam dahannya dengan buah tamar yang sudah dipetik.

Keempat, menyewakan tanah dengan bayaran berupa gandum, makanan atau tanaman yang tumbuh di kawasan tanah tersebut. Inilah pendapat Imam Malik.

Kelima, menjual tanaman dengan gandum. Inilah tafsiran Jabir periwayat hadith ini dan beliau pastinya lebih mengetahui maksud hadith ini.

"الْمُزَابَنَةِ", perkataan ini berasal dari perkataan "الزبن" dengan membaca *fatah* huruf *zai* yang bermaksud menolak dengan cara yang kuat, kerana setiap pembeli dan penjual saling menolak hak masing-masing mereka. Ibn Umar mentafsirkannya sebagai menjual buah ruthab (kurma basah) dengan tamar (kurma kering), menjual zabib (anggur kering) dengan ('inab) anggur basah, sementara kurma basah dan anggur basah itu masih berada di atas pohonnya, berbeza dengan kurma kering dan anggur yang sudah kering. Takrifnya adalah menjual buah yang masih berada di atas pohonnya dengan buah yang serupa dengan yang telah dipetik. Inilah takrif *al-muzabanah*.

"الْمُخَابَرَة", mengelola atau bercucuk tanam di atas tanah dengan membagi hasilnya sesuai tanaman yang tumbuh daripadanya.

"الثُّنْيَا", *al-istitsna'* maksudnya adalah seorang penjual berkata: "Aku menjual barang ini, kecuali sebahagian daripadanya."

"إِلاَّ أَنْ تُعْلَمَ", melainkan jumlah pengecualian itu telah diketahui dengan pasti, maka dalam keadaan seperti ini dibolehkan menjual suatu barangan dengan pengecualian dan tidak ada larangan jual beli di dalamnya. Ini sama halnya dengan seorang penjual yang berkata: "Aku menjual semua kotak-kotak ini, kecuali kotak yang ini."

Fiqh Hadith

1. Larangan jual beli *al-muhaqalah*.
2. Larangan jual beli *al-muzabanah* yang perbahasannya akan dihuraikan dalam hadith ke-62.
3. Larangan jual beli *al-mukhabarah*. Inilah pendapat jumhur ulama, sementara Imam Ahmad, Ibn Khuzaimah, Ibn al-Mundzir, al-Khatthabi dari kalangan pengikut mazhab Syafi'i membolehkannya.
4. Larangan berjual beli jika dilakukan dengan pengecualian tanpa diketahui kadar dan ketentuannya. Sebahagian ulama pula berpendapat bahawa jika pengecualian dalam jual beli suatu barang melebih satu pertiga, maka jual beli itu dianggap *fasid*, meskipun pengecualian dalam jual beli itu telah diketahui dengan jelas.

٢٧- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْمُحَاقَلَةِ، وَالْمُخَاضَرَةِ، وَالْمُلاَمَسَةِ، وَالْمُنَابَذَةِ، وَالْمُزَابَنَةِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

27- Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang daripada jual beli *al-muhaqalah*, *al-mukhadharah*, *al-mulamasah*, *al-munabadzah* dan *al-muzabanah*." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 827)

Makna Hadith

Hadith ini melarang jual beli yang memuatkan unsur penipuan dan spekulasi, seperti menjual barang yang tidak diketahui dengan jelas kadarnya, tidak diketahui dengan pasti keadaan barang yang hendak dijual.

Analisis Lafaz

"الْمُحَاقَلَةِ", menjual tanaman yang masih berada di tangkainya dengan gandum yang sudah dituai. Ada pula pendapat lain yang mengemukakan takrif lain seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini.

"الْمُخَاضَرَةِ", menjual buah atau biji-bijian sebelum buahnya kelihatan sempurna.

"الْمُلاَمَسَةِ", seorang lelaki menyentuh pakaian orang lain pada waktu malam atau siang, kemudian dia tidak menerima pakaian tersebut kecuali orang yang menyentuhnya membeli barang tersebut tanpa dibolehkan melihatnya terlebih dahulu. Menurut Ma'mar, *al-mulamasah* adalah seseorang menyentuh pakaian dengan tangannya dengan tidak boleh memeriksanya ketika menyentuh pakaian itu. Jika telah menyentuhnya, maka orang yang menyentuhnya itu wajib membelinya.

"الْمُنَابَذَةِ", menurut al-Zuhri, jual beli ini dilakukan ketika seseorang berkata: "Lemparkan kepadaku apa yang ada padamu, kemudian aku akan melempar apa yang ada padaku untukmu."

Menurut Abu Hurairah, jual beli ini dilakukan dengan cara berkata: "Aku akan mengeluarkan apa yang ada padaku dan engkau pula mesti mengeluarkan apa yang ada padamu", kemudian setiap mereka wajib membeli barang yang telah dikeluarkan oleh rakannya sendiri tanpa melihat terlebih dahulu barang tersebut. Kedua-dua takrif ini memiliki makna yang sama.

"الْمُزَابَنَةِ", penjelasan mengenainya telah pun dibahas pada hadith sebelum ini.

Fiqh Hadith

1. Larangan jual beli *al-muhaqalah*.
2. Larangan jual beli *al-mukhadharah* dan jual beli seperti ini dianggap tidak sah, tetapi menurut ulama mazhab Syafi'i, jual beli seperti ini dianggap sah dengan syarat wajib mengetahui dengan jelas bentuk buah tersebut terlebih dahulu dan sudah dapat dimanfa'atkan. Namun jika barang itu berbentuk kacang tanah atau kacang sudan yang buahnya berada di dalam tanah, maka jual belinya dinyatakan

tidak sah, karena bentuk buah kacang tidak dapat dilihat oleh mata kasar.

3. Larangan jual beli *al-mulamasah*. Jual beli seperti ini memiliki tiga bentuk yang kesemuanya merupakan jual beli yang batil menurut ulama mazhab Syafi'i dan jumhur ulama. Ketiga-tiga bentuk jual beli *al-mulamasah* tersebut adalah: *Pertama*, seseorang datang dengan membawa pakaian berlipat atau ketika waktu gelap, kemudian dia menyentuhnya, kemudian penjual itu berkata: "Aku telah menjual barang ini kepadamu dengan syarat sentuhan kamu itu benar-benar diyakini memiliki kekuatan yang sama dengan penglihatanmu dan kamu tidak memiliki pilihan sebaik melihatnya kelak. Ini merupakan salah satu tafsiran yang paling tepat. *Kedua*, penjual menjadikan sentuhan sebagai syarat transaksi jual beli tanpa ada syarat tambahan. *Ketiga*, menjadikan sentuhan sebagai ganti kepada hak pilihan (*khiar*).
4. Larangan jual beli *al-munabadzah*. Jual beli seperti ini terdiri daripada tiga bentuk yang antara lain adalah: *Pertama*, menjadikan lemparan sebagai wujud transaksi jual beli tanpa perlu lagi ijab qabul. *Kedua*, menjadikan lemparan sebagai penghapus hak pilih (*khiar*). *Ketiga*, menjadikan lemparan sebagai syarat terjadinya jual beli.
5. Larangan jual beli *al-muzabanah* dan ini telah dibahas pada hadith sebelum ini.

Penting

Oleh kerana jual beli *al-mulamasah* dilarang lantaran pembeli tidak dibolehkan melihat barang yang hendak dibelinya, maka ulama fiqh berselisih pendapat tentang hukum jual beli barang yang tidak ada di tempat dan jual beli yang dilakukan oleh orang buta.

Membeli barang yang tidak ada di tempat menurut Imam al-Syafi'i adalah tidak sah, sedangkan menurut mazhab Hanafi dianggap sah, tetapi pembeli mempunyai hak pilih (*khiar*) ketika melihat barangan tersebut. Menurut Imam Malik dan Imam Ahmad pula, jika barang tersebut sesuai dengan ciri-ciri yang telah disebutkan, maka jual beli dinyatakan sah. Jika tidak, maka jual beli tidak sah.

Jual beli yang dilakukan oleh orang buta adalah batil menurut pendapat sebahagian besar ulama mazhab Syafi'i, sementara sebahagian kecil mereka berpendapat bahawa jual beli yang dilakukan oleh orang buta dinyatakan sah dengan syarat dia dapat mengetahui ciri-ciri sifat barang tersebut. Ini juga merupakan pendapat ini ulama mazhab Maliki dan mazhab Hanbali, sementara ulama mazhab Hanafi membolehkan jual beli yang dilakukan oleh orang buta secara mutlak.

٢٨- عَنْ طَاوُسٍ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ تَلَقَّوْا الرُّكْبَانَ، وَلاَ يَبِيعُ حَاضِرٌ لِبَادٍ". قُلْتُ لاِبْنِ عَبَّاسٍ: مَا قَوْلُهُ: "وَلاَ يَبِيعُ حَاضِرٌ لِبَادٍ؟" قَالَ: لاَ يَكُونُ لَهُ سِمْسَارًا." مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

28- Daripada Thawus daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jangan kamu membeli barang kafilah yang baru tiba dan jangan kamu membeli barang dari kafilah yang baru tiba sebelum sampai di pasar." Saya bertanya kepada Ibn Abbas: "Apa maksud sabda Rasulullah: "*La Yubi' Hadhirun li Bad*?" Beliau menjawab: "Tidak boleh menjadi calon atau orang tengah." (Muttafaq alaih dan lafaznya menurut al-Bukhari: 828)

Makna Hadith

Seseorang yang membawa barang dari suatu negeri ke negeri yang lain untuk tujuan diperjualbelikan pada dasarnya itu didorong oleh adanya perbezaan harga dan barang tersebut bakal laris manis di negeri yang bakal menerima timbunan barangan itu. Oleh itu, pemilik barang sebaiknya apabila berkeinginan membawa suatu barangan ke negeri lain melakukan kajian terlebih dahulu bagi mengenal pasti seberapa besar keuntungan jika memasukkan ke negeri berkenaan. Dengan cara ini, dia akan memperoleh keuntungan yang berlipat ganda. Ini berbeza halnya apabila dia ditemui peniaga tempatan sebelum memasuki pasar, kerana peniaga tempatan itu pastinya berusaha merahsiakan harga barang yang dibawa kafilah tersebut, sehingga dengan demikian dia hanya memperoleh sedikit keuntungan atau malah besar kemungkinan dia menuai kerugian dan dia menyesal hingga berkeinginan mengambil semula barang yang telah dijualnya kepada peniaga tempat yang menemuinya.

Hal ini mendatangkan kesan buruk kepada pembeli yang datang ke pasar, di mana mereka akan menjumpai barang tersebut dengan harga yang lebih tinggi, kerana jika barang yang diperoleh melalui banyak tangan, maka harga barang tersebut akan bertambah tinggi. Inilah makna *al-talaqqi al-rukban*. Adapun maksud jangan menjadi calon dan larangan membeli barang kafilah yang baru sampai adalah kerana Rasulullah (s.a.w) mengetahui bahwa kemaslahatan orang ramai mesti lebih diutamakan berbanding kemaslahatan peribadi.

Analisis Lafaz

"لاَ تَلَقَّوْا", jangan kamu memulakan, kemudian kamu keluar untuk menemui mereka.

"الرُّكْبَانَ", asal kalimat ini adalah "راكب" yang bermaksud seseorang yang membawa barang perniagaan kemudian dia didatangi orang lain untuk membeli barang yang dibawanya itu di negeri lain. Hadith ini hanya sekadar menyebutkan kebiasaan masyarakat Arab pada masa itu, kerana peniaga yang berkenderaan (*rakib*) dengan peniaga yang berjalan kaki adalah sama sahaja.

"حَاضِرٌ", orang yang menyaksikan kedatangan orang yang datang.

"لِبَادٍ", pedalaman dan pesisir, iaitu orang yang bertempat tinggal di pinggiran kota.

"سِمْسَارًا", orang yang bertanggung jawab terhadap keselamatan suatu perkara, kemudian kalimat ini digunakan untuk menyebut orang yang mengurus jual beli barangan milik orang lain dengan syarat dia memperoleh imbalan di atas penjualan barang tersebut.

Fiqh Hadith

1. Larangan menemui dan membeli barang yang dibawa oleh kafilah yang baru sampai. Ulama bersepakat bahawa hukum jual beli seperti ini adalah makruh, tetapi tidak seorang ulama pun yang mengatakan jual beli seperti ini *fasid* jika sudah terlanjur terjadi, namun Imam al-Syafi'i menetapkan hak pilih (*khiar*) bagi penjual ketika sudah memasuki pasar dan mengetahui harga yang sebenar. Ulama berbeza pendapat dalam menentukan tempat yang dianggap makruh melakukan jual beli seperti ini.

   Menurut ulama mazhab Syafi'i dan sekumpulan ulama yang lain, jual beli *talaqqi al-rukban* hanya berlaku apabila dilakukan di luar kawasan suatu negeri yang menjadi tujuan peniaga.

   Menurut Imam Malik, Imam Ahmad dan Ishaq, jual beli *talaqqi al-rukban* dimakruhkan jika dilakukan di luar pasar yang menjadi tujuan para peniaga.

   Menurut ulama mazhab Hanafi, jual beli ini tetap dilarang ketika menimbulkan kerugian bagi penjual.

   Pendapat lain mengatakan bahawa syarat untuk mengharamkan jual beli *talaqqi al-rukban* ini adalah jika pembeli yang menemui pedagang yang baru datang dari tempat yang jauh itu berbohong tentang harga sebenar pasar tempatan, kemudian mereka membeli barangan tersebut dengan harga yang lebih murah daripada harga pasaran.

   Pendapat lain mengatakan bahawa jual beli seperti ini diharamkan jika pembeli menyampaikan perkara-perkara yang boleh merugikan barangan milik para peniaga tersebut. Apapun, kesemua

syarat ini tidak mempunyai landasan dalil baik Sunnah mahupun dari ijma' ulama.

2. Larangan jual beli *al-hadhir li bad*. Jumhur ulama menggambarkan larangan ini adalah ketika peniaga asing dengan membawa barangan miliknya tiba di suatu negeri, maka penduduk kampung itu datang untuk membeli barang tersebut dengan mengatakan bahawa inilah harga yang sedang berlaku di negeri tersebut, bahkan dia berani mengatakan harga pembelian tersebut lebih tinggi daripada harga pasaran semasa. Pembeli di sini hanya sekadar menunjukkan kebiasaan masyarakat pada masa itu, kerana hukum masalah ini boleh terjadi dalam bentuk jenis pembelian yang lain. Ini kerana asal larangan jual beli ini boleh menyebabkan permusuhan antara pembeli dengan penjual. Inilah pendapat mazhab ulama Syafi'i dan mazhab Hanbali.

   Menurut Imam Malik, tidak dikatakan badwi (orang pinggiran) kecuali orang yang melakukan pembelian yang serupa dengan hadith tersebut di atas. Adapun orang yang telah mengetahui harga pasaran suatu barangan maka itu tidak termasuk ke dalam larangan yang tercantum di dalam hadith tersebut dan ini telah disepakati oleh mazhab Syafi'i dan mazhab Hanbali dalam bentuk jual belinya. Menurut mazhab Hanafi pula, maksud larangan jual beli *hadhir li bad* adalah orang setempat dilarang menjual keperluan asas penduduk kampung pada saat harga barang sedang melonjak naik akibat komudiri atas tersebut jarang dijumpai.

   Pada pensyarah, tafsiran yang dikemukakan oleh oleh mazhab Hanafi ini sama sekali tidak disokong oleh hadith tersebut di atas.

   Jadi, para ulama bersepakat bahawa hukum haram itu berlaku apabila telah mengetahui larangan yang terdapat dalam hadith ini dan peniaga tempatan menawarkan barang dagangannya kepada penduduk kampung, berbeza jika orang yang menawarkan barangan itu adalah penduduk kampung kepada penduduk tempatan.

3. Larangan menjadi calo sama ada dia melakukan tugasnya kerana diupah atau sebaliknya. Inilah pendapat jumhur ulama, sementara al-Bukhari dan sekumpulan ulama membolehkan kerjaya sebagai calo jika itu dilakukan tanpa meminta upah. Bagi mereka, kerjaya ini merupakan salah satu bentuk nasihat dan saling tolong menolong, namun pendapat ini tidak dapat dijadikan pegangan.

4. Larangan melakukan penipuan terlebih-lebih lagi dalam urusan peniagaan.

5. Mendahulukan kemaslahatan orang ramai ke atas kemaslahatan peribadi.

٢٩- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ تَلَقَّوا الْجَلَبَ، فَمَنْ تُلُقِّيَ فَاشْتُرِيَ مِنْهُ، فَإِذَا أَتَى سَيِّدُهُ السُّوقَ فَهُوَ بِالْخِيَارِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

29- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jangan kamu keluar meninggalkan pasar untuk menemui kafilah yang membawa barang dagangan. Barang siapa yang menemui kafilah kemudian membeli barang daripadanya, maka penjual tersebut memiliki hak pilih (*khiar*) ketika telah sampai di pasar." (Diriwayatkan oleh Muslim: 829)

Makna Hadith

Sebelum ini telah diterangkan alasan larangan jual beli *talaqqi al-rukban*, di mana di situ dijelaskan alasan larangannya kerana Islam lebih mengutamakan kemaslahatan kelompok berbanding kemaslahatan peribadi, larangan menipu dan larangan melakukan unsur ketidakpastian dalam berjual beli. Dalam hadith ini ditambahkan hukum dan cara mengelak jika jual beli *talaqqi al-rukban* itu terjadi, di mana pedagang atau kafilah yang membawa barang berhak untuk memilih (*khiar*) jika telah sampai di pasar dan mengetahui harga; dia boleh meminta kembali semula barang miliknya atau meneruskan transaksi yang telah dilakukan sebelumnya ketika mereka masih berrada di luar pasar.

Analisis Lafaz

"لاَ تَلَقَّوا الْجَلَبَ", jangan kamu keluar meninggalkan pasar atau kampung untuk menemui peniaga yang membawa barang dagangan.

"سَيِّدُهُ", pemilik barang.

"بِالْخِيَارِ", dia boleh memilih untuk meneruskan transaksi sebelumnya ketika berada di luar pasar atau malah membatalkannya.

Fiqh Hadith

1. Larangan jual beli *talaqqi al-rukban*.
2. Hak pilih (*khiar*) merupakan hak pemilik barang setelah sampai di pasar; dia boleh meneruskan transaksi yang telah dilakukan di luar pasar atau membatalkannya. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama. Menurut Imam Abu Hanifah dan sekumpulan ulama yang lain, pemilik barang tidak mempunyai hak pilih (*khiar*).

Apapun, hadith ini membetulkan kesalahan pendapat mereka.

٣٠- وَعَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَبِيعَ حَاضِرٌ لِبَادٍ، وَلاَ تَنَاجَشُوا، وَلاَ يَبِيعُ الرَّجُلُ عَلَى بَيْعِ أَخِيهِ، وَلاَ يَخْطُبُ عَلَى خِطْبَةِ أَخِيهِ، وَلاَ تُسْأَلُ الْمَرْأَةُ طَلاَقَ أُخْتِهَا لِتَكْفَأَ مَا فِي إِنَائِهَا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ . وَلِمُسْلِمٍ: "لاَ يَسُمِ الْمُسْلِمُ عَلَى سَوْمِ الْمُسْلِمِ".

30- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang jual beli *hadhir li bad*, jangan kamu melakukan jual beli *al-najasy*, jangan sekali-kali seseorang membeli barang yang sedang dibeli saudaranya, jangan meminang wanita yang sudah dipinang oleh saudaranya dan janganlah seorang wanita meminta saudarinya dicerai oleh suaminya sendiri untuk mendapatkan keuntungan dari perceraian itu supaya kelak dia dapat berkahwin dengan lelaki berkenaan." (Muttafaq alaihi. Menurut riwayat Muslim: "Janganlah seorang muslim menawar barang yang telah ditawar saudaranya yang muslim: 830).

Makna Hadith

Dalam hadith ini terdapat beberapa larangan yang sebahagian daripadanya telah dibahas sebelum ini seperti jual beli *hadir li bad*, dan jual beli *al-najasy*.

Beberapa larangan yang belum dibahas dalam hadith ini adalah membeli atau menawar barang yang sedang dalam tawaran orang lain dengan tujuan menaikkan harga sehingga mengakibatkan kerugian kepada salah satu pihak yang sedang bertransaksi, sama ada itu merugikan pembeli ataupun penjual.

Demikian pula masalah yang belum dibahas dalam hadith ini adalah larangan meminang wanita yang sedang berada dalam tunangan orang lain dan proses pertunangan itu masih sedang berlangsung, bahkan tidak ada izin daripada lelaki peminang yang pertama. Demikian pula seorang wanita dilarang menyuruh wanita lain meminta cerai kepada suaminya supaya dia dapat berkahwin dengan lelaki tersebut di mana ini sebagai syarat supaya lelaki tersebut dapat berkahwin dengannya.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", periwayat hadith ini sama dengan hadith sebelumnya, Abu Hurairah.

"نَهَى أَنْ يَبِيعَ حَاضِرٌ لِبَادٍ",ini telah dibahas sebelum ini.

"تَنَاجَشُوا", kalimat ini berasal dari perkataan al-Najasy dan telah dihuraikan sebelum ini.

"وَلاَ يَبِيعُ الرَّجُلُ عَلَى بَيْعِ أَخِيهِ", perkataan "يبيع" tetap mengekalkan dua huruf *ya'* dan dibaca *rafa'* kerana ia adalah *fi'il mudhari'* lantaran tidak didahului oleh huruf *la naïf*. Namun dalam jalur yang lain dibaca dengan jazam kerana didahului la nahi: "يبع". Gambaran penjualan bertindih adalah jual beli telah berlaku dengan syarat tetap wujud hak pilih (*khiar*). Dalam masa *khiar* itu, datanglah seseorang lalu berkata kepada pembeli: "Batalkan pembelian ini dan aku akan menjualnya kepadamu barang yang sama dengan harga yang lebih murah atau barang yang lebih bagus daripadanya." Gambaran pembelian bertindih pula adalah penjual pada masa *khiar* berkata: "Batalkan transaksi jual beli ini dan aku akan membelinya daripadamu dengan harga yang lebih tinggi lagi daripada harga yang sedia ada."

"وَلاَ يَخْطُبُ عَلَى خِطْبَةِ أَخِيهِ", seorang lelaki mengajukan pinangan kepada seorang perempuan yang telah dilamar oleh orang lain sedangkan lelaki berkenaan sudah tahu bahawa si perempuan tersebut masih belum mengambil keputusan. Penggunaan kalimat *al-akh* di sini hanya sekadar menujukkan kebiasaan. Ada pula pendapat lain mengatakan maksud perkataan *al-akh* di sini adalah persaudaraan mengikut istilah syariat Islam. Dengan kata lain, saudara seagama, bukan saudara seketurunan.

"تُسْأَلُ", meminta dan mengemukakan syarat.

"أُخْتِهَا", bukan saudari seketurunan, sebaliknya saudari seagama. Ini kerana mengikut kebiasaan yang berlaku di kalangan masyarakat pada masa itu. Maksudnya adalah calon isteri yang bakal dikahwini oleh seorang lelaki. Dia berkata: "Aku tidak bersedia berkahwin denganmu, kecuali engkau terlebih dahulu menceraikan isteri pertamamu itu."

"لِتَكْفَأَ", membalikkan bejana dan menumpahkannya.

"إِنَائِهَا", bekas yang biasa digunakan air minum. Maksudnya adalah supaya dia memperoleh keuntungan yang ada pada saudarinya, sehingga wanita yang merupakan isteri pertama lelaki tersebut tidak dapat lagi menikmati harta mantan (bekas) suaminya itu.

"لاَ يَسُم", jangan membeli barang yang sedang berada dalam tawaran orang lain.

Fiqh Hadith

1. Larangan jual beli *hadhir li bad*.
2. Larangan jual beli *al-najasy*.

3. Larangan membeli barang yang masih dalam tawaran orang lain dan ulama telah bersepakat untuk mengharamkannya.
4. Larangan meminang perempuan yang masih ditunang oleh orang lain, bahkan ulama telah bersepakat untuk mengharamkan pinangan apabila perempuan tersebut telah mengiyakan peminang pertama dan peminang pertama pula tidak mengizinkan adanya peminang lain datang kepadanya. Barang siapa berkahwin dengan perempuan yang telah ditunang oleh orang lain, maka dia berdosa, tetapi perkahwinannya tetap sah menurut jumhur ulama. Menurut Dawud al-Zahiri, perkahwinannya itu wajib di*fasakh* dan ini juga merupakan pendapat Imam Malik dalam riwayat yang lain. Dalam kaitan ini, jumhur ulama di sini menekankan adanya jawapan mengiyakan dari perempuan yang dipinang kepada peminang pertama. Jika tidak ada jawapan mengiyakan dari pihak perempuan, maka itu tidak termasuk meminang perempuan yang sedang dipinang oleh lelaki lain. Dalilnya adalah hadith Fatimah binti Qais ketika dipinang oleh Abu al-Jahm dan Mu'awiyah secara sekali gus. Keadaan ini diceritakan oleh Fatimah binti Qais kepada Rasulullah (s.a.w) malah baginda menambahkan bahawa Fathimah turut dipinang oleh Usamah bin Zaid, kerana baginda mengetahui hal itu. Namun Fathimah setiap kali menerima pinangan tersebut tidak bersikap menolak atau bersikap menerima. Hadith ini dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan sekumpulan ulama.
5. Larangan bagi wanita untuk mendesak seorang lelaki menceraikan isteri pertamanya sebagai syarat untuk berkahwin dengannya.

٣١- عَنْ أَبِي أَيُّوبَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "مَنْ فَرَّقَ بَيْنَ وَالِدَةٍ وَوَلَدِهَا، فَرَّقَ اللهُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ أَحِبَّتِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ". رَوَاهُ أَحْمَدُ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ، وَالْحَاكِمُ، وَلَكِنْ فِي إِسْنَادِهِ مَقَالٌ. وَلَهُ شَاهِدٌ.

31- Daripada Abu Ayyub al-Anshari (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa yang memisahkan antara anak dengan ibunya, Allah akan memisahkannya dengan orang yang dicintainya pada hari kiamat kelak." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, dinilai sahih oleh al-Tirmidhi dan al-Hakim, namun sanadnya masih dipertikai oleh ulama. Apapun, ia memiliki *syahid*: 831)

٣٢- عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَمَرَنِي رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ أَبِيعَ غُلاَمَيْنِ أَخَوَيْنِ، فَبِعْتُهُمَا، فَفَرَّقْتُ بَيْنَهُمَا، فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: أَدْرِكْهُمَا، فَارْتَجِعْهُمَا، وَلاَ تَبِعْهُمَا إِلاَّ جَمِيعًا. رَوَاهُ أَحْمَدُ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ، وَقَدْ صَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ الْجَارُودِ وَابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ وَالطَّبَرَانِيُّ وَابْنُ الْقَطَّانِ.

32- Daripada Ali bin Abu Thalib (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) menyuruhku untuk menjual dua orang hamba yang bersaudara. Aku segera menjual keduanya hingga menyebabkan mereka berdua terpisah. Keadaan ini kemudian aku beritahukan kepada Rasulullah (s.a.w) lalu baginda bersabda: "Cari mereka dan kembalikan mereka bersatu seperti semula. Jangan kamu menjual mereka kecuali secara bersamaan dan mereka tetap bersatu." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan periwayatnya adalah thiqoh. Ia dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah, Ibn al-Jarud, Ibn Hibban, al-Hakim, al-Tabrani dan Ibn al-Qatthan: 832)

Makna Hadith

Kedua-dua hadith ini melarang daripada memisahkan antara ibu dengan anaknya atau memisahkan dua orang yang bersaudara meskipun mereka hamba sahaya di mana tuan mereka ingin menjual mereka secara bersamaan atau menjual salah seorang di antara mereka, kerana keadaan sedemikian menyebabkan mereka sedih dan pilu. Jika hamba itu terpaksa dijual, maka juallah mereka secara bersamaan tanpa harus memisahkannya antara satu sama lain.

Analisis Lafaz

"فَرَّقَ", memisahkan sama ada dengan cara menjual, menghibahkan atau menyedekahkannya kepada orang lain.

"فِي إِسْنَادِهِ مَقَالٌ", salah satu istilah dalam riwayat hadith. Ini kerana di dalam sanadnya terdapat Huyay bin Abdullah al-Mu'afiri dan ulama hadith masih mempertikai kedudukannya.

"وَلَهُ شَاهِدٌ", *syahid* dalam istilah ulama hadith adalah matan hadith atau lafaz yang semakna dengannya datang menerusi jalur seorang sahabat yang berlainan dengan jalur riwayat yang pertama. Barangkali apa yang dimaksudkan dengan *syahid* ini adalah sokongan, bukannya adanya hadith dengan lafaz yang sama. Ini kerana Ibn Hajar setelah itu menyebut hadith

Ali bin Abu Thalib dan ia merupakan syahid yang bagus untuk menguatkan hukum yang terdapat pada hadith sebelumnya, meskipun tidak menyokong isi secara keseluruhannya.

Antara hadith yang menyokong hukum yang terdapat di dalam hadith di atas adalah hadith 'Ubadah bin al-Shamit yang dinilai sebagai hadith *marfu'*:

لاَ يُفْرَقُ بَيْنَ الْأُمِّ وَوَلَدِهَا، قِيْلَ: إِلَى مَتَى؟ قَالَ: حَتَّى يَبْلُغَ الْغُلاَمُ وَتَحِيْضَ الْجَارِيَةُ.

"Jangan memisahkan antara ibu dengan anaknya." Ada seseorang bertanya: "Sampai bilakah itu?" Beliau menjawab: "Sampai si anak lelaki berusia baligh dan hingga anak perempuan mula datang haid." (Diriwayatkan oleh al-Daruqathni, al-Hakim dan al-Baihaqi, tetapi kedudukan hadith ini daif).

Hadith ini turut disokong oleh hadith Abu Musa:

لَعَنَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ فَرَّقَ بَيْنَ الْوَالِدَةِ وَوَلَدِهَا وَبَيْنَ الْأَخِ وَأَخِيْهِ.

"Rasulullah (s.a.w) melaknat seseorang yang memisahkan antara ibu dengan anaknya dan antara dua orang yang bersaudara." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah, tetapi sanadnya daif).

Sebuah hadith apabila disokong oleh beberapa *syahid* seperti ini akan naik kedudukannya menjadi *hasan*. Inilah yang dimaksudkan oleh Ibn Hajar, tambahan pula apabila digabungkan dengan hadith 'Umar yang melarang daripada menjual budak perempuan yang melahirkan anak tuannya. Ia menjadi *syahid* bagi hadith ini secara umum.

"أَدْرِكْهُمَا", kejar dan cari mereka.

"وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ", periwayatnya dinilai thiqoh. Dengan cara ini, suatu hadith dapat dinyatakan kedudukannya, kerana penilai thiqoh bagi periwayat belum memadai untuk menyatakan hadith itu sahih, sebab ada kemungkinan ia *munqathi'*, *ma'lul* dan lain-lain. Inilah yang dimaksudkan oleh Ibn Hajar. Abu Hatim telah menilai hadith ini *ma'lul* dalam kitab *al-'Ilal* kerana al-Hakam mendengarnya daripada Maimun bin Abu Syabib, sementara beliau meriwayatkannya daripada Ali bin Abu Thalib, manakala Maimun pula tidak sempat bertemu dengan Ali bin Abu Thalib. Jadi jelaslah bahawa sanad hadith ini *munqathi'*.

Fiqh Hadith

1. Larangan memisahkan antara ibu dengan anaknya dan antara saudara dengan saudaranya yang berstatus hamba sahaya, tetapi ulama tidak menganggap hukum ini sebagai umum. Oleh itu, mereka berbeza pendapat dalam masalah ini sebagai berikut: Abu Hanifah berkata: "Tidak boleh memisahkan antara ibu dengan anaknya. Demikian pula antara ayah dengan anaknya. Demikian pula antara dua orang yang bersaudara." Ibn al-Qasim berkata: "Boleh memisahkan antara ayah dengan anaknya, sementara selain itu seperti mana yang disebut oleh mazhab Hanafi tidak boleh dipisahkan." Al-Sya'bi berkata: "Tawanan perang ketika hendak dijual tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain, namun tidak mengapa apabila dipisahkan." Jumhur ulama membolehkan untuk memisahkan antara dua orang bersaudara ketika hendak dijual." Imam Malik berkata: "Boleh memisahkan antara anak dengan ibunya dengan syarat adanya persetujuan daripada ibu."

   Ulama bersepakat bahwa hukum haram ini berlaku bagi setiap perbuatan yang memaksa adanya tindakan seperti hibah dan nazar. Kebanyakan mereka pula mengatakan hukum ini hanya berlaku bagi mereka yang belum berusia baligh. Jika sudah baligh, maka tidak ada salahnya memisahkan mereka dengan ibunya. Imam Ahmad berkata: "Tidak boleh memisahkan antara anak dengan orang tuanya sama ada anaknya masih kecil ataupun sudah besar."
2. Jual beli dianggap *fasid* jika berlaku pemisahan. Inilah pendapat jumhur ulama, namun Abu Hanifah berpendapat jual beli seperti ini tetap dianggap sah, tetapi pelakunya berdosa. Apapun, zahir hadith tersebut di atas memperkuat pendapat yang dikemukakan jumhur ulama.
3. Mewakilkan dalam berjual beli adalah dibolehkan, walaupun orang yang mewakilkan tidak menjelaskan sebahagian syarat-syarat jual beli apabila diyakini orang yang diwakilkan bakal mengetahui apa-apa yang mesti dia lakukan.

Penting

Ulama berbeza pendapat tentang pemisahan antara anak haiwan dengan induknya ketika dijual. Ada dua pendapat dalam masalah ini. Apapun, pendapat yang paling sahih melarang daripada memisahkan anak haiwan dengan induknya.

٣٣- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: غَلاَ السِّعْرُ بِالْمَدِينَةِ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ النَّاسُ: يَا رَسُولَ اللهِ، غَلاَ السِّعْرُ، فَسَعِّرْ لَنَا، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ اللهَ هُوَ الْمُسَعِّرُ الْقَابِضُ الْبَاسِطُ الرَّازِقُ، وَإِنِّي لَأَرْجُو أَنْ أَلْقَى اللهَ تَعَالَى، وَلَيْسَ أَحَدٌ مِنْكُمْ يَطْلُبُنِي بِمَظْلِمَةٍ فِي دَمٍ وَلاَ مَالٍ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ النَّسَائِيَّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

33- Daripada Anas bin Malik (r.a), beliau berkata: "Pada masa Rasulullah (s.a.w) di Madinah, harga barang melonjak naik. Orang ramai berkata: "Wahai Rasulullah, harga barangan sekarang melonjak naik, maka tetapkanlah harga untuk kami." Baginda bersabda: "Sesungguhnya yang berhak menentukan harga adalah Allah, yang maha menggenggam, yang maha meluaskan dan yang maha memberikan rezeki. Sesungguhnya aku sentiasa berharap ketika aku dipanggil oleh Allah tidak seorang pun di antara kamu yang memintaku untuk melakukan satu kezaliman sama ada terhadap jiwa mahupun terhadap harta kamu." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah kecuali al-Nasa'i, dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 833)

Makna Hadith

Hadith ini melarang penguasa, menteri atau penguatkuasa pasar daripada berbuat sewenang-wenang di pasar dengan menentukan harga jual beli barangan, kerana perbuatan sedemikian merupakan salah satu bentuk perbuatan zalim yang dilarang di sisi Islam. Harga suatu barangan sememangnya naik dan turun; tidak pernah tetap, ditambah lagi biaya pengangkutan suatu barang sering kali naik turun. Keadaan ini menjadikan harga suatu komuditi naik turun dan penentuan harga menyebabkan kerugian terhadap perbezaan modal suatu barangan, sementara Rasulullah (s.a.w) adalah seorang yang paling mengenal Allah dan paling takut kepada-Nya dan oleh itu baginda sentiasa berasa takut untuk berbuat zalim. Dari sinilah baginda melarang daripada menentukan harga barang bagi umat manusia.

Analisis Lafaz

"غَلاَ السِّعْرُ", harga melonjak naik. *Al-Si'r* adalah harga.

"الْمُسَعِّرُ", menurut Ibn al-Arabi, perkataan "al-Musa'ir" hanya disebut dalam hadith ini sebagai jawapan ke atas soalan. Ini dibolehkan di sisi ijma' sebagai jawapan dengan syarat disandarkan kepada nama Allah

sebagaimana perkataan sahabat kepada Rasulullah (s.a.w): "Bawalah kami." Baginda bersabda: "Aku bukanlah yang membawa kalian, tetapi yang membawa kalian adalah Allah." Ibn al-Arabi berkata: "Demikian pula dengan perkataan: "Menggerakkan dan menenangkan kamu." Perkataan seperti ini dibolehkan jika disandarkan kepada nama Allah.

"الْقَابِضُ", yang maha menggenggam.

"الْبَاسِطُ", yang maha meluaskan.

"مَظْلِمَةٍ", melakukan satu kali kezaliman.

"دَم", pembunuhan atau qisas.

"مَالٍ", ini merupakan perumpamaan bagi hak terhadap segala sesuatu.

Fiqh Hadith

1. Setiap permasalahan hendak merujuk kepada pemimpin terlebih-lebih lagi ketika berlaku perkara penting untuk meminta bantuan.
2. Boleh meminta cadangan atau saranan kepada pemimpin atau pihak berkuasa.
3. Betapa takut dan takwa Rasulullah (s.a.w) kepada Allah sangat besar.
4. Larangan menetapkan dan menentukan harga komoditi di pasar, malah penentuan dan penetapan ini merupakan salah satu bentuk perbuatan zalim. Inilah pendapat jumhur ulama. Menurut Imam Malik, boleh menentukan harga komoditi dengan syarat itu tidak merugikan pembeli dan penjual. Dalam kaitan ini, faktor waktu dan keadaan hendaklah sentiasa menjadi perhatian pihak berkuasa.

٣٤- عَنْ مَعْمَرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لاَ يَحْتَكِرُ إِلاَّ خَاطِئٌ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

34- Daripada Ma'mar bin Abdullah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Segala bentuk perbuatan menyorok barang adalah perbuatan salah." (Diriwayatkan oleh Muslim: 834).

Makna Hadith

Hadith ini melarang untuk menahan dan menyorok komoditi dengan tujuan supaya harganya naik. Ketika harga naik, dia menjual barang tersebut dengan harga tinggi untuk mendapat keuntungan yang berlipat ganda.

Analisis Lafaz

"لاَ يَحتَكِرُ", jangan kamu menyorok barang dengan tujuan agar harganya naik. Kata benda bagi kalimat ini adalah "الحكر" dan "الحكرة".

"خَاطِئٌ", perbuatan maksiat dan dosa.

Ibn al-Arabi berkata: "Lafaz ini masih dalam perdebatan yang bentuk wujudnya dalam bahasa Arab masih dipertikai. Perkataan "خطئ في دينه" bermaksud orang yang berdosa dalam agamanya sedangkan perkataan "أخطأ" bermaksud melakukan kesalahan sama ada sengaja ataupun tidak.

Fiqh Hadith

Haram hukumnya menyorok barang mengikut kesepakatan ulama, tetapi mereka berbeza pendapat tentang jenis dan tempatnya.

Menurut Imam Malik dan al-Tsawri, monopoli adalah segala bentuk perbuatan menyorok barang adalah dilarang apabila menimbulkan kerugian dan kesusahan bagi orang ramai, kecuali menimbun buah-buahan. Pendapat ini turut dikemukakan oleh Abu Yusuf.

Menurut Imam Ahmad yang diriwayatkan oleh Abu Dawud bahawa monopoli adalah menimbun barang yang merupakan keperluan asas orang ramai. Ia hanya berlaku dinegeri Madinah, Makkah dan sempadan negara. Ulama mazhab Syafi'i pula mentakrifkan monopoli sebagai menimbun bahan keperluan asas manusia dan haiwan ternakan.

Para ulama kemudian membetulkan takrif mereka terhadap monopoli, lalu mereka berbeza pendapat mengenai waktu monopli kepada dua pendapat, iaitu:

Pendapat pertama mengatakan monopoli boleh berlaku setiap masa dan saat. Inilah pendapat jumhur ulama.

Pendapat kedua mengatakan monopoli hanya terjadi ketika penimbunan barang itu dilakukan pada saat orang ramai amat memerlukannya.

Oleh kerana wujud pelbagai pemahaman seperti ini, pada bahagian akhir hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud disebutkan: "Maka aku berkata – orang yang berkata adalah Muhammad bin Amr – kepada Sa'id bin al-Musayyab: "Sesungguhnya engkau telah melakukan monopoli." Sa'id pula berkata: "Bahkan Ma'mar pula pernah melakukan monopoli."

Hadith ini menunjukkan bahawa larangan penimbunan hanya berlaku bagi jenis-jenis barangan tertentu sahaja, bukan bagi setiap penimbunan. Jika tidak demikian, tidak mungkin bagi Sa'id melakukan penimbunan, demikian pula dengan Ma'mar, malah disebutkan bahawa Sa'id pernah menimbun minyak.

Periwayat Hadith

Ma'mar bin Abdullah dengan membaca *fatah* huruf *mim*, *sukun* huruf *'ain*, kemudian setelah itu ada huruf *mim* yang dibaca *fatah*. Beliau masuk Islam sejak awal lagi, kemudian berhijrah ke negeri Habsyah. Beliau termasuk orang terakhir berhijrah ke Madinah, kemudian hijrah dan menetap di Madinah. Beliau merupakan salah seorang sahabat yang dikurniakan usia panjang. Inilah satu-satunya hadith yang beliau riwayatkan dan satu lagi hadith tentang riba.

٣٥- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لاَ تَصُرُّوا الْإِبِلَ وَالْغَنَمَ، فَمَنِ ابْتَاعَهَا بَعْدُ فَإِنَّهُ بِخَيْرِ النَّظَرَيْنِ بَعْدَ أَنْ يَحْلُبَهَا؛ إِنْ شَاءَ أَمْسَكَهَا، وَإِنْ شَاءَ رَدَّهَا وَصَاعًا مِنْ تَمْرٍ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَلِمُسْلِمٍ: "فَهُوَ بِالْخِيَارِ ثَلاَثَةَ أَيَّامٍ". وَفِي رِوَايَةٍ لَهُ عَلَّقَهَا الْبُخَارِيُّ: "رَدَّ مَعَهَا صَاعاً مِنْ طَعَامٍ لاَ سَمْرَاءَ". قَالَ الْبُخَارِيُّ: وَالتَّمْرُ أَكْثَرُ.

35- Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Jangan kamu menahan susu unta dan kambing dengan cara mengikat kantong susunya sehingga susunya tidak dapat keluar. Barang siapa membelinya (unta atau kambing) itu, maka dia berhak mendapat hak pilih (*khiar*) setelah dia memerahnya; dia boleh meneruskan transaksi atau mengembalikan haiwan yang dibelinya itu dengan menambah satu lagi sha' kurma." (Muttafaq alaihi). Menurut riwayat Muslim disebutkan: "Dia berhak mendapat hak pilih (*khiar*) selama tiga hari." Menurut riwayat al-Bukhari disebutkan: "Dia mengembalikan haiwan tersebut bersama satu sha' makanan, bukan biji gandum." Al-Bukhari berkata: "Riwayat yang menyebut kurma lebih banyak": 835.

٣٦- عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مَنِ اشْتَرَى شَاةً مُحَفَّلَةً، فَرَدَّهَا، فَلْيَرُدَّ مَعَهَا صَاعًا. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ. وَزَادَ الْإِسْمَاعِيلِيُّ: مِنْ تَمْرٍ.

36- Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: "Barang siapa membeli seekor kambing yang kantong susunnya diikat supaya air susunya tidak keluar lalu dia ingin memulangkannya, maka hendaklah dia memulangkannya dengan menambahkan satu lagi sha' makanan." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan al-'Isma'ili menambahkan: "dengan makanan jenis kurma": 836).

Makna Hadith

Hadith ini merupakan salah satu landasan yang melarang penipuan sekali gus memperbaiki kerosakan selagi masih ada kemungkinan untuk diperbaiki. Ini kerana masyarakat jahiliah selalunya menjual kambing atau unta di mana sebelumnya mereka mengikat kantong susunnya supaya airnya tidak keluar. Keadaan ini dibiarkan selama beberapa hari hingga kantong susu haiwan berkenaan membengkak seolah-olah banyak dipenuhi air susu di dalamnya. Ketika pembeli melihatnya, dia merasa tertarik untuk membeli kerana orang itu mengira susu kambing atau unta itu banyak. Di sini syari'at Islam memberikan hak pilih (*khiar*) kepada pembeli kambing atau unta ini setelah melihat keadaan sebenar, sama ada tetap meneruskan transaksi jual beli atau mengembalikannya dengan menambah satu lagi sha' makanan sebagi ganti rugi ke atas susu kambing atau unta yang telah diperahnya setelah membelinya.

Analisis Lafaz

"لاَ تَصُروُا", kalimat dibaca dengan tiga baris; pertama, dibaca dengan baris *dhammah* huruf *ta'* dan *fathah* huruf *shad* dengan mengikut wazan "تزكوا"; kedua, dibaca dengan baris *fathah* huruf *ta'* dan d*hammah* huruf *shad*; ketiga, huruf pertama dibaca dengan baris *dhammah*, huruf kedua dibaca dengan baris *fathah* tanpa menggunakan huruf *waw* kerana *mabni li al-majhul*. Apapun, baris pertama adalah lebih masyhur.

Ia bermaksud menahan. Dengan erti kata lain, janganlah kamu menahan air susu supaya tidak keluar dari kantong susunya dengan cara mengikatnya.

Imam al-Syafi'i mendefinisikan *al-tashriyah* sebagai mengikat bahagian kantong susuan unta atau kambing, kemudian tidak mengambil air susunya sehingga air susunya kelihatan banyak dan ketika itulah pembeli mengira itu sudah memang demikian adanya lalu dia pun berhasrat membelinya dengan harga yang lebih mahal.

"ابْتَاعَهَا", membelinya.

"بِخَيْرِ النَّظَرَيْنِ", dengan mengambil dua pendapat yang terbaik dan paling besar manfa'atnya.

"وَصَاعًا", mengembalikan kambing tersebut dengan menambah satu sha' makanan.

"سَمْرَاءَ", biji gandum.

"قَالَ الْبُخَارِيُّ: وَالتَّمْرُ أَكْثَرُ", yakni riwayat-riwayat yang secara tegas menyebut kurma lebih banyak berbanding daripada riwayat-riwayat yang tidak menyebut kurma meskipun kadang kala disebutkan hanya sekadar makanan.

"مُحَفَّلَةً", mengumpulkan. Diberi nama demikian kerana air susu berkumpul di dalam kantong susuannya.

"وَزَادَ الْإِسْمَاعِيلِي: مِنْ تَمْرٍ", al-Isma'ili ketika mentakhrij Sahih al-Bukhari menambahkan pada bahagian akhir hadith: "من تمر" sedangkan asal hadith dalam Sahih al-Bukhari yang dalam hal ini adalah hadith Ibn Mas'ud tidak dijumpai perkataan "من تمر". Ini salah satu kesilapan al-Hafiz Ibnb Hajar, kerana lafaz ini boleh didapati dalam kitab *al-buyu'*, bab *nahyi al-ba'i an yuhaffila*... Barangkali al-Hafiz Ibn Hajar tidak menyedari keberadaan lafaz ini. Wallahu a'lam.

Fiqh Hadith

1. Larangan jual beli dengan cara *al-tashriyah* (mengikat atau menahan air susu haiwan daripada diperah). Apakah larangan ini hanya berlaku ke atas unta dan kambing sahaja sebagaimana yang disebutkan dalam hadith atau sebaliknya? Ada perbezaan pendapat ulama dalam masalah ini. Menurut mazhab Hanbali dan sebahagian mazhab Syafi'i, larangan di dalam hadith ini khusus berlaku bagi haiwan ternakan, iaitu unta, lembu dan kambing. Menurut al-Bukhari dan sekumpulan ulama, larangan ini tidak hanya dikhususkan ke atas haiwan ternakan sahaja, sebaliknya ia berlaku umum.
2. Hak pilih (*khiar*) diberikan kepada pembeli *al-tahsriyah* selama tiga hari. Inilah pendapat jumhur ulama. Namun ada sesetengah ulama yang membatalkan hak pilih (*khiar*) selama tiga hari jika pembeli mengetahui adanya *al-tashriyah* sebelum berlalunya masa tiga hari. Apapun, pembelian ini tidak lagi memiliki hak pilih (*khiar*). Inilah pendapat yang dikemukakan oleh al-Khatthabi.
3. Dibolehkan memulangkan haiwan *al-tashriyah*. Inilah pendapat jumhur ulama seperti Imam Malik, al-Laits, al-Syafi'i, Imam Ahmad, Ishaq dan ramai lagi, tetapi dalam masalah ini Imam Abu Hanifah berbeza pendapat dengan berkata: "Pembeli tidak mempunyai hak pilih (*khiar*) dan tidak boleh memulangkan haiwan kerana *al-tashriyah*, namun Zufar dan Abu Yusuf yang merupakan murid Imam Abu Hanifah sependapat dengan jumhur ulama. Apapun, hadith tersebut merupakan dalil bagi jumhur ulama sekali gus sebagai bantahan kepada mazhab Hanafi yang sememangnya tidak mempunyai dalil dalam masalah ini. Tidak ada alasan lain untuk menolak hadith ini.
4. Memberikan satu sha' kurma ketika memulangkan satu ekor kambing atau unta kerana adanya *al-tashriyah*. Inilah pendapat jumhur ulama. Menurut Zufar, pembeli diberikan kebebasan memilih sama ada mengembalikan haiwan karena al-tashriyah itu dengan satu sha' kurma atau setengah sha' gandum. Pendapat ini senada turut dikemukakan oleh Ibnu Abu Laila dan Abu Yusuf. Dalam satu

riwayat Imam Malik dan sebahagian mazhab Syafi'i dinyatakan bahawa denda pemulangan haiwan kerana *al-tashriyah* mestilah disesuaikan dengan makanan asas sesebuah negeri berkenaan sama halnya dengan zakat fitrah.

5. Larangan menjual kambing yang sedang menyusui dengan kambing yang tidak sedang menyusui, kerana Islam telah menetapkan harga susu tersendiri meskipun ia masih berada di dalam kantong susu ternakan berkenaan. Jual beli seperti ini sama dengan jual beli riba dengan barang yang sejenisnya kerana salah satu di antara keduanya mempunyai lebihan berbanding barang yang lain. Ini adalah bentuk riba menurut yang diharamkan oleh ulama. Pendapat ini dikemukakan oleh al-Khatthabi.

٣٧- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ عَلَى صُبْرَةٍ مِنْ طَعَامٍ، فَأَدْخَلَ يَدَهُ فِيهَا، فَنَالَتْ أَصَابِعُهُ بَلَلاً، فَقَالَ: "مَا هَذَا يَا صَاحِبَ الطَّعَامِ؟" قَالَ: أَصَابَتْهُ السَّمَاءُ يَا رَسُولَ اللهِ. فَقَالَ: أَفَلاَ جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعَامِ كَيْ يَرَاهُ النَّاسُ؟ مَنْ غَشَّ فَلَيْسَ مِنِّي. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

37- Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah melewati salah satu tempat timbunan makanan, kemudian baginda memasukkan tangannya ke dalam timbunan itu lalu jarinya menyentuh bahagian objek yang basah. Melihat itu, baginda bersabda: "Apa ini wahai pemilik makanan?" Dia menjawab: "Ia terkena air hujan yang membasahinya wahai Rasulullah." Baginda bersabda: "Mengapa kamu tidak meletakkannya di bahagian atas supaya orang lain dapat melihatnya? Barang siapa yang menipu, maka orang itu tidak termasuk ke dalam golonganku." (Diriwayatkan oleh Muslim: 837).

Makna Hadith

Hadith ini merupakan salah satu landasan penting dalam bertransaksi, kerana di dalamnya disebutkan larangan untuk melakukan penipuan dan wajib memperlihatkan aib suatu barang yang hendak dijual. Ini merupakan salah satu asas yang menjadikan jual beli itu sah menurut syarat dan rukunnya.

Analisis Lafaz

"صُبْرَةٍ", dengan membaca *dhammah* huruf *shad* dan *sukun* huruf *ba'* yang bermaksud timbunan makanan atau buah-buahan yang hendak dijual.

"مِنْ طَعَام", seperti kurma, gandum atau selainnya.

"فَأَدْخَلَ يَدَهُ فِيهَا", yakni memasukkan tangannya ke dalam timbunan makanan itu. Dalam satu riwayat disebutkan: "Baginda kemudian menerima wahyu untuk memasukkan tangannya ke dalam timbunan jualan itu."

"بَلَلاً", air yang membasahi tempat dan timbunan, tetapi air itu tidak mengalir lantaran ia masih sedikit.

"أَصَابَتْهُ السَّمَاءُ", air hujan membahasahinya.

"غَشَّ", lawan kata kebaikan dan kejujuran, iaitu penipuan.

"فَلَيْسَ مِنِّي", baginda tidak mengeluarkan seseorang itu keluar daripada agama Islam, sebaliknya maksudnya adalah orang itu tidak termasuk orang yang mendapat hidayah daripada Rasulullah (s.a.w) menerusi Sunnah, petunjuk dan akhlanya.

Fiqh Hadith

1. Dibolehkan menyentuh, membelek dan memeriksa barang dagangan yang hendak dibeli walaupun tanpa memperoleh kebenaran terlebih dahulu daripada penjual selagi itu tidak menimbulkan kerosakan.
2. Disunatkan menanyakan sesuatu perkara sebelum mengingkarinya dan sebelum mengeluarkan suatu ketetapan hukum. Hendaklah pertanyaan itu dikemukakan dengan cara yang baik dan sopan.
3. Mengingkari pelaku kemungkaran dengan cara yang baik.
4. Memberi pengajaran kepada pelaku kemungkaran bagaimana cara meninggalkan kejahatan yang dilakukannya itu.
5. Wajib memberitahu cacat dan aib barang yang hendak dijual kepada pembeli dan haram merahsiakannya.
6. Larangan keras untuk melakukan penipuan kerana itu merupakan perbuatan yang diharamkan. Ini merupakan ijma' ulama. Al-Khatthabi berkata: "Merahsiakan cacat dan aib adalah haram, walaupun jual beli dianggap sah dan pembeli memiliki hak pilih (*khiar*) sebaik mengetahui cacat atau aib tersebut.

٣٨- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ حَبَسَ الْعِنَبَ أَيَّامَ الْقِطَافِ، حَتَّى يَبِيعَهُ مِمَّنْ يَتَّخِذُهُ خَمْراً، فَقَدْ تَقَحَّمَ النَّارَ عَلَى بَصِيرَةٍ". رَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ فِي "الْأَوْسَطِ" بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ.

38- Daripada Abdullah bin Buraidah daripada ayahnya, beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa yang menahan buah anggur

pada hari ia dipetik kemudian dijual kepada orang yang memprosesnya menjadi khamar, maka sesungguhnya orang itu dengan sengaja telah menghumban dirinya ke dalam api neraka." (Diriwayatkan oleh al-Tabrani dalam kitab al-Awsath dengan sanad yang baik: 838).

Makna Hadith

Hadith ini merupakan landasan yang melarang jual beli suatu barang yang bakal digunakan untuk perkara-perkara yang diharamkan, bahkan seseorang mendapat dosa yang lebih besar jika sengaja bertujuan membantu melancarkan perbuatan haram itu. Nas hadith ini merupakan salah satu bentuk yang diharamkan itu di mana ada seseorang yang enggan memetik buah anggur pada musim tuai supaya anggur itu mudah untuk diproses menjadi khamar. Setelah itu, dia barulah menjualnya kepada perusahaan yang memproses khamar. Rasulullah (s.a.w) memberitahukan bahawa perilaku seperti ini sama seperti orang yang sengaja menghumban dirinya masuk ke dalam api neraka.

Analisis Lafaz

Abdullah bin Buraidah, adalah Abu Sahal Abdullah bin Buraidah bin al-Hushaib al-Aslami. Beliau pernah menjawat kadi Marwa, seorang tabi'in yang thiqoh, pernah mendengar hadith daripada ayahnya dan orang selainnya. Meninggal dunia ketika menjawat sebagai kadi pada tahun 115 Hijriah. Ash-hab Kutub al-Sittah telah meriwayatkan hadith daripadanya.

"حَبَسَ", melarang, menahan dan mencegah.

"أَيَّامَ الْقِطَافِ", pada hari di mana orang lain memetik buah anggur untuk dimakan atau dijual.

"تَقَحَّمَ النَّارَ", menghumban dirinya sendiri ke dalam api neraka.

"عَلَى بَصِيرَةٍ", mengetahui sendiri sebab akibat seseorang itu dimasukkan ke dalam api neraka.

"بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ", inilah penilaian al-Hafiz Ibn Hajar meskipun hadith ini berasal daripada riwayat Abdul Karim bin Abdul Karim daripada al-Hasan bin Muslim daripada al-Husain bin Waqid daripada Abdullah bin Buraidah.

Adapun Abdul Karim bin Abdul Karim yang merupakan salah seorang pedagang, Abu Hatim berkata: "Saya tidak mengetahuinya dan hadithnya mengisyaratkan adanya kebohongan." Ibn Hibban menilainya sebagai thiqoh dan berkata: "Beliau seorang yang istiqamah dalam meriwayatkan hadith." Al-Hafiz Ibn Hajar tidak sependapat dengan pernyataan Abu Hatim dan berkata dalam kitab al-Lisan: "Pada hakikatnya, inilah dia Abdul Karim. Mungkin apa yang diprotes oleh Abu Hatim adalah kerana keberadaan

rakannya yang bernama Jabbarah. Buktinya, Abu Hatim sebelumnya berkata: 'Aku tidak mengetahuinya'." Dengan demikian, al-Hafiz Ibn Hajar menilai baik keadaan Abdul Karim ini.

Ada lagi satu permasalahan bahawa di dalam sanad hadith ini terdapat al-Hasan bin Muslim di mana Abu Hatim berkata mengenainya: "Dia seorang yang tidak diketahui dan hadithnya mengisyaratkan adanya kebohongan." Al-Zahabi berkata: "Dia mendatangkan khabar *mawdhu'* dalam masalah khamar." Al-Dhahabi kemudian menyebutkan hadith ini. Al-Hafiz Ibn Hajar menukil pernyataan ini di dalam kitab al-Lisan tanpa mengemukakan sebarang komentar.

Ini membuktikan hadith tersebut tidak sahih, sebaliknya ia sangat lemah dan al-Hafiz Ibn Hajar dalam masalah ini telah pun keliru kerana menilainya sebagai hasan.

Demikian pula dengan lafaznya menurut al-Tabrani. Demikian pula yang disebut kandalam kitab Majma' al-Zawa'id yang turut menukilnya daripada al-Tabrani yang di dalamnya terdapat lafaz: "حتى يبيعه من يهودي أو نصراني" (hingga menjualnya (buah anggur) kepada orang Yahudi dan Nasrani). Sementara al-Baihaqi menambahkamn: "أو ممن يعلم أنه يتخذه خمرا" (atau kepada orang yang diyakini anggur itu bakal dijadikan sebagai khamar).

Apapun, hadith ini menjadi landasan yang melarang jual beli barang yang bakal dijadikan sebagai khamar dan ia turut disokong oleh beberapa lafaz hadith yang lain, seperti hasid yang melarang membantu orang yang hendak berbuat maksiat, hadith yang melaknat peminum khamar, pemerah dan penjualnya… hingga akhir hadith. Masalah ini boleh dimasukkan ke dalam qiyas iaitu dengan mengqiyaskan hukum haram penjualan anggur untuk dijadikan menjadi khamar dengan kes-kes lain yang serupa dengannya.

Fiqh Hadith

1. Haram menjual anggur kepada pembeli yang bakal menjadikannya khamar. Menjual anggur yang disertai niat untuk dijadikan khamar adalah diharamkan mengikut ijma' ulama. Jika tidak ada niat atau tidak tahu bahawa anggur itu apabila dijual kelak akan dijadikan khamar, maka jual beli ini dibolehkan oleh sebahagian pengikut mazhab al-Hadiwiyah walaupun hukumnya makruh. Menurut al-Syaukani, zahir hadith ini menunjukkan bahawa jual beli dengan orang Nasrani dan Yahudi tidak dibolehkan secara mutlak.
2. Haram menjual barang untuk membantu perbuatan maksiat secara qiyas.
3. Haram menjual barang kecuali penjualannya bukan untuk tujuan perbuatan maksiat dan ini berdasarkan ijma' ulama.

٣٩- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْخَرَاجُ بِالضَّمَانِ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ، وَضَعَّفَهُ الْبُخَارِيُّ وَأَبُو دَاوُدَ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ الْجَارُودِ وَابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ وَابْنُ الْقَطَّانِ.

39- Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Segala sesuatu yang dikeluarkan mestilah mempunyai jaminan." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah, sementara al-Bukhari dan Abu Dawud menilainya daif, manakala al-Tirmidhi, Ibn Khuzaimah, Ibn al-Jarud, Ibn Hibban, al-Hakim dan Ibn al-Qatthan menilainya sahih: 839)

Makna Hadith

Asbabul wurud hadith ini adalah seorang lelaki membeli seorang hamba pada masa Rasulullah (s.a.w) hidup, kemudian pembeli berkenaan memulangkannya lantaran ada aib pada hamba tersebut, kemudian baginda memutuskan supaya hamba tersebut dikembalikan kerana terdapat aib padanya. Penjual berkata: "Pembeli telah pun memanfaatkan hamba itu." Baginda bersabda: "Segala sesuatu yang dikeluarkan (dipakai) mestilah mempunyai jaminan." Dengan erti kata lain, Rasulullah (s.a.w) menginginkan bahawa meskipun hamba tersebut telah mendatangkan manfa'at dan hasil berupa itu harta atau selainnya, namun manfaat itu tidak dapat diberikan kepada penjual, kerana pembeli memerlukan jaminan ke atas hamba tersebut dengan bukti bahawa seandainya hamba tersebut mati, maka orang yang menanggung kerugian adalah pembeli bukannya penjual. Jadi, manfa'at tersebut sebagai ganti rugi jaminan dan penjual tidak berhak meminta apa-apa ganti rugi jika hamba itu dipulangkan kerana terdapat aib yang ada padanya.

Ketentuan ini merupakan salah satu keadilan Islam kerana di dalamnya memuatkan larangan daripada menjuual sesuatu barangan yang di dalamnya terdapat agar tidak berlaku penipuan. Ketika penjual ingin menjual barangnya, dia hendaklah berkata: "Aku menjual barang ini dengan aib yang ada padanya. Jika barang ini rosak, kamu boleh meminta pulang bayaran. Jika dikembalikan, maka barangan tersebut harus dipulangkan bersama aibnya dan tidak ada ganti rugi, karena aib tidak boleh diperjual belikan."

Analisis Lafaz

"الْخَرَاجُ", pemasukan dan manfa'at. Asal makna *al-kharaj* adalah segala sesuatu yang keluar daripada sesuatu.

"بِالضَّمَانِ", membayar ganti rugi ketika barang tersebut rosak atau tidak ada ganti rugi kepada pemiliknya. Maksud huruf *ba'* di sini adalah *al-badal* (ganti rugi). Dengan erti kata lain, segala sesuatu yang mengeluarkan manfaat mestilah mempunyai jaminan. Ada pula yang mengatakan huruf ba' di sini adalah *al-sabab* (menyatakan sebab). Dengan erti kata lain, kami abaikan segala suatu yang mengeluarkan manfaat disebabkan adanya jaminan.

"وَضَعَّفَهُ الْبُخَارِيُّ", seperti mana yang ditegaskan al-Tirmidhi setelah meriwayatkan hadith ini daripada jalur Umar bin Ali al-Muqaddami daripada Hisyam bin 'Urwah daripada ayahnya daripada Aisyah. Al-Tirmidhi berkata: "Muhammad bin Isma'il al-Bukhari menilai hadith ini *gharib* kerana ia diriwayatkan daripada 'Umar bin Ali."

Al-Tirmidhi kemudian berkata lagi: "Hadith ini diriwayatakan oleh Muslim bin Khalid al-Zanji daripada Hisyam."

Bagi pensyarah, hadith ini diriwayatkan oleh Imam al-Syafi'i, al-Baihaqi, al-Baghawi dan sekumpulan ulama. Muslim bin Khalid seorang periwayat yang daif.

Al-Tirmidhi berkata lagi: "Hadith ini diriwayatkan oleh Jarir daripada Hisyam, sementara hadith yang diriwayatkan oleh Jarir itu merupakan hadith *mudallas* kerana diriwayatkan oleh Jarir di samping dia tidak pernah mendengarnya secara langsung daripada Hisyam."

"وَأَبُو دَاوُدَ", dinilai daif oleh Abu Dawud, di mana beliau berkata setelah menyebut hadith di dalam kitabnya al-Sunan: "Sanad hadith ini tidak seperti itu."

"وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ", di mana beliau berkata setelah meriwayatkan hadith ini: "Kedudukan hadith ini hasan dan sahih." Ini diungkapkan setelah meriwayatkannya daripada jalur Ibn Abu Dzi'b daripada Mukhlad bin Khafaf daripada 'Urwah.

Hadith ini dengan keseluruhan jalurnya tidak dapat diturunkan daripada kedudukan *hasan*.

Fiqh Hadith

Segala sesuatu yang mengeluarkan manfaat mestilah mempunyai jaminan seperti seseorang yang membeli hamba, kemudian dia memanfaatkannya lalu memulangkannya lantaran wujud aib yang ada padanya. Jadi keuntungan atau manfaat hamba tersebut adalah menjadi hak milik pembeli.

Ulama berbeza pendapat dalam masalah ini. Imam al-Syafi'i mengemukakan pendapatnya tentang isi hadith ini bahawa setiap manfaat yang dihasilkan oleh hamba yang telah dibeli itu menjadi hak pembeli, bahkan demikian pula haiwan yang dibeli menghasilkan anak, atau seorang hamba yang dibeli tersebut beranak, atau pohon yang dibeli itu

menghasilkan buah.

Menurut mazhab Hanafi, benda asal barang berkenaan hendaklah dipulangkan sedangkan kemudian hasil manfaatnya tetap menjadi hak pembeli selagi hasil manfaat tersebut bersifat cabang seperti barang itu disewakan. Jika benda asal tersebut menghasilkan manfaat seperti haiwan ternak yang beranak atau pohon yang berbuah, maka dilarang mengembalikannya dengan alasan adanya aib, kecuali jika benda asal dan hasil itu turut dikembalikan secara bersamaan. Jika buah pohon rosak atau anak hamba tersebut mati, maka dilarang untuk mengembalikannya.

Menurut sebahagian ulama, dengan kewujudan anak dan manfaat-manfaat yang seumpamanya maka dilarang mengembalikan barangnya.

Sedangkan hasil atau manfaat itu sendiri maka menurut ulama hendaklah turut dikembalikan jika harga barang tersebut belum dibayar. Jika harganya sudah dibayar, maka hasil atau manfaat barangan tersebut tidak boleh dikembalikan.

Imam Malik pula berpendapat bahawa anak bagi hamba hendaklah dikembalikan bersama hamba tersebut, namun kain yang dihasilkan daripada bulu domba tidak perlu dikembalikan bersamaan dengan dombanya.

Penting

Abi Hanifah mengecualikan hamba wanita jika dia seorang janda yang telah disetubuhi oleh pembeli. Menurutnya, hamba wanita ini ini tidak boleh dikembalikan lagi. Tetapi Imam Malik dan Imam al-Syafi'i tidak bersetuju dengan pendapat ini dengan mengatakan bahawa hamba wanita itu boleh dikembalikan jika terdapat aib padanya.

Jika hamba wanita itu masih gadis, menurut Imam Malik boleh dikembalikan dengan segala kekurangannya. Dalam pendapat lain Imam Malik mengatakan bahawa hamba wanita yang masih gadis itu tidak boleh dikembalikan. Ini merupakan pendapat Imam al-Syafi'i dan Abu Hanifah bahawa jika hamba perempuan yang masih gadis tidak boleh dikembalikan jika telah disetubuhi.

Menurut Abu Ya'la, hamba perempuan yang masih gadis itu boleh dikembalikan dengan syarat harus memberinya mahar mitsil (mahar setaraf). Ini juga merupakan pendapat Ibn Abu Laila.

٤٠- عَنْ عُرْوَةَ الْبَارِقِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ اَلنَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَاهُ دِينَارًا يَشْتَرِي بِهِ أُضْحِيَّةً أَوْ شَاةً، فَاشْتَرَى شَاتَيْنِ، فَبَاعَ إِحْدَاهُمَا بِدِينَارٍ، فَأَتَاهُ بِشَاةٍ وَدِينَارٍ، فَدَعَا لَهُ بِالْبَرَكَةِ فِي بَيْعِهِ، فَكَانَ لَوْ اشْتَرَى تُرَابًا لَرَبِحَ فِيهِ. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ النَّسَائِيَّ.

وَقَدْ أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ ضِمْنَ حَدِيثٍ، وَلَمْ يَسُقْ لَفْظَهُ.

40- Daripada 'Urwah al-Bariqi (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah memberinya satu dinar untuk membeli haiwan qurban atau seekor kambing, kemudian dia membeli dua ekor kambing dan salah satu kambing itu dia jual seharga satu dinar. Dengan demikian, 'Urwah datang menghadap baginda dengan membawa seekor kambing dan satu dinar. Atas perbuatannya itu, baginda mendo'akan kebaikan dan keberkatan ke atasnya kerana jual beli yang telah dilakukannya itu. Berkat doa Rasulullah (s.a.w) itu, seandainya 'Urwah membeli tanah, nescaya dia akan tetap memperoleh keuntungan. (Diriwayatkan oleh al-Khamsah kecuali al-Nasa'i). Al-Bukhari meriwayatkannya dalam satu hadith namun tidak menyebutkan lafaznya: (840).

٤١- وَأَوْرَدَ التِّرْمِذِيُّ لَهُ شَاهِداً: مِنْ حَدِيثِ حَكِيمِ بْنِ حِزَامٍ.

41- Dan al-Tirmidhi menyebutkan satu *syahid* ke atas hadith di atas dan hadith tersebut diriwayatkan daripada Hakim bin Hizam: 841.

Makna Hadith

Hadith ini merupakan salah satu kaedah yang sering kali mendapat perhatian ulama fiqh iaitu akad *mawquf* (akad gantung) di mana suatu akad baru dapat dilaksanakan apabila mendapat kebenaran. Gambaran akad *mawquf* ini adalah seorang wakil melakukan tindakan dengan melakukan sesuatu yang tidak disuruh oleh orang yang mewakilkannya. Apakah akad seperti ini sah atau sebaliknya? Hadith ini menyatakan bahawa perbuatan seumpama ini dibolehkan, di mana Rasulullah (s.a.w) meminta 'Urwah membeli seekor kambing, kemudian dia membeli dua ekor kambing dan menjual seekor daripadanya, sementara tidak ada izin baginya untuk membeli dua ekor kambing itu, apatah lagi menjualnya. Ketika menghadap Rasulullah (s.a.w), dia menceritakan apa yang telah dia lakukan, kemudian baginda mendo'akannya supaya transaksi yang dilakukannya mendapat keberkatan. Ini membuktikan perbuatan ini dibenarkan.

Analisis Lafaz

"أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ ضِمْنَ حَدِيثٍ، وَلَمْ يَسُقْ لَفْظَهُ", al-Bukhari meriwayatkan hadith ini yang disertai dengan sebuah hadith yang berbunyi: "الخير معقود بنواصي الخيل...". Setelah hadith ini diriwayatkan daripada Ali daripada Sufyan daripada Syabib bin Gharqadah, beliau berkata: "Aku pernah mendengar penduduk kampung ini menceritakan daripada 'Urwah bahawa Rasulullah (s.a.w)... kemudian dia menyebutkannya hingga akhir hadith. Al-Bukhari setelah itu

berkata: "Sufyan berkata: "Al-Hasan bin 'Umarah menyebutkan hadith ini kepada kami dan berkata: "Dia mendengarnya daripada Syabib daripada 'Urwah, kemudian aku mendatanginya dan orang yang datang di sini adalah Sufyan. Kemudian Syabib berkata: "Sesungguhnya aku belum pernah mendengarnya daripada 'Urwah, dia berkata: "Aku mendengar penduduk suatu kampung memberitahukan hadith ini daripadanya…''.

Al-Hafiz Ibn Hajar dalam Syarah al-Bukhari berkata: "Al-Bukhari dengan ini ingin menjelaskan betapa daif riwayat al-Hasan bin 'Umarah dan Syabib belum pernah mendengar berita ini daripada 'Urwah, sebaliknya dia hanya mendengarnya daripada penduduk suatu kampung. Jadi dapat disimpulkan bahawa kedudukan hadith ini daif, kerana keadaan mereka penduduk kampung tidak diketahui dengan jelas."

Bagi pensyarah, al-Hafiz Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari menetapkan bahawa al-Bukhari apabila ingin menilai daif sesebuah Hadith, beliau tidak menyebut lafaznya seperti mana adanya. Jadi perkataan al-Hafiz Ibn Hajar "Dan al-Bukhari tidak menyebut lafaznya" bermaksud hadith tersebut adalah daif.

Tetapi saya tidak faham bagaimana al-Bukhari tidak menyebut lafaz hadith berkenaan padahal al-Bukhari telah pun menyebut lafaznya dengan jelas persis seperti mana lafaz hadith yang ada di dalam kitab Bulugh al-Maram ini.

Bukti yang menguatkan bahawa langkah al-Bukhari menilai hadith ini daif adalah al-Hafiz Ibn Hajar setelah berkata: "Dan al-Tirimizi mengemukakan *syahid* bagi hadith ini." Dengan pernyataan ini al-Hafiz ingin menilai hadith ini sebagai kuat.

"وَأَوْرَدَ التِّرْمِذِيُّ لَهُ شَاهِداً: مِنْ حَدِيثِ حَكِيمِ بْنِ حِزَامٍ", hadith Hakim diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dengan sanad *munqathi'*, sementara hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud pula dengan sanad yang di dalamnya terdapat periwayat yang tidak disebut dengan jelas namanya.

Bagi pensyarah, apapun kisah ini benar adanya, kerana hadith ini diriwayatkan daripada Urwah, kerana di dalamnya tidak terdapat periwayat yang majhul dan *mutaba'ah* ini telah dijelaskan oleh Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari dan berkata: "Hadith 'Urwah ada *mutaba'ah*-nya di sisi Imam Ahmad, Abu Dawud, al-Tirmidhi dan Ibn Majah melalui jalur Sa'id bin Zaid daripada al-Zubair bin al-Khirrit daripada Abu Labid bahawa 'Urwah telah menceritakan kepadaku… hingga akhir hadith. Hadith ini dinilai hasan oleh al-Munziri, al-Nawawi dan lain-lain."

Fiqh Hadith

1. Dibolehkan mewakilkan suatu perbuatan yang di dalamnya boleh diwakilkan seperti transaksi berjual beli.

2. Dibolehkan melakukan *bai' al-fudhuli*. Inilah pendapat Imam Ahmad dalam satu riwayat, Imam Malik, Imam al-Syafi'i dalam qawl qadim.
3. Boleh menjual kambing dan haiwan yang selainnya meskipun ia dibeli untuk dijadikan sebagai qurban kerana maksudnya bukan haiwannya itu sendiri. Tetapi dalil di sini melarang daripada berbuat demikian meskipun niat 'Urwah ketika membelinya untuk diniagakan, bukan untuk dijadikan sebagai qurban.
4. Do'a Rasulullah (s.a.w) mendatangkan keberkatan.
5. Memberikan imbalan kepada perbuatan baik, meskipun hanya sekadar dengan do'a.
6. Tidak ada batasan untuk mengambil keuntungan dalam setiap jual beli.
7. Akad *mawquf* (gantung) dianggap sah dan ulama berbeza pendapat mengenai masalah hal ini di samping mereka turut berbeza tentang tafsiran hadith ini. Imam al-Syafi'i dalam qawl jaded berkata: "Jual beli *mawquf* (gantung) adalah batil. Dalilnya adalah sabda Rasulullah (s.a.w): "لا تبع ما ليس عندك" (Janganlah kamu menjual sesuatu yang belum menjadi hak milikmu). Ini kerana hadith Urwah ini masih dipertikai oleh ulama kedudukannya. Jika hadith 'Urwah diandaikan sebagai sahih, maka 'Urwah dianggap sebagai wakil untuk melakukan jual beli dengan bukti baginda langsung memahami apa yang dilakukan 'Urwah.

Menurut Imam Abu Hanifah, penjualan *mawquf* (gantung) hukumnya dibolehkan, tetapi pembelian *mawquf* (gantung) hukumnya tidak dibolehkan. Menurut Imam Malik pula, penjualan seperti ini batil, sementara pembeliannya adalah sah kerana berusaha menyatukan pemahaman dua hadith, iaitu hadith 'Urwah dengan hadith: "Janganlah kamu menjual sesuatu yang belum menjadi hak milikmu." Menurut sekumpulan ulama salaf, Imam Ahmad, dalam dua riwayat daripadanya, Imam al-Syafi'i dalam qawl qadim pula, akad *mawquf* (gantung) hukumnya dibolehkan.

Periwayat Hadith

Beliau adalah 'Urwah bin Abu al-Ja'd al-Bariqi al-Azdi. Bariq nama sebuah bukit di mana 'Urwah bertempat tinggal di sekitarnya. Beliau pernah tinggal di Kufah dan dilantik oleh Umar bin al-Khatthab menjadi kadi Kufah sebelum Syuraih. Beliau adalah kadi pertama di Kufah. Hadithnya diriwayatkan oleh sekumpulan ulama. Al-Sya'bi, Qais bin Abu Hazim, Abu Ishaq al-Subai'i dan lain-lain meriwayatkan hadith daripadanya. Beliau memiliki tiga hadith dan salah satunya adalah hadith ini.

٤٢- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ شِرَاءِ مَا فِي بُطُونِ الْأَنْعَامِ حَتَّى تَضَعَ، وَعَنْ بَيْعِ مَا فِي ضُرُوعِهَا، وَعَنْ شِرَاءِ الْعَبْدِ وَهُوَ آبِقٌ، وَعَنْ شِرَاءِ الْمَغَانِمِ حَتَّى تُقْسَمَ، وَعَنْ شِرَاءِ الصَّدَقَاتِ حَتَّى تُقْبَضَ، وَعَنْ ضَرْبَةِ الْغَائِصِ. رَوَاهُ ابْنُ مَاجَه وَالْبَزَّارُ وَالدَّارَقُطْنِيُّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

42- Daripada Sa'id al-Khudri (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang daripada membeli sesuatu yang ada di dalam kandungan perut haiwan ternakan hingga ia dilahirkan, melarang daripada membeli sesuatu yang ada di dalam kantong susunya, melarang daripada membeli hamba sahaya yang melarikan diri daripada tuannya, melarang daripada menjual harta ghanimah (harta rampasan perang) sebelum dibahagikan, melarang daripada menjual sedekah sebelum diadakan serah terima, dan melarang daripada membeli dengan cara *dharbah al-gha'ish*. (Diriwayatkan oleh Ibn Majah, al-Bazzar dan al-Daruquthni dengan sanad daif: 842).

Analisis Lafaz

Hadith ini menceritakan beberapa jenis jual beli yang di dalamnya memuatkan unsur penipuan yang diharamkan di sisi syari'at Islam. Oleh itu, Islam melarang jual beli haiwan yang belum dilahirkan oleh induknya, kerana jual beli ini mengandungi unsur tidak jelas tentang benda yang diperjualbelikan.

Islam melarang daripada menjual air susu haiwan yang masih berada di dalam kantong susunya, kerana tidak seorang pun yang mengetahui berapa kadar susu yang dijual itu. Islam melarang daripada menjual hamba yang melarikan diri daripada pengkuan tuannya dan dilarang menjaul barang yang tidak dapat diadakan serah terima.

Islam melarang daripada menjual harta rampasan perang (ghanimah) sebelum dibahagikan, dilarang menjual suatu barang yang belum menjadi hak miliknya dan dilarang membeli sedakah.

Islam turut melarang seorang lelaki yang berkata: "Aku bersedia melakukan satu kali selaman ke dalam laut dengan syarat kamu membeli barang yang bakal aku ambil dari dasar laut itu walau berapa pun harganya." Ini merupakan salah satu jual beli yang tidak diketahui benda yang diperjualbelikan kerana pembeli tidak mengetahui dengan jelas jenis dan bentuk benda yang bakal dibelinya, bahkan kadang kala penjual mengambil harta orang lain tanpa wujud transaksi.

Analisis Lafaz

"مَا فِي بُطُونِ الْأَنْعَام", maksudnya anak haiwan yang masih berada dalam kandungan induk (ibu) nya.

"تَضَعَ", dilahirkan.

"ضُرُوعِهَا", kantong susunya, tempat keluarnya air susu haiwan.

"وَهُوَ آبِقٌ", hamba yang melarikan diri dan tidak peduli lagi dengan perintah tuannya.

"الْمَغَانِم", harta yang berjaya dirampas dari orang kafir setelah mereka dikalahkan dalam berperang.

"تُقْسَمَ", dibahagikan.

"ضَرْبَةِ الْغَائِص", *al-Ghush* adalah menyelam ke dasar lautan manakala *al-Dharbah* pula adalah melakukan satu kali selaman. Gambarannya adalah seseorang berkata: "Aku bersedia melakukan satu kali selaman ke dasar laut dengan syarat kamu membayarku sekian dan apa-apa yang aku keluarkan dari dalam air itu menjadi hak milikmu."

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad daif, kerana hadith ini diriwayatkan oleh Juhdham bin Abdullah al-Yamani daripada Muhammd bin Ibrahim al-Bahili daripada Muhammad bin Zaid al-Abdi daripada Syahr bin Hawsyab daripada Abu Sa'id.

Ibn Hazm berkata: "Juhdham, Muhammad bin Ibrahim al-Bahili dan Muhammad bin Zaid al-'Abdi merupakan periwayat *majhul* manakala Syahr pula seorang periwayat *matruk*."[5]

Abu Hatim berkata: "Muhammad bin Ibrahim adalah periwayat *majhul*." Al-Baihaqi berkata: "Sanadnya tidak kuat."

Pada pensyarah, hadith ini mempunyai banyak *syahid* bagi sesetengah penggal daripadanya. Apapun, jual beli yang mengandungi unsur penipuan adalah diharamkan.

Fiqh Hadith

1. Larangan menjual haiwan yang masih berada di dalam kandungan induknya. Ulama telah pun bersepakat bahawa ini adalah diharamkan.

---

[5] Sekumpulan ulama menilai hadith daif seperti al-Nadhr bin Syumail, Ibn 'Adi dan al-Nasa'i. Imam Ahmad berkata: "Kedudukan hadith ini hasan." Ramai ulama mempedebatkan hadith ini. Ibn Hajar dan sekumpulan ulama menilai hadith ini sebagai hasan.

2. Larangan menjual susu yang masih ada di dalam kantong susu haiwan. Ulama telah pun bersepakat bahawa ia diharamkan.
3. Larangan menjual hamba yang melarikan diri daripada tuannya.
4. Larangan membeli harta rampasan perang sebelum dibahagikan.
5. Larangan membeli harta sedakah (zakat) sebelum diadakan serah terima, tetapi sebahagian ulama fiqh membuat pengecualian bahawa jika penerima sedekah (zakat) telah ditentukan dan demikian pula jumlah yang bakal diterimanya, maka itu dibolehkan kerana dia telah mengetahui berapa jumlah yang bakal menjadi hak miliknya dan ini sama seperti kepemilikan yang telah diadakan serah terima.
6. Haram melakukan jual beli dengan cara *dharbah al-gha'ish*. Dalam riwayat yang lain disebutkan "القانص" yang gambaran jual beli ini adalah seorang pemburu berkata: "Aku menjual hasil lemparan anak panah ini dengan harga sekian kepadamu dan setiap haiwan buruan yang aku peroleh dari panah ini menjadi hak milikmu." Ulama telah pun bersepakat bahawa jual beli seperti ini adalah diharamkan.

٤٣- عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ تَشْتَرُوا السَّمَكَ فِي الْمَاءِ، فَإِنَّهُ غَرَرٌ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَشَارَ إِلَى أَنَّ الصَّوَابَ وَقْفُهُ.

43- Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Jangan kamu membeli ikan yang masih berada di dalam air, kerana sesungguhnya jual beli seperti itu termasuk penipuan.*" (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan beliau menyatakan hadith ini *mawquf*: 843).

٤٤- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تُبَاعَ ثَمَرَةٌ حَتَّى تُطْعَمَ، وَلاَ يُبَاعَ صُوفٌ عَلَى ظَهْرٍ، وَلاَ لَبَنٌ فِي ضَرْعٍ. رَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ فِي "الْأَوْسَطِ" وَالدَّارَقُطْنِيُّ. وَأَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ فِي "الْمَرَاسِيلِ" لِعِكْرِمَةَ، وَهُوَ الرَّاجِحُ. وَأَخْرَجَهُ أَيْضاً مَوْقُوفاً عَلَى ابْنِ عَبَّاسٍ بِإِسْنَادٍ قَوِيٍّ، وَرَجَّحَهُ الْبَيْهَقِيُّ.

44- Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang daripada menjual buah hingga boleh dimakan (masak), dilarang menjual bulu haiwan yang masih berada di kulitnya dan dilarang menjual susu yang masih berada di dalam kantong susun haiwan itu." (Diriwayatkan oleh al-Tabrani dalam kitab *al-Awsath* dan al-Daruquthni). Hadith ini turut diriwayatkan oleh Abu Dawud dalam kitab *al-Marasil li Ikrimah*. Abu Dawud pula meriwayatkannya secara *mawquf* kepada Ibn Abbas dengan sanad yang kuat dan dianggap kuat oleh al-Baihaqi: 844).

٤٥- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْمَضَامِينِ وَالْمَلاَقِيحِ. رَوَاهُ الْبَزَّارُ وَفِي إِسْنَادِهِ ضَعْفٌ.

45- Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulaullah (s.a.w) melarang berjual beli *al-madhamin* dan *al-malaqih*. (Diriwayatkan oleh al-Bazzar dan di dalam sanadnya terdapat unsur daif: 845).

Makna Hadith

Hadith-hadith ini sama seperti hadith sebelumnya yang melarang jual beli penipuan dengan pelbagai jenisnya. Contoh jual beli penipuan dalam hadith pertama adalah menjual ikan yang masih berada di dalam air. Dalam hadith kedua pula dilarang menjual buah-buahan yang masih belum matang dan demikian pula dilarang menjual bulu domba tidak diketahui jumlah dan kadarnya. Demikian pula dilarang menjual susu yang masih berada di dalam kantong susuan haiwan itu. Dalam hadith ketiga dilarang menjual haiwan yang masih berada di dalam kandungan induknya.

Analisis Lafaz

"غَرَرٌ", masalah ini telah dibahas dalam hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah no 17.

"الصَّوَابَ وَقْفُهُ", al-Daruquthni, al-Khathib, al-Baihaqi dan Ibn al-Jauzi turut menyatakan hadith ini *mawquf*, kerana jalur untuk menjadi hadith ini *marfu'* terputus sebab al-Musayyab bin Rafi' tidak pernah mendengar hadith ini daripada Ibn Mas'ud. Jadi hadith ini *mawquf*.

Namun hadith ini memiliki *syahid* yang berkedudukan *marfu'* daripada 'Imran bin Hushain.

"تُطْعَمَ", buah yang sudah masak, kerana buah yang belum masak biasanya tidak dimakan.

"عَلَى ظَهْرٍ", maksudnya bulu haiwan yang belum disiapkan (dipintal).

"ضَرْعٍ", kalimat ini telah dibahas sebelumnya.

"الْمَضَامِينَ", sesuatu yang yang disembunyikan. Maksudnya sesuatu yang masih berada di dalam perut haiwan dan ini biasanya ditujukan kepada haiwan betina.

"الْمَلاَقِيح", apa-apa yang terdapat di atas tulang belakang haiwan jantan seperti unta, kerana ia selalunya yang dijadikanb sebagai pejantan untuk menghamili betina.

"وَفِي إِسْنَادِهِ ضَعْفٌ", kerana di dalam salah seorang periwayatnya terdapat Shalih bin Abu al-Akhshaar daripada al-Zuhri, sementara Shalih seorang periwayat yang daif.

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Malik daripada al-Zuhri daripada Sa'id secara *mursal* di mana beliau tidak menyebutkan nama Abu Hurairah. Al-Daruquthni menyokong pendapat Imam Malik bahawa hadith ini *mursal*.

Hadith ini diriwayatkan oleh Abdurrazzaq daripada Ibn Umar dan sanadnya dinilai kuat oleh al-Shan'ani dalam kitab *Subul al-Salam*.

Fiqh Hadith

1. Diiharamkan jual beli ikan yang masih berada di dalam air, kerana jual beli seperti ini termasuk penipuan. Menurut sebahagian ulama fiqh, jika ikan itu dipastikan dapat ditangkap, maka jual beli yang dilakukan adalah sah dan pembeli memiliki hak pilih (*khiar*) setelah menerima dan melihat ikan tersebut. Jika ikan itu tidak perlu lagi dipancing, maka jual beli itu sah dan pembeli memiliki hak pilih melihat (*khiar ru'yah*).
2. Larangan menjual buah-buahan melainkan setelah matang dan boleh dimakan. Masalah ini akan dibahas dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Umar, bab *al-rukhshah fi al-'araya*.
3. Larangan menjual bulu haiwan yang masih berada di kulitnya, kerana cara pemotongan boleh mengundang perbezaan pendapat hingga akhirnya mengakibatkan pergaduhan. Inilah pendapat Imam Abu Hanifah dan Imam al-Syafi'i dan jual beli seperti ini tidak sah, sedangkan menurut Imam Malik, jual beli seperti ini adalah sah.
4. Larangan menjual susu yang masih berada di dalam kantong susu haiwan itu. Dengan erti kata lain, susu yang belum diperah. Ulama telah bersepakat bahawa ia diharamkan melainkan ada satu hadith yang diriwayatkan daripada Sa'id bin Jubair, beliau berkata: "الضرع خزانة" (Kantong susu haiwan itu adalah almari (tempat penyimpanan). Dalam kaitan ini, Rasulullah (s.a.w) bersabda:

   يَعْمِدُ أَحَدُكُمْ إِلَى خِزَانَةِ أَخِيْهِ وَيَأْخُذُ مَا فِيْهَا.

   "*Salah seorang kamu bersandar kepada almari saudarinya kemudian mengambil apa yang ada di dalamnya.*" Namun apa yang diriwayatkan oleh Sa'id bin Jubair ini tidak dapat dijadikan sebagai hujah.
5. Larangan jual beli *al-madhamin* dan *al-malaqih*, iaitu apa yang terdapat di dalam perut dan kulit haiwan. Ulama telah pun bersepakat untuk mengharamkannya.

٤٦- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ أَقَالَ مُسْلِماً بَيْعَتَهُ، أَقَالَهُ اللهُ عَثْرَتَهُ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَابْنُ مَاجَه، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

46- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa yang bersedia membatalkan transaksi antara dua orang yang sedang bertransaksi, maka Allah akan mengampuni dosa dan kesalahannya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, Ibn Majah dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim: 846).

Makna Hadith

Ketika telah mencapai kata sepakat antara pembeli dengan penjual untuk melakukan transaksi, seorang pembeli kadang kala merasa menyesal atas pembelian yang telah dilakukannya; mungkin disebabkan merasa ditipu, harga terlampau mahal atau tidak memerlukan lagi barang itu. Dalam keadaan ini, penjual disunatkan menawarkan pembatalan transaksi kepada pembeli dan memberikan hak pilih sekali lagi kepada pembeli. Penjual seperti ini diampuni oleh Allah dan memperoleh rahmat daripadanya. Di samping penjual disunatkan berbuat demikian, maka pembali pun disunatkan untuk melakukan perkara yang serupa dalam masalah ini.

Analisis Lafaz

"أَقَالَ", kalimat ini berasal dari perkataan "الإقالة" yang takrifnya menurut syari'at adalah membatalkan akad yang telah disepakati oleh kedua belah pihak; pembeli dan penjual. Ini dapat dilakukan dengan lafaz yang diungkapkan oleh penjual atau pembeli: "Aku menawarkan pembatalan transaksi ini kepadamu" atau "Aku menawarkan pembatalan akad ini kepadamu" dan lafaz-lafaz yang sama makna dengannya.

"مُسْلِماً", kalimat ini hanya sekadar menunjukkan kebiasaan, kerana pembatalan akad seorang muslim lebih disukai oleh Allah daripada melakukan pembatalan kepada orang selain muslim. Apapun, ganjaran pahala untuk tawaran pembatalan akad tetap kekal meskipun dilakukan ke atas orang selain muslim. Dalam kaitan ini, al-Bazzar mengemukakan riwayat hadith yang lebih umum lagi berbanding hadith di atas yang bunyinya: "من أقال نادما" (Barang siapa yang menawarkan pembatalan akad kerana adanya penyesalan). Kalimat ini tentu lebih bersifat umum.

"أَقَالَهُ اللهُ عَثْرَتَهُ", semoga Allah mengampuni dosa dan kesalahannya.

Fiqh Hadith

1. Disunatkan menawarkan pembatalan jual beli meskipun telah disepakati oleh kedua pihak sebelum itu.
2. Menjelaskan bahawa seorang muslim lebih berhak untuk bertolak ansur kepada kepada sesama muslim berbanding kepada orang lain.
3. Menjelaskan bahawa bertolak ansur kepada sesama hamba Allah akan diberi kemudahan oleh Allah dan dicucuri rahmat-Nya. Dalam kaitan ini, Rasulullah (s.a.w) bersabda:

الرَّاحِمُوْنَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ.

"Orang yang bersifat kasih sayang akan sentiasa dikasihi oleh Allah."

Soalan

1. Apakah jenis usaha yang paling baik?
2. Apakah makna lafaz "أطيب"?
3. Apakah yang dimaksudkan dengan jual beli mabrur?
4. Apakah takrif bangkai?
5. Apakah makna "قاتل الله اليهود"?
6. Apakah makna "جملوه"?
7. Apakah hukum menjual bangkai, babi dan berhala?
8. Apakah hukum menyalakan lampu dengan menggunakan minyak bangkai dan mengecat kapal dengannya?
9. Haramkah menerima bayaran sesuatu barangan yang apabila barangan itu haram dijual?
10. Apakah yang dimaksudkan dengan *al-bayyinah* (bukti) antara dua pihak yang bertikai?
11. Apakah makna sabda Rasulullah (s.a.w): "فالقول ما يقول رب السلعة"?
12. Bolehkah perkataan "رب" diertikan sebagai pemilik dan tuliskan satu contoh mengenainya dengan mengemukakan satu hadith?
13. Apakah hukumnya jika dua pihak yang berjual beli berselisih pendapat?
14. Apakah hukum menerima hasil jualan anjing?
15. Apakah hukum menerima wang hasil pelacuran dan apakah yang dimaksudkan dengan perkataan "البغي"?
16. Apakah hukum "حلوان الكاهن" dan apa pula yang dimaksudkan dengan "الكاهن"?

17. Apakah makna perkataan "يسيبه"?
18. Apakah makna perkataan "نقدني"?
19. Apakah makna perkataan "ماكستك"?
20. Sebutkan sepuluh hukum fiqh yang dapat disimpulkan daripada hadith Jabir yang menceritakan kisah jual beli unta?
21. Apakah hukum membuat pengecualian dalam berjual beli?
22. Bolehkah menjual hamba mudabbar?
23. Bolehkah seorang pemimpin menggantikan urusan jual beli sebagai wakil pemiliknya?
24. Adakah tikus menjadi najis apabila sudah menjadi bangkai?
25. Adakah hukum mentega cair berbeza dengan mentega beku apabila ada najis yang jatuh ke dalamnya?
26. Apakah hukum sisa mentega beku setelah najis yang ada padanya dibuang dan demikian pula kawasan sekitarnya yang disentuh oleh najis?
27. Berapakah kadar mentega yang wajib dibuang kerana bersentuhan dengan najis?
28. Apakah mentega yang terkena najis bangkai tikus itu masih boleh dimanfaatkan? Sebutkan jika ia masih boleh digunapakai dan untuk apakah kegunaannya?
29. Benarkah wujud perbezaan antara mentega beku dengan mentega cair dalam satu hadith sahih?
30. Apakah yang dimaksudkan dengan "السنور"?
31. Apakah hukum menjual beli "السنور"?
32. Apakah jenis anjing yang boleh dipelihara dan dibela?
33. Apakah maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "واشترطي لهم الولاء"?
34. Sebutkan hukum fiqh yang terdapat dalam hadith yang menceritakan kemerdekaan Barirah daripada statusnya sebagai hamba?
35. Pastikan kedudukan hadith Umar yang melarang menjual *ummahat al-awlad* itu *mawquf* ataupun *marfu'* dan kemukakan alasannya?
36. Apakah hukum menjual *ummahat al-awlad*?
37. Huraikan apa yang dimaksudkan dengan perkataan "سراري"?
38. Adakah amalan sahabat pada masa Rasulullah (s.a.w) masih hidup boleh dijadikan sebagai hujah?
39. Bolehkah menjual sisa atau air lebihan?
40. Apakah maksud "عسب الفحل"? Bolehkah ia dijual atau mengambil upah ke atasnya?

41. Huraikan apa yang dimaksudkan dengan "حبل الحبلة" dan "الجزور"?
42. Apakah hukum menjual *habl al-habalah*?
43. Apakah hukum menjual *al-wala'*?
44. Huraikan apakah yang dimaksudkan dengan *bai' al-hashah*?
45. Huraikan apa yang dimaksudkan dengan penipuan dalam jual beli dan kemukakan tujuh contoh yang berkaitan dengannya?
46. Apakah maksud hadith: "من اشترى طعاما فلا يبعه حتى يكتاله"?
47. Apakah maksud "بيعتين في بيعة" dan manakah di antara sekian banyak tafsiran itu yang dimaksudkan dan dianggap kuat?
48. Bolehkah menjual sesuatu barangan dengan cara tunai dan ansuran apabila harga tunah berbeza dengan harga ansuran?
49. Sebutkan dua bentuk *bai' ma'a al-salaf* kemudian sebutkan hukum bagi kedua-dua bentuk jual beli itu?
50. Sebutkan dua bentuk *bai' ma'a al-syarth* dan apakah yang dimaksudkan dengan syarat yang dilarang di sisi jumhur ulama?
51. Apakah yang dimaksudkan dengan "ربح مالم يضمن"?
52. Apakah yang dimaksudkan dengan *al-'urban* dan apakah ia dibolehkan?
53. Apakah maksud perkartaan Ibn Umar ketika membeli minyak masak: "أضرب على يده" dan "رحالهم"?
54. Sebutkan tujuh hukum dalam hadith Ibn Umar yang menceritakan beliau membeli minyak masak?
55. Adakah disyaratkan memindahkan barang bagi memastikan sahnya suatu jual beli?
56. Bolehkah menerima perak sebagai pertukaran dengan emas atau sebaliknya dan apa pula syarat untuk berbuat demikian?
57. Apakah makna *al-najasy* dan apa pula hukumnya di sisi ulama fiqh?
58. Sebutkan tiga definisi bagi perkataan *al-muhaqalah*?
59. Apakah takrif *al-muzabanah*?
60. Apakah takrif *al-mukhabarah*?
61. Apakah maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "نهى عن الثنيا إلا أن تعلم"?
62. Apakah takrif al-mukhadharah, al-mulamasah dan al-munabadzah? Apakah semua ini dibolehkan?
63. Sahkah membeli barang yang ghaib dan jual beli yang dilakukan oleh orang buta?
64. Apakah makna "لا تلقوا الركبان" dan apakah hukum seseorang yang menjumpai kafilah lalu membeli barangan daripadanya?

65. Bagaimanakah ulama fiqh mentafsirkan sabda Rasulullah (s.a.w): "لا يبع حاضر لباد"?
66. Apakah hukum *al-samsarah* dan apakah definisi kalimat ini?
67. Apakah makna "ولا يبيع الرجل على بيع أخيه"?
68. Apakah makna "لتكفأ" dan "لايسم"?
69. Apakah makna "لا يخطب الرجل على خطبة أخيه" dan apakah larangan ini memiliki syarat yang dengannya dapat mencegah pertunangan? Sebutkan dalil bagi syarat tersebut?
70. Apakah maksud *syahid* dalam perkataan: "وفي إسناده مقال وله شاهد"?
71. Apakah makna perkataan "رجاله ثقات" memberikan isyarat yang sanad hadith berkenaan menjadi sahih dan mengapa demikian?
72. Bolehkah memisahkan antara ibu dengan anaknya ketika dijual dan demikian pula hukum memisahkan antara dua orang yang bersaudara?
73. Huraikan apa yang dimaksudkan dengan sabda Rasulullah (s.a.w): "إن الله هو المسعر"?
74. Bolehkan melakukan penetapan harga (*al-tas'ir*)?
75. Bolehkah monopoli berlaku dalam setiap jual beli dan sebutkan pendapat ulama dalam masalah ini?
76. Bolehkah monopoli berlaku sepanjang zaman tanpa mengira waktu dan sebutkan pendapat ulama dalam masalah ini?
77. Apakah takrif *al-tashriyah* dan apakah hukum orang yang membeli seekor kambing secara *al-tashriyah*?
78. Apakah makna perkataan "سمراء" dan "محفلة"?
79. Apakah maksud kalimat "صبرة من طعام أصابته السماء"?
80. Apakah yang dimaksudkan dengan al-ghisysy dan sahkah jual beli yang disertai penipuan?
81. Bolehkah menjual anggur bagi orang yang ingin menjadikannya sebagai khamar dan apakah kaedah yang dapat diambil dalam masalah ini?
82. Sebutkan asbab al-wurud hadith "الخراج بالضمان" dan huraikan apa yang dimaksudkan dengan hadith ini?
83. Apakah maksud perkataan al-Hafiz Ibn Hajar dalam hadith 'Urwah al-Bariqi "لم يسق لفظه"?
84. Apakah faktor yang menjadikan hadith 'Urwah daif? Masih bolehkah ia dinaikkan kedudukannya menjadi *hasan* dan mengapa demikian?
85. Sahkah akad *mawquf* (gantung)?
86. Bolehkah membeli harta ghanimah sebelum dibahagikan?
87. Apakah hukum membeli ikan di dalam air?
88. Apakah hukum menjual bulu domba sedangkan ia masih berada di

kulitnya dan belum lagi digunting?

89. Apakah maksud *al-madhamin* dan *al-malaqih*? Bolehkah menjual *al-madhamin* dan *al-malaqih* itu?
90. Sebutkan takrif *al-iqalah* dalam jual beli dan adakah ia boleh berlaku bagi penjual atau pembeli?

BAB KHIYAR (HAK PILIH)

Al-Khiar dibaca *kasrah* huruf *kha'* merupakan kata benda kalimat *al-ikhtiar* atau *al-takhyir* yang bermaksud meminta untuk memilih antara dua pilihan sama ada meneruskan transaksi jual beli atau membatalkannya.

Ia terdiri daripada beberapa jenis dan al-Hafiz Ibn Hajar di sini hanya menyebut dua jenis sahaja, iaitu *khiar* syarat dan *khiar* majlis.

٤٧- عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا تَبَايَعَ الرَّجُلاَنِ، فَكُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا بِالْخِيَارِ مَا لَمْ يَتفَرَّقَا وَكَانَا جَمِيعاً، أَوْ يُخَيِّرُ أَحَدُهُمَا الْآخَرَ، فَإِنْ خَيَّرَ أَحَدُهُمَا الْآخَرَ فَتَبَايَعَا عَلَى ذَلِكَ فَقَدَ وَجَبَ الْبَيْعُ، وَإِنْ تَفَرَّقَا بَعْدَ أَنْ تَبَايَعَا، وَلَمْ يَتْرُكْ وَاحِدٌ مِنْهُمَا الْبَيْعَ فَقَدْ وَجَبَ الْبَيْعُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

47- Daripada Ibn Umar (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Jika dua orang lelaki bersepakat dengan harga barang, maka mereka berdua memiliki hak pilih (*khiar*) selagi mereka belum berpisah meninggalkan majlis atau salah satu di antara mereka berhak memilih, jika salah satu mereka telah memilih, kemudian mereka saling menyetujui, maka mereka telah mengadakan jual beli. Jika mereka berpisah setelah bersepakat dengan harga satu barang dan mereka tidak meninggalkan jualannya, maka mereka wajib membelinya." (Muttafaq alaihi dan lafaz h adis ini menurut Muslim: 847)

Makna Hadith

Allah telah menjadikan bagi segala sesuatu memiliki batasan yang dengannya diketahui kewujudan, kesempurnaan dan kekurangan suatu barang. Dalam

berjual beli barang, waktu, tempat dan kejadiannya mestilah diketahui supaya tidak terjadi penyesalan, pergaduhan dan pertikaian. Di sini Islam memberikan tempoh di mana akad jual beli itu mesti dilaksanakan namun sebelum tempoh itu wujud hak pilih (*khiar*) bagi pembeli mahupun penjual tetapi setelah itu tidak ada lagi hak pilih

Hadith ini membahas tentang khiyar majlis, iaitu akad jual beli mesti dilaksanakan jika setelahnya diikuti oleh perpisahan secara fizikal dan tidak ada lagi hak pilih setelah itu.

Analisis Lafaz

"تَبَايَعَ الرَّجُلاَنِ", transaksi jual beli terjadi di antara penjual dan pembeli atau mereka berdua sepakat untuk menetapkan suatu harga barang.

"مَا لَمْ يَتَفَرَّقَا", dalam riwayat al-Nasa'i disebutkan: "يفترقا". Tsa'lab menukil daripada al-Fadhl bin Salmah: "افترقا بالكلام وتفرقا بالأبدان" (adanya kata putus yang disertai perpisahan secara fizikal). Ibn al-Arabi membantah pernyataan ini dengan mengemukakan dalil yang berlandaskan kepada firman Allah:

وَمَا تَفَرَّقَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَـٰبَ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَتْهُمُ ٱلْبَيِّنَةُ ﴿٤﴾

"*Dan orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang diberi Kitab (Taurat dan Injil) itu, tidak berpecah-belah melainkan setelah datang kepada mereka bukti yang jelas nyata.*" (Surah al-Bayyinah: 4) Jadi maksud perpisahan di sini bukanlah perpisahan secara fizikal. Tetapi ada satu hadith yang diriwayatkan daripada Ibn Umar bahawa jika beliau kagum melihat sesuatu barang, beliau memisahkan tubuh penjual barang dengan tubuhnya sendiri sebagai bukti akad jual beli dilaksanakan. Ini menunjukkan perpisahahan mestilah dilakukan secara fizikal. Dalam satu lafaz menurut Muslim: "Jika Ibn Umar mengadakan jual beli dengan seseorang lalu beliau tidak ingin menawarkan pembatalan terhadap akad jual beli tersebut, beliau segera berdiri lalu berjalan sejenak dan kemudian kembali lagi."

Bukti bahawa perpisahan mesti dilakukan secara fizikal adalah tafsiran sabdanya: "وكانا جميعا".

"وَكَانَا جَمِيعاً", kedua-dua pihak sama ada pembeli mahupun penjual belum meninggalkan tempat mereka bertransaksi.

"فَإِنْ خَيَّرَ أَحَدُهُمَا الآخَرَ", jika salah seorang di antara mereka mengemukakan syarat untuk memberikan *khiar* (hak pilih) dalam tempoh yang telah ditentukan, maka jual beli tetap tidak terlaksana dan khiar tidak berakhir dengan adanya perpisahan badan, sebaliknya khiar bagi jual beli itu tetap berlangsung hingga masa khiar itu berakhir.

Pendapat lain mengatakan bahawa jika seseorang itu memilih jual beli dilaksanakan sebelum sebelum adanya perpisahan badan maka pada saat

itu dia melaksanakan jual beli tanpa perlu lagi mengadakan perpiasahan badan.

Fiqh Hadith

1. Pembeli dan penjual berhak memiliki hak pilih (khiar) selagi mereka belum berpisah. Tempoh hak pilih (khiar) terus berkekalan hingga terjadi perpisahan secara fizikal. Inilah pendapat Ali, Ibn Abbas, Ibn Umar dan tidak seorang sahabat pun yang mengingkari pendapat ini dan ini pula merupakan pendapat Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad dan Ishaq dan lain-lain dari kalangan ulama fiqh.

   Menurut mereka, perpisahan secara fizikal dapat dilakukan dengan apa pun jua keadaan selagi itu dapat dikatakan berpisah mengikut adat kebiasaan. Dalam sebuah rumah kecil, misalnya, perpisahan secara fizikal dapat dilakukan dengan cara keluar dari dalam rumah itu. Ketika berada dalam sebuah ruangan besar, misalnya, perpisahan dapat dilakukan dengan cara membelakangi ruangan itu dan melangkahkan kaki untuk meninggalkannya. Jadi setiap perbuatan yang dianggap perpisahan dalam adat kebiasaan maka itulah yang dimaksudkan dengan perpisahan secara fizikal di sini.

   Tetapi mazhab Maliki selain Ibn Habib tidak sependapat dengan hadith ini dan demikian pula mazhab Hanafi di mana mereka tidak mahu mengambil kira perpisahan yang dilakukan dengan cara berpisah badan. Mereka berkata: "Jika kedua pihak bersepakat dengan harga barang yang ditetapkan, maka tidak ada lagi khiar kecuali sebelum itu telah disebutkan adanya syarat khiar. Mereka mentafsirkan hadith ini dengan mengatakan ia dimansukhkan atau menolaknya dengan alasan hadith itu tidak selari dengan amalan masyarakat Madinah.

   Apapun, pendapat pertama adalah lebih benar.
2. Jika penjual telah menetapkan khiar untuk tempoh tertentu, kemudian mereka berpisah secara fizikal sepanjang tempoh itu, maka perpisahan tersebut tidak dianggap sebagai perpisahan secara fizikal.
3. Menetapkan khiar setelah dilakukan akad dan dinyatakan tidak ada lagi rujuk terhadap akad setelah adanya khiar maka ini bererti jual beli wajib dilaksanakan sebelum berpisah secara badan.

٤٨- عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الْبَائِعُ وَالْمُبْتَاعُ بِالْخِيَارِ حَتَّى يَتَفَرَّقَا، إِلاَّ أَنْ تَكُونَ صَفْقَةَ خِيَارٍ، وَلاَ يَحِلُّ لَهُ أَنْ

يُفَارِقَهُ خَشْيَةَ أَنْ يَسْتَقِيلَهُ". رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ ابْنَ مَاجَه وَالدَّارَقُطْنِيُّ وَابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ الْجَارُودِ. وَفِي رِوَايَةٍ: "حَتَّى يَتَفَرَّقَا مِنْ مَكَانِهِمَا".

48- Daripada Amr bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Penjual dan pembeli memiliki hak pilih (khiar) hingga mereka berdua berpisah, kecuali mereka mengadakan transaksi dengan khiar dan tidak halal baginya memisahkan diri setelah transaksi jual beli kerana takut transaksi itu dibatalkan." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah kecuali Ibn Majah, al-Daruquthni, Ibn Khuzaimah dan Ibn al-Jarud. Dalam riwayat lain disebutkan: "hingga mereka berdua berpisah dengan meninggalkan tempatnya": 848)

Makna Hadith

Hadith ini memiliki makna yang senada dengan hadith sebelumnya, tetapi di dalam hadith ini terdapat dua perkara yang berbeza iaitu:

Pertama, dalam salah satu riwayat hadith ini disebutkan bahawa apa yang dimaksudkan adalah berpisah secara badan adalah sama dengan apa yang telah kami huraikan sebelum ini.

Kedua, salah seorang di antara kedua pihak yang berjual beli dilarang berpisah apabila pihak lain belum menunjukkan tanda-tanda kebulatan tekad meskipun proses jual beli telah pun dilaksanakan, kerana ada kemungkinan dia rujuk daripada menerima akad dan oleh kerananya, dia dilarang daripada melakukan perpisahan secara fizikal.

Analisis Lafaz

"حَتَّى يَتَفَرَّقَا", berpisah dengan badan sebagaimana disebutkan dalam riwayat kedua: "يتفرقا عن مكانهما" (*Berpisah dari tempat mereka berdua*).

"إِلاَّ أَنْ تَكُونَ صَفْقَةَ خِيَارٍ", terdapat di dalamnya khiar dan ketika itu perpisahan tidak lagi dilakukan dengan badan.

"وَلاَ يَحِلُّ لَه أَنْ يُفَارِقَهُ خَشْيَةَ أَنْ يَسْتَقِيلَهُ", setelah al-Tirimizi meriwayatkan hadith ini, beliau berkata: "maksud hadith ini adalah seseorang tidak dibolehkan memisahkan diri setelah jual beli dilakukan kerana takut jual beli tersebut gagal."

Maksud kalimat "يَسْتَقِيلَهُ" adalah meminta untuk membatalkan akad jual beli dan ini telah dihuraikan dalam masalah disunatkan menerima tawaran pembatalan akad jual beli (*al-iqalah*). Jadi, hadith ini menegaskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan berpisah dalam hadith Ibn Umar sebelum ini adalah berpisah badan antara kedua belah pihak baik penjual

mahupun pembeli dan ini sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Tirmidhi dan lain-lain.

Manakala makna kalimat: "لاَ يَحِلُّ" pula adalah tidak layak dilakukan oleh seorang muslim dan mesti sentiasa berbuat baik.

Di sini dapat disimpulkan bahawa apa yang dilakukan oleh Ibn Umar yang meninggalkan majelis jual beli ketika beliau merasa tertarik terhadap suatu barang yang hendak dibelinya adalah beliau berbuat demikian kerana larangan ini belum sampai kepada pengetahuannya.

Makna lain hadith ini adalah salah seorang daripada pembeli mahupun penjual tidak dibolehkan berpisah walaupun perpisahan secara badan di antara mereka pada hakikatnya dibolehkan apabila dia melihat ada tanda-tanda tidak bersetuju yang ditunjukkan oleh pihak lain.

Ada lagi satu satu jawapan tentang kalimat "يَسْتَقِيلَهُ" di mana kalimat ini mesti diberi makna secara bahasa, bukan secara syari'at. Ini kerana memberi kesempatan kepada orang yang melakukan *al-iqalah* memaksa pihak lain melaksanakan jual beli namun dia tetap tidak melaksanakannya. Jadi jual beli hampir sahaja terlaksana. Oleh itu, lafaz *al-istiqalah* bersifat majaz sebagai salah satu cara untuk mendidik, kerana penjual atau pembeli tidak memutuskan hak pembatalan yang telah disyari'atkan oleh Islam.

Fiqh Hadith

1. Hak khiar terputus sebaik berlaku perpisahan badan, namun dikecuali dalam masalah ini jika dilakukan khiar syarat. Inilah pendapat jumhur ulama.
2. Jika seseorang berkata kepada rakannya: "Pilihlah antara meneruskan transaksi atau membatalkannya" lalu rakannya memilih salah satu daripada tawaran tersebut maka akad dinyatakan sah dan perpisahan badan tidak lagi diambil kira. Ini berdasarkan kesepakatan ulama.
3. Dimakruhkan meninggalkan tempat jual beli setelah transaksi dilaksanakan bagi tujuan mengelakkan hak khiar terlebih-lebih lagi jika ada tanda-tanda tidak setuju di salah satu pihak.

٤٩- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: ذَكَرَ رَجُلٌ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ يُخْدَعُ فِي الْبُيُوعِ فَقَالَ: "إِذَا بَايَعْتَ فَقُلْ: لاَ خَلاَبَةَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

49- Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Seorang lelaki mengaku kepada Rasulullah (s.a.w) bahawa dirinya sering kali tertipu dalam berjual beli lalu baginda bersabda: "Jika kamu berjual beli maka katakanlah tidak boleh menipu." (Muttafaq alaih: 849)

Makna Hadith

Penipuan merupakan salah satu perbuatan yang dilarang ketika berjual beli dan ini sering kali terjadi di tengah-tengah masyarakat. Ia dilakukan dengan pelbagai cara. Kadang kala penipuan itu terlampau besar sehingga mangsa merasa tidak redha dengan apa yang menimpa dirinya sebagaimana yang diceritakan dalam hadith ini, kemudian Rasulullah (s.a.w) memberi jalan keluar terhadap masalah ini dengan mengatakan bahawa jika mengadakan transaksi jual beli, maka hendaklah seseorang berkata: "Tidak boleh menipu." Ini bagi memastikan orang ramai tahu bahawa perbuatannya telah diketahui oleh orang ramai.

Analisis Lafaz

"ذَكَرَ", dibaca dengan baris *dhammah* huruf *dzal* kerana ia *mabni li al-majhul*. Ini disokong oleh riwayat: "Seorang lelaki mengadakan transaksi jual beli…" Namun dalam riwayat lain disebutkan huruf *dzal* dan huruf *kaf* dibaca dengan baris *fathah* dan lelaki itu sebagai seorang yang menyampaikan berita kepada baginda dan ini disokong oleh riwayat: "Seorang lelaki datang mengadu kepada Rasulullah (s.a.w) bahawa dirinya menjumpai penipuan." Sabda baginda di akhir hadith: "Jika kamu mengadakan jual beli" ditujukan kepada lelaki tersebut seolah-olah dia datang kepada baginda bahawa semua manusia telah memberitahukan masalah ini kepada baginda.

"رَجُلٌ", dalam riwayat Imam Ahmad ditambahkan "من الأنصار" (lelaki itu berasal dari golongan Ansar. Dalam riwayat Ibn al-Jarud bahawa lelaki itu bernama Hibban bin Munqidz sementara menurut al-Darquthni, lelaki itu bernama Munqidz bin Amr.

"يُخْدَعُ فِي الْبُيُوعِ", dalam riwayat lain disebutkan: Seorang lelaki datang mengadu kepada Rasulullah (s.a.w) bahawa dia menemukan penipuan." Ini menunjukkan bahawa apa yang dimaksudkan hadith ini adalah penipuan kerana faktor akalnya yang lemah. Ini sama dengan riwayat Ash-hab al-Sunan, Ibn Hibban dan lain-lain daripada Anas (r.a) bahawa seorang lelaki melakukan akad jual beli sedangkan dia seorang yang lemah akalnya." Itu lantaran kepalanya pernah dipukul seperti mana dalam riwayat al-Baihaqi bahawa di kepalanya terdapat bekas pukulan.

"لاَ خِلاَبَةَ", dengan membaca *kasrah* huruf *kha* dan tidak bertasydid huruf *lam* yang bermaksud tidak boleh menipu. Huruf *la* sebagai *nafi* terhadap segela jenis jual beli yang bermaksud tidak ada penipuan dalam agama, kerana agama adalah saling memberi nasihat.

Al-Daruquthni dan al-Baihaqi ada menambahkan: Kemudian kamu mempunyai hak khiar terhadap barang yang kamu beli itu selama tiga hari sama ada kamu meneruskan transaksi atau sebaliknya." Lelaki ini hidup

hingga zaman pemerintahan Usman dan ketika itu umurnya mencapai seratus tiga puluh tahun. Masyarakat pada zaman pemerintahan Utsman sangatlah ramai. Jika lelaki itu ingin membeli suatu barang lalu ada orang lain berkata kepadanya: "Sesungguhnya engkau sering ditipu dalam berjual beli", maka dia pun membatalkan jual beli yang dilakukannya, kemudian seorang sahabat Rasulullah (s.a.w) bersaksi bahawa baginda pernah memberinya hak khiar selama tiga hari dan harga barang itu dikembalikan kepadanya.

Fiqh Hadith

1. Setiap permasalahan mestilah diadukan kepada pemimpin atau wakilnya jika bakal mengakibatkan kerugian.
2. Boleh menceritakan musibah yang dialami orang lain jika itu tidak mencemarkan nama baiknya.
3. Disunatkan mengatakan kepada orang yang sering kali ditipu orang lain sebelum mengadakan berjual beli: Tidak ada penipuan dalam berjual beli." Ulama berbeza pendapat tentang orang yang ditipu ketika berjual beli. Dalam masalah ini ada dua pendapat. Pertama, Imam Malik dan Imam Ahmad berpendapat hak khiar berlaku terhadap penipuan yang mengakibatkan kerugian dan ini berlaku bagi seseorang yang tidak mengetahui harga barang. Mazhab Maliki memberi batasan khiar jika kerugian akibat penipuan tersebut mencapai 1/3 harga barang. Kedua, Imam al-Syafi'i dan jumhur ulama berpendapat tidak ada hak khiar baginya, meskipun dia benar-benar tertipu. Mereka mengatakan hadith ini hanya khusus berlaku bagi lelaki ini.
4. Orang baligh yang merdeka tidak boleh disekat daripada berjual beli dan ini bercanggah dengan pendapat jumhur ulama, kerana mereka memiliki beberapa hadith dalam masalah ini sebagai pegangan mereka.

Soalan

1. Apakah yang dimaksudkan dengan sabda Rasulullah (s.a.w): "ما لم يتفرقا" dalam hadith Ibn Umar berkaitan khiar dalaml berjual beli dan sebutkan satu dalil bagi menguatkan huraian hadith ini?
2. Apakah yang dimaksudkan dengan sabda Rasulullah (s.a.w): "فإن خير أحدهما الآخر"?
3. Apakah maksud sabda baginda: "لا يحل له أن يفارقه خشية أن يستقيله"?
4. Sebutkan siapakah nama ulama yang mengatakan bahawa khiar mestilah dilakukan secara fizikal (badan)?

5. Siapakah nama sahabat yang sering kali ditipu ketika berjual beli pada zaman Rasulullah (s.a.w)?
6. Adakah sabit hak khiar bagi orang yang tertipu dan bagaimanakah pendapat ulama fiqh dalam masalah ini?

BAB RIBA

Riba secara bahasa adalah tambahan dan ada yang menyebutnya sebagai *al-ruma'* dan ada pula yang menyebutnya sebagai *al-rubiyah*. Riba menurut syari'at pula adalah tambahan dengan sifat tertentu.

٥٠- عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَعَنَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ آكِلَ الرِّبَا وَمُوكِلَهُ وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدَيْهِ، وَقَالَ: "هُمْ سَوَاءٌ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

50- Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melaknat orang yang memakan harta riba, wakilnya, penulisnya dan orang yang menyaksikannya." Baginda bersabda: "Mereka semua adalah sama." (Diriwayatkan oleh Muslim: 850).

٥١- وَلِلْبُخَارِيِّ نَحْوُهُ مِنْ حَدِيثِ أَبِي جُحَيْفَةَ.

51- Lafaz yang sama diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada hadith Abu Juhaifah: 851.

Makna Hadith

Amalan riba adalah salah satu bentuk cara memakan harta orang lain dengan cara batil. Setiap bentuk riba mengakibatkan padah, kerana orang yang menjadi mangsa riba tidak dapat meminta hartanya semula. Akibat amalan riba yang bermaharajalela, sukar memberi pinjaman kepada orang yang benar-benar memerlukannya. Ia adalah perbuatan yang diharamkan yang wajib dibasmi dengan prinsip amar makruf dan nahi mungkar. Oleh itu, Islam amat tegas melarang amalan keji ini, malah Allah (s.w.t) berfirman:

فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا۟ فَأْذَنُوا۟ بِحَرْبٍ مِّنَ ٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۖ وَإِن تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَٰلِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٢٧٩﴾

"Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa." (Surah al-Baqarah: 279). Banyak lagi nas-nas al-Qur'an dan hadith yang melarang sekali gus mengecam riba, salah satunya adalah hadith ini di mana Allah melaknat orang yang memakan riba, wakilnya, penulisnya dan orang yang menyaksikannya, bahkan kedudukan mereka sama dalam memperoleh dosa.

Analisis Lafaz

"لَعَنَ", mereka dihalau dan dijauhkan dari rahmat Allah. Hadith ini merupakan dalil yang paling kuat dalam mengharamkan riba, di mana memakan riba menyebabkan kemurkaan dan laknat Allah.

Rasulullah (s.a.w) bersabda:

اللَّهُمَّ مَا لَعَنْتُ مِنْ لَعْنَةٍ فَاجْعَلْهَا رَحْمَةً.

"Ya Allah, berikanlah rahmat ke atas segala sesuatu yang pernah aku laknat." Ini menunjukkan bahawa tujuan memohon rahmat ke atas orang yang dilaknat tersebut bukanlah golongan yang dilaknat di dalam hadith riba ini.

"وَمُوكِلَهُ", orang yang mewakilkannya. Maksudnya adalah orang yang memberi tambahan.

Fiqh Hadith

1. Haram memakan harta riba kerana ia salah satu dosa besar di mana pelakunya berhak mendapat laknat dari Allah.
2. Haram menulis transaksi riba.
3. Haram menjadi saksi transaksi riba.

٥٢- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الرِّبَا ثَلاَثَةٌ وَسَبْعُونَ بَابًا أَيْسَرُهَا مِثْلُ أَنْ يَنْكِحَ الرَّجُلُ أُمَّهُ، وَإِنَّ أَرْبَى الرِّبَا عِرْضُ

الرَّجُلِ الْمُسْلِمِ". رَوَاهُ ابْنُ مَاجَه مُخْتَصَراً، وَالْحَاكِمُ بِتَمَامِهِ وَصَحَّحَهُ.

52- Daripada Abdullah bin Mas'ud (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Riba terdiri daripada tujuh puluh tiga cabang, dan tingkatan dosa yang paling ringan seperti dosa seorang lelaki menyetubuhi ibu kandungnya dan sesungguhnya dosa riba yang paling dahsyat itu adalah menambah terhadap beban hutang seorang muslim." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah secara ringkas sedangkan al-Hakim secara sempurna sekali gus menilainya sebagai sahih: 852).

Makna Hadith

Hadith ini menjelaskan jenis dan bentuk riba hingga mencecah tujuh puluh tiga cabang, sebahagian cabang mempunyai tingkatan dosa yang berlainan antara satu sama lain, dan dosa riba yang paling rendah adalah seperti seorang lelaki yang menyetubuhi ibu kandungnya sendiri dan kita sedia maklum bahawa menyetubuhi ibu kandung sendiri merupakan salah satu perbuatan zina yang paling dilarang di sisi Islam.

Hadith ini kemudian menjelaskan dosa yang paling besar adalah memakan harta saudaranya seiman,

Analisis Lafaz

"ثَلاَثَةٌ وَسَبْعُونَ بَابًا", maksudnya adalah ragam bentuk riba atau faktor yang mendorong seseorang melakukan riba. Dalam kitab Syarh al-Sunnah oleh al-Baghawi daripada Abdullah bin Salam menyebutkan bahawa riba terdiri daripada tujuh puluh dua dosa. Dosa yang paling ringan sama seperti dosa seorang lelaki yang menyetubuhi ibu kandungnya sendiri. Dengan erti kata lain, dosa satu kali melakukan riba sama dengan melakukan melakukan tujuh puluh dosa. Ini sangat menarik kerana ketika seorang pelaku riba ingin menambahkan hartanya, dia sedang melakukan dosa paling besar hingga kejahatannya itu digandakan. Jika ada seseorang yang bertanya: "Bukankah di dalam al-Qur'an Allah menyatakan bahawa satu kesalahan dibalas dengan satu kesalahan pula." Jawapannya, kadar dosa itu berbeza-beza antara satu sama lain seperti mana kadar amal kebaikan pula berbeza-beza dan ini ditegaskan dalam kebanyakan hadith. Oleh yang demikian, satu dosa besar sama kadarnya dengan melakukan tujuh puluh dua dosa yang lain.

"أَيْسَرُهَا", dosa yang paling ringan dan paling sedikit. Dalam hadith ini ada kalimat yang dibuang iaitu perkataan dosa. Namun mengikut tafsiran Abdullah bin Salam sebelum ini, perkataan dosa tidak diperlukan lagi dan ini menguatkan lagi takwilan perkataan "bab" sebagai "dosa".

"أَرْبَى الرِّبَا", riba paling dahsyat.

"عِرْضُ الرَّجُلِ الْمُسْلِمِ", dalam riwayat lain kalimat ini ditafsirkan sebagai satu kali makian dibalas dengan dua kali makian. Dengan erti kata lain, adanya satu tambahan dalam setiap perbuatan. Tetapi ini sekadar contoh dan tafsiran tidak sebatas ini sahaja. Jadi setiap muslim yang menyakiti saudaranya yang muslim, kemudian dia membalasnya dengan balasan yang lebih dahsyat maka itu dianggap sebagai perbuatan riba.

Fiqh Hadith

1. Menjelaskan betapa besar dosa amalan riba itu.
2. Riba terdiri daripada beberapa jenis dan bentuk.
3. Sebahagian dosa mempunyai tingkatan dosa yang berbeza-beza.
4. Dibolehkan mengumpamakan satu perbuatan dosa dengan dosa kesalahan yang lain.
5. Zina adalah dosa besar.
6. Berzina dengan mahram merupakan salah satu dosa yang lebih besar, terlebih-lebih lagi berzina dengan ibu kandung sendiri.
7. Memakan harta sesama mulim merupakan dosa besar.

٥٣- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لاَ تَبِيعُوا الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ إِلاَّ مِثْلاً بِمِثْلٍ، وَلاَ تُشِفُّوا بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ، وَلاَ تَبِيعُوا الْوَرِقَ بِالْوَرِقِ إِلاَّ مِثْلاً بِمِثْلٍ، وَلاَ تُشِفُّوا بَعْضَهَا عَلَى بَعْضٍ، وَلاَ تَبِيعُوا مِنْهَا غَائِباً بِنَاجِزٍ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

53- Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jangan kamu menjual emas dengan emas kecuali dengan timbangan yang sama dan jangan kamu melebihkan satu timbangan dengan yang lain, jangan kamu menjual perak dengan perak kecuali dengan timbangan yang sama dan jangan kamu melebihkan satu timbangan dengan yang lain, dan jangan kamu menjual keduanya di mana salah satu daripadanya dijual tunah dan satunya lagi dijual secara ansur." (Muttafaq alahi: 853).

Makna Hadith

Hadith ini merupakan salah satu kaedah yang mengharamkan riba fadhal (pertambahan jumlah) dan riba nasa' (pertambahan waktu) dalam berjual beli dan pertukaran barang yang satu jenis, di mana salah seorang dari kedua pihak yang bertransaksi tidak dibolehkan melebihkan timbangan mahupun

takaran dan tidak dibolehkan menangguhkan pembayaran kepada waktu yang lain selagi barang yang diperjual belikan itu satu jenis.

Analisis Lafaz

"الذَّهَبَ بِالذَّهَبِ", boleh menjual emas dengan emas, baik emas yang telah dibentuk mahupun emas yang masih murni (belum dibentuk), emas perhiasan atau sebaliknya.

"مِثْلاً بِمِثْلٍ", setiap emas yang ditukarkan mestilah mempunyai takaran dan timbangan yang sama mengikut bentuk jualan sama ada dijual dengan menggunakan timbangan atau takaran. Jika yang dibahas dalam masalah ini adalah emas, maka itu mestilah menggunakan menggunakan takaran, tetapi jika emas itu dalam bentuk dinar, maka itu mestilah menggunakan takaran sebagai alat tukar.

"لاَ تُشِفُّوا", jangan kamu melebihkan. Kalimat ini mempunyai dua makna yang berlainan; mengurangi dan melebihkan namun sama-sama memiliki maksud yang sama. Dengan erti kata lain, jika salah seorang dari kedua pihak melebihkan bahagiannya bererti secara tidak langsung bahagian pihak yang lain telah dikurangi. Demikian pula sebaliknya.

"الْوَرِقِ", dengan membaca *kasrah* huruf *ra'* adalah perak.

"غَائِباً بِنَاجِزٍ", *al-najiz* antonim *al-gha'ib*, yakni hadir. Dengan erti kata lain, salah pihak membayar secara tunai sedangkan pihak yang lain membayar dengan cara ansuran. Ini yang tidak dibolehkan, di mana kedua-dua pihak dikehendaki menyediakan barang secara tunai dan kemudian mereka mengambil barang yang telah dibelinya secara tunai pula sehingga tidak terdapat pembayaran yang dilakukan secara ansuran.

Fiqh Hadith

1. Dibolehkan menjual atau menukar (jual beli *sharf*) emas dengan emas, perak dengan perak dengan syarat masing-masing barang mestilah sama dan tidak boleh menangguhkan pembayaran (penukaran).
2. Haram melebihkan salah satu barang terhadap barang yang satu jenis atau menangguhkan pembayaran (penukaran) kerana penambahan dan penangguhan merupakan salah satu amalan riba, bahkan jika emas perhiasan ditukar dengan emas yang belum dibentuk maka takaran dan timbangannya mestilah tetap sama dan tidak dibolehkan meminta kecuali sama timbangan, takaran dan dilakukan secara tunai, dan tidak boleh meminta bayaran lebih dengan alasan sebagai ongkos pembuatan. Inilah pendapat ulama fiqh.

Penting

Jika satu jenis barang ditukar dengan jenis barang yang sama tetapi salah satu barang yang ditukar itu terdapat tambahan barangan yang lain seperti seseorang yang menjual satu dirham dan sehelai baju dengan dua dirham, maka pertukaran seperti ini tetap tidak dibolehkan. Inilah pendapat sebahagian sahabat, tabi'in, Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad dan Ishaq.

Demikian pula jika seseorang menjual satu mud[6] tamar ajwah dan satu mud bahan makanan *saihani*, dengan dua mud tamar ajwah, maka jual beli seperti ini tetap tidak dibolehkan menurut Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama. Perbahasan ini akan dibahas secara terperinci dalam masalah mud 'ajuwah[7], kerana hadith ini hanya membahas tentang pertukaran antara emas dengan emas dan perak dengan perak.

٥٤- عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ، وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ، وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ، وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ، وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ، وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ، مِثْلاً بِمِثْلٍ، سَوَاءً بِسَوَاءٍ، يَدًا بِيَدٍ، فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَصْنَافُ فَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

54- Daripada Ubadah bin al-Shamit (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, padi dengan padi, kurma dengan kurma, garam dengan garam, sejenis ditukar dengan sejenis, tunai dengan tunai dan sama ukuran dengan sama ukuran. Jika kadar dan sifat kesemua ini berbeza, maka lakukanlah jual beli itu sesuka hari kamu selagi itu dilakukan dengan cara tunai. (Diriwayatkan oleh Muslim: 854).

Makna Hadith

Makna hadith ini sama dengan hadith sebelumnya yang mengharamkan tambahan jumlah dan waktu ketika mengadakan pertukaran barang yang satu jenis, namun hadith ini menambahkan empat jenis barangan yang tidak disebutkan dalam hadith sebelumnya dan keenam-enam jenis barangan ini apabil dijual secara berselang-seli dibolehkan melakukan tambahan pada salah satu barang yang lain dengan syarat tidak menangguhkan serah terima

[6] Satu mud adalah sepenuh kedua telapak tangan apabila digabungkan.

[7] Rujuk hadith no: 56.

salah satu barang dan serah terima mestilah dilakukan secara tunai.

Analisis Lafaz

"الْبُرُّ", dengan membaca *dhammah* huruf *ba'* iaitu nama salah satu biji-bijian.

"سَوَاءً بِسَوَاءٍ", sebagai menguatkan bagi perkataan "مثلا بمثل" yang bermaksud sama timbangan dan ukuran serta satu jenis.

"يَدًا بِيَدٍ", tunai dengan harga harga, tidak ada penangguhan bayaran meskipun dalam jumlah yang sedikit.

Fiqh Hadith

1. Boleh menukar emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum selagi pertukaran itu dilakukan dengan timbangan dan takaran yang sama dan tunai. Ulama telah bersepakat ke atas enam jenis barang ini, di mana tidak boleh melebihkan jumlah barang dan waktu sekiranya pertukaran yang dilakukan itu adalah satu jenis. Jika barangnya tidak sama, maka ulama dalam berbeza pendapat dalam melebihkan salah satu barang yang ditukaran sama ada dibolehkan ataupun sebaliknya. Jumhur ulama berpendapat bahawa riba tidak hanya terbatas terhadap keenam jenis barang yang disebutkan dalam hadith ini, tetapi mereka berbeza pendapat mengenai alasan pengharamannya dan demikian pula mereka berbeza pendapat dalam menentukan barang-barang yang memiliki hukum yang sama dengan keenam-enam jenis barang tersebut.
2. Gandum dan padi adalah dua jenis barang yang berlainan mengikut pendapat jumhur ulama, sementara Imam Malik, al-Laits dan al-Auza'i tidak bersetuju dengan pendapat jumhur ulama ini. Perbezaan pendapat ini menyebabkan jumhur membolehkan menukar satu mud gandum dengan setengah mud beras, kerana kedua-dua benda ini tidak satu jenis, sementara menurut Imam Malik pertukaran ini tidak dibolehkan.
3. Dibolehkan melakukan pertukaran dengan melebihkan salah satu barang yang ditukarkan jika jenis barangan tersebut berlainan dengan syarat serah terima dilakukan dengan segera, seperti menukar emas dengan gandum misalnya selagi pertukaran ini dilakukan dengan cara tunai.

٥٥- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَزْناً بِوَزْنٍ مِثْلاً بِمِثْلٍ، وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَزْناً بِوَزْنٍ مِثْلاً بِمِثْلٍ،

فَمَنْ زَادَ أَوْ اسْتَزَادَ فَهُوَ رِبًا". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

55- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Emas dengan emas sama timbangan dan dibayar secara tunai, perak dengan perak sama timbangan dan dibayar secara tunai. Barang siapa yang melebihkan atau meminta lebih maka orang itu telah melakukan riba." (Diriwayatkan oleh Muslim: 855).

Makna Hadith

Hadith ini mengandungi makna yang sama dengan hadith Abu Sa'id dan Ubadah bin al-Shamit yang mengharamkan pertukaran apabila barang itu satu jenis kerana di dapati wujud penambahan timbangan atau timbangan dan penangguhan pembayaran. Tetapi dalam hadith ini dijelaskan satu perkara iaitu timbangan bagi menunjukkan bahawa spekulasi dan perkiraan dalam jual beli seperti ini tidak dibenarkan.

Analisis Lafaz

"الذَّهَبُ", boleh dibaca *rafa'* kerana kedudukannya sebagai *mubtada'*, namun boleh pula dibaca *nashab* kerana kedudukannya sebagai *maf'ul* bagi *fi'il* yang dibuang "بيعوا".

"وَزْناً", dibaca *nashab* kerana kedudukannya sebagai *hal* (kata keterangan keadaan).

"اسْتَزَادَ", meminta lebih dan inilah orang yang mengamalkan dan memakan riba.

Fiqh Hadith

1. Diharamkan mempraktikkan riba fadhal dan riba nasa' ketika mengadakan pertukaran terhadap satu barang yang sejenis.
2. Jika barang itu satu jenis, tidak boleh melakukan spekulasi dalam timbangan, sebaliknya mestilah ditimbang dengan takaran yang pasti.
3. Orang yang memakan riba dan wakilnya memperoleh dosa yang sama.

٥٦- عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ وَأَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَعْمَلَ رَجُلاً عَلَى خَيْبَرٍ، فَجَاءَهُ بِتَمْرٍ جَنِيبٍ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ

عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكُلُّ تَمْرِ خَيْبَرَ هَكَذَا؟ فَقَالَ: لاَ، وَ اللهِ يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّا لَنَأْخُذُ الصَّاعَ مِنْ هَذَا بِالصَّاعَيْنِ وَالثَّلاَثَةِ، فَقَالَ رَسُولُ اللهُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ تَفْعَلْ، بِعِ الْجَمْعَ بِالدَّرَاهِمِ، ثُمَّ ابْتَعْ بِالدَّرَاهِمِ جَنِيبًا". وَقَالَ فِي الْمِيزَانِ مِثْلَ ذَلِكَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَلِمُسْلِمٍ: "وَكَذَلِكَ الْمِيزَانُ".

56- Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a) dan Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melantik seorang lelaki sebagai pekerja di Khaibar, kemudian lelaki ini datang menghadap baginda dengan membawa buah kurma yang buruk. Melihat itu, baginda bersabda: "Adakah seluruh jenis kurma Khaibar seperti ini?" Lelaki itu menjawab: "Tidak wahai Rasulullah, kami menukar satu sha' kurma yang bagus dengan dua sha' kurma yang buruk dan dua sha' yang bagus dengan tiga sha' yang buruk." Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jangan kamu melakukan itu! Jual seluruh jenis kurma dengan wang dirham, kemudian belilah kurma yang lebih buruk dengan menggunakan wang dirham itu." (Muttafaq alaih: 856).

Makna Hadith

Hadith ini malarang daripada menjual salah satu daripada enam jenis barang yang telah disebut sebelum ini yang sama jenis dengan melebihkan salah satu tukarannya, meskipun kualiti salah satu barang tersebut berbeza, sama ada baik dengan buruk atau sebaliknya, sam ada barang tersebut ditimbang mahupun ditakar.

Analisis Lafaz

"رَجُلاً", dalam satu riwayat Abu 'Awanah dan al-Daruquthni disebutkan bahawa nama lelaki ini adalah Sawad bin Ghaziyyah dari golongan Ansar.

"خَيْبَرِ", nama benteng milik Yahudi yang kemudian dikuasai oleh Rasulullah (s.a.w) pada tahun ketujuh Hijriah.

"تَمْر جَنِيب", kalimat ini sama timbangan dengan kalimat "عظيم". Ada yang mengatakan makna *al-janib* adalah kurma bagus, ada yang mengatakan kurma keras, ada yang mengatakan kurma yang kualiti buruknya sudah dibuang dan ada yang mengatakan setiap jenis kurma yang tidak disertai dengan jenis lain, namun pendapat yang lebih kuat mengatakan bahawa makna *al-janib* adalah kurma buruk atau kurma berkualiti baik dicampur dengan kurma berkualiti buruk.

"الصَّاعَ", nama alat takaran yang sama dengan dua mud.[8]

"بع الْجَمْعَ", dengan membaca *fatah* huruf *jim* dan membaca *sukun* huruf *mim* maknanya adalah kurma buruk atau campuran kurma yang baik dengan yang buruk. Tafsiran kedua ini disebut dalam riwayat Muslim. Dalam kitab al-Mizan turut dikemukakan riwayat yang serupa. Dengan erti kata lain, setiap sesuatu yang ditimbang, kerana telah diterangkan hukum barang yang ditakar lalu hadith ini menerangkan hukum barangan yang ditimbang pula.

Fiqh Hadith

1. Boleh melantik wakil atau pengganti.
2. Menjual atau menukar barang yang sejenis mestilah dilakukan dengan timbangan yang sama pula tanpa mengambil kira kualiti kedua-dua barang tersebut sama ada menggunakan timbangan atau pun takaran. Ini berdasarkan kesepakatan ulama.
3. Seluruh jenis kurma dianggap sebagai satu jenis dan ini berdasarkan kesepakatan ulama.
4. Seseorang yang melakukan jual beli secara riba kerana tidak tahu hukumnya, maka jual belinya tidak batal, kerana jual beli di dalam hadith di atas tidak dibatalkan. Tetapi menurut Ibn Abdul Barr, meskipun periwayat hadith ini tidak menyebutkan adanya pembatalan jual beli, maka ini tidak bererti pembatalan itu tidak wujud, kerana ada kemungkinan masalah ini tidak disebutkan lantaran ia sudah sedia maklum, malah dalam riwayat yang lain disebutkan bahawa pembatalan jual beli telah pun dilakukan. Ibn Hajar memberi komentar ke atas pendapat Ibn Abdul Barr ini dengan berkata: "Ada kemungkinan Ibn Abdul Barr memberi isyarat kepada hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Abu Sa'id bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Ini adalah riba, maka batalkan jual beli ini." Keragaman kisah dalam masalah ini menimbulkan pelbagai persoalan. Apapun, pembatalan jual beli yang memuatkan unsur riba telah pun dilakukan meskipun berdasarkan riwayat yang berlainan. Oleh itu, hadith yang tidak menyebutkan pembatalan jual beli kerana memuatkan unsur riba hendaklah difahami mengikut hadith yang secara tegas menyebutkan pembatalan jual beli yang mengandungi unsur riba.

[8] Satu sha' tepung atau gandum di sisi jumhur ulama sama dengan 2759 gram sedangkan menurut mazhab Hanafi, satu sha' tepung sama dengan 3800 gram.

5. Dibolehkan berbuat baik terhadap diri sendiri dan memilih makanan yang lebih baik untuk keperluan peribadi.

٥٧- عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ : نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الصُّبْرَةِ مِنَ التَّمْرِ لا يُعْلَمُ مَكِيلُهَا بِالْكَيْلِ الْمُسَمَّى مِنَ التَّمْرِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

57- Daripada Jabir bin Abdullah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang daripada menjual setimbun makanan (kurma) yang belum diketahui takarannya sesuai dengan takaran yang telah disepakati." (Diriwayatkan oleh Muslim: 857).

Makna Hadith

Hadith ini menguatkan permasalahan yang disebut dalam hadith yang diriwayatkan Abu Hurairah sebelum ini, di mana dalam hadith itu diwajibkan memastikan timbangan mengikut cara yang betul dan berspekulasi dalam timbangan menyebabkan jual beli tidak sah hingga barang itu ditakar atau ditimbang yang berlaku di daerah tersebut. Hadith ini menetapkan betapa penting ukuran dan demikian pula timbangan.

Analisis Lafaz

"الصُّبْرَةِ", dengan membaca *dhammah* huruf *shad* maknanya adalah timbunan makanan yang belum diketahui takarannya.

"بِالْكَيْلِ الْمُسَمَّى", dengan takaran yang sedia maklum seperti *sha'*, *mud* dan lain-lain, bukan dengan bekas atau wadah yang tidak diketahui berapa jumlah dan kadarnya.

Fiqh Hadith

Larangan melakukan jual beli suatu barang yang sejenis secara spekulasi kerana dikhuatiri berlaku riba lantaran kadar barang yang diperjual belikan tidak diketahui dengan jelas, meskipun jumlah barang yang tidak diketahui hanya berlaku pada salah satu barang sahaja, bukan kepada kedua-dua barang yang akan diperjual belikan. Pendapat ini berdasarkan kesepakatan ulama.

٥٨- عَنْ مَعْمَرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: إِنِّي كُنْتُ أَسْمَعُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "الطَّعَامُ بِالطَّعَامِ مِثْلاً بِمِثْلٍ"، وَكَانَ طَعَامُنَا يَوْمَئِذٍ الشَّعِيرَ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

58- Daripada Ma'mar bin Abdullah (r.a), beliau berkata: "Sesungguhnya aku pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Makanan yang ditukar dengan makanan hendaklah sejenis dengan sejenis dan sama timbangan." Ketika itu makanan kami adalah barli." (Diriwayatkan oleh Muslim: 858).

Makna Hadith

Al-Hafiz Ibn Hajar meringkaskan lafaz hadith ini. Ia mempunyai kisah panjang sebagaimana yang diriwayatkan oleh Muslim berikut:

عَنْ مَعْمَرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ أَنَّهُ أَرْسَلَ غُلاَمَهُ بِصَاعِ قَمْحٍ، فَقَالَ: بِعْهُ ثُمَّ اشْتَرِ بِهِ شَعِيرًا، فَذَهَبَ الْغُلاَمُ فَأَخَذَ صَاعًا وَزِيَادَةَ بَعْضِ صَاعٍ، فَلَمَّا جَاءَ مَعْمَرًا أَخْبَرَهُ بِذَلِكَ، فَقَالَ لَهُ مَعْمَرٌ: لِمَ فَعَلْتَ ذَلِكَ انْطَلِقْ فَرُدَّهُ، وَلاَ تَأْخُذَنَّ إِلاَّ مِثْلاً بِمِثْلٍ، فَإِنِّي كُنْتُ أَسْمَعُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "الطَّعَامُ بِالطَّعَامِ مِثْلاً بِمِثْلٍ." قَالَ: وَكَانَ طَعَامُنَا يَوْمَئِذٍ الشَّعِيرَ، قِيلَ لَهُ: فَإِنَّهُ لَيْسَ بِمِثْلِهِ، قَالَ: إِنِّي أَخَافُ أَنْ يُضَارِعَ.

"Dari Ma'mar bin Abdullah bahawa beliau pernah mengutus hamba miliknya dengan satu sha' gandum. Beliau berkata kepada hamba itu: "Juallah gandum ini lalu beli beras dengan harga gandum itu." Hamba itu kemudian pergi dengan membawa satu sha' gandum lalu menukarnya dengan satu setengah sha' barli. Jadi di sini ada lebihan pertukaran sebanyak setengah sha'. Ketika datang menghadap Ma'mar, dia menceritakan apa yang telah dilakukannya. Ma'mar berkata: "Mengapa kamu berbuat demikian? Pergi ke sana dan pulangkan barang itu. Jangan kamu menukarnya kecuali dalam kadar yang sama, kerana sesungguhnya aku pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Makanan yang ditukar dengan makanan mestilah sejenis dengan sejenis dan sama timbangan." Ketika itu, makanan kami adalah barli. Ada seseorang yang bertanya kepadanya: Bukankah kedua-dua barang itu tidak serupa? Ma'mar menjawab: "Sesungguhnya aku takut kalau ia menyerupainya."

Dengan hadith ini, al-Hafiz Ibn Hajar ingin menguatkan mazhab Syafi'i bahawa hukum riba berlaku bagi setiap jenis makanan sama ada yang ditakar ataupun yang ditimbang dan riba tidak hanya berlaku terhadap

enama jenis makanan yang telah disebutkan dalam hadith sebelum ini, kerana menurutnya alasan diharamkan riba di sini lantaran barang itu adalah bahan makanan sebagaimana yang disebutkan dalam hadith tersebut. Ketika hadith tersebut menyebut kurma dan gandum di mana keduanya merupakan jenis makanan yang berharga mahal dan kemudian disebutkan garam yang berharga murah menujukkan bahawa seluruh jenis makanan boleh berlaku riba di dalamnya.

Barang kali faktor nama-nama barang tersebut tidak disebutkan disebutkan di dalam hadith ini adalah kerana barli dan beras merupakan dua jenis barang yang pada hakikatnay satu jenis, tetapi dalam masalah ini Ibn Hajar dan jumhur ulama tidak sependapat. Ini berbeza dengan Imam Malik yang menyatakan kedua jenis barang ini; barli dan beras sebagai dua jenis barang yang serupa.

Makna hadith "sesungguhnya aku takut kalau ia menyerupainya" merupakan dalil bahawa Ma'mar berbuat demikian bukan kerana hakikat hukum yang sebenar menetapkan demikian, akan tetapi beliau berbuat demikian kerana sifat wara'nya. Buktinya, ketika ada seseorang yang bertanya kepada Ma'mar: "Bukankah barang ini tidak sama atau tidak sejenis?" Ma'mar di sini tidak membantah soalan itu.

Analisis Lafaz

"أَسْمَعُ", kalimat ini disebutkan dengan menggunakan *fi'l mudhari'* bagi menunjukkan bahawa beliau sering kali mendengarnya, bukan hanya sekali mendengar.

Fiqh Hadith

1. Riba tidak hanya berlaku ke atas enam jenis makanan yang telah disebutkan dalam hadith di atas, sebaliknya ia terjadi ke atas seluruh jenis makanan termasuklah buah-buahan, sayur-sayuran dan biji-bijian, sama ada yang ditimbang ataupun yang ditakar. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dalam *qaul jadid*. Menurut sekumpulan ulama yang lain, alasan diharamkannya riba adalah bahan makanan yang dijual secara timbangan dan takaran. Jadi setiap makanan yang dijual secara timbangan atau takaran berlaku di dalamnya riba. Ini berbeza jika barang itu dijual dengan tidak menggunakan timbangan atau takaran meskipun ia adalah makanan. Inilah pendapat Sa'id bin al-Musayyab, al-Imam al-Syafi'i dalam *qaul qadim* dan Imam Malik.
2. Bahan makanan yang sejenis tidak boleh diperjual belikan antara satu sama lain kecuali sama takaran dan sama timbangan di samping dilakukan secara tunai, meskipun makanan itu tidak sejenis, tetapi zahir hadith ini tidak seorang pun ulama yang mengatakan demikian

kerana banyak hadith sebelumnya telah mengkhususkannya seperti mana sabda Rasulullah (s.a.w): "Jika bahan-bahan yang akan dijual itu tidak satu jenis, maka juallah sesuai dengan kehendak kamu."

3. Gandum dan barli merupakan dua jenis makanan yang berlainan. Ini berbeza dengan ulama lain mengatakan sebaliknya seperti Imam Malik, al-Laits dan al-Auza'i, di mana mereka ini tidak sependapat dengan pendapat jamhur ulama dalam masalah ini. Jumhur ulama mengemukakan dalil berdasarkan hadith riwayat 'Ubadah sebelum ini dan hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud bahawa "tidak ada salahnya menukar gandum dengan barli sesdangkan jumlah barli lebih banyak dengan syarat jual beli itu dilakukan secara tunai." Ini menunjukkan barli dan gandum bukan barang yang sejenis.

٥٩- عَنْ فَضَالَةَ بْنِ عُبَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "اشْتَرَيْتُ يَوْمَ خَيْبَرَ قِلاَدَةً بِاثْنَيْ عَشَرَ دِينَاراً، فِيهَا ذَهَبٌ وَخَرَزٌ، فَفَصَلْتُهَا فَوَجَدْتُ فِيهَا أَكْثَرَ مِنْ اِثْنَيْ عَشَرَ دِينَاراً، فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "لاَ تُبَاعُ حَتَّى تُفْصَلَ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

59- Daripada Fadhalah bin 'Ubaid (r.a), beliau berkata: "Ketika perang Khaibar, aku membeli kalung seharga dua belas dinar dan ia terbuat daripada emas dan tembaga. Aku kemudian memisahkannya dan ternyata nilai barang tersebut lebih daripada dua belas dinar. Aku kemudian menceritakan masalah ini kepada Rasulullah (s.a.w) lalu baginda bersabda: "Jangan kamu menjualnya kecuali setelah memisahkannya." (Diriwayatkan oleh Muslim: 859).

Makna Hadith

Al-Tabrani meriwatkan hadith ini melalui jalur yang berbeza-beza. Demikian pula Abu Dawud dan lain-lain dengan lafaz yang berbeza-beza pula seperti perkataannya: "seharga tujuh dinar." Dalam riwayat lain disebutkan: "seharga sembilan dinar." Dalam riwayat lain disebutkan: "seharga dua belas dinar." Dalam riwayat lain disebutkan: "Aku membeli kalung ketika perang Khaibar seharga dua belas dinar." Bahkan ada yang mengatakan hadith ini *mudtharib*.

Al-Hafiz Ibn Hajar memberi komentar dalam masalah ini dengan mengatakan bahawa perbezaan riwayat dan lafaz hadith ini tidak menjadikannya sebagai daif, sebaliknya ia tetap boleh dijadikan dalil dan tidak ada perbezaan pendapat di dalamnya, kerana tujuan hadith ini menyatakan larangan untuk menjual barang yang belum dipisahkan, sementara jenis dan jumlah harganya bukan tujuan hadith ini dan ia sama sekali tidak menjadikan hadith ini daif. apa yang penting adalah melakukan

tarjih ke atas riwayat hadith ini. Jika seluruh periwayat hadith ini dianggap kuat dan thiqoh, maka riwayat ini hendaklah dinyatakan sahih sedangkan riwayat yang selainnya adalah *syadz*.

Al-San'ani mengatakan setelah menyebut hadith ini ini bahawa perkataan Ibn Hajar di atas adalah bijaksana bagi menjawab keraguan yang selama ini berkeliaran.

Bagi pensyarah, hadith ini dikenali dengan sebuatan mud 'ajwah. Gambarannya adalah menjual satu mud tamar ditambah satu dirham dengan dua mud 'ajwah atau menjual satu mud 'ajwah ditambah satu dirham dengan dua dirham.

Demikian pula dengan hadith ini, iaitu menjual satu barang seharga satu dinar sementara di dalam barang tersebut terdapat nilai harga yang melebihi satu dinar. Cara menjual barang barang tersebut adalah ia tidak boleh dijual hingga barang itu dipisahkan antara satu sama lain sebagaimana yang disebutkan dalam hadith di atas.

Analisis Lafaz

"يَوْمَ خَيْبَرَ", pada hari di mana Khaibar berjaya dikalahkan pada tahun ketujuh Hijriah.

"فَفَصَلْتُهَا", memisahkan dan mengasingkan setiap jenis barang antara satu sama lain.

"تُفْصَلَ", dipisahkan atau diasingkan.

Fiqh Hadith

Larangan menjual emas dengan emas yang bercampur dengan barang lain. Demikian pula dengan barang riba lain. Emas yang bercampur itu hendaklah dipisahkan sesuai jenisnya, kemudian ia dijual sesuai dengan harganya dan demikian pula dengan barang lain yang merupakan campurannya. Ulama berbeza pendapat dalam masalah ini. Menurut Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad dan Ishaq di mana pendapat ini dinukil daripada Umar bin al-Khatthab bahawa menjual emas yang bercampur dengan benda lain tidak dibolehkan kecuali setelah memisahkannya terlebih dahulu dengan benda campurannya, meskipun harga emas yang bercampur dengan benda lain lebih mahal atau lebih murah daripada harga emas tulen tanpa campuran. Menurut Imam Abu Hanifah dan al-Tsauri, jual beli seperti ini dibolehkan apabila harga emas tulen tanpa campuran lebih mahal daripada emas yang bercampur dengan benda lain itu, sementara jika harga harga emas tulen tanpa campuran sama atau kurang daripada itu, maka jual beli seperti ini tidak dibolehkan. Sementara Imam Malik mengemukakan pendapat yang senada dengan Imam Abu Hanifah, tetapi beliau membatasi harga emas tulen tanpa campuran tidak melebihi harga 2/3.

٦٠- عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْحَيَوَانِ بِالْحَيَوَانِ نَسِيئَةً. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ الْجَارُودِ.

60- Daripada Samurah bin Jundub bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang daripada menjual haiwan dengan haiwan secara *nasi'ah* (menangguhkan bayaran hingga waktu yang tidak ditentukan). (Diriwayatkan oleh al-Khamsah dan dinilai sahih oleh al-Tirmidhi dan Ibn al-Jarud: 860).

Makna Hadith

Hadith ini melarang menjual haiwan dengan haiwan di mana haiwan pertama diserahkan secara tunai sedangkan haiwan kedua ditangguh penyerahannya.

Ulama berbeza pendapat sama ada hadith ini sahih ataupun sebaliknya. Ini kerana al-Hasan al-Basri meriwayatkan hadith ini daripada Samurah, kerana ulama masih berselisih pendapat sama ada al-Hasan benar-benar mendengarnya daripada Samurah ataupun tidak. Sekumpulan ulama berpendapat bahawa kedudukan hadith ini *mungqathi'*.

Apapun, hadith ini dikuatkan oleh beberapa *syahid* yang antara lain hadith yang diriwayatkan daripada Ibn Abbas dan dikeluarkan oleh al-Daruquthni dan al-Shan'ani menilai para periwayatnya sebagai thiqoh, sementara al-Bukhari dan Imam Ahmad men*tarjih* yang hadith ini mursal. Di antaranya lagi hadith yang diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah yang dikeluarkan oleh al-Tirmidhi dengan sanad yang daif. Di antaranya lagi hadith yang diriwayatkan daripada Jabir bin Samurah yang dikeluarkan oleh Abdullah dalam Zawa'id al-Musnad. Di antararanya lagi hadith yang diriwayatkan daripada Ibn Umar yang dikeluarkan oleh al-Tabrani. Masing-masing *syahid* ini saling menguatkan antara satu sama lain.

Analisis Lafaz

"نَسِيئَةً", pembayaran secara ansuran dengan tempoh yang tidak ditentukan dan ini dilakukan setelah menerima barang.

Fiqh Hadith

Tidak sah menjual haiwan dengan haiwan secara *nasi'ah* atau menjual seekor haiwan dengan dua ekor haiwan secara *nasi'ah* (membayar secara ansuran dalam tempoh yang belum ditentukan). Jadi, maksud perkataan *al-hayawan* di sini adalah meliputi segala jenis haiwan. Inilah pendapat Ibn Abbas, Atha', al-Tsauri, ulama mazhab Hanafi dan Imam Ahmad.

Menurut Ali bin Abu Thalib, Ibn Umar, Ibn al-Musayyab, al-Zuhri, Imam al-Syafi'i dan Ishaq, jual beli secara *nasi'ah* dibolehkan sama jual beli itu dilakukan terhadap barang yang berlainan jenis atau sebaliknya, sama ada haiwan itu boleh dimakan atau sebaliknya, sama ada seekor haiwan dijual dengan seekor haiwan ataupun seekor haiwan dengan dua ekor atau lebih.

Menurut Imam Malik, jika jenis haiwan itu berlainan, maka boleh diperjual belikan secara *nasi'ah*. Jika tidak, maka hukumnya haram.

Pendapat yang membolehkan jika barang itu berlainan mengemukakan dalil dengan hadith yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Amr bahawa Rasulullah (s.a.w) menyuruhnya mencari saki baki unta zakat, kemudian dia mengambil seekor anak unta dan menukarnya dengan dua ekor anak unta zakat hingga dia membawanya. Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daruquthni dan dinilai sahih. Inilah yang dilakukan oleh sekumpulan sahabat.

Mereka menjawab hadith Samurah bahawa apa yang dimaksudkan dengan *nasi'ah* adalah dilakukan oleh kedua belah pihak baik pembeli mahupun penjual. Dengan tafsiran ini, mereka telah mengumpulkan sekali gus mengamalkan makna hadith tersebut.

٦١- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "إِذَا تَبَايَعْتُمْ بِالْعِينَةِ، وَأَخَذْتُمْ أَذْنَابَ الْبَقَرِ، وَرَضِيتُمْ بِالزَّرْعِ، وَتَرَكْتُمُ الْجِهَادَ، سَلَّطَ اللهُ عَلَيْكُمْ ذُلاًّ لاَ يَنْزِعُهُ حَتَّى تَرْجِعُوا إِلَى دِينِكُمْ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ مِنْ رِوَايَةِ نَافِعٍ عَنْهُ، وَفِي إِسْنَادِهِ مَقَالٌ. وَلأَحْمَدَ: نَحْوُهُ مِنْ رِوَايَةِ عَطَاءٍ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ وَصَحَّحَهُ ابْنُ الْقَطَّانِ.

61- Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Aku pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika kamu melakukan jual beli *'inah* (menjual barang dengan harga yang telah ditentukan kemudian membayarnya dengan harga yang lebih murah yang mengakibatkan kerugian bagi penjual), kamu sibuk menggembala lembu, kamu dibuai oleh kesibukan bercucuk tanam dan kamu meninggalkan berjihad, maka Allah akan menimpakan kehinaan ke atas kamu yang tidak dapat dihilangkan hingga kamu kembali mematuhi ajaran agama kamu." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dari riwayat Nafi' namun sanadnya perlu masih dipertikai. Imam Ahmad turut meriwayatkan hadith yang serupa dari riwayat Atha' sedangkan periwayatnya thiqoh dan hadith ini dinilai sahih oleh Ibn al-Qatthan: 861).

Makna Hadith

Tajuk hadith ini adalah jihad dan keutamaannya. Kejayaan kaum muslimin dapat diperoleh dengan cara berjihad dan mereka dihinakan jika mengabaikannya. Satu-satunya bencana adalah meninggalkan jihad kerana seseorang itu sibuk berniaga, berternak dan bercucuk tanam. Dalam hadith ini disebutkan jual beli *inah* secara khusus.

Sesiapa pun yang memperhatikan zahir hadith ini tentu tidak nampak alasan yang melarang jual beli *inah*, kerana ia disebutkan dengan pekerjaan yang sememangnya dihalalkan seperti berternak dan bercucuk tanam.

Matthin al-Hafizh meriwayatkan daripada Ibn Abbas bahawa beliau berkata: "Jauhilah jual beli *'inah* ini dan jangan kamu menjual dirham dengan dirham yang di antara keduanya diselangi *harirah*." Hadith serupa diriwayatkan daripada Anas bahawa beliau pernah ditanya tentang jual beli *'inah*, yakni jual beli *harirah*, kemudian beliau berkata: "Sesungguhnya Allah tidak pernah menipu dan inilah salah satu yang diharamkan oleh Allah."

Apa yang dimaksudkan dengan jual beli *harirah* adalah apa yang diriwayatkan daripada Ibn Abbas bahawa beliau pernah ditanya tentang perbuatan seseorang yang menjual kain sutera seharga seratus dinar kemudian dia membelinya seharga lima puluh dinar, kemudian beliau berkata: "Dirham ditukar dengan dirham di mana satu seorang daripadanya melebihkan bayaran yang kain sutera sebagai alat tukarnya. Inilah dinamakan jual beli *harirah*."

Gambaran jual beli *'inah* sebagaimana yang disebutkan dalam salah satu tafsiran "dua transaksi dalam satu penjualan adalah menjual suatu barang seharga seratus dirham dengan pembayaran secara ansuran, kemudian penjual barang itu membeli barang tersebut daripada pembeli seharga lima puluh dirham dan ini dilakukan supaya dia mendapat keuntungan yang berlipat ganda. Akibatnya, pembeli pertama hanya mendapat harga barang lima puluh, tetapi dia tetap wajib membayar seratus dirham ketika tempoh pembayaran yang dijanjikan sudah tiba dan jual beli seperti ini termasuk salah satu bentuk riba.

Analisis Lafaz

"الْعِينَةِ", membeli barang dengan harga dan waktu yang telah ditentukan, kemudian penjual tersebut membeli barang kepada pembeli pertama dengan harga yang lebih murah, kemudian harga barang tersebut diambil dari pembeli pertama secara tunai.

Dinamakan *'inah* kerana harga barang tersebut dapat diperoleh secara tunai. Pendapat ini menurut al-Juzjani.

"أَخَذْتُمْ أَذْنَابَ الْبَقَرِ", ada dua maksud bagi kalimat ini, iaitu:

Pertama, mengembala, kerana seorang pengembala selalunya berdiri di belakang haiwan gembalaannya baik itu lembu atau haiwan ternakan yang lain. Jadi, seolah-olah dia sedang memegang ekornya.

Kedua, bercucuk tanam, kerana seorang peladang sentiasa berada di belakang lembu ketika sedang membajak sawahnya.

"وَفِي إِسْنَادِهِ مَقَالٌ", hadith ini masih dipertikai kedudukannya kerana di dalam sanad Abū Dawud terdapat Ishaq Abu Abdurrahman al-Khurrasani, seorang yang dinilai daif oleh sekumpulan ulama.

"وَلِأَحْمَدَ: نَحْوُهُ مِنْ رِوَايَةِ عَطَاءٍ", yakni Atha' bin Abu Rabah daripada Ibn Umar. Atha' adalah guru Abu Ishaq. Ini bermaksud Abu Ishaq telah melakukan *mutaba'ah*.

"وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ", maksudnya periwayat sanad hadith Imam Ahmad adalah thiqoh, namun dinilai sahih kerana pernyataan "periwayatnya thiqoh" tidak secara langsung menyatakan sanadnya sahih. Ini kerana adanya kemungkinan *munqathi'* dan lain-lain. Inilah yang dimaksudkan oleh al-Hafiz Ibn Hajar di sini. Dalam kitab al-Talkhis dan selainnya, beliau berkata: "Menurut hemat saya, hadith yang dinilai sahih oleh Ibn al-Qatthan adalah *ma'lul* (cacat), kerana meskipun periwayatnya thiqoh, namun tidak semestinya hadith itu menjadi sahih, kerana al-A'masy dalam sanad Imam Ahmad tidak pernah mendengar hadith ini secara langsung daripada Atha', sementara Atha' ini ada kemungkinan seorang yang berasal dari al-Khurrasan.[9] Dengan demikian, hadith ini menjadi *tadlis al-taswiyah* dengan mengggurkan Nafi' antara Atha' dengan Ibn Umar. Di sini perlu kembali kepada penilaioan hadith yang pertama dan inilah yang masyhur.

Menurut pensyarah, apapun, kedudukan hadith ini dinilai sahih oleh sekumpulan ulama meskipun ada sebahagian lain menilainya *ma'lul* (cacat). Tetapi hadith ini mempunyai *syahid* kuat yang disebutkan dalam perkataan Ibn al-Qayyim terhadap Abu Dawud yang perbahasannya sangat panjang sekali. Demikian pula ia memiliki jalur lain di sisi Imam Ahmad di mana al-Hafiz Ibn Hajar dan Ibn al-Qayyim belum pernah membahasnya. Jalur ketiga ini dikeluarkan menerusi jalur Syahr bin Hawsyab daripada Ibn Umar.

Fiqh Hadith

1. Menjelaskan keutamaan berjihad dan kejayaan kaum muslimin ada pada jihad dan mereka dihinakan jika meninggalkannya.

[9] Atha' al-Khurrasani masih dipertikai kedudukannya, tetapi dalam satu riwayat bahawa beliau adalah anak Abu Rabah. Dengan demikian, misteri tentang keberadaannya telah pun diketahui.

2. Meninggalkan jihad sama dengan meninggalkan perkara yang terpenting dalam Islam. Menurut al-Shan'ani, perkataan "hingga kamu kembali mematuhi ajaran agama kamu" merupakan peringatan keras sehingga keadaan mengabaikan jihad itu disamakan dengan perbuatan murtad. Pada pensyarah, kembali kepada ajaran Islam juga bermaksud meninggalkan amalan riba termasuklah jual beli *'inah*.
3. Larangan keras melakukan amalan riba dilakukan secara umum dan larangan terhadap jual beli *'inah* secara khusus. Ulama telah bersepakat tentang jual beli *'inah* ini bahawa ia diharamkan jika pembeli dan penjual sama-sama bersepakat untuk kembali membeli barangan tersebut daripada pembeli pertama dengan harga yang telah ditentukan. Ini merupakan salah satu taktik kotor untuk mengelakkan diri daripada amalan riba. Jika kedua belah pihak baik pembeli mahupun penjual tidak membuat kesepakatan untuk kembali membeli semula barang yang telah dibeli pembali, maka Imam al-Syafi'i membolehkan jual beli ini, sementara ulama yang selainnya tetap melarangnya dan mereka tidak mengambil kira niat dalam masalah ini.[10]

[10] Ibn al-Qayyim menyebutkan beberapa bentuk jual beli *'inah* selain bentuk yang telah kami sebutkan sebelum ini, iaitu:

Pertama, seseorang membeli barang dengan harga dan waktu pembayaran yang telah ditentukan, kemudian dia menjual barang tersebut kepada orang lain dengan harga yang lebih murah. Inilah yang disebut dengan jual beli *tawarruq*. Menurut Imam Ahmad, jual beli *tawarruq* sama seperti jual beli *'inah* yang diharamkan di sisi Islam, sementara dalam riwayat lain jual beli *tawarruq* menurutnya tidak diharamkan, namun Umar bin Abdul Aziz menganggapnya sebagai makruh.

Kedua, seseorang memiliki harta, sementara dia tidak mahu menjualnya kecuali dengan cara ansuran dengan tujuan ingin menaikkan harga penjualan. Imam Ahmad menganggap perbuatan sebagai makruh. Beliau berkata: "Aku membenci seorang lelaki yang hanya melakukan perniagaan dengan cara *'inah* dan dia tidak menjual barang itu secara tunai. Imam Ibn Taimiyah mengemukakan alasan yang demikian itu bahawa jual beli tersebut termasuk salah satu perbuatan yang dilakukan secara terpaksa, kerana kebiasaan orang yang membeli dengan cara ansuran lantaran dia tidak mampu membayar secara tunai. Jika seseorang tidak mahu menjual barang kecuali dengan cara ansuran, maka keuntungannya diperoleh daripada orang-orang yang terpaksa. sementara Ibn Aqil salah seorrang ulama mazhab Hanbali mengemukakan alasan bahawa perbuatan tersebut diharamkan kerana menyerupai amalan, kerana jual beli ansuran selalunya sengaja dilakukan bagi menaikkan lagi harga.

Ketiga, jual beli ini paling keji dan amat dilarang, kerana kedua pihak sama-sama bersepakat untuk melakukan amalan riba, kemudian mereka mendatangi orang yang mempunyai barang, lalu orang yang memerlukan membelinya, kemudian dia menjualnya kepada orang itu dengan harga tunai dan membayarnya secara tunai, lalu dia menjualnya lagi dengan harga anusran, kemudian mereka mengadakan kesepakatan yang pada akhirnya barang tersebut kembali kepada pemilik semula dan dia memberikan sesuatu kepadanya.

٦٢- عَنْ أَبِي أُمَامَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ شَفَعَ لِأَخِيهِ شَفَاعَةً، فَأَهْدَى لَهُ هَدِيَّةً، فَقَبِلَهَا، فَقَدْ أَتَى بَابًا عَظِيماً مِنْ أَبْوَابِ الرِّبَا". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ، وَفِي إِسْنَادِهِ مَقَالٌ.

62- Daripada Abu Umamah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa yang menolong saudaranrya kemudian dia memberi hadiah dan menerimanya, maka sesungguhnya dia telah mendatangi satu pintu besar yang terdiri daripada pintu riba." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud, tetapi sanadnya masih dipertikai: 862)

Makna Hadith

Allah telah mensyari'takan kepada manusia supaya saling tolong menolong dalam kebaikan. Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ ..... ﴿٢﴾

"*... dan saling tolong menolonglah kalian dalam kebaikan dan takwa dan janganlah kalian saling tolong menolong dalam perbuatan dosa dan permusuhan....*" (Surah al-Ma'idah: 2). Ini merupakan kewajipan setiap muslim sepanjang masa, kerana orang yang perlu kadang kala tidak mampu memenuhi keperluannya melainkan dengan cara dibantu. Di sini diwajibkan memberi bantuan kepada orang yang memerlukannya selagi berada di dalam jalur yang benar.

Sudah menjadi tabi'at manusia untuk sentiasa berterima kasih di atas apa yang telah diperolehinya serta membalas kebaikan orang lain dengan kebaikan yang serupa. Dia pun kadang kala memberikan hadiah atau lain-lain yang seumpama dengannya kepada orang yang pernah menghulurkan bantuan ke atas dirinya.

Hadiah itu bagi orang yang memberi kadang kala dia melihatnya sebagai satu keperluan atau dia mengeluarkannya kerana melihat orang yang memberikan bantuan.

Sementara hadiah itu bagi orang yang menerima sepertinya mengambil harta tanpa adanya ganti rugi yang dihalalkan oleh syari'at. Di sini perbuatan ini sama seperti riba.

Jual beli ini diberi nama jual beli segi tiga, kerana ia mirip dengan bentuk jual beli yang pertama tetapi penjualan ini dilakukan oleh tiga tangan, salah satu di antara mereka berdua berperanan sebagai *muhallil* sama seperti *muhallil* dalam pernikahan. Di sini jelaslah bahawa perbuatan ini dilarang di sisi Islam.

Jika bantuan dihulurkan untuk perbuatan batil, maka itu secara jelas adalah riba kerana ada kalanya ia mengambil hak orang lain melalui cara yang tidak dihalalkan dengan menyerahkan harta kepada orang yang diberi bantuan dan ini adalah riba, kerana mengambil harta dengan cara batil dengan harta yang lebih sedikit tanpa ada keredhaan daripada pemiliknya. Inilah perbuatan riba yang diharamkan di sisi Islam.

Analisis Lafaz

"شَفَعَ", menolong. Asal makna *al-syafa'ah* adalah menolong orang lain untuk memenuhi keperluannya. Dinamakan penolong kerana dia memenuhi keperluan dua orang secara sekali gus. Ia berasal dari perkataan *al-syaf'u* yang bermaksud genap.

"لأَخِيهِ", saudara sesama muslim, bukan saudara sedarah. Perkataan ini hanya sekadar menujukkan kebiasaan kerana tidak ada larangan menolong bukan muslim dengan tujuan menyelamatkannya daripada perbuatan zalim dan lain-lain.

"بَابًا عَظِيماً", dalam masalah ini kami kemukakan dua maksud:

Pertama, jenis. Jadi makna *al-'azhmah* di sini adalah banyak lantaran ia sering berlaku.

Kedua, dosa. Jadi makna *'azhim* di sini adalah besar.

Kedua-dua makna ini boleh diguna pakai.

"وَفِي إِسْنَادِهِ مَقَالٌ", yakni daif, kerana orang yang meriwayatkan hadith ini daripada Abu Umamah adalah al-Qasim bin Abdurrahman al-Umawi al-Syami, yang menurut Ibn Hajar dalam kitab al-Taqrib, seorang yang *shaduq* namun namun banyak melakukan *gharib* dalam meriwayatkan hadith. Seorang periwayat thiqoh yang *shaduq* apabila banyak meriwayatkan hadith *gharib* yang tidak diriwayatkan oleh selain dirinya, maka muncul keraguan terhadap hadithnya, terlebih-lebih lagi apabila diriwayatkan daripada periwayat *masyhur* yang banyak meriwayatkan hadith. Dia akan meriwayatkan hadith secara sendirian. Inilah bentuk keraguan ke atas periwayat hadia berkenaan.

Fiqh Hadith

1. Haram menerima hadiah ke atas bantuan yang telah dihulurkan sama ada bantuan itu bersifat wajib, mubah atau haram, kerana dalam kaedah usul fiqh menyebutkan "meninggalkan perincian dalam suatu cerita sama seperti memposisikannya secara umum." Hadith ini tidak menjelaskan bahawa bantuan dihulurkan di jalan kebenaran, kejahatan, sesuatu yang wajib, haram atau mubah.

2. Menerima hadiah ke atas bantuan yang telah dihulurkan termasuk salah satu bentuk amalan riba, bahkan ia merupakan salah satu bentuk riba yang paling besar dosanya.

٦٣- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: لَعَنَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِي وَالْمُرْتَشِيَ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ.

63- Daripada Abdullah bin Amr bin al-Ash (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melaknat orang yang memberikan rasuah dan orang yang menerima rasuah." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Tirimizi sekali gus menilainya sebagai sahih: 863).

Makna Hadith

Hadith ini hampir sama dengan maksud hadith sebelum ini di mana diharamkan membelanjakan harta kepada orang tengah dengan tujuan keinginan dan tujuannya boleh tercapai. Pemberian seperti ini dinamakan rasuah, kerana biasanya apa yang diinginkan telah pun diketahui hasilnya sebelum dilakukan usaha. Ini berbeza dengan rasuah, kerana biasanya hasil suatu usaha tidak diketahui sebelum dilakukan usaha tersebut.

Analisis Lafaz

"لَعَنَ رَسُولُ اللّٰهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ" baginda memohon kepada Allah supaya orang yang dilaknatkan itu dijauhkan daripada rahmat Allah.

"الرَّاشِي", orang yang mengeluarkan harta supaya tujuannya tercapai. Sebahagian ulama mengklasifikasikan matkamat pengeluaran harta ini di jalan yang batil. Secara bahasa, *al-rasyi* berasal dari kalimat *al-rasya'* yang bermaksud tali pengikat timba yang digunakan untuk mengangkat air dari dalam kendi.

"الْمُرْتَشِيَ", orang yang menerima harta rasuah.

Fiqh Hadith

1. Dibolehkan melaknat orang Islam yang melakukan maksiat (dosa) tanpa menyebut namanya secara khusus. Jika ada yang bertanya bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda dalam hadith sahih: "*Tidak termasuk orang yang beriman seseorang yang gemar melaknat dan gemar memaki...*". Jawapannya adalah dilarang melaknat orang yang tidak melakukan perbuatan maksiat, kerana dengan demikian dia tidak dilaknat Allah dan Rasul-Nya. ada pula yang mengatakan

melaknat sesorang dengan menyebut namanya secara khusus. Ada pula yang mengatakan orang yang gemar melaknat hingga itu menjadi kebiasaan di dalam dirinya.

2. Rasuah hukumnya haram. Jumhur ulama menganggap hukum rasuah adalah haram secara mutlak sama ada menyogok dalam perkara batil mahupun dalam perkara yang haq. Sementara dalam riwayat Ibn Mas'ud dan sebahagian sahabat dikisahkan bahawa mereka melakukan rasuah untuk mencapai kebaikan. Al-Khatthabi menyebutkan pendapat ini dan beliau memfatwakan mubah melakukan rasuah selagi bertujuan menegakkan kebenaran.

٦٤- وَعَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَهُ أَنْ يُجَهِّزَ جَيْشًا، فَنَفَدَتِ الْإِبِلُ، فَأَمَرَهُ أَنْ يَأْخُذَ عَلَى قَلَائِصِ الصَّدَقَةِ، فَقَالَ: فَكُنْتُ آخُذُ الْبَعِيْرَ بِالْبَعِيْرَيْنِ إِلَى إِبِلِ الصَّدَقَةِ. رَوَاهُ الْحَاكِمُ وَالْبَيْهَقِيُّ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ.

64- Daripada Abdullah bin 'Amr bin al-'Ash (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah menyuruhnya menyiapkan sepasukan tentera, sehingga unta habis bagi melakukan persiapan itu, lalu baginda menyuruhnya mengambil unta-unta zakat. Abdullah bin 'Amr berkata: "Saya pun mengambil seekor unta yang kelak akan dibayar dengan dua ekor unta apabila unta zakat itu telah tiba." (Diriwayatkan oleh al-Hakim dan al-Baihaqi dan periwayat hadith ini thiqoh: 684).

Makna Hadith

Sebelum ini kita telah membahas tiga hadith yang diriwayatkan daripada Samurah dan ia menetapkan bahawa tidak ada berlaku riba dalam binatang ternak, meskipun jual beli dilakukan dengan melebihkan pertukaran dan menangguhkan bayaran. Inilah pendapat jumhur ulama dan mereka menyanggah hadith Samurah dengan mengatakan hadith itu daif atau jual beli ansuran itu dilakukan oleh kedua belah pihak; pembeli dan penjual.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", periwayat hadith ini sama dengan sebelumnya, Abdullah bin Amr bin al-Ash (r.a).

"نَفَدَتِ", tidak ada lagi yang tersisa.

"يَأْخُذَ عَلَى قَلَائِصِ", ulama berbeza pendapat setelah kalimat "على". Ada yang mengatakan kalimat sesudahnya adalah "على أن يدفع من" namun pendapat lain mengatakan "على أن يقضي من". Kalimat pertama memiliki makna "jual

beli" dan kalimat kedua memiliki makna "hutang piutang. Pendapat yang paling sahih adalah kalimat pertama.

"رِجَالُهُ ثِقَاتٌ", Ibn Hajar tidak menilai secara tegas hadith ini sebagai sahih, padahal ia adalah hadith sahih.

Fiqh Hadith

1. Betapa mulia kedudukan Abdullah bin Amr di sisi Rasulullah (s.a.w).
2. Meminta pendapat pemimpin ketika terjadi sesuatu yang penting.
3. Dibolehkan membeli haiwan dengan haiwan, meskipun pembayaran dilakukan secara beransur. Inilah pendapat jumhur ulama. Manakala ulama mazhab Hanafi dan Imam Ahmad dalam satu riwayat melarangnya di mana mereka mentafsirkan hadith ini terhadap jual beli ansuran terhadap barang yang wajib dikeluarkan zakatnya, lalu mengambil seekor unta yang sehat dan kuat dan membayarnya dengan dua ekor unta dari harta zakat. Apapun, pendapat ini dibantah dengan hadith lain daripada Amr bin Huraisy, beliau berkata: "Aku bertanya kepada Abdullah bin Amr bahawa kamu tinggal di suatu negeri yang tidak terdapat emas atau perak, apakah saya boleh menukar seekor lembu dengan dua ekor lembu?" Beliau menjawab: "Dia telah memerintahkanku.... hingga akhir hadith." Riwayat ini terdapat di dalam Sunan al-Baihaqi, tetapi sanadnya masih diperdebatkan. Apapun, ia memiliki *syahid* yang menjelaskan bahawa maksud hadith tersebut adalah jual beli, bukan pinjaman. Demikian pula dengan perkataan: "Aku menukar ini dengan itu." Ini bermaksud jual beli, bukannya pinjaman.
4. Dibolehkan mengeluarkan zakat sebelum tiba waktunya mengikut tafsiran mazhab Hanafi dan ulama-ulama yang sependapat dengan mereka.

٦٥- وَعَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْمُزَابَنَةِ؛ أَنْ يَبِيعَ ثَمَرَ حَائِطِهِ إِنْ كَانَ نَخْلاً بِتَمْرٍ كَيْلاً، وَإِنْ كَانَ كَرْماً أَنْ يَبِيعَهُ بِزَبِيبٍ كَيْلاً، وَإِنْ كَانَ زَرْعاً أَنْ يَبِيعَهُ بِكَيْلِ طَعَامٍ، نَهَى عَنْ ذَلِكَ كُلِّهِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

65- Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang jual beli muzabanah, iaitu menjual buah yang ada di kebun apabila kurma basah hendaklah dibayar dengan kurma kering secara bersukat, apabila anggur basah hendaklah dibayar dengan anggur kering secara bersukat

dan apabila tanaman hendaklah dibayar dengan makanan secara bersukat. Baginda melarang semua bentuk kegiatan berniaga seperti ini." (Muttafaq alaih: 865).

٦٦- وَعَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُئِلَ عَنِ اشْتِرَاءِ الرُّطَبِ بِالتَّمْرِ. فَقَالَ: أَيَنْقُصُ الرُّطَبُ إِذَا يَبِسَ؟ قَالُوا: نَعَمْ. فَنَهَى عَنْ ذَلِكَ. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ الْمَدِينِيِّ وَالتِّرْمِذِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

66- Daripada Sa'id bin Abu Waqash (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) ditanya tentang pembelian kurma basah dengan kurma kering, lalu baginda bertanya: Apakah berat kurma basah berkurangan apabila sudah kering?" Mereka menjawab: "Ya." Baginda kemudian melarang daripada melakukan kegiatan itu." (Diriwayatkan oleh al-Khamsah dan hadith ini dinilai sahih oleh Ibn al-Madini, al-Tirmidhi, Ibn Hibban dan al-Hakim: 866).

Makna Hadith

Kedua-dua hadith ini melarang kegiatan jual beli *muzabanah* yang keterangannya telah pun dijelaskan pada hadith no. 25 sebelum ini dan alasan dilarang kegiatan jual beli ini lantaran adanya perbezaan dan spekulasi antara kurma kering dengan kurma yang basah.

Manakala hadith kedua pula menetapkan alasan yang lain iaitu kurangnya ukuran dan timbangan setelah barang itu dijual.

Analisis Lafaz

"الْمُزَابَنَةِ", kalimat ini telah dijelaskan sebelum ini, kemudian di sini disebutkan semula dengan tujuan untuk memperdalam pengetahuan maknanya.

"حَائِطِهِ", kebunnya.

"إِنْ كَانَ نَخْلاً", buah kurma, kalimat ini merupakan perumpamaan terhadap buah yang masih melakat pada tandanannya.

"بِتَمْرٍ كَيْلاً", tamar adalah buah kurma yang sudah dipetik dan tidak berada di pohonnya lagi, kemudian ia ditimbang untuk dijual, berbeza dengan Rutab yang masih berada di batangnya.

"كَرْماً", maksudnya adalah anggur yang baru dipetik.

Mulai daripada perkataan "أن يبيع..." merupakan perkataan Ibn Umar yang dimasukkan ke dalam matan hadith. Sahabat selaku periwayat hadith pastinya lebih mengetahui dengan maksud hadith tersebut.

"الرُّطَبِ", buah kurma yang belum masak (matang).

Fiqh Hadith

1. Larangan berjual beli *muzabanah* dan demikian pula setiap sesuatu yang tidak boleh dijual belikan dengan cara yang sama baik timbangan mahupun takarannya apabila barang itu satu jenis. Dalam riwayat lain, kenyataan ini dikuatkan lagi dengan satu hadith yang diawali dengan perkataan: "Abu 'Ayyasy pernah bertanya kepada Sa'd tenyang dari *al-Baidha'*, gandum berwarna putih dengan gandum jenis sultu lalu beliau menjawab: "Manakah di antara keduanya itu yang memiliki lebihan?" Lekaki itu menjawab: "Gandum yang berwarna putih." Beliau kemudian melarangnya dan membacakan hadith bahawa saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) … hingga akhir hadith. Ini menunjukkan bahawa ia mencakupi seluruh jenis bahan makanan asas jika salah satu daripadanya kering dan satunya lagi masih basah. Inilah pendapat ini Imam Malik, Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad, Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan, sementara Imam Abu Hanifah membolehkannya.
2. Boleh menyebut *'inab* (anggur) dengan sebutan *karm* jika memerlukan penjelasan maksud tertentu. Jika itu dilakukan oleh Ibn Umar di samping beliau tidak mengetahui yang perbuatan itu dilarang atau itu dilakukan sebelum adanya larangan, maka tidak ada dalil ke atasnya.
3. Mengemukakan atau menjelaskan alasan dengan cara bertanya, kerana Rasulullah (s.a.w) tidak pernah merahsiakan sesuatu.
4. Menjelaskan alasan *muzabanah* di mana jual beli ini dilarang kerana adanya perbezaan dalam timbangan dan takaran.

٦٧- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْكَالِئِ بِالْكَالِئِ، يَعْنِي: الدَّيْنِ بِالدَّيْنِ. رَوَاهُ إِسْحَاقُ وَالْبَزَّارُ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

67- Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang daripada menjual *al-kali'* dengan *al-kali'*, yakni menjual hutang dengan hutang. (Diriwayatkan oleh Ishaq dan al-Bazzar dengan sanad yang daif: 867).

Makna Hadith

Hadith ini menceritakan jenis riba paling keji yang belum disentuh oleh hadith sebelumnya, di mana pembayaran hutang ditangguhkan dengan syarat menambah kadar hutang itu sendiri.

Amalan riba ini meskipun sama dengan amalan riba yang telah dihuraikan sebelum ini, namun Ibn Hajar ingin menjelaskan lagi masalah ini di akhir riba dan menjadikannya sebagai hadith penutup.

Analisis Lafaz

"الْكَالِئِ", orang yang mengakhirkan. Maksudnya, menangguhkan kewajipan atau pembayaran hutang yang ditangguhkan seperti mana yang telah ditafsirkan oleh sebahagian periwayat.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang daif kerana salah satu periwayat hadith ini bernama Musa bin 'Ubaidah al-Ribdzi, seorang periwayat yang daif. Imam Ahmad berkata: "Dalam masalah ini tidak dijumpai satu pun hadith sahih dan menurut saya, riwayat Musa tidak boleh dijadikan hujah dan saya tidak pernah menemukan hadith yang lain daripadanya."[11]

Fiqh Hadith

Larangan menjual hutang dengan hutang. Ini berdasarkan ijmak ulama.

Dalam kitab al-Nihayah disebutkan gambaran jual beli hutang dengan hutang sebagai berikut bahawa seseorang membeli suatu barang secara ansuran. Jika tempoh pembayaran tiba dan dia tidak mampu untuk melangsaikan hutangnya, dia berkata: "Berikan aku tempoh yang lebih panjang dan aku bersedia menambah faedah bunga kepadamu." Dengan demikian, mereka telah mengadakan jual beli tanpa mengadakan serah terima barang.

Soalan dalam bab ini akan dimuatkan dalam bab berikutnya.

[11] Dalam kitab al-Mustadrak oleh al-Hakim (3/57) disebutkan daripada Musa bin 'Uqbah, namun sekumpulan ulama meyakininya sebagai satu kesalahan. Apa yang benar adalah Musa bin 'Ubaidah.

BAB RUKHSAH DALAM MENJUAL BELI 'ARAYA DAN MENJUAL BUAH-BUAHAN YANG MASIH DI POHONNYA

٦٨- عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَخَّصَ فِي الْعَرَايَا أَنْ تُبَاعَ بِخَرْصِهَا كَيْلاً. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلِمُسْلِمٍ: رَخَّصَ فِي الْعَرِيَّةِ يَأْخُذُهَا أَهْلُ الْبَيْتِ بِخَرْصِهَا تَمْرًا، يَأْكُلُونَهَا رُطَبًا.

68- Daripada Zaid bin Tsabit bahawa Rasulullah (s.a.w) memberi keringanan dalam jual beli *'araya* iaitu menjual buah kurma yang masih berada di atas pohonnya dengan mengiranya sebagai kurma yang sudah kering dengan tetap menggunakan timbangan. (Muttafaq alaih).

Dalam riwayat Muslim disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) memberi keringanan berjual beli *'ariyyah* yang dilakukan oleh pembeli dengan mengiranya sebagai kurma yang sudah kering dengan kurma basah yang masih boleh dimakan oleh pemiliknya. (868).

Makna Hadith

Hadith ini menjelaskan tujuan utama syariat Islam yang antara lain memberikan kemudahan dan kelonggaran ketika berlaku keperluan mendesak dan keadaan darurat bagi menyelamatkan umat manusia daripada kesusahan dan kesulitan.

Sebelum ini Rasulullah (s.a.w) telah melarang daripada menjual buah-buahan yang belum masak dan belum matang sementara buah-buahan itu masih berada di atas pohonnya. Keringanan di sini datang untuk

mengharuskan salah satu bentuk jual beli yang dalam hal ini jual beli 'ariyah.

Analisis Lafaz

"رَخَّصَ", mengharuskan dan memberikan kemudahan. Rukhsah secara bahasa kemudahan dan keringanan, sementara menurut syari'at pula rukhsah adalah suatu ketetapan hukum lantaran adanya uzur atau keperluan dan hukum mesti dikembalikan kepada asalnya jika uzur tersebut sudah tidak wujud lagi.

"الْعَرَايَا", jamak dari *'ariyyah*. Ulama berbeza pendapat dalam mentafsirkan kalimat ini yang antara lain adalah sebagai berikut:

Pertama, menurut Imam Malik, *'ariyyah* adalah seseorang meminjamkan pohon kurma kepada orang lain, kemudian dia merasa terganggu apabila ada orang lain memasuki kebunnya itu, lalu pemilik kebun kurma diberi keringanan untuk membeli buah kurma tersebut setelah kering.

Kedua, menurut Imam al-Syafi'i, *'araya* adalah seseorang membeli buah kurma yang masih di pohonnya dengan perkiraan kurma itu sudah kering. Caranya adalah *ruthab* ditaksir berapakah kadar susutnya apabila ia sudah menjadi kering kelak, kemudian dia membelinya dengan taksiran itu sebagai kurma kering. Jika mereka berpisah sebelum mengadakan serah terima, maka jual beli menjadi batal.

Ketiga, menurut Sufyan bin Husain, *'araya* adalah kebun kurma yang dihibahkan kepada sekumpulan orang miskin, namun mereka tidak mampu menunggu kurma itu hingga matang, lalu mereka diberi keringanan untuk menjualnya sebelum masa tuaiannya menjadi kurma kering.

Makna sabda Rasulullah (s.a.w) "رَخَّصَ فِي الْعَرَايَا" adalah jual beli *'araya*.

Diberi nama *'araya* kerana jual beli ini dikecualikan daripada dikategorikan haram seperti hukum jual beli *muzabanah*. Dalam kaitan ini, terdapat hadith Jabir yang dinilai sebagai hadith *marfu'* bahawa:

"Rasulullah (s.a.w) melarang jual beli *muzabanah*, namun baginda mengharuskan jual beli *'araya*." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari). Hadith ini menguatkan lagi pendapat dan tafsiran Imam al-Syafi'i.

Pendapat lain mengatakan diberi nama *'ariyah* kerana ia berasal dari perkataan: "أعريتُ الرجل النخلة" (Aku memberinya makan buah kurma ruthab setiap kali dia datang). Tafsiaran ini selari dengan pendapat Imam Malik.

"بِخَرْصِهَا", *al-kharshu* adalah jumlah yang berdasarkan perkiraan.

Fiqh Hadith

Jual beli *'araya* meskipun termasuk jual beli *muzabanah* yang diharamkan di sisi syari'at Islam namun ia dibolehkan. Jumhur ulama telah bersepakat

dalam masalah ini, di mana Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad, Ishaq, al-Awza'i dan sekumpulan ulama yang lain mengharuskan jual beli *'araya* seperti mana yang ditafsirkan oleh Imam al-Syafi'i dengan syarat jual beli dilakukan setelah buah pohon tersebut sudah kelihatan dan kemudian diadakan serah terima ke atasnya. Sementara Imam Malik berkata: "Serah terima dalam jual beli *'araya* tidak dijadikan syarat, sebaliknya ia disyaratkan bahawa buah yang bakal diperjual belikan itu sudah kelihatan dengan jelas. Pendapat ini selari dengan tafsiran hadith sebelum ini.

Tetapi sesiapa memperhatikan masalah tentu meyakini bahawa pendapat Imam al-Syafi'i dan Imam Malik adalah sama, kerana praktik yang dibolehkan oleh Imam Malik sama seperti yang dibolehkan oleh Imam al-Syafi'i dengan syarat adanya serah terima. Di samping itu, jumhur ulama mempunyai syarat ketiga iaitu jumlah yang diperjual belikan itu tidak melebihi lima *awsuq* seperti mana yang akan dibahas pada hadith berikut ini.

Menurut Imam Abu Hanifah, *'ariyyah* adalah hibah dan beliau melarang jual beli seperti ini yang dibolehkan oleh Imam al-Syafi'i dan Imam Malik, namun hadith yang diriwayatkan Jabir sebelum ini membantah pendapat Imam Abu Hanifah.

٦٩- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَخَّصَ فِي بَيْعِ الْعَرَايَا بِخَرْصِهَا فِيمَا دُونَ خَمْسَةِ أَوْسُقٍ أَوْ فِي خَمْسَةِ أَوْسُقٍ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

69- Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) memberi kelonggaran menjual buah kurma yang masih berada di atas pohonnya dengan mengiranya sebagai kurma yang sudah kering dengan syarat mesti kurang daripada lima *awsuq* atau paling maksima lima *awsuq*. (Muttafaq 'alaih: 869).

Makna Hadith

Hadith ini merupakan pengecualian ke atas hadith sebelum ini sekali gus menyatakan salah satu kaedah fiqh di mana darurat dibolehkan mengikut kadarnya dan kelonggaran tidak berlaku dalam setiap keadaan. Jadi jual jual beli *'araya* dibolehkan selagi selagi tidak melebihi lima *awsuq*.

Analisis Lafaz

"رَخَّصَ فِي بَيْعِ الْعَرَايَا", makna kalimat ini telah dijelaskan sebelumnya.

"أَوْسُقٍ", jamak *wasaq*, enam puluh sha'.

Fiqh Hadith

1. Dibolehkan melakukan jual beli *'araya* selagi tidak melebihi lima *awsuq* dan ini pendapat seluruh ulama yang membolehkan jual beli *'araya*.
2. Larangan jual beli *'araya* jika melebihi lima *awsuq* dan ulama telah pun bersepakat dalam masalah ini.
3. Dibolehkan jual beli *'araya* dalam jumlah lima *awsuq*.

   Imam al-Syafi'i melarang jual beli *'araya* jika sudah mencapai lima *awsuq*, kerana terjadi keraguan di dalam hadith ini yang dilakukan oleh periwayat hadith. dalam sesetengah riwayat disebutkan: "*'Ariyah* dibolehkan selagi tidak sampai lima *awsuq*." Di sini kita dapat memahami bahawa *'ariyah* tidak dibolehkan apabila sudah melebihi empat *awsuq*. Imam al-Syafi'i mengemukakan dalil hadith yang diriwayatkan daipada Jabir yang dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan lain-lain: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda ketika baginda mengizinkan sahabat untuk melakukan jual beli *'araya*: "Satu *awsuq*, dua *awsuq*, tiga *awsuq* atau empat *awsuq*." Pendapat ini selari dengan pendapt Imam Ahmad dan mazhab Zahiri, sementara Imam malik membolehkan jual beli *'araya* walaupun jumlahnya mencapai lima *awsuq*.

Penting

Imam al-Syafi'i mensyaratkan adanya serah terima berdasarkan kepada hadith yang diriwayatkan oleh beliau sendiri dan selainnya daripada Zaid bin Tsabit bahawa beliau menyenaraikan nama-nama orang Ansar yang memerlukan b antuan kemudian mereka datang melapor kepada Rasulullah (s.a.w) sementara mereka tidak sedikit pun mempunyai wang di tangan mereka untuk membeli ruthab. Mereka makan bersama orang lain kerana memiliki lebihan makanan tamar, kemudian Rasulullah (s.a.w) memberikan kelonggaran kepada mereka.

Penting

Kebanyakan ulama mazhab Syafi'i mengharuskan jual beli *'araya*, meskipun kurma basah itu telah diturunkan daripada pohonnya dan mereka tidak mensyaratkan buah ruthab itu masih berada di atas pohonnya. Apapun, mengikut pendapat yang lebih sahih, jual beli *'araya* yang buah kurma ruthab sudah diturunkan dari atas pohonnya tidak dibolehkan.

٧٠- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الثِّمَارِ حَتَّى يَبْدُوَ صَلاَحُهَا، نَهَى الْبَائِعَ وَالْمُبْتَاعَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةٍ: وَكَانَ إِذَا سُئِلَ عَنْ صَلاَحِهَا؟ قَالَ: "حَتَّى تَذْهَبَ عَاهَتُهَا".

70- Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang jual beli buah-buahan sehingga kelihatan baik, baginda melarang jual beli ini ditujukan kepada penjual dan pembeli sekali gus. (Muttafaq 'alaih)

Dalam riwayat lain disebutkan bahawa jika beliau (Ibn Umar) ditanya tentang buah yang baik, beliau menjawab: "Buah yang selamat daripada cacat dan aib." (870).

Makna Hadith

Hadith ini merupakan salah satu daripada cabang kaedah *sadd al-dzara'i* dan mengutamakan sikap berhati-hati, di mana ia melarang seseorang daripada menjual buah yang belum kelihatan baik. Hal ini bertujuan menghindari kerugian setelah buah tersebut dijual. Demikian, ada kemungkinan pembeli atau penjual memakan harta orang lain dengan cara yang tidak betul yang pada akhirnya menyebabkan permusuhan dan pergaduhan.

Analisis Lafaz

"عَاهَتُهَا",rosak dan cacat. Ulama berbeza pendapat tentang ke mana kembalinya huruf *dhamir* "ها" pada kalimat ini.

Menurut Imam Malik, *dhamir* "ها" ini kembali kepada buah itu sendiri dengan syarat buah itu menjadi baik. Pendapat yang serupa turut dikemukakan oleh al-Laits dan ulama mazhab Maliki.

Menurut Imam Ahmad, *dhamir* "ها" itu kepada pohon yang dijual itu.

Menurut Imam al-Syafi'i, *dhamir* "ها" kembali kepada buah yang akan dijual itu sendiri. Inilah pendapat yang paling benar.

Fiqh Hadith

Larangan menjual buah-buahan sebelum kelihatan membaik dan selamat daripada kerosakan. Berikut ini huraian ulama dalam masalah ini.

Menurut Ibn Abu Laila dan al-Tsawri, menjual buah-buahan sebelum kelihatan baik adalah batal secara mutlak.

Menurut Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad, jumhur ulama dan satu riwayat daripada Imam Malik, jual beli menjadi batal apabila buah belum dapat dipetik daripada pohonnya. Jika buah itu sudah boleh dipetik, maka jual beli itu tidak batal.

Menurut mazhab Hanafi, dibolehkan menjual buah yang belum kelihatan membaik sama ada buahnya sudah boleh dipetik atau sebaliknya selagi tidak disyaratkan buah tersebut mesti kekal di atas pohonnya, di mana mereka mengharuskan menjual buah walaupun sebelum kelihatan membaik dengan syarat harus dipetik dan mereka membatalkan jual beli tersebut apabila disyaratkan tetap kekal di atas pohonnya.

Penting

Hadith ini ditafsirkan dengan riwayat lain perenggan kedua di atas, iaitu: "Buah yang selamat daripada cacat dan aib."

Ia turut ditafsirkan oleh riwayat lain yang diriwayatkan oleh Imam al-Syafi'i dan selainnya: "Ibn Umar ditanya oleh periwayat hadith: 'Bilakah buah itu kelihatan menjadi baik'? Beliau menjawab: 'Jika tangkainya sudah menjadi keras'."

Tafsiran syarat ini dikemukakan oleh sekumpulan sahabat selain Ibn Umar, seperti Abu Hurairah, kemudian mereka berbeza pendapat sama ada hadith ini sahih ataupun sebaliknya.

٧١- وَعَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ بَيْعِ الثِّمَارِ حَتَّى تُزْهَى. قِيلَ: وَمَا زَهْوُهَا؟ قَالَ: تَحْمَارُّ وَتَصْفَارُّ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

71- Daripada Anas bin Malik (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang daripada menjual buah-buahan sebelum kelihatan membaik. Ada seseorang yang bertanya: "Bilakah buah itu menjadi kelihatan membaik?" Beliau menjawab: "Buah yang sudah kelihatan memerah dan menguning." (Muttafaq 'alaih dan lafaz ini menurut al-Bukhari: 871).

Makna Hadith

Hadith ini merupakan lanjutan terhadap kaedah *sadd al-dzara'i* dan mengambil sikap berhati-hati di mana buah tidak boleh dijual sebelum ia kelihatan masak. Itulah sebabnya hadith ini mengungkapkan buah itu berwarna kuning dan merah apabila sudah mula masa, kerana kedua-dua warna ini menunjukkan warna yang matang bagi buah-buahan.

Analisis Lafaz

"تُزْهَى", masak di mana ia ditafsirkan dengan warna memerah dan menguning

"تَحْمَارُّ وَتَصْفَارُّ", menguning dan memerah. Menurut al-Khatthabi, jika hadith ini menginginkan sekadar warna yang meliputi setiap jenis buah, maka hadith ini cukup menggunakan kalimat "تحمر وتصفر" dengan membuang huruf *alif*.[12]

Menurut Ibn al-Tin, buah tersebut berwarna merah atau kuning sebelum ia benar-benar masak.

Al-Hafiz Ibn Hajar menegaskan bahawa tafsiran seperti mana yang didapati di dalam hadith ini adalah *marfu'*. Dengan erti kata lain, ia merupakan sabda Rasulullah (s.a.w) dan bukannya perkataan Anas.

Fiqh Hadith

1. Dibolehkan menanyakan suatu permasalahan yang masih dianggap tidak jelas bagi mengenal pasti apa sebenarnya yang dimaksudkan oleh syariat Islam.
2. Larangan menjual buah-buahan sebelum kelihatan membaik dan selamat daripada sebarang cacat di samping ia mendekati waktu masak.

٧٢- وَعَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْعِنَبِ حَتَّى يَسْوَدَّ، وَعَنْ بَيْعِ الْحَبِّ حَتَّى يَشْتَدَّ. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ إِلاَّ النَّسَائِيَّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ، وَالْحَاكِمُ.

72- Daripada Anas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang daripada menjual anggur hingga berwarna menghitam dan menjual biji-bijian hingga sudah mula mengeras. (Diriwayatkan oleh *al-Khamsah* kecuali al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim: 872).

[12] Bagi pensyarah, dalam sebahagian riwayat disebutkan "يحمر" dengan membuang huruf *alif*. Lafaz hadith ini diriwayatkan oleh al-Khatthabi: (2080). Besar kemungkinan, ini merupakan kesalahan yang dilakukan oleh periwayat hadith.

Makna Hadith

Hadith ini menyempurnakan hadith sebelumnya di samping memuatkan tambahan penjelasan terhadap larangan menjual buah yang belum kelihatan baik khususnya dalam dua jenis buah berikut,iaitu anggur hingga berwarna hitam jika warna hitam menunjukkan ia sudah mendekati waktu masak dan gandum yang merupakan jenis biji-bijian hingga mengeras.

Analisis Lafaz

"حَتَّى يَسْوَدَّ", ini jika warna masaknya berwarna hitam. Ini hanya menunjukkan kebanyakan anggur berwarna hitam apabila mendekati waktu masak, meskipun ada sebahagian anggur masak dengan berwarna kuning dan sebahagiannya lagi ada yang berwarna merah. Semua jenis warna ini menandakan bahawa ia telah mendekati warna masak. Itu sebabnya Abu Dawud memasukkan hadith ini ke dalam bab: *al-tsimar*.

"الْحَبِّ", biji-bijian, seperti gandum, barli dan jagung.

"يَشْتَدَّ", menjadi keras dan matang.

Fiqh Hadith

Larangan menjual buah sebelum kelihatan masak, seperti anggur hingga berwarna hitam jika anggur itu termasuk yang berwarna hitam apabila hendak masak dan biji-bijian seperti gandum dan barli hingga menjadi keras. Jika tangakainya sudah kuat, maka ia boleh dijual mengikut pendapat jumhur ulama.

Menurut ulama mazhab Syafi'i, jika tangkainya tanaman itu berupa barli, jagung atau tumbuhan lain yang sejenis dengannya di mana bijinya kelihatan dengan jelas, maka ia boleh dijual meskipun tangkainya belum kelihatan kuat. Jika tanaman itu berupa gandum di mana bijinya tidak dapat dilihat dengan jelas lantaran tersembunyi di dalam kulitnya, maka dalam masalah ini ada dua pendapat bagi Imam al-Syafi'i. Pendapat yang paling sahih adalah ia tidak boleh dijual.

٧٣- وَعَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَوْ بِعْتَ مِنْ أَخِيكَ ثَمَراً فَأَصَابَتْهُ جَائِحَةٌ، فَلاَ يَحِلُّ لَكَ أَنْ تَأْخُذَ مِنْهُ شَيْئًا، بِمَ تَأْخُذُ مَالَ أَخِيكَ بِغَيْرِ حَقٍّ؟" رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

وَفِي رِوَايَةٍ لَهُ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ بِوَضْعِ الْجَوَائِحِ.

73- Daripada Jabir bin Abdullah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika kamu menjual buah-buahan (yang masih berada di atas pohonnya) kepada saudaramu, lalu ia membusuk lantaran diserang hama (ulat/penyakit), maka kamu tidak boleh menerima apa-apa bayaran daripadanya. Adakah kamu rela memakan harta saudaramu dengan cara yang tidak betul?" (Diriwayatkan oleh Muslim).

Dalam riwayat lain disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) menyuruh membatalkan (jual beli buah-buahan) yang diserang oleh hama. (873).

Makna Hadith

Hadith ini masih menyempurnakan hadith-hadith sebelum ini yang melarang daripada menjual buah-buahan sebelum kelihatan membaik. Ia menjelaskan hukum seseorang yang tidak berkomitmen dengan larangan hadith-hadith tersebut, di mana dia membeli buah-buahan sebelum kelihatan membaik, lalu ia diserang oleh hama hingga ia menjadi rosak dan membusuk. Dengan demikian, pembeli yang telah menyerahkan bayaran tidak memperoleh apa-apa selain kerugian. Hadith ini menegaskan bahawa penjual mestilah memulangkan pembayaran itu tersebut kepada pembeli. Jika tidak berbuat demikian, bererti ia mengambil harta orang lain dengan cara yang tidak benar.

Analisis Lafaz

"مِنْ أَخِيكَ", maksudnya bukan saudara senasab, sebaliknya saudara seagama. Kalimat ini hanya sekadar mengungkapkan suatu kebiasaan, kerana hadith ini menceritakan keadaan penjual dan pembeli sebagaimana yang disebutkan pada bahagian redaksi hadith ini: "Baginda menyuruh membatalkan (jual beli buah-buahan) yang diserang oleh hama." Di sini baginda tidak mengaitkannya dengan pembali atau penjual tertentu sahaja. Inilah yang ditegaskan oleh Ibn al-Hajar.

"جَائِحَةٌ", kerosakan yang menimpa buah-buahan sehingga menyebabkannya gagal berbuah dengan baik. Dalalm sebuah ungkapan disebutkan: "جاحهم الدهر" (Mereka usang ditelan masa). Ungkapan ini disebutkan kepada seseorang yang ditimpa musibah besar. Pendapat lain mengatakan kalimat ini berasal dari kalimat "الجوح" yang bermaksud kebinasaan dan kerosakan.

"بِوَضْعِ", membatalkan. Di sini ada kalimat yang dibuang yang asalnya adalah berbunyi: "membatalkan harga lantaran terjadi kerosakan ke atas barang yang dijual."

Fiqh Hadith

Jika berlaku kerosakan pada buah-buahan yang dijual di atas pohonnya, maka pembayaran yang telah dibuat ke atasnya hendaklah dipulangkan. Dalam kaitan ini ulama fiqh berbeza pendapat.

Menurut Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah, barang siapa yang menjual buah-buahan yang masih berada di atas pohonnya, kemudian dia menyerahkannya kepada pembeli, lalu buah tersebut rosak atau cacat lantaran diserang hama, maka disunatkan bagi penjual untuk memulangkan harga buah tersebut, namun tidak wajib baginya untuk berbuat demikian.

Menurut Imam Malik, jika satu pertiga buah atau lebih telah rosak lantaran diserang hama maka harga buah tersebut hendaklah dipulangkan, namun jika kerosakan yang disebabkan oleh serangan hama itu kurang daripada satu pertiga, maka harga buah tersebut tidak perlu dipulangkan. Dengan erti kata lain, jika kerosakan buah tersebut kurang daripada satu pertiga, maka ini bererti buah tersebut tetap menjadi milik pembeli dan harganya tidak perlu dipulangkan. Jika kerosakan buah itu akibat serangan hama melebih satu pertiga maka kerosakan itu menjadi tanggungan penjual dan dia wajib memulangkan harga pembelian barang tersebut mengikut kadar kerosakannya.

Menurut Imam Ahmad bin Hanbal dan sekumpulan ulama hadith, membatalkan jual beli buah-buah yang rosak akibat diserang hama merupakan sesuatu wajib dilakukan oleh setiap penjual. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dalam *qaul qadim*.

Penting

Dalam makna secara umum bagi hadith ini kami menyebutkan bahawa memulangkan harga jual beli buah-buahan di atas pohonnya yang rosak akibat diserang hama dilakukan ketika membeli buah tersebut sebelum buahnya matang atau sebelum kelihatan membaik. Ini dikuatkan lagi dengan menyebut hadith ini setelah hadith-hadith yang melarang jenis-jenis jual beli yang dilarang di sisi Islam. Jadi, apa yang dilakukan oleh al-Hafiz Ibn Hajar, al-Khatthabi, Abu Dawud dan ramai lagi dalam sistematika susunan hadith-hadith ini adalah sangat tepat.

Ini disokong oleh hadith yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Humaid daripada Anas bahawa:

أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ بَيْعِ الثَّمَرَةِ حَتَّى تُزْهِيَ، قَالَ: وَمَا تُزْهِيَ؟ قَالَ: تَحْمَرُّ وَتَصْفَرُّ، أَرَأَيْتُكَ إِذَا مَنَعَ اللهُ الثَّمَرَةَ، فَبِمَ تَسْتَحِلُّ مَالَ أَخِيكَ؟

"Rasulullah (s.a.w) melarang daripada menjual buah sebelum kelihatan membaik." Seorang sahabat bertanya: "Bagaimana cara mengetahui buah itu kelihatan membaik?" Baginda bersabda: "Sampai buah itu berwarna kemerahan atau kekuningan. Apa yang berlaku jika Allah menahan buah itu daripada dipanen, adakah kamu masih beranggapan halal terhadap harta saudaramu yang telah membelinya itu?" Maksud hadith ini jelas, malah ia turut menegaskan larangan melakukan jual beli seperti ini meskipun ia tidak menjadikannya sebagai jual beli yang tidak sah, meskipun orang yang melakukannya berdosa.

Seluruh pendapat ulama fiqh yang kami kemukakan dalam pembahasan hadith ini adalah jual beli buah sebelum ia kelihatan membaik bukan sebelum itu. Adapun jual beli buah sebelum kelihatan membaik, maka hukumnya telah pun dibahas sebelum ini.

٧٤- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنِ ابْتَاعَ نَخْلاً بَعْدَ أَنْ تُؤَبَّرَ، فَثَمَرَتُهَا لِلْبَائِعِ اَلَّذِي بَاعَهَا إِلاَّ أَنْ يَشْتَرِطَ الْمُبْتَاعُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

74- Daripada Ibn Umar (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Barang siapa membeli pohon kurma setelah dikahwinkan, maka buahnya menjadi milik penjual yang menjualnya, kecuali pembeli mengemukakan syarat lain." (Muttafaq alaih: 874).

Makna Hadith

Hadith ini menjelaskan pertelingkahan yang sering terjadi antara penjual dengan pembeli, iaitu ketika seseorang membeli pohon kurma yang telah dikahwinkan dan kemudian menghasilkan buah. Mereka kemudian bertelagah dan pembeli mendakwa bahawa dialah pemilik buah tersebut. Hadith ini menegaskan bahawa pembeli tidak berhak memiliki buah yang baru dikahwinkan itu melainkan ada syarat dan ketentuan lain ketika diadakan transaksi jual beli. Jika tidak, maka buah itu tetap menjadi hak milik penjual.

Analisis Lafaz

"ابْتَاعَ", membeli.

"تُؤَبَّرَ", dikahwinkan. Ini dilakukan dengan membelah mayang pohon betina dengan meletakkan sari pati kembang jantan ke dalamnya.

"الْمُبْتَاعُ", pembeli.

Fiqh Hadith

1. Barang siapa yang membeli pohon yang telah dikahwinkan dan kemudian menghasilkan buah, maka buah itu menjadi hak milik penjual, kecuali sebelumnya ada perjanjian lain yang menyatakan buah itu menjadi milik pembeli. Inilah pendapat Imam Malik, al-Syafi'i, Imam Ahmad, Ishaq, Imam Abu Hanifah dan kebanyakan ulama. Jika pohon tersebut belum dikahwinkan, maka buahnya menjadi hak milik pembeli sebagaimana yang dapat difahami berdasarkan konteks hadith ini. Inilah pendapat Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad. Menurut Imam Abu Hanifah, buah tersebut menjadi hak milik penjual sama ada pohon itu telah dikahwinkan ataupun tidak. Imam Abu Hanifah di sini tidak mengambil kira kaedah *mafhum mukhalafah* dalam ilmu usul fiqh.[13]
2. Dibolehkan mengadakan jual beli bersyarat dan syarat yang dilarang dalam masalah ini adalah jika syarat itu bertujuan membatalkan jual beli maka jual beli bersyarat seperti ini adalah dilarang. Ada pula kemungkinan jual beli bersyarat dibolehkan hanya dalam kes jual beli pohon sahaja. Apapun, pendapat adalah lebih kuat yang mengharuskan jual beli bersyarat secara umum. Tidak disyaratkan bahawa pohon itu telah dikahwinkan oleh tangan manusia. Jadi sekiranya ia telah mengahwinkan dirinya sendiri, maka hukumnya tetap sama seperti mana yang telah dinyatakan oleh hadith di atas.

Soalan

1. Siapakah yang dilaknat oleh Rasulullah (s.a.w) bersama orang yang memakan riba dan menjadikan mereka sebagai orang yang sama-sama berdosa?
2. Sahkah menjadi saksi ke atas akad riba?
3. Apakah maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "الربا ثلاثة وسبعون بابا"?
4. Kemukakan satu dalil bahawa ada sebahagian dosa yang lebih besar daripada sebahagian dosa yang lain?
5. Apakah maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "الذهب بالذهب مثلا بمثل"?
6. Apakah makna kalimat "لا تشفوا" dan makna kalimat "غائب بناجز"?
7. Apakah syarat-syarat jual beli *sharf*?
8. Sebutkan enam jenis barang yang disebutkan dalam hadith bahawa di dalamnya sering kali berlaku riba dan apakah syarat-syarat yang

[13] *Mafhum mukhlafah* merupakan salah satu kaedah usul fiqh yang masyhur. Sil rujuk kitab-kitab usul fiqh.

mengharuskan menjualnya dan bebas daripada unsur riba?

9. Apakah dalil yang menyatakan gandum berbeza dengan barli dan siapakah di antara ulama yang menjadikan keduanya sebagai barang yang sama jenis?
10. Bolehkah melakukan perkiraan ketika barangan tersebut sama timbangan dan takaran? Sebutkan dalilnya?
11. Huraikan sabda Rasulullah (s.a.w): "بتمر جنيب"dan "الجمع" dalam hadith Abu Sa'id yang menceritakan seorang hamba yang dilantik Rasulullah (s.a.w) menjadi pekerjanya di Khaibar? Sebutkan hukum-hakam yang terdapat di dalam hadith ini?
12. Apakah jenis-jenis yang boleh berlaku riba di dalamnya mengikut mazhab Syafi'i dan sebutkan dalilnya?
13. Apakah yang dimaksudkan dengan "mudd 'ajwah"?
14. Bolehkah menjual emas dengan barang yang selainnya dan sebutkan pendapat ulama dalam masalah ini?
15. Bolehkah menjual haiwan dengan haiwan secara *nasi'ah* (ansuran)?
16. Apakah makna "العينة" dan "أخذتم أذناب البقر"?
17. Adakah pernyataan "رجاله ثقات" menyatakan suatu sanad itu sahih dan mengapa demikian?
18. Apakah yang dimaksudkan dengan *tawarruq* dan apa pula pendapat Imam Ahmad dalam masalah ini?
19. Bolehkah menerima hadiah di atas bantuan yang telah dihulurkan?
20. Apakah maksud "الراشي والمرتشي" dan adakah hadith "لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم الراشي والمرتشي" memiliki tambahan? Bincangkan masalah ini?
21. Apakah hukum rasuah?
22. Sebutkan satu hadith yang di dalamnya mengharuskan menjual haiwan dengan haiwan secara *nasi'ah* (ansuran)?
23. Bincangkan sabda Rasulullah "يأخذ على قلائص" dalam hadith Ibn Amr ketika sedang menyiapkan pasukan tentera lalu unta pun habis lalu baginda menyuruhnya untuk mengambil unta sedekah?
24. Apakah yang dimaksudkan dengan *muzabanah*?
25. Apakah hukum *muzabanah* dan apakah ada sesuatu yang dikecualikan daripadanya?
26. Apakah makna hadith "نهى عن بيع الكالئ بالكالئ" dan terangkan apakah yang menyebabkannya menjadi daif?
27. Kemukakan takrif *rukhshah*?
28. Apakah yang dimaksudkan dengan *'araya*?
29. Terangkan kenapa ia diberi nama *'ariyah*?

30. Apakah hukum *'ariyah* di sisi ulama fiqh dan huraikan pendapat mereka?
31. Bolehkah *'ariyah* apabila mencapai lima *awsuq*? Sebutkan pendapat ulama fiqh dalam masalah ini?
32. Bolehkah berjual beli sebelum buah-buahan kelihatan membaik?
33. Sebutkan dua hadith yang melarang berjual beli buah sebelum kelihatan membaik disertai ulasan ke atas kedua-dua hadith ini?
34. Apakah makna sabda Rasulullah (s.a.w) "أمر بوضع الجوائح"?
35. Apakah pendapat ulama fiqh tentang jual beli buah-buah yang masih di atas pohonnya lalu rosak kerana diserang hama?
36. Sebutkan hadith yang menceritakan jual beli pohon kurma yang telah dikahwinkan dan buat ulasan ke atasnya?

BAB SALAM, QARDH (PINJAMAN) DAN GADAI

Salam dengan membaca *fatah* huruf *sin* dan huruf *lam* adalah menangguhkan pembayaran terhadap barang yang hendak dibeli. Jika kalimat ini menggunakan huruf *mim* (*al-salam*), maka ia mengikut bahasa masyarakat Iraq, namun jika menggunakan huruf *fa* (*al-salaf*) maka ia mengikut bahasa masyarakat Hijaz.

Menurut syari'at, *salam* adalah menjual barang yang belum dimiliki dengan menggambarkan sifat-sifat dan jenisnya.

Qardh pula dengan membaca *sukun* huruf *ra'* adalah barang yang belum dimiliki yang digambarkan sifat dan jenisnya namun tanpa melalui proses jual beli.

Gadai pula adalah membeli sesuatu secara ansuran dengan menyerahkan jaminan barang pembelian sama ada jaminan itu setara dengan harta yang digadaikan ataupun tidak, kemudian barang itu dipulangkan kepada pemiliknya setelah dia berjaya melangsaikan bayaran hutangnya.

٧٥- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ، وَهُمْ يُسْلِفُونَ فِي الثِّمَارِ السَّنَةَ وَالسَّنَتَيْنِ، فَقَالَ: "مَنْ أَسْلَفَ فِي تَمْرٍ فَلْيُسْلِفْ فِي كَيْلٍ مَعْلُومٍ وَوَزْنٍ مَعْلُومٍ إِلَى أَجَلٍ مَعْلُومٍ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلِلْبُخَارِيِّ: "مَنْ أَسْلَفَ فِي شَيْءٍ".

75- Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Ketika Rasulullah (s.a.w) tiba di Madinah, mereka (penduduk Madinah) biasa meminjamkan hasil buah mereka selama satu sampai dua tahun, lalu baginda bersabda: "Barang siapa meminjamkan buah tamar, maka hendaklah dia meminjamkannya dengan sukatan, timbangan dan batas waktu yang telah ditentukan." (Muttafaq alaihi)

Dalam riwayat al-Bukhari disebutkan: "Barang siapa meminjamkan sesuatu.) (875).

Makna Hadith

Masa terus berjalan sementara usaha memiliki waktu-waktu tersendiri. Seseorang memiliki tanggung jawab untuk memenuhi keperluan keluarganya dan manusia sentiasa memerlukan sesutu untuk memenuhi keperluannya. Oleh itu, mereka memerlukan satu sistem untuk memenuhi keperluan mereka dengan mengharuskan pinjaman, *salam* dan gadai. Semua ini bertujuan untuk meringankan beban hidup manusia ketika berdepan dengan situasi yang sukar.

Oleh kerana peminjam dan orang yang memberi pinjaman sering kali bertelingkah mengenai waktu pembayaran dan barang yang mesti diserahkan, syariat Islam telah pun menetapkan beberapa perkara bagi mengelakkan kerugian dan permusuhan daripada berlaku dengan tetap mengekalkan hukum harus untuk membuat pinjaman, *salam* dan gadai. Jadi, Islam mewajibkan untuk menetapkan timbangan, sukatan dan waktu di mana hutang tersebut wajib dibayar oleh peminjam di samping ketentuan-ketentuan lain yang berkaitan dengannya.

Analisis Lafaz

"قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ", peristiwa ini terjadi ketika baginda berhijrah.

"يُسْلِفُونَ", mereka mengadakan jual beli dengan satu sistem di mana harga ada di tangan pembeli.

"السَّنَةَ وَالسَّنَتَيْنِ", ungkapan ini sekadar menunjukkan kebiasaan, kerana tidak ada larangan untuk menaikkan tempoh melebihi waktu-waktu yang telah disebutkan itu. Malah dalam satu hadith yang diriwayatkan al-Bukhari disebutkan: "Dua atau tiga tahun." Dalam riwayat lain disebutkan: "Mereka meminjam hingga dua atau tiga tahun."

"فِي تَمْرٍ", ungkapan ini hanya sekadar menunjukkan kebiasaan, kerana al-Hafiz Ibn Hajar meriwayatkan hadith lain oleh al-Bukhari: "Barang siapa yang meminjam sesuatu." Lafaz hadith ini lebih bersifat umum.

"وَوَزْنٍ مَعْلُوم", huruf *waw* di sini bermakna *aw* (atau). Dengan erti kata lain, memadailah dengan menggunakan salah satu di antara keduannya itu. Malah salam riwayat yang lain ditegaskan perkara yang serupa. Takaran dan timbangan di sini hanya sekadar menunjukkan kebiasaan. Ia boleh digantikan dengan penjumlahan, misalnya atau penjumlahan yang digabungkan dengan takaran atau timbangan secara sekali gus.

"إِلَى أَجَلٍ مَعْلُوم", syarat ini disandarkan kepada salah satu di antara dua perkara sebelum ini, bukan kepada kedua-duanya sekali gus.

Fiqh Hadith

1. Islam memperakui beberapa sistem perekonomian yang berlaku pada zaman jahiliah, tetapi ditambahkan adanya beberapa syarat dan ketentuan.
2. Boleh meminjamkan suatu barang. Ulama telah pun telah bersepakat terhadap pendapat ini kecuali satu pendapat yang diriwayatkan daripada Ibn al-Musayyab. Meskipun mereka bersepekat bahawa ia disyariatkan, namun ulama berselisih pendapat tentang beberapa syarat dan ketentuan yang berbeza dengan syarat-syarat jual beli antara lain adalah sebagai berikut:
    a. Menyerahkan modal di dalam satu majlis. Jika mereka berpisah sebelum diadakan serah terima, maka jual beli ini tidak sah, kerana jual beli ini sama dengan jual beli hutang dengan hutang yang diharamkan di sisi syari'at.
    b. Mengetahui dengan jelas keadaan dan keberadaan modal atau barang, kerana sudah menjadi kebiasaan untuk mengetahui keadaan barang sebelum menyerahkannya. Jika seseorang menyerahkan barang yang berada di dalam bungkusan sedangkan dia tidak melihatnya atau tidak mengetahuinya, maka jual beli itu dinyatakan tidak sah. Ini berdasarkan kesepakatan ulama.
    c. Barang yang bakal diserahkan hendaklah dapat diukur dengan takaran, timbangan atau hitungan, bukan barang yang sebaliknya. Ini berdasarkan kesepakatan ulama.
    d. Jumlah dan ukurannya disebutkan dengan jelas seperti jumlah barang yang hendak diserahkan.[14] Jika benda tersebut belum dapat dihitung, maka sifat dan keadaan barang tersebut wajib disebutkan dengan jelas baik menggunakan sistem timbangan atau takaran, seperti buah delima dan lain-lain, tetapi hukum ini kembali kepada kebiasaan dan sistem yang berlaku di suatu daerah. Jika mereka hanya menggunakan timbangan, maka ukurannya mestilah mengikut sistem yang berlaku. Jika seseorang yang melakukan salam terhadap yang ditimbang bukan ditakar atau sebaliknya, maka ulama mazhab Syafi'i dan mazhab Hanbali dalam masalah ini ada dua pendapat. Pendapat yang paling sahih mengatakan ia dibolehkan.
    e. Meyebutkan waktu pembayaran. Jadi transaksi dinyatakan batal jika tempoh tidak disebutkan dengan jelas. Ini berdasarkan

[14] Disyaratkan menyebutkan perbezaan yang berlaku di daerah tersebut, seperti sha' Iraq dan sha' Hijaz.

kesepakatan ulama. Jika tempoh pembayaran ditentukan dengan waktu yang masih bersifat umum, misalnya pembayaran dilakukan sampai waktu dipetik/dituai pada masa yang akan datang, misalnya, maka Ibn Umar, Imam Malik, Imam Ahmad dalam satu riwayat yang kemudian menjadi pilihan ulama mazhab Hanbali membolehkannya, sementara Ibn Abbas dan jumhur ulama melarang sistem seperti ini.

f. Barang yang ingin diserahkan mesti wujud ketika ia hendak diserahkan pada waktu yang telah ditentukan.

g. Orang yang meminjamkan mestilah memiliki dan mampu mendatangkan barang yang diinginkan. Syarat ini dikemukakan oleh sesetengah ulama.

٧٦- وَعَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ أَبْزَى وَعَبْدِ اللهِ بْنِ أَبِي أَوْفَى رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالاَ: كُنَّا نُصِيبُ الْمَغَانِمَ مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَ يَأْتِينَا أَنْبَاطٌ مِنْ أَنْبَاطِ الشَّامِ، فَنُسْلِفُهُمْ فِي الْحِنْطَةِ وَالشَّعِيرِ وَالزَّبِيبِ - وَفِي رِوَايَةٍ: وَالزَّيْتِ - إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى. قِيلَ: أَكَانَ لَهُمْ زَرْعٌ؟ قَالاَ: مَا كُنَّا نَسْأَلُهُمْ عَنْ ذَلِكَ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

76- Daripada 'Abdurrahman bin Abza (r.a) dan Abdullah bin Abu Aufa (r.a), mereka berdua berkata: "Kami memperolehi harta ghanimah bersama Rasulullah (s.a.w), lalu petani-petani dari negeri Syam mendatangi kami, kemudian kami memberi mereka pinjaman berupa gandum, barli dan anggur kering". Dalam riwayat lain disebutkan: "dan minyak dengan tempoh pembayaran yang telah ditentukan. Ada seseorang yang bertanya: "Apakah mereka mempunyai tanaman?" Mereka berdua menjawab: "Kami tidak menanyakan itu kepada mereka." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 876).

Makna Hadith

Hadith ini membincangkan masalah yang telah dibincangkan oleh hadith sebelum ini, namun ada satu permasalahan yang disentuh di sini iaitu meminjamkan barang kepada orang yang tidak memiliki barang dan usaha terhadap barang yang dipinjamkannya, di mana dia meminjam buah atau gandum misalnya, tetapi dia tidak mempunyai usaha untuk menghasilkannya, lalu hadith ini membolehkan praktik pinjamanan seperti ini, malah al-Bukhari memasukkan hadith ini ke dalam bab: *al-salam ila man laisa 'indahu ashlun*.

Analisis Lafaz

"نُصِيبُ", kami memperoleh dan mendapatkan bahagian.

"الْمَغَانِمَ", jamak *ghanimah*, harta yang menjadi hak milik tentera Islam setelah berjaya mengalahkan tentera kafir.

"أَنْبَاطٌ مِنْ أَنْبَاطِ الشَّام", dalam riwayat al-Bukhari disebutkan: "نبيط". Mereka adalah bangsa Arab yang sudah berasimilasi dengan orang asing dan Rom kemudian keturunan mereka pun sudah bercampur aduk hingga akhirnya bahasa mereka pun berubah. Orang Arab yang berasimilasi dengan orang asing tinggal di kawasan al-Batha'ih berhampiran dengan masyarakat Iraq, sementara orang yang berasimilasi dengan bangsa Rom tinggal di lembah negeri Syam. Mereka diberi nama *anbath* lantaran mereka mengetahui tempat keluar air, kerana sebahagian besar sumber pencarian mereka adalah sebagai peladang.

"فَنُسْلِفُهُمْ", kami menjual kepada mereka barang dengan memberikan gambaran terhadap barang yang bakal mereka jadikan sebagai pembayaran hutang mereka.

"مُسَمًّى", yang ditentukan dan ditetapkan.

Fiqh Hadith

1. *Salam* atau *salaf* adalah dibolehkan dalam syari'at Islam.
2. Jual beli *salam* dibolehkan meskipun tidak menyebutkan dan menentukan tempat serah terima. Inilah pendapat Imam Ahmad, Ishaq, Abu Tsaur dan Imam Malik di mana beliau menambahkan: "Serah terima hendaklah dilakukan di tempat di mana ia dilaksanakan. Jika mereka berselisih pendapat, maka perkataan penjual mesti dijadikan pegangan.
3. Jual beli *salam* dibolehkan meskipun barang yang ditentukan tidak lagi wujud ketika mengadakan transaksi selagi ada kemungkinan menghadirkan barang pada waktu yang telah disepakati. Ini pendapat jumhur ulama dan menurut mereka, tidak ada masalah memutuskannya untuk membawanya baik sebelum mahupun sesudahnya sementara menurut Imam Abu Hanifah, tidak boleh jika diputuskan sebelumnya. Jika seseorang memberi pinjaman dengan menggunakan lafaz yang bersifat umum lalu ia diputuskan dengan seketika, maka menurut jumhur ulama jual beli ini tidak batal, sementara menurut sebahagian ulama mazhab Syafi'i jual beli ini batal.
4. Dibolehkan berpisah dalam jual beli *salam* sebelum diadakan serah terima. Inilah pendapat Imam Malik, namun menurut Imam al-Syafi'i dan ulama Kufah, dengan demikian jual beli menjadi batal kerana ia menjadi menjual hutang dengan hutang.

5. Ahli zimmah dibolehkan mengadakan jual beli *salam* dengan syarat mereka berpandukan ajaran syari'at Islam ketika berlaku perselisihan dan perbedaan pendapat.
6. Pengakuan Rasulullah (s.a.w) dapat dijadikan sebagai hujah.

Penting

Jumhur ulama berpendapat bahawa perkataan sahabat: Kami pernah melakukan seperti ini pada zaman Rasulullah (s.a.w) dan baginda tidak pernah melarang kami" diertikan bahawa Rasulullah (s.a.w) mengetahui perbuatan mereka dan baginda kemudian mengakuinya. Keadaan ini boleh dijadikan sebagai hujah dan dalil. Oleh itu, sahabat biasa mengucapkan perkataan seumpama ini walaupun perkataan mereka tidak disertai kenyataan bahawa ia boleh dijadikan hujjah. Contohnya perkataan Jabir: Kami biasa melakukan *'azal* yang pada waktu itu al-Qur'an masih lagi diturunkan." Ungkapan ini sebagai pengesahan ke atas atas perbuatan *'azal* yang dilakukan oleh Jabir. Bukti dan alasan yang mengharuskan perbuatan adalah perkataan: Pada waktu itu al-Qur'an masih lagi diturunkan. Jika perbuatan itu menyalahi hukum syari'at, tentu Allah menurunkan satu ayat yang melarang perbuatan tersebut dan baginda menyampaikan tentang larangan perbuatan itu. Inilah pendapat jumhur ulama dan tidak ada yang mengingkarinya kecuali sebahagian kecil di antara mereka.

Periwayat Hadith

'Abdurrahman bin Abza, ulama berbeza pendapat sama ada beliau seorang sahabat atau sebaliknya. Jumhur ulama menyatakan beliau adalah seorang sahabat Rasulullah (s.a.w). Beliau tinggal di Kufah, pernah menjadi gabenor, seorang qori yang handal dan menguasai ilmu fara'idh. Oleh itu, Ali bin Abu Thalib kemudian melantiknya menjadi gabenor Khurrasan.

Hadithnya banyak diriwayatkan oleh sekumpulan ulama dan antara ulama yang mengambil riwayat daripadanya adalah al-Sya'bi, Ibn Abu Laila, Abu Ishaq al-Subai'i dan ramai lagi.

٧٧- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا، أَدَّى اللهُ عَنْهُ، وَمَنْ أَخَذَهَا يُرِيدُ إِتْلاَفَهَا، أَتْلَفَهُ اللهُ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

77- Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Barang siapa yang berhutang harta orang dan berniat untuk mengembalikannya, maka Allah akan membantunya untuk

mengembalikannya, namun barang siapa berhutang harta orang lain dengan niat untuk merosakkannya, maka Allah akan membinasakan dirinya." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 877).

Makna Hadith

Hadith ini membahas salah satu pokok syari'at yang paling penting, iaitu membetulkan niat dalam setiap perbuatan dan membersihkannya dari segala bentuk kejahatan. Sesiapa yang melakukannya akan memperoleh kebaikan baik di dunia mahupun di akhirat.

Islam memberi petunjuk kepada sesiapa yang berhutang supaya berniat untuk membayarnya sesuai dengan waktu yang telah ditentukan. Jika melakukan demikian, Allah pasti membantu untuk melangsaikannya. Ini berbeza jika meminjam untuk memakan dan merosaknya tanpa ada niat untuk membayarnya, maka Allah akan merosak dan membinasakan harta itu.

Analisis Lafaz

"مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ", ia meliputi mengambil harta orang lain dengan cara berhutang dan menerima barang amanah untuk dijaga, namun maksud yang pertama lebih mendekati dengan tujuan hadith di sini, sebagaimana sabda Rasulullah (s.a.w): "أخذ" (mengambil) di mana kalimat ini menunjukkan adanya perbuatan. Ini berbeza dengan makna kedua, iaitu menerima barang amanah untuk dijaga kerana biasanya menggunakan bahasa: "من استُودع أموال الناس" (barang siapa yang menerima amanah barang orang lain untuk dijaga." Pendapat ini disokong oleh hadith Rasulullah (s.a.w):

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَدَّانُ دَيْنًا يَعْلَمُ اللهُ مِنْهُ أَنَّهُ يُرِيدُ أَدَاءَهُ إِلاَّ أَدَّاهُ اللهُ عَنْهُ فِي الدُّنْيَا.

"Tidaklah seorang muslim ingin meminjam wang kepada orang lain dan dia berniat untuk membayarnya, melainkan Allah membantunya untuk membayar hutang itu selama d idunia." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim daripada Maimunah (r.a)

Apapun, tidak ada halangan untuk memahami hadith ini sebagai barang titipan (wadi'ah).

"أَدَّى اللهُ عَنْهُ", ada yang mengatakan Allah pasti membantu untuk membayarnya selagi di dunia dengan memudahkan cara memperoleh rezeki kepadanya sehingga dia mampu membayar hutangnya.

Pendapat lain mengatakan Allah pasti membayarnya di akhirat kelak dengan memberikan kebaikan kepada orang yang memberi pinjaman hingga dia pun merasa redha.

"تْلاَفَهَا", merosakkan. Ada kemungkinan kerosakan yang bakal diterimanya itu ketika hidup di alam dunia dengan menghancurkan hartanya, mempersempit usaha dan geraknya atau menghilangkan keberkatan dalam setiap usaha yang dilakukannya. Ada pula kemungkinan dia akan memperoleh kerosakan di akhirat kelak dengan memberikan azab dan seksa yang berat ke atasnya.

Fiqh Hadith

1. Larangan untuk memakan harta dan hak orang lain.
2. Galakan untuk sentiasa berbuat baik dan membetulkan demi meraih kebaikan dunia dan akhirat.
3. Menjelaskan betapa kedudukan niat dan pengaruhnya amat besar dalam kehidupan dunia dan akhirat.
4. Setiap perbuatan akan dibalas sesuai dengan nilainya.
5. Menjelaskan bahawa Allah sentiasa menolong orang yang berhutang untuk membayarnya selagi dia berniat untuk melunasinya.

٧٨- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّ فُلاَناً قَدِمَ لَهُ بَزٌّ مِنَ الشَّامِ، فَلَوْ بَعَثْتَ إِلَيْهِ، فَأَخَذْتَ مِنْهُ ثَوْبَيْنِ بِنَسِيئَةٍ إِلَى مَيْسَرَةٍ؟ فَأَرْسَلَ إِلَيْهِ، فَامْتَنَعَ. أَخْرَجَهُ الْحَاكِمُ وَالْبَيْهَقِيُّ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ.

78- Daripada 'Aisyah (r.a), beliau berkata: "Saya bertanya: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya si fulan datang dari Syam dengan membawa pakaian. Jika tuan mengutus seseorang untuk mendatanginya lalu tuan mengambil dua helai pakaian dengan bayaran ansuran hingga memiliki kelapangan untuk membayarnya? Baginda mengutus kemudian seseorang kepadanya, namun pemilik barang itu enggan berbuat demikian." (Diriwayatkan oleh al-Hakim dan al-Baihaqi, periwayat hadith ini thiqoh: 878).

Makna Hadith

Hadith ini mengharuskan jual beli dengan pembayaran ansuran. Hadith ini turut diriwayatkan oleh al-Tirmidhi secara panjang lebar daripada Aisyah:

كَانَ عَلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَوْبَانِ قِطْرِيَّانِ – نَوْعٌ مِنَ الْبُرُوْدِ فِيْهَا حُمْرَةٌ وَلَهَا أَعْلاَمٌ مَعَ بَعْضِ خُشُوْنَةٍ – غَلِيظَانِ، فَكَانَ إِذَا قَعَدَ فَعَرِقَ، ثَقُلاَ عَلَيْهِ، فَقَدِمَ بَزٌّ

مِنْ الشَّامِ لِفُلاَنٍ الْيَهُودِيِّ، فَقُلْتُ: لَوْ بَعَثْتَ إِلَيْهِ فَاشْتَرَيْتَ مِنْهُ ثَوْبَيْنِ إِلَى الْمَيْسَرَةِ، فَأَرْسَلَ إِلَيْهِ، فَقَالَ: قَدْ عَلِمْتُ مَا يُرِيدُ، إِنَّمَا يُرِيدُ أَنْ يَذْهَبَ بِمَالِي أَوْ بِدَرَاهِمِي، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كَذَبَ قَدْ عَلِمَ أَنِّي مِنْ أَتْقَاهُمْ لِلهِ وَآدَاهُمْ لِلأَمَانَةِ.

"Rasulullah (s.a.w) memiliki dua helai baju *qithri* yang tebal (sejenis kain yang padanya terdapat warna merah dan terdapat lukisan di samping kainnya agak tebal). Jika sedang duduk lalu berpeluh, baginda kurang selesa ketika sedang memakainya. Si fulan berketurunan Yahudi itu kemudian datang dari negeri Syam dengan membawa pakaian. Saya berkata (kepada Rasulullah): "Eloklah jika tuan mengutus seseorang untuk membeli dua helai pakaian dan meminta tempoh untuk membayarnya hingga ada kelonggaran." Baginda pun lalu mengutus seseorang mendatangi si fulan Yahudi itu, namun dia berkata: "Aku tahu apa yang dimaksudkan Muhammad itu. Dia pada hakekatnya ingin mengurangi hartaku atau dirhamku supaya aku jatuh bankrap." Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Si Yahudi ini sungguh penipu besar. Sesungguhnya dia tahu bahawa aku adalah orang yang paling bertaqwa kepada Allah dan orang yang paling bertanggung jawab terhadap amanah Allah."

Analisis Lafaz

"إِنَّ فُلاَناً", dalam hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi disebutkan "لفلان اليهودي" (si fulan berketurunan Yahudi), sementara dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad disebutkan daripada Anas bin Malik, beliau berkta: "Rasulullah (s.a.w) mengutusku untuk mendatangi "حليق النصراني" (seorang tukang cukur beragama Nasrani)…." Dalam kitab *Ta'jil al-Manfa'ah* disebutkan: "خليق المصراني" dengan menggunakan huruf *kha'* pada kalimat pertama dan huruf *mim* bukannya huruf *nun*.

"بَزٌّ", dengan membaca *fatah* huruf *ba'*, salah satu jenis kain yang lembut.

"نَسِيئَةٍ", pembayaran secara kredit (hutang), yakni mengakhirkan pembayaran harga.

"مَيْسَرَةٍ", ia berasal dari kalimat "اليسر" lawan kata sulit. Menurut Ibn al-Arabi, maksudnya adalah sampai ada waktu lapang untuk membayarnya.

"فَامْتَنَعَ", enggan menerima tawaran itu. Dalam kitab ini Ibn Hajar tidak menyebutkan alasan penolakannya, tetapi dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Anas bin Malik disebutkan: "Penjual itu

bertanya: "Apa yang dimaksudkan dengan kemudahan itu dan bilakah pula kemudahan itu tiba? Muhammad itu tidak mempunyai suara kambing dan suara unta, apatah lagi membayar harga baju ini. Percayalah dia tidak akan pernah membayarnya." Dalam riwayat al-Tabrani dan al-Bazzar ke atas hadith ini disebutkan bahawa baginda mengutusku mendatangi Yahudi itu dengan berhutang pakaian dan membayarnya hingga ada kelonggaran untuk membayarnya. Yahudi itu menjawab: "Kelonggaran apa itu? Muhammad itu tidak berharta dan tidak bermodal." Dalam riwayat lain disebutkan bahawa Yahudi itu berkata: "Muhammad itu tidak punya kebun dan haiwan ternakan."

Alasan Yahudi menolak tawaran itu kerana baginya Rasulullah (s.a.w) tidak mempunyai kebun atau haiwan ternakan sama ada kambing atau unta sehingga dia pun enggan memberikan pinjaman kepada baginda.

"أَخْرَجَهُ الْحَاكِمُ وَالْبَيْهَقِيُّ", hadith tidak diriwayatkan oleh selain keduanya. Ini merupakan salah satu kelaian dalam menisbahkan riwayat hadith. Ibn Hajar sebaiknya mengisyaratkan bahawa asal hadith ini ada pada al-Tirmidhi, al-Nasa'i dan Imam Ahmad, bahkan lafaz yang mereka riwayatkan pula lebih lengkap.

"رِجَالُهُ ثِقَاتٌ", periwayatnya thiqoh, namun Ibn Hajar tidak menilainya sebagai sahih.

Tetapi al-Tirmdzi setelah meriwayatkannya berkata: "Hadith ini hasan sahih *gharib*. Dalam masalah ini terdapat pula hadith yang diriwayatkan daripada Ibn Abbas, Anas dan Asma' binti Yazid."

Syu'bah menilai hadith ini kuat dan al-Tirmidhi telah menukil sebahagian daripadanya berupa hadith yang diriwayatkan daripada Syu'bah.

Fiqh Hadith

1. Boleh memakai pakaian yang terbuat daripada bahan yang lembut.
2. Hadith ini menjelaskan bahawa Rasulullah (s.a.w) sentiasa berusaha menjauhkan diri daripada kemewahan dunia, di mana baginda tidak mampu membeli dua helai pakaian secara tunai.
3. Dibolehkan berjual beli, berjiran dan bermasyarakat dengan orang Yahudi.
4. Boleh melakukan jual beli dengan sistem kredit.
5. Boleh menangguhkan pembayaran hutang sampai ada kelapangan sesuai dengan zahir hadith di atas. Inilah pendapat yang dinukil oleh al-Shan'ani. Ibn al-'Arabi berkata: "Aisyah sebenarnya tidak menginginkan membeli sesuatu dengan cara berhutang dan baginya lebih baik menunggu hingga memiliki harta yang memadai untuk membelinya, kerana membeli suatu barang dengan cara berhutang

sering kali tempoh pembayaran ditangguhkan. Ini jelas tidak dibolehkan mengikut ijma' ulama. Aisyah di sini ingin membeli suatu apabila sudah ada kelapangan seperti membeli sesuatu ketika mendekati waktu dituai. Jual beli seperti ini menurut mazhab Maliki dibenarkan. Tetapi menurut Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah, jual beli seperti majhul dan tidak boleh dilakukan jual beli secara berhutang."

6. Berinteraksi dengan baik tidaklah dibenci selagi ada kemampuan untuk melakukannya.

٧٩- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الظَّهْرُ يُرْكَبُ بِنَفَقَتِهِ إِذَا كَانَ مَرْهُونًا، وَلَبَنُ الدَّرِّ يُشْرَبُ بِنَفَقَتِهِ إِذَا كَانَ مَرْهُونًا، وَعَلَى الَّذِي يَرْكَبُ وَيَشْرَبُ النَّفَقَةُ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

79- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tulang belakang haiwan yang digadaikan boleh ditunggangi dengan biaya sendiri dan susu haiwan yang digadaikan boleh diminum atas biaya sendiri. Bagi orang yang menunggang dan meminum susunya wajib membiayai." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 879).

Makna Hadith

Hadith ini merupakan salah satu dalil yang mengharuskan gadai. Ia menjelaskan satu hukum yang berkaitan dengan orang yang menerima gadaian haiwan, di mana dia dibolehkan mengendarai dan memerah susunya, tetapi dia diwajibkan memberi nafkahnya. Ini telah disebutkan dalam satu riwayat secara ringkas:

الرَّهْنُ مَرْكُوْبٌ وَمَحْلُوْبٌ.

"*Haiwan yang digadaikan itu boleh dikenderai dan diperah susunya.*"

Analisis Lafaz

"الظَّهْرُ", yakni haiwan. Hadith ini hanya menyebutkan tulang belakangnya kerana orang yang menunggang haiwan selalunya menggunakan tulang belakangnya.

"يُرْكَبُ", *mabni li al-majhul*, demikian pula dengan perkataan "يشرب". Kalimat ini berbentuk berita yang bermakna perintah, tetapi orang yang diperintahkan masih belum diketahui dengan jelas. Jadi, maksudnya di sini

adalah orang yang menerima barang gadaian.

"مَرْهُونًا", ia berasal dari kalimat *al-rahn*. Takrifnya secara bahasa adalah menahan atau mengurung seperti ungkapan orang Arab: "رهن الشيئ" (sesuatu itu menetap) manakala secara syarak pula adalah menyerahkan harta sebagai jaminan ke atas hutang. *Al-rahn* kadang kala bermaksud barang yang digadaikan. Jadi, *al-rahn* meskipun *isim mashdar*, namun ia kadang kala bermakna *isim maf'ul*.

"الدَّرِّ", dengan membaca *fatah* huruf *dal* dan *tasydid* huruf *ra'*, haiwan yang mempunyai banyak air susunya.

"النَّفَقَةُ", biaya yang mesti dikeluarkan oleh orang yang menerima barang gadaian kerana dia mengambil manfa'at ke atas haiwan itu yang diletakkan di sisinya sebagai jaminan ke atas hutang.

Fiqh Hadith

Orang yang menerima gadai haiwan dibolehkan menunggang dan meminum air susunya dengan syarat dia wajib memberi nafkah haiwan itu, tetapi ulama berbeza pendapat dalam masalah ini. Di sini ada tiga pendapat sebagai berikut:

Pertama, memanfaatkan haiwan yang digadaikan hukumnya dibolehkan sebagaimana yang ditegaskan oleh hadith di atas. Inilah pendapat Imam Ahmad, Ishaq dan sekumpulan ulama.

Kedua, memanfaatkan haiwan yang digadaikan hukumnya tidak dibolehkan. Orang yang menggadaikan dan orang yang menerima gadaian tidak dibolehkan mengambil manfa'at ke atas barang yang digadaikan. Inilah pendapat jumhur ulama seperti Imam Malik, Imam al-Syafi'i, Imam Abu Hanifah. Dalil mereka sebagai berikut:

i. Hadith di atas bercanggah dengan qiyas dan oleh kerananya, ia tidak boleh dijadikan sebagai landasan dalam mengambil hukum, kerana tidak boleh mengqiyaskan hukum yang telah ditetapkan oleh nash Tambahan pula hukum syari'at tidak hanya berfokus dalam satu permasalahan.
ii. Hadith sahih yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan selainnya menetapkan bahawa tidak boleh memerah susu kambing kecuali pemiliknya atau dengan izinnya, tetapi hadith ini tidak memberikan sebarang kesan dalam masalah ini, kerana ia di*takhsis* oleh hadith lain.
iii. Hadith ini dimansukh dan tidak ada lagi dalil dalam masalah ini.
iv. Apa yang dimaksudkan dengan hadith di atas adalah barang gadaian, bukan orang yang menggadaikan atau orang yang menerima gadaian.

Ketiga, memanfaatkan haiwan yang digadaikan hukumnya dibolehkan dengan syarat orang yang menggadaikan tidak boleh mengeluarkan belanja ke atas barang gadaian itu. Inilah pendapat al-Awza'i dan al-Laits.

٨٠- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ يَغْلَقُ الرَّهْنُ مِنْ صَاحِبِهِ الَّذِي رَهَنَهُ، لَهُ غُنْمُهُ، وَعَلَيْهِ غُرْمُهُ". رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَالْحَاكِمُ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ، إِلاَّ أَنَّ الْمَحْفُوظَ عِنْدَ أَبِي دَاوُدَ وَغَيْرِهِ إِرْسَالُهُ.

80- Daripada Abu Hurairah, beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Gadai tidak menutup kepemilikan pemiliknya ke atas barang yang digadaikannya. Dia tetap memiliki ke atas hasilnya dan wajib menanggung kerugiannya." (Diriwayatkan oleh al-Daruquthni dan al-Hakim. Periwayat hadith ini thiqoh, tetapi kedudukan hadith ini *mursal* di sisi Abu Dawud dan selainnya: 880).

Makna Hadith

Sudah menjadi kebiasaan masyarakat jahiliah menutup barang gadaian bagi pemiliknya, di mana mereka tidak menganggap barang gadaian sebagai hak pemiliknya lagi sebaliknya mereka menjadikan gadaian itu menjadi hak milik orang yang menerima gadaian dengan tujuan barang tersebut tidak dikembalikan lagi kepada pemiliknya apabila tidak mampu membayar hutangnya. Islam datang untuk melarang amalan seperti ini.

Hadith ini kemudian menegaskan orang yang menerima gadaian berhak memanfaatkan barang gadaian berupa mengenderainya dan memerah air susunya, di samping dia wajib memberi nafkah ke atasnya dan bertanggung jawab ke atas segala risiko barang itu.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", periwayat hadith ini sama dengan hadith sebelumnya, Abu Hurairah (r.a).

"لاَ يَغْلَقُ", orang yang menerima gadaian tidak boleh menjadikan gadaian sebagai hak miliknya dengan cara menutup kemungkinan untuk mengembalikan barang itu kepada pemilik asalnya jika telah melangsaikan hutangnya.

"الرَّهْنُ", kalimat *mashdar* di sini memiliki makna *maf'ul*, yakni barang yang digadaikan (*marhun*).

"غُنْمُهُ", apa yang dihasilkan ketika memanfaatkan barang gadaian tersebut berupa keuntungan mahupun kerugian. Jadi, dia berhak ke atas manfa'at sekali gus membayar kerosakan barang tersebut. Keuntungan di sini meliputi seluruh keuntungan yang diperoleh daripada barang gadaian berupa bulu kambing dan lain-lain sebagainya. Menurut Imam al-Syafi'i, keuntungan di sini bermaksud tambahan.

"غُرْمُهُ" biaya yang dibelanjakan ke atas barang gadaian itu. Menurut Imam al-Syafi'i, biaya di sini bermaksud kerugian. Perkataan "dia tetap memiliki ke atas hasilnya dan wajib menanggung kerugiannya" adalah perkataan Ibn al-Musayyab.

"إِلاَّ أَنَّ الْمَحْفُوظَ عِنْدَ أَبِي دَاوُدَ وَغَيْرِهِ إِرْسَالُهُ" kerana periwayat yang lebih hafaz adalah seperti Ma'mar bin Rasyid. Mereka meriwayatkan hadith ini daripada al-Zuhri daripada Sa'id bin al-Musayyab secara *mursal*, namun mereka ada menyebut nama Abu Hurairah. Sekumpulan ulama hadith turut menilai hadith ini sebagai *mursal*.

Fiqh Hadith

1. Hadith ini merupakan dalil yang mensyariatkan gadai.
2. Tidak boleh menutup kemungkinan bagi orang yang menggadaikan barangnya untuk menyerahkan semula barang miliknya apabila dia telah membayar hutang yang menjadi tanggung jawabnya.
3. Keuntungan dan kerugian menjadi tanggungan orang yang menerima gadaian barang itu, namun pendapat lain mengatakan bahawa risiko dan keuntungan ditanggung oleh orang yang menggadaikan barangnya sebagaimana pendapat Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama.

Penting

Jika barang yang digadaikan rosak di tangan orang yang menerima gadaian, siapakah yang menanggung kerosakan itu?

Imam Malik, Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad dan sekumpulan ulama berpendapat bahawa kerosakan menjadi tanggung jawab orang yang menggadaikan dan tidak sedikit pun hak orang yang menerima gadai digugurkan. Ash-hab al-ra'yi, al-Nakha'i dan al-Tsawri pula berpendapat bahawa nilai gadaian apabila sama dengan nilai hutang, maka hak orang yang menerima gadaian digugurkan. Jika nilai gadai itu lebih sedikit, maka ia dinilai mengikut kadar hutang sedangkan bakinya menjadi kewajipan orang yang menggadaikan. Jika nilai barang gadaian lebih banyak daripada hutang, maka hak orang yang menerima gadai digugurkan dan dia tidak wajib menanggung lebihannya daripada barang gadaian yang rosak itu.

٨١- وَعَنْ أَبِي رَافِعٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَسْلَفَ مِنْ رَجُلٍ بَكْرًا فَقَدِمَتْ عَلَيْهِ إِبِلٌ مِنَ الصَّدَقَةِ، فَأَمَرَ أَبَا رَافِعٍ أَنْ يَقْضِيَ الرَّجُلَ بَكْرَهُ، فَقَالَ: لاَ أَجِدُ إِلاَّ خَيَارًا رَبَاعِيًا. قَالَ: "أَعْطِهِ إِيَّاهُ، فَإِنَّ خِيَارَ النَّاسِ أَحْسَنُهُمْ قَضَاءً. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

81- Daripada Abu Rafi' (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah meminjam unta muda dari seorang lelaki, lalu unta zakat pun tiba kemudian baginda menyuruh Abu Rafi' memulangkan unta muda itu kepada lelaki berkenaan (bagi membayar hutangnya). Abu Rafi' berkata: "Saya tidak menjumpai selain daripada unta-unta pilihan yang berusia enam tahun menjelang masuk usia tujuh tahun." Mendengar itu, baginda bersabda: "Berikan kepadanya unta pilihan itu, sesungguhnya sebaik-baik manusia adalah orang yang paling baik dalam melangsaikan hutangnya." (Diriwayatkan oleh Muslim: 881).

Makna Hadith

Hadith ini memuatkan dua makna, iaitu:

Pertama, sebelum ini telah dibahas larangan menjual haiwan ternakan dengan haiwan ternak secara kredit, kemudian di dalam hadith yang diriwayatkan Abdullah bin 'Amr bin al-Ash, ketika Rasulullah (s.a.w) menyuruhnya untuk menyiapkan pasukan tentera dan kami pun telah menyebutkan perbezaan pendapat dalam masalah ini.

Kedua, disunatkan membayar hutang dengan melebihkannya dengan syarat tanpa sepengetahuan yang memberi pinjaman dan tidak dilakukan mengikut cara riba dengan mengemukakan syarat-syarat tertentu ketika hendak membayar hutangnya.

Analisis Lafaz

"اسْتَسْلَفَ", meminjam atau berhutang.

"بَكْرًا", dengan membaca *fathah* huruf *ba'*, sukun huruf *kaf* yakni unta jantan yang masih kecil. Lawannya *al-qallush* adalah unta betina yang masih kecil.

"يَقْضِيَ", membayar hutang dan melangsaikannya.

"خَيَارًا", unta-unta pilihan dan terbaik.

"رَبَاعِيًا", unta yang genap berusia nam tahun dan memasuki usia tujuh tahun. Untuk jantan digunakan istilah *ruba'* dan untuk betina digunakan istilah *ruba'iyah*.

"قَضَاءً", membayar atau melunasi.

Fiqh Hadith

1. Hadith ini mengharuskan pinjam meminjam (hutang piutang).
2. Boleh menghutangkan haiwan ternakan. Inilah pendapat jumhur ulama.
3. Boleh membayar hutang dengan melebihkannya apabila sebelumnya tidak ada ketentuan dari kedua pihak untuk berbuat demikian. Ini merupakan salah satu amalan mulia dan terpuji. Ia tidak termasuk amalan riba. Menurut Imam al-Syafi'i, boleh melebihkan pembayaran hutang terhadap jumlah atau sifatnya, sementara menurut Imam Malik boleh melebihkannya pada sifat sahaja. Apapun, zahir hadith ini menyokong pendapat Imam al-Syafi'i.
4. Orang yang berbuat baik ketika membayar hutangnya termasuk ke dalam golongan orang memiliki sifat terpuji.

٨٢- وَعَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "كُلُّ قَرْضٍ جَرَّ مَنْفَعَةً، فَهُوَ رِبًا". رَوَاهُ الْحَارِثُ بْنُ أَبِي أُسَامَةَ، وَإِسْنَادُهُ سَاقِطٌ.

82- Daripada Ali (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Setiap hutang yang menarik manfaat adalah riba." (Diriwayatkan oleh al-Harits bin Abu Usamah dan sanadnya dianggap tidak bernilai: 882).

٨٣- وَلَهُ شَاهِدٌ ضَعِيفٌ عَنْ فَضَالَةَ بْنِ عُبَيْدٍ عِنْدَ الْبَيْهَقِيِّ.

83- Menurut al-Baihaqi, hadith ini memiliki *syahid* daif yang menguatkannya daripada Fadhalah bin 'Ubaid (883).

٨٤- وَآخَرُ مَوْقُوفٌ عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ سَلاَّمٍ عِنْدَ الْبُخَارِيِّ.

84- Menurut riwaya al-Bukhari, ada hadith *mawquf* yang menguatkan hadith tersebut daripada Abdullah bin Sallam (884).

Makna Hadith

Hadith ini memperkenalkan jenis riba yang disebabkan oleh pinjaman, di mana kedua pihak bersepakat untuk menambah pembayaran hutang yang telah diambilnya.

Analisis Lafaz

"جَرَّ", menghasilkan dan mendapatkan.

"مَنْفَعَةً", manfaat harta dan lain sebagainya.

Al-Harits bin Abu Usamah, beliau adalah al-Harits bin Muhammad bin Abu Usamah al-Taimi, penulis al-Musnad. Beliau seorang hafiz, alim dalam bidang hadith dan memiliki sanad yang tinggi kerana beliau dikurniakan usia panjang selama sembilan puluh enam tahun. Beliau sering dipertikai kedudukannya sebagai periwayat hadith namun mereka tidak memiliki bukti yang kuat seperti mana yang dikatakan oleh al-Zahabi dalam kitab al-Mizan.

Al-Harits pernah mendengar hadith daripada Ali bin 'Ashim, Yazid bin Harun dan ramai lagi. Kebanyakan riwayatnya dikeluarkan oleh penulis kitab al-Hilyah.

"وَإِسْنَادُهُ سَاقِطٌ", sanadnya tidak bernilai kerana di dalamnya terdapat Siwar bin Mush'ab al-A'ma, seorang periwayat *matruk*. Selainnya ada pula periwayat yang lain yang masih dipertikai kedudukannya.

"عِنْدَ الْبَيْهَقِيِّ", menurut al-Baihaqi dalam kitab al-Sunan al-Kubra. Ia adalah hadith *mawquf*, bukannya hadith *marfu'* seperti mana yang diperkirakan oleh al-Hafiz Ibn Hajar. Lafaznya berbunyi seperti berikut:

كُلُّ قَرْضٍ جَرَّ مَنْفَعَةً فَهُوَ وَجْهٌ مِنْ وُجُوْهِ الرِّبَا.

"Setiap hutang yang berusaha menarik manfaat, maka ia merupakan salah satu bentuk daripada riba."

"عِنْدَ الْبُخَارِيِّ" menurut al-Bukhari dalam bab: keutamaan Abdullah bin Sallam, kitab: berpegang dengan al-Qur'an dan Sunnah. Lafaznya berbunyi sebagai berikut:

إِذَا كَانَ لَكَ عَلَى رَجُلٍ دَيْنٌ، فَأَهْدَى إِلَيْكَ حَبَّةً مِنْ عَلَفٍ أَوْ شَعِيْرٍ أَوْ حَبَّةً مِنْ تِيْنٍ، فَلاَ تَقْبَلْهُ فَإِنَّ ذَلِكَ مِنَ الرِّبَا.

"Jika kamu mempunyai hutang kepada orang lain, lalu dia menghadiahkan seikat rumput makanan haiwan, segenggam barli atau segenggam buah tin, maka kamu tidak boleh menerimanya, kerana itu termasuk riba."

Selain itu, hadith ini memiliki banyak *syahid* secara makna selain hadith yang disebutkan oleh al-Hafiz Ibn Hajar di sini. Ia antara lain dikeluarkan oleh al-Baihaqi dalam kitab al-Sunan al-Kubra dan Ibn Hajar ada menyinggungnya di dalam kitab al-Talkhish yang kesemua itu menguatkan hadith ini secara makna.

Fiqh Hadith

Haram menambah pembayaran hutang ketika hendak melangsaikannya. Ini berbeza dengan bunyi hadith sebelum ini, tetapi hukum haram dalam hadith ini dapat ditafsirkan jika tambahan dilakukan lantaran ada ketentuan sebelummnya dan ini berbeza jika tambahan itu dilakukan sebagai hadiah daripada orang yang memberi pinjaman.

Soalan dalam bab ini akan dimuatkan dalam akhir bab perdamaian.

BAB *MUFLIS* DAN SEKATAN

Muflis di dalam bahasa Arab adalah *taflis* adalah *mashdar*, sedangkan kata kerjanya adalah "أفلس فهو مفلس" yang bermaksud keadaan seseorang yang tidak mempunya wang sama sekali walaupun satu sen.

Menurut secara syari't, muflis adalah seseorang yang beban hutangnya melebihi harta yang dimilikinya. Dinamakan muflis kerana seseorang terhalang daripada memutar wangnya kecuali ke atas barang-barang yang dianggap remeh temeh atau seseorang itu menjadi bankrap setelah sebelumnya seorang yang hartawan.

Sekatan adalah halangan dan kesempitan.

Menurut syari'at, sekatan pula adalah perkataan hakim kepada seseorang: "Aku menyekat kamu daripada mengelola hartamu dan oleh kerananya, kamu tidak boleh menggunakannya."

٨٥- عَنْ أَبِي بَكْرِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "مَنْ أَدْرَكَ مَالَهُ بِعَيْنِهِ عِنْدَ رَجُلٍ قَدْ أَفْلَسَ، فَهُوَ أَحَقُّ بِهِ مِنْ غَيْرِهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

85- Daripada Abu Bakar bin 'Abdurrahman daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Kami pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa yang menemukan harta miliknya masih utuh di tangan orang muflis, maka dia lebih berhak ke atas harta itu berbanding orang lain." (Muttafaq 'alaih: 885)

٨٦- وَرَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَمَالِكٌ: مِنْ رِوَايَةِ أَبِي بَكْرِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ مُرْسَلاً بِلَفْظِ: "أَيُّمَا رَجُلٌ بَاعَ مَتَاعًا فَأَفْلَسَ الَّذِي ابْتَاعَهُ، وَلَمْ يَقْبِضِ الَّذِي بَاعَهُ مِنْ ثَمَنِهِ شَيْئًا،

فَوَجَدَ مَتَاعَهُ بِعَيْنِهِ، فَهُوَ أَحَقُّ بِهِ، وَإِنْ مَاتَ الْمُشْتَرِي فَصَاحِبُ الْمَتَاعِ أُسْوَةُ الْغُرَمَاءِ". وَوَصَلَهُ الْبَيْهَقِيُّ، وَضَعَّفَهُ تَبَعًا لِأَبِي دَاوُدَ.

86- Abu Dawud dan Malik meriwayatkat hadith tersebut secara *mursal* daripada Abu Bakar bin 'Abdurrahman dengan lafaz: "Setiap seseorang yang telah menjual barang, lalu pembelinya bankrap dan tidak dapat membayar harganya sama sekali lalu penjual menjumpai barangnya itu masih utuh, maka dia lebih berhak ke atas barang itu, namun jika pembeli itu meninggal dunia, maka barang miliki orang yang mempunyai barang hendaklah dibahagikan dengan orang yang mempunyai hutang." (Hadith ini dinilai mawsul dan daif oleh al-Baihaqi kerana mengikut langkah Abu Dawud).

٨٧- وَرَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَابْنُ مَاجَه: مِنْ رِوَايَةِ عُمَرَ بْنِ خَلْدَةَ قَالَ: أَتَيْنَا أَبَا هُرَيْرَةَ فِي صَاحِبٍ لَنَا قَدْ أَفْلَسَ، فَقَالَ: لَأَقْضِيَنَّ فِيكُمْ بِقَضَاءِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ أَفْلَسَ أَوْ مَاتَ فَوَجَدَ رَجُلٌ مَتَاعَهُ بِعَيْنِهِ فَهُوَ أَحَقُّ بِهِ". وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ وَضَعَّفَهُ أَبُوْ دَاوُدَ، وَضَعَّفَ أَبُو دَاوُدَ هَذِهِ الزِّيَادَةَ فِي ذِكْرِ الْمَوْتِ.

87- Hadith itu turut diriwayatkan oleh Abu Dawud dan Ibn Majah daripada riwayat Umar bin Khaldah, beliau berkata: "Kami datang kepada Abu Hurairah menanyakan tentang teman kami yang telah bankrap lalu beliau berkata: "Saya akan menerangkan hukum kepadamu seperti mana hukum yang pernah diputuskan oleh Rasulullah (s.a.w): "Barang siapa bankrap atau meninggal dunia lalu seseorang menjumpai barang miliknya masih utuh, maka dia lebih berhak ke atas barang tersebut." (Hadith dinilai sahih oleh al-Hakim, namun Abu Dawud menilai tambahan ini sebagai daif ketika menceritakan tentang kematian)

Makna Hadith

Hadith ini memberikan jalan keluar bagi orang yang mempunyai hutang, kemudian orang yang berhutang itu bankrap, di mana dia tidak mampu lagi membayar hutangnya. Hadith ini menjelaskan bahawa penjual lebih berhak ke atas barangnya sendiri yang berada di tangan pembeli yang bankrap daripada orang lain selagi harga barang itu belum diterimanya, berbeza jika pembeli meninggal dunia sedangkan dia belum membayar harga barang tersebut, maka hak penjual dalam masalah ini sama dengan hak seluruh orang yang memberi pinjaman hutang.

Analisis Lafaz

"بِعَيْنِهِ", selama bentuk dan sifat barang itu belum berubah. Lafaz hadith yang diriwayatkan Muslim berbunyi: "ولم يفرقه".

"أُسْوَةُ الْغُرَمَاءِ", *uswah* adalah contoh dan panutan sedangkan *al-ghurama'* orang orang yang berhutang. Maksudnya haknya sama seperti orang yang berhutang, kerana dia tidak memiliki keistimewaan dalam masalah ini.

"وَضَعَّفَهُ تَبَعًا لِأَبِي دَاوُدَ", yakni al-Baihaqi menilai daif hadith *mawsul* ini kerana mengikuti langkah Abu Dawud yang berkata: "Hadith Malik –*mursal*- lebih benar." Beliau membenarkan kedudukan hadith ini sebagai *mursal*. Hal senada turut diungkapkan oleh al-Daruquthni. Tetapi al-Bukhari dan Muslim cenderung membenarkan hadith ini *mawshul* dan tidak ada alasan lagi untuk tidak menerima penilaian al-Bukhari. Sebuah hadith jika sudah di dalam al-Sahihain maka itu tidak perlu dipertikai lagi.[15]

"بِقَضَاءِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ", Abu Hurairah tidak bermaksud bahawa dirinya benar-benar sama memutuskan hukum seperti mana yang telah dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w), sebaliknya beliau memutuskan hukum dalam kes yang serupa dengannya.

"وَضَعَّفَهُ أَبُوْ دَاوُدَ",al-Shan'ani berkata: "Saya telah merujuk Sunan Abu Dawud, tetapi saya tidak mendapati beliau menilai hadith ini daif."

Bagi pensyarah, Abu Dawud sememangnya mengemukakan komentar setelah menyebutkan hadith ini namun dalam kebanyakan naskah ia tidak dijumpai, iaitu perkataannya: "Abu Dawud berkata: 'Abu al-Mu'tamir seorang yang kami tidak mengenalinya dan tidak seorang yang mengambil hadith daripadanya'." Pengarang kitab 'Awn al-Ma'bud mengatakan bahawa kebanyakan naskah tidak memuatkan komentar ini. Saya menjumpai komentar ini dalam naskah al-Munziri lalu beliau memuatkannya di dalam kitab al-Mukhtashar. Demikian pula al-Zahabi menukilnya di dalam kitab al-Mizan.

Al-Hafiz Ibn Hajar dalam kitab al-Taqrib berkata: "Abu al-Mu'tamir seorang periwayat yang majhul." Menurut al-Zahabi, dia seorang yang tidak dikenali. Apapun, Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari ketika memberikan ulasan ke atas hadith ini berkata: "Ia adalah hadith ini hasan yang boleh dijadikan sebagai hujah." Sungguh pernyataan yang pelik!

Apapun, kenyataan ini dibuat oleh Ibn Hajar setelah menukil perkataan Imam al-Syafi'i. Ada kemungkinan ia adalah perkataan Imam al-Syafi'i, bukan perkataan Ibn Hajar.

---

[15] Hadith ini dimuatkan di dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim. Jika al-Bukhari dan Muslim telah bersepakat menyatakan suatu hadith itu sahih, maka wajib menerima penilaian sahih itu. Setiap hadith yang dinyatakan sahih oleh keduanya pasti diterima oleh ulama Islam.

"وَضَعَّفَ أَبُو دَاوُدَ هَذِهِ الزِّيَادَةَ فِي ذِكْرِ الْمَوْتِ", yakni yang diiringi dengan kebankrapan, di mana hukum keduanya adalah sama.

Apapun, lafaz ini dinilai hasan oleh al-Hafiz Ibn Hajar dan berkata: "Ia merupakan tamabahan daripada seorang yang thiqoh."

Fiqu Hadith

1. Boleh berhutang dalam jual beli.
2. Jika penjual menjumpai barangnya di sisi pembeli yang bankrap, maka dia lebih berhak ke atas barang miliknya itu berbanding orang lain kerana pinjaman sama seperti jual menurut Imam al-Syafi'i. Dalilnya menurut beliau adalah: "Barang siapa yang menjumpai hartanya" di mana lafaz hadith ini meliputi jual beli sekali gus pinjaman. Imam al-Syafi'i menjawab lafaz hadith berkut: "Barang siapa yang menjual…." sebagai sekadar satu kebiasaan dan kalimat ini tidak dapat mengkhususkan kalimat umum yang terdapat dalam lafaz hadith sebelumnya. Inilah pendapat menurut jumhur ulama, tetapi dalam masalah ini ulama mazhab Hanafi berbeza pendapat dan mereka menolak berdalil dengan hadith-hadith sahih. Bagi mereka, ia adalah *khabar wahid* yang bercanggah kaedah usul fiqh.
3. Hak penarikan semula barang itu sabit apabila ia masih utuh, kerana dalam hadith di atas disebutkan perkatan "بعينه". Jika sifat atau pun keutuhan barang itu bertambah atau berkurang, maka pembeli tidak lagi berhak ke atas barang itu menurut Imam al-Syafi'i, sebaliknya ia menjadi milik bersama dengan orang lain yang sama-sama memberikan pinjaman. Ini adalah pendapat seluruh ulama fiqh. Akan tetapi Imam al-Syafi'i berpendapat lain dan ini merupakan pendapat yang kuat di dalam mazhabnya, di mana menurutnya penjual tetap berhak untuk mengambil barang miliknya itu, walaupun sudah ada perubahan dan barang itu apabila ada penambahan, harga tambahan itu mestilah diserahkan kepada orang yang bankrap berkenaan.
4. Penarikan barang disyaratkan bahawa penjual belum pernah sama sekali menerima harga barang tersebut, sebagaimana yang telah disebutkan dalam hadith kedua. Inilah pendapat jumhur ulama, sementara Imam al-Syafi'i berpendapat lain, di mana hak penarikan tetap menjadi milik penjual dan dia tidak sama seperti orang lain yang sama-sama memberikan pinjaman kepada orang yang bankrap itu, meskipun sebelum ini pernah menerima sebahagian harga barang itu. Ini kerana menurut Imam al-Syafi'i, riwayat yang menyatakan adanya syarat bahawa penjual mesti belum pernah sama sekali menerima bayaran adalah riwayat *mursal* dan oleh kerananya, ia tidak boleh dijadikan hujah.

5. Kematian sama seperti keadaan orang yang bankrap seperti mana yang ditegaskan oleh hadith ketiga yang dinilai daif oleh sekumpulan ulama namun dan dinilah hasan oleh Ibn Hajar atau Imam al-Syafi'i. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dan Umam Ahmad dalam satu riwayat. Namun Imam Malik membezakan antara kematian dengan bankrap dan demikian pula Imam Ahmad dalam riwayat yang lain. Manakala mazhab Hanafi pula tidak menjadikan hadith ini sebagai landasan sama ada berkaitan dengan kematian atau kebankrapan.

٨٨- وَعَنْ عَمْرِو بْنِ الشَّرِيدِ عَنْ أَبِيهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَيُّ الْوَاجِدِ يُحِلُّ عِرْضَهُ وَعُقُوبَتَهُ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ، وَعَلَّقَهُ الْبُخَارِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

88- Daripada 'Amr bin al-Syarid daripada ayahnya, beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Penangguhan pembayaran hutang yang dilakukan oleh orang yang berkemampuan untuk membayarnya menjadikan kehormatannya tidak lagi layak dihormati dan halal pula diseksa (dipenjarakan)." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i. Al-Bukhari menilainya sebagai mu'allaq dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 888).

Makna Hadith

Islam amat menggalakan supaya bersegera membayar hutang, menunaikan amanah dan kewajipan seperti mana disebutkan dalam banyak nash. Ini diharapkan setiap muslim sedar untuk tidak menyalahi apa yang diperintahkan ini.

Hadith ini bertujuan memberi petunjuk kepada suatu kaum yang tidak mahu ambil peduli perintah ini dan mereka sentiasa dibuai oleh kesesatan. Ia menghalalkan kehormatan orang yang lalai membayar hutang meskipun sebenarnya mereka mampu membayarnya dan menjatuhkan hukuman yang wajar yang mendorongnya mahu melangsaikan hutangnya itu.

Analisis Lafaz

"لَيُّ", dengan membaca *fathah* huruf *lam* dan *tasydid* huruf *ya'*. Ia adalah masdar kepada kata kerja: "لوى يلوي". Ia bermaksud melambatkan dan melengahkan pembayaran hutang tanpa wujud uzur.

"الْوَاجِدِ", adalah *fa'il* daripada "وجد" yang bermaksud orang yang mempunyai kekayaan dan mampu membayar hutangnya, kerana asal makna *al-wujid* adalah mampu atau sanggup.

"يُحِلُّ", dengan membaca *dhammah* huruf *mudhara'ah* kerana pada dasarnya harta orang muslim dan menyeksanya adalah diharamkan dan ia tidak boleh diambil melainkan ada sebab yang dibolehkan oleh syari'at seperti menangguhkan pembayaran hutang bagi orang yang berkemampuan.

"عِرْضَهُ", dengan membaca *kasrah* huruf *'ain* dan *sukun* huruf *ra'* serta *fatah* huruf *dhad*, iaitu tempat pujian dan hinaan bagi seseorang, sama ada dirinya atau keturunannya.

Tafsiran perkataan "kehormatan" ini di sini adalah orang yang enggan membayar hutang itu layak dimaki dan disifatkan sebagai orang jahat. Tafsiran ini menurut Ibn al-Atsir. Menurut Ibn al-Mubarak sebagaimana yang disebut oleh Abu Dawud setelah menyebut hadith ini, tafsiran "kehormatan" di sini adalah orang itu layak disebut dengan kata-kata yang tidak layak baginya kerana lalai untuk membayar hutangnya.

Sufyan pula mentafsirkan "kehormatan" dengan perkataan: "Anda sungguh lengah untuk membayar hutang saya itu." Tafsiran ini dikeluarkan oleh al-Baihaqi. Ada pula yang mentafsirkannya bahawa orang yang lengah membayar hutang itu berhak untuk disakiti dengan kata-kata yang boleh menyakiti dirinya. Menurut Waki' pula, orang yang lengah membayar hutang itu halal untuk diadukan kepada orang lain tentang sikap buruknya itu.

"وَعُقُوبَتَهُ", menurut Waki' dan Sufyan, kalimat ini bermaksud menahannya. Hal yang serupa dikemukakan oleh Ibn al-Mubarak dan Zaid bin Ali.

Fiqh Hadith

1. Melengahkan pembayaran hutang bagi orang yang berkemampuan untuk membayarnya merupakan perbuatan zalim.
2. Dibolehkan bercakap kasar kepada orang yang enggan membayar hutang padahal dia mampu membayarnya.
3. Hakim dibolehkan memenjarakan orang yang enggan membayar hutangnya. Al-Khatthabi berkata: "Jika seseorang itu mempunyai harta yang dia sembunyikan, maka hakim boleh memenjarakannya hingga orang itu mahu mengeluarkan hartanya. Jika dia mengaku hartanya hilang, maka pengakuannya itu tidak boleh diterima sehinggalah mendatangkan saksi bagi memastikan dakwaannya itu benar. Tujuan pengurungan adalah untuk melihat keadaannya yang sebenar. Jika sudah dapat diketahui keadaannya yang sebenar, maka dia boleh dibebaskan." Jumhur ulama membolehkan sekatan ke atas orang yang enggan membayar hutang padahal dia berkemampuan dan kemudian menjual hartanya untuk melangsaikan hutangnya.

4. Orang yang kesusahan membayar hutang tidak boleh dipenjarakan. Ini dapat difahami menerusi *mafhum mukhalafah* hadith ini dan firman Allah:

   وَإِن كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ۚ وَأَن تَصَدَّقُوا۟ خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٨٠﴾

   "*Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak).*" (Surah al-Baqarah: 280) Inilah pendapat ini jumhur ulama; Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama. Sementara Syuraih dan ulama mazhab Hanafi, orang yang tidak mampu membayar hutangnya meskipun hidup dalam kesusahan boleh dipenjarakan.

Penting

Ulama berbeza pendapat tentang orang yang berkemampuan namun enggan membayar hutang, apakah dia termasuk orang fasik dan kesaksiannya langsung ditolak sebaik melakukan perbuatannya zalimnya itu meskipun hanya sekali?

Menurut mazhab Maliki dan mazhab Syafi'i, dia dianggap fasik jika jumlah hutangnya itu mencapai sepuluh dirham, yakni seharga satu ekor kambing atau lebih. Namun mereka masih berbeza pendapat sama ada sekali melakukan perbuatan zalim sudah dianggap fasik atau sebaliknya. Apapun, mazhab Syafi'i mensyaratkan perbuatan keji ini dilakukan secara berulang. Pendapat lain mengatakan bahawa orang itu tidak dianggap fasik lantaran melakukan perbuatan keji itu.

Periwayat Hadith

Amr bin al-Syarid adalah Abu al-Walid al-Tha'ifi. Beliau meriwayatkan hadith daripada ayahnya, Sa'ad bin Abu Waqqash, Ibn Abbas dan ramai lagi.

Antara ulama yang mengambil hadith daripadanya adalah 'Amr bin Syu'aib, Ibrahim bin Maisarah dan sekumpulan ulama. Mereka pula menilainya sebagai thiqoh.

Al-Syarid adalah ayahnya yang merupakan anak Suwaid al-Tsaqafi. Beliau pernah dibonceng Rasulullah (s.a.w) sambil mendendangkan sya'ir Umayyah bin Abu al-Shalt, sebagaimana yang diceritakan oleh Ibn Sa'ad. Ramai ulama yang mengambil hadith daripadanya.

٨٩- وَعَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أُصِيبَ رَجُلٌ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي ثِمَارٍ ابْتَاعَهَا، فَكَثُرَ دَيْنُهُ فَأَفْلَسَ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "تَصَدَّقُوا عَلَيْهِ"، فَتَصَدَّقَ النَّاسُ عَلَيْهِ، وَلَمْ يَبْلُغْ ذَلِكَ وَفَاءَ دَيْنِهِ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِغُرَمَائِهِ: "خُذُوا مَا وَجَدْتُمْ، وَلَيْسَ لَكُمْ إِلاَّ ذَلِكَ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

89- Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: "Seorang lelaki yang mengalami kerugian besar pada zaman Rasulullah (s.a.w) lantaran jual beli buah-buahan yang telah dilakukannya hingga menyebabkan hutangnya bertimbun dan akhirnya bankrap. Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Berilah orang ini sedekah." Ramai orang yang memberinya sedekah, namun hasil sedekah itu masih belum memadai untuk melunasi hutangnya. Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada orang yang memberi pinjaman hutang kepadanya: "Ambil apa-apa yang ada padanya dan hanya itulah yang kamu boleh miliki." (Diriwayatkan oleh Muslim: 889).

Makna Hadith

Hadith ini menghuraikan bagaimana cara bertindak ke atas harta orang bankrap untuk membayar hutangnya yang melebihi jumlah harta yang ada padanya. Harta yang ada padanya hendaklah dibahagikan mengikut kadar hutang orang yang telah memberi pinjaman kepadanya setelah mengalu-alukan orang ramai supaya bersedakah kepada si muflis itu bagi meringankan bebanannya.

Analisis Lafaz

"أُصِيبَ رَجُلٌ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي ثِمَارٍ ابْتَاعَهَا", pada zahirnya kebun atau tanaman orang ini diserang hama, bukan kerana rugi dalam berjual beli. Oleh itu, Muslim menyebut hadith ini dalam bab disunatkan membebaskan hutang setelah menyebut bab serangan hama yang boleh merosakkan tanaman. Ini turut ditegaskan oleh al-Nawawi.

"فَكَثُرَ دَيْنُهُ", hutangnya pun bertimbun hinnga melebihi harta yang ada padanya, kerana kalimat ini kemudian diikuti oleh perkataan "فأفلس".

"تَصَدَّقُوا", perintah bersedakah di sini tidak wajib, sebaliknya ia berupa anjuran dan galakan.

"لِغُرَمَائِهِ", bagi orang yang memberi pinjaman hutang ke atasnya.

Fiqh Hadith

1. Dibolehkan menyuruh dan mendesak orang lain supaya bersedekah.
2. Disunatkan membantu orang bankrap dan orang yang memiliki keperluan mendesak.
3. Harta orang bankrap dibahagikan kepada orang yang menghutanginya sesuai dengan jumlah hutang mereka.
4. Jika hartanya telah habis dibahagikan sementara masih ada sisa hutang yang belum dibayar, maka hutang itu dianggap sudah gugur sebagaimana yang ditegaskan oleh zahir hadith di atas. Pendapat lain mengatakan bahawa makna hadith "dan hanya itulah yang kamu boleh miliki" adalah itu sekarang yang boleh kamu memilikinya, sementara bakinya boleh dituntut ketika ekonomi orang yang berhutang itu sudah mula bangkit. Al-Nawawi berkata: "Ada kemungkinan buah-buahan itu rosak setelah tiba waktu tuaian, namun penjual lalai menuainya dan inilah risiko yang mesti dia tanggung." Pendapat lain mengatakan bahawa perintah di hadith ini adalah bersifat anjuran, bukan kewajipan.

٩٠- وَعَنِ ابْنِ كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَجَرَ عَلَى مُعَاذٍ مَالَهُ، وَبَاعَهُ فِي دَيْنٍ كَانَ عَلَيْهِ. رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ، وَأَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ مُرْسَلاً، وَرَجَّحَ إِرْسَالَهُ.

90- Daripada Ibn Ka'ab bin Malik daripada ayahnya bahawa Rasulullah (sa. w) pernah melakukan sekatan ke atas harta Mu'adz dan menjualnya untuk melunasi hutangnya. (Diriwayatkan oleh al-Daruqthni, dinilai sahih oleh al-Hakim dan Abu Dawud mengeluarkannya sebagai *mursal* sekali gus meyakininya sebagai *mursal*: 890).

Makna Hadith

Hadith ini mengharuskan untuk melakukan sekatan ke atas orang yang dibebani hutang apabila sudah bankrap dan dia dilarang daripada mengurus hartanya sendiri. Hakim bertugas menjual harta milik orang yang dililit hutang itu hingga dia dapat melunasi hutangnya.

Sebab Mu'adz dililit hutang telah pun dijelaskan oleh al-Hakim dalam kitabnya al-Mustadrak bahawa Mu'adz seorang pemuda penyabar, bertolak ansur dan dermawan. Beliau pemuda harapan masyarakatnya kerana seorang yang dermawan. Oleh kerana kedermawanannya itu, beliau terus

berhutang hinggalah dirinya dililit hutang.

Analisis Lafaz

"حَجَرَ", secara bahasa adalah mempersempit sementara secara syari'at pula melarang pemilik harta untuk membelanjakan hartanya, baik untuk menjual, menghibahkannya atau lain sebagainya.

Mu'adz bin Jabal, salah seorang sahabat masyhur dan peristiwa ini terjadi pada tahun kesembilan Hijrah.

"وَرَجَّحَ إِرْسَالَهُ", Abu Dawud meyakini hadith ini *mursal*. Demikian pula yang dilakukan oleh Abdul Haq al-Hafiz. Manakala sekumpulan ulama yang lain cenderung mengatakan hadith ini *mawshul* seperti al-Hakim. Apapun, mengikut pendapat yang sahih, riwayat yang *mawshul* meskipun sanadnya sahih tetapi ia menjadi *ma'lul* (cacat) lantaran ulama terkemuka dalam hadith ini telah meyakininya *mursal* seperti Abdurrazzaq, Ibn al-Mubarak di mana kedua-duanya telah meriwayatkannya daripada al-Zuhri daripada Ibn Ka'ab bin Malik secara *mursal*.

Fiqh Hadith

Hakim berhak menyekat harta milik orang yang berhutang untuk tidak mengelolanya dan menjualnya untuk membayar hutang-hutangnya menurut pendapat jumhur ulama; Imam Malik, Imam al-Syafi'i, Abu Yusuf dan Muhammad, tetapi mereka mensyaratkan sekatan itu berdasarkan tuntutan orang yang memberi pinjaman kepadanya.

Dalam riwayat lain menurut Imam al-Syafi'i, orang yang berhutang boleh disekat meskipun tidak ada tuntutan oleh orang yang memberi hutang kepadanya.

Menurut Imam Abu Hanifah, orang yang berhutang tidak boleh disekat dan tidak boleh pula hartanya dijual, sebaliknya dia hanya boleh ditahan.

Penting

Zahir hadith ini menegaskan bahawa hutang telah menghabiskan seluruh harta yang dimiliki Mu'adz. Jadi adakah disamakan dengan kes Mu'adz jika hutang seseorang itu tidak sampai menghabiskan seluruh harta miliknya? Menurut Imam al-Syafi'i dan jumhur ulama, dia boleh disamakan dengan kes Mu'adz.

Penting

Tindakan orang muflis ke atas harta miliknya dianggap tidak sah meskipun tidak ada sekatan ke atasnya. Inilah pendapat al-Hasan dan Malik. menurut al-Syafi'i, tindakan orang yang berhutang tetap dinyatakan sah selagi tidak ada sekatan ke atasnya oleh hakim.

Penting

Imam al-Syafi'i berpendapat untuk mengharuskan sekatan ke atas orang baligh yang kurang sihat akalnya. Pendapat ini dinukil daripada Abdullah bin Ja'far, Ali bin Abu Thalib, Usman bin 'Affan dan al-Zubair bin al-'Awwam.

Menurut Imam Abu Hanifah pula, jika seseorang yang telah berusia dua puluh lima tahun wajib diserahkan harta kepadanya, meskipun belum mampu mengelolanya.

٩١- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: عُرِضْتُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ أُحُدٍ، وَأَنَا ابْنُ أَرْبَعَ عَشْرَةَ سَنَةً، فَلَمْ يُجِزْنِي، وَعُرِضْتُ عَلَيْهِ يَوْمَ الْخَنْدَقِ، وَأَنَا ابْنُ خَمْسَ عَشْرَةَ سَنَةً، فَأَجَازَنِي. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِلْبَيْهَقِيِّ: "فَلَمْ يُجِزْنِي، وَلَمْ يَرَنِي بَلَغْتُ". وَصَحَّحَهَا ابْنُ خُزَيْمَةَ.

91- Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Ketika berusia empat belas tahun, saya menawarkan diri kepada Rasulullah (s.a.w) untuk turut serta dalam Perang Uhud, namun baginda tidak memberi izin kepadaku. Ketika Perang al-Khandaq saya sudah berusia lima belas tahun dan baginda memberi izin kepadaku untuk menyertainya." (Muttafaq alaih).

Dalam riwayat al-Baihaqi disebutkan: "Baginda tidak mengizinkanku (untuk menyertai Perang Uhud) kerana menganggap diriku belum lagi mencapai usia baligh." (Hadith ini dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah: 891).

Makna Hadith

Ketika hadith ini menyatakan bahawa kanak-kanak tidak dibolehkan melakukan transaksi, sementara transaksi yang dilakukan oleh orang dewasa dibolehkan, maka di sini mesti ada ketentuan yang membatasi antara umur kanak-kanak dengan orang dewasa. Inilah yang disebut dengan usia baligh. Hadith ini menegaskan bahawa batasan seseorang itu dewasa adalah ketika dia berusia lima belas tahun.

Ini difahami oleh Ibn Umar ketika Rasulullah (s.a.w) tidak membenarkan dirinya untuk turut serta dalam berperang sebelum berusia lima belas tahun dan baginda menerimanya menjadi salah seorang anggota tentera perang setelah usia itu.

Analisis Lafaz

"عُرِضْتُ", turut serta dalam pasukan perang dan memeriksa perbarisan mereka sebelum berangkat berperang bagi mengenal pasti kekuatan, kedisiplinan dan kesediaan mereka.

Kalimat ini *mabni li al-majhul* dan orang yang mengarak tentera ini adalah Rasulullah (s.a.w) seperti mana yang ditegaskan dalam riwayat al-Bukhari dan Muslim.

"فَلَمْ يُجِزْنِي", baginda tidak mengizinkanku untuk turut serta berperang. Dalam riwayat Ibn Khuzaimah disebutkan alasannya tidak diikutsertakan dalam pasukan perang adalah kerana baginda tahu kalau aku belum lagi berusia baligh.

"بَلَغْتُ", yakni berusia dewasa yang mencapai usia di mana hukum taklif dibebankan dan mampu bertanggung jawab ke atas dirinya sendiri.

Fiqh Hadith

1. Disunatkan menawarkan diri untuk turut serta menjadi anggota pasukan tentera kepada penglima sebelum berangkat berperang.
2. Kanak-kanak disunatkan melaporkan dirinya kepada panglima dengan harapan dirinya dimasukkan ke dalam perbarisan mujahidin dan tidak salah sekiranya dia melakukan ini secara berulang selagi dia sudah merasa memiliki kemampuan.
3. Jarak waktu antara Perang Uhud dengan Perang al-Khandaq selama satu tahun. Pakar sejarah menetapkan bahawa Perang Uhud terjadi pada tahun ketiga Hijriah. Dengan ini, maka Perang al-Khandaq terjadi pada tahun keempat Hijriah. Jumhur ulama berpendapat bahawa Perang al-Khandaq terjadi pada tahun kelima Hijriah dan mereka menjawab ke atas hadith ini bahawa perkataan Ibn 'Umar: "sedangkan saya masih berusia empat belas tahun" yakni sudah memasuki usia itu dan perkataannya: "pada waktu Perang al-Khandaq, saya berusia lima belas tahun" yakni sudah melewati usia itu.
4. Batasan usia baligh bagi lelaki adalah umur lima belas tahun. Inilah pedapat Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad, Ibn Wahb dan jumhur ulama. Jadi, jika seorang lelaki sudah berusia lima belas tahun, maka dia sudah dianggap baligh. Menurut sebahagian besar ulama mazhab Maliki, batasan usia baligh bagi lelaki adalah ketika berusia tujuh

belas atau lapan belas tahun. Menurut Imam Abu Hanifah, usia baligh bagi lelaki adalah sembilan belas atau lapan belas tahun dan tujuh belas tahun bagi perempuan.

٩٢- وَعَنْ عَطِيَّةَ الْقُرَظِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: عُرِضْنَا عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ قُرَيْظَةَ، فَكَانَ مَنْ أَنْبَتَ قُتِلَ، وَمَنْ لَمْ يُنْبِتْ خُلِّيَ سَبِيلُهُ، فَكُنْتُ فِيمَنْ لَمْ يُنْبِتْ فَخُلِّيَ سَبِيلِي. رَوَاهُ الْخَمْسَةُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ، وَالْحَاكِمُ وَقَالَ: عَلَى شَرْطِ الشَّيْخَيْنِ.

92- Daripada 'Athiyyah al-Quradzi, beliau berkata: "Kami dihadapkan kepada Rasulullah (s.a.w) pada waktu Perang Bani Quraidzah, sesiapa yang sudah tumbuh bulu ari-arinya maka dia dibunuh dan sesiapa yang belum tumbuh bulu ari-arinya maka dia dibebaskan. Aku termasuk salah seorang yang belum tumbuh bulu ari-arinya, lalu aku pun dibebaskan." (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah, dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim, beliau berkata: "Hadith ini mengikut syarat al-Bukhari dan Muslim: 892).

Makna Hadith

Hadith turut menyebutkan batasan usia baligh, tetapi di sini disebutkan bahawa ukuran baligh ditetapkan dengan tumbuhnya bulu ari-ari atau ketika bulu di wajahnya sama ada misai atau janggut sudah tumbuh, di mana Rasulullah (s.a.w) telah menjadikannya sebagai batasan mana tawanan perang yang layak dibunuh atau mereka yang mesti dibebaskan kerana dianggap masih kanak-kanak. Hadith ini turut melarang untuk membunuh kanak-kanak dan mereka wajib dibebaskan ketika dalam peperangan.

Analisis Lafaz

"عُرِضْنَا", 'Athiyyah al-Quradzi bersama sekumpulan kaumnya dari kalangan Bani Quraidzah dihadapkan kepada Rasulullah (s.a.w) untuk diperiksa sama ada patut dibunuh atau sebaliknya setelah mereka menjadi tawanan tentara kaum muslimin.

"يَوْمَ قُرَيْظَةَ", pendapat yang paling kuat mengatakan peristiwa ini terjadi pada tahun kelima Hijriah setelah Perang al-Khandaq. Bani Quraidzah merupakan salah satu puak Yahudi yang melanggar perjanjian damai bersama Rasulullah (s.a.w) bahkan mereka menghulurkan bantuan kepada orang kafir Quraisy untuk memerangi baginda sewaktu Perang al-Ahzab. Setelah perang ini berakhir, Rasulullah (s.a.w) langsung mendatangi mereka dan menyerangnya.

"أَنْبَتَ", bulu ari-arinya tumbuh sebagaimana yang disebutkan secara tegas dalam satu riwayat. Pendapat lain mengatakan bahawa maksudnya rambut yang ada pada wajahnya sudah tumbuh dan pendapat ini dikuatkan lagi oleh sabda Rasulullah (s.a.w):

اقْتُلُوْا مَنْ مَرَّتْ عَلَى لِحْيَتِهِ الْمُوْسَى.

"Bunuhlah setiap lelaki yang janggutnya sudah boleh dicukur dengan pisau cukur."

"خُلِّيَ سَبِيلُهُ", dibiarkan dan dibebaskan untuk tetap hidup.

Fiqh Hadith

Batasan usia baligh bagi lelaki adalah tumbuhnya bulu ari-ari atau bulu pada wajahnya menurut Imam Ahmad dan Ishaq jika umur kanak-kanak itu tidak diketahui dan belum pernah bermimpi basah. Jika umurnya telah sampai lima belas tahun atau pernah bermimpi basah, maka dia sudah dikira baligh meskipun bulu ari-ari atau bulu di wajahnya belum tumbuh.

Periwayat Hadith

'Athiyyah al-Quradzi, gelaran ini dinisbahkan kepada Bani Quraidzah dan beliau hanya meriwayatkan hadith ini. Nama ayahnya pula tidak diketahui.

Abdul Malik bin 'Umair, Katsir bin al-Sa'ib dan masyarakat Kufah pernah mengambil hadith daripada 'Athiyyah al-Quradzi.

٩٣- وَعَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لاَ يَجُوزُ لِامْرَأَةٍ عَطِيَّةٌ إِلاَّ بِإِذْنِ زَوْجِهَا".

وَفِي لَفْظٍ: "لاَ يَجُوزُ لِلْمَرْأَةِ أَمْرٌ فِي مَالِهَا، إِذَا مَلَكَ زَوْجُهَا عِصْمَتَهَا". رَوَاهُ أَحْمَدُ، وَأَصْحَابُ السُّنَنِ إِلاَّ التِّرْمِذِيَّ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

93- Daripada Amar bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Seorang wanita tidak dibolehkan memberikan sesuatu kecuali dengan kebenaran suaminya." (893).

Dalam lafaz hadith yang lain disebutkan: "Seorang wanita yang sudah bersuami tidak diperkenankan mengatur hartanya." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Ash-hab al-Sunan kecuali al-Tirimizi, dinilai sahih oleh al-Hakim)

Makna Hadith

Setelah hadith sebelum ini membincangkan hukum bagi lelaki dewasa, bila pula kanak-kanak dikategorikan sebagai dewasa dan dibolehkan mengelola hartanya, Ibn Hajar di sini menyebutkan satu hadith yang menjelaskan apa-apa yang boleh dilakukan oleh seorang isteri terhadap hartanya. Islam melarang seorang isteri untuk membelanjakan hartanya melainkan setelah mendapat kebenaran suaminya.

Analisis Lafaz

"عَطِيَّةٌ", pemberian berupa sedekah dan lain-lain sebagainya. Dengan erti kata lain, seorang isteri tidak boleh memberikan suatu pemberian.

"فِي مَالِهَا", harta yang dia miliki. Ada yang mengatakan harta harta suami yang dia pegang dan harta ini disandarkan kepadanya kerana dia dibolehkan membelanjakan harta itu.

"مَلَكَ زَوْجُهَا عِصْمَتَهَا", yakni perempuan yang sudah dilakukan akad nikah ke atasnya walaupun belum disetubuhi.

Fiqh Hadith

Larangan bagi wanita untuk membelanjakan hartanya kecuali setelah mendapat izin daripada suaminya. Inilah pendapat al-Laits bin Sa'ad dan Thawus bin Kaisan.

Menurut Imam Malik, seorang isteri dibolehkan membelanjakan hartanya selagi tidak melebih satu pertiga dari jumlah hartanya. Jika melebihi jumlah itu, dia mestilah terlebih dahulu meminta izin daripada suaminya. Dalilnya adalah seorang isteri berhak mewasiatkan satu pertiga harta yang dia miliki meskipun tanpa seizin suaminya.

Menurut jumhur ulama pula hadith ini berlaku kepada seorang isteri yang kurang akal hingga tidak mampu mengurus hartanya atau ada kemungkinan pula hadith ini menunjukkan bahawa seorang isteri mestilah berakhlak sopan dan bijak menyenangkan hati suami. Jadi perintah di sini tidak bermaksud suatu kewajipan, kerana dalam hadith yang diriwayatkan al-Bukhari disebutkan: "تصدقن" (Bersedekahlah walah kaum perempuan). Setelah kalimat ini, kaum perempuan pada zaman Rasulullah (s.a.w) itu segera menanggalkan kalung, cincin dan gelang mereka untuk disedekahkan meskipun tidak meminta izin suaminya terlebih dahulu. Banyak hadith yang menceritakan masalah ini.

٩٤- وَعَنْ قَبِيصَةَ بْنِ مُخَارِقٍ الْهِلاَلِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ الْمَسْأَلَةَ لاَ تَحِلُّ إِلاَّ لِأَحَدِ ثَلاَثَةٍ: رَجُلٍ تَحَمَّلَ حَمَالَةً فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَهَا ثُمَّ يُمْسِكَ، وَرَجُلٍ أَصَابَتْهُ جَائِحَةٌ اجْتَاحَتْ مَالَهُ، فَحَلَّتْ لَهُ اَلْمَسْأَلَةُ حَتَّى يُصِيبَ قِوَامًا مِنْ عَيْشٍ، وَرَجُلٍ أَصَابَتْهُ فَاقَةٌ حَتَّى يَقُولَ ثَلاَثَةٌ مِنْ ذَوِي الْحِجَى مِنْ قَوْمِهِ: لَقَدْ أَصَابَتْ فُلاَنًا فَاقَةٌ، فَحَلَّتْ لَهُ الْمَسْأَلَةُ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

94- Daripada Qabishah bin Mukhariq al-Hilali (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya perbuatan meminta-minta sama sekali tidak dibenarkan kecuali bagi salah seseorang daripada tiga golongan ini. Pertama, seseorang yang menanggung hutang orang lain, maka dia dibolehkan meminta-minta hingga dia memperoleh sesuatu yang mencukupi bagi keperluan hidupnya dan setelah itu dia tidak dibolehkan lagi untuk meminta-minta. Kedua, seseorang yang ditimpa bencana hingga menghabiskan seluruh harta miliknya, maka dia dibolehkan meminta-minta sehingga memperolah saraan hidup yang mencukupi keperluannya. Ketiga, seseorang yang dilanda kemiskinan sehingga ada tiga orang tokoh di kalangan kaumnya yang mengatakan bahawa si polan adalah benar-benar seorang yang fakir, maka dia dibolehkan untuk meminta-minta. (Diriwayatkan oleh Muslim: 894).

Makna Hadith

Hadith ini mengharuskan meminta-minta kepada orang lain hanya bagi tiga golongan;

Pertama, seseorang yang berusaha mendamaikan dua pihak yang bertelagah lalu dia bersedia menanggung hutang demi usha perdamaian itu hingga tidak sanggup membayarnya. Di sini dibolehkan meminta bantuan orang kaya.

Kedua, seseorang yang bankrap kerana hartanya ditimpa bencana seperti hama menyerang tanamannya hingga gagal panen atau barang perniagaannya habis dimakan api.

Ketiga, seseorang yang benar-benar miskin, sehingga dia mendapat pengakuan daripada tokoh setempat bahawa dia adalah orang fakir.

Islam membenarkan mereka meminta-minta sekadar memenuhui keperluan. Selain itu, perbuatan meminta-minta merupakan harta batil yang apabila dimakan oleh seseorang menyebabkan dirinya masuk neraka sebagaimana yang ditegaskan pada bahagian akhir hadith ini. Hadith ini telah pun disebut pada bahagian zakat dengan no. 209. Ibn Hajar menisbahkan hadith ini kepada Muslim, Abu Dawud, Ibn Khuzaimah dan Ibn Hibban.

Soalan dalam bab ini akan disebutkan dalam bab perdamaian.

BAB PERDAMAIAN

Perdamaian adalah meleraikan orang yang sedang bertikai, namun apa yang dimaksudkan di sini adalah pertikaian hak kepemilikan dan bukannya segala bentuk pertikaian.

٩٥- عَنْ عَمْرِو بْنِ عَوْفٍ الْمُزَنِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ، إِلاَّ صُلْحاً حَرَّمَ حَلاَلاً وَ أَحَلَّ حَرَاماً، وَالْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ، إِلاَّ شَرْطاً حَرَّمَ حَلاَلاً وَ أَحَلَّ حَرَاماً". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ، وَأَنْكَرُوا عَلَيْهِ لأَنَّ رَاوِيَهُ كَثِيرَ بْنَ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ عَوْفٍ ضَعِيفٌ. وَكَأَنَّهُ اعْتَبَرَهُ بِكَثْرَةِ طُرُقِهِ.

95- Daripada Amr bin 'Awf al-Muzani (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Perdamaian itu boleh dilakukan di antara orang muslim, kecuali perdamaian yang bertujuan mengharamkan perkara halal atau menghalalkan perkara haram. Orang muslim harus menepati syarat-syarat yang telah mereka buat kecuali syarat yang mengharamkan perkara halal atau menghalalkan perkara haram." (Diriwayatkan oleh al-Tirmidhi sekali gus menilainya sahih, namun ramai ulama yang mengingkari pernilaian ini kerana periwayat hadith ini adalah Katsir bin Abdullah bin Amr bin Awf, seorang yang daif. Ada kemungkinan al-Tirmidhi menilai hadith ini sahih kerana beliau melihat ia memiliki banyak jalur: 895).

٩٦- وَقَدْ صَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ مِنْ حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ.

96- Hadith ini dinilai sahih oleh Ibn Hibban daripada Abu Hurairah (r.a). (896).

Makna Hadith

Manusia sentiasa dihadapkan dengan syahwat dan perkara syubhat hingga dengannya mereka saling bermusuhan dan berselisih faham. Di sini Islam datang untuk mengharusksn perdamaian di antara sesama mereka, malah itu amat digalakkan selagi itu tidak bercanggah dengan hukum Islam yang tidak mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram.

Demikian pula dengan perjanjian yang telah mereka buat mestilah mendatangkan kemaslahatan kepada setiap pihak yang terlibat dan tidak boleh sampai terjerumus ke dalam permusuhan. Oleh itu, perjanjian ini disebutkan setelah perdamaian, namun perjanjian itu mestilah tidak menyalahi ketentuan hukum dan prinsip Islam seperti mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram.

Analisis Lafaz

"جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ", disyari'atkan. Perkataan "di antara sesama muslim" hanya sekadar menunjukkan kebiasaan.

"الْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ", yakni kaum muslimin mestilah mematuhi dan berkomitmen untuk mematuhi syarat atau perjanjian mereka dan mereka tidak boleh mengabaikannya.

"أَنْكَرُوا عَلَيْهِ", mereka mengingkari penilaian sahih hadith ini. Seseorang saling mengingkari orang lain bermaksud menyalahkan dan meminta untuk meninggalkan sesuatu yang salah.

"ضَعِيفٌ", Imam al-Syafi'i, Abu Dawud dan Ibn Hibban menilai Katsir bin Abdullah bin Amr bin Awf adalah seorang pembohong, sementara Imam Ahmad pula menganggapnya matrut dan hadithnya tidak boleh dijadikan hujah, manakala ulama yang lain pula menilainya daif, tetapi al-Bukhari tidak menilainya daif dan demikian pula Yahya Bin Sa'id.

"وَكَأَنَّهُ اعْتَبَرَهُ بِكَثْرَةِ طُرُقِهِ", pernyataan dapat disanggah dengan dua cara, iaitu:

Pertama, penilaian sahih berdasarkan banyaknya jalur, bukan berdasarkan sanad. Ini adalah satu kesilapan. Ini kerana al-Tirmidhi memiliki pandangan yang baik terhadap hadith Katsir kerana mengikuti langkah al-Bukhari seperti mana yang ditegaskan al-Mizzi dalam biografi Katsir. Al-Tirmidhi berkata: "Saya pernah bertanya kepada Muhammad al-Bukhari mengenai hadith Katsir bin Abdullah daripada ayahnya daripada datuknya tentang waktu yang diyakini makbul doa pada hari Jumaat?" Al-Bukhari menjawab: "Ia hadith hasan tetapi Imam Ahmad menilai Katsir sebagai daif, padahal Yahya bin Sa'id al-Anshari meriwayatkan hadith daripada Katsir ini."

Di sini al-Bukhari berpendapat bahawa Yahya tidak pernah meriwayatkan hadith melainkan daripada seseorang yang telah diyakininya tidak ada masalah dengannya.

Perkataan al-Bukhari: "Hadith ini hasan" kadang kala tidak dapat difahami bahawa beliau menilai Katsir sebagai hasan, sebab beliau tidak mengadakan sanad hadithnya hasan. Ada kemungkinan al-Bukhari menilai hasan hadith ini lantaran adanya banyak *syahid*. Apapun, pernyataannya seolah beliau menegaskan ingin mengatakan Katsir seorang periwayat yang kuat dan langkah ini kemudian diikuti oleh al-Tirmidhi.

Buktinya, al-Tirmidhi setelah menyebutkan hadith ini berkata: "Hadith ini hasan sahih", namun beliau tidak menyebutkan *syahid* dan ini menujukkan bahawa penilaian ini untuk sanad hadith ini sahaja.

Kedua, perkataan "disebabkan banyak memiliki jalur" adalah tidak benar kerana hadith ini tidak memiliki jalur selain ini, yakni jalur 'Amr bin Awf. Beliau seorang diri meriwayatkannya daripada ayahnya bernama Abdullah daripada datuknya bernama 'Amr bin 'Awf. Mereka tidak meriwayatkannya daripada 'Amr selain Abdullah dan tidak pula daripada Abdullah selain Katsir. Walaupun banyak periwayat daripada Abdullah, namun ini tidak dapat dikatakan hadith ini memiliki banyak memiliki jalur, kerana sumbernya hanya satu. Apapun, kenyataan ini yang lebih tepat adalah "disebabkan banyak memiliki syahid."

"وَقَدْ صَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ مِنْ حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ", ia dikeluarkan oleh Abu Dawud dan menisbahkan hadith ini kepadanya adalah lebih baik. Di sini ada pula riwayat daripada Aisyah dan Anas bin Malik di sisi al-Hakim. Jadi hadith ini menjadi kuat lantaran banyak memiliki *syahid*, meskipun masih dipertikai.

Fiqh Hadith

1. Perdamaian dianjurkan bagi kedua pihak yang bertelagah, baik sesama muslim ataupun bukan selain mereka, baik sebelum kebenaran terungkap ataupun sesudahnya. Ini sebagaimana yang disebutkan dalam kisah al-Zubair ketika bertelagah dengan seorang lelaki Anshar, kemudian Rasulullah (s.a.w) mendamaikan mereka berdua. Ketika lelaki Ansar itu enggan berdamai, baginda menegaskan bahawa kebenaran itu ada pada perdamaian. Kisah ini diceritakan dalam Sahih al-Bukhari. Sebahagian ulama mengatakan dibolehkan berdamai setelah kebenaran terungkap. Namun apakah perdamaian dianggap sah jika itu tidak diakui oleh pihak yang didakwa? Menurut Imam Malik, Imam Ahmad dan Imam Abu Hanifah, perdamaian tetap dianggap sah, tetapi Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama yang lain tidak sependapat dengan mereka.
2. Wajib melaksanakan perjanjian dan syarat yang telah disepakati bersama selagi tidak menyalahi hukum dan prinsip ajaran syari'at. Ulama telah pun bersepakat mengenai masalah ini.

٩٧- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لاَ يَمْنَعُ جَارٌ جَارَهُ أَنْ يَغْرِزَ خَشَبَةً فِي جِدَارِهِ". ثُمَّ يَقُولُ أَبُو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ مَا لِي أَرَاكُمْ عَنْهَا مُعْرِضِينَ؟ وَاللهِ لأَرْمِيَنَّ بِهَا بَيْنَ أَكْتَافِكُمْ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

97- Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Seseorang tidak boleh melarang jirannya memasang kayu pemisah di temboknya." Kemudian Abu Hurairah (r.a) berkata: "Kenapa aku melihat kamu berpaling daripadanya? Demi Allah, aku akan meletakkan kayu tersebut di atas bahu-bahu kamu." (Muttafaq 'alahi: 897).

Makna Hadith

Hadith ini menegaskan bahawa seseorang tidak boleh melarang jirannya daripada menyandarkan tiang atau kayu di atas dindingnya. Ini menunjukkan betapa penting membantu jiran sesuai dengan keperluan selagi itu tidak membahayakan kedua orang yang berjiran.

Abu Hurairah (r.a) merasa penting untuk menyampaikan hadith ini meskipun ada sesetengah pihak yang seakan tidak peduli dengan hadith ini dan oleh kerananya, beliau mengulangi hadith ini.

Analisis Lafaz

"لاَ يَمْنَعُ", dengan membaca *jazam* huruf *'ain*, kerana huruf *la* sebagai *nahi*, manakala dalam riwayat lain pula kalimat ini dibaca *rafa'* kerana ia menjadi *khabar* yang bermakna larangan. Dalam riwayat Imam Ahmad disebutkan: "لا يمنعن" (Jangan sekali-kali melarang) dan ini menguatkan lagi riwayat yang membaca *jazam* sebelum ini.

"عَنْهَا مُعْرِضِينَ", berpaling daripada sesuatu bermaksud meninggalkannya dan tidak peduli dengannya. Maksudnya, mereka barangkali enggan mengamalkan Sunnah ini[16] sementara Abu Hurairah ingin menyampaikan hadith ini kepada mereka.

"لأَرْمِيَنَّ بِهَا", dalam riwayat lain disebutkan: "لأرمين" yang bermaksud aku akan menyiarkan hadith ini supaya telinga kamu mahu mendengarkannya.

[16] Apa yang dimaksud dengan Sunnah di sini bukanlah perbuatan yang dianjurkan untuk dilaksanakan, sebaliknya maksud Sunnah di sini adalah cara yang pernah dipraktikkan oleh Rasulullah (s.a.w) yang kadang kala mengandungi makna kewajipan atau sunat, sementara perintah dalam hadith ini mempunyai makna wajib.

"بَيْنَ أَكْتَافِكُمْ", di antara kamu. Dalam riwayat lain disebutkan: "أكنافكم" dengan menggunakan huruf *nun*, jamak "كنف" yang bermaksud bahu. Dalam riwayat lain pula disebutkan: "بين أعينكم" (di antara mata kamu).

Fiqh Hadith

1. Seseorang tidak boleh melarang jirannya untuk meletakkan kayu di atas dindingnya. Jika melarangnya, maka orang itu mesti dipaksa untuk menerimanya. Inilah pendapat Imam Ahmad, Ishaq, Ibn Habib dari mazhab Maliki dan Imam al-Syafi'i dalam qawl qadim. Inilah pendapat yang benar. Namun Imam al-Syafi'i dalam qawl jadid pula ada dua pendapat dan yang paling masyhur mengatakan bahawa meletakkan kayu di atas dinding jiran mestilah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada pemiliknya. Jika pemiliknya menolak, maka dia tidak boleh dipaksa. Hal senada turut dikemukakan oleh mazhab Hanafi dan mereka mengertikan larangan dalam hadith ini sebagai tidak wajib untuk dilaksanakan, sebaliknya ia bermaksud disunatkan bahawa pemilik dinding berkenaan tidak mecegahnya.
2. Menjelaskan hukum sebelum berlaku pelanggaran supaya ia tidak dilanggar.
3. Disunatkan mengingkari kemungkaran dan menyebarkan amalan Sunnah.

٩٨- وَعَنْ أَبِي حُمَيْدٍ السَّاعِدِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ يَحِلُّ لِامْرِئٍ أَنْ يَأْخُذَ عَصَا أَخِيهِ بِغَيْرِ طِيبِ نَفْسٍ مِنْهُ". رَوَاهُ ابْنُ حِبَّانَ، وَالْحَاكِمُ فِي "صَحِيحَيْهِمَا".

98- Daripada Abu Humaid al-Sa'idi (s.a.w), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak halal bagi seorang mengambil tongkat saudaranya tanpa meminta keredhaannya terlebih dahulu." (Diriwayatkan oleh Ibn Hibban dan al-Hakim dalam kitab Sahih mereka: 898).

Makna Hadith

Al-Hafiz Ibn Hajar menyebutkan hadith Abu Humaid ini untuk menjelaskan dalil perkataan Imam al-Syafi'i yang mengatakan bahawa pemilik apabila enggan menerima permintaan jirannya menyandarkan kayu di atas dindingnya, maka dia tidak boleh dipaksa, kerana hadith ini pada hakekatnya memuliakan hak asasi manusia, di mana diharamkan mengambil tongkat dan memanfaatkannya melainkan setelah memperoleh kebenaran dari

pemiliknya, walaupun barang itu bersifat remeh temeh seperti tongkat dan lain-lain.

Analisis Lafaz

"طِيبِ نَفْس", meredhainya dengan cara meminta izin terlebih dahulu tanpa ada unsur paksaan.

Fiqh Hadith

1. Haram mengambil harta orang lain, walau barang remeh temeh sekalipun seperti tongkat melainkan pemiliknya telah membenarkannya. Ini berdasarkan kesepakatan ulama.
2. Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama yang sependapat dengannya mengemukakan dalil bahawa hakim tidak boleh memaksa seseorang yang melarang jirannya meletakkan atau menyandarkan kayu di atas dindingnya, kerana perbuatan ini dilakukan tanpa keredhaannya. Apapun, pendapat ini disanggah bahawa bahawa maksud hadith ini bersifat umum, sementara hadith meletakkan kayu sebelum ini bersifat khusus. Sesuatu yang khusus mesti diutamakan ke atas sesuatu yang umum, seperti mana zakat wajib dipungut dan nafkah wajib wajib diambil meskipun pemilik harta tidak menginginkannya.

Soalan Bab Jual Beli *Salam*, Pinjaman dan Gadai

1. Sebutkan takrif jual beli *salam*, pinjaman dan gadai?
2. Bolehkah melakukan jual beli *salam*?
3. Sebutkan syarat-syarat jual beli *salam*?
4. Siapakah yang dimaksudkan dengan *anbath al-syam*?
5. Bolehkah melakukan jual beli *salam* terhadap barang yang belum wujud semasa melakukan *salam*?
6. Bolehkah melakukan pemisahan dalam jual beli *salam* dan sebutkan pendapat ulama fiqh dalam masalah ini?
7. Bolehkah berjual beli dengan ahli zimmah?
8. Apakah perkataan sahabat: "Kami sering melakukan seperti pada zaman Rasulullah (s.a.w)" boleh dijadikan sebagai hujah dan sebutkan alasannya?
9. Sebutkan hadith yang menunjukkan betapa penting niat bagi seseorang yang ingin berhutang?
10. Huraikan kalimat "بز" dan "ميسرة" yang terdapat di dalam hadith Aisyah (r.a) ketika seorang Yahudi enggan berjual beli dengan

Rasulullah (s.a.w) secara *nasi'ah* (ansuran) dan sebutkan faktor yang menyebabkannya enggan berbuat demikian?

11. Sebutkan hukum-hakam yang boleh diambil daripada hadith Aisyah dalam kisah adanya hasrat berhutang kepada orang Yahudi?
12. Huraikan sabda Rasulullah (s.a.w): "الرهن محلوب ومركوب"?
13. Sebutkan pendapat ulama fiqh tentang dibolehkan memanfaatkan barang gadaian?
14. Apakah yang dimaksudkan dengan penutupan atau penguncian barang gadaian?
15. Huraikan maksud sabda Rasulullah (s.a.w) tentang orang yang menerima barang gadai: "له غنمه وعليه غرمه"?
16. Apakah hukumnya jika barang gadaian itu rosak di tangan orang yang menerima gadaian?
17. Huraikan maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "خيارا" ,"بكرا" dan "رباعيا" serta barisi kalimat-kalimat ini?
18. Bolehkah memulangkan pinjaman dengan cara melebihkannya daripada jumlah yang sebenar dan bagaimanakah pendapat ulama dalam masalah ini?
19. Benarkah hadith "كل قرض جر منفعة فهو ربا" adalah *marfu'*?

Soalan Bab Sekatan dan Muflis

1. Huraikan apakah yang dimaksudkan dengan sekatan dan muflis secara bahasa dan syariat?
2. Adakah pinjaman sama dengan jual beli ketika terjadi bankrap?
3. Jumhur ulama berpendapat bahawa penjual apabila mendapati barang di sisi pembeli yang sudah muflis adalah lebih berhak dengan barangnya itu berbanding orang lain yang memberi pinjaman, kemudian mereka pendapat jika penjual mendapati barangnya itu tidak lagi utuh. Bagaimanakah pandangan mereka dalam masalah ini?
4. Bolehkah bagi seorang penjual mengambil barangnya di sisi pembeli yang telah diisytihar muflis apabila penjual sebelum ini pernah menerima sebahagian daripada harga barang itu?
5. Adakah kematian disamakan dengan kebankrapan?
6. Ulas sabda Rasulullah (s.a.w): "لي الواجد" dan tulis semula hadith ini sekali gus membarisinya?
7. Apakah maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "يحل عرضه وعقوبته"?
8. Bolehkah menahan orang mampu yang sengaja melengahkan pembayaran hutangnya dan apakah tujuan penahanan itu?

9. Sebutkan nas hadith Abu Sa'id al-Khudri tentang kisah seorang yang membeli buah-buahan kemudian dia ditimpa bencana?
10. Bolehkah melakukan sekatan ke atas orang yang berhutang dan apakah disyaratkan bahawa hutangnnya itu meliputi seluruh harta miliknya bagi membolehkannya dikenakan sekatan ke atasnya?
11. Bolehkah seorang muflis mengurus hartanya meskipun tidak dikenakan sekatan ke atasnya?
12. Bolehkah dikenakan sekatan ke atas orang baligh namun kurang sempurna akalnya?
13. Sebutkan hadith Ibn Umar tentang kisah di mana beliau menawarkan dirinya untuk menjadi anggota tentera dan beri komentar ke atas hadith ini?
14. Berapakah batasan usia baligh di sisi ulama?
15. Sebutkan hadith 'Athiyyah al-Quradzi dan ulama fiqh yang membolehkan berfatwa dengannya?
16. Bolehkah seorang perempuan mengurus hartanya meskipun tanpa kebenaran suaminya? Bagaimanakah pendapat ulama fiqh dalam masalah ini?

Soalan Bab Perdamaian

1. Apakah faktor yang menyebabkan hadith 'Amr bin Awf al-Muzani daif: "الصلح جائز بين المسلمين"? Sebutkan faktor yang mendorong al-Tirmidhi menilainya sahih?
2. Sebutkan *syahid* bagi hadith 'Amr dan siapakah orang yang meriwayatkannya?
3. Apakah disunatkan berdamai sebelum menjelaskan hak atau sesudahnya dan apakah dalil ke atasnya?
4. Bolehkah berdamai meskipun wujud pengingkaran oleh pihak yang didakwa?
5. Ulas hadith Abu Hurairah yang *marfu'*: "لا يمنع جار جاره..."?
6. Siapakah yang memberi fatwa dengan hadith "لا يمنع جار جاره..." dan apakah dalil orang yang tidak sependapat dengannya? Sebutkan pendapat yang kuat di antara sekian banyak pendapat itu?

BAB *HIWALAH* DAN JAMINAN

Hiwalah dengan membaca *fatah* huruf atau membacanya *kasrah* di mana kalimat ini berasal dari perkataan *al-tahawwul* yang bermaksud perpindahan.

Menurut syari'at pula adalah memindahkan tanggung jawab membayar hutang kepada orang lain.

Ulama fiqh berbeza pendapat apakah *hiwalah* ia termasuk menjual hutang dengan hutang yang diberi kelonggaran di dalamnya atau dianggap sebagai pelunasan hutang? Ada dua pendapat dalam masalah ini; ada yang membolehkannya dan ada pula yang tidak membolehkannya

Jaminan adalah orang yang tidak berhutang berjanji untuk melunasi hutang orang lain.

٩٩- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ، وَإِذَا أُتْبِعَ أَحَدُكُمْ عَلَى مَلِيءٍ فَلْيُتْبِعْ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَفِي رِوَايَةِ أَحْمَدَ: "فَلْيَحْتَلْ".

99- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Orang kaya yang melengahkan pembayaran hutangnya adalah zalim. Jika hutang seseorang di antara kamu dipindahkan kepada orang yang berkemampuan, maka hendaklah dia menerimanya." (Muttafaq 'alaihi). Dalam riwayat Imam Ahmad disebutkan: "maka hendaklah kamu menerima hiwalah itu." (899).

Makna Hadith

Hadith ini menganjurkan orang yang yang berkemampuan bersegera untuk membayar hutangnya dan mengingatkan mereka daripada melengah-lengahkan pembayaran hutang bagi orang mampu kerana itu adalah

perbuatan zalim. Ini telah pun dibahas sebelum ini disertai hukum orang mampu yang melengahkan pembayaran hutang.

Kemudian hadith ini menjelaskan pembayaran hutang yang diserahkan kepada orang lain yang tidak berhutang, di mana si A memindahkan hutangnya kepada si B, lalu si B membayar kewajipan hutang si A kepada si C, kemudian syariat Islam menganjurkan si B menerima tawaran si A. Inilah yang dinamakan dengan *hiwalah*, kerana si A memindahkan kewajipan hutangnya kepada si B.

Analisis Lafaz

"مَطْلُ", mengakhirkan dan melengahkan, yakni melengah-lengahkan pembayaran hutang.

"الْغَنِيِّ", maksudnya orang yang mempunyai kemampuan untuk membayar hutangnya, bukan orang kaya secara mutlak.

"أُتْبِعُ", dengan membaca *dhammah* huruf *hamzah* dan *sukun* huruf *ta'*, yakni memindahkan.

"مَلِيءٍ", berasal dari kalimat "الملاء" yakni orang kaya, tetapi maksudnya bukan orang kaya secara mutlak, sebaliknya orang yang mampu membayar hutang orang lain.

"فَلْيُتْبِعْ", maka hendaklah dia menerima tawaran pemindahan hutang itu.

Fiqh Hadith

1. Haram melengahkan pembayaran hutang bagi orang yang berkemampuan tanpa ada uzur yang dibenarkan oleh syariat.
2. Dianjurkan untuk mengalihkan hutang (*hiwalah*) bagi orang yang dianggap mampu membayarnya.
3. Wajib menerima pemindahan hutang (*hiwalah*) mengiukt pendapat mazhab Zahiri, sebahagian besar mazhab Hanbali, Abu Tsawr dan Ibn Jarir. Menurut jumhur ulama pula maksud perintah dalam hadith itu: "فليتبع" tidak bermaksud wajib, sebaliknya hanya sekadar anjuran. Ulama bersepakat bahawa pemindahan hutang mestilah atas dasar redha orang yang memindahan hutang (*muhil*). Menurut jumhur ulama, selain itu disyaratkan keredhaan orang yang dialihkan (orang yang mempunyai piutang pertama, *muhal 'alaih*). Sebahagian ulama mazhab Hanafi juga mensyaratkan adanya keredhaan orang yang bakal berkewajipan membayar hutang (orang yang mempunyai piutang kedua, *muhal 'alaih*, tetapi syarat ini tidak disebutkan dalam hadith itu. Disyaratkan pula kedua-dua hak itu mestilah sama dalam sifat dan mesti berbentuk sesuatu yang diketahui. Inilah pendapat

jumhur ulama. Sebahagian ulama mengatakan bahawa pemindahan hutang tidak boleh dilakukan melainkan ke atas emas dan perak.

4. Jika orang yang menjadi pengalihan hutang (*muhal 'alaih*) tidak mampu membayar hutang orang yang mengalihkan, maka orang yang mempunyai piutang pertama (*muhtal*) tidak memiliki hak untuk menuntut orang yang mengalihkan hutang (*muhil*) itu, kerana jika dia dibolehkan kembali menuntut kepada orang yang mengalihkan hutang (*muhil*), maka tidak ada lagi gunanya syarat pengalihan mesti dilakukan kepada orang yang mampu. Ini kerana pemindahan tersebut sesuai dengan ketetapan nas. Jika ingin kembali menuntut kepada orang yang mengalihkan hutang, maka mesti sesuai dengan perintah yang terdapat dalam nas yang lain, sementara di sini tidak ditemukan ada nas lain. Inilah pendapat jumhur ulama. Menurut mazhab Hanafi, dia boleh kembali menuntut orang yang mengalihkan dalam keadaan terpaksa, kerana ulama mazhab Hanafi menyamakan *hiwalah* dengan jaminan. Akan tetapi seluruh ulama bersepakat bahawa jika terjadi muflis ketika sedang melakukan transaksi *hiwalah*, maka dia boleh kembali menuntut orang yang memindahkan hutang tersebut.
5. Wajib membuang perkara-perkara yang boleh menjejaskan persatuan dan perpaduan sekali gus menciptakan suasana yang boleh mengeratkan perpaduan dan persatuan.

١٠٠- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: تُوُفِّيَ رَجُلٌ مِنَّا، فَغَسَّلْنَاهُ، وَحَنَّطْنَاهُ، وَكَفَّنَّاهُ، ثُمَّ أَتَيْنَا بِهِ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقُلْنَا: تُصَلِّي عَلَيْهِ؟ فَخَطَا خُطًى، ثُمَّ قَالَ: "أَعَلَيْهِ دَيْنٌ؟" قُلْنَا: دِينَارَانِ، فَانْصَرَفَ، فَتَحَمَّلَهُمَا أَبُو قَتَادَةَ، فَأَتَيْنَاهُ، فَقَالَ أَبُو قَتَادَةَ: الدِّينَارَانِ عَلَيَّ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أُحِقَّ الْغَرِيمُ وَبَرِئَ مِنْهُمَا الْمَيِّتُ؟" قَالَ: نَعَمْ، فَصَلَّى عَلَيْهِ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ، وَالْحَاكِمُ.

100- Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Seorang lelaki di kalangan kami meninggal dunia, lalu kami memandikan, rongga tubuhnya kami tutup dengan kapas dan kami mengkafankannya. Setelah itu, kami bawa ke hadapan Rasulullah (s.a.w) lalu kami berkata: "Adakah tuan sudah mensolatkannya?" Baginda melangkahkan kakinya beberapa langkah seraya bertanya: "Adakah dia memiliki hutang?" Kami menjawab: "Dia memiliki hutang sebanyak dua dinar." Baginda kemudian pulang dan akhirnya Abu Qatadah bersedia menanggung hutang si mayat itu. Kami mendatangi

baginda semula dan Abu Qatadah berkata: "Dua dinar hutang mayat ini sayalah yang bertanggung jawab melangsaikannya." Rasulullah (s.a.w) lalu bersabda: "Dengan ini kamu dituntut membayar hutang si mayat ini dan dia bebas daripada hutang dua dinar itu?" Dia menjawab: "Ya." Baginda kemudian berkenan mensolatkan jenazah ke atasnya. (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Nasa'i, dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim: 900).

Makna Hadith

Inilah hadith yang disebutkan oleh Ibn Hajar dalam buku ini dan Imam Ahmad menyebutnya dengan lafaz yang lebih ringkas. Hadith ini masih mempunyai sambungan yang berbunyi:

ثُمَّ قَالَ بَعْدَ ذَلِكَ بِيَوْمٍ: مَا فَعَلَ الدِّينَارَانِ؟ فَقَالَ – أَبُوْ قَتَادَةَ –: إِنَّمَا مَاتَ أَمْسِ، قَالَ: فَعَادَ إِلَيْهِ مِنَ الْغَدِ، فَقَالَ: لَقَدْ قَضَيْتُهُمَا، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اَلْآنَ بَرَدَتْ عَلَيْهِ جِلْدُهُ.

"Setelah satu hari kemudian, baginda bertanya: "Sudahkah kamu melangsaikan hutang dua dinar itu?" Abu Qatadah menjawab: "Lelaki itu baru meninggal semalam." Keesokan harinya, baginda mendatangi Abu Qatadah semula dan menanyakan hutang itu, lalu Abu Qatadah menjawab: "Saya telah melangsaikan hutangnya yang berjumlah dua dinar itu." Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sekarang kulit mayat itu sudah sejuk di dalam kuburnya."

Hadith ini menunjukkan bahawa dibolehkan memberi jaminan kepada orang lain, meskipun sebenarnya jaminan itu bukanlah kewajipan dirinya dan tanggung jawab orang yang berhutang baru dibebaskan apabila hutangnya benar-benar sudah dibayar oleh penjamin bukan sekadar adanya jaminan belaka. Buktinya, kulit si mayat tidak sejuk sehinggalah hutangnya sudah benar-benar dibayar oleh penjamin.

Analisis Lafaz

"مِنَّا", yakni dari kalangan Ansar, tetapi dalam sebahagian riwayat kalimat ini kadang kala dihilangkan.

"وَحَنَّطْنَاهُ", kami meletakkan kapas ke dalam rongga-rongga tubuhnya. *Al-hanuth* adalah sejenis benda yang dilekatkan kepada mayat dengan tujuan untuk mengawetkannya.

"خُطًى", langkah-langkah pendek.

"فَتَحَمَّلَهُمَا", orang yang menanggungnya adalah Abu Qatadah dengan berkata: "Aku yang bertanggung jawab untuk melangsaikan hutangnya itu."

"حَقُّ الْغَرِيمُ", kalimat ini adalah soalan yang bermakna: "Apakah tanggung jawab membayar hutangnya menjadi jaminanmu?" Dalam satu riwayat disebutkan: "أَحِقٌّ" dengan menggunakan huruf *hamzah* yang bermaksud kamu diminta untuk menjami hutangnya sebagaimana orang yang memberi pinjaman menuntut bayaran hutangnya.

"وَبَرِئَ مِنْهُمَا الْمَيِّتُ", kalimat ini bertujuan menguatkan lagi makna yang pertama.

"وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ، وَالْحَاكِمُ", dengan lafaz yang tidak sama dengan lafaz yang dikeluarkan oleh Imam Ahmad, namun pada dasarnya kesemua lafaz itu memiliki makna yang sama. Oleh kerana Imam Ahmad sahaja yang meriwayatkan tambahan itu, maka saya menyebutnya dalam makna keseluruhan bagi hadith ini lantaran Ibn Hajar tidak menyebutnya di sini.

Hadith ini memiliki *syahid* secara makna yang dimuatkan dalam kitab al-Shihah dan al-Sunan di mana al-Khatthabi ada menyebut sebahagian daripadanya di dalam kitab Syarh al-Sunnah.

Fiqh Hadith

1. Dianjurkan membersihkan mayat dan meletakkan benda yang dapat mengawetkannya.
2. Orang soleh dipelawa mensolatkan mayat serta mendoakannya.
3. Disunatkan menanggung hutang si mayat apabila dia tidak memiliki harta untuk melangsaikannya. Jumhur ulama berpendapat bahawa jaminan yang telah diberikan untuk membayarkan hutang si mayat tidak boleh dibatalkan lagi setelah itu, namun Imam Abu Hanifah berbeza pendapat dalam masalah ini.
4. Disunatkan menguatkan akad dan perjanjian serta menggunakan lafaz yang jelas.

١٠١- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُؤْتَى بِالرَّجُلِ الْمُتَوَفَّى عَلَيْهِ الدَّيْنُ، فَيَسْأَلُ: "هَلْ تَرَكَ لِدَيْنِهِ مِنْ قَضَاءٍ؟" فَإِنْ حُدِّثَ أَنَّهُ تَرَكَ وَفَاءً صَلَّى عَلَيْهِ، وَإِلاَّ قَالَ: "صَلُّوا عَلَى صَاحِبِكُمْ"، فَلَمَّا فَتَحَ اللهُ عَلَيْهِ الْفُتُوحَ قَالَ: "أَنَا أَوْلَى بِالْمُؤْمِنِينَ مِنْ أَنْفُسِهِمْ، فَمَنْ تُوُفِّيَ وَعَلَيْهِ دَيْنٌ فَعَلَيَّ قَضَاؤُهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِلْبُخَارِيِّ: "فَمَنْ مَاتَ وَلَمْ يَتْرُكْ وَفَاءً".

101- Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa ada orang lelaki meninggal dunia yang memiliki hutang belum dibayar lalu dibawa kepada Rasulullah (s.a.w). Baginda bertanya: "Adakah dia meninggalkan harta untuk melangsaikan hutanganya? Jika diberitahu bahawa si mayat itu mempunyai harta yang memadai untuk membayar hutangnya, baginda segera mensolatkannaya, namun jika tidak, baginda bersabda: "Kerjakan solat jenazah ke atas sahabatmu ini." Ketika Allah memberi kemenangan kepada baginda dalam setiap peperangan hingga banyak memperoleh harta ghanimah, baginda bersabda: "Saya lebih berhak mengambil peduli urusan kaum muslimin berbanding diri mereka sendiri. Jadi, barang siapa yang meninggal dunia dalam keadaan memiliki hutang, maka sayalah yang bertanggung jawab untuk membayarnya." (Muttafaq 'alaihi).

Dalam riwayat al-Bukhari disebutkan: "Barang siapa meninggal dunia dan tidak memiliki harta untuk melangsaikan hutang." (901).

Makna Hadith

Ibn Hajar mengemukakan hadith ini sebagai jawapan ke atas hadith sebelumnya dan hukum meninggalkan solat jenazah lantaran ada hutang bagi si mayat adalah dimansukh, meskipun kewajipan membayarkan hutangnnya tetap menjadi tanggung jawab kaum muslimin.

Analisis Lafaz

"قَضَاءٍ", sesuatu yang dapat dijadikan sebagai bayaran hutang baik harta mahupun selainnya.

"قَالَ: صَلُّوا عَلَى صَاحِبِكُمْ", yakni baginda enggan mensolatkannya.

"الْفُتُوحَ", kemenangan seperti di Khaibar, Makkah dan kemenangan-kemenangan yang mendatangkan harta rampasan perang.

Fiqh Hadith

1. Disunatkan menanyakan hutang si mayat dengan tujuan segera melangsaikannya, bukan untuk mengaibkannya.
2. Disunatkan mengisytiharkan pertanyaan tentang hutang si mayat dengan tujuan orang yang berkemampuan bersedia menanggung pembayaran hutangnya sekali gus mengingatkan orang yang berhutang daripada terjerumus ke dalam jeratan hutang. Oleh itu, dia bersegera untuk membayar hutangnya.

3. Hukum meninggalkan solat jenazah ke atas mayat yang tidak masih berhutang telah pun dimansukh. Ulama berbeza pendapat apakah mensolatkan mayat yang masih mempunyai hutang haram ataupun tidak? Menurut jumhur ulama, hukum solat itu tidaklah diharamkan. Al-Qurthubi berkata: "Barang kali larangan mensolatkan mayat yang masih terhutang itu apabila dia berhutang untuk tujuan yang tidak dibenarkan di sisi syari'at." Pendapat al-Qurthubi ini disokong oleh hadith yang diriwayatkan oleh al-Hazimi meskipun sanadnya daif.
4. Seorang pemimpin muslim hendaklah bertanggung jawab menanggung hutang si mayat. Jika tidak, maka dia berdosa. Jika baitul mal tidak mampu menanggung keseluruhan hutang si mayat itu, maka ia disarankan untuk membayar sesuai kemampuannya. Ulama berbeza pendapat sama ada membayarkan hutang si mayat ini wajib ataupun tidak. Mengikut pendapat yang kuat, hukumnya adalah wajib.

١٠٢- وَعَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ كَفَالَةَ فِي حَدٍّ". رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

102- Daripada Amr bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya, beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak ada jamimanan atau tanggungan dalam pelaksanaan hukuman hudud." (Diriwayatkan oleh Baihaqi dengan sanad yang daif: 902).

Makna Hadith

Ibn Hajar menerusi hadith ini meskipun ia daif ingin membolehkan jaminan ke atas diri orang lain. Jadi jaminan dibolehkan ke atas harta dan jiwa sebagaimana al-Bukhari membuat satu bab mengenainya dalam kitab *al-kafalah*.

Analisis Lafaz

"حَدٍّ", asal makna hudud adalah sesuatu yang menjadi pembatas antara dua perkara supaya tidak bercampur.

Manakala menurut syariat pula adalah hukuman yang ditetapkan oleh syari'at kerana melakukan suatu perbuatan yang diharamkan di alam dunia dengan tujuan agar pelaku kejahatan tersebut tidak mengulangi semula kejahatannya.

"رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", diriwayatkan oleh al-Baihaqi dengan sanad daif daripada jalur Ibn Adi daripada Ahmad bin Muhammad bin 'Anbasah, telah

menceritakan kepada kami Katsir bin 'Ubaid, telah menceritakan kepada kami oleh Baqiyyah daripada Umar bin Abu Umar al-Dimasyqi daripada Amr bin Syu'aib.

Ibn Adi mengatakan bahawa Umar adalah seorang yang munkar hadith dan meriwayatkan hadith daripada periwayat thiqoh.

Kemudian al-Baihaqi berkata: "Baqiyyah hanya seorang diri meriwayatkan daripada Umar. Dia termasuk guru Baqiyyah yang berstatus majhul dan riwayatnya pula munkar."

Bagi pensyarah kitab ini, Baqiyyah sering kali melakukan *tadlis al-taswiyah* dan tidak menyatakan dengan jelas bahawa dia mendengar hadith ini hingga akhir sanad. Ini merupakan cacat lain yang ada pada riwayat ini.

Fiqh Hadith

Tidak boleh menjamin jiwa seseorang yang melakukan kejahatan. Ini adakah pendapat Ibn Hazm dan berkata: "Tidak boleh tidak boleh melakukan jaminan secara mutlak sama ada ke atas harta, hukuman hudud ataupun selainnya, kerana ia adalah syarat yang tidak terdapat di dalam al-Qur'an dan oleh kerananya, ia batil."

"Jika kita meneliti semula pendapat yang membolehkan jaminan ke atas jiwa orang lain dengan dirinya sendiri, kemudian orang yang dijamin melarikan diri, maka apa yang mesti dilakukan ke atas orang yang memberi jaminan itu?"

"Ada kemungkinan anda mewajibkannya membayar ganti rugi di atas jaminannya itu. Jika ini dilakukan, maka tindakan ini sama dengan memakan harta orang lain dengan cara yang batil, kerana dia tidak boleh bertanggung jawab ke atas kesalahan orang lain."

"Ada pula kemungkinan orang yang dijamin itu dibiarkan begitu sahaja, maka dengan demikian anda telah membatalkan jaminan ke atas diri orang lain."

"Ada kemungkinan pula anda menyuruhnya untuk mencari orang yang dijamin itu. Jika demikian, anda bererti telah memberi bebanan ke atas penjamin dengan sesuatu yang di luar kemampuannya di samping Allah tidak pernah menyuruhnya berbuat demikian."

Menurut jumhur ulama, boleh memberi jaminan dengan jiwa, tetapi dalam masalah ini tidak ada hadith yang marfu' sebaliknya pendapat ini berlandaskan athar sahabat yang disebutkan oleh al-Bukhari secara mu'allaq dalam permulaan kitab *al-kafalah*. Athar itu daripada Hamzah bin Amr al-Aslami, Umar bin al-Khatthab, Jarir, al-Asy'ats dan Ibn Mas'ud.

Jumhur ulama telah pun bersepakat bahawa jika orang yang dijamin dalam masalah hudud atau qisas melarikan diri atau meninggal dunia maka

orang yang menjamin tidak boleh dijatuhi hukuman hudud, berbeza dengan hutang. Pendapat inilah yang dibantah oleh Ibn Hazm dengan mengatakan anda telah membatalkan jaminan jiwa dengan itu sendiri.

Soalan

1. Huraikan apa maksud kalimat *al-hiwalah* dan *al-dhaman* dan ulas sabda Rasulullah (s.a.w): "إذا أتبع أحدكم على ملئ فليتبع"?
2. Wajibkah menerima *hiwalah* dan bagaimana pula pendapat ulama fiqh dalam masalah ini?
3. Sebutkan syarat-syarat untuk menerima *hiwalah* di sisi ulama fiqh?
4. Sebutkan nas hadith Jabir bin Abdullah mengenai seorang lelaki Ansar yang meninggal dunia namun dia masih meninggalkan kewajipan membayar hutang?
5. Bincangkan sabda Rasulullah (s.a.w): "حق الغريم وبرئ منهما الميت"؟
6. Bolehkah memberi jaminan ke atas orang yang sudah mati? Siapakah yang mengatakan demikian dan siapa pula tidak sependapat dengannnya?
7. Siapakah yang bertanggung jawab membayarkan hutang mayat yang tidak meninggalkan apa-apa harta untuk melangsaikan hutangnya?
8. Apakah faktor yang menyebabkan hadith "لا كفالة في حد" dinilai daif?
9. Bolehkah memberi jaminan dengan jiwa dan sebutkan pendapat ulama dalam masalah ini disertai dengan dalil-dalilnya?

BAB PERKONGSIAN DAN PERWAKILAN

Perkongsian dalam bahasa Arab adalah “شِرْكَة” sama timbangannya dengan perkataan “شَرِكَة”, “نعمة” sama timbangannya dengan perkataan “سرقة” dan “شَرَكَة” sama timbangannya dengan perkataan “ثمرة”.

Syirkah menurut bahasa pula dibaca *syurkah* dengan membaca *dhammah* huruf *syin* iaitu sesuatu yang dikongsikan, sementara asal huruf *syin, ra'* dan *kaf* bermaksud perbezaan.

Syirkah menurut syari'at pula adalah keadaan di mana dua orang atau lebih membicarakan bagaimana cara memperoleh keuntungan dalam sebuah syarikat dengan kerjasama yang dijalin di antara mereka. Namun syirkah ini kadang kala berlaku tanpa ada wujud usaha seperti perkongsian dalam harta warisan.

Pendapat lain mengatakan syirkah di sisi syariat adalah kepemilikan usaha yang dimiliki oleh dua orang atau lebih. Inilah takrif yang lebih kuat.

Perwakilan dalam bahasa arab adalah *wakalah* dengan membaca *fatah* huruf *waw* namun kadangkala ia dibaca *kasrah*.

Perwakilan menurut bahasa adalah mewakilkan dan menjaga. Ia berasal dari perkataan: “وكلت فلانا” bermaksud (memintanya menjagakan sesuatu).

Perwakilan menurut syari'at pula adalah meminta seseorang untuk menggantikan kedudukannya secara mutlak atau secara terbatas.

١٠٣- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "قَالَ اللهُ: أَنَا ثَالِثُ الشَّرِيكَيْنِ مَا لَمْ يَخُنْ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ، فَإِذَا خَانَ خَرَجْتُ مِنْ بَيْنِهِمَا". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

103- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Allah berfirman: "Aku ketiga daripada dua orang yang mengadakan perkongsian selagi salah satu seorang di antara mereka tidak berkhianat. Jika berkhianat, Aku keluar meninggalkan mereka." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 903).

Makna Hadith

Hadith ini menggalakkan perkongsian dan ia amat dianjurkan oleh syari'at bagi memenuhi tuntutan keperluan manusia, di mana seseorang memerlukan orang lain untuk memenuhi keperluannya atau memerlukan orang lain dalam mengedarkan harta perniagaannya.

Allah sentiasa bersama orang yang berkongsi dalam menjalankan suatu usaha, malah Allah sentiasa membatu dan meluaskan rezeki mereka selagi mereka tidak berkhianat. Jika salah satu di antara mereka berkhianat, Allah mencabut keberkatan dan pertolongan ke atas usaha mereka, bahkan Allah menjadikan syaitan menjadi orang ketiga bagi mereka sebagaimana yang disebutkan dalam beberapa hadith yang lain.

Analisis Lafaz

"أَنَا ثَالِثُ الشَّرِيكَيْنِ", Aku menjadi orang ketiga bagi orang yang mengadakan perkongsian dalam penjagaan, pemeliharaan, pertolongan, pemberian keberkatan dan meluaskan rezeki dan kebaikan. Firman Allah: "الشريكين" hanya sekadar menunjukkan kebiasaan, kerana pertolongan Allah sentiasa datang meskipun orang yang berkongsi itu lebih daripada dua orang.

"يَخُنْ", berkhianat. Ia adalah menampakkan sesuatu namun melakukan yang lain dan kebanyakannya apa yang dirahsiakan itu adalah jahat.

"خَرَجْتُ مِنْ بَيْنِهِمَا", dalam satu riwayat disebutkan "بينهم" maksudnya adalah keberkatannya dicabut serta rezekinya disempitkan.

"وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ", meskipun hadith ini dinilai sahih oleh al-Hakim namun al-Qatthan menilainya cacat kerana keadaan Sa'id bin Hayyan tidak diketahui. Al-Daruquthni pula menilainya cacar kerana ia diriwayatkan secara mursal. Apapun, pendapat yang mengatakan hadith ini *mursal* adalah lebih tepat. Hadith ini memiliki banyak *syahid*.

Fiqh Hadith

1. Galakan untuk mengadakan perkongsian dalam harta dan usaha, malah ia disunatkan.
2. Allah sentiasa memberi keberkatan kepada orang yang berkongsi dalam usaha selagi mereka ikhlas dan tidak saling berkhianat antara

satu sama lain.

3. Larangan berkhianat kepada rakan kongsi kerana ia menjadi punca keberkatan itu dihapuskan.

١٠٤- وَعَنْ السَّائِبِ الْمَخْزُومِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ كَانَ شَرِيكَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبْلَ الْبَعْثَةِ، فَجَاءَ يَوْمَ الْفَتْحِ، فَقَالَ: "مَرْحَباً بِأَخِي وَشَرِيكِي". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَابْنُ مَاجَه.

104- Daripada al-Sa'ib al-Mahzumi (r.a) bahawa beliau pernah menjadi rakan kongsi Rasulullah (s.a.w) sebelum diutus menjadi rasul. Dia datang pada hari pembukaan kota Makkah lalu baginda bersabda: "Selamat datang dengan saudaraku dan rakan kongsiku." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan Ibn Majah: 904).

Makna Hadith

Hadith ini menunjukkan bahawa perkongsian telah pun wujud sebelum kedatangan Islam, di mana Sa'id al-Makhzumi merupakan salah seorang rakan kongsi Rasulullah (s.a.w) pada masa itu, bahkan baginda masih mengenalinya ketika melihatnya setelah baginda dilantik rasul dan menyambutnya dengan gembira seraya mengenang perkongsian mereka sebelum kedatangan Islam. Dengan demikian, perkongsian tersebut masih tetap diakui oleh Islam.

Analisis Lafaz

"قَبْلَ الْبَعْثَةِ", sebelum Rasulullah (s.a.w) diutus sebagai rasul, sementara lafaz menurut Hakim: "Al-Sa'ib merupakan rakan kongsi Rasulullah (s.a.w) pada permulaan Islam."

"يَوْمَ الْفَتْحِ", yakni pembukaan Makkah pada tahun kesembilan Hijrah.

"مَرْحَباً", ucapan selamat datang mengikut wazan *maf'al*. Ia adalah nama bagi tempat yang luas. Ia biasanya digunakan orang Arab untuk menyambut kedatangan tetamu dan menghormati ketibaannya.

"رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَابْنُ مَاجَه", menurut riwayat Ibn Majah: "Kamu dulu pernah menjadi rakan kongsiku pada zaman jahiliah." Al-Hakim pula menambahkan: "Dia (al-Sa'ib) tidak pernah berlaku curang dan tidak pula berkhianat."

Al-Hafiz Ibn Hajar tidak memberi sebarang komentar ke atas hadith ini. Ia adalah hadith *ma'lul* lantaran banyaknya perbezaan lafaz di dalamnya. Inilah yang mendorong Ibn Abdul Barr berkata: "Ia hadith *mudhtharib*. Ada

yang mengatakan bahawa perkongsian itu dilakukan dengan al-Sa'ib bin Abu al-Sa'ib. Ada pula yang mengatakan perkongsian dilakukan dengan Abu al-Sa'ib, ayahnya. Ada pula yang mengatakan ia dilakukan dengan Qais bin al-Sa'ib. Ada pula yang mengatakan ia dilakukan dengan Abdullah bin al-Sa'ib. Ini menujukkan hadith ini *mudhtharib* yang tidak boleh dijadikan hujah."

Fiqh Hadith

1. Perkongsian dalam berusaha telah pun wujud sebelum kedatangan Islam lagi.
2. Perkongsian dalam usaha dianjurkan dalam Islam.
3. Disunatkan menyambut kedatangan sahabat karib yang sudah lama tidak berjumpa dengannya.
4. Disunatkan menceritakan dan menyebutkan sesuatu yang boleh menjadi kebanggaan seseorang.
5. Boleh memuji seseorang dengan menyebut usaha atau jasanya dengan syarat tidak menimbulkan fitnah akibat pujian itu.

Periwayat Hadith

Sebelum ini telah disebutkan perbezaan mengenai nama al-Sa'ib lantaran banyaknya jalur hadith ini. Apapun, periwayat hadith yang dinisbahkan kepada Imam Ahmad, Abu Dawud dan Ibn Majah di sini bernama al-Sa'ib bin Abu al-Sa'ib, seorang yang mu'allaf dan seorang muslim yang baik. Beliau adalah ayah kepada Abdullah bin al-Sa'ib, salah satu qari' Makkah. Beliau termasuk seorang yang dianugerahkan umur panjang. Beliau hidup hingga zaman pemerintahan Mu'awiyah bin Abu Sufyan (r.a).

١٠٥- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اشْتَرَكْتُ أَنَا وَعَمَّارٌ وَسَعْدٌ فِيمَا نُصِيبُ يَوْمَ بَدْرٍ... الْحَدِيثَ. رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَغَيْرُهُ.

105- Daripada Abdullah bin Mas'ud (r.a), beliau berkata: "Saya, Ammar dan Sa'ad pernah berkongsi dalam harta rampasan yang kami peroleh sewaktu Perang Badar…". (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i: 905).

Makna Hadith

Athar ini merupakan dalil yang mensyariatkan perkongsian iaitu perkongsian badan sebagaimana yang dilakukan oleh Ibn Mas'ud, Ammar dan Sa'ad. Contohnya dua orang atau lebih yang berkongsi berkata: "Setiap

kita mengerjakan pekerjaan ini secara bersama-sama. Jika kita mendapatkan keuntungan, maka kita membahagikannya secara sama rata." Inilah yang dilakukan oleh Ibn Mas'ud, Ammar dan Sa'ad di mana harta rampasan mereka dibahagian secara sama rata di antara mereka. Dalam Perang Badar itu, Sa'ad berjaya menangkap dua orang tawanan sedangkan Ibn Mas'ud dan Ammar tidak berjaya menangkap orang kafir sebagai tawanan perang.

Analisis Lafaz

"اشْتَرَكْتُ", mengadakan perkongsian badan tanpa melibatkan harta atau sesuatu barang berhaga.

"وَسَعْدٌ", beliau adalah Sa'ad bin Abu Waqqash.

"نُصِيبُ", jika kita memperoleh harta rampasan.

"رَوَاهُ النَّسَائِيُّ" diriwayatkan oleh al-Nasa'i, Abu Dawud, Ibn Majah dan lain-lain menerusi jalur Abu Ubaidah daripada ayahnya bernama Abdullah bin Mas'ud. Abu Ubaidah tidak pernah mendengar hadith daripada ayahnya dan oleh kerananya, hadith ini *munqathi'*.

Fiqh Hadith

Dibolehkan mengadakan perkongsian badan. Pendapat ini menurut Imam Malik dengan syarat usahanya satu jenis sementara mazhab Hanafi tidak menjadikannya sebagai syarat.

Sementara Imam al-Syafi'i berkata: Setiap perkongsian badan adalah batil, kerana setiap orang mempunyai perbezaan dalam tubuh baik manfa'at mahupun kemampuan. Jadi ada kemungkinan perkongsian semacam hanya merugikan satu pihak sementara pihak yang lain lebih banyak mendapat keuntungan. Ini sama halnya dengan melakukan perkongsian dalam haiwan ternak sedangkan haiwan-haiwan itu tetap dipisahkan antara satu sama lain tanpa disatukan supaya susu dan anaknya dapat diketahui secara berasingan. Perkongsian seperti ini dianggap tidak sah."

Mazhab Syafi'i mengatakan hadith ini daif, kerana harta rampasan Perang Badar diserahkan kepada Rasulullah (s.a.w) kemudian baginda bebas mengagihkannya kepada sesiapa yang dikehendakinya.

Pendapat Imam al-Syafi'i turut dikemukakan oleh Ibn Hazm dengan menambahkan: "Mazhab Hanafi tidak membolehkan perkongsian badan terhadap haiwan buruan dan mazhab Maliki pula tidak membolehkan perkongsian badan jika memiliki dua tempat yang berlainan."

Penting

Menurut Ibn Batthal, ulama telah bersepakat bahawa perkongsian yang betul adalah setiap rakan kongsi mestilah mengeluarkan modal yang sama besar, kemudian mereka menggabungkan dan menjadikannya sebagai modal gabungan dan mereka kemudian bersama-sama mengelola dan mengusahakan modal itu. Jika kadar modal mereka berbeza antara satu sama lain, maka itu tetap dibolehkan tetapi keuntungan dan kerugian dihitung sesuai dengan modal yang telah dikeluarkan oleh masing-masing mereka.

١٠٦- وَعَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: أَرَدْتُ الْخُرُوجَ إِلَى خَيْبَرَ، فَأَتَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: "إِذَا أَتَيْتَ وَكِيلِي بِخَيْبَرَ، فَخُذْ مِنْهُ خَمْسَةَ عَشَرَ وَسْقًا". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ.

106- Daripada Jabir bin Abdullah (r.a), beliau berkata: "Saya ingin keluar menuju Khaibar, kemudian aku mendatangi Rasulullah (s.a.w) dan baginda bersabda: "Jika kamu mendatangi wakilku di Khaibar, ambillah lima belas wasaq daripadanya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud sekali gus menilainya sahiah: 906).

Makna Hadith

Hadith ini merupakan hadith pertama yang membincangkan perwakilan (*wakalah*) dalam bab ini. Ibn Hajar menyebutnya di sini sebagai dalil bahawa perwakilan sememangnya disyariatkan. Dalam hadith ini dinyatakan bahawa Rasulullah (s.a.w) memiliki seorang wakil di Khaibar dan baginda mengutus Jabir sebagai wakil dirinya mengambil beberapa *awsuq* di sana. Ini menunjukkan perwakilan itu disyariatkan.

Analisis Lafaz

"وَسْقًا", dengan membaca *fathah* huruf *waw* dan *sukun* huruf *sin*, ia sama dengan enam puluh sha'.

"رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ", saya tidak menjumpai sebarang komentar lain Abu Dawud setelah menyebut hadith ini. Ada kemungkinan Ibn Hajar turut mengikuti langkah Abu Dawud dalam menilai hadith ini. Apapun, Ibn Hajar menilai hadith ini sebagai *hasan* dalam kitab Fath al-Bari, kitab *al-khumus*.

Tetapi al-Munziri berkata: "Dalam sanad hadith ini terdapat Muhammad bin Ishaq bin Yasar." Maksudnya, dia adalah seorang *mudallas* kerana tidak menyatakan dengan jelas yang dirinya mendengar hadith.

Fiqh Hadith

1. Disunatkan memberitahu pemimpin atau wakilnya jika hendak mengadakan perjalanan ke luar negara.
2. Disyariatkan melantik wakil sama ada kuasanya bersifat mutlak ataupun bersifat terbatas dan ulama telah pun bersepakat dalam masalah ini.

   Sambungan hadith ini berbunyi:

   فَإِنِ ابْتَغَى مِنْكَ آيَةً – عَلاَمَةً – فَضَعْ يَدَكَ عَلَى تَرْقُوْتِهِ.

   "Jika dia (wakilku)itu memintamu bukti, maka letakkan tanganmu di atas pundaknya."

   Dengan hadith ini, ulama menganggap sunat membuat satu bukti atau tanda pengenal antara wakil dengan orang yang mewakilkan di mana tidak seorang pun yang mengetahui tanda pengenal itu selain mereka berdua kecuali mereka memberitahukan kepada orang yang telah mereka sepakti untuk didedahkan kepadanya.

١٠٧- وَعَنْ عُرْوَةَ الْبَارِقِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ مَعَهُ بِدِينَارٍ يَشْتَرِي لَهُ أُضْحِيَّةً... الْحَدِيثَ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ فِي أَثْنَاءِ حَدِيثٍ وَقَدْ تَقَدَّمَ.

107- Daripada 'Urwah al-Bariqi (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) mengutusnya dengan membawa satu dinar untuk membeli haiwan ternakan untuk dijadikan qurban baginya…. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari di tengah-tenagah suatu hadith: 907).

Pemabahasan ini telah pun dihuraikan dalam kitab jual beli hadith ke-39. Hadith ini merupakan landasan yang mengharuskan perwakilan (*wakalah*).

١٠٨- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: بَعَثَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عُمَرَ عَلَى الصَّدَقَةِ... الْحَدِيثَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

108- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasululalh (s.a.w) pernah mengutus Umar untuk mengutip sedekah…. (Muttafaq alaih: 908).

Maksud hadith ini sama dengan hadith sebelumnya dan oleh kerananya, Ibn Hajar tidak menulis lafaz hadith ini dengan sempurna di mana di sini diceritakan bahawa baginda melantik Umar bin al-Khatthab untuk mengutip harta zakat.

١٠٩- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَحَرَ ثَلاَثًا وَسِتِّينَ، وَأَمَرَ عَلِيًّا أَنْ يَذْبَحَ الْبَاقِيَ... الْحَدِيثَ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

109- Daripada Jabir (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah menyembelih enam puluh tiga ekor dan menyuruh Ali untuk menyembelih bakinya…. (Diriwayatkan oleh Muslim: 909).

Pembahasan ini telah dibahas dalam kitab Haji di mana di situ ditegaskan bahawa hadith ini merupakan dalil yang mengharuskan perwakilan untuk menyembelih haiwan qurban berdasarkan ijma' ulama dengan syarat wakilnya itu seorang muslim. Jika wakilnya itu seorang ahli kitab, maka perwakilan tetap sah di sisi Imam al-Syafi'i dengan syarat pemilik haiwan qurban berniat berqurban ketika melakukan *wakalah* atau ketika menyembelihnya.

١١٠- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِي قِصَّةِ الْعَسِيفِ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "وَاغْدُ يَا أُنَيْسُ عَلَى امْرَأَةِ هَذَا، فَإِنْ اعْتَرَفَتْ فَارْجُمْهَا... الْحَدِيثَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

110- Daripada Abu Hurairah dalam kisah seorang buruh (*al-'asif*), Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Pergilah pada waktu pagi wahai Unais untuk menemui isteri orang ini. Jika dia mengaku berzina, maka rejamlah dia…. (Muttafaq alaihi: 910).

Permasalahan ini akan dibahas secara mendetail dalam kitab hudud dan tujuan menyebutnya dalam bab ini sebagai pemberitahuan bahawa seorang pemimpin dibolehkan mewakilkan orang lain dalam melaksanakan hukuman hudud.

Soalan

1. Apakah takrif perkongsian dan perwakilan secara bahasa dan syariat?
2. Sebutkan satu hadith yang menggalakkan melakukan perkongsian dan bersifat jujur di dalamnya kemudian buat ulasan ke atas hadith itu?
3. Apakah faktor yang menjadikan hadith al-Sa'ib bin Abu al-Sa'ib, rakan kongsi Rasulullah (s.a.w) pada suatu ketika dahulu sebagai daif?
4. Bagaimanakah pendapat ulama fiqh yang membolehkan perkongsian secara badan?

5. Sebutkan perkongsian yang sah di mana seluruh ulama bersepakat untuk mengharuskannya?
6. Sebutkan tiga hadith yang pada intinya mengharuskan *wakalah* dalam berjual beli, mengutip zakat dan menyembelih haiwan qurban?

BAB PENGAKUAN (*IQRAR*)

Iqrar menurut bahasa adalah pengakuan. Menurut syari'at pula pemberitahuan atau pengakuan seseorang ke atas perbuatannya.

١١١- عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ لِي رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "قُلِ الْحَقَّ، وَلَوْ كَانَ مُرًّا". صَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ فِي حَدِيثٍ طَوِيلٍ.

111- Daripada Abu Dzarr (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Katakan yang benar itu walaupun pahit." (Dinilai sahih oleh Ibn Hibban dalam satu hadith yang panjang: 911).

Makna Hadith

Kadang kala seseorang berkata bohong kerana takut membahayakan diri dan keluarganya. Oleh itu, Islam menganjurkan agar umat manusia sentiasa mengatakan kebenaran walaupun itu getir, di mana Rasulullah (s.a.w) menyuruh Abu Dzar untuk tidak merahsiakan kebenaran, walaupun itu sukar dilakukan seperti mana sukar menelan makanan yang rasanya pahit.

Perkataan ini disampaikan oleh Rasulullah (s.a.w) dalam sejumlah wasiat kepada Abu Dzar yang bunyi lengkapnya adalah sebagai berikut seperti mana yang diceritakan oleh Ab u Dzar:

أَوْصَانِي خَلِيْلِي رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَمَ بِخِصَالٍ مِنَ الْخَيْرِ؛ أَوْصَانِي بِأَنْ لاَ أَنْظُرَ إِلَى مَنْ هُوَ فَوْقِي، وَأَنْ أَنْظُرَ إِلَى مَنْ هُوَ دُوْنِي، وَأَوْصَانِي بِحُبِّ الْمَسَاكِيْنِ وَالدُّنُوِّ مِنْهُمْ، وَأَوْصَانِي أَنْ أَصِلَ رَحِمِي وَإِنْ أَدْبَرَتْ، وَأَوْصَانِي أَنْ لاَ أَخَافَ فِي اللهِ لَوْمَةَ لاَئِمٍ، وَأَوْصَانِي أَنْ أَقُوْلَ الْحَقَّ وَإِنْ كَانَ مُرًّا، وَأَوْصَانِي أَنْ أُكْثِرَ مِنْ قَوْلِ لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ

بِاللهِ، فَإِنَّهَا كَنْزٌ مِنْ كُنُوْزِ الْجَنَّةِ.

"Kekasihku Rasulullah (s.a.w) memberi wasiat kepada dengan sejumlah kebaikan. Baginda mewasiatkanku supaya tidak melihat kepada orang yang berada di atasku, sebaliknya melihat orang yang berada di bawahku. Baginda mewasiatkanku untuk mencintai orang miskin dan mendekati mereka. Baginda mewasiatkanku untuk menjalin silaturrahim meskipun mereka berpaling daripadaku. Baginda mewasiatkanku untuk tidak takut celaan orang yang mencela selagi itu di jalan Allah. Baginda mewasiatkanku untuk mengatakan kebenaran meskipun itu pahit. Baginda mewasiatkanku untuk memperbanyak membaca "لاَ حَوْلَ وَلاَ قُوَّةَ إِلاَّ بِاللهِ", kerana ia salah satu perbendaharaan syurga."

Setelah menyuruh menyampaikan kebenaran, baginda menyuruh Abu Dzar untuk tidak merasa takut dengan celaan orang yang mencela selagi itu di jalan Allah. Ini menunjukkan bahawa kebenaran apabila disampaikan selalunya mendatangkan makian daripada orang sekitarnya. Jadi hadith ini menegaskan untuk tidak merasa takut dengan makian itu bahkan tidak perlu mempedulikannya. Dalam kaitan ini Allah (s.w.t) berfirman:

۞ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ بِٱلْقِسْطِ شُهَدَآءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰٓ أَنفُسِكُمْ أَوِ ٱلْوَٰلِدَيْنِ وَٱلْأَقْرَبِينَ ۚ إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَٱللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا ۖ فَلَا تَتَّبِعُوا۟ ٱلْهَوَىٰٓ أَن تَعْدِلُوا۟ ۚ وَإِن تَلْوُۥٓا۟ أَوْ تُعْرِضُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا ﴿١٣٥﴾

"*Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.*" (Surah al-Nisa': 135)

Analisis Lafaz

"مُرًّا", kalimat ini merupakan perumpamaan, kerana mengatakan kebenaran sangat sulit bagi setiap orang, sebagaimana sukar menelan sesuatu yang pahit.

Fiqh Hadith

1. Hukum menyatakan kebenaran adalah wajib dan tidak boleh gentar untuk menyampaikan kebenaran.
2. Setiap manusia hendaklah mengakui segala perbuatannya dan ia dapat dijadikan sebagai bukti di muka pengadilan.

Penting

Dalam bab hudud dan qisas akan dikemukakan sejumlah hadith yang menerangkan iqrar, *insya Allah*.

Soalan

Sebutkan hadith tentang pengakuan dan buat ulasan ke atasnya?

BAB PINJAMAN (*'ARIYYAH*)

'Ariyyah dengan membaca *tasydid* huruf *ya'* yang secara bahasa berasal dari perkataan "عار الفرس" (kuda itu pergi), kerana barang pinjaman pergi daripada tangan peminjam.

Pendapat lain mengatakan kalimat ini berasal dari "العار" (pinjaman) kerana seseorang tidak melakukan pinjman kecuali dia benar-benar memerlukan. Ada pula yang mengatakan ia berasal dari kalimat "التعاور" yang bermaksud pergantian.

'Ariyyah menurut syari'at pula adalah membolehkan orang lain untuk memakai manfa'at barang yang dipinjamkan tanpa bermaksud menjadikannya sebagai hak milik.

١١٢- عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "عَلَى الْيَدِ مَا أَخَذَتْ حَتَّى تُؤَدِّيَهُ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

112- Daripada Samurah bin Jundub (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tangan bertanggung jawab terhadap apa yang diambil sampai dikembalikan semula." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan *al-Arba'ah*, dinilai sahih oleh al-Hakim: 912).

Makna Hadith

Manusia sentiasa memerlukan sesuatu dalam mengharungi kehidupan. Ketika memerlukan sesuatu, ada ketikanya dia tidak mampu memilikinya. Di sinilah Islam datang untuk mengharuskan pinjam meminjam bagi memastikan mereka mampu memenuhi keperluannya, tetapi orang yang meminjam wajib memulangkan semula barang pinjaman itu kepada pemiliknya dan dia wajib bertanggung jawab ke atas keutuhannya. Jika rosak, dia wajib memperbaikinya hingga dapat dipulangkan seperti mana dia sebelum mengambilnya.

Analisis Lafaz

"عَلَى الْيَدِ", ada kalimat yang dibuang di sini, iaitu: "wajib". Jadi seseorang itu wajib. Perkataan "tangan" di sini hanya sekadar menunjukkan kebiasaan atau sekadar perumpamaan, kerana jika seseorang telah mengambil barang, maka dia berhak menggunakannya dengan tangan sendiri.

"مَا أَخَذَتْ", sama ada titipan,pinjaman dan lain-lain.

Al-Shan'ani berkata: "Hadith ini sering kali dijadikan dalil untuk jaminan pada tidak demikian."

Bagi pensyarah kitab ini, dalam Sunan Abu Dawud dinyatakan pada bahagian akhir hadith ini bahawa al-Hasan lupa lalu berkata: "Dia adalah orang kepercayaanmu dan tidak ada jaminan ke atasnya." Ini adalah perkataan salah seorang periwayat hadith yang sekali gus mentafsirkan hadith ini sendiri. Maksudnya di sini adalah jaminan ke atas pinjaman. Oleh itu, Abu Dawud telah membuat satu bab: jaminan pinjaman.[17]

Al-Thibi berkata: "ما" dalam hadith itu adalah mawsulah berkedudukan mubtada' sedangkan "على اليد" sebagai khabar. Mengikut pendapat yang kuat, *khabar*-nya dibuang dan kalimat lengkapnya adalah: "Apa-apa yang diambil oleh tangan mesti dijamin oleh si pemilik tangan itu."

"تُؤَدِّيَهُ", memulangkannya kepada pemiliknya dalam keadaan utuh seperti semula.

"وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ", al-Hakim menilainya sahih tanpa sebarang komentar lain. Hadith ini berasal dari riwayat al-Hasan daripada Samurah. Ulama hadith berbeza pendapat tentang keadaan hadith al-Hasan daripada Samurah ini. Ibn al-Madini menilainya sahiah, demikian pula al-Bukhari yang merupakan murid al-Madini dan kemudian langkah ini diikuti oleh al-Tirmidhi. Yahya al-Qatthan, Ibn Mu'in dan lain-lain menilainya daif. Dalam beberapa hadith yang lain, al-Nasa'i, Ibn Asakir, Abdul Haqq dan lain-lain turut menilainya sahih.

Fiqh Hadith

1. Wajib memulangkan barang yang dipinjam, sama ada pinjaman mahupun titipan, kerana itu milik orang lain.
2. Peminjam barang wajib bertanggung jawab ke atas barang yang dipinjamnya. Jika barang itu rosak maka dia wajib mengganti

[17] Penulis kitab 'Awn al-Ma'bud berpendapat bahawa perkataan Qatadah: "Kemudian al-Hasan lupa…" adalah satu kesilapan. Ini kerana al-Hasan berpendapat bahawa hadith ini tidak bermaksud adanya jaminan dalam pinjaman. Apapun, pendapat ini tidak mungkin dilakukan oleh Qatadah terlebih-lebih lagi Qatadah seorang yang tahu betul siapa sebenarnya al-Hasan itu.

atau memperbaikinya. Inilah pendapat Ibn Abbas, Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad dan Ishaq. Menurut al-Hadi dan sekumpulan ulama, peminjam wajib bertanggung jawab ke atas kerosakan barang yang dipinjamnya jika peminjam telah mensyaratkan demikian. Jika tidak, maka tidak ada kewajipan membuat ganti rugi. Dalilnya hadith yang diriwayatkan Shafwan yang bakal disebutkan berikut ini. Menurut al-Hasan dan Imam Abu Hanifah, kerosakan barang yang dipinjam tidak wajib diganti rugi kecuali kerosakan itu dilakukan dengan sengaja. Dalilnya sabda Rasulullah (s.a.w):

لَيْسَ عَلَى الْمُسْتَعِيْرِ غَيْرُ الْمُغِلِّ، وَلاَ عَلَى الْمُسْتَعِيْرِ غَيْرُ الْمُغِلِّ ضَمَانٌ.

"*Peminjam tidak wajib bertanggung jawab ke atas barang yang dipinjamnya kecuali dia merosakkannya dengan sengaja dan orang yang menerima titipan tidak wajib bertanggung jawab ke atas barang titipan itu kecuali dia merosakkannya dengan sengaja.*" Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daruquthni dan al-Baihaqi daripada Ibn Umar sekali menilainya daif dan mereka meyakini hadith *mawquf* kepada Syuraih. Jadi hadith ini tidak boleh dijadikan sebagai hujah.

١١٣- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَدِّ الْأَمَانَةَ إِلَى مَنِ ائْتَمَنَكَ، وَلاَ تَخُنْ مَنْ خَانَكَ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ، وَاسْتَنْكَرَهُ أَبُو حَاتِمٍ الرَّازِيُّ وَأَخْرَجَهُ جَمَاعَةٌ مِنَ الْحُفَّاظِ وَهُوَ شَامِلٌ لِلْعَرِيَّةِ.

113- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tunaikan amanah kepada orang yang menitipkan kepadamu dan janganlah kamu mengkhianati orang yang pernah berkhianat kepadamu." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Tirmidhi yang menilainya hasan, dinilai sahih oleh al-Hakim, namun Abu Hatim al-Razi menilainya munkar. Ia dikeluarkan oleh sekumpulan ulama hadith kerana mencakup masalah pinjaman: 913).

Makna Hadith

Hadith ini memuatkan dua permasalahan, iaitu:

Pertama, "tunaikan amanah kepada orang yang menitipkan kepadamu." Hadith ini bersifat umum yang mencakupi pinjaman dan titipan malah segala suatu yang dianggap amanah. Allah (s.w.t) berfirman:

﴿ إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَن تُؤَدُّوا۟ ٱلْأَمَـٰنَـٰتِ إِلَىٰٓ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ ٱلنَّاسِ أَن تَحْكُمُوا۟ بِٱلْعَدْلِ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُم بِهِۦٓ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ سَمِيعًۢا بَصِيرًا ﴿٥٨﴾

"*Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat.*" (Surah al-Nisa': 58).

Kedua, "dan jangan kamu mengkhianati orang yang pernah berkhianat kepadamu." Ini merupakan masalah balas dendam, di mana seorang lelaki ingin merosak harta orang lain, kerana orang itu telah merosakkan harta miliknya. Hadith ini melarang segala bentuk perbuatan khianat.

Ulama berbeza pendapat mengenai tafsiran khianat di sini sebagaimana yang akan dibahas berikut ini.

Analisis Lafaz

"أَدِّ", ia berasal dari perkataan "الأداء", yakni melaksanakan sesuatu sesuai dengan ketentuan yang berlaku.

"رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ", Ibn Hajar ingin menilai hadith ini hasan dengan tidak memberikan apa-apa komentar ke atasnya. Ini mengikuti langkah Abu Dawud yang tidak mahu memberi apa-apa komentar jika suatu hadith itu tidak bermasalah, sebaliknya jika ada masalah, maka beliau memberi komentar ke atasnya. Apapun, tidak setiap hadith yang didiamkan oleh Abu Dawud itu bererti hasan atau sahih. Ibn Hajar sebaiknya menukil pernilaian hasan yang dibuat oleh al-Tirmidhi yang berkata setelah menyebut hadith ini: "Hadith ini hasan *gharib*."

"وَاسْتَنْكَرَهُ أَبُو حَاتِمٍ الرَّازِيُّ", Abu Hatim al-Razi berkata: "Hadith ini munkar." Ini kerana hadith ini bercanggah dengan zahir nas, meskipun sebenarnya tidak demikian.

"وَأَخْرَجَهُ جَمَاعَةٌ مِنَ الْحُفَّاظِ", ulama hadith ini yang dimaksudkan di sini seperti al-Daruquthni, al-Baihaqi, al-Baghawi, al-Tabrani dan lain-lain. Setiap jalur bagi hadith masih dipertikai, namun jalur yang paling baik adalah jalur Abu Dawud yang dikeluarkan daripada jalur Syarik dan Qais, meskipun keduanya adalah daif daripada Abu Hushain daripada Abu Shalih daripada Abu Hurairah. Hadith ini boleh dinilai hasan kerana adanya *mutaba'ah* daripada Syarik dan Qais.

Hadith ini mempunyai beberapa *syahid* di sisi Abu Dawud. pertama, daripada seorang periwayat yang tidak diketahui. Kedua, daripada Mak-hul daripada Abu Umamah yang dinilai sebagai *marfu'*, namun sanadnya daif. Ketiga, daripada al-Hasan secara *mursal*. Keempat, hadith marfu' daripada Anas namun di dalam sanadnya terdapat Ayyub bin Suwaid, periwayat daif. Semua *syahid* ini diriwayatkan oleh al-Baihaqi di dalam al-Sunan. Hadith dengan pelbagai jalur dan *syahid* ini layak untuk dinilai sebagai hasan.

Fiqh Hadith

1. Hukum menunaikan amanah adalah wajib, sama ada amanah pesanan, pinjaman dan lain-lain sebagainya.
2. Larangan berkhianat meskipun orang itu pernah berkhianat ke atas dirinya sebelumnya. Inilah yang disebut sebagai balas dendam, di mana seseorang yang dizalimi ingin balas dendam terhadap perlakuan musuhnya. Ulama berbeza pendapat dalam masalah ini. Menurut Imam al-Syafi'i, dibolehkan melakukan balas dendam untuk sekadar menunaikan haknya, sama ada sama seperti haknya atau sebaliknya. Dalilnya firman Allah (s.w.t):

   وَجَزَٰٓؤُاْ سَيِّئَةٍ سَيِّئَةٌ مِّثۡلُهَاۖ ..... ﴿٤٠﴾

   "*Balasan kejahatan adalah kejahatan yang serupa*…" (Surah al-Syura: 40) Allah (s.w.t) berfirman:

   وَلَمَنِ ٱنتَصَرَ بَعۡدَ ظُلۡمِهِۦ فَأُوْلَٰٓئِكَ مَا عَلَيۡهِم مِّن سَبِيلٍ ﴿٤١﴾

   "*Dan sesungguhnya orang yang bertindak membela diri setelah ia dizalimi, maka mereka yang demikian keadaannya, tidak ada sebarang jalan hendak menyalahkan mereka.*" (Surah al-Syura: 41) Allah (s.w.t) berfirman:

   ..... وَٱلۡحُرُمَٰتُ قِصَاصٞۚ ..... ﴿١٩٤﴾

   "*…dan tiap-tiap perkara yang dihormati itu (jika dicabuli), ada balasannya yang seimbang*…" (Surah al-Baqarah: 194) Demikian pula hadith isteri Abu Sufyan yang dibenarkan oleh Rasulullah (s.a.w) mengambil harta suaminya untuk memenuhi keperluannya, kerana Abu Sufyan tidak pernah diberinya wang belanja. Imam al-Syafi'i membantah hadith ini dengan mengatakan ia bukan hadith sahih. Walau dikatakan sahih sekalipun, , ia tetap tidak dapat dijadikan hujah di samping perintah yang di dalamnya bersifat *mustahab* dan ada pula kemungkinan mengambil harta orang zalim tidak masuk ke dalam kategori perbuatan khianat. Jadi perbuatan itu tidak masuk ke dalam keumuman hadith ini. Ada pula kemungkinan bahawa apa yang diharamkan itu adalah mengambil sesuatu yang melebihi

hak miliknya. Menurut mazhab Hanafi, dibolehkan mengambil emas atau perak, namun selain itu tidak boleh dilakukan. Pendapat serupa turut dikemukakan oleh Sufyan. Menurut Imam Malik, tidak boleh menyia-nyiakan titipan dan tidak boleh pula mengambil sesuatu daripadanya sebagaimana yang ditegaskan dalam hadith ini. Menurut Ibn Hazm, seseorang dibolehkan mengambil sesuatu sesuai dengan kadar hak miliknya, sama sejenis barang hak miliknya ataupun tidak. Jika dia tidak berbuat demikian, maka dia termasuk orang yang berbuat maksiat, kecuali dia telah menghalalkannya atau menyedekahkannya. Jika demikian, maka dia memperoleh ganjaran pahala. Jika pemilik barang amanah telah mengambil barangnya lalu dia menuntut semula kepada penerima amanah, lalu dia mengingkarinya dan ketika diminta bersumpah, maka dia pun bersumpah, maka orang mendapatkan pahala di atas sikapnya yang mempertahankan kebenaran. Pendapat ini disokong oleh al-Shan'ani.

١١٤- وَعَنْ يَعْلَى بْنِ أُمَيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ لِيْ رَسُولُ اللهِ صَلَّى ا اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا أَتَتْكَ رُسُلِي فَأَعْطِهِمْ ثَلاَثِينَ دِرْعاً"، قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَعَارِيَةٌ مَضْمُونَةٌ أَوْ عَارِيَةٌ مُؤَدَّاةٌ؟ قَالَ: بَلْ عَارِيَةٌ مُؤَدَّاةٌ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

114- Daripada Ya'la bin Umayyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda kepadaku: "Jika utusan-utusanku datang kepadamu, berilah mereka tiga puluh baju besi." Aku berkata: "Wahai Rasulullah, apakah itu sebagai pinjaman *madhmunah* atau pinjaman *mu'addah*?" Baginda menjawab: "Ia adalah pinjaman *mu'addah*." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Nasa'i serta dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 914).

Makna Hadith

Hadith ini memperincikan pinjaman *madhmunah* dan pinjaman *mu'addah*, kemudian Rasulullah (s.a.w) menjelaskan bahawa kedua-dua pinjaman tersebut berbeza antara satu sama lain.

Analisis Lafaz

"أَعَارِيَةٌ مَضْمُونَةٌ أَوْ عَارِيَةٌ مُؤَدَّاةٌ", pinjaman *madhmunah* adalah jika barang itu rosak, maka ia mesti dibayar ganti ruginya sesuai dengan harganya, sementara pinjaman *mu'addah* adalah pinjaman yang wajib dipulangkan dengan

memulangkan barang itu seutuhnya dan jika rosak, maka ia tidak diganti rugi sesuai dengan harganya.

Fiqh Hadith

1. Diboleh membuat pinjaman dan ia tidak menjatuhkan maruah seseorang selagi untuk kepentingan orang muslim, bukan untuk kepuasan peribadi dan berfoya-foya.
2. Disunatkan bertanya kepada orang yang memberi pinjaman sebelum menyerahkan barangnya, sama ada pinjaman berbentuk *madhmunah* ataupun tidak.
3. Disunatkan pinjaman itu dijamin ganti ruginya sekiranya berlaku kerosakan yang disengajakan supaya orang yang memberi pinjaman tidak susah hati.
4. Pinjaman tidak dijamin ganti ruginya melainkan ada syarat yang menentukan ia mesti diganti rugi sekiranya berlaku kerosakan.

١١٥- وَعَنْ صَفْوَانَ بْنِ أُمَيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَعَارَ مِنْهُ دُرُوعاً يَوْمَ حُنَيْنٍ. فَقَالَ: أَغَصْبٌ يَا مُحَمَّدُ؟ قَالَ: بَلْ عَارِيَةٌ مَضْمُونَةٌ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَأَحْمَدُ وَالنَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

115- Daripada Shafwan bin Umayyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah meminjam beberapa baju besi milik Shafwan bin Umayyah sewaktu Perang Hunain, lalu dia berkata: "Adakah ini suatu perampasan wahai Muhammad?" Baginda bersabda: "Ia adalah pinjaman *madhmunah*, di mana harganya akan diganti rugi sekiranya berlaku kerosakan." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, Imam Ahmad dan al-Nasa'i, dinilai sahih oleh al- Hakim: 915).

١١٦- وَأَخْرَجَ لَهُ شَاهِدًا ضَعِيفًا عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ.

116- Al-Hakim turut meriwayatkan hadith daif daripada Ibn 'Abbas sebagai *syahid* bagi hadith tersebut di atas. (916).

Makna Hadith

Hadith ini sama seperti hadith sebelumnya di mana sama-sama membincangkan tentang jaminan ke atas barang pinjaman dan jaminan itu tidak wajib dilakukan melainkan sebelumnya telah ada kesepakatan untuk berbuat demikian. Abu Dawud meriwayatkan hadith ini dengan lafaz yang lebih panjang yang bunyinya sebagai berikut:

أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: يَا صَفْوَانُ، هَلْ عِنْدَكَ مِنْ سِلاَحٍ؟ قَالَ: عَارِيَةً أَمْ غَصْبًا؟ قَالَ: لا، بَلْ عَارِيَةً، فَأَعَارَهُ مَا بَيْنَ الثَّلاَثِينَ إِلَى الْأَرْبَعِينَ دِرْعًا، وَغَزَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حُنَيْنًا، فَلَمَّا هُزِمَ الْمُشْرِكُونَ جُمِعَتْ دُرُوعُ صَفْوَانَ فَفَقَدَ مِنْهَا أَدْرَاعًا، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِصَفْوَانَ: إِنَّا قَدْ فَقَدْنَا مِنْ أَدْرَاعِكَ أَدْرَاعًا فَهَلْ نَغْرَمُ لَكَ؟ قَالَ: لاَ يَا رَسُولَ اللهِ، لِأَنَّ فِي قَلْبِي الْيَوْمَ مَا لَمْ يَكُنْ يَوْمَئِذٍ. قَالَ أَبُو دَاوُد: وَكَانَ أَعَارَهُ قَبْلَ أَنْ يُسْلِمَ ثُمَّ أَسْلَمَ.

"Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Wahai Shafwan, adakah kamu mempunyai senjata?" Dia menjawab: "Apakah kamu meminjamnya atau merampasnya?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: Tidak merampas, tetapi aku ingin meminjamnya." Shafwan kemudian meminjamkan tiga puluh sampai empat puluh baju perang kepada Rasulullah (s.a.w) untuk mengharungi Perang Hunain. Ketika berhasil mengalahkan pasukan orang musyrik, Rasulullah (s.a.w) mengumpulkan baju perang yang dipinjam daripada Shafwan, namun beberapa baju daripadanya ada yang hilang. Baginda bersabda kepada Shafwan: "Sesungguhnya kami kehilangan beberapa baju perang yang kamu pinjamkan kepadaku tempoh hari, adakah kamu berkenan jika kami menggantinya?" Dia menjawab: "Tidak wahai Rasulullah, kerana pada hari ini hatiku telah berubah dan tidak seperti dahulu lagi." Abu Dawud berkata: "Abu Shafwan meminjamkan baju perang itu sebelum dia masuk Islam, kemudian dia masuk agama Islam."

Analisi Lafaz

"دُرُوعاً", telah disebutkan dalam hadith yang diriwayatkan Abu Dawud bahawa jumlahnya sekitar tiga puluh sampai empat puluh. Dalam riwayat al-Baihaqi melalui jalur *mursal* bahawa jumlahnya sekitar lapan puluh. Dalam riwayat al-Hakim daripada Jabir bahawa jumlahnya sekitar seratus baju perang.

"أَغَصْبٌ", dengan membacanya *dhammah* kerana ia berkedudukan sebagai *mubtada'*. Dalam kebanyakan riwayat disebutkan: "أغصبا" dengan membacanya *nashab*. Asalnya kalimat ini adalah "أتأخذ غصبا". *Al-Ghasb* adalah mengambil sesuatu secara paksa tanpa meminta izin terlebih dahulu kepada pemiliknya dan tanpa membayar harganya.

"يَا مُحَمَّدُ", dia tidak mengatakan wahai Rasulullah. Ini membuktikan bahawa dia belum masuk Islam ketika itu sebagaimana yang ditegaskan oleh Abu Dawud.

"عَارِيَةٌ مَضْمُونَةٌ", kamu membayar kepadaku jika barang itu rosak.

"وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ", hadith ini tidak mungkin dikatakan sahih, kerana di dalam sanadnya terdapat Umayyah bin Shafwan bin Umayyah, seorang yang majhul dan Syarik in Abdullah al-Qadhi, seorang yang memiliki buruk hafalan.

"وَأَخْرَجَ لَهُ شَاهِدًا", ini menunjukkan Ibn Hajar tidak yakin dengan kesahihan hadith ini hingga perlu menyebutkan *syahid* ke atasnya. Sebaiknya al-Hafiz Ibn Hajar menyebutkan hadith Jabir sebagai *syahid*, kerana sanadnya hasan dan tidak memiliki sebarang cacat seperti mana saya telah menjelaskan masalah ini di dalam kitab *al-Dark bi Tahkrij al-Mustadrak*.

Fiqh Hadith

1. Dibolehkan meminjam barang kepada orang bukan muslim.
2. Dibolehkan meminjam peralatan perang atau barang yang dipastikan bakal rosak jika diguna pakai, atau barang yang nilainya dipastikan berkurang jika diguna pakai. Semua itu tidak menjadikan peminjaman dilarang di sisi syariat.
3. Sedikit kecacatan pada barang pinjaman tidak menyebabkan peminjam membayar ganti rugi ke atasnya terlebih lagi jika barang itu sukar dijumpai di pasaran.
4. Orang yang meminjam boleh bertanya tentang syarat jaminan kepada orang yang memiliki barang.
5. Jaminan ke atas barang yang dipinjam mesti dengan syarat dan ketetapan yang telah disepakati sebelumnya oleh kedua pihak.

Periwayat Hadith

Shafwan bin Umayyah, salah seorang tokoh terkemuka Quraisy. Pada waktu pembukaan kota Makkah, dia melarikan diri dan suaka politik. Dia kemudian kembali menghadap Rasulullah pada waktu Perang Hunain lalu masuk Islam. Dia kemudian menjadi salah seorang muslim yang baik.

Soalan

1. Apakah takrif *'ariyyah*?
2. Huraikan sabda Rasulullah (s.a.w): "على اليد ما أخذت حتى تؤديه"?
3. Bincangkan riwayat al-Hasan bin Samurah?
4. Wajibkah peminjam membuat jaminan ke atas barang yang dipinjamnya? Sebutkan pendapat ulama fiqh dalam masalah ini disertai dengan menyebut dalilnya?

5. Apakah yang dimaksudkan dengan balas dendam itu? Bagaimanakah pendapat ulama fiqh dalam masalah dan apa pula hujah mereka?
6. Sebutkan hadith Shafwan bin Umayyah yang telah meminjamkan baju perang dan bincangkan hukum fiqh yang terdapat di dalamnya?

BAB ROMPAKAN (*GHASHB*)

Al-Ghashb dengan membaca *fathah* huruf *ghin* dan *sukun* huruf *shad* adalah mengambil harta orang lain tanpa menggunakan cara yang dibenarkan di sisi Islam dan biasanya dilakukan dengan cara paksa.

١١٧- عَنْ سَعِيدِ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ اقْتَطَعَ شِبْرًا مِنْ الْأَرْضِ ظُلْماً طَوَّقَهُ اللهُ إِيَّاهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ سَبْعِ أَرَضِينَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

117- Daripada Sa'id bin Zaid (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa mengambil sejengkal tanah dengan cara zalim, maka tanah itu sampai tujuh lapis bumi akan dikalungkan oleh Allah kepadanya kelak pada hari kiamat." (Muttafaq alaihi: 917).

Makna Hadith

Merompak adalah mengambil harta orang lain dengan cara yang tidak dibenarkan. Ia merupakan salah satu perbuatan zalim dan memakan harta orang lain dengan cara batil. Hadith ini menjelaskan bahawa balasan ke atas perbuatan mengambil tanah orang lain dengan cara tidak betul itu adalah pada hari kiamat kelak Allah akan mengalungkan tanah itu di leharnya hingga tujuh lapis bumi.

Analisis Lafaz

"اقْتَطَعَ", mengambil penggalan sesuatu. Kata kerja ini mengikut timbangan "افتعل". Jadi kalimat ini menunjukkan perbuatan semena-mena dalam mengambil hak orang lain, kerana orang yang melakukan perbuatan ini memotong sesuatu daripada asalnya, kemudian menjadikan penggalan itu

menjadi miliknya.

"شِبْرًا", jumlah dan kadarnya tidak ditentukan dengan jelas, sebaliknya hanya menyebutkan bahagian paling kecil sahaja. Jika ada lagi bahagian yang lebih kecil daripada itu, tentu disebut di dalam hadith ini.

"ظُلْماً", dengan cara yang tidak benar.

"طَوَّقَهُ", dengan membaca *fathah* huruf *tha'* dan *tasydid* huruf *waw*. Ulama berbeza pendapat mengenai makna *tathwiq* ini.

Ada yang mengatakan bahawa Allah menyuruhnya memindahkan tanah yang diambil secara zalim itu pada hari kiamat ke padang mahsyar. Ini sama dengan mengalungkan tanah itu di atas lehernya, namun tidak bermaksud dia benar-benar mengalungkannya. Tafsiran ini disokong oleh hadith Abu Ya'la daripada al-Hakam bin al-Harits secara *marfu'*:

مَنْ أَخَذَ مِنْ طَرِيْقِ الْمُسْلِمِيْنَ شِبْرًا، جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَحْمِلُهُ مِنْ سَبْعِ أَرَضِيْنَ.

"Barang siapa yang mengambil tanah yang menjadi laluan kaum muslimin, maka pada hari kiamat kelak dia datang dengan membawa tujuh lapis bumi." (Sanadnya hasan)[18]

Ada yang mengatakan bahawa orang diseksa dengan ditenggelamkan ke dalam tujuh lapis bumi. Jadi setiap lapisan tanah berada di lehernya. Pendapat ini disokong oleh hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Ibn Umar:

مَنْ أَخَذَ شِبْرًا مِنَ الأَرْضِ بِغَيْرِ حَقِّهِ خُسِفَ بِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِلَى سَبْعِ أَرَضِيْنَ.

"Barang siapa yang mengambil sejengkal tanah dengan cara yang tidak betul, Allah akan menenggelamkannya ke dalam tujuh lapis bumi pada hari kiamat kelak."

Pendapat lain mengatakan bahawa apa yang dikalungkannya itu adalah dosa, namun pendapat ini lemah.

"أَرَضِيْنَ", dengan membaca *fathah* huruf *ra'* namun boleh pula membacanya *sukun*. Maksudnya tujuh lapis dan setiap lapis terdiri daripada tanah, sebagai mana firman Allah:

ٱللَّهُ ٱلَّذِى خَلَقَ سَبْعَ سَمَٰوَٰتٍ وَمِنَ ٱلْأَرْضِ مِثْلَهُنَّ يَتَنَزَّلُ ٱلْأَمْرُ بَيْنَهُنَّ لِتَعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ وَأَنَّ ٱللَّهَ قَدْ أَحَاطَ بِكُلِّ شَىْءٍ عِلْمًۢا ﴿١٢﴾

[18] Menurut lafaz al-Tabrani adalah: "من أخذ أرضا بغير حقها كلف أن يحمل ترابها إلى الحشر" (Barang siapa yang mengambil sejengkal tanah dengan jalan yang tidak betul, maka Allah akan membebaninya untuk membawa tanah itu hingga ke padang mahsyar."

"Allah yang menciptakan tujuh petala langit dan (Ia menciptakan) bumi seperti itu; perintah Allah berlaku terus menerus di antara alam langit dan bumi. (Berlakunya yang demikian) supaya kamu mengetahui bahawa sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu, dan bahawa sesungguhnya Allah tetap meliputi ilmuNya akan tiap-tiap sesuatu." (Surah al-Thalaq: 12). Ulama melemahkan pendapat yang mengatakan bahawa maknanya adalah tujuh iklim.

Fiqh Hadith

1. Diharamkan melakukan perbuatan zalim dan orang yang berbuat zalim diancam dengan seksa di akhirat kelak.
2. Diharamkan mengambil tanah orang lain walaupun itu sedikit, tetapi sebahagian ulama fiqh mensyaratkan tanah yang diambil itu mempunyai nilai. Jika seseorang mengambil sedikit tanah yang tidak bernilai, tetapi dia mengambilnya secara berulang-ulang sehingga tanah itu menjadi bernilai, apakah perbuatan itu dikategorikan merompak? Menurut jumhur ulama, perbuatan itu tidak dikategorikan merompak, tetapi dia berdosa dan memakan harta haram sepanjang masa, meskipun jumhur tidak mewajibkannya memmbayar ganti rugi.
3. Tanah dianggap dirampas apabila diambil secara paksa dan ini merupakan salah satu dosa besar menurut pendapat jumhur ulama, sementara menurut mazhab Hanafi, ini tidak termasuk perbuatan merompak.
4. Jika sebidang tanah telah menjadi milik seseorang, maka dia dibolehkan untuk meminjamkannya hingga ke sempadannya dan dia berhak melarang sesiapa pun daripada menggalinya untuk membuat sumur dan lain sebagainya. Dia pula dibolehkan menjual isi kandungan yang terdapat di dalam tanah itu berupa tembaga, batu bukit, arang baru dan lain sebagainya, malah dia berhak menggali tanah itu dan kemudian menjual tanah galiannya selagi perbuatannya itu tidak merugikan jiran tetangganya. Jika merugikan jirannya, maka itu tidak dibolehkan.
5. Al-Dawudi berkata: "Hadith ini menjadi dalil bahawa bumi terdiri daripada tujuh lapisan di mana antara satu lapisan dengan lapisan berikutnya saling melekat. Jika lapisan itu terpisah, memadailah bagi perompak itu mengalungkan tanah yang dia curi sahaja, kerana ia terpisah dengan lapisannya yang lain." Bagi pensyarah kitab ini pula bahawa hadith menjadi dalil bahawa bumi yang tujuh lapisan ini tidak melekat antara satu sama lain, sebaliknya ia saling berpisah. Jika ia melekat antara satu lapisan dengan lapisan berikutnya, tentu mengkalungkan tujuh lapis bumi bagi orang yang mengambil tanah milik orang lain adalah menjadi sia-sia dan tidak ada manfaat di sebalik menyebutnya. Menyebutkan tujuh lapisan bumi di sini adalah

sebagai ancaman dan amaran supaya seseorang tidak sewenang-wenang mengambil hak orang lain.

Penting

Apakah tanah mesti diganti rugi jika rosak atau hilang setelah ia dirompak?

Menurut jumhur ulama, ia wajib diganti rugi kerana diqiyaskan dengan benda alih. Menurut pendapat yang lain, ia tidak diganti rugi. Apapun, pendapat pertama adalah benar.

Periwayat Hadith

Beliau adalah Sa'id bin Zaid bin Amr al-Qurasyi al-'Adawi. Beliau adalah anak pakcik Umar sekali gus besan dengan saudara perempuan Umar bernama Fathimah dan salah seorang daripada sepuluh sahabat yang dijamin oleh Rasulullah (s.a.w) masuk syurga. Beliau masuk Islam sebelum baginda masuk ke dalam rumah al-Arqam, seorang muhajirin dan doanya sentiasa dimakbulkan. Beliau meninggal dunia di Madinah pada tahun ke-51 Hijriah. Hadithnya diriwayatkan oleh sekumpulan ulama.

١١٨- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ عِنْدَ بَعْضِ نِسَائِهِ، فَأَرْسَلَتْ إِحْدَى أُمَّهَاتِ الْمُؤْمِنِينَ مَعَ خَادِمٍ لَهَا بِقَصْعَةٍ فِيهَا طَعَامٌ، فَضَرَبَتْ بِيَدِهَا، فَكَسَرَتِ الْقَصْعَةَ، فَضَمَّهَا، وَجَعَلَ فِيهَا الطَّعَامَ. وَقَالَ: "كُلُوا"...، وَدَفَعَ الْقَصْعَةَ الصَّحِيحَةَ لِلرَّسُولِ، وَحَبَسَ الْمَكْسُورَةَ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ، وَالتِّرْمِذِيُّ وَسَمَّى الضَّارِبَةَ عَائِشَةَ، وَزَادَ: فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "طَعَامٌ بِطَعَامٍ، وَإِنَاءٌ بِإِنَاءٍ". وَصَحَّحَهُ.

118- Daripada Anas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) berada di dalam bilik salah seorang isterinya. Salah seorang isterinya mengirim pinggan yang berisi makanan yang dibawa oleh seorang pembantu. Isteri yang berada di dalam bilik Rasulullah (s.a.w) itu kemudian memukul pinggan itu dengan tangannya hingga pecah. Baginda kemudian menangkupkan pinggan itu dan meletakkan makanan di atasnya. Baginda bersabda: "Makanlah..." Baginda kemudian menyerahkan pinggan yang utuh itu kepada pembatu yang membawa makan tersebut dan pinggan yang pecah itu baginda simpan. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan al-Tirmidhi di mana beliau menyebutkan bahawa nama yang memukul pinggan itu adalah Aisyah, dan

menambahkan: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "makanan diganti dengan makanan dan bekas diganti bekas." Hadith dinilai sahih oleh al- Tirmidhi: 918).

Makna Hadith

Hadith ini menjelaskan permasalahan yang sering menjadi perdebatan di kalangan ulama fiqh, iaitu masalah ganti rugi ke atas barang yang rosak, apakah ganti ruginya mesti dengan barang yang sejenis atau dengan nilainya? Di sini dijelaskan bahawa Ummul Mu'minin yang memecahkan pinggan diperintahkan untuk mengganti barang yang serupa dengannya dan inilah yang mendorong ulama mengatakan ganti rugi mesti dilakukan dengan barang yang serupa dengannya bukan dengan nilainya.

Analisis Lafaz

"بَعْضِ نِسَائِهِ", al-Tirmidhi menyebut nama orang yang memecahkan pinggan itu dalam riwayatnya sebagaimana yang dikemukakan oleh Ibn Hajar bahawa dia adalah adalah Aisyah. Ini juga terdapat dalam riwayat al-Tabrani dalam kitab al-Awsath dan kitab al-Muhalla karya Ibn Hazm.

Menurut al-Thibi, nama Aisyah dirahsiakan dalam beberapa riwayat yang masyhur untuk merahsiakan kesalahan Aisyah. Beliau merasa cemburu kepada Rasulullah (s.a.w) kerana diberi hadiah di dalam rumahnya sendiri.

"فَأَرْسَلَتْ إِحْدَى أُمَّهَاتِ الْمُؤْمِنِينَ", menurut Ibn Hazm dalam kitabnya al-Muhalla bahawa orang yang mengirim hadiah itu adalah Zainab binti Jahsy. Menurut riwayat al-Daruquthni pula namanya adalah Hafshah. Dalam riwayat lain disebutkan bahawa namanya adalah Ummu Salmah. Menurut riwayat Abu Dawud pula disebutkan bahawa namanya adalah Shafiyyah. Apapun, tidak menolak kemungkinan bahawa kisah ini terjadi secara berulang kerananya ia berdasarkan riwayat yang sahih.

"مَعَ خَادِمٍ", kalimat ini boleh digunakan ke atas pembantu lelaki dan perempuan. Barangkali di sini maksudnya adalah pembantu perempuan, malah dalam beberapa riwayat disebutkan si fulanah (pembantu perempuan) namun tidak disebutkan dengan jelas namanya seperti mana yang ditegaskan oleh Ibn Hajar.

"بِقَصْعَةٍ", dengan membaca *fathah* huruf *qaf* adalah pinggan yang terbuat daripada kayu, namun dalam riwayat lain menggunakan lafaz "بصحفة".

"فِيهَا طَعَامٌ", makanan itu adalah bubur seperti mana yang dinyatakan dalam riwayat Ibn Hamz dalam kitab al-Muhalla.

"فَضَرَبَتْ بِيَدِهَا", barangkali maksudnya adalah memukul dengan sesuatu objek yang ada di tangannya, kerana jarang sekali pinggan boleh pecah

ketika dipukul dengan menggunakan tangan, melainkan dia memukul pinggan itu hingga jatuh ke tanah lalu pecah. Ini berdasarkan riwayat al-Bukhari. Menurut riwayat al-Nasa'i daripada Ummu Salamah disebutkan bahawa Aisyah datang dalam keadaan gemetar membawa bubur dan di tangannya terdapat batu. Dengan benda ini, dia memecahkan pinggan itu. Dalam riwayat Imam Ahmad disebutkan bahawa Aisyah memecahkan pinggan ini hingga terbelah menjadi dua.

"فَضَمَّهَا", yakni Rasulullah (s.a.w) mengumpulkan pecahan pinggan tersebut. Kalimat ini ditafsirkan oleh satu riwayat al-Bukhari bahawa Rasulullah (s.a.w) mengumpulkan pecahan pinggan itu.

"وَجَعَلَ فِيهَا الطَّعَامَ", yakni baginda menghimpun makanan di atas pecahan pinggan itu.

"وَقَالَ: "كُلُوا"...", dalam naskah asalnya terdapat titik yang menunjukkan terdapat kalimat yang dibuang setelahnya. Kalimat yang dibuat itu adalah Rasulullah (s.a.w) menyimpan pinggan pecah itu hingga mereka selesai makan. Ada kemungkinan periwayat tidak menyebutkan kalimat ini kerana ia tidak dijumpai dalam riwayat al-Tirmidhi, sebaliknya dia menyebutkan sesuatu yang tidak terdapat dalam riwayat al-Tirmidhi.

"حَبَسَ الْمَكْسُورَةَ", baginda menyimpan pecahan pinggan itu di rumah Aisyah dan tidak dipulangkan bersama pembantu itu.

"طَعَامٌ بِطَعَامٍ", dalam kisah ini Aisyah tidak diperintahkan untuk menggantikan makanan itu, kerana makanan tersebut adalah hadiah. Dengan merosakkannya bererti hadiah itu dianggap sudah diterima. Inilah pendapat Ibn al-Arabi al-Maliki. Huruf ba' di sini bermakna ganti rugi sama seperti sabda baginda: "إناء بإناء". Ibn Hajar mengkritik Ibn al-Arabi dengan mengatakan bahawa Ibn Arabi tidak memperhatikan riwayat-riwayat yang lain dalam masalah ini.

Fiqh Hadith

1. Seorang isteri dibolehkan memberikan hadiah kepada suaminya, walaupun dia dalam berada di rumah madunya.
2. Disunatkan menghadiahkan makanan, walaupun itu sedikit.
3. Disunatkan untuk tidak menyebut nama pelaku kesalahan jika menimbulkan fitnah dan mencemarkan nama baik.
4. Betapa tinggi kesabaran dan kemuliaan akhlak Rasulullah (s.a.w), di mana baginda tidak memarahi orang yang memecahkan tempat makanan tersebut dengan kata-kata kesat.
5. Disunatkan menyimpan barang yang rosak jika masih diharapkan manfa'atnya meskipun itu tidak seberapa.
6. Balasan kebaikan adalah kebaikan.

7. Barang siapa yang merosakkan barang atau haiwan, maka dia wajib mengganti kerugiannya dengan benda yang sama dengannya. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dan ulama Kufah di mana biji-bijian diganti dengan biji-bijian misalnya dan tidak boleh diganti dengan nilainya melainkan barang yang sama dengannya tidak dijumpai. Sementara menurut Imam Malik pula seseorang wajib mengganti rugi sesuai dengan nilainya, namun Imam Malik turut memiliki pendapat lain yang sama dengan pendapat Imam al-Syafi'i. Pendapat lain mengatakan benda yang dihitung dengan timbangan wajib ditukar dengan yang barang sejenisnya. Selain itu, maka ganti ruginya adalah disesuaikan dengan nilai atau harganya. Pendapat yang benar adalah pendapat Imam Syafi'i kerana berlandaskan kepada hadith Rasulullah (s.a.w) yang menyatakan makanan diganti dengan makanan dan bekas diganti dengan bekas. Selain itu ada pula hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Abu Hatim:

مَنْ كَسَرَ شَيْئًا فَهُوَ لَهُ وَعَلَيْهِ مِثْلُهُ.

"Barang siapa yang memecahkan sesuatu barang milik orang hingga rosak, maka barang yang rosak itu menjadi miliknya dan dia diwajibkan menggantinya dengan barang sama dengannya."

١١٩- وَعَنْ رَافِعِ بْنِ خَدِيجٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ زَرَعَ فِي أَرْضِ قَوْمٍ بِغَيْرِ إِذْنِهِمْ، فَلَيْسَ لَهُ مِنَ الزَّرْعِ شَيْءٌ، وَلَهُ نَفَقَتُهُ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ إِلاَّ النَّسَائِيَّ، وَحَسَّنَهُ اَلتِّرْمِذِيُّ. وَيُقَالُ: إِنَّ الْبُخَارِيَّ ضَعَّفَهُ.

119- Daripada Rafi' bin Khadij (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa bercucuk tanam di atas tanah milik suatu kaum tanpa meminta kebenaran mereka terlebih dahulu, maka dia tidak mendapatkan bahagian hasil ke atas tanaman itu, sebaliknya dia hanya berhak meminta pulang semula biaya bercucuk tanam itu." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah kecuali al-Nasa'i dan dinilai hasan oleh Tirmidhi. Ada yang mengatakan al-Bukhari menilai hadith daif: 919).

Makna Hadith

Hadith ini dimasukkan ke dalam bab rompakan sebagai majaz, kerana di dalamnya tidak ada disebutkan masalah mengambil harta orang lain, sebaliknya menyebutkan mengambil manf'at terhadap tanah orang lain tanpa izin pemiliknya, di mana seseorang menanam tanaman di atasn tanah milik orang lain, lalu dia mengambil hasilnya. Jadi hadith ini menyatakan bahawa hasil dan tanaman itu menjadi hak pemilik tanah dan pemilik

tanah mesti memberi upah dan biaya bercucuk tanam kepada orang yang melakukannya.

Analisis Lafaz

"وَلَهُ", bagi peladang yang dianggap merompak.

"نَفَقَتُهُ", segala biaya yang dia keluarkan ketika mengelola tanah tersebut termasuklah kos bercucuk tanam, pengairan dan harga benih.

"وَيُقَالُ: إِنَّ الْبُخَارِيَّ ضَعَّفَهُ", Al-Khatthabi ketik mensyarah hadith ini dalam kitab Syarh al-Sunnah mengatakan bahawa al-Bukhari menilai hadith ini daif. Al-Khatthabi berkata: "Muhammad bin Isma'il al-Bukhari berkata: 'Saya tidak mengetahui riwayat hadith Abu Ishaq selain hadith yang diriwayatkan Syarik."

Bagi pensyarah kitan ini, meskipun kenyataan datang daripada al-Bukhari, namun ia tidak serta merta hadith ini daif, kerana komentarnya di sini berasal daripada Abu Ishaq al-Subai'i, seorang periwayat *mudallas* namun sering melakukan riwayat *'an'anah* sementara Syarik seorang periwayat hadith daripadanya adalah daif di sisi al-Bukhari dan sekumpulan ulama. Tambahan pula hadith ini diriwayatkan Abu Ishaq daripada Atha' daripada Rafi'. Imam al-Syafi'i berkata: "Atha' tidak pernah mendengar hadith ini daripada Rafi'. Oleh itu, hadith ini munqathi' dan oleh kerananya, jalur ini daif."

Akan tetapi dalam riwayat lain daripada Rafi' yang dikeluarkan oleh Abu Dawud, al-Thahawi dan ramai lagi sedangkan sanadnya hasan. Oleh itu, hadith dengan lafaz yang pertama menjadi hasan lantaran adanya *mutaba'ah* ini. Oleh itu, al-Tirmidhi setelah menyebutkan hadith ini menukil daripada al-Bukhari dengan berkata: "Hadith ini hasan, namun saya tidak mengetahui bahawa ia daripada hadith Abu Ishaq melainkan daripada riwayat Syarik." Kesimpulannya, hadith seperti ini boleh dijadikan hujah.

Fiqh Hadith

Barang siapa yang bercucuk tanam di atas tanah orang lain tanpa seizin pemilik tanah, maka orang yang bercucuk tanam itu tidak memiliki hak ke atas tanamannya namun dia berhak menerima ganti rugi ke atas biaya yang telah dia keluarkan. Inilah pendapat Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Malik, Ishaq, Ibn Hazim dan sebahagian besar ulama Madinah. Dalil mereka adalah sabda Rasulullah (s.a.w):

لَيْسَ لِعِرْقٍ ظَالِمٍ حَقٌّ.

"Tidak ada hak ke atas peluh yang dikalurkan oleh orang zalim."

Menurut Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama, pemilik tanah berhak memaksa orang yang bercucuk tanam mencabut tanamannya dan tanaman itu tetap menjadi hak penanam dan penanam berkewajipan membayar sewa ke atas tanah orang lain itu. Dalilnya adalah sabda Rasulullah (s.a.w):

لَيْسَ لِعِرْقٍ ظَالِمٍ حَقٌّ.

"Tidak ada hak ke atas peluh yang dikalurkan oleh orang zalim."

١٢٠- وَعَنْ عُرْوَةَ بْنِ الزُّبَيْرِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَجُلٌ مِنَ الصَّحَابَةِ مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ رَجُلَيْنِ اخْتَصَمَا إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي أَرْضٍ، غَرَسَ أَحَدُهُمَا فِيهَا نَخْلاً وَالْأَرْضُ لِلآخَرِ، فَقَضَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْأَرْضِ لِصَاحِبِهَا، وَأَمَرَ صَاحِبَ النَّخْلِ أَنْ يُخْرِجَ نَخْلَهُ. وَقَالَ: "لَيْسَ لِعِرْقٍ ظَالِمٍ حَقٌّ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ، وَإِسْنَادُهُ حَسَنٌ.

120- Daripada Urwah bin al-Zubair (r.a), beliau berkata: "Ada orang lelaki dari kalangan sahabat Rasulullah (s.a.w) berkata: "Sesungguhnya ada dua orang yang sedang bertengkar di hadapan Rasulullah (s.a.w) tentang masalah tanah; salah seorang daripada mereka menanam pohon kurma di tanah milik saudaranya, lalu Rasulullah (s.a.w) menetapkan bahawa tanah tersebut tetap menjadi pemiliknya dan menyuruh pemilik pohon kurma untuk mencabut pohon itu dan membayar sewa kepada pemilik tanah, kerana dia telah memakai tanah orang lain. Baginda bersabda: "Tidak ada hak ke atas peluh yang dikeluarkan oleh orang zalim." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan sanadnya hasan: 920).

١٢١- وَآخِرُهُ عِنْدَ أَصْحَابِ السُّنَنِ مِنْ رِوَايَةِ عُرْوَةَ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ زَيْدٍ. وَاخْتُلِفَ فِي وَصْلِهِ وَإِرْسَالِهِ، وَفِي تَعْيِينِ صَحَابِيِّهِ.

121- Akhir riwayat ini menurut Ash-hab al-Sunan daripada riwayat Urwah daripada Sa'id bin Zaid. Ulama berbeza sama ada hadith ini *mawshul* ataupun *mursal* dan sama ada periwayat hadith ini seorang sahabat ataupun sebaliknya: 921)

Makna Hadith

Perbahasan hadith ini sama dengan pembahasan sebelum ini, tetapi hadith ini mempunyai ciri khusus dalam menetapkan hukum di mana hukum

yang diputuskan di sini sama dengan apa yang dikemukakan oleh Imam al-Syafi'i dan oleh itu, Ibn Hajar menyebut hadith ini setelah hadith di atas, di mana orang yang bercucuk tanam dikehendaki mengambil tanamannya dan pemilik tanah berhak menerima upah ke atas pemakaian tanahnya itu selama ia diguna pakai.

Analisis Lafaz

"لَيْسَ لِعِرْقٍ ظَالِمٍ حَقٌّ", ulama berbeza pendapat mengenai baris kalimat "عرق" sama ada dibaca bertanwin ataupun sebaliknya dan demikian pula mereka berbeza pendapat dalam menentukan maksud kalimat ini sebagai berikut:

Menurut Imam Malik, *al-'irq al-zhalim* adalah setiap usaha yang diambil, digali dan ditanam dengan cara yang tidak betul.

Menurtu Hisyam, *al-'irq al-zhalim* adalah seseorang yang bercucuk tanam di atas sebidang tanah milik orang lain dengan tujuan agar dia memilikinya.

Menurut Rabi'ah pula *al-'irq al-zhalim* ada yang zahir dan ada pula yang batin. Zahir adalah seseorang yang bercucuk tanam atau membina bangunan di atas tanah milik orang lain sedangkan batin pula adalah menggali sumur dan menggali barang galian dari dalamnya.

Meskipun pendapat ini hampir mirip antara satu sama lain, namun setiap satu daripadanya lebih bersifat khusus.

Kalimat "عرق" dibaca *tanwin*. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i, al-Nawawi, al-Azhari, Ibn Faris, al-Khatthabi dan lain-lain. Jadi menurut mereka, hak orang yang zalim itu mestilah dibatalkan dan tidak memperoleh apa-apa hak ke atas apa yang telah ditanamnya malah dia wajib mencabut tanaman itu.

Imam Ahmad berkata: "Perkataan "عرق" tidak dibacan *tanwin*. Jadi apa yang dibatalkan di sini pokok atau tanaman yang ditanamnya dan oleh kerananya, ia tidak ada harganya, sebaliknya ia menjadi milik pemilik tanah." Ada sesetengah ulama yang mentafsirkan hadith sebagai *ihya' al-mawat* (mengelola tanah terbiar).

"وَاخْتُلِفَ فِي وَصْلِهِ وَإِرْسَالِهِ، وَفِي تَعْيِين صَحَابِيِّهِ", Ibn Hajar menerangkan hadith ini *mawshul* atau *mursal* dengan mengatakan bahawa ia diriwayatkan daripada Urwah daripada Sa'id bin Zaid. Ia diriwayatkan secara *mursal* daripada Urwah di sisi Abu Dawud dan lain-lain.

Ibn Hajar pula menjelaskan perbezaan pendapat ulama sama ada periwayat hadith ini sahabat ataupun sebaliknya bahawa ia kadang kala datang daripada Sa'id bin Zaid dan ia kadang kala datang dari Abu Sa'id al-Khudri seperti mana yang disebut oleh Abu Dawud.

Apapun hadith ini memiliki beberapa *syahid*; ia dikeluarkan oleh al-Thayalisi daripada Aisyah, Abu Dawud daripada Samurah, al-Tabrani

daripada Ubadah dan Abdullah bin Amr. Jadi hadith ini boleh dijadikan hujah.

Fiqh Hadith

Jika seseorang bercucuk tanam di tanah milik orang lain, maka dia tidak berhak memperoleh apa-apa ke atas tanamannya itu namun berhak menerima upah di atas biaya yang telah dikeluarkannya. Inilah pendapat Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Malik, Ishaq , Ibn Hazm dan kebanyakan penduduk Madinah. Dalil mereka adalah hadith:

لَيْسَ لِعِرْقٍ ظَالِمٍ حَقٌّ.

"*Tidak ada hak ke atas peluh yang dikalurkan oleh orang zalim.*"

Akan tetapi Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama berpendapat bahawa pemilik tanah boleh memaksa orang yang bercucuk tanam itu mencabutnya dan tanaman itu tetap menjadi orang yang bercucuk tanam di samping wajib membayar sewa ke atas tanah itu. Dalilnya adalah hadith:

لَيْسَ لِعِرْقٍ ظَالِمٍ حَقٌّ.

"*Tidak ada hak ke atas peluh yang dikalurkan oleh orang zalim.*"

١٢٢- وَعَنْ أَبِي بَكْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: فِي خُطْبَتِهِ يَوْمَ النَّحْرِ بِمِنًى: "إِنَّ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ وَأَعْرَاضَكُمْ عَلَيْكُمْ حَرَامٌ كَحُرْمَةِ يَوْمِكُمْ هَذَا، فِي بَلَدِكُمْ هَذَا، فِي شَهْرِكُمْ هَذَا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

122- Daripada Abu Bakrah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda dalam menyampaikan khutbah ada hari raya aidil adha di Mina: "Sesungguhnya darahmu, hartamu dan kehormatanmu haram ke atasmu sebagaimana diharamkan harimu ini, bulanmu ini dan negerimu ini." (Muttafaq 'alaihi: 922).

Makna Hadith

Ibn Hajar dalam mengemukakan hadith di sini bertujuan menetapkan sesuatu yang umum setelah sesuatu yang khusus. Ia memiliki banyak mengandungi hukum syariat dan oleh kerananya, baginda menyampaikan perkataan ini dalam satu perhimpunan besar pada hari raya qurban di mana para sahabat berkumpul dalam jumlah seratus ribu lebih.

Rasulullah (s.a.w) memberikan nasihat bahawa harta orang lain adalah haram, kecuali ada pengecualian di sisi syari'at dalam berakad dan demikian

pula darah sama ada yang dikategorikan jenayah ataupun qisas. Hukum haram ini telah disepakati dan tidak perlu diragukan lagi sebagaimana diharamkannya hari ini.

Analisis Lafaz

"دِمَاءَكُمْ", bahasa lain daripada pembunuhan termasuklah perbuatan melukai dan melempang. Disebut demikian kerana darah biasanya mengalir ketika perbuatan itu dilakukan, tetapi hadith ini mencakupi setiap perbuatan zalim ke atas tubuh walaupun tidak sampai mengalir darah.

"أَمْوَالَكُمْ", setiap sesuatu yang memiliki nilai.

"يَوْمِكُمْ هَذَا", pada hari raya qurban.

"شَهْرِكُمْ", yakni bulan Zulhijjah.

"بَلَدِكُمْ", yakni Makkah.

Fiqh Hadith

Setiap darah, kehormatan dan harta orang muslim diharamkan ke atas muslim yang lain, sebagaimana yang disebutkan dalam beberapa riwayat hadith ini. Perkara ini telah disepakati oleh seluruh ulama.

Soalan

1. Apakah takrif *ghashb*?
2. Sempurnakan lafaz hadith: "من اقتطع شبرا من الأرض ظلما..." dan kemudian buat ulasan ke atasnya?
3. Apakah hukum yang boleh diambil daripada hadith: "من اقتطع شبرا من الأرض ظلما..." disertai dengan menyebut perbezaan pendapat ulama dalam masalah ini?
4. Adakah tanah diganti rugi jika rosak atau musnah setelah dirompak?
5. Huraikan hadith Aisyah (s.a.w) ketika memecahkan bekas berisi makanan yang dihadiahkan kepada Rasulullah (s.a.w)?
6. Sebutkan apakah hukum-hakam yang boleh diambil daripada hadith Aisyah ketika memecahkan bekas yang berisi makanan?
7. Apakah hukum seseorang yang membinasakan sesuatu? Adakah dia wajib mengganti dengan barang yang sama dengannya atau mengganti dengan nilainya? Sebuatkan pendapat ulama dalam masalah ini?

8. Benarkah al-Bukhari menilai hadith Rafi' bin Khadij ini daif: "من زرع في أرض قوم..." dan buat ulasan ke atasnya?
9. Apakah hukum seseorang yang bercucuk tanam di atas tanah milik orang lain tanpa memperoleh kebenaran daripada pemilik tanah?
10. Berilah baris ke atas sabda Rasulullah (s.a.w): "ليس لعرق ظالم حق" dan buatlah ulasan ke atas setiap perbezaan baris daripadanya?
11. Sebutkan dua hadith yang menjelaskan hukum seseorang yang menanam di atas tanah bukan miliknya?
12. Bincangkan maksud hadith "إن دماءكم وأموالكم عليكم حرام"?

BAB *SYUF'AH*

Syuf'ah dengan membaca *dhammah* huru *jim* dan *sukun* huruf *fa'* dan adalah salah seseorang yang membarisi huruf *fa'* itu ketika membacanya.

Ia diambil daripada kalimat "الشفع" yang bermaksud genap, tambahan atau bantuan.

Menurut syari'at pula ia adalah perpindahan saham rakan kongsi kepada rakan kongsi yang lain, seperti perpindahan terjadi kepada orang lain dengan membelinya sesuai dengan harga bahagian itu untuk diambil semula.

١٢٣- عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَضَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالشُّفْعَةِ فِي كُلِّ مَا لَمْ يُقْسَمْ، فَإِذَا وَقَعَتِ الْحُدُودُ وَصُرِّفَتْ الطُّرُقُ فَلاَ شُفْعَةَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

123- Daripada Jabir bin Abdullah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) memutuskan dengan cara syuf'ah dalam setiap sesuatu barang yang tidak dapat dibahagi, namun jika batasan-batasan telah nyata dan jalan-jalan sudah diatur maka tidak ada lagi hak syuf'ah." (Muttafaq alaihi dan lafaz hadith ini menurut riwayat al-Bukhari: 923)

١٢٤- وَفِي رِوَايَةِ مُسْلِمٍ: "الشُّفْعَةُ فِي كُلِّ شِرْكٍ: أَرْضٍ أَوْ رَبْعٍ أَوْ حَائِطٍ لاَ يَصْلُحُ وَفِي لَفْظٍ: لاَ يَحِلُّ أَنْ يَبِيعَ حَتَّى يَعْرِضَ عَلَى شَرِيكِهِ. وَفِي رِوَايَةِ الطَّحَاوِيِّ: قَضَى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالشُّفْعَةِ فِي كُلِّ شَيْءٍ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ.

124- Dalam riwayat Muslim: "Syuf'ah itu berlaku dalam setiap perkongsian tanah, ladang dan kebun yang tidak layak – dalam satu riwayat disebutkan – tidak halal menjualnya hingga ditawarkan kepada rakan kongsinya. Dalam

riwayat al-Thahawi disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) menetapkan syuf'ah dalam segala sesuatu. Periwayat hadith ini thiqoh: 924).

Makna Hadith

Dalam bab perkongsian telah disebutkan bahawa perkongsian tidak boleh dilakukan kecuali berdasarkan keredhaan kedua-dua pihak rakan kongsi. Jika salah seorang rakan kongsinya ingin menjual sahamnya tanpa meminta persetujuan terdahulu kepada rakan kongsinya, maka seolah-olah dia memasukkan lain anggota tanpa memberikan hak pilih kepadanya. Oleh itu, Islam menetapkan bahawa orang yang paling berhak untuk ditawarkan untuk membeli sahamnya adalah rakan kongsinya dengan syarat harus sesuai harga jualnya. Jika rakan kongsinya itu enggan membelinya setelah ditawarkan kepadanya, maka tidak ada salahnya menjualnya kepada orang lain.

Kemudian dijelaskan pula bahawa ada beberapa faktor di mana rakan kongsi tidak berhak lagi ke atas syuf'ah setelah ditawarkan kepadanya dan dia menyatakan tidak berminat untuk membelinya, iaitu ketika sudah ada batasan dan ketentuan yang telah ditetapkan. Dalam keadaan ini, maka rakan kongsi tidak berhak untuk kembali lagi menuntut syuf'ah.

Analisis Lafaz

"الشُّفْعَةُ", sebelum ini telah dihuraikan defenisinya di mana ia adalah perpindahan saham rakan kongsi kepada rakan kongsi yang lain, seperti perpindahan terjadi kepada orang lain dengan membelinya sesuai dengan harga bahagian itu untuk diambil semula.

"كُلِّ مَا لَمْ يُقْسَمْ", kalimat ini ditafsirkan dengan sambungan kalimat setelahnya "Jika terjadi...." Dengan erti kata lain, jika sudah terjadi pembahagian, maka tidak ada lagi syuf'ah.

"وَقَعَتِ الْحُدُودُ", ditetapkan dan tentukan.

"وَصُرِّفَتْ الطُّرُقُ", dengan membaca *dhammah* huruf *shad* dan *tasydid* huruf *ra'*, maksudnya jalan atau batasan telah ditetapkan. Dengan erti kata lain, jika sebidang tanah sudah dijual dengan menetapkan batas dan sempadannya, maka dia tidak dapat lagi menuntut hak syuf'ahnya.

"كُلِّ شِرْكٍ", setiap sesuatu yang boleh dikongsi dalam kepemilikan. Ia berasal dari perkataan "الشراكة".

"رَبْع", dengan membaca *fathah* huruf *ra'*, maksudanya tanah atau rumah.

"حَائِطٍ", kebun.

"وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ", dalam kitab Fath al-Bari ditegaskan bahawa tidak ada masalah dengan periwayat hadith ini dan Ibn Hajar turut mengemukakan

satu *syahid* yang *marfu'* ke atas hadith ini daripada Ibn Abbas yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dan al-Baihaqi, beliau berkata: "Periwayatnya thiqoh namun dinilai cacat kerana *mursal*."

Fiqh Hadith

1. Syuf'ah disyari'atkan terhadap setiap suatu barang yang belum dibahagikan. Ulama berbeza pendapat mengenai barangan yang boleh dilakukan syuf'ah ke atasnya, meskipun mereka bersepakat bahawa syuf'ah boleh dilakukan ke atas suatu benda yang boleh dibahagikan. Menurut Imam Malik, syuf'ah boleh dilakukan ke atas segala sesuatu. Inilah pendapat Atha', Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad dalam salah satu riwayat. Dalil mereka adalah:

   الشُّفْعَةُ فِيْ كُلِّ شَيْءٍ.

   "*Syuf'ah itu boleh dilakukan ke atas segala sesuatu.*" Sebelum ini telah dinyatakan bahawa hadith ini merupakan riwayat al-Thahawi dan memiliki syahid daripada Ibn Abbas yang dikeluarkan oleh al-Tirmidhi dan periwayatnya pula thiqoh. Tetapi ada pula pendapat yang mengatakan hadith ini bukan *marfu'*. Menurut jumhur ulama, syuf'ah tidak boleh dilakukan ke atas barang bergerak. Dalil mereka adalah sabda Rasulullah (s.a.w): "*Jika barang itu telah dibahagikan….*" Ini menunjukkan syuf'ah tidak boleh berlaku ke atas barang bergerak. Ini dikuatkan dengan sabda Rasulullah (s.a.w):

   لاَ شُفْعَةَ إِلاَّ فِي دَارٍ أَوْ عِقَارٍ.

   "*Tidak ada syuf'ah kecuali ke atas bangunan dan barang yang tidak berpindah.*" Dalil pertama disanggah bahawa hadith tersebut hanya sekadar contoh. Jadi tidak dapat diertikan hanya terbatas pada barang itu sahaja. Dalil kedua pula disanggah bahawa hadith tersebut daif. Demikian pula dengan hadith: "Syuf'ah berlaku ke atas segala sesuatu" bahawa dalil ini merupakan dalil *mantuq*, sementara dalil mereka adalah dalil *mafhum*, sementara *mantuq* lebih diutamakan ke atas *mafhum*. Ada pula di antara mereka yang tidak membolehkan syuf'ah ke atas barang bergerak namun mengatakan syuf'ah berlaku ke atas pakaian dan ada yang mengatakan hanya berlaku pada haiwan saaja, seperti Imam Ahmad dalam pendapat yang masyhur.

2. Seseorang tidak boleh menjual sahamnya sebelum menawarkannya kepada rakan kongsinya.

١٢٥- وَعَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "جَارُ الدَّارِ أَحَقُّ بِالدَّارِ". رَوَاهُ النَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَلَهُ عِلَّةٌ.

125- Daripada Anas bin Malik (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jiran yang bersebelahan rumah lebih berhak ke atas syuf'ah rumahnya." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban. Hadith ini cacat: 925).

Makna Hadith

Hadith ini sebelum membincangkan barang-barang yang boleh dilakukan syuf'ah ke atasnya dan dalam hadith ini membincangkan siapakah orang yang berhak melakukan syuf'ah yang dalam hal ini adalah jiran tetangga.

Jadi maksud hadith ini adalah jiran tetangga berhak ke atas syuf'ah bahkan kedudukannya sama dengan rakan kongsi dalam sebuah usaha.

Analisis Lafaz

"وَلَهُ عِلَّةٌ", al-Tirmidhi menjelaskan dengan berkata: "Apa yang benar di sisi ulama adalah hadith ini daripada al-Hasan daripada Samurah, dan kami tidak tahu bahawa hadith Qatadah berasal daripada Anas melainkan ia daripada Isa bin Yunus."

Al-Daruquthni menguatkan riwayat al-Hasan daripada Samurah ke atas riwayat Qatadah daripada Anas. Al-Daruquthni berkata: "Mereka di dalamnya ada Isa bin Yunus di mana ia diriwayatkannya daripada Sa'id daripada Qatadah daripada Anas sedangkan yang selainnya diriwayatkan daripada Sa'id daripada Qatadah daripada al-Hasan daripada Samurah. Demikian pula diriwayatkan oleh Syu'bah daripada Qatadah. Inilah yang betul."

Bagi pensyarah kitab ini, kedua-dua jalur ini benar dan tidak perlu *tarjih* ke atas salah satu di antaranya. Ini kerana Ahmad bin Janab, guru Muslim, meriwayatkannya daripada Isa bin Yunus menerusi kedua-dua jalur ini. Ini menujukkan Isa telah menghafalnyya. Ini turut dikeluarkan oleh Abu al-Hasan al-Qazwaini dalam kitab al-Amali dan keadaan ini turut disokong oleh al-Qatthan.

Tetapi Qatadah dan al-Hasan adalah *mudallas*. Kami tidak tahu sama kedua-duanya pernah mendengar hadith ini secara langsung atau salah seorang daripadanya sahaja yang mendengarnya secara langsung daripada sahabat yang meriwayatkan hadith ini. Apapun, kedua-dua jalur ini saling menguatkan antara satu sama lain. Oleh itu, hadith ini berkedudukan hasan

di samping ia memiliki *syahid* yang diriwayatkan oleh al-Bukhari.

Fiqh Hadith

Syuf'ah disyari'atkan kepada jiran tetangga. Inilah pendapat mazhab Hanafi.

Menurut Umar, Ali, Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad, Ishaq dan lain-lain, tidak ada hak syuf'ah ke atas jiran tetangga, kerana menurut mereka maksud jiran tetangga di sini adalah rakan kongsi sebagaimana yang disebutkan dalam hadith Abu Rafi' berikut ini.

١٢٦- وَعَنْ أَبِي رَافِعٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْجَارُ أَحَقُّ بِسَقَبِهِ". أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ وَالْحَاكِمُ، وَفِيهِ قِصَّةٌ.

126- Daripada Abu Rafi' (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jiran lebih berhak mendapatkan syuf'ah lantaran kedekatannya." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan al-Hakim. Hadith ini mempunyai kisah: 926).

Makna Hadith

Dengan hadith ini Ibn Hajar ingin menjelaskan bahawa maksud jiran tetangga di sini adalah rakan kongsi dalam berusaha, sebagaimana yang disebutkan dalam hadith ini, walaupun tidak disebutkan secara jelas.

Analisis Lafaz

"بِسَقَبِهِ", dengan membaca *fathah* huruf *sin* dan *qaf* namun boleh pula menggunakan huruf *shad* dan *sin* dan huruf qaf boleh dibaca *fathah* atau *sukun*. Maknanya berdekatan.

"وَفِيهِ قِصَّةٌ", al-Bukhari meriwayatkan daripada Amr bin al-Syarid, beliau berkata: "Aku berhenti di dekat Sa'id bin Abu Waqqash. Kemudian datang al-Miswar bin Makhramah dengan meletakkan kedua tangannya pada salah satu pundakku. Ketika itu datanglah Abu Rafi' mawla Rasulullah (s.a.w) seraya berkata: "Wahai Sa'ad, belilah rumahku yang berhampiran dengan rumahmu." Sa'id berkata: "Aku tidak mahu membelinya." Al-Miswar berkata: "Kamu mesti membelinya." Sa'ad menjawab: "Aku tidak mahu membelinya melebihi empat ribu dan itu pun dibayar secara beransur."

Abu Rafi' berkata: "Saya telah memberinya lima ratus dinar. Seandainya aku tidak pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jiran tetangga

lebih berhak ke atas syuf'ah" necaya aku tidak akan menjualnya dengan harga empat ribu sementara aku memberinya lima ratus dinar, kemudian dia memberinya."

Fiqh Hadith

Jiran tetangga berhak ke atas syuf'ah dan ulama yang tidak bersetuju bahawa syuf'ah menjadi hak jiran tetangga mengemukakan dalil bahawa Abu Rafi' adalah rakan kongsi Sa'id dalam kepemilikan rumah itu, sementara makna jiran tetangga di sini bermaksud perkongsian, kerana setiap sesuatu yang berhampiran dengan sesuatu disebut jiran tetangga, bahkan isteri disebut pula kadang kala disebut tetangga.

Menurut al-Khatthabi, hadith ini tidak membincangkan syuf'ah, kerana hadith ini menganjurkan untuk berbuat baik dan sentiasa menghulurkan bantuan.

١٢٧- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْجَارُ أَحَقُّ بِشُفْعَةِ جَارِهِ، يُنْتَظَرُ بِهَا - وَإِنْ كَانَ غَائِبًا - إِذَا كَانَ طَرِيقُهُمَا وَاحِدًا". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالأَرْبَعَةُ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ.

127- Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jiran lebih berhak menerima syuf'ah jiran tetangganya. Dia mesti dinanti jika sedang bepergian dan apabila jalan mereka sama." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah dan periwayatnya pula thiqoh: 927).

Makna Hadith

Hadith ini menegaskan bahawa syuf'ah ditetapkan menjadi hak milik tetangga apabila jalan mereka sama, namun jika jalan mereka berlainan, maka tetangga itu tidak berhak ke atas syuf'ah.

Analisis Lafaz

"يُنْتَظَرُ", *mabni li al-majhul.*

"بِهَا", yakni syuf'ah.

"وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ", periwayatnya thiqoh namun tidak menilainya sahih. Ini mengisyaratkan hadith ini masih dipertikai atau cacat.

Hadith ini hanya diriwayatkan oleh Abdul Malik bin Abu Sulaiman al-'Azrami. Dia meriwayatkannya daripada Atha' daripada Jabir. Al-Tirmidhi

setelah mengeluarkan hadith ini berkata: "Saya tidak tahu bahawa ada seseorang yang meriwayatkan hadith ini selain Abdul Malik. Syu'bah mempertikai hadith ini, namun Abdul Malik seorang periwayat thiqoh."

Al-Syafi'i berkata: "Saya khuatir hadith ini tidak mahfuz kerana bercanggah dengan riwayat Abu al-Zubair daripada Jabir. Ia bercanggah dengan sabdanya "إذا صرفت الطرق...".

Imam Ahmad berkata: "Hadith ini munkar." Yahya berkata: "Hadith ini hanya diriwayatkan oleh Abdul Malik, namun dia diingkari oleh ramai ulama."

Al-Bukhari mengemukakan komentar yang sama dengan Imam al-Syafi'i.

Fiqh Hadith

Syuf'ah menjadi hak jiran tetangga jika jalan mereka sama. Namun jika tidak, maka dia tidak mempunyai hak atasnya. Inilah pendapat Ibn Taimiyah, Ibn al-Qayyim, al-Shan'ani dan sekumpulan ulama.

١٢٨- وَعَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الشُّفْعَةُ كَحَلِّ الْعِقَالِ". رَوَاهُ ابْنُ مَاجَه وَالْبَزَّارُ، وَزَادَ: "وَلاَ شُفْعَةَ لِغَائِبٍ". وَإِسْنَادُهُ ضَعِيفٌ.

128- Daripada Ibn Umar (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Syuf'ah bagaikan melepas tali unta." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan al-Bazzar yang menambahkan: "Tidak ada syuf'ah bagi orang yang sedang bepergian." Sanadnya daif: 928).

Makna Hadith

Hadith ini menceritakan tentang waktu syuf'ah, sementara sebelum ini telah dibahas kepada siapa orang yang berhak mendapat syuf'ah dan barang-barang yang boleh dilakukan syuf'ah ke atasnya. Di sini dijelaskan bahawa hak syuf'ah hilang bagi orang yang tidak segera datang untuk melakukan syuf'ah walaupun dia adalah jiran tetangganya.

Analisis Lafaz

"كَحَلِّ الْعِقَال", huruf *kaf* dibaca *fathah* kerana huruf tasybih, huruf *ha'* dibaca *fathah*, huruf *lam* dibaca *tasydid* dan dibaca *kasrah*. *Al-Hallu* lawan kata dari *al-'aqad* yang bermaksud menanggalkan ikatan. *Al-'Iqal* pula adalah alat yang biasa digunakan untuk mengikat sesuatu.

Maksud hadith ini menurut al-Subki di dalam kitab Syarh al-Minhaj adalah hak syuf'ah hilang bagi jiran tetangga yang tidak segera mengambil haknya sama seperti unta yang talinya telah dilepaskan.

Ada pula yang mengatakan bahawa maksudnya adalah membatalkan jual beli kepada rakan kongsi dan mewajibkannya kepada orang yang selainnya. Inilah tafsiran al-Suyuthi, namun tafsiran al-Subki lebih benar.

Bukti tafsiran al-Subki lebih benar adalah adanya riwayat: "الشفعة لمن واثبها" (Syuf'ah bagi orang yang segera mendatanginya) dan "الشفعة كنشط العقال" (Syuf'ah sama seperti melepaskan ikatan tali), meskipun lafaz-lafaz riwayat ini tidak disokong oleh sanad yang muktabar.

Menurut riwayat Ibn Majah disebutkan: "لا شفعة لشريك إذا سبقه بالشراء ولا لصغير ولا لغائب" (Tidak ada syuf'ah bagi rakan kongsi yang telah dibeli orang lain, kanak-kanak dan orang yang bepergian). Ini menyokong dengan tegas terhadap tafsiran al-Subki. Menurut riwayat Ibn Hazm pula disebutkan: "الشفعة كحل العقال، فإن قيدها مكانه ثبت حقه، وإلا فاللوم عليه" (Syuf'ah sama seperti melepaskan ikatan tali. Jika ia diikat dengan segera, maka itu adalah haknya. Jika tidak, maka itu adalah kesalahannya).

Al-Bazzar menambahkan lafaz: "ولا شفعة لغائب" dan tambahan ini ada di sisi Ibn Majah. Dalam riwayat lain, ia dinilai daif, kerana ia berasal dari riwayat Muhammad bin Abdurrahman al-Bailamani, seorang periwayat daif dan Muhammad bin al-Harits al-Bashri, seorang periwayat *matruk*.

Abu Zur'ah memberi komentar mengenai hadith ini sebagai munkar. Menurut Ibn Hibban, ia sama sekali tidak landasannya. Menurut al-Baihaqi, ia tidak sabit. Menurut al-Bazzar setelah meriwayatkannya, ia daif. Malah sekumpulan ulama pun turut menilainya daif.

Fiqh Hadith

Wajib bersegera untuk mengambil hak syuf'ah, kerana waktunya amat singkat. Ulama berbeza pendapat dalam menentukan waktu yang singkat ini dan mereka menentukan waktunya meskipun disokong oleh mana-mana dalil.

Mengikut pendapat yang rajih, waktu syuf'ah itu hendaklah mengikut kebiasaan di suatu setempat.

Penting

Imam al-Baihaqi dalam kitab al-Sunan al-Kubra membuat satu bab lafaz-lafaz hadith *munkar* yang disebutkan ulama fiqh dalam bab syuf'ah yang dimuat dalam karya mereka, antara lain adalah:

- Bab syuf'ah tidak boleh diwariskan.
- Bab kanak-kanak berhak ke atas syuf'ahnya hingga dia mencapai usia baligh.
- Bab tidak ada syuf'ah ke atas pemeluk agama Nasrani.
- Bab tidak syuf'ah ke atas Yahudi dan Nasrani.

BAB *MUDHARABAH* (*QIRADH*)

Qiradh dengan membaca *kasrah* huruf *qaf* adalah memberi pinjaman dengan berbagi keuntungan. Istilah ini digunakan oleh masyarakat Hijaz. *Al-Muqaradhah* adalah bagi hasil yang dalam istilah lain disebut sebagai *al-mudharabah*. *Al-Mudharabah* berasal daripada perkataan *al-dharb* yang bermaksud berjalan di muka bumi atau mengelola harta. Jika seseorang memberi orang lain harta supaya dikelola dan hasilnya mesti dibahagikan antara pemilik modal dengan pengelola, maka inilah yang disebut *al-muqaradhah* atau *al-mudharabah*.

Soalan

1. Apakah takrif syuf'ah secara mengikut bahasa dan syarak?
2. Apakah maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "فإذا وقعت الحدود وصرفت الطرق"? Jelaskan makna "ربع", "شرك", "حائط" dan "حائط"?
3. Sebutkan pendapat ulama fiqh mengenai barang-barang yang dilakukan syuf'ah ke atasnya?
4. Adakah jiran memiliki hak syuf'ah? Sebutkan pendapat ulama fiqh, dalil dan sanggahan mereka?
5. Bariskan hadith: "الجار أحق بسبقه" dan beri ulasan ke atasnya?
6. Sebutkan teks hadith yang membatasi syuf'ah bagi jiran tetangga dengan satu syarat?
7. Apakah maksud "الشفعة كحل العقال" dan sebutkan dalil ke atas apa yang telah anda jelaskan?
8. Sebutkan lima hadith yang tidak membenarkan syuf'ah?

١٢٩- عَنْ صُهَيْبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "ثَلاَثٌ فِيهِنَّ الْبَرَكَةُ: الْبَيْعُ إِلَى أَجَلٍ، وَالْمُقَارَضَةُ، وَخَلْطُ الْبُرِّ بِالشَّعِيرِ لِلْبَيْتِ، لاَ لِلْبَيْعِ". رَوَاهُ ابْنُ

مَاجَه بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

129- Daripada Shuhaib (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Ada tiga perkara yang di dalamnya mengandungi keberkatan; jual beli dengan tempoh, akad qiradh, mencampur barli dengan gandum untuk keperluan makan di dalam rumah, bukan untuk dijual." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dengan sanad yang daif: 929).

Makna Hadith

Hadith ini memberitahukan aktiviti berniaga mulia yang boleh mendatangkan keberkatan. Intinya, hadith ini menegaskan bahawa sumber keberkatan itu datang daripada sikap gemar membentu orang lain dan menjual secara kredit tanpa harus meminta bayaran lebih ke atas harga yang telah disepakti oleh kedua pihak. Inilah hakikat qiradh dan amat menggalakkan untuk mengamalkannya dalam berniaga. *Al-Muqaradhah* adalah membantu orang yang tidak berkemampuan dengan memberi pekerjaan kepadanya, mencampur barli dengan gandum merupakan salah satu cara untuk membanyakkan lagi makanan di dalam rumah. Dengan demikian, campuran antara dua jenis makanan itu merupakan percampuran antara jenis makanan yang berkualiti tinggi dengan yang berkualiti sederhana. Inilah cara menyediakan makanan yang sederhana. Ini berbeza sekiranya apa yang dimasak itu hanya barli yang berkualiti buruk, kerana ada kemungkinan salah seorang keluarga enggan memakannya.

Analisis Lafaz

"إِلَى أَجَلٍ", hingga waktu yang telah ditentukan.

"الْمُقَارَضَةُ", maksudnya telah dihuraikan sebelum ini, tetapi kalimat ini dalam riwayat disebutkan: "المعاوضة" di mana huruf *'ain* sebagai pengganti huruf *qaf*. Imam al-Suyuthi mentafsirkan bahawa maksudnya adalah menukar nilai dengan nilai atau barang dengan barang tanpa menggunakan wang. Namun riwayat Ibn Majah itu tidak dapat dijadikan sebagai pegangan.

"الْبُرِّ", jenis gandum yang baik.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang daif kerana Shalih bin Shuhaib seorang periwayat majhul sedangkan Abdurrahim bin Dawud yang meriwayatkan daripada Shalih bin Shuhaib seorang yang tidak mahfuz seperti mana yang ditegaskan oleh al-'Uqaili manakala Nadhr bin al-Qasim yang meriwayatkan daripada Abdurrahim bin Dawud menurut al-Bukhari adalah mawdhu'. Semua ini disebutkan oleh al-Bushiri dalam kitab Mishbah al-Zujajah.

Fiqh Hadith

1. Galakan memberi pinjaman ketika menjual barang, di mana pembeli menangguhkan pembayaran hingga waktu tertentu dengan syarat tidak ada bunga dalam transaksi itu.
2. Disunatkan memberi pinjaman, bahkan amalan seperti ini dipenuhi dengan keberkatan.
3. Disunatkan mencampur gandum dengan barli untuk dimasak yang kemudian dijadikan sebagai makanan di tenga-tengah keluarga, namun ini untuk dijual, bahkan amalan seumpama ini mendatangkan keberkatan.

Periwayat Hadith

Shuhaib bin Sinan al-Rumi pernah berjumpa Rasulullah (s.a.w) di Quba' sebelum memasuki kota Madinah. Beliau turut serta dalam Perang Badar dan pelbagai peperangan yang lain bersama Rasulullah (s.a.w). Beliau meninggal dunia dalam usia sekitar tujuh puluh tahun. Ramai ulama yang meriwayatkan hadith daripadanya.

١٣٠- وَعَنْ حَكِيمِ بْنِ حِزَامٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ كَانَ يَشْتَرِطُ عَلَى الرَّجُلِ إِذَا أَعْطَاهُ مَالاً مُقَارَضَةً: أَنْ لاَ تَجْعَلَ مَالِي فِي كَبِدٍ رَطْبَةٍ، وَلاَ تَحْمِلَهُ فِي بَحْرٍ، وَلاَ تَنْزِلَ بِهِ فِي بَطْنِ مَسِيلٍ، فَإِنْ فَعَلْتَ شَيْئًا مِنْ ذَلِكَ فَقَدَ ضَمِنْتَ مَالِي. رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ. وَقَالَ مَالِكٌ فِي "الْمُوَطَّأِ" عَنْ الْعَلاَءِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ يَعْقُوبَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ: أَنَّهُ عَمِلَ فِي مَالٍ لِعُثْمَانَ عَلَى أَنَّ الرِّبْحَ بَيْنَهُمَا. وَهُوَ مَوْقُوفٌ صَحِيحٌ.

130- Daripada Hakim bin Hizam (r.a) bahawa beliau apabila memberi modal usaha kepada orang lain, beliau mengemukakan syarat bahawa jangan kamu beli ikan atau binatang dengan menggunakan hartaku, jangan kamu membawanya berlayar dan jangan kamu membawanya turun ke dalam sebuah lembah yang biasa terdedah banjir. Jika kamu melanggar salah satu daripada ketentuan yang telah ditetapkan itu, maka kamu wajib menanggung risikonya sendiri terhadap hartaku." (Diriwayatkan oleh al-Daruquthni dan periwayat hadith ini thiqoh). Malik berkata dalam kitab al-Muwattha' daripada al-'Ala' bin 'Abdurrahman bin Ya'qub daripada ayahnya daripada datuknya bahawa dia pernah menguruskan harta Utsman di mana hasilnya dibahagi dua di antara mereka. (Muttafaq 'alaihi: 930).

Makna Hadith

Setelah Ibn Hajar menyebutkan hadith yang menganjurkan untuk memberi pinjaman sebelum ini, di sini beliau menghuraikan syarat-syarat yang dikemukakan oleh Hakim bin tentang harta yang dipinjamkan Hizam, di beliau melarang daripada untuk membeli haiwan yang bernyawa, tidak boleh membawa harta miliknya berlayar, membawa harta ke kawasan lembah terdedah banjir. Jika peminjam melanggar ketentuan itu, dia wajib bertanggung jawab ke atas kerosakan barang yang terjadi dan wajib membayar ganti rugi.

Hadith ini membolehkan adanya syarat dan ketentuan seperti ini. Jika dilanggar, maka peminjam wajib melakukan ganti rugi.

Analisis Lafaz

"مُقَارَضَةً", dengan syarat memperoleh keuntungan.

"كَبِدٍ", dengan membaca *fathah* huruf *klaf* dan *kashrah* huruf *ba'*, iaitu salah satu anggota yang terdapat di dalam perut dan terletak di sebelah kanan. Ia merupakan organ penting dalam pergerakan badan, bahkan hidup manusia bergantung kepadanya.

"رَطْبَةٍ", adalah haiwan yang memiliki ruh. Dengan erti kata lain, jangan kamu gunakan hartaku untuk membeli haiwan yang memiliki ruh, kerana ia terdedah kepada risiko penyakit dan kematian.

"بَطْنِ مَسِيلٍ", dengan membaca fathah huruf ba', sukun huruf tha', fathah huruf mim, kasrah huruf sin dan perkataan **"**مسيل**"** mengikut wazan "فعيل", yakni tempat air hujan mengalir atau banjir.

Hakim bin Hizam khuatir hartanya binasa, kerana tempat-tempat terdedah kepada risiko besar. Demikian ketentuan yang melarang peminjam daripada membawa hartanya berlayar kerana dikhuatiri karam.

"ضَمِنْتَ مَالِي", yakni kamu mesti mengganti kerosakan barangku, kerana kamu telah melanggar persyaratan yang telah kutetapkan.

"رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ", penulis kitan Muntaqa al-Ahbar menisbahkan hadith kepada al-Daruquthni, namun barangkali beliau mengutip daripadanya. Hadith ini terdapat di dalam Sunan al-Baihaqi dan Ibn Hajar menisbahkan kepadanya dalam kitab al-Talkhish dan menilai kuat sanadnya. Saya tidak menjumpai hadith ini di dalam Sunan al-Daruquthni. Penisbatan kepada al-Daruquthni pada dasarnya adalah merujuk kepada kitabnya al-Sunan, bukan yang selainnya seperti mana menisbahkan suatu hadith kepada al-Bukhari bermaksud kitabnya al-Sahih. Demikian pula suatu hadith yang dinisbahkan kepada al-Tirmidhi, Abu Dawud dan lain-lain. Barang kali al-Daruquthni telah meriwayatkannya tidak di dalam kitabnya al-Sunan atau ada kemungkinan pula al-Hafiz Ibn Hajar mengalami kesalahan dalam

masalah ini kerana mengikut langkah Majduddin Ibn Taimiyyah.

Fiqh Hadith

1. Disyariatkan memberi pinjaman modal kepada orang lain, di mana sahabat dan ulama telah bersepakat dalam masalah ini.
2. Boleh mengemukakan syarat kepada peminjam selagi syaratnya tidak bercanggah dengan syari'at sebagaimana yang telah dibahas dalam bab syarat.
3. Syarat dianggap syah jika berdasarkan keredhaan kedua belah pihak.
4. Syarat boleh melarang peminjam daripada melakukan sesuatu yang padasarnya dibolehkan.
5. Disunatkan syarat dan ketentuan yang telah dibuat mengambil berat risiko-risiko yang boleh membawa kepada kerosakan barang.
6. Peminjam pada hakikatnya tidak bertanggung jawab ke atas barang yang dipinjamnya, kecuali jika dia melanggar persyaratan yang telah disepakati dan kemudian barang berkenaan rosak atau hilang. Ini berdasarkan kesepakatan ulama.

Penting

Ibn Hazm berkata: "Setiap permasalahan fiqh pasti ada dalilnya di dalam al-Qur'an dan Sunnah selain qiradh. Kami tidak pernah menemukan dalilnya, namun ada ijma' ulama yang mengharuskannya. Apapun, ia pernah dipraktikkan pada zaman Rasulullah (s.a.w) lalu baginda mengetahuinya lalu mengakuinya. Tanpa itu, qiradh tidak dibolehkan."

Soalan

1. Apakah takrif qiradh secara bahasa dan syarak?
2. Sebutkan teks hadith Shuhaib yang mengharuskan muqaradhah dan bincangkan faktor yang menyebabkan daif.
3. Apakah makna perkataan Hakim: "كبد رطبة" dan "وبطن مسيل" dan barisilah kedua-dua kalimat ini?
4. Bolehkah membuat syarat dalam muqaradhah dan bincangkan masalah ini?
5. Adakah peminjam harta muqaradhah wajib membayar ganti rugi apabila harta itu rosak atau hilang?

BAB *MUSAQAH* DAN SEWA

Musaqah berasal dari perkataan "السقي" iaitu seseorang yang menyerahkan kebunnya kepada orang lain untuk disiram dan dirawat dengan bahagian keuntungan yang telah ditentukan.

Ibn Hajar di sini sengaja meletakkan perbahasan sewa setelah *musaqah*, kerana *musaqah* termasuk ke dalam kategori sewa dan ulama telah bersepakat bahawa ia disyari'atkan sekali gus ini sebagai sanggahan ke atas pendapat yang mengatakan bahawa musaqah adalah dilarang.

١٣١- عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَلَ أَهْلَ خَيْبَرَ بِشَطْرِ مَا يَخْرُجُ مِنْهَا مِنْ ثَمَرٍ أَوْ زَرْعٍ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةٍ لَهُمَا: فَسَأَلُوا أَنْ يُقِرَّهُمْ بِهَا عَلَى أَنْ يَكْفُوهُ عَمَلَهَا وَلَهُمْ نِصْفُ الثَّمَرِ، فَقَالَ لَهُمْ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "نُقِرُّكُمْ بِهَا عَلَى ذَلِكَ مَا شِئْنَا"، فَقَرُّوا بِهَا حَتَّى أَجْلاَهُمْ عُمَرُ.

وَلِمُسْلِمٍ: أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَفَعَ إِلَى يَهُودِ خَيْبَرَ نَخْلَ خَيْبَرَ وَأَرْضَهَا عَلَى أَنْ يَعْتَمِلُوهَا مِنْ أَمْوَالِهِمْ، وَلَهُ شَطْرُ ثَمَرِهَا.

131- Daripada Ibn Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) telah melantik masyarakat Khaibar untuk mengelola kebunnya dengan ketentuan mereka memperoleh separoh dari hasil tanahnya berupa buah-buahan atau biji-bijian. (Muttafaq 'alaihi).

Dalam riwayat al-Bukhari dan Muslim disebutkan: "Lalu mereka meminta baginda mengakui mereka untuk sentiasa mengerjakan tanah itu selama-lamanya dan mereka mendapatkan penghasilan separuh kurma yang telah dituai. Rasulullah (s.a.w) kemudian bersabda kepada mereka:

"Kami mengakui kamu untuk mengerjakan tanah kami selagi kami berminat untuk itu." Mereka diakui untuk tetap mengelola kebun Khaibar Umar meng mereka.

Dalam riwayat Muslim disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) menyerahkan kepada Yahudi Khaibar tanah dan kurma Khaibar dengan syarat mereka mengelolanya dengan modal mereka dan separuh hasilnya menjadi hak milik mereka. (931).

Makna Hadith

Hadith ini merupakan dalil yang mensyariatkan *musaqah*, kerana Rasulullah (s.a.w) menyuruh masyarakat Khaibar menggarap kebun kurma, menjaganya dan menganggapnya sebagai harta mereka sendiri, kemudian mereka memperoleh setengah daripada hasilnya. Ini merupakan salah satu hikmah syari'at, kerana tidak semua orang yang mempunyai ladang mampu menggarap lahannya sendiri dan demikian pula dengan pekerja, tidak semua mereka yang mampu memiliki ladang untuk digarap sendiri.

Bagi saya, menggarap ladang sama seperti sewa-menyewa, namun apa yang membezakannya bahawa dalam *musaqah* pekerja tidak menggunakan modalnya sendiri dan ia pula mirip perkongsian jika pekerja turut menanam modal ketika bekerja. Di sini jelaslah perbezaan antara *musaqah*, sewa dengan perkongsian.

Analisis Lafaz

"أَهْلَ خَيْبَرَ", mereka adalah orang-orang Yahudi yang tinggal di kawasan khaibar. Khaibar terletak berhampiran Madinah.

"شَطْرِ", separuh.

"يُقِرَّهُمْ", tinggal bersama mereka.

"يَكْفُوهُ", hasil yang memadai bagi mereka di atas jerih payah yang mereka lakukan.

"أَجْلاَهُمْ", yang mengusir dan menghalau mereka.

"يَعْتَمِلُوهَا", kiasan terhadap pekerjaan mereka yang banyak.

"مِنْ أَمْوَالِهِمْ", bayaran ke atas atas jerih payah mereka dalam menjaga dan menyiram harta mereka.

Fiqh Hadith

1. Disyariatkan *musaqah*. Para ulama fiqh seperti Imam Malik, Imam Syafi'i, Imam Ahmad, Ishaq, al-Tsawri, al-Laits, selulurh ulama

hadith dan mazhab zahiri telah bersepakat mengenainya. Namun Imam Abu Hanifah dan Zufar tidak mengharuskan musaqah dan mereka tidak memiliki landasan yang kuat.

2. Bayaran *musaqah* mesti disebut dengan jelas kepada pekerja.
3. *Musaqah* boleh dilakukan pada buah-buahan dan tanam-tanaman, sebagaimana yang disebutkan dalam hadith di atas. Inilah pendapat Imam Malik dan Imam al-Syafi'i, di mana mereka berkata: "*Musaqah* boleh dilakukan ke atas setiap pepohon dan tanaman." Dalam riwayat yang lain di sisi Imam al-Syafi'i, *musaqah* hanya dibolehk ke atas kurma dan anggur sahaja. Menurut Dawud al-Zahiri, *musaqah* hanya dibolehkan ke atas anggur sahaja.
4. Boleh melakukan msuaqah dengan jangka wakatu yang belum diketahui. Al-Bukhari menyebut hadith ini dan membuat satu bab mengenainya dengan berkata: "Bab: jika tidak ada syarat tahun dalam *muzara'ah*." Inilah pendapat sekumpulan ulama fiqh. Msalah telah dinyatakan dengan tegas dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "Kami mengakui kamu tetap bekerja di kawasan kebun Khaibar selama kami menginginkan demikian." Berbeza dengan jumhur ulama di mana menurut mereka, tidak boleh melakukan *muzara'ah* dan *musaqah* melaikan dalam waktu yang telah ditetapkan. Mereka mentakwil hadith ini namun apa yang mereka nyatakan itu masih perlu dikaji semula.
5. Pekerja dibolehkan mengeluarkan sebahagian hartanya semasa merwat kebun tersebut.

Penting

Sekumpulan ulama fiqh dan ulama hadith berpendapat bahawa musaqah dan muzara'ah adalah sama, tetapi jumhur ulama mengatakan musaqah berbeza dengan muzara'ah. Mereka mentakrifkan muzara'ah bahawa benih milik tanah sedangkan penanam pula bertugas menanamnya dengan bayaran yang telah ditentukan berdasarkan penghasilan yang diperoleh daripada tanaman itu.

١٣٢- وَعَنْ حَنْظَلَةَ بْنِ قَيْسٍ قَالَ: سَأَلْتُ رَافِعَ بْنَ خَدِيجٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ كِرَاءِ الْأَرْضِ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ؟ فَقَالَ: لاَ بَأْسَ بِهِ، إِنَّمَا كَانَ النَّاسُ يُؤَاجِرُونَ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْمَاذِيَانَاتِ، وَأَقْبَالِ الْجَدَاوِلِ، وَأَشْيَاءَ مِنَ الزَّرْعِ، فَيَهْلِكُ هَذَا وَيَسْلَمُ هَذَا، وَيَسْلَمُ هَذَا وَيَهْلِكُ هَذَا، وَلَمْ يَكُنْ لِلنَّاسِ كِرَاءٌ إِلاَّ هَذَا، فَلِذَلِكَ زَجَرَ عَنْهُ، فَأَمَّا شَيْءٌ مَعْلُومٌ مَضْمُونٌ فَلاَ بَأْسَ بِهِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

وَفِيهِ بَيَانٌ لِمَا أُجْمِلَ فِي الْمُتَّفَقِ عَلَيْهِ مِنْ إِطْلاَقِ النَّهْيِ عَنْ كِرَاءِ الْأَرْضِ.

132- Daripada Hanzhalah bin Qais, beliau berkata: "Aku pernah bertanya kepada Rafi' bin Khadij tentang hukum menyewa tanah dengan emas dan perak? Dia menjawab: "Tidak ada masalah dengannya. Pada zaman Rasulullah (s.a.w), umat manusia menyewa tanah dengan imbalan tanaman yang tumbuh di kawasan perairan, pintu-pintu selokan dan sebagian tanaman. Namun ini hancur dan itu selamat, itu hancur dan ini selamat. Ini tradisi sewa menyewa tanah pada waktu itu. Oleh itu, baginda kemudian melarangnya. Adapun imbalan sesuatu yang telah sedia maklum dan dapat dijamin maka itu tidak ada salahnya (dibolehkan)." (Diriwayatkan oleh Muslim) . Hadith ini merupakan penjelasan ke atas larangan menyewakan tanah yang bersifat umum dalam hadith sebelum ini. (932).

Makna Hadith

Hadith ini membolehkan untuk menyewakan tanah mengikut makna yang sebenarnya iaitu memanfaatkan segala jenis barang dengan bayaran yang telah ditentukan seperti emas dan perak.

Dalam hadith ini dijelaskan jenis sewa yang dilarang oleh Rasulullah (s.a.w), kerana di dalamnya memuatkan unsur spekulasi, iaitu seorang pekerja datang dengan berkata: "Aku hendak membeli sebidang tanah milik si fulan itu dan sisa tanah itu aku sewakan kepada kamu." Ada kemungkinan tanah yang disewa pekerja itu dibayar sewanya namun bayaran sewa tidak sampai kepada pemilik tanah atau malah terjadi sebaliknya. Jadi di sini ada pihak yang tidak memperoleh haknya sedangkan pihak yang lain mengaut segala keuntungan.

Ini adalah diharamkan seperti mana yang dikatakan oleh al-Laits setelah menyebut hadith ini: "Sekiranya orang yanga arif memahami halal dan haram tentu akad sewa seperti tidak dibolehkannya."

Ibn Hajar menegaskan bahawa larangan tentang menyewa tanah dalam hadith *muttafaq 'alaih* mestilah ditafsirkan mengikut tafsiran dalam hadith ini, kerana hadith *mutafaq 'alaih* bersifat *mujmal* (global) sedangkan hadith di sini bersifat *mufassar* (tafsiran). Menurut kaedah fiqh, *mujmal* mestilah ditafsirkan mengikut *mufassar*.

Analisis Lafaz

"الْمَاذِيَانَاتِ", jamak "ماذيانة" dengan menggunakan huruf huruf *mim* dan kemudian disusuli huruf *dzal* dan huruf *ya'*. Maksudnya suatu tempat yang menjadi saliran air atau tumbuhan yang mengelilingi kawasan tadah banjir.

"أَقْبَال", dengan membaca *fathah* huruf *alif* dan *sukun* huruf *qaf*, iaitu permukaan atau hulu.

"الْجَدَاوِل", jamak "جدول" iaitu selokan.

"فَيَهْلِكُ", mati atau dilanda penyakit lalu binasa.

"زَجَرَ", melarang dengan keras.

"أُجْمِلَ", secara *mujmal* (global) tanpa ditafsirkan.

"الْمُتَّفَق عَلَيْهِ", lafaznya: "Rasulullah (s.a.w) melarang daripada menyewakan tanah."

Fiqh Hadith

1. Boleh menyewa sebidang tanah dengan bayaran jelas, seperti emas atau perak dan lain-lain seumpamanya.
2. Larangan menyewakan tanah dengan sesuatu yang mengakibatkannya tidak sempurna jika diambil sebahagiannya.

Periwayat Hadith

Hanzhalah bin Qais al-Zarqi al-Anshari, salah seorang periwayat thiqoh di Madinah, sedikit cakap dan pendapatnya sentiasa cemerlang. Ramai ulama yang meriwayatkan hadith daripadanya.

١٣٣- وَعَنْ ثَابِتِ بْنِ الضَّحَّاكِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ الْمُزَارَعَةِ وَأَمَرَ بِالْمُؤَاجَرَةِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ أَيْضًا.

133- Daripada Tsabit bin al-Dhahhak (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang *muzara'ah* dan menyuruh sewa menyewa. (Diriwayatkan oleh Muslim: 933).

Makna Hadith

Dengan hadith ini, seolah-olah Ibn Hajar ingin menjelaskan bahawa *muzara'ah* yang dilarang dalam hadith sebelum ini adalah dalam keadaan khusus. Demikian dianjurkan sewa-menyewa sebagaimana yang diingatkan dalam akhir hadith ini dan apa yang dilarang adalah apa yang digambarkan oleh Rafi'.

Seeloknya Ibn Hajar menyebut hadith lebih dahulu agar diketahui dengan jelas bahawa ia telah dimansukhkan.

Analisis Lafaz

"الْمُزَارَعَةِ", pemilik tanah menyerahkan sebidang tanah berserta benih tanaman untuk dikelola dengan ketentuan bahawa pekerja berhak memperoleh bahagian daripada hasil tanaman itu kelak.

Fiqh Hadith

1. Larangan *muzara'ah*. Imam Malikl, Imam Abu Hanifah dan Imam al-Syafi'i mengatakan ia adalah *fasid*, namun Imam al-Syafi'i merincikan dengan berkata: "*Muzara'ah* dibolehkan kerana mengikut kepada *musaqah* apabila di tengah-tengah kebun kurma itu terdapat kawasan kosong dan tidak tidak mungkin menyiram kebun kurma melainkan melewati tanah kosong itu. Jika kebun kurma dapat disiram tanpa melalui tanah kosong atau *muzara'ah* diasingkan dengan *musaqah*, maka itu tidak dibolehkan." Sementara Umar, Ali, Ibn Abbas, Ibn Mas'ud, Ibn al-Musayyab, al-Qasim, Urwah, Ibn Sirin dan sekumpulan tabi'in membolehkan *muzara'ah*. Inilah pendapat Imam Ahmad, Ishaq, Abu Yusuf, Muhammad bin al-Hasan dan lain-lain. Golongan yang membolehkan ini menyanggah hadith di atas sebagai berikut: Pertama, hadith ini mansukh dengan bukti amalan ini tetap dilakukan pada masa akhir hayat Rasulullah (s.a.w). Kedua, hadith ini masih mudhtharib seperti mana yang ditegaskan oleh Imam Ahmad. Ketiga, maksud *muzara'ah* yang dilarang adalah seperti mana yang tertera dalam hadith Rafi' bin Khadij sebelum ini.
2. Dianjurkan untuk melakukan sewa-menyewa mengikut kesepakatan ulama.

١٣٤- وَعَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ قَالَ: احْتَجَمَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَعْطَى الَّذِي حَجَمَهُ أَجْرَهُ، وَلَوْ كَانَ حَرَاماً لَمْ يُعْطِهِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

134- Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) berbekam dan memberi upah kepada orang yang membekam. Jika kerjaya itu haram, tentu Rasulullah (s.a.w) tidak memberinya upah." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 934).

١٣٥- وَعَنْ رَافِعِ بْنِ خَدِيجٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "كَسْبُ الْحَجَّامِ خَبِيثٌ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

135- Daripada Rafi' bin Khadiji (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Pekerjaan menjadi tukang bekam adalah kurang baik." (Diriwayatkan oleh Muslim: 135).

Makna Hadith

Kadang kala darah manusia itu kotor hingga menyebabkan kejiwaannya tidak stabil. Oleh itu, darah kotor ini mesti dikeluarkan dari dalam tubuh manusia dengan cara membekamnya. Inilah yang disebut berbekam (*hijamah*). Kedua-dua hadith ini saling bercanggah antara satu sama lain sama ada dibolehkan menerima upah bagi seorang pembekam.

Analisis Lafaz

"احْتَجَمَ", *al-Hajm* menurut bahasa adalah mengisap. Dinamakan demikian kerana orang yang membekam mengeluarkan darah kotor dengan menggunakan bahagian hujung alatnya ketika membekam orang lain. Tujuan berbekam adalah untuk mengeluarkan darah kotor bagi melancarkan peredaran darah. Inilah yang dipraktikkan Rasulullah (s.a.w) di mana baginda mendatangi seseorang yang boleh membekam dirinya, iaitu Abu Thibah, seorang hamba bagi bani Bayadhah.

"رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ", ia diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim. Sebaiknya hadith ini dinisbahkan kepada kedua-duanya sekali.

"خَبِيثٌ", kotor atau tidak baik sebagaimana yang dijelaskan dalam kitab al-Qamus.

Fiqh Hadith

1. Dibolehkan berubat dengan berbekam.
2. Tidak dibolehkan memakan dan menyewakan sesuatu yang diharamkan.
3. Dibolehkan mengambil upah bekam, walaupun pekerjaan dianggap tidak baik.

   Jumhur ulama berpendapat bahawa kedua-dua hadith ini saling bertentangan antara satu sama lain, namun ada sekumpulan ulama yang berusaha menyatukan pemahamannya.

   Jumhur ulama berpendapat bahawa menerima upah bekam adalah halal, meskipun ia adalah usaha yang kurang baik, namun ia tidak diharamkan. Mereka mengertikan larangan di sini sebagai makruh tanzih. Ada pula di antara ulama yang mengatakan hadith ini mansukh. Dalil mereka adalah hadith ini daripada Ibn Abbas

manakala lafaz "خبيث" pula tidak bermaksud haram. Ini seperti mana bawang merah dan bawang putih yang dianggap sebagai tumbuhan yang berbau busuk, namun tidak diharamkan untuk memakannya.

Imam Ahmad dan sekumpulan ulama yang lain mengatakan dimakruhkan bagi orang merdeka bekerja sebagai pembekam. Jika tetap melakukannya, hasil upah yang diterimanya tidak boleh dinafkahkan untuk keperluan dirinya, namun hendaklah dibelanjakan kepada hamba dan haiwan. Dalil mereka adalah hadith Mahishah bahawa beliau pernah bertanya kepada Rasulullah (s.a.w) tentang usaha sebagai pembekam, lalu baginda melarangnya. Mahishah kemudian menceritakan keperluan-keperluan hidupnya di hadapan baginda lalu baginda bersabda: "Berilah upah itu untuk memberi makan haiwan ternakanmu." Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Malik, Abu Dawud dan al-Tirmidhi yang menilainya hasan. Ibn Hajar berkata: "Periwayat hadith ini thiqoh."

Ibn al-'Arabi berkata: "Dibolehkan memberi dan menerima upah selagi pekerjaan itu jelas dan apa yang dilarang di dalam hadith ini adalah jika pekerjaan itu tidak jelas, maka itu dilarang."

Sebahagian ulama yang lain mengatakan bahawa usaha pembekam haram berdasarkan hadith Rafi', Abu Hurairah dan lain-lain. Mereka mendakwa hadith Ibn Abbas telah dimansukh.

١٣٦- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "قَالَ اللهُ تَعَالَى: "ثَلاَثَةٌ أَنَا خَصْمُهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: رَجُلٌ أَعْطَى بِي ثُمَّ غَدَرَ، وَرَجُلٌ بَاعَ حُرًّا فَأَكَلَ ثَمَنَهُ، وَرَجُلٌ اسْتَأْجَرَ أَجِيرًا فَاسْتَوْفَى مِنْهُ، وَلَمْ يُعْطِهِ أَجْرَهُ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

136- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Allah (s.w.t) berfirman: "Ada tiga golongan yang menjadi musuhKu pada hari kiamat, iaitu; orang yang berjanji dengan bersumpah menggunakan lafaz Allah lalu dia curang, orang yang menjual orang merdeka lalu memakan hasil jualannya itu dan orang yang mempekerjakan orang lain lalu dia bekerja dengan baik, namu tidak dibayar setelah pekerjaannya selesai." (Diriwayatkan oleh Muslim: 936).

Makna Hadith

Khianat merupakan salah satu sifat yang tercela dan perbuatan ini hanya dilakukan oleh orang jahat, di mana dia tidak lagi menghiraukan haram

dan halal lagi. Orang inilah yang disebut oleh Allah sebagai pengkhanat di mana mereka dikumpulkan pada hari kiamat sebagai musuh Allah. Mereka adalah orang yang berjanji dan bersumpah dengan nama Allah lalu berkhianat, seseorang yang menjual orang merdeka kemudian memakan harganya lalu berkhianat dan orang yang mempekerjakan orang lain lalu mengurangi bayaran upahnya.

Analisis Lafaz

"أَنَا خَصْمُهُمْ", Aku menjadi musuh mereka seperti mana disebutkan dalam riwayat Ibn Khuzaimah dan Ibn Hibban yang kemudian ditambahkan: "من كنت خصمه خصمته" (Sesiapa yang menjadi musuhKu, maka dia Aku hinakan).

"أَعْطَى بِي", yakni perjanjian dan amanah dan *maf'ul* kalimat ini dibuang.

"غَدَرَ", melanggar perjanjian atau apa yang dipercayakan kepadanya.

"بَاعَ حُرًّا", seperti orang yang mempunyai hamba, lalu dia memerdekakannya, kemudian dia menjualnya lagi dan merahsiakan kemerdekaannya.

"رَوَاهُ مُسْلِمٌ", saya tidak menjumpai hadith ini di dalam Sahih Muslim. Ia sebenarnya ada di dalam Sahih al-Bukhari, bab: berdosa orang yang menjual orang merdeka dalam kitab jual beli. Kemudian al-Bukhari menyebutnya semula dalam kitab sewa. Ibn Hajar pada akhir kitab jual beli dalam kitan Fath al-Bari bahawa hadith Abu Hurairah ini termasuk hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari seorang diri tanpa Muslim turut meriwayatkannya. Jadi jelaslah menisbahkan hadith ini kepada Muslim merupakan satu kesalahan.

Fiqh Hadith

1. Haram berjanji kemudian mengkhianati janjinya itu.
2. Haram menjual orang yang sudah merdeka.
3. Haram memakan upah yang wajib diberikan kepada pekerja.

١٣٧- وَعَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ أَحَقَّ مَا أَخَذْتُمْ عَلَيْهِ حَقًّا كِتَابُ اللهِ". أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

137- Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya sesuatu yang kamu paling berhak untuk diambil upahnya adalah membaca al-Qur'an." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 937)

Makna Hadith

Hadith ini datang dengan kisah yang panjang lebar sebagaimana diriwayatkan oleh al-Bukhari bahawa sekumpulan sahabat Rasulullah (s.a.w) mengadakan suatu perjalanan lalu mereka melewati air yang di sekitarnya ada seseorang yang disengat oleh haiwan berbisa. Salah seorang di antara mereka bertanya kepada sekumpulan sahabat itu: "Adakah di antara kamu yang boleh membaca ruqyah? Di sini ada seseorang di antara kamu yang disengat haiwan berbisa." Salah seorang sahabat lalu pergi memperkenankan permintaan itu lalu dia membaca surah al-Fatihah namun dengan syarat pembaca ruqyah ini dibayar dengan seekor kambing atau beberapa ekor kambing. Orang yang disengat haiwan berbisa itu pun sembuh dan sahabat yang membaca ruqyah itu kemudian pulang dengan membawa beberapa ekor kambing menuju tempat berhimpun rombongannya. Sahabat-sahabatnya yang lain tidak menyukai perbuatannya itu, kerana merasa al-Qur'an dijadikan sebagai alat untuk mencari nafkah. Setibanya mereka sampai di Madinah, mereka menyampaikan peristiwa ini kepada Rasululah (s.a.w) dengan menceritakan: "Wahai Rasulullah, sahabat kami itu telah mengambil upah kerana membacakan ayat kitab Allah?" Kemudian baginda bersabda: "Sesungguhnya sesuatu yang kamu paling berhak untuk diambil upahnya adalah membaca al-Qur'an..

Analisis Lafaz

"أَحَقَّ", *fi'il tafdhil* yang maknanya lebih baik.

Fiqh Hadith

Boleh mengmbil upah kerana membaca al-Qur'an, sama ada untuk ruqyah ataupun untuk mengajarkan membaca al-Qur'an. Inilah pendapat Atha', al-Hakam, Imam Malik, Imam Syafi'i, Abu Tsawr dan ramai lagi.

Menurut al-Zuhri, Imam Abu Hanifah, Ishaq dan Imam Ahmad, tidak boleh mengambil upah kerana membaca al-Qur'an, namun mazhab Hanafi mengecualikan ruqyah di mana mereka membolehkan untuk mengambil upah ke atas bacaan ruqyah. Dalil mereka adalah hadith daripada Ubadah bin al-Shamit (r.a), beliau berkata:

قُلْتُ: يَا رَسُوْلَ اللهِ، أَهْدَى إِلَيَّ رَجُلٌ قَوْسًا مِمَّنْ كُنْتُ أُعَلِّمُهُ الْكِتَابَ وَالْقُرْآنَ، وَلَيْسَتْ بِمَالٍ، فَأَرْمِي عَلَيْهَا فِي سَبِيلِ اللهِ؟ قَالَ: إِنْ كُنْتَ تُحِبُّ أَنْ تُطَوَّقَ طَوْقًا مِنْ نَارٍ فَاقْبَلْهَا.

"Saya berkata: 'Wahai Rasulullah, seorang lelaki yang pernah belajar membaca al-Qur'an kepadaku telah memberi hadiah kepadaku berupa busur panah sedangkan aku seorang yang tidak berharta. Bolehkah saya menggunakannya untuk berjihad di jalan Allah?" Baginda menjawab: "Jika kamu ingin mengalungkan api neraka di lehermu maka terimalah itu hadiah itu." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan Ibn Majah). Hadith ini memiliki dua jalur yang kesemuanya masih dipertikai oleh ulama hadith.

Dalil mereka yang lain pula adalah hadith *marfu'* daripada Abdurrahman bin Syibl:

لَا تَأْكُلُوا بِهِ – يَعْنِي الْقُرْآنَ – وَلَا تَسْتَكْثِرُوا.

"Janganlah kamu cari makan dengan al-Qur'an dan memperkaya dirimu dengannya." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad).

Kedua-kedua hadith turut memiliki syahid daripada Ubay bin Ka'ab, Jabir, 'Imran bin Hushain dan lain-lain. Mereka menyanggah hadith Ibn Abbas bahawa maksudnya adalah pahala, namun konteks hadith itu tidak mengisyaratkan demikian. Ada pula yang mendakwa hadith ini mansukh, namun dakwaan ini masih ada kemungkinan lain dan suatu hukum tidak dapat ditetapkan dengan adanya kemungkinan.

Al-Syafi'i dan ulama yang sependapat dengannya menyanggah hadith-hadith daripada Ubadah bahawa ia hanya kes-kes tertentu yang masih memunculkan pelbagai tafsiran. Menurut al-Hasan, Ibn Sirin dan al-Sya'bi, tidak ada salahnya menerima upah ke atas membaca al-Qur'an selagi tidak mensyaratkan demikian.

١٣٨- وَعَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَعْطُوا الْأَجِيرَ أَجْرَهُ قَبْلَ أَنْ يَجِفَّ عَرَقُهُ". رَوَاهُ ابْنُ مَاجَه.

138- Daripada Ibn Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Bayarlah upah buruh sebelum peluhnya kering." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah: 938).

١٣٩ - ١٤٠- وَفِي الْبَابِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عِنْدَ أَبِي يَعْلَى وَالْبَيْهَقِيِّ وَجَابِرٍ عِنْدَ الطَّبْرَانِيِّ، وَكُلُّهَا ضِعَافٌ.

139- 140- Dalam bab ini ada hadith yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah di sisi Abu Ya'la dan al-Baihaqi dan hadith daripada Jabir di sisi al-Tabrani, namun kesemunya daif (939-940).

Makna Hadith

Hadith ini menganjurkan bersegara membayar hutang dan membayar upah pekerja sebab biasanya pekerja hanya mampu memenuhi keperluan hariannya. jika pembayaran lambat, maka bererti memaksanya berhutang. Hadith ini menyuruh bersegera membayar upah pekerja, bahkan dianjurkan membayar upah sebelum peluh pekerja kering.

Analisis Lafaz

"جِفَّ", kering.

"وَكُلُّهَا ضِعَافٌ", semuanya daif kerana di dalam hadith Jabir ini terdapat Syarqiy bin Qatthami dan Muhammad bin Ziyad al-Rawi, mereka berdua merupakan periwayat hadith yang daif.

Dalam hadith Abu Hurairah pula terdapat Abdullah bin Ja'far, ayah kepada Ali bin Ali bin al-Madini yang kemudian dimutaba'ah oleh Muhammad bin 'AMmar al-Mu'addzin ke atas hadith ini bukannya kepada sanad. Keduanya merupakan periwayat daif.

Dalam hadith Ibn Umar terdapat Wahb bin Sa'id dan Abdurrahman bin Zaid bin Aslam di mana keduanya adalah periwayat daif. Apapun, hadith ini menjadi kuat dengan adanya pelbagai jalur ini. Inilah yang ditegaskan oleh al-Hafiz al-Munziri.

Fiqh Hadith

1. Anjuran untuk bersegera membayar upah pekerja.
2. Menyebut dengan jelas jumlah upah sebelum pekerjaan dimulakan.

١٤١- وَعَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنِ اسْتَأْجَرَ أَجِيراً، فَلْيُسَمِّ لَهُ أُجْرَتَهُ". رَوَاهُ عَبْدُ الرَّزَّاقِ وَفِيهِ انْقِطَاعٌ، وَوَصَلَهُ الْبَيْهَقِيُّ مِنْ طَرِيقِ أَبِي حَنِيفَةَ.

141- Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa mempekerjakan buruh maka hendaklah dia membayar upahnya." (Diriwayatkan oleh 'Abdurrazzaq, namun hadith memiliki unsur munqathi' dan ia dinilai mawshul oleh al-Baihaqi daripada jalur Abu Hanifah: 941).

Makna Hadith

Setiap manusia mempunyai kemampuan yang berbeza dalam bekerja, baik kesungguhan mahupun kekuatan. Demikian pula keperluan mereka berbeza antara satu sama lain, sehingga ramai orang yang memanfaatkan keadaan ini, di mana mereka menyuruh orang yang dalam keadaam mendesak bekerja tanpa menyebutkan jumlah gaji dengan jelas, lalu memberinya upah dengan kadar yang rendah. Ini pada akhirnya mengakibatkan pertelagahan dan sering kali terjadi pada masa sekarang ini. Hadith ini menganjurkan untuk menyebutkan jumlah upah dengan jelas sebelum pekerjaan dimulakan.

Analisis Lafaz

"فَلْيُسَمِّ", menyebutkan jumlah upah sesuai dengan kesepakatan pekerja.

"وَفِيهِ انْقِطَاعٌ", hadith ini *munqathi'* kerana Ibrahim tidak mendengar hadith ini daripada Abi Sa'id.

"وَوَصَلَهُ الْبَيْهَقِيُّ", al-Baihaqi menilainya mawsul, tetapi bukan daripada Abu Sa'id. Berikut ini jalur-jalur al-Baihaqi:

a. Daripada Abu Hanifah daripada Hammad daripada Ibrahiml daripada al-Aswad daripada Abu Hurairah. Al-Baihaqi berkata: "Inilah riwayat Abu Hanifah daripada Abu Hurairah. Ada pula riwayat lain daripada Ibn Mas'ud, namun daif."
b. Daripada Hammad bin Salamah daripada Hammad daripada Ibrahim daripada Abu Sa'id. Hadith ini mursal.
c. Hammad bin Abu Sulaiman yang meriwayatkannya *mursal*.

Jadi di sini jelaslah bahawa hadith ini cacat lantaran banyaknya perbezaan mengenainya.

Fiqh Hadith

Wajib menyebut dan menyepakati jumlah upah sebelum memulai pekerjaan. Pendapat ini menurut Imam al-Syafi'i, Abu Yusuf dan Muhammad. Mereka menjadikan hadith ini sebagai dalil dan hadith-hadith yang melarang untuk melakukan penipuan.

Menurut Malik dan Imam Ahmad bin Hanbal, menyebutkan jumlah upah tidak wajib, kerana bayaran upah disesuaikan dengan kebiasaan.

Bagi pensyarah kitab ini, jika kebiasaan upah kerja tidak diketahui, maka kita mesti merujuk kepada pendapat pertama yang mengatakan bahawa menyebut jumlah upah wajib sebelum bekerja.

Soalan

1. Apakah takrif *musaqah* secara bahasa dan syarak?
2. Huraikan makna kalimat dalam hadith Ibn Umar tentang mu'amalah Rasulullah (s.a.w) kepada penduduk Khaibar: "شطر", "يقرهم", "يكفوه", "أجلاهم" dan "يعتملوها"?
3. Bagaimanakah pendapat ulama tentang syariat *musaqah*?
4. Apakah disyaratkan menyebutkan bahagian keuntungan bagi pekerja dan adakah ia mesti diketahui dengan jelas?
5. Apakah jenis-jenis barang yang boleh dilakukan musaqah ke atasnya? Sebutkan pendapat ulama fiqh dalam masalah ini?
6. Bolehkah musaqah untuk tempoh yang tidak diketahui dan apa pula dalilnya?
7. Apakah musaqah dan muzara'ah memiliki makna yang sama?
8. Sebutkan teks hadith Ibn Qais dan pertanyaannya kepada Rafi' dan kemudian jelaskan maksud lafaz-lafaznya?
9. Apakah muzara'ah yang dilarang itu?
10. Apakah hukum menjadikan bekam sebagai profesi dan bincangkan masalah ini dengan panjang lebar?
11. Bolehkah mengambil upah kerana mengajarkan al-Qur'an dan apa pula dalil ulama yang melarangnya dan dalil ulama yang mengharuskannya?
12. Sempurnakan hadith: "أعطوا الأجير أجره..." dan bincangkan sama ada ia sahih ataupun daif?
13. Adakah hadith menyebut upah pekerja dengan jelas itu sahih dan sebutkan teksnya?
14. Bagaimanakah pendapat ulama yang mewajibkan menyebut upah secara jelas?

BAB *IHYA' MAWAT* (MENGELOLA TANAH TERBIAR)

Al-Mawat adalah tanah yang belum dimiliki oleh seseorang atau lahan kosong yang tak bertuan. Sesiapa yang membukanya, maka bererti dia telah menghidupkannya.

Islam tidak memberikan batasan tentang cara menghidupkan lahan mati ini, sebaliknya ia hendaklah mengikuti kebiasaan yang berlaku di suatu daerah tersebut.

Menurut al-Khatthabi, jika seseorang ingin menghidupakan rumah, maka tidak boleh memilikinya hingga ada binaan di sekitarnya dan mesti beratap. Jika ingin menghidupkan kebun, maka dia mesti membuat perairan dan pagar lalu tanahnya ditanami. Jika ingin bercucuk tanam, maka dia mesti mengumpulkan tanah supaya boleh ditumbuhi tanaman.

١٤٢- عَنْ عُرْوَةَ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ عَمَّرَ أَرْضاً لَيْسَتْ لِأَحَدٍ، فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا". قَالَ عُرْوَةُ: وَقَضَى بِهِ عُمَرُ فِي خِلاَفَتِهِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

142- Daripada Urwah daripada Aisyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa mengelola tanah terbiar yang tidak dimiliki orang lain, maka dia lebih berhak untuk memilki tanah itu." Urwah berkata: "Umar sewaktu menjadi Khalifah turut menetapkan hukum sedemikian," (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 942).

Makna Hadith

Banyak nas yang menganjurkan untuk memakmurkan bumi, bahkan Allah menjadikannya sebagai sumber kekuatan dan kemakmuran. Allah (s.w.t) berfirman:

..... كَانُوٓاْ أَشَدَّ مِنۡهُمۡ قُوَّةٗ وَأَثَارُواْ ٱلۡأَرۡضَ وَعَمَرُوهَآ أَكۡثَرَ مِمَّا عَمَرُوهَا وَجَآءَتۡهُمۡ رُسُلُهُم بِٱلۡبَيِّنَٰتِۖ فَمَا كَانَ ٱللَّهُ لِيَظۡلِمَهُمۡ وَلَٰكِن كَانُوٓاْ أَنفُسَهُمۡ يَظۡلِمُونَ ۝٩

"…Orang-orang itu lebih kuat daripada mereka sendiri, dan orang-orang itu telah meneroka bumi serta memakmurkannya lebih daripada kemakmuran yang dilakukan oleh mereka, dan orang-orang itu juga telah didatangi oleh rasul-rasulnya dengan membawa keterangan-keterangan yang jelas nyata (lalu mereka mendustakannya dan kesudahannya mereka dibinasakan). Dengan yang demikian, maka Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka, tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri." (Surah al-Rum: 9). Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِذَا قَامَتِ الْقِيَامَةُ وَفِي يَدِ أَحَدِكُمْ فَسِيْلَةُ نَخْلٍ فَلْيَزْرَعْهَا.

"Jika hari kiamat sudah terjadi sementara di tangan kamu masih ada setangkah bibit kurma, maka hendaklah kamu tetap menanamnya."

Hadith ini menegaskan bahawa memakmurkan bumi merupakan salah satu cara untuk memilikinya.

Analisis Lafaz

"عَمَّرَ", inilah mengikut naskah asas, sementara menurut riwayat al-Bukhari: "أعمر" namun "عمّر" lebih tepat seperti mana yang dikatakan oleh al-Qadhi 'Iyadh. Dalam riwayat al-Bukhari yang lain disebutkan "أعمر" *mabni li al-majhul*.

"بهَا", kalimat ini tidak terdapat dalam Sahih al-Bukhari. Ia merupakan tamabahan al-Isma'ili ketika meneliti hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari. Maksudnya, lebih berhak daripada yang lain.

Fiqh Hadith

Barang siapa yang mengelola tanah terbiar yang tidak dimiliki orang lain, maka tanah itu menjadi hak miliknya. Inilah endapat Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad, Ishaq dan jumhur ulama, sama ada tanah itu berdekatan dengan kawasan kota ataupun sebaliknya sama ada telah mendapat kebenaran kerajaan ataupun sebaliknya.

Menurut Imam Abu Hanifah, mengelola tanah terbiar mestilah mendapat izin daripada kerajaan, namun Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan tidak sependapat dengannya.

Menurut Imam Malik, mengelola tanah terbiar mestilah mendapat kebenaran kerajaan jika ia berdekatan dengan kawasan bandar. Kriteria

dekat dengan kawasan bandar adalah masyarakat bandar masih memerlukan tumbuhan dan rerumputan di kawasan terbiar itu.

Penting

Di sini ada permasalahan, iaitu:

Pertama, adakah ahli zimmah memiliki hak sama dalam mengelola tanah terbiar?

Menurut Ibn Hibban dan sekumpulan ulama, ahli zimmah tidak memiliki hak yang sama dengan muslim dalam hal mengelola tanah terbiar. Dalilnya adalah hadith sahih yang diriwayatkan daripada Jabir di mana pada bahagian akhirnya disebutkan: "maka orang yang mengelolanya itu memperoleh ganjaran pahala." Menurut Ibn Hibban, orang kafir tidak memperoleh ganjaran pahala dan oleh kerananya, dia tidak dibolehkan mengelola tanah terbiar.

Muhibuddin al-Thabari mengkritik pernyataan Ibn Hibban dengan mengatakan bahawa maksud hadith ini adalah pahala di dunia seperti mana dinyatakan dalam beberapa hadith yang lain.

Ibn Hajar berkata: "Apa yang dikatakan oleh Muhibuddin al-Thabari mungkin ada benarnya, namun apa yang dikatakan oleh Ibn Hibban lebih bersesuaian dengan zahir hadith, kerana pahala hanya berlaku di akhirat."

Kedua, tanah terbiar di sini merupakan milik orang lain namun tidak diketahui siapa pemiliknya yang sebenar seperti lembah, adakah ia termasuk tanah terbiar yang boleh dikelola?

Menurut jumhur ulama, ia termasuk tanah terbiar yang boleh dikelola namun mesti mendapat kebenaran kerajaan terlebih dahulu.

Menurut Imam Abu Hanifah, tanah seperti ini tidak boleh dikelola walau apapun keadaannya.

١٤٣- وَعَنْ سَعِيدِ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ أَحْيَا أَرْضاً مَيْتَةً فَهِيَ لَهُ". رَوَاهُ الثَّلاَثَةُ، وَحَسَّنَهُ التِّرْمِذِيُّ.

وَقَالَ: رُوِيَ مُرْسَلاً. وَهُوَ كَمَا قَالَ، وَاخْتُلِفَ فِي صَحَابِيِّهِ، فَقِيلَ: جَابِرٌ، وَقِيلَ: عَائِشَةُ، وَقِيلَ: عَبْدُ اللهِ بْنُ عَمْرٍو، وَالرَّاجِحُ الأَوَّلُ.

143- Daripada Sa'id bin Zaid (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Barang siapa yang mengelola tanah terbiar yang tidak dimiliki orang lain, maka ia menjdi hak miliknya." (Diriwayatkan oleh al-Tsalatsah dan dinilai hasan oleh al-Tirmidhi. Beliau berkata: "Hadith ini diriwayatkan secara mursal dan dan memang demikian adanya. Ulama berbeza mengenai

sahabat yang meriwayatkannya. Ada yang mengatakan Jabir, ada yang mengatakan Aisyah dan ada pula yang mengatakan Abdullah bin 'Umar. Apapun, pendapat yang rajih adalah pertama: 943).

Makna Hadith

Makna hadith ini sama dengan hadith sebelumnya, tetapi Imam al-Syafi'i menjadikannya dalil bahawa untuk mengelola tanah terbiar tidak perlu mendapat kebenaran kerajaan terlebih dahulu.

Analisis Lafaz

"أَحْيَا", memakmurkan dan mengelola. Ia merupakan perumpamaan di mana kawasan terbiar dianggap sebagai suatu kematian, kemudian pembangunan diumpamakan dengan penghidupan.

"مَيْتَةً", ia datang sebagai lawan kata kepada tanah yang hidup iaitu tanah yang belum pernah dikelola dan tidak ada orang yang memilikinya.

"فَهِيَ لَهُ", menjadi hak miliknya.

Fiqh Hadith

Seseorang yang mengelola tanah terbiar maka tanah itu menjadi hak miliknya.

١٤٤- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ الصَّعْبَ بْنَ جَثَّامَةَ اللَّيْثِيَّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَخْبَرَهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لاَ حِمَى إِلاَّ للهِ وَلِرَسُولِهِ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

144- Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Sha'ab bin Jattsamah al-Laitsi (r.a) memberitahunya bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak ada tanah yang boleh dijadikan sebagai kawasan kecuali milik Allah dan Rasul-Nya." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 944).

Makna Hadith

Tokoh masyarakat jahiliah apabila mempunyai kawasan larangan yang digunakan untuk kepentingan dirinya sendiri selalunya melarang orang lain daripada memanfaatkannya. Cara membuat kawasan larangan itu adalah dia meletakkan anjing di atas bukit. Sejauh mana suara anjing itu terdengar, maka sejauh itu pulalah tanah itu menjadi hak miliknya. Ia tidak boleh lagi dijadikan lahan gembala oleh orang lain.

Islam kemudian menghapuskan sistem ini, di mana dikatakan bahawa tanah larangan hanya milik Allah dan Rasul-Nya.

Analisis Lafaz

"لاَ حِمَى", tempat larangan.

Menurut al-Bukhari mempunyai dua makna seperti berikut:

Pertama, tidak ada hak bagi orang muslim membuat kawasan larangan di suatu tempat kecuali kawasan yang telah dijadikan kwasan larangan oleh Allah dan Rasul-Nya. Jadi, tidak ada seorang pun pemimpin yang dibolehkan membuat kawasan larangan setelah itu.

Kedua, tidak ada kawasan larangan kecuali membuat kawasan larangan seperti mana yang pernah dibuat oleh Rasulullah (s.a.w), di mana seorang khalifah misalnya membuat kawasan larangan seperti mana yang pernah dibuat oleh Rasulullah (s.a.w).

Al-Bukhari cenderung kepada maksud kedua kerana beliau mengemukakan perkataan Ibn Syihab al-Zuhari setelah menyebut hadith di atas: "Telah sampai berita kepada kami bahawa Rasulullah (s.a.w) telah menjadikan al-Baqi' sebagai kawasan larangan dan Umar pula pernah menjadikan al-Rabdzah sebagai kawasan larangan."

"إِلاَّ لله", Dialah pemilik orang yang menjadikan tanah itu sebagai kawasan larangan.

"وَلِرَسُولِهِ", apa-apa yang dikhususkan oleh Allah. Jadi, Rasulullah (s.a.w) tidak pernah menjadikan sesuatu hanya untuk kepentingan dirinya sendiri.

Fiqh Hadith

Apa yang dilakukan oleh pembesar jahiliyah tentang menjadikan suatu kawasan dijadikan sebagai kawasan larangan telah dibatalkan oleh syari'at Islam.

Ulama berbeza pendapat sama ada seorang pemimpin dibolehkan untuk kepentingan dirinya sendiri atau hanya dibolehkan untuk kepentingan kaum muslimin? Menurut jumhur ulama, seorang pemimpin tidak boleh menjadikan tanah sebagai kawasan larangan untuk kepentingan dirinya sendiri, tetapi dia dibolehkan menjadikan tanah sebagai kawasan untuk tempat gembala kuda dan unta milik kaum muslimin atau untuk kepentingan umum.

Periwayat Hadith

Al-Sha'b bin Jattsamah berhijrah bersama Rasulullah (s.a.w) dan singgah di lembah Wuddan. Beliau meninggal dunia pada masa pemerintahan 'Utsman bin 'Affan mengikut pendapat ulama yang sahih. Hadithnya diriwayatkan oleh sekumpulan ulama.

١٤٥- وَعَنْهُ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لاَ ضَرَرَ وَلاَ ضِرَارَ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَابْنُ مَاجَه.

145- Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jangan kamu melakukan mudharat ke atas dirinya dan jangan pula melakukannya ke atas diri orang lain." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Ibn Majah: 945).

١٤٦- وَلَهُ مِنْ حَدِيثِ أَبِي سَعِيدٍ مِثْلُهُ، وَهُوَ فِي الْمُوَطَّإِ مُرْسَلٌ.

146- Dalam riwayat Ibn Majah daripada hadith Abu Sa'id ada hadith serupa yang serupa dengannya, namun ia di dalam al-Mawatha' dinilai mursal. (946).

Makna Hadith

Abu Dawud berkata: "Hadith ini merupakan salah satu dari empat hadith yang dijadikan sebagai landasan dalam Islam." Ini kerana ia merupakan salah satu kaedah dalam Islam yang melarang pemeluknya daripafa melakukan kejahatan sama ada ke atas dirinya sendiri mahupun ke atas orang lain.

Ibn Hajar mengemukakan hadith ini untuk menjelaskan pemahaman mudharat mengikut perspektif syariat bukan kemaslahatan perspektif peribadi semata. Dalam kaitan ini, seseorang yang ingin mengelola tanah terbiar disyaratkan untuk tidak merugikan orang lain.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", periwayat hadith ini sama dengan hadith sebelumnya, Ibn Abbas.

"ضَرَرَ", mudharat merupakan lawan kata manfa'at, yakni sesuatu yang berbahaya.

"ضِرَارَ", yakni bahaya.

Ada yang mengatakan makna *al-dhirar* adalah sesuatu yang boleh membahayakan orang lain, sementara bermanfaat bagi dirinya sendiri atau

membahayakan orang lain tanpa ada manfa'atnya.

"وَلَهُ", bagi Ibn Majah.

Penting

Hadith ini memiliki beberapa *syahid* yang antara lain adalah sebagai berikut:

- Daripada Ubadah bin al-Shamit di sisi Ibn Majah dan al-Baihaqi.
- Daripada 'Amar bin Yahya al-Mazini daripada ayahnya secara mursal di sisi Imam Malik.
- Daripada Ibn Abbas di sisi Abdurrazzaq dan Imam Ahmad.

Fiqh Hadith

Haram melakukan sesuatu yang merbahaya dan segala sesuatu yang menyebabkan bahaya.

١٤٧- وَعَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ أَحَاطَ حَائِطًا عَلَى أَرْضٍ فَهِيَ لَهُ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ الْجَارُودِ.

147- Daripada Samurah bin Jundub (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa membuat batas tanah, maka ia menjadi hak miliknya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh Ibn al-Jarud: 946).

Makna Hadith

Hadith ini memberikan perumpamaan bagi apa yang telah ditetapkan oleh dua hadith sebelumnya bahawa sesiapa yang mengelola tanah terbiar, maka dia berhak ke atas lahan itu. Hadith ini memberitahukan bahawa membuat batasan dan mendirikan pagar merupakan salah satu cara membukalahan baru yang dengannya seseorang berhak memiliki tanah itu.

Analisis Lafaz

"أَحَاطَ حَائِطًا", membuka lahan kebun dan memberinya pagar serta batasan.

"فَهِيَ لَهُ", tanah itu menjadi hak miliknya.

Fiqh Hadith

Seseorang berhak memiliki tanah terbiar dengan cara membuka kawasan perkebunan di dalamnya.

١٤٨- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مُغَفَّلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ حَفَرَ بِئْرًا فَلَهُ أَرْبَعُونَ ذِرَاعًا عَطَنًا لِمَاشِيَتِهِ". رَوَاهُ ابْنُ مَاجَه بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

148- Daripada Abdullah bin Mughaffal bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa menggali sumur maka dia berhak memiliki empat puluh hasta (kawasan tanah) untuk minuman haiwan ternakannya." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dengan sanad yang daif: 948).

Makna Hadith

Seseorang yang mengamati hukum Islam pasti mendapati betapa bijaksana dalam menentukan suatu hukum. Setiap hukum memiliki syarat yang berbeza antara satu sama lain.

Hadith ini membicarakan tentang cara kepemilikan, di mana jika seseorang menggali sumur di kawasan tanah terbiar, maka empat puluh hasta sekitar sumur itu turut menjadi hak miliknya. Ia boleh digunakan untuk memberi minum haiwan ternakannya kerana haiwan ternakan pun turut memerlukan tempat minum. Tidak seorang pun yang dibolehkan membangun sesuatu di atas kawasan empat puluh hasta itu. Tujuannya supaya tidak mendatangkan kemudharatan bagi pemilik sumur berkenaan. Jadi, jelaslah tujuan menyebut hadith ini setelah hadith sebelumnya iaitu larangan berbuat sesuatu yang boleh membahayakan baik ke atas diri sendiri mahupun ke atas orang lain.

Analisis Lafaz

"عَطَنًا", dengan membaca *fathah* huruf *'ain* dan huruf *tha'*, iaitu tempat minum unta di sekitar sumur.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", dengan sanad yang daif kerana salah seorang periwayat hadith ini adalah Isma'il bin Salam.

Penting

Dalam bab ini terdapat hadith daripada Abu Hurairah di sisi Imam Ahmad dengan lafaz:

صَرِيْمُ الْبِئْرِ الْبَدِيءِ خَمْسَةٌ وَعِشْرُوْنَ ذِرَاعًا وَحَرِيْمُ الْبِئْرِ الْعَادِيْ خَمْسُوْنَ ذِرَاعًا.

"Kawasan sekitar sumur untuk haiwan ternakan hendaklah seluasa dua puluh lima hasta sedangkan kawasan sekitar sumur biasa hendaklah seluas lima puluh hasta." Ia diriwayatkan oleh al-Daruquthni daripada Sa'id bin al-Musayyab namun dinilai cacat kerana mursal dan berkata: "Orang yang mengatakan hadith *musnid*, maka itu satu kesalahan."

Hadith ini turut dikeluarkan oleh al-Hakim daripada Abu Hurairah secara *mawsul* dan *mursal*, namun di dalamnya terdapat periwayat dh'if, Umar bin Qais.

Fiqh Hadith

Adanya kawasan larangan di sekitar sumur yang digali di atas lahan terbiar. Ia bertujuan melarang orang lain daripada melakukan sesuatu di kawasan itu. Ukuran kawasan larangan ini adalah empat puluh hasta mengikut pendapat Imam Abu Hanifah dan Imam al-Syafi'i.

Menurut Imam Ahmad, kawasan larangan sekitar sumur adalah lima puluh tujuh hasta.

١٤٩- وَعَنْ عَلْقَمَةَ بْنِ وَائِلٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَقْطَعَهُ أَرْضًا بِحَضْرَمَوْتَ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

149- Daripada 'Alqamah bin Wa'il daripada ayahnya bahawa Rasulullah (s.a.w) memberinya sebidang tanah di Hadhramaut. (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Tirmidhi, dan disahih oleh Ibn Hibban: 949).

Makna Hadith

Hadith ini bercerita tentang membuka kawasan terbiar yang bersifat khusus, iaitu berkaitan pemberian, di mana seorang pemimpin dibolehkan memberi sebidang tanah kepada salah seorang rakyatnya yang dengannya dia menjadi orang yang paling berhak untuk mengelolanya berbanding orang lain.

Wa'il merupakan salah seorang yang pernah menerima pemberian tanah daripada Rasulullah (s.a.w) dan tanah itu terletak di Hadhramaut.

Analisis Lafaz

"أَقْطَعَهُ", seseorang berkata: "قطعته أرضا وأقطعته" (aku memberinya sebidang tanah yang dengannya dia lebih berhak untuk mengelolanya berbanding orang lain.

Fiqh Hadith

Anjuran untuk memberi lahan kepada orang lain dan ini biasanya berlaku untuk tanah sahaja.

Menurut mazhab Syafi'i, pemberian tanah hanya dibolehkan untuk tanah terbiar sahaja.

Menurut al-Subki, salah seorang pengikut mazhab Syafi'i, seseorang yang menerima pemberian lahan tanah tidak berhak memiliki tanah itu, sebaliknya dia hanya memiliki hak manfa'at sahaja.

Penting

Al-Qadhi 'Iyadh berkata: "*Iqtha'* adalah pemberian seorang pemimpin yang diambil daripada sebahagian harta Allah untuk kemudian diserahkan kepada salah seorang rakyatnya kerana dia layak menerimanya. Kebanyakannya dalam bentuk tanah. Ada ketikanya si penerima mempunyai hak milik ke atas tanah itu dan ada ketikanya pula dia hanya memiliki hak manfaat sahaja." Inilah pendapat Ibn Batthal, Ibn al-Tin dan lain-lain para pensyarah Sahih al-Bukhari. Ini juga merupakan pendapat al-Nawawi.

١٥٠- وَعَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَقْطَعَ الزُّبَيْرَ حُضْرَ فَرَسِهِ، فَأَجْرَى الْفَرَسَ حَتَّى قَامَ، ثُمَّ رَمَى سَوْطَهُ. فَقَالَ: "أَعْطُوهُ حَيْثُ بَلَغَ السَّوْطُ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَفِيهِ ضَعْفٌ.

150- Daripada Ibn Umar bahawa Rasulullah (s.a.w) memberi al-Zubair sebidang tanah sejauh kudanya itu, lalu beliau menyuruh kudanya lagi hingga berhenti. Setelah itu beliau melemparkan cemetinya dan Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Berilah dia tanah sejauh cemeti yang dilemparkannya itu." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan hadith daif: 949).

Makna Hadith

Hadith menceritakan sahnya memberikan sebidang tanah terbiar mati kepada seseorang seperti mana yang dilakukakn oleh Rasulullah (s.a.w)

kepada al-Zubair. Meskipun hadith sebelum ini tidak merincikan batsan pemberian tanah, namun pemberian tanah di sini telah pun diketahui ukurannya iaitu sejauh larian kuda yang cepat di tambah dengan sejauh lemparan anak panah.

Analisis Lafaz

"أَقْطَعَ", memberikan sebidang tanah.

"حُضْرَ", dengan membaca *dhammah* huruf *ha'* dan *sukun* huruf *dhad*, yakni sejauh kecepatan kuda berlari.

"حَتَّى قَامَ", hingga sampai penghujung ia berlari.

"أَعْطُوهُ حَيْثُ بَلَغَ السَّوْطُ", menurut kitab Badzl al-Majhud, sejauh kuda berlari dan sejauh lemparan anak panah.

"وَفِيهِ ضَعْفٌ", ada unsur daif, kerana keberadaan Abdullah bin Amar, seorang periwayat daif.

Fiqh Hadith

1. Dianjurkan memberikan lahan terbiar.
2. Boleh memberikan lahan terbiar walaupun tanpa menentukan batasannya semasa diberikan, akan tetapi dengan syarat menentukan jumlah dan ketentuannya di belakang hari.

١٥١- وَعَنْ رَجُلٍ مِنْ الصَّحَابَةِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: غَزَوْتُ مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَمِعْتُهُ يَقُولُ: "النَّاسُ شُرَكَاءُ فِي ثَلاَثٍ: فِي الْكَلَإِ وَالْمَاءِ وَالنَّارِ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ.

151- Daripada salah seorang sahabat lelaki, beliau berkata: "Saya berperang bersama Rasulullah (s.a.w), lalu saya mendengar baginda bersabda: "Manusia itu berkongsi dalam tiga perkara, iaitu; rumput, air dan api." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan periwayatnya thiqoh: 950).

Makna Hadith

Menyebut hadith ini di akhir bab mengelola tanah terbiar dan pemberian tanah terbiar menujukkan Ibn Hajar memiliki kepakaran dalam ilmu fiqh yang amat luar biasa.

Ini kerana setelah Ibn Hajar menyebut beberapa hadith tentang mengelola tanah terbiar kemudian disusuli dengan hadith pemberian tanah terbiar dan hak kepemilikannya, maka beliau menegaskan ada tiga perkara yang menjadi keperluan umat manusia secara umum iaitu rumput, air dan api. Tidak seorang pun yang tidak memerlukannya. Semua manusia berhak ke atasnya dan tidak seorang pun yang dibolehkan untuk memilikinya secara pribadi.

Analisis Lafaz

"الْكَلَإِ", rumput-rumput yang basah atau kering.

"وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ", Ibn Hajar tidak menilai hadith ini sahih, namun ia memiliki *syahid* daripada Abu Hurairah secara *marfu'* dan dinilai sahih oleh Ibn Hajar dalam kitab al-Talkhis dan al-Bushiri yang diriwayatkan oleh Ibn Majah.

Penggunaan perkataan "النَّاسُ شُرَكَاءُ" ada dua permasalahan dalam hal ini, iaitu:

Pertama, lafaz ini tidak didapati dalam Sunan Abu Dawud dan Musnad Imam Ahmad. Lafaz yang mereka gunakan adalah "المسلمون شركأ...".

Kedua, lafaz "الناس" barang kali syadz, kerana ia hanya diriwayatkan oleh seorang periwayat sedangkan yang lain tidak demikian. Jadi sebaiknya Ibn Hajar menggunakan lafaz "المسلمون" di sini. *Wallahu a'lam*.

Fiqh Hadith

1. Tidak seorang pun yang berhak memiliki rumput yang berada di kawasan tanah dan pergunungan yang tidak menjadi milik sesiapa pun. Ulama berbeza pendapat jika rumput itu berada di atas tanah yang telah menjadi milik orang lain.
2. Tidak seorang pun yang berhak memiliki api. Ulama berbeza pendapat dalam menentukan apa yang dimaksudkan dengan api di sini. Pertama, maksudnya adalah kayu bakar. Kedua, maksudnya adalah lampu atau alat penerang. Ketiga, maksudnya adalah batu yang biasa digunakan untuk menghasilkan api apabila ia berada di kawasan tanah terbiar. Keempat, maksudnya adalah api yang sebenar. Pendapat ini lebih kuat.
3. Tidak seorang pun yang berhak memiliki air secara peribadi. Pembahasan ini telah dibahas sebelum ini, di mana seseorang dilarang menahan air hujan turun di tanah terbuka dan tidak seorang pun yang berhak ke atasnya kecuali sekadar mengalirkan ke tanah miliknya. Seseorang hanya berhak untuk mengairi tanah dan memberi minum ternakannya dan tidak berhak melarang orang lain daripada memanfaatkannya.

Penting

Bolehkah menjual mata air dan sumur secara sekali gus?

Mengikut pendapat yang masyhur, itu dibolehkan, kerana apa yang dilarang adalah menjual lebihan air. Tambahan pula 'Usman bin 'Affan pernah membeli sumur Rawmah berdasarkan saranan Rasulullah (s.a.w), kemudian beliau menginfakkannya untuk kepentingan kaum muslimin.

Soalan

1. Apakah takrif ihya' al-mawat?
2. Ulama ada mengemukakan syarat-syarat bagi memastikan kepemilikan tanah terbiar itu sah. Cuba anda sebutkan siapakah nama ulama itu dan sebutkan syarat-syarat yang mereka kemukakan?
3. Adakah ahli zimmah sama dengan muslim dalam hal kepemilikan tanah terbiar apabila ia telah dikelola?
4. Adakah lembah termasuk tanah terbiar?
5. Sebutkan teks hadith berikut takhrijnya mengenai kepemilikan tanah terbiar apabila telah dikelola?
6. Apakah yang dilakukan masyarakat jahiliah berkaitan dengan kawasan larangan?
7. Apakah maksud hadith "لا حمى إلا لله ولرسوله"?
8. Bolehkah seorang pemimpin membuat kawasan larangan untuk kepentingan dirinya sendiri?
9. Bincangkan maksud hadith "لا ضرر ولا ضرار"?
10. Sebutkan tiga orang sahabat yang meriwayatkan hadith "لا ضرر ولا ضرار" dan siapa pula yang mengeluarkan hadith ini?
11. Berapakah kadar kawasan larangan sekitar sumur mengikut pendapat ulama fiqh?
12. Apakah yang dimaksudkan dengan *iqtha'*?
13. Sempurnakan lafaz hadith berikut: "الناس شركأ..." dan buat takhrij ke atasnya?

BAB WAKAF

Wakaf menurut bahasa adalah menahan atau berhenti. Perkataan "وقفت كذا" bermaksud aku menahannya.

Menurut syari'at pula adalah menahan harta yang mungkin dapat dimanfa'atkan sedangkan jenis barangnya masih tetap utuh untuk diguna pakai dalam perkara-perkara yang mubah.

١٥٢- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ : صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

152- Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Apabila manusia meninggal dunia, maka putuslah seluruh amalnya kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang bermanfa'at dan anak soleh yang sentiasa mendoakannya." (Diriwayatkan oleh Muslim: 952).

Makna Hadith

Rasulullah (s.a.w) bersabda:

أَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللهِ تَعَالَى أَدْوَمُهَا.

"Amalan yang paling dicintai oleh Allah adalah jika ia dilakukan secara berterusan."

Dalam hadith ini Rasulullah (s.a.w) memberi petunjuk tentang amalan yang sentiasa mengalir walaupun pelakunya sudah mati. Ini bagi membangkitkan semula semangat orang muslim untuk sentiasa berlumba-lumba beramal sebaik mengetahui fadhilatnya. Amalan pertama adalah berwakaf yang dalam hadith ini disebut sebagai sedekah jariah.

Amalan kedua adalah ilmu yang ditinggal mati oleh seseorang, baik ditinggalkan di dalam buku atau ilmu yang diajarkan kepada muridnya. Sebab, barang siapa yang menunjukkan jalan kebaikan, maka dia berhak mendapat pahala yang sama dengan orang yang melakukannya sampai hari kiamat.

Amalan ketiga adalah anak soleh yang sentiasa mendoakan kedua orang tuanya.

Analisis Lafaz

"انْقَطَعَ", pahalanya terhenti.

"جَارِيَةٍ", mengalir secara berterusan.

Fiqh Hadith

1. Disyariatkan berwakaf, kerana ia sebaik-baik amal ibadah, malah Imam al-Syafi'i berkata: "Wakaf merupakan salah satu ciri khusus Islam, amalan ini tidak pernah di kalangan umat sebelum ini." Antara lafaz yang biasa digunakan untuk menunjukkan erti wakaf dalam bahasa Arab adalah: "وقفت", "حبست", "سبلت", dan "أبدت".
2. Disunatkan mengajarkan ilmu yang bermanfaat kepada orang lain, berbeza jika mengajarkan ilmu yang tidak bermanfa'at walaupun tidak dilarang oleh syari'at atau ilmu yang dilarang syari'at di mana orang yang mengajarkannya sentiasa mendapat dosa. Apakah ilmu dunia seperti ilmu perladangan, perlombongan dan lain-lain seumpamanya dikategorikan sebagai ilmu bermanfa'at sebagaimana yang disebutkan dalam hadith di atas? Menurut sekumpulan ulama, ilmu ini tidak termasuk ilmu yang bermanfaat, namun apa yang pasti ilmu itu dikategorikan ilmu bermanfaat bagi anak Adam dengan syarat orang yang mengajarkannya berniat untuk memberikan kebaikan kepada anak Adam, bukan untuk mengejar populariti atau keuntungan duniawi belaka.
3. Disunatkan mendidik anak supaya menjadi anak soleh.
4. Do'a anak soleh bermanfa'at bagi kedua orang tuanya.

Penting

Ada banyak hadith yang kebanyakannya masih dipertikai telah menyebutkan beberapa amalan di mana ia terus mengalir kepada orang yang sudah meninggal dunia sebagai tambahan ke atas tiga amalan yang telah disebutkan oleh hadith di atas.

Sebahagian ulama berpendapat bahawa amalan ini pada dasarnya merupakan tambahan ke atas tiga amalan yang telah disebutkan oleh hadith di atas.

Sebahagian ulama yang lain mengatakan bahawa seseorang yang memperhatikan amalan tambahan ini pada dasarnya ia termasuk ke dalam jenis tiga amalan seperti mana yang disebutkan oleh hadith di atas. Jadi ia ada tambahan dalam amalan ini.

Dalam hadith yang diriwayatkan Ibn Majah meskipun sanadnya masih dipertikai lantaran keberadaan Marzuq bin Abu al-Hudzail telah menyebutkan tambahan itu antara lain mewakafkan mushaf, membangun masjid, membina rumah untuk ibn sabil dan mengalirkan sungai. Kesemua ini pada dasarnya termasuk ke dalam sedekah jariah.

١٥٣- وَعَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ : أَصَابَ عُمَرُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ، فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ! إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِخَيْبَرَ لَمْ أُصِبْ مَالًا قَطُّ هُوَ أَنْفَسُ عِنْدِي مِنْه، قَالَ: "إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا، وَتَصَدَّقْتَ بِهَا". قَالَ: فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ غَيْرَ أَنَّهُ لَا يُبَاعُ أَصْلُهَا وَلَا يُورَثُ وَلَا يُوهَبُ فَتَصَدَّقَ بِهَا فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الْقُرْبَى وَفِي الرِّقَابِ وَفِي سَبِيلِ اللهِ، وَابْنِ السَّبِيلِ وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ، وَيُطْعِمَ صَدِيقاً غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ مَالًا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ. وَفِي رِوَايَةٍ لِلْبُخَارِيِّ : "تَصَدَّقْ بِأَصْلِهِ لَا يُبَاعُ وَلَا يُوهَبُ، وَلَكِنْ يُنْفَقُ ثَمَرُهُ.

153- Daripada Ibn ‘Umar (r.a), beliau berkata: “‘Umar pernah mendapat sebidang tanah di Khaibar, lalu beliau mendatangi Rasulullah (s.a.w) memohon petunjuk tentang bagaimana cara mengelolanya seraya berkata: “Wahai Rasulullah, saya mendapat sebidanga tanah di Khaibar. Bagi saya, itu adalah sebaik-baik harta.” Baginda bersabda: “Kamu boleh mewakafkan pohonnya sedangkan buahnya kamu sedekahkan.” Periwayat berkata: “Lalu ‘Umar mewakafkannya dengan syarat pohonnya tidak boleh dijual, tidak boleh diwarisi dan tidak boleh dihibahkan. Hasilnya beliau sedekahkan kepada fakir miskin, kaum kerabat, hamba sahaya, orang yang berjuang di jalan Allah, ibn sabil, tetamu dan tidak ada salahnya bagi pengurus kebun itu untuk memakannya dengan cara yang baik dan memberi makan rakan-rakannya yang tidak memiliki wang.” (Muttafaq ‘alaih, lafaz hadith menurut riwayat Muslim) Dalam riwayat al-Bukhari disebutkan, baginda bersabda: “Sedekahkan pohonnya, namun ia tidak boleh dijual dan tidak

boleh dihibahkan manakala buahnya pula hendaklah diberikan kepada orang lain: 953).

Makna Hadith

Ulama menyebutkan bahawa ini merupakan wakaf yang pertama berlaku dalam sejarah Islam, malah menurut Imam al-Syafi'i, ini merupakan wakaf pertama di dunia di mana Allah memberikan keistimewaan kepada Umar bin al-Khatthab.

Hadith ini turut menjelaskan tata cara dan syarat berwakaf.

Analisis Lafaz

"أَصَابَ", membeli, sebagaimana yang disebutkan dalam hadith yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i: "Umar memiliki seratus harta lalu ia digunakan untuk membeli seratus ladang di Khaibar."

"يَسْتَأْمِرُهُ", meminta pengarahan dan masukan.

"أَنْفَسُ", harta yang terbaik dan memikat hatiku.

"بَسْتَ", aku wakafkan.

"أَصْلَهَا", bendanya atau dzatnya.

"الرِّقَابِ", memerdekakan hamba, namun *mudhaf*-nya dibuang.

"جُنَاحَ", dosa.

"وَلِيَهَا", orang yang mengurus dan menjaganya.

"بِالْمَعْرُوفِ", di mana manusia telah mengetahuinya sebagai keperluannya.

"غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ", orang yang tidak menjadikannya sebagai hak milik.

Fiqh Hadith

1. Disyariatkan berwakaf.
2. Disunatkan meminta pandangan kepada orang yang berilmu.
3. Disunatkan bersedakah dengan harta yang terbaik.
4. Disunatkan memberi nasihat kepada orang yang memintanya.
5. Sah mewakafkan benda kepada sebahagian muslim tanpa melibatkan muslim yang lain berdasarkan pertimbangan-pertimbangan tertentu.
6. Wakaf tidak boleh dijual atau dihibahkan sebagaimana ditegaskan oleh riwayat al-Bukhari. Ini merupakan pendapat seluruh ulama

selain Abu Hanifah yang membolehkan menjual wakaf, namun Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan tidak sependapat dengannya.

7. Pengurus dibolehkan memperoleh bahagian tertentu daripada harta wakaf yang diurusnya. Al-Qurthubi berkata: "Menurut kebiasaan, pengurus dibolehkan memakan hasil buah dari tanah wakaf, malah jika pemberi wakaf mensyaratkan bahawa pengurus tidak boleh memakan hasil buah dari tanah wakaf, maka itu merupakan perbuatan keji."

١٥٤- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : بَعَثَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عُمَرَ عَلَى اَلصَّدَقَةِ . . الْحَدِيثَ، وَفِيهِ: "وَأَمَّا خَالِدٌ فَقَدْ احْتَبَسَ أَدْرَاعَهُ وَأَعْتَادَهُ فِي سَبِيلِ اللهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

154- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) mengutus 'Umar untuk mengutip zakat.... Hingga akhir hadith. Dalam hadith itu disebutkan bahawa Khalid telah mewakafkan baju besi dan peralatan perangnya untuk berjuang di jalan Allah. (Muttafaq alaih: 954).

Makna Hadith

Ibn Hajar menyebutkan hadith ini untuk menunjukkan bahawa sah hukumnya wakaf benda atau nilai setelah sebelum ini membolehkan untuk mewakafkan suatu barang. Ini kerana nilai dan benda sama-sama diperlukan dalam wakaf, meskipun benda lebih bertahan lama berbanding nilai.

Analisis Lafaz

"احْتَبَسَ", mengikut wazan "افتعل" wakaf.

"أَدْرَاعَهُ", jamak "درع" yakni baju perang.

"أَعْتَادَهُ", ini mengikut riwayat Muslim sedangkan menurut al-Bukhari "أعتده" iaitu haiwan dan senjata yang disediakan untuk berperang. Ada pula yang mengatakan ia adalah kuda. 'Iyadh menceritakan bahawa dalam riwayat al-Bukhari disebutkan "أعبده".

Fiqh Hadith

1. Dibolehkan mewakafkan benda dan nilai menurut pendapat jumhur ulama, sementara menurut Imam Abu Hanifah, tidak boleh mewakafkan nilai. Apapun, hadith ini membantah pendapatnya.

2. Sah mewakafkan haiwan.

Soalan

1. Apakah takrif wakaf secara bahasa dan syarak?
2. Apakah benda wakaf pertama yang terjadi dalam Islam?
3. Apakah jenis pahala yang boleh sampai kepada manusia setelah dia mati?
4. Sebutkan hadith Umar tentang wakaf dan kemudian syarahkan lafaznya?
5. Sebutkan hukum-hakam yang terdapat di dalam hadith Umar?
6. Bolehkah menjual wakaf?
7. Apakah makna "أدراعه", "احتبس" dan "أعتاده" dalam hadith Abu Hurairah daripada Khalid bin al-Walid?
8. Bolehkah mewakafkan nilai?

BAB *HIBAH, UMRA'* DAN *RUQBAH*

Hibbah dengan membaca *kasrah* huruf *ha'* adalah mashdar dari "وهبت".

Menurut syari'at pula adalah memiliki benda dengan akad tanpa ada pembayaran yang diketahui selama waktu hidup.

Hibah kadang kala digunakan untuk menunjukkan barang yang dihibahkan.

'Umra dengan membaca *dhammah* huruf *'ain* dan *sukun* huruf *mim*, ada pula yang membaca *dhammah* huruf *'ain* dan huruf *mim* dan ada pula yang membaca *fathah* huruf *'ain* dan *sukun* huruf *mim*, berasal dari kalimat "العمر". Perbuatan ini telah diamalkan oleh masyarakat jahiliah di mana seseorang memberikan sebuah rumah kepada orang lain dengan menggunakan lafaz: "أعمرتك إياها"' maksudnya: "Aku membolehkan dan memberikannya kepadamu selama kamu hidup."

Ruqba sama seperti *'umra* baik wazan mahupun makna. Dinamakan demikian kerana mereka berdua sama-sama menanti kematian rakannya agar barang tersebut segera kembali menjadi miliknya, tetapi Islam menjadikannya sebagai hibah yang tidak dibolehkan lagi rujuk kepada pemiliknya, kecuali telah dibuat syarat demikian. Itulah sebabnya Ibn Hajar menggabungkan masalah ini dalam satu bab.

١٥٥- عَنْ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ أَبَاهُ أَتَى بِهِ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنِّي نَحَلْتُ ابْنِي هَذَا غُلَامًا كَانَ لِي، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَكُلَّ وَلَدِكَ نَحَلْتَهُ مِثْلَ هَذَا"؟ فَقَالَ: لَا، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "فَارْجِعْهُ".

وَفِي لَفْظٍ : فَانْطَلَقَ أَبِي إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيُشْهِدَهُ عَلَى صَدَقَتِي. فَقَالَ: "أَفَعَلْتَ هَذَا بِوَلَدِكَ كُلِّهِمْ؟" قَالَ: لَا. قَالَ: "اتَّقُوا اللهَ، وَاعْدِلُوا بَيْنَ أَوْلَادِكُمْ"، فَرَجَعَ أَبِي، فَرَدَّ تِلْكَ الصَّدَقَةَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِمُسْلِمٍ قَالَ: فَأَشْهِدْ عَلَى هَذَا غَيْرِي"، ثُمَّ قَالَ: "أَيَسُرُّكَ أَنْ يَكُونُوا لَكَ فِي الْبِرِّ سَوَاءً؟" قَالَ: بَلَى. قَالَ: "فَلَا إِذن".

155- Daripada al-Nu'man bin Basyir bahawa ayahnya pernah membawanya menghadap Rasulullah (s.a.w) seraya berkata: "Saya telah memberikan hambaku kepada anakku ini." Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) bertanya: "Apakah seluruh anakmu engkau beri seperti ini?" Dia menjawab: "Tidak." Baginda bersabda: "Batalkan pemberian itu."

Dalam lafaz hadith yang lain disebutkan: "Lalu ayahku berangkat menemui Rasulullah (s.a.w) memohon kesaksian ke atas sedekah yang diberikannya kepadaku itu. Baginda bersabda: "Apakah engkau melakukan semua ini kepada seluruh anakmu?" Dia menjawab: "Tidak." Baginda bersabda: "Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah bersikap adil terhadap anak-anakmu." Ayahku kemudian pulang dan mengambil semula sedekah itu. (Muttafaq 'alaih)

Dalam riwayat Muslim disebutkan: "Baginda berkata: Aku menyaksikan ini untuk orang lain. Kemudian baginda bersabda: "Sukakah kamu apabila mereka sama-sama taat dan berbakti kepadamu?" Ayahku menjawab: "Ya." Baginda bersabda: "Jika demikian, jangan engkau lakukan itu.": 955).

Makna Hadith

Hibah dilakukan setelah setiap orang yang berhak menerimanya sama-sama memperoleh bantuan yang sama. Ia bertujuan membantu orang yang memerlukan dan memperlihatkan kasih sayang. Jika seseorang memberikan hibah hanya kepada salah seorang anak, misalnya, maka sudah tentu tujuan tidak wujud lagi.

Hadith ini mewajibkan hibah dilakukan secara sama rata, kerana dalam riwayat yang sahih disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Saya tidak mahu bersaksi ke atas perbuatan zalim.

Analisis Lafaz

"نَحَلْتُ", pemberian tanpa mengharapkan imbalan.

Fiqh Hadith

1. Wajib berlaku adil terhadap anak ketika memberikan hibah. Inilah pendapat al-Bukhari, Imam Ahmad, Ishaq, al-Tsawri, dan sebahagian mazhab Maliki. Menurut mazhab Maliki yang masyhur, jika hibah tidak sama rata, maka ia batil. Menurut satu riwayat di sisi Imam Ahmad, hibah tetap sah, tetapi wajib mengembalikannya. Dalam riwayat yang lain di sisi Imam Ahmad, boleh melebihkakn hibah jika ada sebab. Menurut jumhur ulama, berlaku adil dalam hibah adalah disunatkan. Jika memberikan hibah dengan melebihkan sebahagian yang lain maka itu tetap dianggap sah meskipun hukumnya makruh dan disunatkan bersegera berlaku adil atau meminta kembali hibah itu jika tidak adil. Ulama berbeza pendapat mengenai bentuk sama rata dalam memberikan sesuatu kepada anak. Menurut Muhammad bin al-Hasan, Imam Ahmad, Ishaq dan sebahagian mazhab Syafi'i dan mazhab Malaiki, memberikan dua bahagian bagi lelaki dan satu bahagian bagi perempuan, seperti hukum waris. Pendapat lain mengatakan tidak ada perbezaan antara lelaki dengan perempuan dalam masalah hibah. Inilah pendapat yang sahih. Dalil mereka adalah hadith yang diriwayatkan oleh Sa'id bin Manshur dengan sanad hasan daripada Ibn Abbas (r.a):

   سَوُّوْا بَيْنَ أَوْلاَدِكُمْ فِي الْعَطِيَّةِ، فَلَوْ كُنْتَ مُفَضِّلاً أَحَدًا لَفَضَّلْتَ النِّسَاءَ.

   "Hendaklah kamu bersikap sama rata dalam memberikan hibah kepada anak-anakmu. Jika kamu ingin melebihkannya, maka lebihkanlah bahagian anak perempuan."

2. Boleh menarik semula hibah jika dianggap batil. Permasalahan ini masih dalam perdebatan dan dibahas dalam hadith di bawah ini.

١٥٦- وَعَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْعَائِدُ فِي هِبَتِهِ كَالْكَلْبِ يَقِيءُ، ثُمَّ يَعُودُ فِي قَيْئِهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِلْبُخَارِيِّ : "لَيْسَ لَنَا مَثَلُ السَّوْءِ، الَّذِي يَعُودُ فِي هِبَتِهِ كَالْكَلْبِ يَرْجِعُ فِي قَيْئِهِ".

156- Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Orang yang meminta pulangkan pemberiannya bagaikan seekor anjing muntah kemudian menjilat semula muntahnya itu." (Muttafaq 'alaihi)

Dalam riwayat al-Bukhari disebutkan: "Kami tidak memiliki perumpamaan paling buruk seperti seseorang yang meminta pulangkan semula pemberiannya kerana dia diumpamakan seekor anjing muntah kemudian menjilatnya semula: 956).

Makna Hadith

Sebelum ini disebutkan bahawa tujuan hibah untuk meringankan beban orang yang memerlukan sekali gus memperlihatkan kebaikan dan kasih sayang.

Jika orang yang memberi hibah hendak menarik semula pemberiannya, maka dia telah membuat si penerima menjadi susah dengan pemberian itu. Jadi menarik semula pemberian merupakan perbuatan jahat dan oleh itu, Islam melarangnya.

Analisis Lafaz

"الْعَائِدُ", orang yang meminta kembali.

"يَعُودُ فِي قَيْئِهِ", memakan kembali muntahnya.

"لَيْسَ لَنَا مَثَلُ السَّوْءِ", kami tidak mempunyai hak untuk menyamakan orang muslim dengan haiwan yang menjijikkan sebagaimana firman Allah:

لِلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِٱلْآخِرَةِ مَثَلُ ٱلسَّوْءِ ۖ وَلِلَّهِ ٱلْمَثَلُ ٱلْأَعْلَىٰ ۚ وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٦٠﴾

"*Bagi mereka yang tidak beriman kepada hari akhirat itu, sifat yang buruk, dan bagi Allah jualah sifat yang tertinggi; dan Dia lah jua Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.*" (Surah al-Nahl: 60)

Fiqh Hadith

Haram menarik semula hibah mengikut jumhur ulama, kecuali pemberian ayah kepada anaknya sebagaimana yang disebutkan dalam hadith sebelum ini. Al-Tirmidhi meriwayatkan daripada sahabat Rasulullah (s.a.w) bahawa barang siapa yang memberi hibah kepada ahli keluarga, maka dia tidak dibolehkan untuk memintanya semula, namun dibolehkan jika pemberian itu kepada selain ahli keluarga.

Menurut Imam Abu Hanifah, boleh menarik semula pemberian kecuali kecuali pemberian kepada ahli keluarga. Mazhab Hanafi di sini telah mentakwilkan hadith ini dengan takwil yang tidak ada kena mengena langsung dengan hadith ini.

Berikut Ibn Hajar mengemukakan satu hadith yang bertujuan menyanggah ulama yang membolehkan meminta semula pemberian yang

telah diberikan kepada orang lain.

١٥٧- وَعَنْ ابْنِ عُمَرَ وَابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا يَحِلُّ لِرَجُلٍ مُسْلِمٍ أَنْ يُعْطِيَ الْعَطِيَّةَ، ثُمَّ يَرْجِعَ فِيهَا إِلَّا الْوَالِدُ فِيمَا يُعْطِي وَلَدَهُ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

157- Daripada Ibn Umar (r.a) dan Ibn Abbas (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Tidak halal bagi seorang muslim memberi suatu pemberian kemudian meminta dipulangkan semula, kecuali ibu bapa yang mencabut pemberiannya kepada anaknya." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah dan dinilai sahih oleh al-Tirmidhi, Ibn Hibban dan al-Hakim: 957).

Makna Hadith

Hadith ini merangkum pemahaman dua hadith sebelum ini yang secara zahir saling bertentangan antara satu sama lain, di mana ada hadith menyebutkan seorang ayah boleh menarik semula pemberian terhadap anaknya, sementara menarik pemberian kepada orang lain tidak dibolehkan.

Analisis Lafaz

"لَا يَحِلُّ", diharamkan.

Fiqh Hadith

Seorang muslim haram menarik semula pemberiannya, kecuali pemberian ayah kepada anak. Inilah pendapat jumhur ulama.

Menurut sebahagian ulama, boleh menarik semula hibah, sementara sedekah tidak dibolehkan berbuat demikian.

Menurut jumhur ulama, maksud orang tua di sini adalah ayah atau ibu.

١٥٨- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ : كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْبَلُ الْهَدِيَّةَ وَيُثِيبُ عَلَيْهَا. رَوَاهُ الْبُخَارِيّ.

158- Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) sentiasa menerima hadiah dan sentiasa membalasnya." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 958).

Makna Hadith

Dalam satu hadith yang lain disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

تَهَادَوْا تَحَابُّوْا.

"Hendaklah kamu saling memberi hadiah supaya kamu saling mencintai." Seorang muslim pada dasarnya mesti mencintai muslim lain sebagaimana dia mencintai dirinya sendiri dan membalas kebaikan dengan kebaikan.

Oleh itu, dalam riwayat Ibn Abu Syaibah disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah menerima hadiah dan membalas dengan balasan yang lebih baik darinya.

Analisis Lafaz

"يُثِيبُ", membalas dengan cara memberi hadiah yang sama kepada orang yang pernah memberi hadiah kepadanya.

Fiqh Hadith

Disunatkan membalas pemberian hadiah. Sebahagian ulama malah mewajibkannya, tetapi pendapat ini sangat jauh dengan maksud hadith ini. Menurut sebahagian mazhab Maliki, wajib membalas hadiah jika kedudukan yang menerima lebih tinggi, seperti orang fakir yang memberin hadiah kepada orang kaya, bebeza jika yang memberi adalah orang kaya dan yang menerima pula adalah orang miskin. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dalam qawl qadim.

Dalam qawl jadid Imam al-Syafi'i berpendapat memberi hadiah dengan harapan dibalas adalah batil, kerana peruatan ini sama dengan membeli sesuatu dengan harga yang tidak diketahui. Ini juga adalah pendapat mazhab Hanafi.

١٥٩- وَعَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: وَهَبَ رَجُلٌ لِرَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَاقَةً، فَأَثَابَهُ عَلَيْهَا، فَقَالَ: "رَضِيتَ؟" قَالَ: لَا. فَزَادَهُ، فَقَالَ: "رَضِيتَ؟" قَالَ: لَا. فَزَادَهُ. قَالَ: "رَضِيتَ؟" قَالَ: نَعَمْ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

159- Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Ada seseorang memberi unta kepada Rasulullah (s.a.w) lalu baginda membalasnya dan bertanya: "Adakah kamu sudah puas dengan ini?" Dia menjawab: "Tidak." Lalu baginda menambahkan lagi, lalu bertanya: "Adakah kamu telah puas dengannya?"

Dia menjawab: "Tidak." Lalu baginda menambah lagi, lalu bertanya: "Adakah kamu telah puas?" Dia menjawab: "Ya, sudah." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 959).

Makna Hadith

Dalam pelbagai riwayat dikisahkan bahawa Rasulullah (s.a.w) sering kali menerima hadiah dan sering pula membalasnya, tetapi baginda tidak pernah bertanya apakah orang itu telah puas hati dengan hadiah yang telah diberikan oleh baginda kecuali dalam hadith ini.

Seolah-olah orang yang memberi hadiah itu berfikiran bahawa Rasulullah (s.a.w) menganggap ini sebagai perniagaan. Itulah sebabnya baginda menanyakan keredhaannya, kerana baginda dikenali sebagai seorang yang dermawan. Dalam kaitan ini, Rasulullah (s.a.w) bersabda pada akhir hadith ini: "Aku telah berniat untuk tidak menerima hadiah kecuali dari kalangan Muhajirin, Ansar, Quraisy dan Dausi."

Analisis Lafaz

"رَجُلٌ", tidak disebutkan siapakah nama lelaki ini. Tetapi di dalam kitab al-Musnad dinyatakan bahawa lelaki ini berasal dari Arab badwi. Dalam riwayat al-Tirmidhi disebutkan bahawa seorang lelaki dari Fazarah memberi hadiah kepada Nabi (s.a.w)....

"فَأَثَابَهُ", membalas pemberian. Dalam riwayat al-Tirmidhi disebutkan bahawa sesuatu yang dihadiahkan lelaki badwi itu adalah unta, kemudian Rasulullah (s.a.w) membalasnya dengan uang senilai enam ekor unta mudah.

"رَوَاهُ أَحْمَدُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ", asal hadith ini terdapat dalam Sunan al-Tirmidhi, Abu Dawud dan al-Nasa'i.

Fiqh Hadith

1. Disunatkan meminta redha orang yang memberi hadiah di atas pemberian hadiah yang telah diberikannya terlebih-lebih lagi jika dia telah mengetahuinya
2. Disunatkan merahsiakan nama seseorang jika terdapat sesuatu cela dalam dirinya.

١٦٠- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْعُمْرَى لِمَنْ وُهِبَتْ لَهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلِمُسْلِمٍ : "أَمْسِكُوا عَلَيْكُمْ أَمْوَالَكُمْ وَلَا تُفْسِدُوهَا، فَإِنَّهُ مَنْ أَعْمَرَ عُمْرَى فَهِيَ لِلَّذِي أُعْمِرَهَا حَياً وَمَيِّتًا، وَلِعَقِبِهِ".

وَفِي لَفْظٍ : " إِنَّمَا الْعُمْرَى الَّتِي أَجَازَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَقُولَ: هِيَ لَكَ وَلِعَقِبِكَ، فَأَمَّا إِذَا قَالَ: هِيَ لَكَ مَا عِشْتَ، فَإِنَّهَا تَرْجِعُ إِلَى صَاحِبِهَا".

وَلِأَبِي دَاوُدَ وَالنَّسَائِيِّ : "لَا تُرْقِبُوا وَلَا تُعْمِرُوا، فَمَنْ أُرْقِبَ شَيْئًا أَوْ أُعْمِرَ شَيْئًا فَهُوَ لِوَرَثَتِهِ".

160- Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: “Rasulullah (s.a.w) bersabda: “*‘Umra* adalah khusus milik orang yang diberi.” (Muttafaq ‘alaihi).

Dalam riwayat Muslim disebutkan: “Simpan harta-hartamu dan janganlah kamu menghamburkannya, sebab barang siapa memberikan *‘umra*, maka barang itu milik orang yang diberi sama ada hidup ataupun mati sampai kepada keturunannya.”

Dalam riwayat lain disebutkan: “*‘Umra* dibenarkan oleh Rasulullah (s.a.w) apabila pemberi berkata: “Ia (benda yang diberikan) menjadi milikmu dan anak keturunanmu. Namun apabila berkata: “Ia menjadi milikmu selagi kamu hidup”, maka barang itu mesti dikembalikan kepada si pemberi.”

Dalam riwayat Abu Dawud dan al-Nasa’i disebutkan: “Jangan kamu melakukan *ruqba* dan jangan kamu melakukan *‘umra*. Barang siapa mendapatkan *ruqba* atau *‘umra*, maka ia menjadi milik ahli warisnya.”: (960)

Makna Hadith

Oleh kerana *‘umra* termasuk amalan masyarakat jahiliah dan kemudian Islam mengakuinya, ia tetap memerlukan kriteria dan ketentuan berkaitan batas akhir hak kepemilikan supaya tidak berlaku pertelagahan di belakang hari. Hadith ini berusaha menjelaskan siapakah yang berhak memiliki *‘umra* ketika masa *‘umra* itu sudah berakhir.

Analisis Lafaz

“الْعُمْرَى”, adalah seseorang memberikan sesuatu kepada orang lain dengan berkata: “أعمرتك إياه” (Aku membolehkan dan memberikannya kepadamu selama hidupmu).

"وُهِبَتْ", aku berikan tanpa mengharapkan imbalan.

"أَمْسِكُوا", yakni memelihara dan menjaga.

"تُفْسِدُوهَا", kamu merosakkannya.

"لِعَقِبِهِ", untuk keturunannya.

"أُرْقِبُوا", asal kalimat ini adalah "الرقبى" di mana ia sama dengan *'umra* secara wazan mahupun maknanya.

Fiqh Hadith

1. Disyariatkan *'umra* dan *ruqba*. Inilah pendapat jumhur ulama kecuali Dawud al-Zahiri.
2. Barang siapa yang melakukan *'umra* maka, barang itu menjadi miliknya dan keturunannya, sementara orang yang memberi tidak berhak lagi ke atasnya. Inilah pendapat jumhur ulama. Ia menjadi milik orang yang menerima dan tidak boleh dikembalikan kepada pemberi melainkan ada syarat yang menentukan demikain seperti seseorang berkata: "Barang menjadi milikmu selama kamu hidup. Jika kamu mati, maka ia kembali menjadi milikku." Jadi, barang itu kembali menjadi milik pemberi setelah si penerima itu mati. Jika pemberi memberinya tanpa ada lafaz yang menghendaki adanya pengembalian, maka barang itu menjadi milik si penerima dan tidak boleh menjadi milik pemberi lagi. Di manakah letak kepemilikan 'umra dan ruqba, sama ada benda barang itu ataui manfaatnya? Menurut jumhur ulama, kepemilikan terletak pada benda barang itu sama seperti hibah. Menurut Imam Malik dan al-Syafi'i, kepemilikan terletak pada manfaat sahaja.
3. Dilarang menyia-nyiakan dan membazirkan harta.

١٦١- وَعَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: حَمَلْتُ عَلَى فَرَسٍ فِي سَبِيلِ اللهِ، فَأَضَاعَهُ صَاحِبُهُ، فَظَنَنْتُ أَنَّهُ بَائِعُهُ بِرُخْصٍ، فَسَأَلْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ذَلِكَ. فَقَالَ: "لَا تَبْتَعْهُ، وَإِنْ أَعْطَاكَهُ بِدِرْهَمٍ... الْحَدِيثَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

161- Daripada Umar (r.a), beliau berkata: "Saya pernah memberi kuda untuk berjuang di jalan Allah. Namun orang yang diberi itu tidak merawatnya dengan baik. Saya kira dia mahu menjual kuda itu dengan harga murah. Lalu saya bertanya kepada Rasulullah (s.a.w) mengenai perkara itu. Baginda bersabda: "Jangan kamu membelinya walaupun dia menjual kepadamu seharga satu dirham... hingga akhir hadith." (Muttafaq 'alaihi: 961).

Makna Hadith

Pada kebiasaannya, orang yang ingin menjual sesuatu namun belum menerima bayaran, maka dia cenderung menurunkan harga itu. Jika pembeli adalah orang yang memberi hibah, maka seolah-olah dia menarik semula pemberiannya, kerana dia membayar harga barang itu dengan harga yang lebih murah. Di sini dia seolah-olah menarik semula pemberiannya. Rasulullah (s.a.w) melarang perbuatan seperti ini sebagiamana yang ditegaskan pada bahagian akhir hadith yang dimuatkan oleh Ibn Hajar di sini: "maka sesungguhnya orang yang menarik semula sedekahnya seperti anjing yang memakan muntahnya."

Umar adalah salah seorang sahabat yang paling faham tentang masalah agama, di mana beliau terlebih dahulu menanyakan masalah ini kepada Rasulullah (s.a.w) bagi mengetahui kedudukan hukumnya.

Analisis Lafaz

"حَمَلْتُ", aku membeli seekor kuda dan aku membawanya berperang di jalan Allah, kemudian aku memberikan kuda tersebut untuk tujuan mulia itu.

"فَأَضَاعَهُ", maksudnya tidak mempedulikan keperluan kuda itu hingga kurus dan harganya pun susut.

Fiqh Hadith

Haram membeli sedekah atau hibah bagi orang yang memberi sedekah atau hibah. Inilah pendapat sekumpulan ulama, namun jumhur ulama menganggap larangan ini sebagai makruh tanzih bukannya diharamkan.

١٦٢- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "تَهَادُوْا تَحَابُّوا". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ فِي "الْأَدَبِ الْمُفْرَدِ" وَأَبُو يَعْلَى بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ.

162- Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Usahakan untuk saling memberi hadiah di antara kamu, nescaya terciptalah suasana saling mencintai." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dalam kitab Adab al-Mufrad dan Abu Ya'la dengan sanad hasan: 962).

١٦٣- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "هَادَوْا، فَإِنَّ الْهَدِيَّةَ تَسُلُّ السَّخِيمَةَ". رَوَاهُ الْبَزَّارُ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

163- Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Hendaklah kamu saling memberi hadiah, sebab ia dapat menghilangkan perasaan dengki." (Diriwayatkan oleh al-Bazzar dengan sanad daif: 963).

Makna Hadith

Islam mewajibkan kaum muslimin untuk saling mencintai antara satu sama lain. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

لاَ يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيْهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ.

"Tidak beriman salah seorang kamu sehingga mencintai saudaranya sama seperti mencintai dirinya sendiri." Antara bentuk kasih sayang baginda kepada umatnya adalah mereka dianjurkan melakukan suatu amalan yang menyebabkan mereka saling mencintai. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

أَوَلاَ أَدُلُّكُمْ عَلَي شَيْءٍ إِذَا فَعَلْتُمُوْهُ تَحَابَبْتُمْ: أَفْشُوا السَّلاَمَ بَيْنَكُمْ.

"Mahukah kamu aku tunjukkan kepada suatu amalan yang jika kamu mengerjakannya maka kamu akan saling mencintai: iaitu sebarkan salam di antara kamu." Masih banyak lagi petunjuk yang menganjurkan umat Islam untuk saling mencintai antara sesama mereka. Hadith ini merupakan salah satu petunjuk untuk saling memberi hadiah bagi menimbulkan perasaan saling mencintai satu sama lain.

Analisis Lafaz

"تَحَابُّوا", asalnya adalah "تتحابوا" (saling mencintai), salah satu huruf *ta'* dibuang untuk meringankan bacaan.

"تَسُلُّ", mencabut dan berpisah.

"السَّخِيمَةَ", kemarahan, kebencian dan perasaan iri hati.

"بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ", kerana keberadaan 'A'idz bin Syuraih sebagai periwayat hadith ini.

Fiqh Hadith

Disunatkan untuk saling memberi hadiah.

١٦٤- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَا نِسَاءَ الْمُسْلِمَاتِ، لَا تَحْقِرَنَّ جَارَةٌ لِجَارَتِهَا وَلَوْ فِرْسِنَ شَاةٍ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

164- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Wahai wanita-wanita muslim, jangan sekali-kali seorang wanita memandang remah hadiah kepada jiran tetangganya meskipun itu hanya hujung kaki kambing." (Muttafaq 'alaihi: 964).

Makna Hadith

Ketika tarap hidup manusia berbeza antara satu sama lain, di mana ada yang kaya dan ada pula yang miskin, maka ada kemungkinan seseorang merasa enggan memberi hadiah kepada orang lain kerana diyakini orang yang bakal menerimanya merasa tidak layak hingga kemudian dia menganggapnya remeh dan menceritakan itu kepada orang lain. Di sini Rasulullah (s.a.w) mengingatkan bahawa perasaan seperti itu tidak perlu terjadi, terlabih-lebih bagi wanita yang memiliki kebiasaan seperti itu.

Analisis Lafaz

"تَحْقِرَنَّ", dengan menggunakan huruf *ha' sukun* dan *kasrah* huruf *qaf*, maksudnya menghina dan memandang remeh.

"جَارَةٌ", kalimat ini hanya sekadar menunjukkan kebiasaan, kerana hukum ini berlaku bagi jiran tetangga dan juga orang lain.

"لِجَارَتِهَا", ada kalimat dibuang dalam kalimat ini yang lengkapnya adalah: "Jangan sekali-kali orang wanita memandang remeh hadiah kepada jiran tetangganya walaupun hanya hujung kaki kambing."

"فِرْسِنَ", dengan membaca *kasrah* huruf *fa'* dan huruf *sin*, sementara di antara keduanya ada huruf *ra'* yang dibaca sukun, iaitu tulang kecil yang berisikan sedikit daging.

Fiqh Hadith

Anjuran untuk saling memberi hadiah antara sesama tetangga, walaupun pemberiannya itu hanya remeh temeh.

١٦٥- وَعَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ وَهَبَ هِبَةً فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا مَا لَمْ يُثَبْ عَلَيْهَا". رَوَاهُ الْحَاكِمُ وَصَحَّحَهُ وَالْمَحْفُوظُ مِنْ رِوَايَةِ ابْنِ عُمَرَ عَنْ عُمَرَ قَوْلُهُ.

165- Daripada Ibn Umar (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Barang siapa memberi sesuatu, maka dia berhak mencabutnya selagi belum

dibalas." (Diriwayatkan oleh al-Hakim sekali menilainya sahih, tetapi apa yang benar ia berasal daripada riwayat Ibn Umar daripada Umar: 965).

Makna Hadith

Hibah telah dibahas sebelum ini sama ada ia dibolehkan menarik semula hibah ataupun sebaliknya. Dalam hadith ini disebutkan bahawa orang yang memberi berhak untuk menarik semula hadiahnya selama ia belum dibalas dengan hadiah yang serupa oleh si penerima.

Analisis Lafaz

"يُثَبْ", membalas.

"وَالْمَحْفُوظُ مِنْ رِوَايَةِ ابْنِ عُمَرَ عَنْ عُمَرَ قَوْلُهُ", yakni hadith ini itu *mawquf* kepada Umar. Inilah yang dinilai kuat oleh al-Bukhari, al-Daruquthni, al-Baihaqi dan sekumpulan ulama di mana mereka menceritakan bahawa 'Ubaidillah bin Musa salah ketika menilainya sebagai *marfu'*.

Fiqh Hadith

Dibolehkan menarik semula pemberian selagi belum dibalas dengan hadith yang serupa oleh si penerima. Jika telah dibalas, maka tidak boleh meminta semula hadiah itu.

Penting

Al-Shan'ani berkata: "Seseorang yang melakukan sesuatu pasti ada tujuan. Hibah yang diberikan kepada orang yang berada di bawah kedudukannya selalunya dianggap sebagai sedekah. Ini bertujuan untuk menunjukkan kasih sayang dan menjalin persahabatan. Ini sama halnya dengan pemberian orang miskin kepada orang kaya meskipun ini jarang berlaku."

"Jumlah hadiah dan pemberi hadiah selalunya tidaklah sama. Ada ketikanya tujuan memberi hadiah itu kerana ingin memperoleh kekayaan, seperti hadiah yang diberikan kepada seorang raja dengan harapan dapat menjadi orang terdekatnya. Jika raja itu tidak memenuhi apa yang diinginkannya di sebalik pemberian hadiah itu, pemberi hadiah akan menyesal dan penyesalan merupakan bukti yang dia meminta semula hadiah atau dia memperoleh hadiah yang lebih daripada apa yang diharapkannya."

"Jika tujuan pemberi hadiah adalah menjalin silaturrahim atau mendamaikan pihak yang sedang bertikai, maka balasan sudah memadai dengan adanya sekadar balasan meskipun itu lebih murah daripada hadiah

yang diberikannya. Ini kerana ia tidak bermaksud memperoleh balasan yang serupa daripada hadiah yang diberikannya itu, sebaliknya hanya sekadar menunjukkan kasih sayang yang ada pada dirinya."

Soalan

1. Apakah takrif hibah secara bahasa dan syarak?
2. Apakah takrif *'umra* dan *ruba* mengikut syarak?
3. Wajibkah memberikan hibah secara sama rata di antara anak? Sebutkan pendapat ulama fiqh dalam masalah ini?
4. Bagaimanakah bentuk pemberian hidah secara sama rata di antara anak?
5. Bagaimanakah pendapat ulama tentang boleh atau tidaknya meminta semula hibah?
6. Sempurnakan hadith: "لا يحل لرجل مسلم أن يعطي العطية..."?
7. Wajibkah membalas hadiah mengikut pendapat ulama?
8. Bagaimanakah hukum yang memberikan *'umra*?
9. Bolehkah memberli semula sedekah atau hibah?
10. Sebutkan teks tiga hadith yang menggalakkan untuk memberi hadiah?
11. Bincangkan sabda Rasulullah (s.a.w): "لا تحقرن جارة لجارتها ولو فرسن شاة"?
12. Adakah hadith "من وهب هبة فهو أحق بها مالم يثب عليها" *mawquf* atau *marfu'*? Bincangkanlah?

BAB *LUQATHAH* (BARANG TEMUAN)

Menurut bahasa *luqathah* adalah dengan membaca *dhammah* huruf *lam* dan *fathah* huruf *qaf* atau membaca *kasrah* huruf *qaf*. Ada dua pendapat dalam masalah ini, masing-masing pendapat menyalahkan yang lain.

Menurut syari'at pula adalah harta atau sesuatu yang hilang daripada tuannya, sementara harta tersebut merupakan barang yang dianggap bagi manusia.

١٦٦- عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : مَرَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِتَمْرَةٍ فِي الطَّرِيقِ، فَقَالَ: لَوْلَا أَنِّي أَخَافُ أَنْ تَكُونَ مِنَ الصَّدَقَةِ لَأَكَلْتُهَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

166- Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah berjalan hingga menjumpai sebiji kurma di tengah jalan, lalu bersabda: "Jika aku tidak khuatir kurma adalah kurma zakat, nescaya sudah aku sudah memakannya." (Muttafaq alaih: 966).

Makna Hadith

Rasulullah (s.a.w) adalah orang yang paling bertakwa kepada Allah (s.w.t) dan sedekah diharamkan ke atasnya dan demikian pula kepada ahli keluarganya. Oleh itu, menjumpai sebiji kurma jatuh di tengah jalan, baginda tidak memakannya kerana takut kurma itu adalah harta zakat, padahal kurma merupakan barang yang senang dijumpai dan tidak sukar mencarinya.

Hadith ini menegaskan jika kurma itu tidak bukan harta zakat tentu baginda memakannya, dan kurma itu bukan barang luqathah.

Fiqh Hadith

1. Haram memakan zakat bagi Rasulullah (s.a.w).
2. Dibolehkan mengambil sesuatu yang tidak diambil peduli oleh orang lain dan tidak perlu mencari tahunya sedangkan orang yang mengambilnya berhak memilikinya sebaik mengambilnya. Zahir hadith ini membolehkan berbuat demikian meskipun orang yang mempunyai barang mengetahuinya, namun pendapat lain mengatakan jika pemiliknya tahu, maka tidak boleh mengambil barang itu.
3. Anjuran untuk bersikap warak dalam setiap keadaan.

Penting

Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari berkata: "Sebahagian ulama menganggap pelik kenapa Rasulullah (s.a.w) membiarkan buah kurma di tengah jalan padahal seorang pemimpin semestinya mengambil barang itu untuk disimpan. Jawapannya adalah ada kemungkinan Rasulullah (s.a.w) sebenarnya mengambilnya kerana di dalam hadith ini tidak ada isyarat yang menafikannya atau ada pula kemungkinan baginda sengaja membiarkannya supaya dimanfaatkan oleh orang yang menjumpainya dari kalangan orang yang dihalalkan memakan harta zakat. Selain itu, wajib bagi seorang pemimpin menjaga harta sekiranya diketahui siapa pemiliknya namun tidak dibolehkan mengabaikannya kerana barang itu tidak berharga."

١٦٧- وَعَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدٍ الْجُهَنِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَأَلَهُ عَنِ اللُّقَطَةِ؟ فَقَالَ: اِعْرِفْ عِفَاصَهَا وَوِكَاءَهَا، ثُمَّ عَرِّفْهَا سَنَةً، فَإِنْ جَاءَ صَاحِبُهَا وَإِلَّا فَشَأْنُكَ بِهَا. قَالَ : فَضَالَّةُ الْغَنَمِ؟ قَالَ: هِيَ لَكَ أَوْ لِأَخِيكَ أَوْ لِلذِّئْبِ. قَالَ: فَضَالَّةُ الْإِبِلِ؟ قَالَ: مَا لَكَ وَلَهَا؟ مَعَهَا سِقَاؤُهَا وَحِذَاؤُهَا، تَرِدُ الْمَاءَ وَتَأْكُلُ الشَّجَرَ حَتَّى يَلْقَاهَا رَبُّهَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

167- Daripada Zaid bin Khalid al-Juhani (r.a), beliau berkata: "Ada seorang lelaki datang kepapda Rasulullah (s.a.w) lalu bertanya tentang hukum barang temuan." Baginda menjawab: "Perhatikan bekas dan talinya, kemudian umumkan selama satu tahun. Jika pemiliknya datang, maka berikanlah kepadanya. Jika tidak, maka itu terserah kamu." Lelaki itu bertanya: "Bagaimana kalau barang itu berupa sekor kambing?" Baginda menjawab: "Ia untukmu, untuk saudaramu, atau untuk singa." Dia bertanya lagi: "Bagaimana jika barang temuan itu berupa unta?" Apa masalahmu

dengannya. Ia mempunyai perut, mampu berjalan, mampu mendatangi air minum, dapat memakan daun pepohonan sehingga ia bertemu dengan pemiliknya." (Muttafaq alaih: 967).

Makna Hadith

Tidak dapat dimungkiri bahawa setiap orang pasti berbeza pendapat ketika ditanya mengenai tatacara menemukan orang yang mempunyai barang temuan, demikian pula dengan barang yang dianggap sebagai luqathah.

Hadith ini merupakan jalan tengah untuk mengelakkan pertelagahan, di mana orang yang menemukan barang temuan disuruh mengumumkan barang temuannya selama satu tahun. Namun dikecualikan haiwan tersesat seperti unta, kerana unta tidak binasa lantaran tersesat sampai ia berjumpa dengan pemiliknya.

Analisis Lafaz

"اِعْرِفْ", *fi'il amar* dengan membaca *kasrah* huruf *hamzah*, ia berasal dari perkataan "المعرفة".

"عِفَاصَهَا", dengan membaca *kasrah* huruf *'ain*, iaitu kantong. Ada pula yang mengatakan ia adalah penutup botol yang terbuat daripada kulit..

"وِكَاءَهَا", pengikat. Menurut Ibn Manzhur, *al-'ifash* dan *al-wika'* memiliki makna yang sama. Ia kadang kala digunakan untuk mengikat suatu barang dan ada kalanya pula digunakan untuk menyebut barang itu sendiri.

"عَرِّفْهَا", *fi'il amar*, dia wajib memberitahu orang tentang barang temuan itu di tempat mana dia menemukannya dan ini dilakukan selama satu tahun.

"جَاءَ صَاحِبُهَا", setelah ini ada kalimat yang berbunyi: "Berikan kepadanya." Tambahan ini menurut Abu Dawud.

"فَشَأْنُكَ بِهَا", engkau berhak mengambilnya. Jika huruf *nun* dibaca *rafa'*, maka ia menjadi *mubtada'*. Jika nun dibaca *nashab*, maka ada *fi'il* yang dibuang setelahnya dan takdirnya adalah "فحسِّن".

"سِقَاؤُهَا", dengan membaca *kasrah* huruf *sin*, yakni bahagian leher bekas yang dijadikannya sebagai bekas air dan dijadikan bekalan ketika mengalami dahaga di tengah perjalanan.

"حِذَاؤُهَا", dengan membaca *kasrah* huruf *ha'*, bahagian alas kakinya.

"تَرِدُ الْمَاءَ", kalimat ini boleh menjelaskan kalimat sebelumnya dan boleh pula dibaca *rafa'* sebagai *khabar mubtada* yang dibuang dan takdirnya adalah: "هي".

"هِيَ لَكَ أَوْ لِأَخِيكَ أَوْ لِلذِّئْبِ", perkataan *aw* di sini menunjukkan pembahagian. Maksudnya ia menjadi milikmu jika kamu ambil dan kemudian kamu mengumumkannya selama satu tahun namun pemiliknya tidak kunjung datang mengambilnya. Atau ia menjadi milik saudaramu seagama, yakni pemiliknya. Atau ia menjadi makanan serigala jika tidak dijadikan sebagai hak milik orang seseorang sedangkan pemiliknya tidak mencarinya.

"رَبُّهَا", pemiliknya.

"ضَالَّةُ الْإِبِلِ", kalimat *dhalah* (sesat) digunakan untuk haiwan yang hilang, sedangkan *luqathah* digunakan untuk barang yang hilang.

Fiqh Hadith

1. Boleh mengambil barang luqathah dengan niat untuk menjaganya. Jika pemiliknya tidak dijumpai, maka barang itu menjadi milik si penemu. Luqathah ini berlaku bagi seluruh harta dan barang berharga. Demikian pula dengan haiwan ternakan yang tidak mengelakkan daripada ancaman binatang buas.
2. Unta tidak dapat dikategorikan luqathah dan demikian pula lembu, burung dan haiwan ternak yang mampu mengelakkan diri daripada ancaman binatang buas. Jadi ia mesti dibiarkan dan tidak boleh dijadikan luqathah. Ulama berbeza pendapat mengenai barang luqathah, apakah lebih baik diambil atau dibiarkan? Menurut Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah, apa yang lebih baik adalah mengambilnya, kerana hukum menjaga harta sesama muslim adalah wajib. Menurut Imam Ahmad dan Imam Malik pula apa yang lebih baik tidak diambil dan ini bersesuaian dengan hadith Rasulullah (s.a.w):

   ضَالَّةُ الْمُؤْمِنِ حَرْقُ النَّارِ.

   "Barang orang mukmin yang hilang lebih baik dibakar oleh api."
3. Orang yang menjumpai barang luqathah hendaklah mengenal pasti tempat, jenis dan jumlah barang yang dia jumpai supaya dapat membezakannya dengan hartanya, di samping dia wajib mengetahui ciri-cirinya bagi memastikan sekali gus menguji pengakuan orang yang mendakwa itu adalah barang miliknya. Dalam beberapa riwayat disebutkan mencari tahu ciri-ciri barang luqathah hendaklah dilakukan sebelum ia diumumkan. Ini berdasarkan riwayat al-Bukhari:

   اعْرِفْ عِفَاصَها وَوِكَاءَهَا ثُمَّ عَرِّفْهَا سَنَةً.

   "Perhatikan tempat dan talinya, kemudian umumkan selama satu tahun." Namun berbeza riwayat disebut oleh Ibn Hajar di sini, lantas

manakah yang harus didahulukan? Menurut al-Nawawi, kedua-dua riwayat harus disatukan dengan cara ia sama-sama menyuruh untuk mengetahuinya dalam dua keadaan: pertama, pastikan dikenali alamat dan ciri-cirinya sebaik dijumpai bagi mengenal pasti dengan jelas pengakuan orang yang datang untuk mengambilnya; kedua, kemudian umumkan semula setelah ia dilakukan pengumuman selama satu tahun jika si penemu ingin memilikinya bagi mengenal pasti jumlah dan cirinya untuk kemudian diserahkan kepada pemilik asal jika dia datang menuntutnya. Ini mengikut mazhab pilihan dalam mazhab Syafi'i. Menurut Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari, ada kemungkinan perkataan '*tsumma*' bermakna '*waw*' dan oleh kerananya, tidak perlu lagi melakukan pengumuman secara tertib bagi mengelakkan pertelagahan. Ulama berbeza pendapat mengenai pengumuman. Ada tiga pendapat dalam masalah ini. Ada ulama yang mengatakan hukumnya wajib kerana berdasarkan kepada zahir perintah dan ada pula yang mengatakan hukumnya disunatkan. Ada pula ada pula yang mengatakan wajib mengumumkan sebaik menemukan benda itu dan disunatkan setelah itu.

4. Luqathah wajib diumumkan selama satu tahun. Pengumuman dilakukan di tempat keramaian, seperti pasar, pintu mesjid dan tempat-tempat yang berhampiran dengan tempat di mana ia dijumpai dan si penemu hendaklah bersungguh dalam mengumumkannya, bahkan ada ulama yang mengatakan wajib diumumkan dua kali dalam seminggu. Apapun, apa yang perlu diambil kira dalam masalah ini adalah mengikut adat kebiasaan.
5. Luqathah diberikan kepada pemiliknya jika dia datang menuntutnya dan mengetahui ciri dan jenis barang itu secara sempurna. Dalam riwayat al-Bukhari disebutkan bahawa jika datang seseorang memberitahumu jumlah, tali dan tempat barang itu, maka serahkan barang itu kepadanya. Inilah pendapat Imam Malik dan Imam Ahmad. Menurut mazhab Maliki, orang yang menuntut itu mestilah mengetahui ciri-ciri wang dinar. Jika seseorang mengatahui sebahagian sifatnya, lalu bagaimana pula hukumnya? Menurut Ibn al-Qasim, dia mesti menyebut dan mengetahui seluruh sifatnya. Pendapat lain mengatakan barang itu diberikan kepadanya dengan syarat harus menunggu beberapa waktu terlebih dahulu. Perlukah si pemilik barang bersumpah di hadapan si penemu barang ketika hendak mengambil barangnya? Sebahagian ulama berpendapat bahawa sumpah diperlukan ketika pemiliknya menuntut barang miliknya. Apapun, mengikut pendapat yang benar, sumpah tidak diperlukan dalam masalah ini kerana berdasarkan zahir hadith di samping telah wujud bukti lantaran si pemilik telah menyebut ciri-ciri barang tersebut.
6. Orang yang menemukan luqathah berhak untuk memiliki barang itu setelah masa satu tahun berlalu barang itu ditemukan. Kepemilikan

ini sama seperti kepemilikan harta warisan, di mana ia dimiliki tanpa perlu adanya usaha atau pilihan. Inilah pendapat jumhur ulama. Menurut Imam Abu Hanifah, dia tidak berhak untuk memiliki barang itu, sebaliknya dia hendaklah menyedekahkannya. Pendapat ini diriwayatkan daripada Ali dan Ibn Abbas. Jika barang temuan itu sudah dimakan si penemu, kemudian si pemilik barang datang menuntutnya, maka bagaimana hukumnya? Ulama bersepakat bahawa si penemu wajib menggantinya, meskipun si pemilik datang setelah satu tahun kemudian, namun menurut mazhab Zahiri, si penemu boleh memakannya tanpa harus menggantinya apabila si pemilik barang datang menuntutnya.

7. Boleh mengambil kambing yang tersesat apabila ia ditemukan di tempat yang berjauhan dari kawasan perkampungan. Penemu wajib mengganti rugi jika kambing tersebut mati, namun Imam Malik dalam pendapat yang masyhur mengatakan bahawa si penemu tidak wajib menggantinya, kerana kedudukan si penemu sama dengan serigala di mana serigala tidak berkewajipan membayar ganti rugi ke atas haiwan ternakan yang telah dimakannya.

١٦٨- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ آوَى ضَالَّةً فَهُوَ ضَالٌّ مَا لَمْ يُعَرِّفْهَا". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

168- Daripada Zaid bin Khalid al-Juhani (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa yang menyorok barang hilang, maka dia menjadi orang sesat selagi tidak mengumumkannya." (Diriwayatkan oleh Muslim: 968).

١٦٩- وَعَنْ عِيَاضِ بْنِ حِمَارٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَنْ وَجَدَ لُقَطَةً فَلْيُشْهِدْ ذَوَيْ عَدْلٍ وَلْيَحْفَظْ عِفَاصَهَا وَوِكَاءَهَا، ثُمَّ لَا يَكْتُمْ وَلَا يُغَيِّبْ، فَإِنْ جَاءَ رَبُّهَا فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا، وَإِلَّا فَهُوَ مَالُ اللهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ إِلَّا التِّرْمِذِيَّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ الْجَارُودِ وَابْنُ حِبَّانَ.

169- Daripada 'Iyadh bin Himar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa menjumpai barang hilang, maka hendaklah dia meminta kesaksikan dua orang adil dan menjaga bekas dan talinya, kemudian dia tidak boleh menyorok dan menyembunyikannya. Jika pemiliknya datang, maka dia berhak untuk mendapatkan semula barang miliknya. Jika tidak datang, maka ia adalah harta milik Allah yang diberikan kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad

dan al-Arba'ah, kecuali al-Tirmidhi, dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah, Ibn al-Jarud dan Ibn Hibban: 969).

Makna Hadith

Dengan hadith ini, Ibn Hajar ingin menceritakan masalah luqathah yang belum disentuh oleh dua hadith sebelum ini, di mana hadith ini menganjurkan untuk memperlihatkan luqathah kepada dua orang saksi yang dianggap adil. Pada zahirnya hadith tersebut mewajibkannya.

Analisis Lafaz

"فَلْيُشْهِدْ", dengan membaca *sukun* huruf *lam,* iaitu saksi.

"ذَوَيْ", dengan membaca *fathah* huruf *waw,* iaitu dua atau tiga orang yang bersifat adil.

"عِفَاصَهَا", telah dibahas dalam hadith sebelum ini.

"وِكَاءَهَا", telah dibahas dalam hadith sebelum ini.

"يَكْتُمْ", baik jumlah mahupun sifatnya.

"يُغَيِّبْ", merahsiakan sebahagian luqathah.

"رَبُّهَا", pemiliknya.

Fiqh Hadith

1. Wajib memperlihatkan luqathah kepada dua orang saksi yang dianggap adil menurut pendapat Imam Abu Hanifah dan Imam al-Syafi'i dalam salah satu pendapatnya. Menurut Imam Malik dan Imam Ahmad, tidak wajib memperlihatkannya kepada dua orang saksi, namun disunatkan untuk berbuat demikian kerana mengamalkan hadith ini.
2. Luqathah menjadi milik penemu setelah masa pengumuman habis dan dia tidak wajib mengganti jika pemiliknya datang menuntutnya setelah satu tahun kemudian. Inilah pendapat mazhab Zahiri sebagaimana yang telah dibahas oleh hadith sebelum ini, tetapi jumhur ulama mengemukakan pendapat yang berlainan di mana menurut mereka maksud hadith tersebut adalah si penemu boleh memanfaatkannya, namun jika pemiliknya datang untuk menuntutnya maka dia wajib membayar ganti rugi. Dalilnya adalah hadith riwayat Muslim:

فَإِنْ لَمْ يَجِئْ صَاحِبُهَا كَانَتْ وَدِيْعَةً عِنْدَكَ.

"Jika pemiliknya tidak datang untuk menuntutnya, maka barang itu seakan menjadi titipan di sisimu." Dalam riwayat lain disebutkan:

فَاسْتَنْفِقْهَا، وَلْتَكُنْ وَدِيْعَةً عِنْدَكَ، فَإِنْ جَاءَ طَالِبُهَا يَوْمًا مِنَ الدَّهْرِ فَأَدِّهَا إِلَيْهِ.

"Maka belanjakanlah (luqathah itu) dan jadikan ia menjadi titipan di sisimu. Jika pada suatu masa kelak pemiliknya datang untuk menuntutnya maka berikanlah kepadanya."

١٧٠- وَعَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عُثْمَانَ التَّيْمِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ لُقَطَةِ الْحَاجِّ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

170- Daripada Abdurrahman bin 'Utsman al-Taimi (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang daripada mengambil barang hilang milik orang yang sedang beribadah haji." (Diriwayatkan oleh Muslim: 970).

Makna Hadith

Dengan hadith ini, Ibn Hajar ingin membuat pengecualian ke atas tempat luqathah yang dijumpai di Makkah al-Mukarramah, di mana tidak halal diambil luqathah yang berada di Makkah melainkan bagi orang yang hendak mengumumkannya. Ini kerana keutamaan dan kemuliaan Makkah.

Analisis Lafaz

"عَنْ لُقَطَةِ الْحَاجِّ", ada kalimat yang dibuang di sini dan lengkapnya adalah "dilarang untuk memiliki luqathah yang dijumpai oleh orang yang sedang berhaji." Apa yang dilarang di sini adalah memiliki barang temuan orang yang sedang berhaji bukan mengambilnya dengan niat untuk mengumumkannya.

Fiqh Hadith

1. Dibolehkan mengambil luqathah Makkah dengan niat untuk diumumkan.

2. Dilarang menjadikan luqathah Makkah sebagai hak milik.
3. Dilarang menjadikan luqathah orang yang berhaji sebagai hak milik baik dijumpai di Makkah mahupun di tempat yang lain.

Periwayat Hadith

Abdurrahman bin Utsman al-Taimi al-Qurasyi anak saudara Talhah bin 'Ubaidillah salah seorang sahabat yang masyhur. Ada yang mengatakan beliau sempat hidup sezaman dengan Rasulullah (s.a.w), walaupun tidak pernah melihatnya. Beliau memeluk Islam pada waktu perjanjian al-Hudaibiyah. Ada pula yang mengatakan pada hari penaklukkan kota Makkah. Sekumpulan ulama meyakini beliau sebagai seorang sahabat. Beliau mati syahid bersama al-Zubair.

١٧١- وَعَنْ الْمِقْدَامِ بْنِ مَعْدِي كَرِبَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَلَا لَا يَحِلُّ ذُو نَابٍ مِنَ السِّبَاعِ وَلَا الْحِمَارُ الْأَهْلِيُّ وَلَا اللُّقَطَةُ مِنْ مَالِ مُعَاهَدٍ إِلَّا أَنْ يَسْتَغْنِيَ عَنْهَا". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ.

171- Daripada Ibn al-Miqdam bin Ma'di Kariba (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Ingatlah bahawa tidak halal memakan binatang buas yang bertaring, keldai kampung, luqathah milik orang kafir mu'ahid[19], kecuali jika dia tidak memerlukannya lagi." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud: 971).

Makna Hadith

Ada dua perkara yang dilarang oleh hadith ini, iaitu: pertama, larangan memakan binatang buas yang bertaring dan keldai kampong: kedua, luqathah mu'ahid. Dalam hadith ini disebutkan bahawa dilarang memakan luqathah kerana memiliki hukum yagn sama dengan luqathah muslim.

Analisis Lafaz

"لَا يَحِلُّ", diharamkan.

"إِلَّا أَنْ يَسْتَغْنِي عَنْهَا", dianggap sama seperti remeh temeh seperti sebiji kurma misalnya.

[19] Orang kafir yang dilindungi undang-undang negara Islam.

Penting

Sabda Rasulullah yang mengatakan "luqathah milik orang mu'ahid" menimbulkan kemusykilan, kerana orang yang menjumpai luqathah selalunya tidak mengetahui sama ada barang itu milik orang kafir mu'ahid atau sebaliknya, walaupun ia dijumpai di kawasan perkampungan orang kafir, kerana ada kemungkinan barang luqathah itu milik orang lain yang bukan milik orang kafir mu'ahid.

Jawapannya adalah hadith ini sekadar menunjukkan kebiasaan atau orang yang menemukannya merasa yakin bahawa pemilik barang itu adalah orang kafir mu'ahid.

Fiqh Hadith

1. Segala binatang buas yang bertaring adalah diharamkan.
2. Haram memakan keldai kampung.
3. Luqathah kafir zimmi sama hukumnya seperti luqathah muslim.

Penting

Al-Nawawi dalam Syarh al-Muhadzdzab berkata: "Ulama berbeza pendapat mengenai seseorang yang lewat di kebun, ladang atau ternakan. Menurut jumhur ulama, dia tidak boleh mengambil sesuatu daripadanya kecuali dalam keadaan terpaksa. Jika mengambil, maka dia wajib membayar ganti rugi menurut Imam al-Syafi'i dan jumhur ulama."

"Menurut sebahagian ulama salaf, dia tidak berkewajipan membayar apa-apa ganti rugi."

"Menurut Imam Ahmad dalam satu riwayat, jika kebun itu tidak dibuatkan pagar, maka dia boleh memakan buah-buahan yang ada di dalamnya, meskipun pendapat ini tidak disokong oleh mana-mana dalil. Namun menurut riwayat lain oleh Imam Ahmad, dia boleh memakannya dan tidak ada ganti rugi ke atasnya dalam kedua-dua keadaan itu."

Menurut Imam al-Syafi'i, masalah ini bergantung kepada sahih atau tidaknya hadith marfu' Ibn 'Umar:

إِذَا مَرَّ أَحَدُكُمْ بِحَائِطٍ فَلْيَأْكُلْ وَلاَ يَتَّخِذْ خُبْنَةً.

"Jika salah seorang kamu melewati kebun maka makanlah dan janganlah kamu menyia-nyiakannya." Hadith ini dinilai sahih oleh Ibn Hajar namun al-Baihaqi dan sekumpulan ulama menilainya daif.

Soalan

1. Takrifkan luqathah mengikut syarak dan sebutkan dua pendapat ulama tentang barisnya?
2. Huraikan kalmiat-kalimat berikut: "سقاء" ,"وكاء" ,"عفاص" dan "حذاء"?
3. Adakah lebih afdhal mengambil barang temuan atau membiarkannya menurut ulama?
4. Bincangkan cara mengenal pasti luqathah dan bilakah itu mesti dilakukan serta sebutkan dalil ke atas yang demikian itu kemudian usahakan bagaimana cara menyatukan antara dalil-dalil yang seolah bercanggah itu?
5. Wajibkah mengumumkan luqathah?
6. Berapakah masa untuk mengumumkan luqathah?
7. Perlukah diambil sumpah orang yang telah mengetahui ciri-ciri luqathah sebagai satu cara untuk mengambilnya?
8. Adakah penemu luqathah berhak memiliki luqathah setelah satu tahun diumumkan?
9. Wajibkah memperlihatkan barang luqathah kepada dua orang saksi yang dianggap adil dan bincangkan masalah ini?
10. Apakah uhkum luqathah di Makkah?
11. Apakah hukum luqathah orang kafir mu'ahid?

BAB *FARAID*

Fara'idh jamak *faridhah* mengikut wazan *fa'ilah* yang bermakna *maf'ul* iaitu sesuatu yang ditentukan. Kalimat ini berasal dari perkataan *fardh*, iaitu memutuskan. Waris disebut *fara'idh* kerana mengikut firman Allah: "نَصِيْبًا مَفْرُوْضًا" (bahagian yang telah ditentukan).

١٧٢- عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَلْحِقُوا الْفَرَائِضَ بِأَهْلِهَا، فَمَا بَقِيَ فَهُوَ لِأَوْلَى رَجُلٍ ذَكَرٍ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

172- Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Berikan bahagian-bahagian waris kepada ahli warisnya dan selebihnya berikan kepada lelaki yang terdekat." (Muttafaq 'alaihi: 972).

Makna Hadith

Dalam al-Quran telah dijelaskan bahagian ahli waris, tetapi kadang kala ada baki harta waris yang masih belum dibahagikan. Itulah sebabnya hadith ini datang untuk menjelaskan milik siapakah baki tersebut dan siapa pula ahli waris yang layak menerimanya. Hadith ini menyatakan bahawa orang yang lebih layak menerima baki harta waris adalah keluarga terdekat.

Analisis Lafaz

"أَلْحِقُوا الْفَرَائِضَ بِأَهْلِهَا", berikan bahagian masing-masing kepada ahli waris yang berhak menerimanya. Ada enam bahagian waris yang telah ditetapkan dalam al-Quran iaitu:

1. Setengah (1/2)
2. Seperempat (1/4)
3. Seperlapan (1/8)

4. Dua pertiga (2/3)
5. Sepertiga (1/3)
6. Seperenama (1/6)

Fiqh Hadith

1. Orang yang pertama berhak mengambil bahagian warisan adalah dzawil furudh seperti mana yang tertera di dalam al-Qur'an.
2. Jika harta warisan itu masih ada bakinya setelah dibahagikan kepada dzawil furudh, maka yang berhak mengambil baki itu adalah orang yang terdekat bagi si mayat. Jika ada dua orang yang sama dekat kekeluargaannya dengan si mayat, maka mereka berdua berkongsi di dalamnya. Menurut jumhur ulama, orang yang terdekat dengan mayat adalah pak cik dan makcik sebelah bapa, anak perempuan saudara lelaki dan anak lelaki saudara lelaki, anak perempuan pak cik sebelah bapa dan anak lelaki sebelah bapa. Ashabah terdekat adalah anak, cucu, ayah, datuk dan seterusnya ke atas. Hadith ini menyatakan adanya ashabah dari golongan kaum lelaki. Jika ashabah dari golongan lelaki tidak ada, maka harta warisan diberikan kepada perempuan yang tidak mendapat bahagian dzawil furudh.
3. Menjelaskan bahawa masing-masing ahli waris saling menghijab (menghalangi) antara satu sama lain.

Pembahasan Permasalahan Waris

Pertama, sebab-sebab mendapatkan harta warisan ada tiga, iaitu:

1. Hubungan keturunan.
2. Hubungan perkahwinan.
3. Hubungan *wala'* (orang yang memerdekakan hamba).

Kedua, ada tujuh belas jumlah ahli waris; sepuluh dari kalangan lelaki dan tujuh dari kalangan perempuan. Mereka adalah:

Ahli waris dari kalangan lelaki adalah sebagai berikut:

1. Anak lelaki.
2. Cucu lelaki dan seterusnya ke bawah.
3. Ayah.
4. Datuk dan seterusnya ke atas.
5. Saudara lelaki, sama ada saudara kandung, seayah atau seibu.
6. Anak lelaki saudara lelaki, sama ada anak lelaki saudara sekandung, seayah atau seibu.
7. Pak cik sebalah bapa yang seayah, seibu dan kandung.

8. Anak saudara lelaki atau anak pak cik sebelah ayah.
9. Suami.
10. Lelaki yang memerdekakan hamba.

Ahli waris dari kalangan perempuan adalah sebagai berikut:

1. Anak perempuan.
2. Cucu perempuan dari anak lelaki.
3. Nenek (ibunya ibu).
4. Saudari perempuan kandung, seayah atau seibu.
5. Saudari perempuan sekandung, seayah, seibu.
6. Isteri.
7. Perempuan yang memerdekakan hamba.

Ketiga, ada enam golongan yang tidak pernah dihijab daripafa memperoleh waris selama-lamanya, iaitu:

1. Ayah.
2. Anak lelaki.
3. Suami.
4. Ibu.
5. Anak perempuan.
6. Isteri.

Kempat, ahli waris dibahagikan kepada ashhabul fara'idh dan 'ashabah:

Ashhabul fara'idh adalah orang yang mendapat bahagian tertentu sesuai dengan ketentuan al-Qur'an.

'Ashabah pula adalah orang yang mengambil seluruh harta warisan jika dia seorang diri dan mengambil sisa harta warisan setelah masing-masing ahli waris mengambil bahagiannya masing-masing.

Selain itu ada pula bahagian dzawil arham dan masalah ini akan dibahas pada hadith berikutnya.

Kelima: tata cara mewariskan keturunan:

Antara mereka ada yang mendapat warisan dengan cara faraidh dan mereka adalah ibu, nenek dan anak ibu.

Antara mereka ada pula yang mendapat warisan dengan cara 'ashabah dan mereka adalah anak lelaki, cucu lelaki dari anak lelaki, saudara lelaki, anak saudara lelaki, pak cik sebelah bapa dan anak lelaki pak cik sebelah ayah.

Antara mereka ada yang kadang kala mendapat warisan dengan cara yang faraidh dan kadang kala dengan cara a'shabah. Mereka adalah:

1. Ayah mendapat warisan dengan cara 'ashabah. Jika si mayat memiliki anak lelaki, maka dia mendapat 1/6.

2. Anak perempuan mendapat warisan secara faraidh sementara jika bersanding dengan anak lelaki, maka dia menjadi 'ashabah *ma'al ghair*, maka harta warisan mereka dibahagi bersama dengan sistem dua bahagian perempuan sama dengan satu bahagian anak lelaki.

3. Saudari perempuan sekandung atau seayah mendapat warisan dengan cara fara'idh. Jika mereka bersanding dengan saudara lelaki kandungnya, mereka menjadi 'ashabah *ma'al ghair* dan harta warisan dibahagi bersama dengan sistem dua bahagian perempuan sama dengan satu bahagian anak lelaki.

Keenam, keterangan bahagian masin-masing dzawil furudh sesuai dengan apa yang tertera dalam al-Quran:

1- Orang yang mendapat bahagian 1/2. Mereka ini adalah:
- Suami ketika tidak ada anak lelaki bagi si mayat.
- Anak kandung perempuan atau anak lelaki yang tidak ada anak kandung.
- Seorang saudari perempuan sekandung atau seayah jika tidak ada anak seayah dan seibu.

2- Orang yang mendapat bahagian 1/4. Mereka adalah:
- Suami jika isteri meninggalkan anak lelaki.
- Isteri jika suami tidak meninggalkan anak lelaki. Bagi dua orang isteri atau lebih, mereka berkongsi dengan bahagian 1/4 ini di dalamnya.

3- Orang yang mendapat bahagian 1/8. Mereka adalah:
- Isteri jika suami meninggalkan anak lelaki. Demikian pula dengan isteri yang lebih daripada satu orang di mana mereka berkongsi dengan bahagian ini di dalamnya.

4- Orang yang mendapat bahagian 2/3. Mereka adalah:
- Dua anak perempuan atau lebih.
- Anak lelaki ketika ada ada anak kandung si mayat.
- Dua orang saudari perempuan atau lebih walaupun saudari seayah.

5- Orang yang mendapat bahagian 1/3. Mereka adalah:
- Ibu jika tidak ada anak atau tidak ada dua orang saudari perempuan.
- Dua orang anak perempuan ibu, sama ada mereka lelaki ataupun perempuan. Mereka mendapat 1/3 bergabung atau berpisah.
- Datuk ketika bersama saudari perempuan sekandung atau seayah dalam beberapa keadaan mengikut mazhab Zaid bin Tsabit.

6- Orang yang mendapat bahagian 1/6. Mereka adalah:
- Ayah jika mayat meninggal anak lelaki atau dua orang saudara lelaki.
- Datuk bersama saudara lelaki dalam beberapa keadaan menurut mazhab Zaid bin Tsabit.
- Nenek.
- Satu orang anak ibu sama ada lelaki atau perempuan.
- Cucu perempuan dari anak lelaki, jika mayat meninggalkan seorang anak perempuan kandung, dimana anak perempuan mendapat 1/2 sedangkan cucu mendapat 1/6.
- Saudari-saudari perempuan seayah, jika si mayat mempunyai seorang saudari kandung.

١٧٣- وَعَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا يَرِثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرَ، وَلَا يَرِثُ الْكَافِرُ الْمُسْلِمَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

173- Daripada Usamah bin Zaid (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Orang muslim tidak boleh mewarisi harta benda mayat orang kafir, dan orang kafir tidak boleh menerima waris dari mayat orang muslim." (Muttafaq 'alaihi: 973).

Makna Hadith

Allah (s.w.t) berfirman:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا۟ بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

"*Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.*" (Surah al-Hujurat: 10). Kalimat *innama* dalam ayat ini bermaksud "hanya" sekali gus menunjukkan bahawa keturunan hanya dihubungkan iman. Oleh itu, ketika anak Nabi Nuh (a.s) tetap dalam kekufuran, kemudian Nabi Nuh (a.s) bermunajat kepada Allah (s.w.t):

وَنَادَىٰ نُوحٌ رَّبَّهُۥ فَقَالَ رَبِّ إِنَّ ٱبْنِى مِنْ أَهْلِى وَإِنَّ وَعْدَكَ ٱلْحَقُّ وَأَنتَ أَحْكَمُ ٱلْحَٰكِمِينَ ﴿٤٥﴾

"*Dan Nabi Nuh merayu kepada Tuhannya dengan berkata: "Wahai Tuhanku! Sesungguhnya anakku itu dari keluargaku sendiri, dan bahawa janjiMu itu adalah benar, dan Engkau adalah sebijak-bijak Hakim yang menghukum dengan seadil-*

adilnya"." (Surah Hud: 45) Lalu Allah pun berfirman:

قَالَ يَٰنُوحُ إِنَّهُۥ لَيۡسَ مِنۡ أَهۡلِكَۖ إِنَّهُۥ عَمَلٌ غَيۡرُ صَٰلِحٖۖ فَلَا تَسۡـَٔلۡنِ مَا لَيۡسَ لَكَ بِهِۦ عِلۡمٌۖ إِنِّيٓ أَعِظُكَ أَن تَكُونَ مِنَ ٱلۡجَٰهِلِينَ ﴿٤٦﴾

"*Allah berfirman: "Wahai Nuh! Sesungguhnya anakmu itu bukanlah dari keluargamu (kerana ia telah terputus hubungan denganmu disebabkan kekufurannya); sesungguhnya bawaannya bukanlah amal yang soleh, maka janganlah engkau memohon kepadaKu sesuatu yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya. Sebenarnya Aku melarangmu dari menjadi orang yang jahil".*" (Surah Hud: 46)

Ketika di dalam hadith ini disebutkan bahawa warisan dihubungkan oleh kerabat baik melalui keturunan, perkahwinan ataupun *wala'*, maka orang yang bukan muslim menjadi penghalang dalam mendapatkan warisan sesuai dengan kaedah ini. Jadi hadith ini melarang untuk mewarisi harta yan berlainan agama.

Analisis Lafaz

"الْمُسْلِمُ", dibaca *rafa'* pada susunan kalimat pertama, sementara pada kalimat yang kedua ia dibaca *nashab*, sementara kalimat "الكافر" sebaliknya.

Fiqh Hadith

Orang muslim diharamkan mewarisi orang kafir, walaupun ayah orang itu kafir. Inilah pendapat ini jumhur ulama.

Menurut Mu'adz, Mu'wiyah, Masruq, Ibn al-Musayyab, al-Nakha'i dan Ishaq, seorang muslim boleh mewarisi daripada orang kafir, sementara orang kafir tidak boleh mewarisi daripada orang muslim. Dalil Mu'adz dalam masalah ini adalah beliau pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda:

الْإِسْلاَمُ يَزِيْدُ وَلاَ يَنْقُصُ.

"Islam itu bertambah dan tidak akan berkurang." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan lain-lain). Ulama berbeza pendapat sama ada hadith ini sahih mahupun hasan.

Jumhur ulama menjawab hadith yang diriwayatkan oleh Mu'adz ini bahawa hadith tersebut tidak secara terang menjelaskan masalah ini, tambahan pula ia bertentangan dengan masalah yang lebih jelas.

١٧٤- وَعَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِي بِنْتٍ وَبِنْتِ اِبْنٍ وَأُخْتٍ - قَضَى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلِابْنَةِ النِّصْفَ وَلِابْنَةِ الإِبْنِ السُّدُسَ - تَكْمِلَةَ الثُّلُثَيْنِ- وَمَا بَقِيَ فَلِلْأُخْتِ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

174- Daripada Ibn Mas'ud (r.a) mengenai bahagian seorang anak perempuan, seorang cucu perempuan dari anak lelaki dan seorang saudari perempuan sekandung, di mana Rasulullah (s.a.w) memutuskan bagi seorang anak perempuan mendapat 1/2, bagi cucu perempuan dari anak lelaki mendapat 1/6 sebagai penyempurnaan 2/3 dan selebihnya untuk seorang saudari perempuan. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 974).

Makna Hadith

Hadith ini menunjukkan bahawa bahagian saudari perempuan menjadi 'ashabah ketika bersanding dengan anak perempuan, di mana mereka mendapat sisa harta warisan setelah anak perempuan mengambil bahagiannya.

Analisis Lafaz

"فِي بِنْتٍ", pada warisan anak perempuan.

"لِلِابْنَةِ", kalimat ini menempati *rafa'* kerana menjadi *khabar muqaddam*. Asalnya adalah "النصف للإبنة" maksudnya mengambilnya.

Fiqh Hadith

Saudari perempuan yang bersanding dengan anak perempuan atau cucu perempuan dari anak lelaki menjadi 'ashabah *bil ghair*. Dia mendapat sisa harta warisan. Saudari perempuan bersama anak perempuan pada dasarnya menjadi 'ashabah.

١٧٥- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يَتَوَارَثُ أَهْلُ مِلَّتَيْنِ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ إِلَّا التِّرْمِذِيَّ. وَأَخْرَجَهُ الْحَاكِمُ بِلَفْظِ أُسَامَةَ. وَرَوَى النَّسَائِيُّ حَدِيثَ أُسَامَةَ بِهَذَا اللَّفْظِ.

175- Daripada Abdullah bin Amr (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak boleh mewarisi warisan antara dua orang pemeluk dua

agama yang berlainan." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Aba'ah kecuali al-Tirmidhi. Al-Hakim meriwayatkannya dengan lafaz hadith Usamah dan al-Nasa'i meriwayatkan hadith Usamah dengan lafaz ini: 975).

Makna Hadith

Hadith ini sama dengan makna hadith sebelumnya, tetapi ada sedikit tambahan, di mana menurut al-Auza'i dan sekumpulan ulama warisan terhalang kerana adanya perbezaan agama, baik antara sesama sesama Yahudi ataupun antara sesama Nasrani.

Analisis Lafaz

"مِلَّتَيْنِ", *al-millah* mengikut bahasa adalah syari'at atau agama.

Fiqh Hadith

1. Orang kafir tidak boleh mewarisi muslim.
2. Tidak ada warisan di antara pemeluk agama yang berlainan. Inilah pendapat al-Auza'i. Pendapat yang paling sahih menurut Imam al-Syafi'i bahawa sesama orang kafir boleh saling mewarisi antara satu sama lain. Inilah pendapat mazhab Hanafi, namun berbza dengan pendapat Imam Malik dan Imam Ahmad dalam satu riwayat. Menurut mazhab Syafi'i dan Imam Ahmad dalam satu riwayat, orang merdeka tidak mewairisi daripada orang zimmi. Ini juga pendapat Imam Abu Hanifah. Menurut al-Tsawri, Rabi'ah dan sekumpulan ulama yang lain, agama itu ada tiga kategori; Yahudi, Nasrani dan selain mereka (bukan Islam). Antara satu sama lain tidak boleh saling mewariskan harta warisan.

Penting

Ulama berbeza pendapat mengenai orang murtad. Menurut Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad, ketika dia mati, maka hartanya menjadi harta fai' bagi kaum muslimin.

Menurut Imam Malik, hartanya menjadi harta fai' kecuali dia menjadi murtad dengan niat agar hartanya diharamkan untuk diwarisi oleh ahli warisnya yang muslim. Demikian pula dengan kafir zindiq.

Menurut Imam Abu Hanifah, harta yang diperolehinya sebelum murtad menjadi hak ahli warisnya yang muslim sedangkan hasil usahanya setelah murtad menjadi hak milik baitul mal.

١٧٦- وَعَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَينٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنَّ ابْنَ ابْنِي مَاتَ، فَمَا لِي مِنْ مِيرَاثِهِ؟ فَقَالَ: لَكَ السُّدُسُ، فَلَمَّا وَلَّى دَعَاهُ، فَقَالَ: لَكَ سُدُسٌ آخَرُ، فَلَمَّا وَلَّى دَعَاهُ. فَقَالَ: إِنَّ السُّدُسَ الْآخَرَ طُعْمَةٌ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَهُوَ مِنْ رِوَايَةِ الْحَسَنِ الْبَصْرِيِّ عَنْ عِمْرَانَ، وَقِيلَ: إِنَّهُ لَمْ يَسْمَعْ مِنْهُ.

176- Daripada 'Imran bin Hushain (r.a), beliau berkata: "Ada seorang lelaki datang menghadap Rasulullah (s.a.w) seraya berkata: "Cucu lelaki dari anak lelaki saya meninggal dunia. Berapa warisan yang mesti aku dapatkan?" Baginda bersabda: "Kamu mendapat 1/6." Ketika lelaki berpaling hendak pulang, baginda memanggilnya seraya bersabda: "Kamu mendapat 1/6 lagi." Ketika lelaki itu berpaling hendak pulang, baginda memanggilnya seraya bersabda: "Sesungguhnya 1/6 lagi adalah tambahan." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah, dinilai sahih oleh al-Tirmidhi daripada riwayat al-Hasan al-Bashri daripada 'Imran, namun ada ulama yang mengatakan bahawa al-Hasan al-Bashri tidak pernah mendengarnya daripada 'Imran: 976).

Makna Hadith

Qatadah periwayat hadith ini daripada al-Hasan daripada 'Imran pada bahagian akhir hadith berkata: "Mereka tidak mengetahui berapakah bahagian waris seorang datuk itu terhadap harta cucunya." Diriwayatkan oleh Abu Dawud.

Soalan ini mempunyai tujuan tersendiri, tetapi ulama bersepakat bahawa datuk apabila bersama dua anak si mayat, maka dia mewarisi 1/6 terlebih dahulu, kemudian dia mewarisi 1/6 lagi kerana kedudukannya sebagai 'ashbah. Oleh itu, Rasulullah (s.a.w) memisahkan antara 2/6 dalam warisan agar seseorang tidak mengira datuk memperoleh seperti 2/3 dalam keadaan seperti ini.

Analisis Lafaz

"وَلَّى", pergi berpaling.

"طُعْمَةٌ", tambahan ke atas bahagian yang yang telah ditentukan dalam warisan. Datuk mendapatkannya sebagai 'ashabah.

"إِنَّهُ", yakni al-Hasan.

"مِنْهُ", yakni 'Imran bin al-Hushain.

Fiqh Hadith

1. Datuk apabila bersama dua anak perempuan mendapat bahagian 1/3; setengah daripada bahagian itu ditentukan secara fara'idh dan setengah daripada bahagian itu ditentukan secara 'ashabah.
2. Disunatkan untuk menentukan bahagian warisan dengan jelas.

١٧٧- وَعَنِ ابْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَعَلَ لِلْجَدَّةِ السُّدُسَ إِذَا لَمْ يَكُنْ دُونَهَا أُمٌّ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ الْجَارُودِ، وَقَوَّاهُ ابْنُ عَدِيٍّ.

177- Daripada Ibn Buraidah daripada ayahnya bahawa Rasulullah (s.a.w) memberi bahagian 1/6 untuk nenek perempuan apabila si mayat tidak mempunyai ibu." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i, dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah dan Ibn al-Jarud, diniai kuat oleh Ibn 'Adi: 977).

Makna Hadith

Hadith ini menjelaskan bahagian nenek yang tidak disertai ibu, di mana bahagiannya ditetapkan 1/6.

Analisis Lafaz

"جَعَلَ", menetapkan dan menjadikan.

"لِلْجَدَّةِ", sama ada dia ibunya ibu atau ibunya ayah.

Fiqh Hadith

Bahagian nenek 1/6 secara mutlak jika tidak ada ibu. Jika ada dua orang nenek, mereka berkongsi dengan bahagian 1/6 ini demikian pula jika nenek lebih daripada dua orang. Jika kedudukan mereka berbeza, maka yang mendapat warisan adalah yang terdekat dengan si mayat.

١٧٨- وَعَنْ الْمِقْدَامِ بْنِ مَعْدِي كَرِبَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْخَالُ وَارِثُ مَنْ لَا وَارِثَ لَهُ". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ سِوَى التِّرْمِذِيِّ، وَحَسَّنَهُ أَبُو زُرْعَةَ الرَّازِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

178- Daripada al-Miqdam bin Ma'di Kariba (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Pak cik dari sebelah ibu menjadi ahli waris jika tidak ada ahli waris yang selain dirinya." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah selain al-Tirmidhi, dinilai hasan oleh Abu Zur'ah al-Razi, dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim: 978)

Makna Hadith

Sebelum ini telah dibahas ketentuan bahagian ahli waris sama ada dzawil faraid ataupun 'ashabah. Di sini dibahas pula dzawil arham. Adakah dzawil arham seperti pakcik sebelah ibu boleh mendapatkan harta warisan ketika tidak ada 'ashabah dan dzawil faraid? Hadith ini mengatakan dzawil arham boleh mendapatkan warisan apabila tidak ada lagi ahli waris.

Analisis Lafaz

"لَا وَارِثَ لَهُ", tidak ada ahli waris baik dzawil faraid mahupun 'ashabah.

Fiqh Hadith

Pak cik sebelah ibu mendapatkan warisan ketika tidak ada ahli waris sama ada dzawail faraid mahupun 'ashabah, seperti pak cik sebelah ibu.

Ulama berbeza pendapat mengenai mereka boleh mendapatkan warisan ataupun sebaliknya. Menurut Ali, Ibn Mas'ud, Ibn Abbas dalam pendapat yang masyhur, Mu'adz dan Abu 'Ubaidah, dzawail arham boleh mendapat waris ketika tidak ada ahli waris.

Namun Zaid dan Ibn Abbas dalam pendapat yang lain mengatakan dzawil arham tidak boleh mendapatkan warisan ketika tidak ada ahli waris.

Menurut Imam Abu Hanifah dan Imam Ahmad pula, dzawil arham boleh mendapatkan warisan ketika tidak ada ahli waris. Namun al-Tsawri, Imam Malik dan Imam al-Syaf'i tidak membolehkannya. Ulama yang tidak membolehkan dzawil arham mendapatkan warisan berdalil dengan hadith-hadith yang mengatakan bahawa pak cik sebelah bapa dan pak cik sebelah ibu tidak berhak mendapatkan harta warisan. Hadith ini masih dipertikai namun ulama itu malah membuat banyak andaian dan takwilan yang cenderung diada-adakan.

Penting

Ulama yang mengatakan dzawail arham boleh mendapatkan harta warisan berbeza pendapat mengenai susunan mereka mendapatkan warisan. Jumhur ulama berpendapat bahawa mereka mendapatkan warisan mengikut kedudukan mereka dalam susunan keluarga di mana yang terdekat lebih berhak mendapatkannya berbanding yang jauh.

Muwaffiquddin dalam kitab al-Mughni berkata: “Ada sebelah orang yang dikategorikan sebagai dzawil arham, iaitu:

1. Cucuk lelaki dari anak perempuan atau cucuk perempuan dari anak perempuan.
2. Anak saudari perempuan baik sekandung atau seayah.
3. Anak perempuan saudara lelaki meskipun seayah.
4. Anak perempuan pak cik sebelah bapa meskipun seayah.
5. Anak cucu ibu sama ada lelaki mahupun perempuan.
6. Pak cik sebelah ayah sama ada pak cik si mati, pak cik ayahnya atau pakcik datuknya.
7. Mak cik sebelah ayah si mati atau mak cik ayahnya atau mak cik datuknya.
8. Pak cik atau makcik sebelah ibu.
9. Seluruh nenek tak kira dari sebelah mana pun.
10. Setiap keluarga yang ada pertalian dengan mak cik sebelah dan makcik sebelah ibu.

١٧٩- وَعَنْ أَبِي أُمَامَةَ بْنِ سَهْلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ : كَتَبَ مَعِي عُمَرُ إِلَى أَبِي عُبَيْدَةَ - رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ- أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "اللهُ وَرَسُولُهُ مَوْلَى مَنْ لَا مَوْلَى لَهُ، وَالْخَالُ وَارِثُ مَنْ لَا وَارِثَ لَهُ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ سِوَى أَبِي دَاوُدَ، وَحَسَّنَهُ التِّرْمِذِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

179- Daripada Umamah bin Sahl (r.a), beliau berkata: “‘Umar (r.a) pernah mengirim sepucuk surat kepadaku untuk diserahkan kepada Abu Ubaidah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda: “Allah dan Rasul-Nya menjadi mawla bagi orang yang tidak memiliki mawla dan pakcik dari sebelah ibu menjadi ahli waris ketika tidak ada lagi ahli waris yang lain.” (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba’ah selain Abu Dawud, dinilai hasan oleh al-Tirmidhi dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 979)

١٨٠- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا اسْتَهَلَّ الْمَوْلُودُ وُرِّثَ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

180- Daripada Jabir (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), beliau bersabda: "Jika bayi yang baru dilahirkan mengeluarkan suara, maka dia sudah berhak mendapat waris." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 980).

Makna Hadith

Sebelum ini telah dijelaskan bahawa anak yang mati keguguran apabila bersuara hendaklah dimandikan dan dikafankan, kemudian disolatkan dan berlaku ke atasnya hukum waris. Hadith ini datang untuk menguatkan pendapat Ibn Hajar dalam maslaah ini.

Analisis Lafaz

"اسْتَهَلَّ", bayi yang menangis ketika dilahirkan menurut Ibn al-Atsir. Maksudnya ia hidup ketika dilahirkan dengan adanya tanda menangis dan gerakan.

Fiqh Hadith

Jika bayi yang lahir itu menangis, maka dia berhak mendapat harta warisan menurut pendapat Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah. Menurut Imam Malik dan Imam Ahmad pula dia tidak mewarisi dan tidak pula diwarisi sebelum disusui oleh ibunya.

Penting

Ulama berbeza pendapat jika tangisan bayi itu disampaikan oleh seorang saksi yang adil. Imam al-Syafi'i melarangnya dan mesti disaksikan oleh empat orang saksi bagi memastikan tangisannya itu.

١٨١- وَعَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَيْسَ لِلْقَاتِلِ مِنَ الْمِيرَاثِ شَيْءٌ". رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَالدَّارَقُطْنِيُّ، وَقَوَّاهُ ابْنُ عَبْدِ الْبَرِّ، وَأَعَلَّهُ النَّسَائِيُّ، وَالصَّوَابُ وَقْفُهُ عَلَى عَمْرٍو.

181- Daripada Amr bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya, beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Pembunuh tidak boleh mendapat harta waris sama sekali daripada orang yang dibunuhnya." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i, al-Daruquthni, dinilai kuat oleh Ibn Abdul Barr dan dinilai ma'lul oleh al-Nasa'i. Apa yang benar, hadith ini mawquf kepada 'Amr: 981).

Makna Hadith

Ulama menyebutkan satu kaedah yang mengatakan barang siapa yang mempercepat sesuatu sebelum waktunya, maka dia ditegah daripada memperolehinya.

Barang siapa yang mengamalkan kaedah fiqh ini tentu dia memahami maksud hadith di atas, di samping mengetahui alasan yang terdapat di dalamnya.

Analisis Lafaz

"وَأَعَلَّهُ النَّسَائِيُّ", al-Nasa'i menilai hadith cacat kerana ia mawquf dan inilah yang lebih tepat, tetapi hadith ini mempunyai *syahid* yang cukup banyak.

Fiqh Hadith

Pembunuh tidak boleh mendapatkan harta warisan, sama ada pembunuhan dilakukan secara sengaja atau dilakukan kerana tersilap. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i, Imam Abu Hanifah dan jumhur ulama. Bagi mereka, ia tidak mewarisi, baik dari harta yang diperoleh darpada diyat mahupun harta si mati.

Menurut Imam Maliki dan sekumpulan ulama, jika pembunuhan itu dilakukan kerana tersilap, maka dia mewarisi harta si mati dan tidak mewarisi harta yang diperoleh daripada diyat.

١٨٢- وَعَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اَللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "مَا أَحْرَزَ الْوَالِدُ أَوْ الْوَلَدُ فَهُوَ لِعَصَبَتِهِ مَنْ كَانَ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَه، وَصَحَّحَهُ ابْنُ الْمَدِينِيِّ وَابْنُ عَبْدِ الْبَرِّ.

182- Daripada Umar bin al-Khatthab (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Hasil yang diperoleh oleh ayah atau anak adalah milik ahli waris yang mendapatkan bahagian ashabah, siapa pun orangnya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Nasa'i dan Ibn

Majah, dinilai sahih oleh Ibn al-Madini dan Ibn Abdul Barr: 982).

Makna Hadith

Hadith ini memiliki sambungan dalam Sunan Abu Dawud yang lengkapnya adalah sebagai berikut: "Ri'ab bin Hudzaifah berkahwin dengan seorang perempuan yang kemudian melahirkan tiga orang anak perempuan. Ibu mereka kemudian mati dan mereka memperoleh harta warisan daripadanya; harta dan wala' mawalinya. 'Amr bin al-'Ash menjadi 'ashabah di antara mereka. Ketiga-tiga anak itu kemudian diberangkatkan ke negeri Syam lalu mereka mati di negeri itu. 'Amr bin al-'Ash pun datang mendapat mawalnya pun turut meninggal dunia dengan meninggalkan harta miliknya. Saudarnya kemudian membawa kes ini kepada 'Umar bin al-Khatthab dan 'Umar berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Hasil yang diperoleh oleh ayah atau anak adalah milik ahli waris yang mendapatkan bahagian ashabah, siapa pun orangnya."

Zahir hadith menceritakakn tentang orang yang memerdekakan hamba, apakah dia berhak ke atas harta warisan orang yang dimerdekakannya ataupun tidak?

Analisis Lafaz

"أَحْرَزَ", sesuatu yang menjadi haknya.

"لِعَصَبَتِهِ", orang yang mengambil baki harta warisan dzawil furudh.

Fiqh Hadith

Wala' (orang yang memerdekakan) tidak mendapat bahagian harta warisan. Ulama berbeza pendapat dalam masalah ini.

Menurut al-Mawardi, salah seorang ulama mazhab Syafi'i, jika tidak ada 'ashabah atau dzawil furudh yang mengambil semua harta warisan, maka orang yang memerdekakan berhak ke atas 'ashabah setelah masing-masing dzawil furud mengambil bahagiannya. Dia hendaklah diutamakan ke atas dzawil arham, namun ada satu riwayat daripada Umar, Ibn Mas'ud, Ibn Abbas, Mu'adz bin Jabal, di mana mereka mendahulukan dzawil arham untuk mendapatkan harta warisan kemudian barulah disusuli orang yang memerdekakan hamba. Jika tidak ada ahli waris yang lain, maka *wila'* menduduki sebagai 'ashabah.

Menurtu al-Shan'ani, perbezaan pendapat ini menjali jelas kelihatan ketika seseorang memerdekakan hamba, kemudian lelaki itu meninggal dunia dan meninggalkan dua orang saudara lelaki atau dua orang anak lelaki, kemudian salah seorang anak meninggal dunia dan meninggalkan seorang anak lelaki, atau salah seorang saudara lelaki meninggal dunia dan

meninggal satu orang anak lelaki.

Menurut pendapat yang mengatakan membolehkan mewarisi *wala'*, maka anak dan cucu lelaki sama-sama mewarisi atau saudara dengan anaknya saling mewarisi, namun mengikut pendapat yang tidak membolehkan *wala'* mewarisi, maka warisan menjadi milik anak lelaki seorang diri.

١٨٣- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْوَلَاءُ لُحْمَةٌ كَلُحْمَةِ النَّسَبِ، لَا يُبَاعُ وَلَا يُوهَبُ". رَوَاهُ الْحَاكِمُ مِنْ طَرِيقِ الشَّافِعِيِّ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ الْحَسَنِ عَنْ أَبِي يُوسُفَ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ، وَأَعَلَّهُ الْبَيْهَقِيُّ.

183- Daripada Abdullah bin Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Wala' itu adalah satu pertalian daging yang sama seperti pertalian daging keturunan, dia tidak dijual dan tidak boleh dihibahkan." (Diriwayatkan oleh al-Hakim daripada jalur al-Syafi'i daripada Muhammad bin al-Hasan daripada Abu Yusuf. Dinilai shih oleh Ibn Hibban dan dinilai ma'lul oleh al-Baihaqi: 983).

Hadith ini telah dijelaskan dalam bab jual beli sementara masalah waris juga telah dibahas sebelumnya.

١٨٤- وَعَنْ أَبِي قِلَابَةَ عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَفْرَضُكُمْ زَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ سِوَى أَبِي دَاوُدَ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ، وَأُعِلَّ بِالْإِرْسَالِ.

184- Daripada Abu Qilabah daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Pakar faraid paling hebat di antara kamu adalah Zaid bin Tsabit." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah selain Abu Dawud, dinilai sahih oleh al-Tirmidhi, Ibn Hibban dah al-Hakim. Hadith dinilai cacat kerana mursal: 984)

Inti pati hadith ini menegaskan bahawa Zaid bin Tsabit merupakan pakar faraid dan setiap permasalahan dalam ilmu daraid hendaklah merujuk kepadanya, kerana Rasulullah (s.a.w) telah pun mengakui kepakarannya. Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama fiqh memilih pendapat Zaid bin Tsabit dalam setiap permasalahan yang terjadi dalam ilmu faraid. Al-Hafiz Ibn Hajar menegaskan bahawa ulama berbeza pendapat sama hadith ini *mawshul* atau sebaliknya.

Soalan

1. Apakah yang dimaksudkan dengan faraid?
2. Sebutkan ketetapan faraid yang telah disebutkan di dalam al-Quran?
3. Siapakah orang pertama yang berhak mengambil harta warisan?
4. Apakah faktor yang menyebabkan seseorang yang berhak memperoleh hak waris?
5. Siapakah ahli waris itu?
6. Siapakah dari kalangan ahli waris yang tidak pernah terhalang oleh keberadaan sesiapa pun?
7. Sebutkan kumpulan ahli waris?
8. Bolehkah muslim mewarisi orang kafir?
9. Apakah hukum anak perempuan apabila bersama dengan saudara perempuan?
10. Bincangkan maksud hadith "لا يتوارث أهل ملتين"?
11. Bincangkan mengenai waris orang murtad?
12. Bagaimanakah warisan datuk ketika bersama dengan dua orang anak perempuan?
13. Berapakah bahagian nenek dan apakah syarat yang membolehkannya mengambil bahagiannya?
14. Bolehkah dzawail arham boleh mewarisi menurut pendapat ulama fiqh dan apa pula dalilnya?
15. Siapakah dzawil arham itu dan senaraikan?
16. Apakah yang dimaksudkan dengan sabda Rasulullah (s.a.w): "إذا استهل المولود ورث"? Bagaimana pula pendapat ulama fiqh dalam masalah ini?
17. Bolehkah pembunuh mewarisi harta orang yang dibunuh?
18. Bincangkan tentang hak waris *wila'*?
19. Siapakah di antara sahabat yang paling pakar dalam ilmu fara'idh?

BAB WASIAT

Al-Washaya jamak *washiyyah* seperti *Hadaya* jamak *Hadiyyah*.

Menurut syari'at pula adalah janji yang disandarkan setelah kematian. Ia juga bermaksud larangan daripada melakukan apa-apa yang dilarang oleh Allah dan menyuruh apa yang disuruh-Nya.

١٨٥- عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَا حَقُّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ لَهُ شَيْءٌ يُرِيدُ أَنْ يُوصِيَ فِيهِ يَبِيتُ لَيْلَتَيْنِ إِلَّا وَوَصِيَّتُهُ مَكْتُوبَةٌ عِنْدَهُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

185- Daripada Ibn Umar (r.a), bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Hak seorang muslim yang memiliki sesuatu lalu ingin berwasiat dan sudah berlalu dua malam, maka wasiatnya mesti sudah ditulis di sisinya." (Muttafaq 'alaihi: 985).

Makna Hadith

Allah telah bersedekah kepada orang-orang muslim di mana mereka diberikan hak untuk membelanjakan dan mewasiatkan 1/3 hartanya walaupun setelah mereka meninggal dunia, bahkan mereka diberi ganjaran pahala di atas kesediaannya berbuat demikian.

Rasulullah (s.a.w) yang sememangnya bersifat pengasih kepada orang muslim sentiasa merasa khuatir jika orang mukmin kehilangan keutamaan dan pahala ini, lalu baginda menyuruh supaya wasiat itu ditulis.

Analisis Lafaz

"مَا حَقُّ", huruf "ما" adalah nafi yang bermaksud tidak, sementara "حق" adalah isimnya dan khabar "ما" setelah "إلا" dan huruf "*waw* " tambahan

kerana adanya pemisah, iaitu huruf "إلا".

Menurut Imam al-Syafi'i, makna perkataan ini adalah kehati-hatian hendaklah dimiliki oleh setiap muslim.

Pendapat lain mengatakan secara bahasa makna *al-haqq* adalah sesuatu yang tetap. Menurut syari'at pula adalah sesuatu yang telah ditetapkan oleh hukum syari'at. Ketetapan hukum masih bersifat umum, kerana merangkumi wajib, mubah atau haram.

"مُسْلِمٍ", sebahagian riwayat tidak memuatkan kalimat ini.

Menurut Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari, perkataan muslim di sini sekadar menunjukkan kebiasaan, kerana orang kafir juga dibolehkan berwasiat. Malah Ibn al-Mundzir mendakwa adanya ijma' ulama dalam masalah ini. Namun al-Subuki membantah adanya ijma' dalam masalah orang kafir boleh berwasiat kerana wasiat merupakan salah satu bentuk tambahan amal soleh, sementara tidak ada amal soleh bagi orang kafir.

Bagi pensyarah kitab ini pula, perkataan muslim di sini tidak hanya sekadar menunjukkan kebiasaan, kerana wasiat hanya boleh dilakukan oleh orang muslim bukan orang yang selainnya.

"يُرِيدُ أَنْ يُوصِيَ", dalam beberapa riwayat kalimat "يريد" dihapus.

"يَبِيتُ", ada kalimat tambahan dalam kalimat ini iaitu "أن".

"لَيْلَتَيْنِ", dalam sebahagian riwayat disebutkan "ليلة" sedangkan dalam riwayat lain disebutkan "ثلاث ليال".

Menurut al-Thibi, pengkhususan ini merupakan satu penekanan. Dengan erti kata lain, tidak sepatutnya bermalam selama beberapa waktu yang lama, namun kami memberi keringanan selama dua sampai tiga malam dan tidak sepatutunya lebih daripada itu.

Fiqh Hadith

Dianjurkan berwasiat. Ini merupakan ijma' ulama, tetapi mereka berbeza pendapat sama ada ia wajib atau sebaliknya. Menurut jumhur ulama, hukumnya sunat. Menurut Abu Dawud, mazhab Zahiri, Imam al-Syafi'i dalam mazhab qadim, hukum wasiat adalah wajib. Ini juga pendapat al-Zuhri, Atha', Ishaq, al-Isfiraini dan Ibn Jarir.

Apakah wasiat mesti mempunyai saksi? Menurut sebahagian ulama mazhab Syafi'i, saksi dikhususkan kepada wasiat, tetapi boleh berpegang dengan apa yang tertulis walaupun tanpa saksi. Dalilnya adalah sabda Rasulullah (s.a.w): "maka wasiatnya mesti sudah ditulis di sisinya."

Menurut jumhur ulama, maksud "ditulis" dalam hadith ini adalah saksi. Dalilnya adalah firman Allah:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ شَهَـٰدَةُ بَيۡنِكُمۡ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ ٱلۡمَوۡتُ حِينَ ٱلۡوَصِيَّةِ ٱثۡنَانِ ذَوَا عَدۡلٍ مِّنكُمۡ أَوۡ ءَاخَرَانِ مِنۡ غَيۡرِكُمۡ إِنۡ أَنتُمۡ ضَرَبۡتُمۡ فِى ٱلۡأَرۡضِ فَأَصَـٰبَتۡكُم مُّصِيبَةُ ٱلۡمَوۡتِۚ ..... ﴿١٠٦﴾

"*Wahai orang-orang yang beriman! Apabila salah seorang di antara kamu hampir mati, ketika (ia mahu) berwasiat, hendaklah wasiatnya itu disaksikan oleh dua orang yang adil di antara kamu, atau dua orang lain (yang bukan seugama) dengan kamu, jika kamu dalam pelayaran di muka bumi lalu kamu ditimpa bencana sakit yang membawa maut…*" (Surah al-Ma'idah: 106)

Penting

Ulama berbeza pendapat mengenai hukum wasiat, apakah ia diwajibkan atau tidak? Kebanyakan ulam mewajibkannya, namun Thawus, al-Hasan, Qatadah dan yang lain berpendapat bahawa wasiat diwajibkan kepada kerabat yang tidak mendapat harta warisan secara khusus. Pendapat ini dinukil daripada Ibn Jarir.

Bagi mereka, jika seseorang berwasiat kepada selain kerabatnya, maka wasiatnya itu tidak sah dan sepertiga wasiat itu dikembalikan kepada kerabatnya. Pada pensyarah kitab ini, pendapat yang benar adalah pendapat ulama yang mengatakan wasiat diperuntukkan kepada orang yang tidak mendapat harta warisan yang telah ditentukan oleh syari'at.

Penting

Ulama berbeza pendapat apakah Rasulullah (s.a.w) pernah berwasiat?

Pendapat yang benar menegaskan Rasulullah (s.a.w) pernah berwasiat dan ulama yang mengatakan bahawa Rasulullah (s.a.w) tidak pernah berwasiat, maka orang itu memiliki pengetahuan yang sedikit tentang Rasulullah (s.a.w).

Dalam satu hadith sahih riwayat Muslim daripada Ibn Abbas bahawa Rasulullah (s.a.w) berwasiat dengan tiga perkara… Dalam riwayat Imam Ahmad, al-Nasa'i dan Ibn Sa'id daripada hadith Anas bahawa wasiat Rasulullah (s.a.w) ketika menjelang wafatnya adalah jagalah solat dan hamba kamu.

١٨٦- وَعَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَنَا ذُو مَالٍ وَلَا يَرِثُنِي إِلَّا ابْنَةٌ لِي وَاحِدَةٌ، أَفَأَتَصَدَّقُ بِثُلُثَيْ مَالِي؟ قَالَ: لَا، قُلْتُ: أَفَأَتَصَدَّقُ بِشَطْرِهِ؟ قَالَ: لَا، قُلْتُ: أَفَأَتَصَدَّقُ بِثُلُثِهِ؟ قَالَ: الثُّلُثُ، وَالثُّلُثُ كَثِيرٌ، إِنَّكَ أَنْ تَذَرَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَذَرَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُونَ النَّاسَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

186- Daripada Sa'ad bin Abu Waqqash (r.a), beliau berkata: "Saya bertanya: "Wahai Rasulullah, saya seorang hartawan dan pewarisnya hanyalah seorang anak perempuan saya. Bolehkah saya menyedekahkan 2/3 harta saya?" Baginda menjawab: "Tidak boleh." Saya bertanya: "Bolehkah saya menyedekahkan 1/2 harta milik saya?" Baginda menjawab: "Tidak boleh." Saya bertanya: "Bolehkah saya menyedekahkan 1/3?" Baginda menjawab: "1/3, dan itu sudah banyak. Sesungguhnya kamu meninggalkan ahli warismu kaya raya lebih baik daripada kamu tinggalkan mereka fakir miskin meminta-minta kepada orang lain." (Muttafaq alaihi: 986).

Makna Hadith

Ketika seseorang dibolehkan berwasiat, maka harus ditetapkan batas jumlah wasiat yang dibolehkan supaya hartanya tidak habis untuk orang lain.

Selain itu, ia bertujuan agar tidak menjadikan ahli warisa terhalang daripada menerima haknya, kerana setiap orang memiliki hak yang sama termasuk ahli waris.

Itulah sebabnya dalam hadith ini wasiat dibatasi hanya 1/3 dari jumlah keseluruhan harta, bahkan hadith ini menganjurkan bahwa apa yang terbaik adalah tidak sampai mengeluarkan wasiat 1/3 dari jumlah harta, kerana para sahabat Rasulullah (s.a.w) hanya mengeluarkan wasiat 1/4 sahaja.

Analisis Lafaz

"شَطْرِهِ", separuhnya.

"أَنْ", dengan membaca *fathah* huruf *hamzah* sebagai jawapan ke atas kalimat "خير".

"تَذَرَ", kamu tinggalkan.

"عَالَةً", jamak "عائلة" yakni fakir.

"يَتَكَفَّفُونَ", meminta-minta kepada orang lain dengan menengadahkan telapak tangan.

Fiqh Hadith

1. Larangan mengeluarkan wasiat melebihi 1/3 dari jumlah keseluruhan harta. Inilah ijma' ulama. Ulama berbeza pendapat, apakah lebih baik mengeluarkan wasiat 1/3 atau lebih kecil lagi? Menurut Ibn Abbas, Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama, lebih baik mewasiatkan kurang daripada 1/3 jumlah keseluruhan harta. Abu Bakar berwasiat 1/5 daripada jumlah keseluruhan hartanya sedangkan Umar pula hanya mewasiatkan 1/4 daripada jumlah keseluruhan hartanya. Pendapat lain mengatakan bahawa apa yang dianjurkan adalah 1/3 daripada jumlah keseluruhan hartanya yang ditinggalkan.
2. Orang kaya lebih afdhal daripada orang miskin selagi mereka menggunakan harta mereka sesuai dengan ajaran syari'at Islam.

١٨٧- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَجُلاً أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: يَا رَسُولَ اللهُ، إِنَّ أُمِّي أُفْتُلِتَتْ نَفْسُهَا وَلَمْ تُوصِ، وَأَظُنُّهَا لَوْ تَكَلَّمَتْ تَصَدَّقَتْ، أَفَلَهَا أَجْرٌ إِنْ تَصَدَّقْتُ عَنْهَا؟ قَالَ: نَعَمْ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

187- Daripada Aisyah (r.a) bahawa ada seorang lelaki datang menghadap Rasulullah (s.a.w) lalu bertanya: "Wahai Rasulullah, ibuku meninggal dunia secara mengejut dan tidak sempat berwasiat. Saya kira jika dia sempat berbicara, dia akan bersedekah. Apakah dia berpahala jika aku bersedakah untuk dia?" Baginda bersabda: "Ya." (Muttafaq 'alaih, lafaz hadith riwayat Muslim: 987).

Makna Hadith

Pembahasan masalah ini telah disebutkan dalam dua tempat; pertama, di akhir bab jenazah; kedua, di awal bab wakaf. Al-Bukhari telah membuat satu bab mengenai masalah ini dengan judul, bab; apa yang disunatkan bagi orang yang mati mengejut supaya bersedekah.

Analisis Lafaz

"اُفْتُلِتَتْ", mengejut.

"نَفْسُهَا", ruhnya, maksudnya adalah dia meninggal dunia.

Fiqh Hadith

Pahala sedekah yang dilakukan oleh seorang anak sampai kepada si mati.

١٨٨- وَعَنْ أَبِي أُمَامَةَ الْبَاهِلِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "إِنَّ اللهَ قَدْ أَعْطَى كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ، فَلَا وَصِيَّةَ لِوَارِثٍ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ إِلَّا النَّسَائِيَّ، وَحَسَّنَهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ، وَقَوَّاهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ الْجَارُودِ.

188- Daripada Abu Umamah al-Bahili (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya Allah telah memberi hak kepada setiap orang yang berhak ke atasnya. Oleh itu, tidak sah wasiat kepada ahli waris." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah selain al-Nasa'i, dinilai hasan oleh Imam Ahmad dan al-Tirmidhi, dinilai kuat oleh Ibn Khuzaimah dan Ibn al-Jarud: 988).

١٨٩- وَرَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا، وَزَادَ فِي آخِرِهِ: "إِلَّا أَنْ يَشَاءَ الْوَرَثَةُ". وَإِسْنَادُهُ حَسَنٌ.

189- Hadith ini turut diriwayatkan oleh al-Daruquthni daripada hadith Ibn Abbas (r.a) dan pada bahagian akhir ditambahkan: "... kecuali ahli waris bersetuju dengannya (wasiat itu)." (Sanadnya hasan: 989).

Makna Hadith

Ketika Allah menetapkan setiap bahagian ahli waris, maka orang yang hendak meninggal dunia dilarang berwasiat dengan memberikan harta warisan kepada ahli warisnya. Di sini Islam datang untuk menjelaskan permasalahan ini, di mana dilarang memberikan wasiat kepada ahli waris.

Analisis Lafaz

"ذِي حَقٍّ", yang mempunyai hak warisan.

"فَلَا وَصِيَّةَ", daripada hartanya.

"وَارِثٍ", orang yang mempunyai bahagian tertentu daripada harta yang ditinggalkan si mati.

"وَحَسَّنَهُ أَحْمَدُ", hadith ini dengan seluruh jalur dan *syahid* yang sedia ada tidak menyebabkannya turun daripada kedudukan sahih, kerana ia diriwayatkan daripada sekumpulan sahabat yang antara lain adalah Amr bin Kharijah dalam Sunan al-Tirmidhi dan al-Nasa'i; Anas bin Malik dalam Sunan Ibn Majah; Abdullah bin 'Amr dalam Sunan al-Daruquthni; Jabir dalam Sunan al-Daruquthni; Ali dalam Mushannaf Ibn Abu Syaibah. Meskipun sanad-sanad hadith ini tidak terlepas daripada kritkan, namun

keseluruhannya menujukkan ia hadith sahih, malah ada yang mengatakan ia hadith mutawatir.

"إِلَّا أَنْ يَشَاءَ الْوَرَثَةُ", melainkan diizinkan ahli waris untuk berbuat demikian.

Fiqh Hadith

1. Dilarang berwasiat kepada ahli waris menurut jumhur ulama, meskipun ada sebahagian kecil yang mengingkari pendapat ini.
2. Dibolehkan berwasiat kepada ahli waris jika mereka mengizinkan berbuat demikian. Ulama berbeza pendapat dalam masalah ini, sementara Imam al-Syafi'i memiliki dua pendapat dalam hal ini.

Penting

Ulama berbeza pendapat jika orang yang sakit menetapkan hartanya kepada ahli waris. Keadaan seperti ini dibolehkan oleh al-Auza'i dan sekumpulan ulama secara mutlak.

Namun menurut Imam Ahmad, orang yang sakit tidak dibolehkan menetapkan hartanya sedikit pun kepada ahli waris.

١٩٠- وَعَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ اللهَ تَصَدَّقَ عَلَيْكُمْ بِثُلُثِ أَمْوَالِكُمْ عِنْدَ وَفَاتِكُمْ زِيَادَةً فِي حَسَنَاتِكُمْ". رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ.

190- Daripada Mu'adz bin Jabal (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya Allah mengizinkan kepadamu untuk menyedekahkan 1/3 dari hartamu ketika kamu hendak meninggal dunia untuk menambahkan lagi amal kebaikanmu." (Diriwayatkan oleh al-Daruquthni: 990).

١٩١- وَأَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَالْبَزَّارُ مِنْ حَدِيثِ أَبِي الدَّرْدَاءِ.

191- Hadith ini turut diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Bazzar daripada hadith Abu al-Darda': 991).

١٩٢- وَابْنُ مَاجَه مِنْ حَدِيثِ أَبِي هُرَيْرَةَ. وَكُلُّهَا ضَعِيفَةٌ، لَكِنْ قَدْ يَقْوَى بَعْضُهَا بِبَعْضٍ. وَ اللهُ أَعْلَمُ.

192- Begitu pula Ibn Majah daripada hadith Abu Hurairah (r.a). Kesemua hadith daif tetapi satu sama lain saling menguatkan. *Wallahu a'lam*. (992).

Makna Hadith

Pada awal bab ini dianjurkan untuk berwasiat, maka di sini disebutkan pula mengenai keutamaannya.

Analisis Lafaz

"وَكُلُّهَا ضَعِيفَةٌ", kerana di dalam sanad Mu'adz terdapat Isma'il bin 'Ayyasy daripada gurunya yang bernama 'Utbah bin Humaid.

Dalam sanad Abu al-Darda' pula terdapat Abu Bakar bin Abu Maryam, seorang periwayat daif, manakala Dhamrah pula tidak pernah mendengar hadith ini daripada Abu al-Darda'.

Dalam sanad Anas terdapat Sulaiman bin Salim al-Harrani juga seorang periwayat daif.

Fiqh Hadith

1. Disyariatkan berwasiat 1/3 dari jumlah keseluruhan harta, baik hartanya itu sedikit mahupun banyak.
2. Pembayaran hutang hendaklah didahulukan, kemudian dikeluarkan 1/3 sisa hartanya sebagai wasiat. Dalilnya adalah sabda Rasulullah (s.a.w): "Dengan 1/3 harta kamu." Ini kerana hutang tidak termasuk harta yang berwasiat. Ini disokong oleh hadith daif daripada Ali di mana al-Tirmidhi berkata: "Inilah pegangan ulama."

Soalan

1. Apakah yang dimaksudkan dengan wasiat?
2. Apakah hukum berwasiat dan adakah disyaratkan saksi padanya?
3. Pernakah Rasulullah (s.a.w) berwasiat dan sokonglah dengan dalil jawapanmu itu?
4. Bolehkah berwasiat melebihi 1/3 harta dan apakah yang disunatkan dalam masalah ini mengikut pendapat ulama fiqh?
5. Bolehkah berwasiat kepada ahli waris?
6. Apakah yang mesti didahulukan sebelum menyisihkan wasiat?

BAB BARANG AMANAH (*WADI'AH*)

Wadi'ah adalah benda atau barang yang diamanahkan oleh pemilik harta dan wakilnya untuk dijagakan oleh orang lain.

Hukumnya sunat bagi orang yang mampu menjaganya, bahkan kadang kala hukumnya menjadi wajib jika tidak ada lagi yang mampu untuk menjaganya, apatah lagi jika harta tersebut bakal rosak jika tidak ada yang mahu menjaganya.

١٩٣- عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ أُودِعَ وَدِيعَةً، فَلَيْسَ عَلَيْهِ ضَمَانٌ". أَخْرَجَهُ ابْنُ مَاجَه، وَإِسْنَادُهُ ضَعِيفٌ.

193- Daripada Amr bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Barang siapa dititipkan sesuatu barang, maka tidak ada kewajipan baginya untuk mengganti rugi." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan sanadnya daif: 993).

Makna Hadith

Orang yang berpesan untuk dijaga barangnya, biasanya memilih orang yang adil dan jujur. Orang seperti inilah yang mampu menjaga amanah itu dan oleh kerananya, tidak boleh memberikan beban ganti rugi terhadap kerosakan amanah ke atasnya.

Jika diwajibkan membayar ganti rugi ke atas penerima amanah itu, maka ada kemungkinan dia enggan menerima barang amanah itu kerana khuatir hilang atau rosak dan oleh kerananya, Islam tidak mewajibkan ganti rugi ke atas penerima amanah barang.

Analisis Lafaz

"أُودِعَ",*mabni li al-majhul,* dia diberi titipan kemudian dia menerimanya.

"ضَمَانٌ", denda sesuai dengan harga kerosakan amanah.

"وَإِسْنَادُهُ ضَعِيفٌ", sanadnya daif kerana keberadaan al-Mutsanna bin al-Shabah dan Ayyub bin Suwaid sebagai periwayat hadith ini. Namun al-Mutsanna telah memutaba'ah Ibn Lahi'ah. Ia dikeluarkan oleh al-Daruquthni daripada jalur Muhammad bin Abdurrahman al-Hajabi daripada 'Amr dengan lafaz:

لاَ ضَمَانَ عَلَى مُؤْتَمَنٍ.

"*Tidak ada ganti rugi ke atas orang yang dititipkan barang.*" Al-Hajabi seorang periwayat yang daif. Dalam bab ini terdapat banyak athar sahabat antara lain Ali bin Abu Thalib, Ibn Mas'ud, Jabir dan lain-lain.

Fiqh Hadith

Orang yang diberi amanah barang tidak bertanggung jawab ke atas ganti rugi kerosakan barang yang diamanahkan ke atasnya. Inilah kesepakatan ulama. Akan tetapi al-Hasan al-Bashri berkata: "Jika sebelumnya ada ketentuan yang menyebutkan adanya ganti rugi, maka orang yang diamanahkan barang ke atasnya wajib menggantinya."

KITAB JUAL BELI

KITAB PERKAHWINAN

Perkahwin dalam bahasa Arab menggunakan perkataan *nikah* yang secara bahasa bermakna menyatu dan memasuki. Ia juga digunakan untuk menunjukkan persetubuhan dan akad. Ada yang mengatakan kalimat ini digunakan untuk menunjukkan akad sebagi kiasan sebab akibat. Ada yang mengatakan kalimat ini memiliki dua makna iaitu akad dan persetubuhan, tetapi kebiasaannya digunakan untuk menunjukkan makna akad. Perkataan *nikah* juga sering kali digunakan untuk menunjukkan makna sentuhan, seperti "نكح الأرض المطر" (Air hujan menyapu bumi).

Menurut Imam al-Syafi'i dan mazhab Hanafi, hakikat kalimat *nikah* adalah persetubuhan, sementara mengertikannya sebagai akad adalah majaz.

١٩٤- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ لَنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ، مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ، فَإِنَّهُ أَغَضُّ لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ؛ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

194- Daripada 'Abdullah bin Mas'ud (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah bersabda kepada kami: "Wahai sekalian pemuda, barang siapa di antara kamu mampu berkahwin, maka hendaklah dia berkahwin, sebab ia dapat memejamkan mata dan menjaga kesucian kemaluan. Barang siapa yang tidak mampu, maka hendaklah dia berpuasa, sebab ia dapat mengekang gejolak syahwat." (Muttafaq 'alaih: 994).

Makna Hadith

Ketika Allah mengharamkan perbuatan zina, Allah menyuruh untuk menjaga pandangan dan memelihara kemaluan dengan cara mensyari'atkan nikah bagi memastikan mereka mampu melaksanakan perintah itu.

Selain itu, perkahwinan antara muslim dengan muslimah menyebabkan bilangan umat Islam bilangan semakin ramai yang beriman kepada Allah sehingga dengan demikian agama Allah semakin tersebar di muka persada bumi. Itulah sebabnya orang yang berkemampuan diperintahkan untuk berkahwin.

Tambahan pula syari'at Islam diturunkan untuk memenuhi keperluan dan kemaslahatan manusia, di mana mereka diperintahkan untuk berpuasa sebagai satu cara untuk memperoleh rahmat Allah sekali gus mengelakkan mereka daripada perbuatan keji dan mungkar (zina).

Analisis Lafaz

"يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ", jama'ah yang terdiri daripada golongan tertentu.

"الشَّبَابِ", jamak "الشاب"¸ ia merupakan istilah bagi orang yang sudah berusia tiga puluh tahun, tiga puluh dua tahun, atau bagi orang yang sudah berusia empat puluh tahun.

Kalimat ini sekadar menunjukkan kebiasaan, malah dalam riwayat hadith ini disebutkan: "Ketika kami masih muda, kami duduk bersama Rasulullah (s.a.w), lalu baginda bersabda: ... Lalu periwayat menyebut hadith di atas." Jadi hadith ini menyuruh setiap lelaki yang memiliki hasrat dan gejolak muda untuk segera berkahwin, meskipun dia sudah berusia tersangat tua.

"الْبَاءَةَ", ada yang menyebutnya "الباهة" dengan huruf *ha'* dan dibaca panjang, mereka adalah orang yang memiliki kemampuan secara kewangan untuk berkahwin, namun jika dibaca tidak panjang maka ia bermaksud bersetubuh.

Al-Nawawi berkata: "Ulama berbeza pendapat mengenai maksud *al-ba'ah* di sini. Ada dua pendapat dalam masalah ini. Pendapat yang paling sahih adalah orang yang mampu untuk bersetubuh. Namun menurut al-Nawawi dan sekumpulan yang lain, makna kalimat ini kurang tepat jika diertikan sebagai bersetubuh, kerana pada bahagian akhir hadith disebutkan: "Barang siapa yang tidak mampu, maka hendaklah dia berpuasa, sebab ia dapat mengekang syahwat." Puasa merupakan penawar untuk mengekang syahwat. Jadi, kalimat *al-ba'ah* di sini sebaiknya diertikan sebagai biaya untuk berkahwin bukan untuk bersetubuh.

"أَغَضُّ", mampu menjaga pemandangan daripada melihat maksiat.

"أَحْصَنُ", lebih baik dan lebih mencegah untuk tidak terjerumus kedalam perbuatan maksiat.

Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari setelah menghuraikan dua kalimat ini berkata: "Alangkah menarik apa yang telah dilakukan oleh Muslim dalam kitabnya al-Sahih di mana beliau setelah mengemukakan hadith ini terus mengemukakan hadith berikut:

إِذَا أَحَدُكُمْ أَعْجَبَتْهُ الْمَرْأَةُ فَوَقَعَتْ فِي قَلْبِهِ، فَلْيَعْمِدْ إِلَى امْرَأَتِهِ فَلْيُوَاقِعْهَا، فَإِنَّ ذَلِكَ يَرُدُّ مَا فِي نَفْسِهِ.

"Jika salah seorang kamu melihat seorang perempuan cantik hingga membuatmu tertarik kepadanya dan mengganggu fikiranmu maka segeralah dia mendatangi isterinya untuk menyetubuhinya, kerana yang demikian ini mampu membuang jauh-jauh apa yang telah difikirannya itu."

"فَإِنَّهُ", yakni puasa.

"وِجَاءٌ", benteng dan penghalang.

Fiqh Hadith

1. Anjuran untuk berkahwin, terlebih-lebih golongan pemuda. Meskipun ulama bersepakat dalam masalah ini, namun mereka berbeza pendapat mengenai hukum berkahwin. Menurut Abu Dawud dan Imam Ahmad, hukum berkahwin wajib bagi setiap muslim, malah Ibn Hazm berkata: "Berkahwin wajib bagi setiap orang yang sudah mampu melakukan persetubuhan jika dia mampu untuk berkahwin. Menurut jumhur ulama, hukum berkahwin adalah sunat, karena Allah memberi pilihan antara nikah (kahwin dengan merdeka) atau tasarri (kahwin dengan hamba) dalam firman-Nya:

   ..... فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰ أَلَّا تَعُولُوا ﴿٣﴾

   "…Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman." (Surah al-Nisa': 3) Kita semua tahu bahawa menyetubuhi hamba tidaklah wajib, maka demikian pula dengan berkahwin, kerana tidak ada pilihan antara yang wajib dengan yang tidak wajib. Ulama telah pun berijma' dalam masalah ini. Tetapi dakwaan ijma' di sini tidak benar kerana Ibn Hazm dan Abu Dawud masih mengingkarinya.

   Menurut Ibn Daqiq al-'Id, ulama mengklasifikasikan hukum berkahwin menjadi lima, iaitu:

   - Wajib bagi orang yang takut terjerumus ke dalam perbuatan zina dan dia tidak memiliki hamba perempuan untuk disetubuhi (tasirri). Ini pendapat sebahagian mazhab Maliki.
   - Haram bagi orang yang tidak mampu memberi nafkah zahir dan batin.

- Makruh bagi orang tidak mampu memberi nafkah zahir dan batin, tetapi tidak menyebabkan mudharat bagi isteri.
- Sunat apabila seseorang mampu zahir dan batin, sedangkan dia ingin menjaga kehormatannya. Di sini dia dianjurkan untuk segera berkahwin.
- Mubah bagi orang yang tidak ada larangan baginya untuk berkahwin dan memiliki hasrat yang belum kuat untuk berkahwin.

2. Melakukan segala sesuatu yang boleh memalingkan pandangan daripada perkara-perkara yang menjerumuskan ke dalam perbuatan zina.
3. Anjuran untuk berpuasa, terlebih-lebih lagi untuk tujuan mengekang syahwat.
4. Dibolehkan mengguna pakai ubat untuk mengekang gejolak syahwat. Menurut al-Khatthabi dan al-Baghawim hendaklah seseorang mengekang gejolak syahwat meskipun harus menggunakan ubat tapi tidak boleh menghilangkan dan memutuskan sama sekali syahwat.
5. Tidak boleh memaksakan diri berkahwin hingga menyebabkan seseorang terbelit dengan hutang.
6. Kepuasan syahwat tidak boleh mendahului hukum syariat, sebaliknya ia mesti tunduk kepadanya.
7. Dibolehkan ketika mengerjakan suatu amal ibadah berniat untuk menyokong amal ibadah yang lain.

Penting

Mazhab Maliki berpendapat bahawa hadith ini mengharamkan perbuatan onani, namun mazhab Hanbali dan mazhab Hanafi berpendapat sebaliknya jika onani yang dilakukan itu bertujuan mengekang syahwat.

١٩٥- وَعَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَمِدَ اللهَ وَأَثْنَى عَلَيْهِ وَقَالَ: "لَكِنِّي أَنَا أُصَلِّي وَأَنَامُ، وَأَصُومُ وَأُفْطِرُ، وَأَتَزَوَّجُ النِّسَاءَ، فَمَنْ رَغِبَ عَنْ سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

195- Daripada Anas bin Malik (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda setelah terlebih dahulu memuji dan menyanjung Allah: "Akan tetapi aku bersolat dan tidur, berpuasa dan berbuka. Aku pun berkahwin dengan perempuan. Jadi, barang siapa yang membenci Sunnahku, maka dia tidak masuk ke dalam golonganku." (Muttafaq 'alaih: 995).

Makna Hadith

Hadith ini menjelaskan bahawa tidak boleh meninggalkan perkahwinan, kerana Rasulullah (s.a.w) berkahwin, walaupun seseorang itu mampu untuk tidak berkahwin dan yakin tidak terjerumus ke dalam perbuatan zina. Di sini turut dijelaskan bahawa berkahwin merupakan Sunnah Rasulullah (s.a.w). Barang siapa yang tidak senang dengan Sunnahnya, maka dia tidak termasuk ke dalam golongannya.

Hadith ini menceritakan bahawa ada tiga pemuda datang kepada Rasulullah (s.a.w); masing-masing mereka menanyakan tentang amal ibadah yang dilakukan baginda. Ketika diberitahu, mereka seolah menganggap remeh amalan baginda dengan berkata: "Oh, kami tentu lebih hebat daripada Rasulullah padahal baginda seorang yang telah diampuni dosanya baik pada masa lalunya dan masa akan datang."

Salah seorang mereka berkata: "Saya sentiasa melakukan qiyamul lail sepanjang malam." Seorang lagi berkata: "Saya sentiasa berpuasa sepanjang masa." Seorang lagi berkata: "Saya pula sentiasa menjauhi perempuan dan tidak mahu berkahwin kerana terlampau sibuk beribadah."

Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tetapi saya bersolat dan tidur, berpuasa dan berbuka, berkahwin dengan perempuan. Jadi, barang siapa yang membenci Sunnahku, maka orang itu tidak termasuk ke dalam golonganku."

Analisis Lafaz

"رَغِبَ عَنْ", berpaling daripada sesuatu untuk menuju yang lain.

"سُنَّتِي", jalanku, bukan bermaksud sunat yang merupakan lawan perkataan fardhu.

"فَلَيْسَ مِنِّي", tidak termasuk ke dalam jalan petunjukku, bukan bererti orang yang tidak berkahwin itu keluar daripada agama Islam (murtad).

Fiqh Hadith

1. Anjuran untuk rajin beribadah, tetapi tidak sampai membahayakan diri sendiri, menjauhi masyarakat dan menyeksa badan sendiri.
2. Menjelaskan bahawa syari'at Islam dibina atas prinsip untuk memudahkan kehidupan manusia.
3. Seruan untuk segera berkahwin.
4. Dibolehkan untuk memuaskan diri dengan makanan dan pakaian yang halal, seperti mana yang dikatakan oleh al-Thabari.
5. Amaran untuk tidak mengingkari Sunnah Rasulullah (s.a.w) dan seorang muslim tidak boleh membencinya, kerana itu merupakan

bukti bahawa dia tidak menyukai ajaran Rasulullah (s.a.w).

١٩٦- وَعَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَأْمُرُنَا بِالْبَاءَةِ، وَيَنْهَى عَنِ التَّبَتُّلِ نَهْيًا شَدِيدًا، وَيَقُولُ: "تَزَوَّجُوا الْوَدُودَ الْوَلُودَ، إِنِّي مُكَاثِرٌ بِكُمُ الْأَنْبِيَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

196- Daripada Anas bin Malik (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) menyuruh kami berkahwin dan melarang untuk membujang. Baginda bersabda: "Kahwini wanita subur dan penyayang, sebab aku merasa bangga dengan jumlah kamu yang ramai kelak pada hari kiamat di hadapan para nabi." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 996).

١٩٧- وَلَهُ شَاهِدٌ عِنْدَ أَبِي دَاوُدَ وَالنَّسَائِيِّ وَابْنِ حِبَّانَ أَيْضًا مِنْ حَدِيثِ مَعْقِلِ بْنِ يَسَارٍ.

197- Hadith ini memiliki *syahid* yang diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Nasa'i dan Ibn Hibban daripada hadith Ma'qil bin Yasar: 997).

Makna Hadith

Hadith ini menyempurnakan maksud hadith sebelum ini, di samping menegaskan bahawa Rasulullah (s.a.w) memiliki keutamaan yang melebihi keutamaan para nabi yang lain pada hari kiamat, kerana baginda merupakan seorang nabi yang memiliki umat paling ramai kelak.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", periwayat hadith ini sama dengan hadith sebelumnya, Anas (r.a).

"بِالْبَاءَةِ", berkahwin. Tidak ada kemungkinan makna lain dalam hadith seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini.

"التَّبَتُّل", memutuskan keinginan untuk berkawin dengan perempuan dan tidak mahu berkahwin, di mana tekadnya hanya beribadah semata-mata kepada Allah.

"الْوَلُودَ", mampu melahirkan ramai anak. Seorang anak gadis tidak dapat diketahui sama ada dia kelak bakal melahirkan ramai anak atau sebaliknya. Jadi cara untuk mengetahuinya adalah melihat kepada keluarganya. Jika emaknya memiliki ramai anak, maka insya Allah, dia adalah gadis yang subur dan mampu melahirkan ramai. Banyak hadith yang menyuruh untuk

berkahwin dengan anak gadis.

Di sisi lain, hadith ini menggalakkan untuk mengahwini janda yang ramai anak bagi memastikan anak-anaknya tidak terabai baik kesihatan mahupun pendidikannya.

"الْوَدُودَ", perempuan yang dicintai oleh suaminya kerana memiliki sifat dan akhlak yang terpuji di dalam dirinya.

"مُكَاثِرٌ", bangga kerana jumlah kamu ramai dan banyak pengikut, kerana orang yang mempunyai ramai pengikut akan mempunyai banyak pahala, kerana Rasulullah (s.a.w) bakal memperoleh ganjaran pahala seramai jumlah pengikutnya.

Fiqh Hadith

1. Galakan untuk berkahwin, terlebih-lebih dengan perempuan yang mampu melahirkan ramai anak yang memiliki sifat penyayang.
2. Larangan untuk tidak berkahwin, kerana ini merupakan kebiasaan orang Nasrani.
3. Anjuran untuk memperbanyak keturunan.
4. Boleh berbangga dengan urusan akhirat kelak.

١٩٨- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "تُنْكَحُ الْمَرْأَةُ لِأَرْبَعٍ: لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَلِجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا، فَاظْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبَتْ يَدَاكَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ مَعَ بَقِيَّةِ السَّبْعَةِ.

198- Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Seorang wanita dinikahi kerana empat faktor: harta, keturunan, kecantikan dan agamanya. Kahwinilah perempuan yang berpegang dengan ajaran agama, nescaya kamu bahagia." (Muttafaq 'alah dan al-Sab'ah: 998).

Makna Hadith

Setiap manusia mempunyai cara dan tujuan tersendiri dalam memiliki pasangan lalu Rasulullah (s.a.w) membatasinya dalam empat faktor berikut, iaitu; harta, keturunan, kecantikan dan agama.

Baginda kemudian menganjurkan untuk mengahwini wanita kerana agamanya. Ini kerana harta membuat manusia lupa diri sebagaimana firman Allah (s.w.t):

كَلَّآ إِنَّ ٱلۡإِنسَـٰنَ لَيَطۡغَىٰٓ ۝٦ أَن رَّءَاهُ ٱسۡتَغۡنَىٰٓ ۝٧

"Ingatlah! Sesungguhnya jenis manusia tetap melampaui batas (yang sepatutnya atau yang sewajibnya). Dengan sebab ia melihat dirinya sudah cukup apa yang dihajatinya." (Surah al-'Alaq: 6-7)

Demikian pula keturunan membuat seseorang tinggi hati dan takbur, sebagaimana firman Allah (s.w.t):

فَقَالَ ٱلۡمَلَأُ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ مِن قَوۡمِهِۦ مَا نَرَىٰكَ إِلَّا بَشَرٗا مِّثۡلَنَا وَمَا نَرَىٰكَ ٱتَّبَعَكَ إِلَّا ٱلَّذِينَ هُمۡ أَرَاذِلُنَا بَادِيَ ٱلرَّأۡيِ وَمَا نَرَىٰ لَكُمۡ عَلَيۡنَا مِن فَضۡلِۭ بَلۡ نَظُنُّكُمۡ كَٰذِبِينَ ۝٢٧

"Maka berkatalah ketua-ketua yang kafir dari kaumnya: "Kami tidak memandangmu (wahai Nuh) melainkan sebagai seorang manusia seperti kami; dan kami tidak nampak golongan yang mengikutmu melainkan orang-orang kami yang miskin hina, lagi berfikiran singkat; dan kami juga tidak memandang kamu (semua) mempunyai sebarang kelebihan yang mengatasi kami, bahkan kami menganggap kamu orang-orang pendusta". (Surah Hud: 27)

Demikian pula kecantikan, di mana ia mendorong seseorang jatuh dalam kebinasaan seperti mana dalam satu kisah bahawa ada seseorang yang berjalan dengan sombongnya lantaran rupa elok yang ada pada dirinya, lalu Allah menenggelamkannya ke dalam bumi. Malah kecantikan mengakibatkan permusuhan di kalangan kaum lelaki yang berebut ingin meminangnya. Keadaan ini tentu mendatangkan persaingan tidak sihat.

Analisis Lafaz

"لِأَرْبَعٍ", huruf *lam* sebagai huruf *ta'lil*, yakni kerena empat faktor.

"لِحَسَبِهَا", kejayaan yang diperoleh seseorang kerana ayahnya orang hebat atau orang kaya. Ada ketikanya *al-hasab* bermaksud harta seperti mana dalam sabda Rasulullah (s.a.w): "الحسب المال" (Kejayaan itu adalah harta).

"فَاظْفَرْ", *al-zhafr* adalah memperoleh sesuatu setelah berusaha keras mencarinya. Jadi hendaklah kamu memilihnya.

"تَرِبَتْ", membersihkan tanganmu dengan tanah daripada kemiskinan, yakni keberuntungan. Kalimat ini merupakan kalimat berita yang bermakna doa.

Fiqh Hadith

1. Menjelaskan faktor-faktor yang mendorong lelaki memilih pasangan, di mana pilihan itu terbatas pada kekayaan, keturunan, kecantikan dan agama.
2. Anjuran untuk memilih wanita yang taat beragama.
3. Disunatkan mengahwini perempuan yang memiliki keturunan baik dan taat beragama. Demikian pula setiap pilihan hendaklah disertakan dengan adanya faktor ketataan dalam beragama.
4. Suami dibolehkan menikmati dan memanfaatkan harta isteri seperti mana yang dikatakan oleh al-Muhlab.

١٩٩- وَعَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا رَفَّأَ إِنْسَانًا إِذَا تَزَوَّجَ قَالَ: "بَارَكَ اللهُ لَكَ، وَبَارَكَ عَلَيْكَ، وَجَمَعَ بَيْنَكُمَا فِي خَيْرٍ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ حِبَّانَ.

199- Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) apabila mengucapkan tahniah ke atas perkawinan seseorang, baginda mendoakan:

بَارَكَ اللهُ لَكَ، وَبَارَكَ عَلَيْكَ، وَجَمَعَ بَيْنَكُمَا فِي خَيْرٍ

"Semoga Allah memberi keberkatan kepadamu dan semoga kamu dikumpulkan dalam keadaan baik." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah, dinilai sahih oleh al-Tirmidhi, Ibn Khuzaimah dan Ibn Habban: 999).

Makna Hadith

Hadith ini menjelaskan zikir yang disunatkan untuk dibaca secara khusus semasa perkahwinan, di mana hadith ini menganjurkan kita untuk mendoakan pengantin dengan doa yang dianjurkan oleh Rasulullah (s.a.w). Doa ini meliputi bagi pengantin supaya memperoleh kebaikan sama ada isteri, anak dan rezeki.

Analisis Lafaz

"رَفَّأَ", damai dan baik. Maksudnya jika Rasulullah (s.a.w) menghadiri majlis perkahwinan, baginda mendoakan dengan kebaikan.

"لَكَ", keluargamu.

"عَلَيْكَ", dalam hal rezeki.

Fiqh Hadith

Mendoakan dan meminta keberkatan ke atas mempelai merupakan salah satu Sunnah Rasulullah (s.a.w) dan hendaklah seseorang mendokan seperti apa yang terdapat di dalam hadith ini.

٢٠٠- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "عَلَّمَنَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ التَّشَهُّدَ فِي الْحَاجَةِ: "إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ، وَنَسْتَعِينُهُ، وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، وَيَقْرَأُ ثَلَاثَ آيَاتٍ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ، وَحَسَّنَهُ التِّرْمِذِيُّ وَالْحَاكِمُ.

200- Daripada 'Abdullah bin Mas'ud (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) mengajarkan kami muqaddimah khutbah untuk segala keperluan:

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ، وَنَسْتَعِينُهُ، وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

Sesunggunya pujian hanya milik Allah, kami menyanjung, memohon pertolongan dan meminta ampunan kepada-Nya. Kami berlindung kepada Allah daripada kejahatan diri kami. Barang siapa mendapat hidayah dari Allah, maka tidak ada yang menyesatkannya. Barang siapa yang disesatkan oleh Allah, maka tidak ada yang memberi petunjuk. Aku bersaksi tidak ada tuhan selain Allah. Aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba dan pesuruh Allah. Setelah itu, hendaklah memaca tiga ayat al-Qur'an." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah, dinilai hasan oleh al-Tirimizi dan al-Hakim: 1000).

Makna Hadith

Dalam Sahih Muslim, ada satu kisah yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas bahawa Dhamad datang ke Makkah, kemudian dia mendengar orang-orang bodoh Makkah berkata: "Sesungguhnya Muhammad benar-benar gila. Saya ingin membaca mantera untuk Muhammad dan saya yakin mampu menyembuhkannya dengan kedua tanganku ini." Ketika bertemu dengan Rasulullah, dia berkata: "Wahai Muhammad, sesungguhnya aku telah membacakan mantera bagi menyembuhkan gila yang ada pada dirimu ini. Tuhan akan menyembuhkan penyakit itu daripadamu melalui perantara tanganku ini. Adakah engkau mempunyai sesuatu?" Rasulullah (s.a.w) bersabda: lalu membacakan hadith di atas.

Dhamad berkata: "Cuba kamu ulangi sekali lagi kalimatmu itu." Baginda pun mengulanginya sampai tiga kali.

Kemudian Dhamad berkata: "Aku pernah mendengar kalimat tukang sihir dan pendeta serta penyair, namun aku tidak pernah mendengar kalimat seperti ini keluar daripada mulut mereka. Hulurkan tanganmu kepadaku, aku akan berbaiat untuk memeluk Islam.

Inilah merupakan mukaddimah khutbah yang perlu dibaca ketika hendak menyampaikannya.

Analisis Lafaz

"التَّشَهُّدَ", setiap khutbah atau pembicaraan, kerana di dalamnaya ada kalimat tauhid.

"الْحَاجَةِ", khutbah ini tidak terbatas untuk khutbah nikah sahaja, sebaliknya ia berlaku umum sebagaimana yang disebutkan dalam riwayat Muslim.

"إِنَّ الْحَمْدَ", dalam riwayat yang masyhur dibaca *kasrah* "إِنَّ" dan *nashab* kalimat "الحَمْدَ". Menurut al-Thibi, "إِنْ" huruf *nun* dibaca *sukun* dan "الحمد" dibaca *rafa'*. Kalimat "أن الحمد لله" berkedudukan sebagai khabar sedangkan *mubtada'*nya adalah "التشهد".

"نَسْتَعِينُهُ، وَنَسْتَغْفِرُهُ", kami meminta pertolongan dan ampunan-Nya.

"شُرُورِ أَنْفُسِنَا", dalam riwayat lain disebutkan "وسيئات أعمالنا".

"لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ",Muslim menambahkan: "وحده لا شريك له".

"وَيَقْرَأُ ثَلَاثَ آيَاتٍ", tiga ayat. Dalam riwayat al-Tirmidhi, Sufyan al-Tsauri mentafsirkan hadith ini dan menyatakan bahawa ketiga-tiga ayat tersebut adalah:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُم مُّسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

"*Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.*" (Surah Ali 'Imran: 102)

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُوا۟ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَآءً ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ٱلَّذِى تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

"Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu." (Surah al-Nisa': 1)

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَقُولُواْ قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَٰلَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ۗ وَمَن يُطِعِ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

"Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara), supaya Ia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan RasulNya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan." (Surah al-Ahzab: 70-71)

Fiqh Hadith

Disunatkan membaca khutbah dalam majlis perkahwinan. Menurut mazhab Zahiri, Abu 'Awanah salah seorang ulama mazhab Syafi'i, khutbah nikah adalah wajib. Sementara jumhur ulama berbeza pendapat dengan mereka dan tidak mewajibkannya.

٢٠١- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا خَطَبَ أَحَدُكُمُ الْمَرْأَةَ، فَإِنْ اسْتَطَاعَ أَنْ يَنْظُرَ مِنْهَا مَا يَدْعُوهُ إِلَى نِكَاحِهَا، فَلْيَفْعَلْ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

201- Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika seorang di antara kamu meminang seorang perempuan dan ada peluang untuk melihat sesuatu daripada anggota tubuhnya yang membolehkannya tertarik untuk dikahwini, maka lakukanlah." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud, periwayatnya thiqoh dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 1001).

٢٠٢- وَلَهُ شَاهِدٌ عِنْدَ التِّرْمِذِيِّ وَالنَّسَائِيِّ عَنِ الْمُغِيرَةِ.

202- Hadith ini memiliki *syahid* riwayat al-Tirmidhi dan al-Nasa'i daripada Mughirah: 1002).

٢٠٣- وَعِنْدَ ابْنِ مَاجَه وَابْنِ حِبَّانَ مِنْ حَدِيثِ مُحَمَّدِ بْنِ مَسْلَمَةَ.

203- Demikian pula dengan hadith Ibn Majah dan Ibn Hibban daripada hadith Muhammad bin Masalamah: 1003).

٢٠٤- وَلِمُسْلِمٍ: عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِرَجُلٍ تَزَوَّجَ امْرَأَةً: أَنَظَرْتَ إِلَيْهَا؟ قَالَ: لَا. قَالَ: "اذْهَبْ فَانْظُرْ إِلَيْهَا" .

204- Dalam riwayat Muslim daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bertanya kepada orang yang hendak berkahwin dengan seorang perempuan: "Apakah kamu pernah melihatnya?" Dia menjawab: "Belum pernah." Baginda bersabda: "Pergilah dan lihatlah terlebih dahulu." (1004).

Makna Hadith

Perempuan mempunyai daya tarik tersendiri bagi kaum lelaki yang salah satunya adalah hasrat biologis. Jika hasrat itu tidak tidak dapat dipenuhi oleh isterinya, lelaki akan mencari perempuan lain. Itulah sebabnya seorang lelaki yang hendak berkahwin mesti melihat terlebih dahulu wanita yang hendak dikahwininya sebelum meminangnya bagi memastikan sama ada dia menyukai wanita itu sebaliknya.

Analisis Lafaz

"خَطَبَ", ingin berkahwin.

"تَزَوَّجَ امْرَأَةً", dia menginginkannya.

Fiqh Hadith

1. Disunatkan melihat perempuan yang hendak dipinang. Inilah pendapat imam empat mazhab dan jumhur ulama. Menurut Imam Ahmad pula dibolehkan melihat, bukan ia tidak disunatkan.
2. Kecantikan perempuan merupakan salah satu daya tarik bagi lelaki.

Penting

Ulama berbeza pendapat mengenai bahagian apa sahaja yang boleh dilihat oleh lelaki ketika hendak meminang.

Menurut al-Nawawi, dibolehkan melihat wajah dan telapak tangan, kerana kedua anggota tubuh tidak termasuk aurat. Selain itu, wajah menunjukkan kecantikan dan telapak tangan pula menunjukkan keadaan tubuh dan kesuburan. Inilah pendapat kami dan mazhab ulama kebanyakan.

Menurut al Awza'i, dibolehkan melihat kulit dan anggota tubuhnya selain aurat.[20]

Menurut Dawud, dibolehkan melihat seluruh tubuhnya, namun pendapat ini salah kerana bercanggah dengan Sunnah dan ijma' ulama.

Al-Nawawi berkata: "Mazhab kami, Imam Malik, Imam Ahmad dan jumhur ulama tidak mensyaratkan adanya keredhaan perempuan berkenaan untuk hendak melihat, sebaliknya seorang lelaki yang hendak meminangnya dibolehkan melihatnya pada bila-bila masa pada saat dia lengah tanpa harus ada pemberitahuan terlebih dahulu. Akan tetapi Imam Malik berpendapat tidak dianjurkan melihat wanita ketika dalam keadaan lengah, kerana dikhuatiri malah melihat auratnya."

Bagi pensyarah kitab ini, pendapat yang paling kuat adalah pendapat al-Nawawi, kerana tidak bercanggah dengan prinsip hukum syari'at, sementara pendapat yang lain tidak demikian.

٢٠٥- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يَخْطُبْ بَعْضُكُمْ عَلَى خِطْبَةِ أَخِيهِ، حَتَّى يَتْرُكَ الْخَاطِبُ قَبْلَهُ أَوْ يَأْذَنَ لَهُ الْخَاطِبُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

205- Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) berabda: "Sorang di antara kamu tidak boleh meminang perempuan yang telah dipinang oleh saudaranya, sehingga dia meninggalkan sebelum itu atau memberi kebenaran kepadanya." (Muttafaq 'alaih, lafaz hasdis riwayat al-Bukhari: 1005).

Makna Hadith

Jika seorang Muslim hendak meminang seorang perempuan, kemudian ada orang lain yang turut berminat untuk meminangnya, maka dalam keadaan ada beberapa perkara yang mesti diambil kira; pertama, salah seorang daripada kedua lelaki itu telah dipilih oleh perempuan berkenaan ataupun

[20] Tambahan terdapat dalam kitab Fath al-Bari, bab: melihat perempuan sebelum dikahwini.

tidak; kedua, jika perempuan telah membuat pilihan, maka keadaan ini akan menimbulkan perasaan dendam di antara kedua lelaki yang meminangnya, terlebih-lebih lagi lelaki yang ditinggalkan; ketiga, jika kedua-dua lelaki itu tidak dipilih, maka masing-masing kedua-dua lelaki itu menjadi sebab untuk saling bertegur antara sama lain.

Selain itu, dengan majunya peminang kedua dan dia tahu bahawa ada orang lain yang sedang meminang perempuan berkenaan pada hakikatnya memperlekeh kedudukan peminang pertama, kerana peminang kedua seakan-akan mengatakan bahawa peminang pertama tidak layak untuk diterima pinangannya. Oleh itu, hadith ini melarang daripada meminang perempuan yang sedang dipinang oleh orang lain sehingga peminang pertama benar-benar membatalkan hasratnya. Ini bagi mengelakkan berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Analisis Lafaz

"يَتْرُكَ", meninggalkan pertunangan.

"يَأْذَنَ", lelaki pertama mengizinkan orang lain untuk meminang tunangannya.

Fiqh Hadith

1. Seorang lelaki dilarang meminang pinangan saudaranya. Al-Khatthabi berkata: "Larangan ini sebagai sopan santun bukan untuk mengharamkan, namun pertunangan yang diharamkan adalah jika si perempuan telah menerima pinangan peminang pertama lalu menolaknya lantaran ada orang lain yang meminang dirinya. Ini berdasarkan ijma' ulama. Jika belum ada jawapan daripada pihak perempuan, maka mengikut pendapat yang paling sahih itu tidak diharamkan. Jika pertunangan haram itu kemudian dilajutkan dengan akad pernikahan, maka menurut jumhur ulama, akad nikahnya tetap sah, namun menurut Dawud, pernikahan wajib difasakh."
2. Dibolehkan meminang perempuan yang sedang dalam pertunangan jika diizinkan oleh peminang pertama atau setelah ditinggalkan oleh si peminang pertama sama ada izin itu diberikan kepada peminang kedua atau kepada orang yang lain.
3. Sebahagian ulama fiqh mengecualikan pertunangan muslim ke atas peminang yang bukan muslim, di mana mereka membolehkannya secara mutlak, kerana di dalam hadith disebutkan "saudaranya." Jadi, seorang muslim dibolehkan meminang perempuan yang sedang dipinang oleh lelaki bukan muslim. Apapun, kalimat "saudaranya" di sini hanya sekadar menunjukkan adat kebiasaan dan oleh kerananya, jika berlaku kes seperti ini maka ia tetap tidak dibolehkan.

Penting

Ibn al-Qasim, murid Imam Malik berkata: "Meminang tunangan orang fasik dibolehkan secara mutlak, terlebih-lebih lagi jika perempuan itu merupakan seorang muslimah yang taat beragama, kerana orang fasik tidak sekufu' dengannya. Pendapat dinilai kuat oleh Ibn al-'Arabi al-Maliki." Namun jumhur ulama tidak bersetuju dengan pendapat ini apabila si perempuan yang telah dipinang telah menerima pinangan lelaki fasik itu.

٢٠٦- وَعَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ السَّاعِدِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: جَاءَتِ امْرَأَةٌ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ، جِئْتُ أَهَبُ لَكَ نَفْسِي، فَنَظَرَ إِلَيْهَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَصَعَّدَ النَّظَرَ فِيهَا، وَصَوَّبَهُ، ثُمَّ طَأْطَأَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأْسَهُ، فَلَمَّا رَأَتِ الْمَرْأَةُ أَنَّهُ لَمْ يَقْضِ فِيهَا شَيْئًا جَلَسَتْ، فَقَامَ رَجُلٌ مِنْ أَصْحَابِهِ. فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكَ بِهَا حَاجَةٌ فَزَوِّجْنِيهَا. قَالَ: "فَهَلْ عِنْدكَ مِنْ شَيْءٍ؟" فَقَالَ: لَا، وَاللهِ يَا رَسُولَ اللهِ. فَقَالَ: "اذْهَبْ إِلَى أَهْلِكَ، فَانْظُرْ هَلْ تَجِدُ شَيْئًا؟" فَذَهَبَ، ثُمَّ رَجَعَ، فَقَالَ: لَا، وَاللهِ يَا رَسُولَ اللهِ، مَا وَجَدْتُ شَيْئًا. فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "انْظُرْ وَلَوْ خَاتَمًا مِنْ حَدِيدٍ"، فَذَهَبَ، ثُمَّ رَجَعَ. فَقَالَ: لَا وَاللهِ يَا رَسُولَ اللهِ، وَلَا خَاتَمًا مِنْ حَدِيدٍ، وَلَكِنْ هَذَا إِزَارِي – قَالَ سَهْلٌ : مَالَهُ رِدَاءٌ – فَلَهَا نِصْفُهُ. فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَا تَصْنَعُ بِإِزَارِكَ؟ إِنْ لَبِسْتَهُ لَمْ يَكُنْ عَلَيْهَا مِنْهُ شَيْءٌ، وَإِنْ لَبِسَتْهُ لَمْ يَكُنْ عَلَيْكَ شَيْءٌ"، فَجَلَسَ الرَّجُلُ، وَحَتَّى إِذَا طَالَ مَجْلِسُهُ قَامَ؛ فَرَآهُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُوَلِّيًا، فَأَمَرَ بِهِ فَدُعِيَ لَهُ، فَلَمَّا جَاءَ. قَالَ: "مَاذَا مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ؟". قَالَ: مَعِي سُورَةُ كَذَا وَسُورَةُ كَذَا، عَدَّدَهَا. فَقَالَ: "تَقْرَؤُهُنَّ عَنْ ظَهْرِ قَلْبِكَ؟". قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: "اذْهَبْ، فَقَدْ مَلَّكْتُكَهَا بِمَا مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

وَفِي رِوَايَةٍ لَهُ : "انْطَلِقْ، فَقَدْ زَوَّجْتُكَهَا، فَعَلِّمْهَا مِنَ الْقُرْآنِ".

وَفِي رِوَايَةٍ لِلْبُخَارِيِّ : "أَمْكَنَّاكَهَا بِمَا مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ".

206- Daripada Sahl bin Sa'id al-Sa'idi (r.a), beliau berkata: "Ada seorang perempuan datang menghadap Rasulullah (s.a.w) seraya berkata: "Wahai Rasulullah, saya datang untuk memberikan diriku kepada tuan." Baginda lalu memandangnya dengan penuh perhatian, kemudian menundukkan kepalanya termenung. Ketika perempuan itu tahu bahawa baginda tidak menginginkan dirinya, dia pun duduk. Tidak lama kemudian, salah seorang sahabat berdiri dan berkata: "Wahai Rasulullah, jika tuan tidak ingin berkahwin dengan perempuan itu, maka kahwinkan diriku dengannya." Baginda bersabda: "Adakah kamu memiliki sesuatu?" Dia menjawab: "Tidak wahai Rasulullah." Baginda bersabda: "Datangi keluargamu dan lihatlah adakah kamu menjumpai sesuatu." Dia pun pergi, kemudian kembali menghadap baginda dan berkata: "Demi Allah, saya tidak menemukan sesuatu." Baginda bersabda: "Sekali lagi lihatlah dan bawalah sesuatu meskipun itu berupa cincin yang terbuat daripada besi." Dia pun pergi, kemudian kembali menghadap baginda dan berkata: "Demi Allah, wahai Rasulullah, saya tidak menemukan sesuatu dan begitu pula dengan cincin besi itu, tetapi ini adalah kain sarungku. Sahl berkata: "Lelaki itu sebenarnya tidak memiliki selendang." Separoh kain ini saya berikan kepadanya, tambahnya lagi. Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Apa yang kamu lakukan dengan kainmu itu? Jika kamu memakainya, dia tidak mempunyai apa-apa dan jika dia yang memakainya, maka tidak memiliki apa-apa. Lelaki itu pun duduk dalam waktu yang lama termenung. Dia pun lantas berdiri. Rasulullah (s.a.w) melihatnya sedang berpaling. Baginda menyuruh lelaki itu supaya dipanggil. Sebaik tiba, baginda bertanya: "Adakah kamu hafal surah al-Qur'an?" Dia menjawab: "Saya hafal surah ini dan surah itu." Dia menyebut surah-surah yang dia hafal. Mendengar itu, baginda bertanya: "Kamu dapat membacanya tanpa melihat teks al-Qur'an?" Dia menjawab: "Ya, saya mampu." Baginda bersabda: "Pergilah, aku telah menyatakan wanita ini menjadi milikmu dengan mas kawain surah-surah al-Qur'an yang telah kamu hafal itu." (Muttafaq 'alaihi. Hadith riwayat Muslim) Dalam sebahagian riwayat disebutkan bahawa, baginda bersabda kepadanya: "Pergilah, saya telah mengahwinkan kamu dengannya dan oleh itu, ajarilah dia membaca al-Qur'an." Dalam riwayat al-Bukhari disebutkan bahawa: "Kami telah mengahwinkan kamu dengannya dengan maskawin surah-surah al-Qur'an yang telah kamu hafal: 1006).

٢٠٧- وَلِأَبِي دَاوُدَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مَا تَحْفَظُ؟ قَالَ: سُورَةَ الْبَقَرَةِ وَالَّتِي تَلِيهَا. قَالَ: "قُمْ، فَعَلِّمْهَا عِشْرِينَ آيَةً" .

207- Menurut riwayat Abu Dawud daripada Abu Hurairah (r.a), baginda bersabda: "Apa yang kamu hafal?" Dia menjawab: "Surah al-Baqarah dan surah sesudahnya. Baginda bersabda: "Berdirilah dan ajarilah dia dua puluh ayat": 1007).

Makna Hadith

Hadith ini merupakan salah satu dalil yang membahas masalah perkahwinan, tetapi kami hanya menghuraikan permasalahan penting yang berkaitan dengan fiqh hadith ini.

Analisis Lafaz

"جَاءَتِ امْرَأَةٌ", Ibn al-Qassha' dalam kitab al-Ahkam mengatakan wanita ini adalah Khawlah binti Hakim atau Ummu Syarik.

"فَقَالَتْ", orang yang berkata di sini masih diperdebatkan, kerana peristiwa ini terjadi ketika para sahabat dan Rasulullah (s.a.w) sedang berada di dalam mesjid sebagaimana ditegaskan oleh al-Isma'ili.

"أَهَبُ لَكَ نَفْسي", aku serahkan diriku kepadamu tanpa perlu memberi mahar atau mas kahwin. Maksudnya, nikahilah diriku walaupun tanpa mahar.

"فَصَعَّدَ النَّظَرَ فِيهَا، وَصَوَّبَهُ", Rasulullah (s.a.w) melihat perempuan itu dari bawah ke atas dan inilah yang disebut *tash'id*, kemudian dari atas ke bawah dan inilah yang disebut *tashwib*.

"ثُمَّ طَأْطَأَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأْسَهُ", menurut Ibn Hajar, makna perkataan ini adalah maka perempuan itu terdiam. Namun ini pemahaman *al-tha'tha'ah* dan maksudnya di sini adalah menundukkan kepala. Dengan erti kata lain, baginda menundukkan kepala dan tidak melihatnya lagi. Dalam riwayat Hammad bin Zaid dikisahkan bahawa baginda bersabda: "Aku tidak lagi berhajat kepada wanita." Baginda bersabda demikian setelah kejadian ini berlangsung dalam waktu yang lama.

"لَمْ يَقْضِ", tidak ada tindak balas. Perkataan ini diungkapkan setelah kalimat: "Aku tidak lagi berhajat kepada wanita." Sementara dalam riwayat Abu Hurairah menurut al-Nasa'i dijelaskan: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Duduklah." Perempuan itu pun duduk beberapa saat, kemudian berdiri semula. Kemudian baginda bersabda: "Duduklah, semoga Allah memberkatimu dan kami yang ada di sini tidak ada yang berhajat kepadamu." Ini seolah-olah menunjukkan baginda tidak memberi apa-apa tindak balas, sementara perempuan itu berharap Rasulullah (s.a.w) menyuruh dirinya pergi, kerana pemahaman daripada perintah duduk adalah Rasulullah (s.a.w) hendak menyuruhnya melakukan sesuatu. Jika tidak, dia pasti segera pergi.

Ada kemungkinan tujuan Rasulullah (s.a.w) menyuruhnya menunggu lantaran baginda menunggu turunnya wahyu.

"فَقَامَ رَجُلٌ", lelaki ini salah seorang pemuda Ansar, sebagaimana yang dinyatakan dalam sesetengah riwayat

"وَلَوْ خَاتَمًا", perkataan "خاتما" dibaca *nasab* kerana adanya *fi'il* yang tersembunyi, iaitu: "وجدت", "نظرت" atau "التمست".

"وَلَوْ خَاتَمًا مِنْ حَدِيدٍ", yang ada atau yang engkau dapatkan.

"إِزَارِي", kain sarung yang dipakai oleh seseorang untuk menutupi bahagian pusat hingga ke bawah anggota badan.

"رِدَاءٌ", pakaian yang dipakai di kain sarung dan dilipat pada bahagian atas badan.

"مُوَلِّيًا", pergi.

"أَمْكَنَّاكَهَا", ia berasal daripada kalimat "التمكين".

Fiqh Hadith

1. Seorang perempuan boleh menawarkan dirinya kepada lelaki soleh supaya dikahwini.
2. Dibolehkan memandang wanita jika ada niat untuk mengahwininya.
3. Seorang pemimpin berhak menjadi wali seorang perempuan jika wanita itu memberinya izin.
4. Boleh mengahwinkan perempuan tanpa harus bertanya terlebih dahulu kepada walinya.
5. Hibah tidak dianggap sah tanpa adanya *qabul*.
6. Wajib membayar mahar ketika berkahwin walau dengan benda yang murah sekalipun, malah Ibn Hazam berkata: "Dibolehkan membayar mahar dengan apa jua sekalipun, walaupun dengan sebiji gandum."
7. Anjuran menyebutkan mahar ketika dalam akad. Menurut, ulama fiqh, jika akad dilakukan tanpa mahar, maka akadnya tetap sah dan wajib membayar mahar standard yang berlaku di tempat itu.
8. Disunatkan menyegerakan pembayaran mahar.
9. Dibolehkan menguji sejauh mana kebenaran dakwaan orang yang mengaku kesusahan ekonomi.
10. Boleh melangsungkan akad tanpa harus membacakan khutbah.
11. Mahar dibolehkan dalam bentuk mengajarkan al-Qur'an.
12. Nikah dianggap sah dengan menggunakan lafaz yang menunjukkan kepemilikan (*al-tamlik*). Inilah pendapat mazhab dan mazhab yang masyhur di kalangan mazhab Maliki.
13. Boleh bersumpah dengan syarat tidak diminta untuk berbuat demikian terlebih dahulu.
14. Diam membuktikan seseorang itu redha.
15. Dibolehkan mengahwinkan orang yang tidak berharta.

٢٠٨- وَعَنْ عَامِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ بْنِ الزُّبَيْرِ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أَعْلِنُوا النِّكَاحَ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

208- Daripada 'Amir bin Abdullah bin al-Zubair daripada ayahnya bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Isytiharkan dan rayakan perkahwinan itu supaya diketahui orang ramai." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 1008).

Makna Hadith

Oleh kerana perkahwinan ada kaitan dengan sejumlah hukum-hakam sama ada bagi pihak suami mahupun bagi pihak isteri, maka mengisytiharkan dan merayakan perkahwinan merupakan salah satu daripada hukum ini. Oleh itu, Islam menganjurkannya, terlebih-lebih lagi apabila muncul kekhuatiran bahawa perkahwinan yang dirahsiakan bakal mendatangkan fitnah seperti dituduh melakukan perbuatan zina.

Analisis Lafaz

"أَعْلِنُوا", kalimat ini berasal dari perkataan "الإعلان" lawan perkataan menyembunyikan.

"وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ", dalam masalah ini ada satu hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi daripada Aisyah namun ia daif. Ia turut diriwayatkan daripada Muhammad bin Hatib al-Jumhi, Jabir, al-Rabi' binti Ma'wwadz, al-Sa'ib bin Yazid dan ramai lagi di mana semua itu menganjurkan untuk mengisytiharkan perkahwinan.

Fiqh Hadith

Anjuran untuk mengisytiharkan perkahwinan berdasarkan kesepakatan ulama, mereka tidak mewajibkannya, kerana ada beberapa hadith lain yang menceritakan bahawa banyak perkahwinan yang tidak dirayakan.

٢٠٩- وَعَنْ أَبِي بُرْدَةَ بْنِ أَبِي مُوسَى عَنْ أَبِيهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا نِكَاحَ إِلَّا بِوَلِيٍّ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ وَصَحَّحَهُ ابْنُ الْمَدِينِيِّ وَالتِّرْمِذِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ، وَأُعِلَّ بِالْإِرْسَالِ.

209- Daripada Abu Burdah bin Abu Musa daripada ayahnya, beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak sah akad nikah kecuali dengan adanya wali." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah, dinilai sahih oleh Ibn al-Madini, al-Tirmidhi dan Ibn Hibban, namun dianggap cacat kerana ia mursal: 1009).

٢١٠- وَرَوَى الْإِمَامُ أَحْمَدُ عَنِ الْحَسَنِ عَنْ عِمْرَانَ بْنِ الْحُصَيْنِ مَرْفُوْعًا: لاَ نِكَاحَ إِلاَّ بِوَلِيٍّ وَشَاهِدَيْنِ.

210- Hadith marfu' ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada al-Hasan daripada 'Imran bin Hushain bahawa: "Tidak sah nikah kecuali apabila ada wali dan dua orang saksi: 1010).

Makna Hadith

Ketika ramai wanita yang tidak mampu mencari pasangan hidup yang terbaik bagi mereka hingga akhirnya mendatangkan padah bagi mereka sendiri, maka perkahwinan mereka mestilah berdasarkan sepengetahuan wali dan mereka tidak boleh berkahwin kecuali setelah mendapat kebenaran daripadanya. Ini kerana wali memiliki dua keistimewaan, iaitu ikhlas dalam memberi nasihat kepada anak perempuannya dan memiliki kemampuan untuk membuat pilihan terbaik. Oleh itu, hadith menyebutkan tidak ada nikah kecuali dengan adanya wali."

Manakala dua orang saksi pula disebutkan dalam hadith sebelum ini, kerana untuk menetapkan hak-hak yang telah diwajibkan dalam suatu perkahwinan.

Analisis Lafaz

"لَا نِكَاحَ", tidak sah nikah.

"إِلاَّ بِوَلِيٍّ", wali adalah orang yang terdekat dengan wanita yang memiliki hubungan secara langsung, iaitu 'ashabah bukan dzawil arham.

"وَأُعِلَّ بِالْإِرْسَالِ", dinilai cacar mursal kerana keberadaan Syu'bah dan al-Tsawri yang meriwayatkan hadith ini secara mursal.

Apa yang benar, hadith ini mawshul sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Bukhari, Ibn al-Madini, al-Tirmidhi, 'Abdurrahman bin Mahdi, al-Hakim, al-Daruqthni dan lain-lain. Saya membahas masalah ini secara panjang lebar dalam kitab Ta'lil al-'Ilal.

Hadith ini turut diriwayatkan oleh Abu Ya'la al-Mawshil dalam kitabnya al-Musnad daripada Jabir secara *marfu'* dan perawinya dinilai

thiqoh oleh al-Dhiya'.

Hadts ini turut memiliki *syahid* riwayat selain hadith 'Imran, bahkan al-Hakim ada menyebutkan tiga puluh *syahid* bagi hadith ini.

Fiqh Hadith

1. Tidak sah perkahwinan tanpa wali. Inilah pendapat 'Umar, 'Ali, 'Abdullah bin Mas'ud, Ibn 'Abbas, Abu Hurairah, Aisyah dan sahabat yang lain. Demikian pula Sa'id bin al-Musayyab, al-Hasan al-Bashri, Syuraih, al-Nakha'i, Qatadah dan tabi'n yang lain. Demikian pula Imam Ahmad, al-Syafi'i, Ishaq dari kalangan ulama mazhab. Akan tetapi Ashhabur Ra'yi membolehkan perempuan mengahwinkan dirinya sendiri kerana mereka mengqiyaskan perkahwinan dengan jual beli. Apapun, pendapat ini fasid kerana bercanggah dengan nas. Menurut Imam Malik, wali disyaratkan bagi wanita yang terhormat bukan wanita berkasta rendah
2. Dua saksi merupakan syarat sah nikah. Menurut al-Baghawi, sebahagian besar ulama berpendapat nikah tidak sah sehinggalah para saksi hadir pada waktu pelaksanaan akad. Sebahagian penduduk Madinah pula berpendapat jika mereka merayakan perkahwinan maka mereka menyaksikannya seorang demi seorang dan ini sudah memadai. Inilah pendapat Imam Malik. Al-Baghawi berkata: "Mereka berbeza pendapat dalam menentukan sifat kesaksiannya. Ada yang berpendapat akad nikah tidak dianggap sah kecuali jika disaksikan oleh dua orang lelaki yang adil. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i, sementara Imam Ahmad membolehkan seorang lelaki dan dua orang perempuan untuk menjadi saksi perkahwinan. Inilah pendapat Ishaq dan ashhabur ra'yi. Ashhabur ra'yi menambahkan bahawa dua orang fasik yang fasiknya sudah diketahui orang ramai dibolehkan menjadi saksi.

٢١١- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ : قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَيُّمَا امْرَأَةٍ نَكَحَتْ بِغَيْرِ إِذْنِ وَلِيِّهَا، فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ، فَإِنْ دَخَلَ بِهَا فَلَهَا الْمَهْرُ بِمَا اِسْتَحَلَّ مِنْ فَرْجِهَا، فَإِنِ اشْتَجَرُوا فَالسُّلْطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَّ لَهُ". أَخْرَجَهُ الْأَرْبَعَةُ إِلَّا النَّسَائِيَّ، وَصَحَّحَهُ أَبُو عَوَانَةَ، وَابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

211- Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Mana-mana perempuan yang berkahwin tanpa mendapat kebenaran daripada walinya maka nikahnya menjadi batal. Jika sudah bersetubuh, maka perempuan itu berhak menerima mas kawin lantaran dia mahu disetubuhi.

Jika mereka bertelagah, maka penguasa menjadi wali bagi orang yang tidak mempunyai wali." (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah selain al-Nasa'i, dinilai sahih oleh Abu Awanah, Ibn Hibban dan al-Hakim: 1011).

Makna Hadith

Hadith ini bagi menguatkan hadith sebelumnya di mana dalam hadith ini disebutkan perkahwinan perempuan tanpa wali dianggap batal. Di sini turut dijelaskan bahawa jika perkahwinan seperti ini terjadi maka si perempuan berhak mendapat mahar *mitsil* (standard), kerana si lelaki telah menganggap halal kemaluannya. Jika wali si perempuan tetap enggan mengahwinkan anak perempuannya, maka pemerintah atau penguasa berhak menjadi walinya.

Analisis Lafaz

"اشْتَجَرُوا", menjauhkan diri dan bertikai.

Fiqh Hadith

1. Perkahwinan perempuan tanpa wali dianggap batal.
2. Seorang perempuan berhak ke atas mahar setelah terjadinya pesetubuhan, walaupun perkahwinannya itu batal.
3. Jika wali melarang atau enggan mengahwinkan seorang perempuan dan inilah yang disebut dengan *al-'adhal*, maka penguasa atau kerajaan berhak menjadi walinya, bukan kepada keluarga yang lebih jauh. Al-Baghawi berkata: "Jika seorang perempuan memiliki ramai wali yang dalam satu tingkatan seperti beberapa orang saudara lelaki, ulama berbeza pendapat tentang siapakah orang yang berhak menjadi wali ke atasnya ketika hendak melangsungkan akad. Jika perempuan itu memberi izin kepada salah seorang daripada saudara lelakinya, maka dialah yang berhak menjadi wali. Jika tidak, maka hendaklah diadakan undian di antara mereka untuk menentukan siapa yang bakal dijadikan wali."

Penting

Al-Baghawi berkata: "Jika seseorang ingin berkahwin dengan perempuan yang merupakan dia adalah walinya dan tidak wali selainnya seperti anak perempuan pak cik sebelah ayahnya, maka orang yang berhak mengahwinkannya adalah pemerintah. Jika anak perempuan pak cik sebelah ayahnya itu mengahwinkannya dengan keredhaannya, maka perkahwinan itu sah menurut ashhabur ra'yi, sementara menurut Imam al-Syafi'i batal."

Jika wali terdekat sedang dalam perjalanan yang membolehkannya mengqashar solat, apakah wali seorang perempuan yang hendak berkahwin adalah pemerintah? Menurut Imam al-Syafi'i, pemerintah hendaklah menjadi wali ke atas perempuan itu dalam kes ini. Menurut ashhabur ra'yi pula hak perwalian berpindah kepada wali yang lebih jauh bukan kepada pemerintah.

Menurut al-Shan'ani, apa yang dimaksudkan dengan pemerintah atau penguasa adalah seorang pemimpin yang mengendalikan urusan negara dan rakyat baik zalim mahupun adil.

٢١٢- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا تُنْكَحُ الْأَيِّمُ حَتَّى تُسْتَأْمَرَ، وَلَا تُنْكَحُ الْبِكْرُ حَتَّى تُسْتَأْذَنَ"، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللهِ، وَكَيْفَ إِذْنُهَا؟ قَالَ: أَنْ تَسْكُتَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

212- Daripada Abu Huairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Janda tidak boleh dikahwinkan sebelum diajak berbincang sedangkan gadis tidak boleh dikahwinkan kecuali diminta izinnya terlebih dahulu." Sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, bagaimana cara mengetahui anak gadis itu bersetuju untuk dikahwinkan?" Baginda menjawab: "Dia diam bererti telah memberi izin." (Muttafaq 'alaih: 1012).

Fiqh Hadith

'Abdurrazzaq meriwayatkan daripada 'Umar bin al-Khatthab (r.a), beliau berkata: "Salah seorang kamu ada yang tergamak mengahwinkan anak perempuannya dengan orang yang buruk rupa. Ingatlah bahawa sesungguhnya mereka juga menyukai apa yang kamu sukai."

Ini sememangnya tidak dapat dimungkiri, kerana selera dan keinginan antara lelaki dengan perempuan adalah sama dan menyukai pasangan yang ideal. Oleh yang demikian, Islam menyuruh untuk meminta izin perempuan ketika hendak dikahwinkan.

Ketika sifat malu merupakan sifat yang mendominasi kaum perempuan hingga sukar untuk berterus terang, maka syari'at menganggap diamnya seorang perempuan sebagai tanda dan bukti redhanya.

Analisis Lafaz

"الْأَيِّمُ", perempuan yang ditinggal suaminya, baik ditinggal mati mahupun diceraikan, namun kalimat ini kadang kala digunakan untuk menyebut perempuan yang tak bersuami. Kedua-dua makna kalimat ini adalah betul secara bahasa.

"تُسْتَأْمَرَ", seorang perempuan tidak boleh dikahwinkan sebelum diminta persetujuan dan keredhaannya.

"الْبِكْرُ", perempuan yang belum berkahwin dan status ini merupakan lawan kata janda.

Fiqh Hadith

1. Seorang janda tidak boleh dinikahkan kecuali setelah meminta izin kepadanya. Ibn Hajar dalam Fath al-Bari berkata: "Seorang janda yang sudah berusia baligh tidak boleh dikahwinkan baik ayah atau datuknya kecuali setelah meminta izin kepadanya. Ini berdasarkan kesepakatan ulama. Namun ulama berbeza pendapat mengenai janda yang belum berusia baligh. Menurut Imam Malik dan Imam Abu Hanifah, mereka boleh dikahwinkan ayahnya sendiri dan menurut Imam al-Syafi'i, Abu Yusuf dan Muhammad, seorang ayah tidak berhak mengahwinkan anak perempuannya yang keperawanannya hilang lantaran persetubuhan.
2. Seorang gadis tidak boleh dikahwinkan kecuali setelah mendapat keredhaannya. Seorang ayah dan selainnya tidak berhak memaksanya untuk berkahwin jika gadis ini sudah berusia baligh. Inilah pendapat kebanyakan ulama sebagaimana yang diceritakan oleh al-Tirmidhi. Sementara gadis yang belum berusia baligh boleh dikahwinkan oleh ayahnya secara paksa dan ini berdasarkan kesepakatan ulama.

Penting

Ibn al-Munzir berkata: "Disunatkan diketahui bahawa diamnya anak gadis itu benar-benar menunjukkan keredhaannya." Sufyan berkata: "Hendaklah dikatakan kepada gadis yang hendak dikahwinkan itu: "Jika kamu redha, maka cukup diam dan jika kamu tidak redha, maka cakaplah. Perkataan ini diulangi sebanyak tiga kali." Al-Shan'ani berkata: "Jika anak gadis itu tidak bercakap dan menangis, maka sikapnya yang sedemikian tidak dianggap menujukkan keredhaannya."

٢١٣- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الثَّيِّبُ أَحَقُّ بِنَفْسِهَا مِنْ وَلِيِّهَا، وَالْبِكْرُ تُسْتَأْمَرُ، وَإِذْنُهَا سُكُوتُهَا". رَوَاهُ مُسْلِمٌ. وَفِي لَفْظٍ: "لَيْسَ لِلْوَلِيِّ مَعَ الثَّيِّبِ أَمْرٌ، وَالْيَتِيمَةُ تُسْتَأْمَرُ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ .

213- Daripada Ibn 'Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Janda lebih berhak untuk menentukan nasib dirinya berbanding walinya, sedangkan gadis mesti diajak supaya mahu berkahwin dan izinnya apabila dia berdiam." (Diriwayatkan oleh Muslim). Dalam lafaz yang disebutkan: "Wali tidak dibolehkan memaksa janda untuk berkahwin sedangkan perempuan yatim boleh diperintah untuk berkahwin." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban: 1013).

Makna Hadith

Hadith ini sama dengan makna hadith sebelumnya, tetapi di sini ditambahkan masalah anak perempuan yatim, di mana mereka tidak boleh dikahwinkan tanpa mendapat keredhaannya terlebih dahulu.

Analisis Lafaz

"الثَّيِّبُ", perempuan yang ditinggal suaminya, baik ditinggal mati atau ditinggal cerai.

"أَحَقُّ بِنَفْسِهَا", tidak boleh dikahwinkan kecuali dengan keredhaanya.

"الْبِكْرُ", wanita yang belum pernah berkahwin.

"تُسْتَأْمَرُ", diminta izin atau keredhaannya.

"أَمْرٌ", diperintahkan secara paksa tanpa redhanya.

"الْيَتِيمَةُ", gadis kecil yang ditinggal mati oleh ayahnya.

Fiqh Hadith

1. Janda dan gadis tidak boleh dikahwinkan kecuali setelah mendapat daripada izin mereka..
2. Diam merupakan tanda setuju untuk dikahwinkan bagi seorang gadis.
3. Seorang anak yatim tidak boleh dikahwinkan tanpa diminta persetujuannya terlebih dahulu. Menurut al-Shan'ani, hadith ini merupakan dalil bagi al-Nashir dan al-Syafi'i bahawa gadis kecil tidak boleh dikahwinkan tanpa seorang ayah, kerana meminta persetujuan tidak dapat diambil kira kecuali setelah gadis kecil itu dewasa. Jadi, tidak ada manfaatnya meminta pertimbangan dan persetujuan anak yang masih di bawah umur. Menurut mazhab Hanafi pula gadis kecil boleh dikahwinkan oleh walinya. Menurut mereka lagi, dia memiliki hak pilih setelah berusia baligh kelak dan masalah ini diqiyaskan dengan perkahwinan hamba perempuan. Apapun, pendapat ini lemah dan tidak dapat diamalkan. Oleh itu,

Abu Yusuf berpendapat gadis kecil yang dikahwinkan pada waktu kanak-kanak tidak memiliki hak pilih setelah berusia baligh kelak, meskipun Abu Yusuf sendiri membolehkan wali selain ayahnya untuk mengahwinkannya, kerana qiyas yang dijadikan sebagai hujah dalam masalah ini amat lemah. Oleh itu, pendapat yang kuat dalam masalah ini adalah pendapat al-Syafi'i.

٢١٤- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا تُزَوِّجُ الْمَرْأَةُ الْمَرْأَةَ، وَلَا تُزَوِّجُ الْمَرْأَةُ نَفْسَهَا". رَوَاهُ ابْنُ مَاجَه وَالدَّارَقُطْنِيُّ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ.

214-Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sorang perempuan tidak dibolehkan mengahwinkan perempuan lain dan dia tidak berhak untuk mengahwinkan dirinya sendiri." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan al-Daruquthni. Periwayat hadith in thiqoh: 1014).

Makna Hadith

Setelah diterangkan bahawa nikah dianggap tidak sah tanpa keberadaan wali, hadith menjelaskan seorang wanita tidak boleh menjadi wali, baik ke atas dirinya mahupun ke atas orang lain. Hal ini kerana kurangnya akal dan kemampuan dalam menentukan perkara-perkara yang dianggap penting apabila dibandingkan dengan kaum lelaki. Malah kita tahu bahawa Islam menjadikan dua banding satu dalam kesaksian wanita dan lelaki, sebagaimana sabda Rasulullah (s.a.w): "Banyak yang dapat disempurnakan oleh seorang lelaki, sementara perempuan hanya mampu menyempurnakan empat perkara…."

Analisis Lafaz

"لَا تُزَوِّجُ", seorang wanita tidak boleh menjadi wali.

"الْمَرْأَةُ", perkataan "المرأة" pertama dibaca *rafa'* dan perkataan "المرأة" kedua dibaca *nasab* kerana kedudukannya sebagai *maf'ul*.

Fiqh Hadith

Seorang wanita tidak dibolehkan mengahwinkan, baik ke atas dirinya mahupun ke atas diri orang lain.

Menurut jumhur ulama berkata, seorang wanita tidak boleh mengahwinkan dirinya meskipun telah mendapat persetujuan wali dan dia

juga tidak boleh mengahwinkan orang sekali gus bertindak sebagai wali atau wakilnya.

Menurut mazhab Hanafi, seorang wanita yang sudah baligh dan berakal boleh mengahwinkan dirinya, anak perempuannya yang masih kecil dan boleh menjadi wakil untuk mengahwinkan orang lain, tetapi jika terjadi pernikahan dengan orang yang tidak sekufu', maka walinya berhak melarang bahkan membatalkannya.

Menurut Imam Malik, wanita yang berkasta rendah boleh mengahwinkan dirinya, namun tidak dilakukan oleh wanita berkasta tinggi.

٢١٥- وَعَنْ نَافِعٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الشِّغَارِ، وَالشِّغَارُ: أَنْ يُزَوِّجَ الرَّجُلُ ابْنَتَهُ عَلَى أَنْ يُزَوِّجَهُ الْآخَرُ ابْنَتَهُ، وَلَيْسَ بَيْنَهُمَا صَدَاقٌ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ. وَاتَّفَقَا مِنْ وَجْهٍ آخَرَ عَلَى أَنَّ تَفْسِيرَ الشِّغَارِ مِنْ كَلَامِ نَافِعٍ.

215- Daripada Nafi' daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang kahwin *syighar*, iaitu seorang lelaki mengahwinkan anak perempuannya dengan orang lain, dan orang lain itu mengahwinkan anak perempuannya dengan si lelaki tadi dan kedua-duanya tidak ada membayar mas kahwin." (Muttafaq 'alaih. Al-Bukhari dan Muslim bersepakat bahawa penjelasan singkat tentang *syighar* ini merupakan perkataan Nafi': 1015).

Makna Hadith

Islam telah menetapkan hukum-hakam yang salah satu daripadanya adalah syarat perkahwinan adalah adanya ijab setelah adanya permohonan, di samping kewujudan wali, saksi dan menyebut mahar. Jika ada syarat selain itu, maka syarat itu dianggap batal. Dalam kaitan, Rasulululllah (s.a.w) bersabda:

مَا بَالُ أُنَاسٍ يَشْتَرِطُونَ شُرُوطًا لَيْسَتْ فِي كِتَابِ اللهِ، مَا كَانَ مِنْ شَرْطٍ لَيْسَ فِي كِتَابِ اللهِ فَهُوَ بَاطِلٌ وَإِنْ كَانَ مِائَةَ شَرْطٍ، قَضَاءُ اللهِ أَحَقُّ وَشَرْطُ اللهِ أَوْثَقُ.

"Apa sebenarnya difikirkan manusia itu hingga memasukkan syarat-syarat yang tidak ada di dalam al-Qur'an dan Sunnah. Apa jua syarat yang tidak terdapat di dalam al-Qur'an dan Sunnah adalah batal, meskipun syarat berjumlah seratus. Ketetapan Allah lebih hak dan syarat Allah lebih kuat."

Demikian pula dengan nikah *syighar* yang di dalamnya memuatkan syarat batil, kerana menyimpang daripada ajaran Allah. Selaini tu, nikah

syighar ini pada hakikathnya adalah menyia-nyiakan hak wanita iaitu mahar.

Analisis Lafaz

"الشِّغَارُ", telah ditafsirkakn dalam hadith iaitu seorang lelaki menikahkan anak perempuannya dengan syarat orang lain itu juga harus menikahkan anak orang itu untuk dirinya dan tidak ada mahar kepada kedua-dua gadis itu. Takrif ini sesuai dengan pendapat pakar bahasa, kerana asal makna *syighar* adalah mengangkat.

"مِنْ كَلَام نَافِعٍ", pendapat ini dinilai kuat oleh al-Bukhari.

Al-Khathib berkata: "Inilah adalah perkataan Imam Malik." Imam al-Syafi'i berkata: "Saya tidak dapat mengenal pasti sama ada tafiran ini datang daripada Rasulullah (s.a.w), Ibn 'Abbas, Ibn 'Umar, Nafi' ataupun Malik." Perkataan diceritakan al-Baihaqi dalam kitab *al-Ma'rifah*.

Fiqh Hadith

Larangan terhadap nikah *syighar*. Meskipun ulama bersepakat dengan larangan ini, tetapi mereka berbeza pendapat mengenai pernikahan itu sendiri, apakah batal atau tidak.

Menurut Imam al-Syafi'i, Imam Malik dan Imam Ahmad, pernikahan itu batal. Menurut mazhab Hanafi dan selain mereka, pernikahan itu sah dan masing-masing perempuan wajib diberi mahar mitsil.

Menurut Imam al-Syafi'i, jika mahar perkahwinan itu disebutkan sewaktu akad dilangsungkan, maka pernikahan itu tidak termasuk *syighar* yang dilarang dalam agama, kerana nikah *syighar* adalah nikah yang dilakukan tanpa mahar. Oleh itu, nikah seperti ini dianggap sah, sementara maharnya tidak ada dan wajib digantikan dengan memberikan mahar mitsil.

٢١٦- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ جَارِيَةً بِكْرًا أَتَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَتْ: أَنَّ أَبَاهَا زَوَّجَهَا وَهِيَ كَارِهَةٌ، فَخَيَّرَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَابْنُ مَاجَه، وَأُعِلَّ بِالْإِرْسَالِ.

216- Daripada Ibn 'Abbas (r.a) bahawa ada seorang gadis datang menghadap Rasulullah (s.a.w). Dia menceritakan bahawa ayahnya telah mengahwinkan dirinya dengan seorang lelaki yang tidak dicintainya. Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) menyuruhnya untuk memilih (sama ada meminta batal perkahwinan itu atau sebaliknya). (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu

Dawud dan Ibn Majah. Hadith dinilai cacat kerana mursal: 1016).

Makna Hadith

Hadith ini menceritakan bahawa seorang gadis tidak boleh berkahwin kecuali setelah diminta persetujuannya. Jika gadis itu dipaksa untuk berkahwin, maka dia mempunyai hak pilih.

Analisis Lafaz

"وَأُعِلَّ بِالْإِرْسَالِ", hadith ini dinilai cacat lantaran mursal, kerana ia diriwayatkan oleh sekumpulan ulama daripada Ayyub daripada 'Ikrimah secara mursal, namun dianggap mawshul oleh Jarir bin Hazim dan Zaid bin Hibban. Ulama yang meyakninya sebagai mursal adalah Imam al-Syafi'i, al-Baihaqi, al-Baghawi dan sekumpulan ulama.

Fiqh Hadith

1. Seorang ayah tidak boleh mengahwinkan anak gadisnya kecuali setelah meminta persetujuannya terlebih dahulu dan demikian pula dengan wali yang selain ayah. Pendapat yang mengatakan seorang ayah tidak boleh memaksa anak gadisnya untuk berkahwin adalah mazhab Hanafi. Menurut Imam al-Syafi'i, Ishaq dan Imam Ahmad, seoarang ayah berhak memaksa anaknya gadisnya untuk berkahwin dan ini selari dengan sabda Rasulullah (s.a.w): Janda lebih berhak ke atas dirinya." *Mafhum mukhalafah* daripada hadith ini adalah seorang gadis tidak berhak ke atas dirinya sendiri dalam hal menentukan pasangan hidup dan wali lebih berhak dalam menentukan pasangan hidupnya. Mereka menyanggah hadith Ibn Abbas sebagai *mursal* atau ada kemungkinan itu disebabkan ayahnya mengahwinkan anak gadisnya dengan lelaki yang tidak sekufu' atau ada kemungkinan lain bahawa kes ini bersifat khusus. Mereka turut menyanggah hadith yang diriwayatkan Muslim: "Ayah seorang gadis harus meminta keredhaannya (anak gadisnya kerana tambah perkataan "ayah" di dalam hadith ini tidak benar. Pendapat ini diceritakan oleh al-Baihaqi.
2. Sesiapa yang memaksa anak gadisnya untuk berkahwin, maka dia mempunyai hak untuk memilih.

٢١٧- وَعَنْ الْحَسَنِ عَنْ سَمُرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أَيُّمَا امْرَأَةٍ زَوَّجَهَا وَلِيَّانِ، فَهِيَ لِلْأَوَّلِ مِنْهُمَا". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَة، وَحَسَّنَهُ التِّرْمِذِيُّ.

217- Daripada al-Hasan daripada Samurah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Mana-mana perempuan yang dikahwinkan oleh dua wali, maka dia menjadi milik wali yang pertama." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Arba'ah dan dinilai hasan oleh al-Tirmidhi: 1017).

Makna Hadith

Oleh kerana seorang perempuan kadang kala mempunyai ramai wali, keadaan ini boleh menyebabkan seorang wanita boleh dikahwinkan oleh dua orang wali. Hadith ini datang memberikan solusi ke atas permasalahan ini dan mengatakan bahawa pernikahan yang dianggap sah adalah wali yang menikahkan pertama kali. Ini kerana ketika pernikahan pertama telah dinyatakan sah, maka pernikahan kedua menjadi batal, sebab tidak halal menikahi wanita yang masih bersuami.

Analisis Lafaz

"فَهِيَ لِلْأَوَّلِ", yakni bagi wali yang pertama menikahkan.

"وَحَسَّنَهُ التِّرْمِذِيُّ", sesuai dengan kaedahnya dalam menilai hasan terhadap hadith yang diriwayatkan oleh al-Hasan daripada Samurah seperti hadith: "جار الدار أحق بدار الجار" (Jiran yang berdekatan rumah lebih berhak dengan rumah jirannya) dan hadith: "لا يباع الحيوان بالحيوان نسيئة" (Tidak boleh menukar haiwan ternakan dengan haiwan ternakan dengan cara nasi'ah. Perbezaan pendapat sama ada al-Hasan pernah mendengar hadith daripada Samurah amatlah masyhur.

Fiqh Hadith

Jika seorang wanita dinikahkan oleh dua orang wali, maka yang dianggap sah adalah pernikahan yang pertama, sama ada pernikahan yang kedua telah terjadi persetubuhan ataupun tidak. Inilah pendapat kebanyakan ulama, kecuali pendapat yang diriwayatkan daripada Atha' yang mengatakan bahawa jika pernikahan yang kedua telah menyetubuhinya, maka dia yang lebih berhak menjadi suaminya. Pendapat yang serupa turut dikemukakan oleh Imam Malik.

Bagi pensyarah kitab ini, pengecualian ini berlaku jika lelaki kedua ini tidak mengetahui pernikahan pertama. Jika dia mengetahuinya, maka perbuatannya itu dinyatakan sebagai perbuatan zina dan wanita tersebut mesti dikembalikan kepada lelaki pertama.

Jika terjadi dalam satu waktu yang bersamaan, maka pernikahan dianggap batal. Demikian pula jika ada anggapan bahawa pernikahan terjadi secara bersamaan. Jika isteri membuat pengakuan bahawa salah seorang

suami telah menyetubuhinya dengan keredhaannya, maka akad yang sah adalah yang telah diakuinya itu kerana persetubuhan yang diredhainya itu merupakan bukti bahawa perkahwinan tersebut terjadi lebih awal.

Periwayat Hadith

Al-Hasan, beliau adalah Abu Sa'id. Namanya al-Hasan bin Abu al-Hasan al-Bashri, mawla Zaid bin Tsabit. Lahir dua tahun di akhir masa pemerintahan 'Umar bin al-Khatthab. Beliau sempat bertemu 'Ali di Madinah. Pada masa hidupnya beliau merupakan orang 'alim yang sentiasa mengamalkan pengetahuannya, seorang wara' dan zuhud. Beliau meninggal dunia pada tahun seratus sepuluh Hijriah bulan Rajab.

٢١٨- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَيُّمَا عَبْدٍ تَزَوَّجَ بِغَيْرِ إِذْنِ مَوَالِيهِ أَوْ أَهْلِهِ، فَهُوَ عَاهِرٌ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ، وَكَذَلِكَ ابْنُ حِبَّانَ.

218- Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Mana-mana hamba yang berkahwin tanpa memperoleh kebenaran terlebih dahulu daripada tuannya atau keluarganya maka dia adalah pelacur." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan al-Tirmidhi yang sekali gus menilainya sahiah dan demikian pula Ibn Hibban: 1018).

Makna Hadith

Hadith sebelum ini menyebutkan bahawa tidak sah nikah kecuali dengan wali, maka dalam hadith ini disebutkan bahawa seorang hamba lelaki juga memerlukan wali ketika hendak berkahwin seperti mana seorang wanita merdeka, kerana perkahwinan seorang hamba membuat pekerjaannya terganggu. Oleh itu, dia mesti meminta izin terlebih dahulu kepada tuannya ketika hendak berkahwin.

Analisis Lafaz

"عَاهِرٌ", penzina.

Fiqh Hadith

Perkahwinan seorang hamba tanpa izin tuannya dianggap batal, bahkan dihukumkan sebagai zina. Inilah pendapat ini jumhur ulama, tetapi mereka

berkata: "Hamba tidak dijatuhi hukuman hudud apabila tidak mengetahui hukum perbuatannya, sementara keturunannya dinasabkan kepadanya.

Menurut Abu Dawud, perkahwinan seorang hamba itu dianggap sah, kerana menurutnya lagi hadith ini tidak sahih.

٢١٩- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا يُجْمَعُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَعَمَّتِهَا، وَلَا بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَخَالَتِهَا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

219- Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak boleh dimadu antara seorang perempuan dengan saudari ayahnya dan begitu pula antara seorang perempuan dengan saudari ibunya." (Muttafaq 'alaih: 1019).

Makna Hadith

Allah (s.w.t) menyebutkan wanita yang diharamkan untuk dinikahi sebagaimana dalam firman-Nya:

﴿ وَٱلْمُحْصَنَٰتُ مِنَ ٱلنِّسَآءِ إِلَّا مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُمْ ۖ كِتَٰبَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ ۚ وَأُحِلَّ لَكُم مَّا وَرَآءَ ذَٰلِكُمْ .... ﴿٢٤﴾

"*Dan (diharamkan juga kamu berkahwin dengan) perempuan-perempuan isteri orang, kecuali hamba sahaya yang kamu miliki. (Haramnya segala yang tersebut itu) ialah suatu ketetapan hukum Allah (yang diwajibkan) atas kamu. Dan (sebaliknya) dihalalkan bagi kamu perempuan-perempuan yang lain daripada yang tersebut itu,…*" (Surah al-Nisa': 24). Hadith ini datang untuk mengecualikan sebahagian daripadanya, di mana seseorang dilarang memadukan seorang wanita dengan mak cik sebelah ayahnya atau memadukan seorang wanita dengan mak cik sebelah ibunya dalam satu masa.

Alasan larangan ini disebutkan dalam beberapa riwayat bahawa mak cik sebelah memiliki kedudukan yang sama dengan ibu." Ketika ibu diharamkan untuk dinikahi anaknya, maka demikian pula dengan mak ciknya, kerana mak ciknya merupakan salah satu kerabat paling dekat dengannya. Demikian pula hukum dengan mak cik sebelah ayahnya.

Tambahan pula bahawa memadukan seorang wanita dengan mak ciknya merupakan suatu perbuatan yang amat membahayakan, malah menyebabkan perbalahan di dalam keluarga sehingga dapat memutuskan silaturrahim.

Analisis Lafaz

"لَا يُجْمَعُ", *mabni li al-majhul* dan huruf *lam* di sini sebagai *nafi* yang bermakna larangan (*nahi*).

"وَعَمَّتِهَا", meskipun mak cik sebelah ayah.

"وَخَالَتِهَا", meskipun mak cik sebelah ibu sebagaimana disebutkan dalam riwayat al-Bukhari: "Maka kami berpendapat bahawa mak cik ayahnya memiliki kedudukan yang sama dalam masalah masalah ini."

Fiqh Hadith

Haram memadu seorang wanita dengan mak ciknya, baik sebelah ayah mahupun sebelah ibu berdasarkan ijma' ulama.

Penting

Dalam perkembangan lain, Abu Dawud menyebutkan lafaz hadith yang berbeza:

كُرِهَ أَنْ يُجْمَعَ بَيْنَ الْعَمَةِ وَالْخَالَةِ وَبَيْنَ الْعَمَتَيْنِ وَالْخَالَتَيْنِ.

"*Dimakruhkan memadu saudari ayah dengan saudari ibu atau memadu kedua saudari ibu atau ayah.*" Sanad hadith ini daif menurut al-Suyuthi seperti mana dinukil daripada al-Kamal al-Dairi.

Hal ini menjadi perdebatan di kalangan para ulama, sehingga mereka mengertikannya sebagai majaz, kerana apa yang dilarang adalah memadu dua wanita yang salah seorang daripadanya adalah saudari ayah dan seorang lagi saudari ibu atau mereka berdua merupakan saudari ibu atau saudara ayah.

٢٢٠- وَعَنْ عُثْمَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يَنْكِحُ الْمُحْرِمُ وَلَا يُنْكَحُ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ. وَفِي رِوَايَةٍ لَهُ: "وَلَا يَخْطُبُ". وَزَادَ ابْنُ حِبَّانَ: "وَلَا يُخْطَبُ عَلَيْهِ".

220- Daripada 'Utsman (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Orang yang sedang berihram tidak boleh berkahwin dan tidak boleh pula mengahwinkan." (Diriwayatkan oleh Muslim. Dalam riwayat Muslim yang lain disebutkan: "dan tidak boleh meminang." Ibn Hibban menambahkan: "dan tidak boleh dipinang: 1020).

٢٢١- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: تَزَوَّجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَيْمُونَةَ وَهُوَ مُحْرِمٌ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

221- Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) mengahwini Maimunah ketika sedang berihram." (Muttafaq 'alaih: 1021).

٢٢٢- وَلِمُسْلِمٍ عَنْ مَيْمُونَةَ نَفْسِهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَزَوَّجَهَا وَهُوَ حَلَالٌ.

222- Menurut riwayat Muslim daripada Maimunah sendiri bahawa Rasulullah (s.a.w) mengahwininya dalam keadaan tidak berihram: 1022).

Makna Hadith

Hadith pertama dan kedua tidaklah bercanggah antara satu sama lain setelah menegaskan bahawa hadith pertama tidak membolehkan seorang yang sedang berihram menikah dan dinikahkan. Namun Ibn 'Abbas tidak sependapat dengan kaedah ini. Apapun, menerima hadith ini lebih diutamakan kerana periwayatnya lebih mengetahui dengan permasalahan ini.

Dua orang ulama yang mensyarah kitab ini, iaitu: 'Alawi 'Abbas al-Maliki dan Hasan Sulaiman al-Nuri telah pun membahas masalah ini dalam bab haji. Oleh itu, saya tidak perlu lagi membahasnya di sini. Namun saya cuba akan membahas kenapa Ibn Abbas tidak sependapat dalam masalah ini. Ini kerana Ibn 'Abbas berpendapat mengenai firman Allah: "*dan engku halal terhadap negeri ini*." (Surah al-Balad: 2) bahawa Rasulullah (s.a.w) telah dihalalkan untuk melakukan apa sahaja dan ini seperti mana yang diriwayatkan oleh al-Hakim dalam kitabnya al-Mustadrak.

Ketika Ibn 'Abbas mengetahui Rasulullah (s.a.w) berkahwin dengan Maimunah, beliau meyakini bahawa baginda melakukan demikian dalam keadaan berihram kerana baginda memiliki keistimewaan yang dibolehkan baginya melakukan segala sesuatu di tanah haram. Apapun, tafsiran Ibn Abbas masih diragui kesahihannya.

٢٢٣- وَعَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ أَحَقَّ الشُّرُوطِ أَنْ يُوَفَّى بِهِ مَا اسْتَحْلَلْتُمْ بِهِ الْفُرُوجَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

223- Daripada 'Uqbah bin 'Amir (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya syarat yang paling berhak untuk ditepati adalah

syarat yang menghalalkan faraj." (Muttafaq 'alaih: 1023).

Makna Hadith

Seseorang yang melangsungkan akad nikah kadang kala mengemukakan syarat-syarat dipandang mereka penting, sama ada ia berkaitan dengan harta atau selainnya. Rasulullah (s.a.w) memberitahu bahawa mematuhi syarat itu adalah wajib, kerana hubungan antara suami isteri memiliki ciri tersendiri supaya tidak berlaku perceraian, kerana dalam satu hadith disebutkan:

أَبْغَضُ الْحَلاَلِ إِلَى اللهِ الطَّلاَقُ.

"Perbuatan halal yang paling dibenci oleh Allah adalah talak." Oleh itu, syarat dalam pernikahan dipersempit ruangnya.

Analisis Lafaz

"مَا اسْتَحْلَلْتُمْ بِهِ الْفُرُوجَ", perumpamaan bagi suatu pernikahan.

Fiqh Hadith

Wajib mematuhi dan memenuhi syarat-syarat pernikahan. Al-Khatthabi berkata: "Syarat nikah berbeza antara satu sama lain. Ada syarat yang wajib dipatuhi berdasarkan kesepakatan ulama, iaitu syarat untuk mematuhi apa-apa yang diperintah oleh Allah seperti berbuat baik kepada isteri atau menceraikannya dengan cara yang baik pula. Inilah hadith yang dikemukakan dalam masalah ini.

Ada pula syarat yang tidak perlu dipenuhi secara mutlak dan ulama bersepakat dalam masalah ini iaitu perempuan yang mensyaratkan supaya suaminya menceraikan isterinya seperti mana yang disebut dalam satu hadith.

Ada pula syarat yang masih diperdebatkan seperti syarat bagi orang yang melarang seorang suami untuk berkahwin dengan perempuan, tidak boleh berkahwin dengan hamba perempuan atau isteri menesyaratkan tidak mahu berpindah ke rumah suaminya.

Menurut Imam al-Syafi'i, syarat dalam pernikahan ada dua, iaitu; pertama, syarat yang berkaitan dengan mahar dan ini wajib dipenuhi; kedua, syarat yang tidak berkaitan dengan mahar dan ulama berbeza pendapat dalam masalah ini.

٢٢٤- وَعَنْ سَلَمَةَ بْنِ الْأَكْوَعِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: رَخَّصَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَ أَوْطَاسٍ فِي الْمُتْعَةِ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ، ثُمَّ نَهَى عَنْهَا. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

224- Daripada Salmah bin al-Akwa' (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) memberikan kelonggaran menikah mut'ah pada tahun penaklukkan kota Makkah selama tiga hari, kemudian baginda melarangnya semula." (Riwayat Imam Muslim: 1024).

٢٢٥- وَعَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ الْمُتْعَةِ عَامَ خَيْبَرَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

225- Daripada Ali (r.a(, beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang nikah mut'ah pada tahun Perang Khaibar." (Muttafaq 'alaih: 1025).

٢٢٦- وَعَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ مُتْعَةِ النِّسَاءِ، وَعَنْ أَكْلِ الْحُمُرِ الْأَهْلِيَّةِ يَوْمَ خَيْبَرَ. أَخْرَجَهُ السَّبْعَةُ إِلاَّ أَبَا دَاوُدَ.

226- Daripada Ali (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) telah melarang nikah mut'ah dan memakan keldai kampung sewaktu Perang Khaibar. (Diriwayatkan oleh al-Sab'ah selain Abu Dawud: 1026).

٢٢٧- عن رَبِيعِ بْنُ سَبُرَةَ عَنْ أَبِيْهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِنِّي كُنْتُ قد أَذِنْتُ لَكُمْ فِي الإِسْتِمْتَاعِ مِنْ النِّسَاءِ، وَإِنَّ اللهَ قَدْ حَرَّمَ ذَلِكَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ، فَمَنْ كَانَ عِنْدَهُ مِنْهُنَّ شَيْءٌ فَلْيُخَلِّ سَبِيلَهَا، وَلاَ تَأْخُذُوا مِمَّا آتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا. رَوَاهُ مُسْلِمٌ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجه وَأَحْمَدُ وَابْنُ حِبَّانَ.

227- Daripada Rabi' bin Saburah daripada ayahnya bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Aku sebelum ini telah diberi kebenaran untuk melakukan nikah mut'ah, namun sekarang Allah telah megharamkannya hingga hari kiamat. Jadi, barang siapa yang mempunyai isteri dengan cara nikah mut'ah, maka hendaklah dia melepaskannya dan janganlah kamu mengambil mas kahwin yang telah kamu berikan kepadanya." (Diriwayatkan oleh Muslim, Abu Dawud, al-Nasa'i, Ibn Majah, Ahmad dan Ibn Hibban: 1027).

Makna Hadith

Ketika nikah mut'ah tidak dikategorikan sebagai perbuatan zina, namun ulama ahli sunnah tidak mengemukakan satu takrif yang jelas terhadap amalan pernikahan ini selain sekadar menjelaskan yang intinya adalah seorang lelaki yang memakai wanita untuk disetubuhi dalam waktu yang telah ditentukan dengan bayaran sesuai dengan kesepakatan bersama antara

mereka, sementara wanita itu tidak berhak mendapatkan nafkah, malah dia juga tidak wajib beriddah kecuali sampai dia suci. Mazhab Imamiyah memberikan masa iddahnya hingga sampai dua kali suci.

Oleh kerana mut'ah merupakan pelecehan terhadap kaum wanita kerana mereka dianggap barang dagangan yang boleh diperjualbelikan, maka Islam mengharamkannya, meskipun sewaktu itu diharamkan masih wujud keringanan yang membolehkannya lantaran ada alasan-alasan yang jelas.

Al-Nawawi berkata: "Pengharaman dan pembolehan nikah mut'ah terjadi sebanyak dua kali. Pertama, nikah ini dibolehkan sebelum Perang Khaibar, kemudian diharamkan pada waktu Perang Khaibar. Kedua, kemudian dibolehkan semula pada tahun penaklukkan kota Makkah, kemudian diharamkan untuk selama-lamanya sampai hari kiamat."

Analisis Lafaz

"رَخَّصَ", dibolehkan setelah sebelumnya pernah dilarang. Biasanya, *rukhsah* (keringan) diberikan dengan ketentuan syarat tertentu.

"عَامَ أَوْطَاسٍ", pada tahun kemenangan.

"الْمُتْعَةِ", nikah mut'ah.

"عَنْهَا", yakni nikah mut'ah.

"مِنْهُنَّ", para wanita yang dinikahi dengan cara nikah mut'ah.

"فَلْيُخَلِّ", hendaklah meninggalkannya.

"سَبِيلَهَا", biarkanlah untuk memutuskan nikah mut'ah.

"آتَيْتُمُوهُنَّ", apa-apa yang telah kamu berikan, baik berupa harta mahupun yang selainnya sebagai upahnya.

Fiqh Hadith

1. Haram melakukan nikah mut'ah berdasarkan ijma' ulama. Sekumpulan sahabat ada yang masih menetapkan rukhsah nikah mut'ah ini, tetapi dalam riwayat yang lain disebutkan bahawa mereka telah pun rujuk daripada pendapat ini. Malah menurut Ibn Rusyd, riwayat yang mengharamkan nikah mut'ah adalah mutawatir.
2. Diharamkan memakan daging keldai kampung, yakni keldai jinak.

٢٢٨- وَعَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَعَنَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُحَلِّلَ وَالْمُحَلَّلَ لَهُ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالنَّسَائِيُّ وَالتِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ.

228- Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melaknat *muhallil* (pelaku cina buta) dan *muhallal lahu* (orang yang mahu diajak bercina buta). (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Nasa'i dan al-Tirmidhi yang sekali gus menilainya sahih: 1028)

٢٢٩- وَفِي الْبَابِ عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَخْرَجَهُ الْأَرْبَعَةُ إِلَّا النَّسَائِيَّ.

229- Dalam bab ini ada hadith Ali (r.a) yang diriwayatkan oleh al-Arba'ah selain al-Nasa'i: 1029)

Makna Hadith

Allah (s.w.t) berfirman:

ٱلطَّلَٰقُ مَرَّتَانِۖ فَإِمۡسَاكُۢ بِمَعۡرُوفٍ أَوۡ تَسۡرِيحُۢ بِإِحۡسَٰنٖۗ وَلَا يَحِلُّ لَكُمۡ أَن تَأۡخُذُواْ مِمَّآ ءَاتَيۡتُمُوهُنَّ شَيۡـًٔا إِلَّآ أَن يَخَافَآ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ ٱللَّهِۖ فَإِنۡ خِفۡتُمۡ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ ٱللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيۡهِمَا فِيمَا ٱفۡتَدَتۡ بِهِۦۗ تِلۡكَ حُدُودُ ٱللَّهِ فَلَا تَعۡتَدُوهَاۚ وَمَن يَتَعَدَّ حُدُودَ ٱللَّهِ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٢٩﴾

"*Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali. Sesudah itu bolehlah ia (rujuk dan) memegang terus (isterinya itu) dengan cara yang sepatutnya atau melepaskan (menceraikannya) dengan cara yang baik dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu dari apa yang telah kamu berikan kepada mereka (isteri-isteri yang diceraikan itu) kecuali jika keduanya (suami isteri takut tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah. Oleh itu kalau kamu khuatir bahawa kedua-duanya tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah, maka tidaklah mereka berdosa - mengenai bayaran (tebus talak) yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya (dan mengenai pengambilan suami akan bayaran itu). Itulah aturan-aturan hukum Allah maka janganlah kamu melanggarnya; dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.*" (Surah al-Baqarah: 229)

Hadith ini menjelaskan jika talak tiga telah dijatuhkan, maka wanita itu tidak halal lagi bagi suaminya sampai wanita tersebut menikah dengan lelaki lain. Dalam kaitan ini, Allah (s.w.t) berfirman:

فَإِن طَلَّقَهَا فَلَا تَحِلُّ لَهُۥ مِنۢ بَعۡدُ حَتَّىٰ تَنكِحَ زَوۡجًا غَيۡرَهُۥۗ فَإِن طَلَّقَهَا فَلَا جُنَاحَ عَلَيۡهِمَآ أَن يَتَرَاجَعَآ إِن ظَنَّآ أَن يُقِيمَا حُدُودَ ٱللَّهِۗ وَتِلۡكَ حُدُودُ ٱللَّهِ يُبَيِّنُهَا لِقَوۡمٖ

يَعْلَمُونَ ﴿٢٣٠﴾

"*Sesudah (diceraikan dua kali), itu jika diceraikan pula (bagi kali yang ketiga) maka perempuan itu tidak halal lagi baginya sesudah itu, sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain. Setelah itu kalau ia diceraikan (oleh suami baharu itu dan habis idahnya), maka mereka berdua (suami lama dan bekas isterinya) tidaklah berdosa untuk kembali (maskahwin semula), jika mereka kuat menyangka akan dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah dan itulah aturan-aturan hukum Allah, diterangkannya kepada kaum yang (mahu) mengetahui dan memahaminya.*" (Surah al-Baqarah: 230)

Suami kedua mestilah benar-benar ingin mengahwini perempuan itu tanpa ada unsur paksaan daripada suami pertama. Jika mereka bercerai lagi, maka suami pertama boleh berkahwin semula dengan mantan isterinya yang pernah ditalak tiga itu.

Namun ada sesetengah pihak yang melakukan cina buta, di mana seorang suami menyuruh orang lain untuk mengahwini isteri yang telah diceraikannya supaya halal baginya untuk dikahwininya lagi, kemudian Rasulullah (s.a.w) melaknat *muhallil* dan *muhallal lahu*. Dalam riwayat lain disebutkan bahawa *muhallil* dianggap sebagai pelacur pinjaman. Hadith ini merupakan dalil yang mengharamkan amalan cina buta.

Analisis Lafaz

"لَعَنَ", didoakan agar dijauhkan daripada rahmat Allah.

"الْمُحَلِّلَ", dinamakan demikian, kerana dia menikahi perempuan yang ditalak tiga, kemudian dia menceraikannya agar boleh dikahwini semula oleh suami pertama yang menceraikannya.

"الْمُحَلَّلَ لَهُ", suami yang menjatuhkan talak tiga kepada isterinya

"وَفِي الْبَابِ عَنْ عَلِيٍّ", sanadnya daif, kerana ada Mujalid, kerana dia seorang yang dipertentangkan dalam meriwayatkan hadith. Demikian pula hadith Jabir, hadith Abu Hurairah, 'Uqbah bin 'Amir dan Ibn 'Abbas.

Fiqh Hadith

1. Haram melakukan cina buta.
2. Haram menghalalkan isteri yang telah ditalak tiga oleh suaminya dengan melakukan cina buta, kecuali jika dia menikahinya tanpa niat untuk menghalalkannaya. Jumhur ulama berpendapat bahawa nikah seperti ini batil, sementara wanita tersebut tetap tidak halal lagi bagi suaminya yang pertama. Menurut mazhab Hanafi, nikah dianggap sah namun syaratnya dianggap batal dan wanita tersebut berhak

mendapatkan mahar mitsil. Jika suami kedua menyetubuhinya, kemudian menceraikannya, maka suami pertama boleh menikahinya setelah masa iddahnya berakhir. Dalil mazhab Hanafi adalah perkataan *al-muhallil* yang membawa maksud pernikahannya itu adalah sah. Namun jumhur ulama menyanggah pendapat ini dengan mengatakan bahawa istilah *al-muhallil* tidak dapat difahami mengikut maknanya yang sebenar, kerana Rasulullah (s.a.w) melaknat perbuatan mereka dan laknat tidak ditujukan kecuali ke atas perbuatan yang diharamkan. Sementara perbuatan haram dilarang dan perbuatan yang dilarang akan menyebabkan *fasid*.[21] Al-Tirmidhi menukil perkataan Waki yang mengatakan sepatutnya perbahasan dalam masalah ini dinisbahkan kepada ashhabur ra'yi.

Penting

Al-Hafiz Ibn Hajar menyebut hadith ini setelah pengharaman nikah mut'ah, kerana menurut sekumpulan ulama permasalahan ini adalah sama, di mana kedua-dua bentuk nikah ini memiliki niat untuk menceraikan wanita yang akan dinikahinya dalam waktu yang telah ditentukan.

٢٣٠- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يَنْكِحُ الزَّانِي الْمَجْلُودُ إِلَّا مِثْلَهُ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ.

230- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Orang berzina yang pernah dijatuhi hukuman hudud tidak patut berkahwin kecuali dengan perempuan yang sama dengan dirinya." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan periwayatnya thiqoh: 1030).

Makna Hadith

Allah (s.w.t) berfirman:

ٱلْخَبِيثَٰتُ لِلْخَبِيثِينَ وَٱلْخَبِيثُونَ لِلْخَبِيثَٰتِ ۖ وَٱلطَّيِّبَٰتُ لِلطَّيِّبِينَ وَٱلطَّيِّبُونَ لِلطَّيِّبَٰتِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ مُبَرَّءُونَ مِمَّا يَقُولُونَ ۖ لَهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ ﴿٢٦﴾

[21] Ulama tidak bersepakat bahawa larangan menyebabkan hukum fasid dalam kitab usul fiqh.

"(Lazimnya) perempuan-perempuan yang jahat adalah untuk lelaki-lelaki yang jahat, dan lelaki-lelaki yang jahat untuk perempuan-perempuan yang jahat; dan (sebaliknya) perempuan-perempuan yang baik untuk lelaki-lelaki yang baik, dan lelaki-lelaki yang baik untuk perempuan-perempuan yang baik. Mereka (yang baik) itu adalah bersih dari (tuduhan buruk) yang dikatakan oleh orang-orang (yang jahat); mereka (yang baik) itu akan beroleh pengampunan (dari Allah) dan pengurniaan yang mulia." (Surah al-Nur: 26)

Ayat ini menetapkan bahawa perempuan jahat lazimnya berpasangan dengan lelaki jahat, tetapi ini tidak bersifat mutlak hingga mereka tidak boleh berkahwin dengan orang lain. Buktinya Nabi Nuh (a.s) mempunyai isteri yang derhaka dan jahat, sebagaimana Asiyah seorang wanita solehah yang bersuamikan Fir'aun yang mengaku Tuhan.

Larangan ini bertujuan bagi memastikan orang baik sama lelaki atau perempuan tidak terjerumus ke dalam perbutan zina akibat pengaruh pasangannya yang merupakan orang jahat.

Analisis Lafaz

"يَنْكِحُ", mengahwini.

Fiqh Hadith

Larangan bagi wanita muslimah untuk berkahwin dengan lelaki pezina, meskipun ulama bersepakat mengenai larangan ini, namun tetapi mereka berbeza pendapat sama ada nikah yang dilakukan itu sah ataupun sebaliknya.

Menurut jumhur ulama, mereka boleh berkahwin dan nikahnya pula dinyatakan sah, namun ada sekumpulan ulama yang melarangnya. Ibn Hazm dan Ibn al-Qayyim memilih pendapat yang melarang dengan dalil firman Allah (s.w.t):

ٱلزَّانِى لَا يَنكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَٱلزَّانِيَةُ لَا يَنكِحُهَآ إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ ۚ وَحُرِّمَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾

"Pezina lelaki tidak boleh menikah kecuali dengan pezina perempuan atau wanita musyrik, pezina perempuan tidak boleh menikah kecuali kepada pezina lelaki atau seorang musyrik, dan yang demikian itu diharamkan terhdap orang-orang mu'min."

Jumhur ulama menyanggah pendapat ini dengan mengatakan bahawa maksud ayat di atas adalah wanita yang sudah terkenal sebagai pezina dan orang musyrik. Mereka turut menyanggah hadith ini dengan mengatakan bahawa hadith ini hanya sekadar menunjukkan kebiasaan, kerana orang

yang gemar berzina biasanya tidak berkahwin kecuali dengan pasangn yang sama seperti dirinya.

Penting

Dalam kitab *al-Bahr* diceritakan daripada 'Ali, Ibn 'Abbas, Ibn 'Umar, Jabir, Ibn al-Musayyab, 'Urwah, Imam Malik, Imam al-Syafi'i, Rabi'ah dan Abu Tsaur bahawa perempuan tidak diharamkan berkahwin dengan orang yang menzinainya. Dalilnya firman Allah (s.w.t):

.... وَأُحِلَّ لَكُم مَّا وَرَآءَ ذَٰلِكُمْ .... ﴿٢٤﴾

"*... Dan (sebaliknya) dihalalkan bagi kamu perempuan-perempuan yang lain daripada yang tersebut itu,...*" (Surah al-Nisa': 24). Dalilnya pula adalah hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Majah:

لاَ يُحَرِّمُ الْحَلاَلَ الْحَرَامُ.

"*Sesuatu yang halal tidak dapat dihalalkan oleh sesuatu yang haram.*"

Diriwayatkan daripada al-Hasan bahawa seorang perempuan diharamkan berkahwin dengan orang yang menzinainya.

٢٣١- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: طَلَّقَ رَجُلٌ امْرَأَتَهُ ثَلَاثًا، فَتَزَوَّجَهَا رَجُلٌ، ثُمَّ طَلَّقَهَا قَبْلَ أَنْ يَدْخُلَ بِهَا، فَأَرَادَ زَوْجُهَا أَنْ يَتَزَوَّجَهَا، فَسُئِلَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ذَلِكَ، فَقَالَ: "لَا، حَتَّى يَذُوقَ الْآخَرُ مِنْ عُسَيْلَتِهَا مَا ذَاقَ الْأَوَّلُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

231- Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Ada seorang lelaki mentalak tiga kali isteriny, lalu ada lelaki lain yang mengahwini bekas isterinya itu, kemudian lelaki itu mencerainya sebelum disetubuhinya. Suami pertama kemudian ingin berkahwin semula dengan bekas isterinya itu. Permasalahan ini kemudian ditanyakan kepada Rasulullah (s.a.w) dan baginda menjawab: "Itu tidak boleh dilakukan, sehinggalah suami kedua merasakan manisnya (bersetubuh) sebagaimana yang dirasakan oleh suami pertama." (Muttafaq 'alaihi. Lafaz hadith ini riwayat Muslim: 1031).

Makna Hadith

Ketika Allah tidak menghalalkan bagi seorang suami untuk mengahwini isteri yang telah ditalak tiga sebelum isteirnya berkahwin dengan orang lain,

maka hadith ini datang untuk menjelaskan maksud dan makna "nikah" itu sendiri. Ia bermaksud isteri yang telah ditalak tiga tidak boleh dikahwini oleh suamu yang pertama sehinggalah suaminya yang kedua merasakan manisnya dan nikmatnya persetubuhan dengannya, bukan hanya sekadar melangsungkan akad pernikahan belaka. Dalam riwayat al-Bukhari disebutkan:

أَنَّ امْرَأَةَ رِفَاعَةَ الْقُرَظِيِّ جَاءَتْ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّ رِفَاعَةَ طَلَّقَنِي فَبَتَّ طَلَاقِي، وَإِنِّي نَكَحْتُ بَعْدَهُ عَبْدَ الرَّحْمَنِ بْنَ الزُّبَيْرِ الْقُرَظِيَّ، وَإِنَّمَا مَعَهُ مِثْلُ الْهُدْبَةِ. قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَعَلَّكِ تُرِيدِينَ أَنْ تَرْجِعِي إِلَى رِفَاعَةَ، لَا حَتَّى يَذُوقَ عُسَيْلَتَكِ وَتَذُوقِي عُسَيْلَتَهُ.

"Isteri Rifa'ah datang kepada Rasulullah (s.a.w) dan bertanya: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya suamiku, Rifa'ah telah menceraikanku, kemudian aku berkahwin lagi dengan 'Abdurrahman bin al-Zubair al-Qurazhi, tetapi dia seorang lelaki yang zakarnya tidak mampu mengeras. Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Agaknya kamu ingin kembali semula kepada Rafa'ah? Tidak boleh, kecuali jika dia telah merasakan manisnya dan nikmatnya bersetubuh denganmu, demikian pula kamu."

Lafaz hadith yang dikemukakan Ibn Hajar di atas merupakan ringkasan daripada hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari ini.

Analisis Lafaz

"رَجُلٌ", dia adalah Rifa'ah al-Qurazhi sebagaimana dalam riwayat al-Bukhari.

"ثَلَاثًا", apa yang pasti dalam riwayat al-Bukhari bahawa talak tiga ini terjadi dalam satu majlis

"فَتَزَوَّجَهَا رَجُلٌ", dia adalah 'Abdurrahman bin al-Zubair al-Qurazhi.

"قَبْلَ أَنْ يَدْخُلَ بِهَا", dalam riwayat al-Bukhari disebutkan alasannya iaitu zakarnya mirip bulu ayam kerana tidak mampu mengeras.

"الْآخَرُ", 'Abdurrahman.

"عُسَيْلَتَهُ", ini merupakan perumpamaan bagi persetubuhan, kerana tradisi Arab apabila ingin menggambarkan sesuatu yang lazat diungkapkan dengan istilah madu.

Fiqh Hadith

1. Boleh menjatuhkan talak tiga menurut pendapat al-Bukhari, Ibn Taimiyyah dan sekumpulan ulama, namun istinbat hukum seperti ini daripada hadith di atas masih memuatkan banyak kemungkinan.
2. Wanita yang sudah ditalak tiga tidak boleh dirujuk oleh suaminya sehinggalah dia berkahwin dengan lelaki lain dan melakukan persetubuhan dengannya lalu dia diceraikan lagi. Inilah ijma' ulama kecuali ada satu pendapat yang diriwayatkan daripada Ibn al-Musayyab. Ulama berbeza pendapat mengenai maksud *'asilah* di dalam hadith ini Menurut al-Hasan, *'asilah* adalah mengeluarkan mani dan pernikahan semula oleh suami pertama tidak dapat dihalalka melainkan dengan cara seperti itu. Menurut jumhur ulama, *'asilah* adalah perumpamaan bagi persetubuhan dan ini terjadi ketika kepala zakar seorang lelaki masuk ke dalam kemaluan perempuan. Inilah yang mewajibkan dijatuhkannya hudud dan wajib membayar mahar.

Soalan

1. Apakah takrif nikah?
2. Sebutkan dua hadith yang menggalakkan untuk berkahwin?
3. Syarahkan kalimat "الباءة" dalam hadith: "من استطاع منكم الباءة" dan kalimat "وجاء"?
4. Sebutkan hukum-hakam yang terdapat di dalam hadith: "يا معشر الشباب ..."?
5. Sebahagian ulama fiqh membahagikan hukum nikah kepada lima. Sebutkan pembahagian secara terperinci?
6. Apakah maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "من رغب عن سنتي فليس مني"?
7. Sempurnakan hadith berikut: "تنكح المرأة لأربع..." dan bincangkan maksudnya?
8. Apakah doa yang mesti dibaca supaya mempelai memperoleh keberkatan dalam mengharungi bahtera rumah tangga?
9. Sebutkan teks khutbah nikah dan bincangkan jika benar kenyataan yang menegaskan bahawa khutbah ini hanya khusus dibaca untuk majlis perkahwinan sahaja?
10. Bincangkan masalah melihat kepada perempuan yang hendak dipinang?
11. Bolehkah seorang lelaki meminang perempuan yang sedang dipinang oleh saudaranya?

12. Sebutkan hadith Sahl bin Sa'ad al-Sa'idi dalam kisah seorang perempuan yang menyerahkan dirinya kepada Rasulullah (s.a.w) dan huraikan kosa kata yang terdapat di dalamnya?
13. Sebutkan sepuluh hukum-hakam yang terdapat di dalam hadith Sahl dalam kisah seorang perempuan yang menyerahkan dirinya kepada Rasulullah (s.a.w)?
14. Sebutkan empat nama sahabat atau lebih daripada itu di mana mereka meriwayatkan hadith mengisytiharkan atau merayakan pernikahan?
15. Adakah hadith: "لا نكاح إلا بولي" mursal atau mawshul?
16. Bolehkah berkahwin tanpa wali?
17. Bolehkah berkahwin tanpa kehadiran saksi?
18. Bincangkan makna hadith: "السلطان ولي من لا ولي له"?
19. Bolehkah penguasa menggantikan wali yang sedang dalam perjalanan sejauh jarak yang dibolehkan mengqashar solat padanya?
20. Rasulullah (s.a.w) bersabda: "لا تنكح الأيم حتى...". Sempurnakan teks hadith ini dan bincangkan pendapat ulama fiqh terhadap permasalahan yang ada di dalamnya?
21. Bolehkah anak yatim perempuan yang masih kecil dikahwinkan oleh selain ayahnya?
22. Bolehkah seorang perempuan mengahwinkan dirinya sendiri dan apa pula pendapat ulama fiqh dalam masalah ini?
23. Apakah takrif *syighar* yang telah dilarang dalam sebuah hadith Rasulullah (s.a.w)?
24. Apakah nikah *syighar* batal ataupun sebaliknya?
25. Bolehkah seorang ayah mengahwinkan anak gadisnya meskipun tanpa keredhaannya?
26. Apakah hukum perempuan yang dikahwinkan oleh dua orang wali?
27. Apakah yang kamu ketahui tentang al-Hasan al-Bashri rahimahullah?
28. Apakah dalilnya bahawa seorang hamba lelaki tidak oleh berkahwin sebelum mendapat kebenaran daripada tuannya?
29. Bolehkah memadu seorang wanita dengan mak cik sebelah ayahnya, mak sebelah ibunya atau antara dua orang mak cik dari sebelah atau dua mak cik dari ayah?
30. Sebutkan tiga yang menceritakan perkahwinan orang yang sedang berihram dan sebutkan pendapat yang paling kuat mengenainya?
31. Apakah hukum adanya syarat-syarat di dalam nikah?

32. Apakah hukum nikah cina buta dan bincangkan dali-dalil ulama dalam masalah ini?
33. Sebutkan satu ayat al-Qur'an dan satu hadith mengenai perkahwinan pezina lelaki dengan pezina perempuan di samping mengemukakan pendapat ulama fiqh dalam masalah ini?
34. Bolehkah pezina lelaki berkahwin dengan perempuan yang dia pernah berzina dengannya?
35. Bilakah seorang perempuan dibolehkan rujuk dengan bekas suaminya yang pernah mentalaknya sebanyak tiga?

BAB *KAFA'AH* (SAMA KEDUDUKAN) DAN KHIYAR (HAK MEMILIH)

Kafa'ah adalah sepadan dan sedarjat. Ulama berbeza pendapat mengenai jenisnya, meskipun mereka bersepakat terhadap *kafa'ah* dalam agama, di mana tidak boleh mengahwinkan seorang muslim dengan orang kafir dan demikian pula sebaliknya.

Khiyar pula adalah memberikan hak pilih kepada seorang perempuan untuk menentukan pasangan hidupnya sama ada tetap memilih kekal hidup bersama suaminya hidup yang sekarang atau sebaliknya. Hak ini juga diberikan kepada suami kerana pada dasarnya dia berhak memilih yang terbaik untuk pasangan hidupnya.

٢٣٢- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْعَرَبُ بَعْضُهُمْ أَكْفَاءُ بَعْضٍ، وَالْمَوَالِي بَعْضُهُمْ أَكْفَاءُ بَعْضٍ، إِلَّا حَائِكٌ أَوْ حَجَّامٌ". رَوَاهُ الْحَاكِمُ، وَفِي إِسْنَادِهِ رَاوٍ لَمْ يُسَمَّ، وَاسْتَنْكَرَهُ أَبُو حَاتِمٍ.

232- Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Orang Arab sedarjat antara sesama mereka dan hamba yang telah dimerdekakan sedarjat antara sesama mereka kecuali tukang tenung dan tukang bekam." (Diriwayatkan oleh al-Hakim. Di dalam sanadnya terdapat seorang periwayat yang namanya tidak disebutkan, tetapi Abu Hatim mengingkarinya: 1032)

٢٣٣- وَلَهُ شَاهِدٌ عِنْدَ الْبَزَّارِ عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ بِسَنَدٍ مُنْقَطِعٍ.

233- Hadith ini memiliki *syahid* di sisi al-Bazzar yang diriwayatkan daripada Mu'adz bin Jabal dengan sanad yang *munqathi'*: 1033)

Makna Hadith

Allah (s.w.t) berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٞ ١٣

"*Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).*" (Surah al-Hujurat: 13)

Mengikut pemahaman ayat ini, persamaan darjat terletak pada agama sahaja. Ini turut disokong oleh sabda Rasulullah (s.a.w):

لاَ فَضْلَ لِعَرَبِيٍّ عَلَى أَعْجَمِيٍّ إِلاَّ بِالتَّقْوَى.

"Tidak ada keutamaan bagi orang Arab ke atas orang selain Arab kecuali dengan ketakwaan."

Dari huraian di atas dapat disimpulkan bahawa suku dan bangsa tidak boleh dijadikan kayu ukur dalam menentukan persamaan darjat. Tambahan pula hadith ini daif.

Analisis Lafaz

"أَكْفَاءُ", jamak *kufu'*, sama darjat baik kemampuan atau kedudukan.

"الْمَوَالِي", orang yang menisbahkan dirinya kepada bangsa Arab, padahal dia bukan orang Arab.

"وَاسْتَنْكَرَهُ أَبُو حَاتِمٍ", hadith ini dinilai munkar oleh Abu Hatim di mana beliau dalam kitab al'Ilal berkata kepada anaknya: "Hadith ini dusta dan sama sekali tidak ada asasnya." Dalam kesempatan lain, beliau berkata: "Hadith ini *mawdhu'* (palsu)."

Ibn Abdul Barr berkata: "Hadith ini munkar dan mawdhu'. Meskipun memiliki banyak jalur, namun kesemuanya adalah daif." Al-Daruquthni dalam kitab al-'Ilal berkata: "Hadith ini tidak sahih, kerana Hisyam bin 'Ubaid al-Rawi masih dipertikai kedudukannya sebagai periwayat hadith ini. Setelah perkataan "tukang bekam" di atas, dia turut menambahkan tukang samak."

Fiqh Hadith

1- Kedudukan orang Arab adalah sama, namun orang yang menisbahkan diri kepada mereka tidak memiliki kedudukan yang sama dengan mereka. Ulama berbeza pendapat mengenai persamaan kedudukan ini. Menurut Ibn 'Umar dan Ibn Mas'ud dari kalangan sahabat, Ibn Sirin, Ibn 'Abdul 'Aziz dari kalangan tabi'in, Imam Malik dan Imam al-Syafi'i dalam satu riwayat dan sekumpulan ulama yang lain menyatakan bahawa kesamarataan ini hendaklah berdasarkan agama sebagaimana yang disebutkan dalam surah al-Hujurat ayat 13 di atas. Dalam perkembangan yang, al-Bukhari turut menyokong pendapat ini dengan membuat satu bab berjudul: persamaan kedudukan berdasarkan agama dan firman Allah (s.w.t): "*Dan Dia lah Tuhan yang menciptakan manusia dari air, lalu dijadikannya (mempunyai) titisan baka dan pertalian keluarga (persemendaan); dan sememangnya tuhanmu berkuasa (menciptakan apa jua yang dikehendakiNya).*" (Surah al-Furqan: 54). Kemudian al-Bukhari mengemukakan hadith yang menceritakan perkahwinan Salim mawla Abu Hudzaifah dengan Hindun binti al-Walid. Sementara jumhur ulama berpendapat bahawa persamaan kedudukan hendaklah berdasarkan keturunan. Menurut Abu Hanifah, suku Quraisy memiliki kedudukan yang setara di antara sesama mereka dan orang Arab memiliki kedudukan yang sama di antara sesama mereka. Orang Arab tidak setara dengan suku Quraisy, sebagaimana orang bukan Arab tidak setara dengan orang Arab. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dalam satu riwayat. Bagaimanapun, Imam al-Syafi'i berpendapat bahawa mengahwinkan orang yang tidak sedarjat tidaklah diharamkan hingga nikahnya boleh dibatalkan, namun tindakan ini pada hakikatnya merendahkan kedudukan perempuan yang lebih kedudukannya dan demikian pula walinya. Jadi, jika mereka sama-sama redha untuk berkahwin maka perkahwinan itu dinyatakan meskipun orang yang memiliki kedudukan lebih tinggi berhak untuk membatalkan perkahwinan. Pendapat yang menyatakan kesetaraan hendaklah berdasarkan keturunan berhujah dengan hadith dalam bab ini dan hadith Mu'adz, namun Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari berkata: "Tidak ada hadith yang sahih yang mengatakan kesetaraan mesti berdasarkan keturunan." Mereka turut mengemukakan dalil dengan hadith:

إِنَّ اللهَ اصْطَفَى كِنَانَةَ مِنْ وَلَدِ إِسْمَعِيلَ، وَاصْطَفَى قُرَيْشًا مِنْ كِنَانَةَ، وَاصْطَفَى مِنْ قُرَيْشٍ بَنِي هَاشِمٍ، وَاصْطَفَانِي مِنْ بَنِي هَاشِمٍ.

"Sesungguhnya Allah memilih bani Kinanah dari keturunan Nabi Isma'il, memilih Quraisy dari bani Kinanah, memilih bani Hasyim

dari keturunan Quraisy dan memilihku dari keturunan Hasyim." (Diriwayatkan oleh Muslim) Hadith yang lain pula menyebutkan:

قَدِّمُوْا قُرَيْشًا وَلاَ تُقَدِّمُوْهَا.

"Dahulukan kaum Quraisy dan jangan kamu mendahului mereka. (Hadith sahih). Tetapi hadith ini tidak dapat dijadikan sebagai hujah, kerena banyak riwayat yang menceritakan terjadinya perkahwinan orang Arab dengan orang bukan Arab. Ketetapan dalam masalah ini sudah jelas dan tidak boleh dikhususkan. Oleh itu, nash yang jelas mestilah didahulukan ke atas nash yang memuatkan banyak kemungkinan.

2- Memandang rendah pekerjaan tukang bekam dan tukang tenung.

Pembahasan

Al-Amir al-Shan'ani berkata: "Rasulullah (s.a.w) menyampaikan khutbah pada waktu pembukaan kota Makkah. Baginda bersabda: "Segala puji bagi Allah yang telah menjauhkan kesombongan masyarakat jahiliah..." Di sini baginda menjadikan berbanggah-bangga dengan kerturunan sebagai sikap sombong yang biasa diamalkan oleh masyarakat jahiliah. Ini tentu tidak layak dilakukan oleh seorang mukmin. Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh Muslim, baginda bersabda:

أَرْبَعٌ فِي أُمَّتِي مِنْ أَمْرِ الْجَاهِلِيَّةِ لَا يَتْرُكُونَهُنَّ؛ الْفَخْرُ فِي الْأَحْسَابِ، وَالطَّعْنُ فِي الْأَنْسَابِ، وَالْاسْتِسْقَاءُ بِالنُّجُومِ، وَالنِّيَاحَةُ.

"Ada empat kebiasaan buruk masyarakat jahiliah yang sukar ditinggalkan; bangga dengan keturunan, merendahkan nasab, meminta hujah dengan petunjuk bintang dan merapati mayat." Betapa ramai perempuan mukminah yang tidak berkahwin lantaran keegoan dan kesombongan walinya. Ya Allah, kami berlindung kepadaMu daripada syarat yang bersumber nafsu dan dijadikan hamba oleh sifat sombong."

٢٣٤- وَعَنْ فَاطِمَةَ بِنْتِ قَيْسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَهَا: "انْكِحِي أُسَامَةَ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

234- Daripada Fatimah binti Qais (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda kepadanya: "Hendaklah kamu berkahwin dengan Usamah." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1034).

Makna Hadith

Hadith ini turut menjelaskan bahawa keturunan tidak boleh dijadikan sebagai ukuran dalam menentukan persamaan darjat dan kedudukan. Ini kerana Fatimah binti Qais, seorang wanita Quraisy, keturunan bani Fihr dan salah seorang wanita muhajirin yang pertama berkahwin dengan Usamah bin Zaid, seorang sahabat yang pernah menjadi hamba sahaya.

Malah dalam satu hadith diceritakan Usamah diberi keutamaan ke atas beberapa orang Arab lain yang turut memiliki hasrat berkahwin dengan Fatimah binti Qais. Kisah lengkapnya adalah sebagai berikut:

أَنَّ أَبَا عَمْرِو بْنَ حَفْصٍ طَلَّقَهَا الْبَتَّةَ، وَهُوَ غَائِبٌ، فَأَرْسَلَ إِلَيْهَا وَكِيلُهُ بِشَعِيرٍ، فَسَخِطَتْهُ، فَقَالَ: وَاللهِ مَا لَكِ عَلَيْنَا مِنْ شَيْءٍ، فَجَاءَتْ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَذَكَرَتْ ذَلِكَ لَهُ، فَقَالَ: لَيْسَ لَكِ عَلَيْهِ نَفَقَةٌ، فَأَمَرَهَا أَنْ تَعْتَدَّ فِي بَيْتِ أُمِّ شَرِيكٍ، ثُمَّ قَالَ: تِلْكِ امْرَأَةٌ يَغْشَاهَا أَصْحَابِي اعْتَدِّي عِنْدَ ابْنِ أُمِّ مَكْتُومٍ فَإِنَّهُ رَجُلٌ أَعْمَى تَضَعِينَ ثِيَابَكِ، فَإِذَا حَلَلْتِ فَآذِنِينِي، قَالَتْ: فَلَمَّا حَلَلْتُ ذَكَرْتُ لَهُ أَنَّ مُعَاوِيَةَ بْنَ أَبِي سُفْيَانَ وَأَبَا جَهْمٍ خَطَبَانِي، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَمَّا أَبُو جَهْمٍ فَلَا يَضَعُ عَصَاهُ عَنْ عَاتِقِهِ، وَأَمَّا مُعَاوِيَةُ فَصُعْلُوكٌ لَا مَالَ لَهُ، انْكِحِي أُسَامَةَ بْنَ زَيْدٍ، فَكَرِهْتُهُ، ثُمَّ قَالَ: انْكِحِي أُسَامَةَ، فَنَكَحْتُهُ فَجَعَلَ اللهُ فِيهِ خَيْرًا وَاغْتَبَطْتُ.

"Abu Hafsh bin 'Amar telah mentalak tiga Fatimah ketika dalam perjalanan. Abu Hafsh mengutus seorang wakil membawakan barli kepada Fatimah. Melihat itu, Fatimah pun marah. Suaminya lalu berkata: "Mulai sekarang aku tidak mempunyai apa-apa kewajipan lagi ke atas dirimu." Fatimah kemudian mendatangi Rasulullah (s.a.w) untuk menceritakan apa yang sedang dialaminya. Baginda bersabda: "Kamu tidak berhak lagi mendapat nafkah daripada bekas suamimu itu." Baginda menyuruhnya menghabiskan masa iddah di rumah Ummu Syarik. Tidak lama kemudian, baginda bersabda: "Ummu Syarik adalah seorang perempuan yang sering dikunjungi oleh sahabat-sahabatku. Sebaiknya kamu menghabiskan masa iddah di rumah Ibn Ummi Maktum, kerana dia seorang yang buta dan tidak dapat melihat pakaianmu. Jika iddahmu sudah habis, maka beritahukan kepadaku. Fatimah berkata: "Setelah habis iddah, aku menceritakan kepada baginda bahawa Mu'awiyah bin Abu Sufyan dan Abu Jahm bin Hudzaifah

pernah meminang diriku." Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Abu Jahm seorang kurang tegas dalam berpendirian manakala Mu'awiyah pula seorang miskin yang tidak berharta. Sebaiknya kamu berkahwin dengan Usamah." Namun aku tidak menyukai Usamah bin Zaid. Kemudian baginda bersabda: "Kahwinlah kamu dengan Zaid." Aku segera berkahwin dengannya dan Allah menjadikan perkahwinanku itu sebagai kebahagiaan dan kami dapat membina rumah tangga yang bahagia pula.

Dari sekian orang yang melamar Fatimah adalah orang Arab, selain Usamah.

Analisis Lafaz

Fatimah binti Qais adalah saudari al-Dhahhak bin Qais, salah seorang wanita muhajirin pertama. Beliau berasal dari suku Quraisy dan kabilah Fihr. Beliau seorang wanita cantik dan berasal dari keturunan yang baik.

Usamah bin Zaid pula adalah seorang bekas hamba sahaya Rasulullah (s.a.w).

Fiqh Hadith

Keturunan tidak boleh dijadikan ukuran dalam menentukan kesetaraan. Hadith ini memuatkan banyak hukum-hakam, tetapi tidak mungkin dihuraikan secara keseluruhannya di dalam bab ini.

٢٣٥- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "يَا بَنِي بَيَاضَةَ، أَنْكِحُوا أَبَا هِنْدٍ، وَانْكِحُوا إِلَيْهِ"، وَكَانَ حَجَّامًا. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالْحَاكِمُ بِسَنَدٍ جَيِّدٍ.

235- Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Wahai Bani Bayadhah, kahwinkanlah Abu Hind dan tunangkanlah dia." Beliau tukang bekam." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Hakim dengan sanad yang baik: 1035).

Makna Hadith

Hadith ini menyempurnakan hadith sebelumnya, di mana disebutkan bahawa keturunan tidak boleh dijadikan sebagai tolak ukur dalam menentukan persamaan kedudukan.

Analisis Lafaz

"أَنْكِحُوا", dengan membaca *fathah* huruf *hamzah* dan *kasrah* huruf *kaf* yakni adalah kahwinkanlah.

"أَبَا هِنْدٍ", namanya adalah Yasar. Dialah orang yang pernah membekam Rasulullah (s.a.w) sebagaimana yang disebutkan dalam beberapa riwayat.

"وَانْكِحُوا إِلَيْهِ", dengan membaca *kasrah* huruf *kaf*, iaitu adalah tunangkanlah, kerana kalimat ini apabila digandingkan dengan huruf "إلى", maka ia bermaksud meminang.

Fiqh Hadith

Keturunan tidak boleh dijadikan sebagai tolak ukur dalam menentukan persamaan kedudukan.

٢٣٦- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: "خُيِّرَتْ بَرِيرَةُ عَلَى زَوْجِهَا حِينَ عَتَقَتْ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ فِي حَدِيثٍ طَوِيلٍ. وَلِمُسْلِمٍ عَنْهَا: "أَنَّ زَوْجَهَا كَانَ عَبْدًا". وَفِي رِوَايَةٍ عَنْهَا: كَانَ حُرًّا. وَالْأَوَّلُ أَثْبَتُ. وَصَحَّ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ عِنْدَ الْبُخَارِيِّ أَنَّهُ كَانَ عَبْدًا.

236- Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Sewaktu Barirah merdeka, dia diberi pilihan untuk meneruskan perkahwinan dengan suaminya atau sebaliknya." (Muttafaq 'alaihi dalam hadith yang panjang). Dalam riwayat Muslim disebutkan bahawa suaminya seorang hamba. Dalam riwayat lain diceritakan bahawa suaminya seorang yang merdeka, tetapi riwayat pertama yang lebih tepat. Menurut keterangan satu hadith dalam Sahih al-Bukhari diriwayatkan daripada Ibn Abbas (r.a) suaminya seorang hamba. (1036).

Makna Hadith

Hadith ini merupakan hadith pertama yang membicarakan hak pilih bagi wanita. Di dalamnya disebutkan pelbagai jenis pilihan, di mana seorang hamba wanita yang telah dimerdekakan diberi hak pilih terhadap suaminya, sama ada suaminya itu seorang hamba atau orang merdeka.

Punca pemberian hak pilih ini adalah adanya perbezaan hukum antara hamba sahaya dengan orang merdeka dalam masalah perkahwinan.

Analisis Lafaz

"خُيِّرَتْ", diberi hak pilih sama ada tetap menjadi isteri kepada suaminya yang sekarang atau memilih untuk bercerai.

"بَرِيرَةُ", mengikut wazan "عظيمة".

"زَوْجَهَا", namanya Mughits.

"عَتَقَتْ", dimerdekakan. Sebelum ini telah disebutkan bahawa orang yang memerdekakannya adalah Aisyah.

"فِي حَدِيثٍ طَوِيلٍ", sebahagian hadith disebutkan dalam kitab jual beli

"وَالأَوَّلُ أَثْبَتُ", hadith yang pertama lebih sahih berdasarkan tiga pertimbangan berikut. Alasan pertama, ia diriwayatkan oleh ulama Madinah, di mana mereka biasanya lebih diakui keilmuannya berbanding ulama yang lain. Inilah alasan pertama

Alasan kedua, hadith ini datang daripada Aisyah sebanyak dua kali dengan lafaz yang berlainan, sementara ia datang daripada Ibn Abbas hanya sekali yang di dalamnya disebutkan bahawa suami Barirah adalah seorang hamba. Oleh itu, riwayat Ibn Abbas hendaklah diutamakan ke atas riwayat Aisyah masih dalam dipertikai itu.

Alasan ketiga, mengikut pendapat yang kuat bahawa riwayat Aisyah sama dengan riwayat Ibn 'Abbas seperti mana yang disokong oleh al-Bukhari.

Menurut al-Darquthni, tidak ada perbezaan lafaz dalam riwayat 'Urwah daripada Aisyah bahawa suami Barirah adalah seorang hamba. Inilah yang ditegaskan oleh Ja'far bin Muhammad daripada ayahnya daripada Aisyah.

Menurut al-Nawawi, adalah benar pendapat yang mengatakan bahawa suami Barirah adalah seorang hamba berdasarkan kepada kesahihan hadithnya.

Fiqh Hadith

1. Seorang hamba wanita yang sudah dimerdekakan berhak memiliki hak pilih jika suaminya seoarang hamba sama ada dia tetap kekal hidup bersama suaminya atau sebaliknya. Ini berdasarkan ijma' ulama.
2. Seorang hamba wanita yang sudah dimerdekakan berhak mendapat hak pilih jika suaminya seorang lelaki merdeka, tetapi ulama masih berbeza pendapat dalam masalah ini. Menurut jumhur ulama, tidak ada pilihan baginya jika suaminya seorang lelaki yang merdeka. Menurut al-Sya'bi dan sekumpulan ulamak, dia tetap memiliki hak pilih.

٢٣٧- وَعَنِ الضَّحَّاكِ بْنِ فَيْرُوزَ الدَّيْلَمِيِّ عَنْ أَبِيهِ قَالَ: قُلْتُ : يَا رَسُولَ اللهِ، إِنِّي أَسْلَمْتُ وَتَحْتِي أُخْتَانِ، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: طَلِّقْ أَيَّتَهُمَا شِئْتَ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ إِلَّا النَّسَائِيَّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالدَّارَقُطْنِيُّ وَالْبَيْهَقِيُّ، وَأَعَلَّهُ الْبُخَارِيُّ.

237- Daripada al-Dhahkak bin Fairuz al-Dailami daripada ayahandanya, beliau berkata: "Saya berkata: "Wahai Rasulullah, saya telah masuk Islam dan saya mengahwini dua orang perempuan yang bersaudari." Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Ceraikan mana di antara mereka yang kamu kehendaki." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah selain al-Nasa'i, dinilai sahih oleh Ibn Hibban, al-Daruquthni dan al-Baihaqi, dinilai ma'lul oleh al-Bukhari: 1037).

Makna Hadith

Dalam hadith sebelum ini telah diterangkan mengenai larangan memadu dua wanita yang bersaudari, tetapi jika suminya seorang kafir, sementara dia mempunyai dua isteri yang bersaudari kandung, lalu dia masuk Islam, maka apa yang mesti dia lakukan?

Hadith ini menjawab permasalahan ini, di mana dia diberi hak pilih untuk memilih salah seorang di antara mereka berdua.

Analisis Lafaz

"تَحْتِي", perumpamaan terhadap pernikahan, kerana orang lelaki yang menyetubuhi isterinya selalu isterinya berada di bawahnya.

"وَأَعَلَّهُ الْبُخَارِيُّ", hadith ini dinilai ma'lul oleh al-Bukhari dan berkata: "Kami tidak tahu bahawa mereka pernah mendengar hadith ini di antara sesama mereka, yakni Abu Wahab al-Jaisyani tidak pernah diketahui mendengar hadith ini daripada al-Dhahhak daripada ayahnya, sementara al-Tirmidhi berpendapat bahawa masing-masing mereka pernah membincangkan hadith ini.

Fiqh Hadith

Jika seorang lelaki masuk Islam, sementara dia memadu dua orang isteri yang bersaudara, maka dia wajib memilih salah seorang di antara mereka, walaupun yang dia pilih adalah perempuan yang baru dia nikahi.

Inilah pendapat Imam al-Syafi'i, Imam Malik, Imam Ahmad dan sekumpulan ulama.

Menurut Imam Abu Hanifah, dia mesti memilih isteri yang pertama bukan isteri yang kedua, namun jika dia menikahinya dalam satu waktu yang bersamaan, maka dia tidak boleh memilih salah seorang di antara mereka.

Penting

Al-Shan'ani setelah menghuraikan hadith ini berkata: "Hadith ini merupakan dalil bahawa perkahwinan di antara sesama orang kafir dianggap sah, walaupun pada hakikatnya perkahwinan mereka berbeza dengan cara perkahwinan Islam dan seorang isteri tidak keluar daripada statusnya sebagai isteri kepada suaminya kecuali dengan talak setelah memeluk Islam. Demikian pula status perkahwinan mereka dianggap sah tanpa memperbaharui akad mereka. Inilah pendapat Imam Malik, Imam Ahmad, Imam al-Syafi'i dan Dawud.

Menurut mazhab Hanafi, perkahwinan orang kafir tidak boleh diperakui kecuali perkahwinan yang sesuai dengan ajaran Islam."

Periwayat Hadith

Fairuz, nama bagi salah satu batu antik. Nama panggilannya adalah Abu Abdullah. Beliau berasal dari Dailim dan pernah tinggal di Himyar. Beliau salah seorang keturunan penguasa Parsi di San'a. Beliau pernah memimpin delegasi berjumpa Rasulullah (s.a.w) dan beliaulah yang membunuh al-'Ansi al-Kaddzab yang mengaku dirinya sebagai nabi palsu pada tahun kesebelas sebelum Rasulullah (s.a.w) wafat.

٢٣٨- وَعَنْ سَالِمٍ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ غَيْلَانَ بْنَ سَلَمَةَ أَسْلَمَ وَلَهُ عَشْرُ نِسْوَةٍ، فَأَسْلَمْنَ مَعَهُ، فَأَمَرَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَتَخَيَّرَ مِنْهُنَّ أَرْبَعًا. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ، وَأَعَلَّهُ الْبُخَارِيُّ وَأَبُو زُرْعَةَ وَأَبُو حَاتِمٍ.

238- Daripada Salim daripada ayahnya bahawa Ghailan bin Salamah masuk Islam dan dia memiliki sepuluh isteri, di mana kesemua mereka turut masuk Islam bersamanya. Rasulullah (s.a.w) kemudian menyuruhnya memilih empat wanita di antara mereka sebagai isterinya." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Tirmidhi, dinilai sahih oleh al-Hakim dan Ibn Hibban, dinilai ma'lul oleh al-Bukhari, Abu Zur'ah dan Abu Hatim: 1038).

Makna Hadith, Analisis Lafaz dan Fiqh Hadith

Hadith ini turut menerangkan mengenai seorang lelaki yang masuk Islam sedangkan dia mempunyai sepuluh isteri dan seorang muslim tidak dibenarkan memiliki isteri lebih daripada empat orang. Allah (s.w.t) berfirman Allah:

وَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تُقْسِطُوا۟ فِى ٱلْيَتَٰمَىٰ فَٱنكِحُوا۟ مَا طَابَ لَكُم مِّنَ ٱلنِّسَآءِ مَثْنَىٰ وَثُلَٰثَ وَرُبَٰعَ ۖ فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا تَعْدِلُوا۟ فَوَٰحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُكُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ أَلَّا تَعُولُوا۟ ﴿٣﴾

"*Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenan dari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.*" (Surah al-Nisa': 3)

Jawapan permasalahan ini sama seperti jawapan sebelumnya, di mana wajib memilih empat di antara sepuluh orang isteri yang telah dikahwini.

Ulama berbeza pendapat sama hadith ini sahih ataupun daif. Dalam kaitani ini, Ibn Katsir berkata: "Hadith ini diriwayatkan oleh Abu 'Abdulah Muhammad bin Idris al-Syafi'i, Imam Ahmad bin Hanbal, al-Tirmidhi dan Ibn Majah sementara sanadanya daripada Ma'mar daripada al-Zuhri daripada Salim daripada ayahnya dan periwayatnya mengikut syarat al-Bukhari dan Muslim, namun al-Tirmidhi berkata: "Saya pernah mendengar al-Bukhari berkata: "Hadith ini tidak sahih. Apa yang benar adalah hadith ini diriwayatkan Syu'aib bin Abu Hamzah dan selainnya daripada al-Zuhri, beliau berkata: "Saya menceritakan daripada Muhammad al-Tsaqafi bahawa Ghailan… lalu dia mengemukakan hadith ini."

Al-Bukhari berkata: "Hadith al-Zuhri daripada Salim daripada ayahnya bahawa seorang lelaki dari Tsaqif mentalak isterinya lalu 'Umar berkata kepadanya: "Pilihlah sama ada kamu merujuk isterimu atau aku akan merejam kuburmu sebagaimana kami merejam kubur Abu Righal."

٢٣٩- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: رَدَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ابْنَتَهُ زَيْنَبَ عَلَى أَبِي الْعَاصِ بْنِ الرَّبِيعِ بَعْدَ سِتِّ سِنِينَ بِالنِّكَاحِ الْأَوَّلِ، وَلَمْ يُحْدِثْ نِكَاحًا. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ إِلَّا النَّسَائِيَّ، وَصَحَّحَهُ أَحْمَدُ وَالْحَاكِمُ.

239- Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah mengembalikan puterinya bernama Zainab kepada Abu al-'Ash bin al-Rabi' dengan akad nikah yang pertama setelah enam tahun berpisah dan baginda tidak memperbaharui akad nikah mereka." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah kecuali al-Nasa'i, dinilai sahih oleh al-Hakim dan Imam Ahmad: 1039).

٢٤٠- وَعَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَدَّ ابْنَتَهُ زَيْنَبَ عَلَى أَبِي الْعَاصِ بِنِكَاحٍ جَدِيدٍ. قَالَ التِّرْمِذِيُّ: حَدِيثُ ابْنِ عَبَّاسٍ أَجْوَدُ إِسْنَادًا، وَالْعَمَلُ عَلَى حَدِيثِ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ.

240- Daripada Amr bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah mengembalikan puterinya yang bernama Zainab kepada suaminya Abu al-'Ash dengn akad nikah yang baru. (Al-Tirmidhi berkata: "Sanad hadith Ibn 'Abbas ini lebih baik, namun dalam praktik menggunakan hadith 'Amr bin Syu'aib: 1040).

Makna Hadith

Kedua-dua hadith ini mengemukakan permasalahan bagi pasangan suami isteri yang salah seorang daripadanya masuk Islam sementara seorang lagi masih tetap dalam kemusyrikan.

Hadith pertama menyebutkan bahawa perkahwinan boleh tetap dikekalkan di mana seorang suami berhak untuk kembali kepada isterinya yang sudah lama memeluk Islam, meskipun masa keislaman mereka telah dipisahkan oleh waktu selama beberapa tahun.

Sementara hadith kedua pula menegaskan bahawa Rasulullah (s.a.w) mengembalikan puterinya dengan akad baru dan ini menunjukkan batalnya perkahwinan yang pertama.

Oleh kerana kisah ini berlaku dalam satu masa, maka mesti dicari mana riwayat yang rajah di antara kedua-dua hadith ini, kerana peristiwa ini tidak mungkin berlaku secara berulang atau berasingan.

Analisis Lafaz

"وَلَمْ يُحْدِثْ نِكَاحًا", menikahkan dengan orang lain selain suami pertama.

"أَجْوَدُ", *fi'il tafdhil* berasal dari kalimat *jayyid*, yakni hadith ini lebih kuat dan lebih baik daripada hadith Ibn al-'Ash.

Al-Hafiz Ibn Katsir berkata: "Menurut Imam Ahmad, hadith yang riwayatkan 'Amr bin Sya'ib ini daif, kerana Hajjaj tidak pernah mendengarnya

daripada 'Amr, sebaliknya dia mendengarnya daripada Muhammad al-'Azrami dan al-'Azrami seorang periwayat yang riwayatnya tidak boleh diambil kira. Jadi, apa yang betul adalah hadith Ibn 'Abbas sahih. Inilah yang dikatakan oleh al-Bukhari dan al-Tirmidhi, Abu 'Ubaid, al-Daruquthni dan al-Baihaqi yang diceritakan daripada sekumpulan ulama hafiz.[22] Sedangkan Ibn Abdul Barr cenderung menilai rajah riwayat 'Amr bin Syu'aib."

Penting

Al-Tirmidhi memberi komentar hadith Ibn 'Abbas dengan berkata: "Sanadnya tidak ada masalah, tetapi kami tidak mengetahui jalur hadith ini. Barangkali ia datang daripada Dawud bin Hushain yang diriwayatkan daripada 'Ikrimah daripada Ibn 'Abbas menerusi hafalannya sendiri."

Menurut pensyarah kitan ini, memang benar bahawa hadith-hadith yang diriwayatkan Dawud daripada 'Ikrimah memuatkan hadith munkar dan ini sudah masyhur.

Apapun, hadith ini mempunyai beberapa *syahid* dan beberapa jalur antara lain. Pertama. adalah ia diriwayatkan Ibn Sa'ad dengan sanad sahih daripada 'Amir secara mursal, beliau berkata: "Abu al-'Ash bin al-Rabi' datang dari negeri Syam, sementara isterinya Zainab binti Muhammad telah berhijrah kemudian suaminya masuk tidak lama setelah itu dan tidak ada perbezaan di antara mereka berdua."

Kedua, ia diriwayatkan daripada Qatadah secara mursal. Dalam kitab al-Mushannaf karya 'Abdurrazzaq daripada Ayyub daripada Ma'mar daripada 'Ikrimah bin Khalid bahawa 'Ikrimah bin Abu Jahal melarikan pada hari pembukaan kota Makkah, kemudian isterinya menulis surat kepadanya supaya masuk Islam. Jadi, isterinya lebih dulu daripada 'Ikrimah, kemudian barulah 'Ikrimah masuk Islam dan Rasulullah (s.a.w) tetap mengakui ikatan perkahwinan yang mereka lakukan sebelum masuk Islam. Hadith ini mursal, tetapi sanadnya sahih.

Fiqh Hadith

1. Seorang muslimah yang menjadi isteri kepada orang kafir yang belum masuk Islam dan tidak lama kemudian dia pun turut masuk Islam masih tetap dianggap sebagai suami isteri yang sah sebagaimana yang disebutkan dalam hadith pertama. Inilah pendapat sebahagian mazhab Zahiri dan diriwayatkan daripada 'Ali, al-Nakha'i dan difatwakan oleh Hammad guru kepada Imam Abu Hanifah dan al-

[22] Di antara mereka adalah Yahya bin Sa'id al-Qatthan.

Zuhri.

2. Seorang muslimah yang menjadi isteri kepada orang kafir yang belum masuk Islam dan tidak lama kemudian dia pun turut masuk Islam tidak sah dianggap sebagai suami isteri lagi. Inilah pendapat imam mazhab yang empat dan jumhur ulama. Mereka berkata: "Jika wanita kafir harbi masuk Islam sedangkan suaminya masih berstatus kafir harbi sementara dia masih mengandung anak suaminya, maka jika suaminya itu masuk Islam ketika isterinya masih dalam iddah, maka ikatan perkahwinan mereka tetap dikekalkan. Jika suaminya masuk Islam setelah masa iddah isterinya sudah habis, maka mereka dianggap cerai. Ibn Abdul Barr menukil bahawa pendapat ini berdasarkan ijma' ulama.

Penting

Al-Baghawi berkata: "Jika pasangan suami isteri yang musyrik masuk Islam secara bersamaan, maka ikatan perkahwinan mereka tetap dianggap sah menurut kesepakatan ulama."

"Demikian pula jika suaminya masuk Islam terlebih dahulu, kemudian isterinya yang berstatus ahli kitab menyusul masuk Islam, maka ikatan perkahwinan mereka tetap dianggap sah."

"Jika suami masuk Islam sementara isterinya beragama majusi atau musyrik atau sebaliknya di mana isteri masuk Islam sementara suaminya masih tetap beragama majusi atau musyrik, maka ulama berbeza pendapat dalam masalah ini."

٢٤١- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: أَسْلَمَتْ امْرَأَةٌ فَتَزَوَّجَتْ، فَجَاءَ زَوْجُهَا، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنِّي كُنْتُ أَسْلَمْتُ، وَعَلِمَتْ بِإِسْلَامِي، فَانْتَزَعَهَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ زَوْجِهَا الْآخَرِ، وَرَدَّهَا إِلَى زَوْجِهَا الْأَوَّلِ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَابْنُ مَاجَه، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

241- Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: "Ada seorang wanita masuk Islam, lalu dia pun berkahwin dengan orang lain. Setelah berkahwin, suaminya yang pertama datang kepada Rasulullah (s.a.w) dan berkata: "Wahai Rasulullah, saya sekarang sudah masuk Islam dan isteriku juga sudah mengetahui bahawa saya sudah masuk Islam." Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) mengambil perempuan itu daripada suami yang kedua, kemudian diserahkan kepada suami yang pertama." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan Ibn Majah, dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim: 1041).

Makna Hadith

Ibn Hajar mengemukakan hadith ini dengan tujuan beliau lebih cenderung memilih hadith Ibn 'Abbas sebelum ini.

Analisis Lafaz

"فَجَاءَ زَوْجُهَا", yakni suami pertama yang dia tinggalkan kerana masih tetap dalam kekafirannya.

"وَعَلِمَتْ", dengan membaca *fathah* huruf *mim*, dia ingin kembali semula kepada isterinya.

"فَانْتَزَعَهَا", rujuk semula setelah ditalaknya.

"وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ", hadith ini dinilai sahih oleh Ibn Hibban, meskipun ia berasal daripada 'Ikrimah, kerana riwayat ini *mudhtharib*.

Fiqh Hadith

1. Jika seorang isteri mengaku telah dicerai oleh suaminya setelah dikenal pasti mereka pernah berkahwin, kemudian suami mengingkari perceraian tersebut, maka pengakuan yang wajib diambil kira adalah pengakuan suami, sama ada isterinya telah berkahwin dengan orang lain ataupun tidak.
2. Jika pasangan suami isteri masuk Islam, lalu mereka berselisih pendapat di mana suami berkata: "Kami masuk Islam secara bersamaan dan oleh kerananya, kami masih kekal berstatus suami isteri, kemudian isteri berkata: "Tidak betul, kami Islam secara terpisah dan tidak bersamaan dan oleh itu, perkahwinan kita batal, maka perkataan yang wajib diambil kira adalah perkataam suami.
3. Jika suami masuk Islam, kemudian isterinya mengetahui perkara ini, maka isterinya tetap menjadi isteri kepada suaminya yang masuk Islam itu. Jika isterinya itu berkahwin lagi dengan orang lain, maka perkahwinan itu batal dan isterinya itu mesti diambil secara paksa daripada suami yang kedua.

Penting

Al-Shan'ani berkata: "Sabda Rasulullah (s.a.w): "saya sekarang sudah masuk Islam dan isteriku juga sudah mengetahui bahawa saya sudah masuk Islam" masih mengandungi banyak kemungkinan sama ada lelaki berkenaan masuk Islam setelah masa iddah isterinya berakhir atau sebelumnya, sehingga dia berhak untuk rujuk semula, atau ada pula kemungkinan isterinya itu mengetahui keislaman suaminya sebelum isterinya berkahwin dengan

orang lain maka nikahnya batal, sama ada iddahnya sudah habis ataupun tidak. Hadith ini menjadi dalil bagi Ibn al-Qayyim dan kami tidak tahu sama ada masalah iddah di dalam hadith ini perlu diambil kira ataupun sebaliknya, kerana Rasulullah (s.a.w) tidak bertanya tentang iddah kepada wanita tersebut. Ini merupakan bukti bahawa iddah dalam kes sebegini tidak perlu diambil kira."

٢٤٢- وَعَنْ زَيْدِ بْنِ كَعْبِ بْنِ عُجْرَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ: تَزَوَّجَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعَالِيَةَ مِنْ بَنِي غِفَارٍ، فَلَمَّا دَخَلَتْ عَلَيْهِ وَوَضَعَتْ ثِيَابَهَا، رَأَى بِكَشْحِهَا بَيَاضًا فَقَالَ: "الْبَسِي ثِيَابَكِ وَالْحَقِي بِأَهْلِكِ"، وَأَمَرَ لَهَا بِالصَّدَاقِ. رَوَاهُ الْحَاكِمُ، وَفِي إِسْنَادِهِ جَمِيلُ بْنُ زَيْدٍ وَهُوَ مَجْهُولٌ، وَاخْتُلِفَ عَلَيْهِ فِي شَيْخِهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا.

242- Daripada Zaid bin Ka'ab bin 'Ujrah daripada ayahnya, beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah berkahwin dengan al-'Aliyah dari kalangan Bani Ghifar. Ketika masuk ke tempat baginda dan menanggalkan pakaiannya, baginda melihat belang putih di antara tulang belakang dengan pinggulnya. Melihat itu, baginda bersabda: "Pakailah kainmu dan pergilah kepada keluargamu." Beliau menyuruh agar dia diberi mas kawin." (Diriwayatkan oleh al-Hakim. Di dalam sanadnya ada periwayat majhul bernama Jamil bin Zaid, sementara status gurunya masih dipertikai: 1042).

Makna Hadith

Hadith ini membicarakan dua perkara:

Pertama, lafaz-lafaz yang dianggap menunjukkan talak atau sebaliknya. Ini berdasarkan sabda Rasulullah (s.a.w): "Pulanglah kepada keluargamu."

Kedua, hak pilih dalam perkahwinan kerana adanya aib atau cacat. Ulama menjelaskan bahawa hak pilih diberikan kepada salah seorang di antara pasangan suami isteri jika ada cela atau aib pada salah seorang pasangan, sama ada aib itu berupa penyakit kusta, gila dan lain-lain.

Analisis Lafaz

"غِفَارٍ", dengan membaca *kasrah* huruf *ghain*, nama sebuah kabilah.

"وَضَعَتْ ثِيَابَهَا", menanggalkan pakaian yang dia pakai.

"بِكَشْحِهَا", bahagian tubuh antara pinggul dengan tulang rusuk seperti mana yang dijelaskan dalam kitab al-Qamus.

"بَيَاضًا", kerana penyakit kusta.

"وَالْحَقِي بِأَهْلِكِ", sindiran yang menujukkan talak.

"وَاخْتُلِفَ عَلَيْهِ فِي شَيْخِهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا", pendapat lain mengatakan hadith ini daripada Zaid bin Ka'ab bin 'Ujrah sebagaimana yang dikemukakan oleh Ibn Hajar.

Pendapat lain mengatakan daripada Ibnu Umar.

Pendapat lain mengatakan daripada Ka'ab bin Zaid.

Hadith ini daif sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn Hajar, Yahya bin Mu'in, al-Bukhari, Ibn 'Adi, al-Baghawi dan sekumpulan ulama hadith.

Fiqh Hadith

1. Orang yang menderita penyakit kusta mesti dikuarantin.
2. Perkahwinan boleh dibatalkan jika didapati ada aib atau cela, kerana berdasarkan sabda Rasulullah (s.a.w) dalam satu riwayat daif: "Kamu telah menipuku". Ulama berbeza pendapat tentang pembatalan nikah kerana adanya aib. Kebanyakan ulama berpendapat bahawa perkahwinan boleh dibatalkan kerana adanya aib, meskipun mereka berbeza pendapat tentang batasan aib itu sendiri. Ibn al-Qayyim berkata: "Aib menyebabkan salah seorang pasangan merasa benci dan oleh kerananya, matlamat perkahwinan seperti ketenangan dan kasih sayang tidak dapat diwujudkan. Ini tentunya menjadikan salah seorang pasangan yang merasa dirugikan berhak memiliki hak pilihan. Sementara aib yang masih boleh ditolak ansur tidak ada hak pilih di dalamnya. Kusta dan sopak merupakan antara aib yang membolehkan seseorang berhak memiliki hak pilih dalam perkahwinan." Menurut Dawud dan Ibn Hazm, perkahwinan tidak batal kerana adanya aib.
3. Perkataan seorang suami kepada isterinya: "Pulanglah kepada keluargamu, merupakan lafaz talak jika suami berniat untuk menceraikannya. Inilah pendapat jumhur ulama.
4. Disunatkan memberi mahar kepada perempuan yang memiliki aib namun kami tidak mengatakannya itu wajib, kerana suami belum lagi menyetubuhinya sebagaimana yang disebutkan dalam riwayat Imam Ahmad bahawa ketika baginda masuk ke dalam bilik lalu meletak pakaian dan duduk di atas katil. Baginda ternampak penyakit kusta pada tubuh perempuan itu lalu baginda memalingkan dirinya. Pada akhir hadith ini dikatakan bahawa baginda tidak mengambil semula mahar yang telah diberikan kepada perempuan itu. Ini menunjukkan Rasulullah (s.a.w) belum sempat bersetubuh dengannya, tetapi baginda tetap memberi mahar kepadanya sebagai satu penghormatan kepadanya.

*- وَعَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ أَنَّ عُمَرَ بْنَ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: "أَيُّمَا رَجُلٍ تَزَوَّجَ امْرَأَةً، فَدَخَلَ بِهَا، فَوَجَدَهَا بَرْصَاءَ أَوْ مَجْنُونَةً أَوْ مَجْذُومَةً، فَلَهَا الصَّدَاقُ بِمَسِيسِهِ إِيَّاهَا وَهُوَ لَهُ عَلَى مَنْ غَرَّهُ مِنْهَا". أَخْرَجَهُ سَعِيدُ بْنُ مَنْصُورٍ وَمَالِكٌ وَابْنُ أَبِي شَيْبَةَ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ.

*- Daripada Sa'id bin al-Musayyab bahawa 'Umar bin al-Khatthab (r.a), beliau berkata: "Mana-mana lelaki berkahwin dengan perempuan lalu dia menyetubuhinya namun kemudian dia mendapati isterinya itu menderita penyakit kudis, gila atau kusta, maka wanita itu berhak menerima mas kawin secara tunai sebab dia sudah disentuh dan lelaki itu berhak meminta ganti rugi kepada orang yang telah menipu dirinya." (Diriwayatkan oleh Sa'id bin Manshur, Malik dan Ibn Abu Syaibah, periwayat hadith ini thiqoh)

*- وَرَوَى سَعِيدٌ أَيْضًا عَنْ عَلِيٍّ نَحْوَهُ، وَزَادَ : "وَبِهَا قَرَنٌ، فَزَوْجُهَا بِالْخِيَارِ، فَإِنْ مَسَّهَا فَلَهَا الْمَهْرُ بِمَا اسْتَحَلَّ مِنْ فَرْجِهَا".

*- Hadith serupa turut diriwayatkan oleh Sa'id daripada 'Ali dan menambahkan: "Pada kemaluan wanita itu terdapat tulang. Di sini suaminya boleh memilih antara meneruskan rumah tangganya itu atau menceraikannya. Jika dia sudah menyetubuhinya, maka wanita itu berhak menerima mas kahwin kerana sudah disetubuhi.

Makna Hadith

Kedua-dua athar ini menguatkan makna hadith sebelumnya yang membolehkan menceraikan wanita kerana adanya aib, tetapi dalam athar pertama ditetapkan tiga jenis aib sedangkan dalam athar kedua ditambah lagi satu jenis aib yang lain dan jumlah keseluruhannya menjadi empat jenis aib dalam perkahwinan.

Athar pertama menekankan bahawa mahar wajib diserahkan kepada isteri yang telah disetubuh, meskipun dia sudah mengetahui adanya aib pada isterinya itu.

Analisis Lafaz

"تَزَوَّجَ امْرَأَةً", menikahinya.

"فَدَخَلَ بِهَا", masuknya kepala zakar lelaki ke dalam kemaluan perempuan.

"بِمَسِيسِهِ", dengan menyetubuhinya.

"غَرَّهُ", berasal dari kalimat "الغرر" yakni penipuan.

"وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ", hadith ini munqathi' antara Sa'id dan 'Umar menurut pendapat yang sahih.

"قَرَنٌ', dengan membaca *fathah* huruf *qaf* dan *sukun* huruf *ra'*, iaitu suatu benda yang berada di permukaan kemaluan wanita.

"بِالْخِيَارِ", dia boleh menceraikan atau tetap mempertahankannya sebagai isterinya jika mahu berbuat demikian.

"مَسَّهَا", menyetubuhinya.

Fiqh Athar

1. Hak pilih diberikan kerana adanya aib.
2. Penyakit kusta, gila dan kudis merupakan antara penyakit yang membolehkan seorang suami memiliki hak pilih jika dia tidak mengetahuinya sewaktu akad nikah dilangsungkan.
3. Mahar wajib diberikan kepada isteri apabila sudah terjadi persetubuhan.
4. Mahar diwajibkan ke atas orang yang telah menipu suami. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dalam qawl qadim, Imam Malik dan pendapat ini dinukil daripada 'Umar, 'Ali dan Ibn 'Abbas. Kemudian Imam al-Syafi'i dalam qaul jadid berkata: "Kami meninggalkan qaul qadim kerana berdasarkan hadith Rasulullah (s.a.w):

   أَيُّمَا امْرَأَةٍ نَكَحَتْ بِغَيْرِ إِذْنِ وَلِيِّهَا فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ، فَإِنْ أَصَابَهَا فَلَهَا الصَّدَاقُ بِمَا اسْتَحَلَّ مِنْ فَرْجِهَا.

   "Mana-mana perempuan yang menikah tanpa izin walinya, maka nikahnya dianggap batil. Jika dia tetap berkahwin dan disetubuhi oleh suaminya, maka dia berhak menerima mahar kerana adanya persetubuhan itu." Hadith ini mewajibkan pemberian mahar walaupun perkahwinan itu dianggap batil. Demikian pula dia menipu seorang lelaki dengan merasiakan aibnya." Pendapat Imam al-Syafi'i dalam qawl jadi ini senada dengan pendapat Imam Abu Hanifah.

*- وَمِنْ طَرِيقِ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ أَيْضًا قَالَ: قَضَى بِهِ عُمَرُ فِي الْعِنِّينِ أَنْ يُؤَجَّلَ سَنَةً. وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ.

*- Daripada jalur Sa'id bin al-Musayyab, beliau berkata: "'Umar telah memutuskan bahawa orang yang mati pucuk boleh diberi tempoh selama satu tahun. Periwayat hadith in thiqoh.

Makna Hadith

Jika seorang lelaki berkahwin dengan seorang perempuan, kemudian dia tidak mampu menyetubuhinya, baik kerana lemah sahwat atau kerana mati pucuk, maka di sini 'Umar memutuskan supaya lelaki diberi tempoh satu tahun untuk berusaha dapat menyetubuhi isterinya. Jika tetap tidak mampu, maka isteri diberi hak pilih sama ada tetap kekal hidup bersama suaminya atau sebaliknya lantara adanya aib ini.

Analisis Lafaz

"وَمِنْ طَرِيقِ", yakni Sa'id bin Manshur meriwayatkannya menerusi jalur yang lain.

"الْعِنِّينِ", iaitu lelaki yang tidak mampu menggauli isterinya kerana lemah syahwat atau kerana dia tidak memiliki berhasrat untuk bersetubuh.

"يُؤَجَّلَ", memberinya tempoh.

"وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ", apapun, hadith ini munqathi' antara Sa'id dan 'Umar mengikut pendapat yang sahih.

Fiqh Athar

Mati pucuk merupakan penyakit lelaki yang membolehkan wanita berhak ke atas hak pilihnya setelah diberi tempoh selama satu tahun untuk memberi peluang kepada lelaki itu.

Ulama berbeza pendapat mengenai hak pilih lantaran adanya aib ini. Menurut Imam Ahmad dan sekumpulan ulama, aib dan penyakit ini tidak menyebabkan akad nikah dibatalkan.

Ulama yang mengatakan fasakh berbeza pendapat mengenai tempoh waktu yang diberikan oleh Islam untuk membatalkan perkahwinan itu. Ada yang mengatakan tempoh waktunya selama satu tahun. Inilah pendapat Ibn Mas'ud dan Ibn 'Umar. Pendapat lain mengatakana tidak ada tempoh waktu di mana seorang wanita dengan serta merta memiliki hak pilih untuk memfasakh nikah. Pendapat ini diriwayatkan daripada 'Usman. Ada pula pendapat yang mengatakan tempoh waktu yang diperlukan adalah selama sepuluh bulan, Pendapat ini diriwayatkan daripada al-Harits bin 'Abdullah.

Penting

Ibn al-Mundzir berkata: "Ulama berbeza pendapat mengenai perempuan yang menuntut suaminya menyetubihi dirinya. Sebahagian besar ulama berpendapat jika suaminya pernah menyetubuhinya meskipun hanya satu kali, maka suaminya tidak boleh diberi tempoh yang sama dengan dengan orang yang mati pucuk. Inilah pendapat al-Awza'i, al-Tsawri, Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan Ishaq. Menurut Abu Tsawr, jika suami enggan menyetubuhi isterinya kerana sakit, maka suaminya diberi tempoh selama satu tahun. Jika enggan menyetubuhi isterinya tanpa adanya sebarang penyakit, maka tidak ada tempoh yang ditetapkan bagi suami."

Al-Qadhi 'Iyadh berkata: "Ulama bersepakat bahawa perempuan memiliki hak untuk dijimak di mana dia memiliki hak pilih apabila ternyata dia berkahwin dengan lelaki yang tidak berzakar atau kepala zakarnya putus."

Soalan

1. Apakah takrif *kafa'ah* dan *khiar* dalam perkawinan?
2. Apakah tolak ukur *kafa'ah* di sisi ulama?
3. Adakah hadith yang secara terang-terangan menilai soal *kafa'ah* berdasarkan nasab keturunan?
4. Sebutkan dua hadith yang di dalamnya menerangkan bahawa tidak boleh menilai *kafa'ah* (kesetaraan) berdasarkan nasab keturunan?
5. Apakah pendapat yang betul mengenai status suami Barirah; orang merdeka atau hamba sahaya? Manakah riwayat yang rajih dalam masalah ini?
6. Adakah hamba yang telah dimerdekakan memiliki hak *khiar* (pilih)?
7. Apakah yang wajib dilakukan oleh seseorang yang masuk Islam sedangkan dia memiliki dua orang isteri yang bersaudara? Sebutkan pendapat ulama fiqh dalam masalah ini berserta dalil mereka?
8. Bincangkan kisah rujuk Zainab binti Rasulullah (s.a.w) kepada suaminya bernama Abu al-Ash? Adakah ia dilakukan dengan akad nikah yang baru atau sebaliknya? Berikan komentar masalah berdasarkan hadith-hadith yang ada dalam masalah ini?
9. Apakah hukum seorang muslimah yang menjadi isteri orang kafir apabila suaminya terlambat masuk Islam berbanding dirinya?
10. Jika suami masuk Islam sedangkan isterinya yang merupakan ahli kitab terlambat masuk Islam, adakah ikatan perkahwinan mereka masih berkekalan atau sebaliknya?
11. Rasulullah (s.a.w) bersabda: "أسلمت امرأة فتزوجت، فجاء زوجها، فقال: يا رسول الله إني كنت أسلمت وعلمت بإسلامي...". Sempurnakan hadith ini dan

bincangkan hukum-hakam yang boleh diambil daripadanya?

12. Adakah Rasulullah (s.a.w) mengambil kira iddah dalam masalah salah seorang suami isteri yang musyrik kemudian dia masuk Islam?
13. Bincangkan fasakh nikah kerana adanya aib?
14. Apakah perkataan seseorang: "Pulalanglah kamu kepada keluargamu" dianggap sebagai lafaz talak?
15. Apakah disunatkan memberikan mahar kepada isteri yang memiliki aib meskipun dia belum sempat disetubuhi oleh suaminya?
16. Tulis teks fatwa 'Umar (r.a) dalam bahasa Arab mengenai seorang lelaki yang berkahwin dengan seorang perempuan lalu dia menyetubuhinya, kemudian dia mendapati isterinya seorang yang berpenyakit kusta atau gila? Jelaskan pula lafaz-lafaz fatwanya itu?
17. Apakah hukum lelaki yang mati pucuk?
18. Apakah hukum perempuan yang menuntut suaminya supaya menjimaknya?

BAB BERGAUL DENGAN ISTERI

Mempelajari adab dan tata cara bersetubuh dan pergaulan antara suami isteri.

٢٤٣- عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَلْعُونٌ مَنْ أَتَى امْرَأَةً فِي دُبُرِهَا". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ، وَاللَّفْظُ لَهُ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ، وَلَكِنْ أُعِلَّ بِالْإِرْسَالِ.

243- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sungguh dilaknat orang yang menyetubuhi dubur isterinya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Nasa'i, lafaz hadts menurut al-Nasa'i. Periwayat hadith ini thiqoh, namun dianggap cacat kerana mursal: 1043).

Makna Hadith

Allah (s.w.t) berfirman:

نِسَآؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأْتُواْ حَرْثَكُمْ أَنَّىٰ شِئْتُمْ ۖ وَقَدِّمُواْ لِأَنفُسِكُمْ ۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓاْ أَنَّكُم مُّلَٰقُوهُ ۗ وَبَشِّرِ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢٢٣﴾

"*Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai dan sediakanlah (amal-amal yang baik) untuk diri kamu; dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya kamu akan menemuiNya (pada hari akhirat kelak) dan berilah khabar gembira wahai Muhammad) kepada orang-orang yang beriman.*" (Surah al-Baqarah: 223). Ayat ini menjimak isteri di tempat bercucuk tanam. Apa yang dimaksudkan dengan ladang di sini adalah bercucuk tanam. Tanaman bagi wanita adalah anak dan keturunan. Jadi jimak mestilah dilakukan pada kemaluannya.

Oleh itu, Allah (s.w.t) berfirman: "*datangi kamulah dari arah yang diperintahkan Allah*". Inilah tujuan utama perkahwinan, kemudian tujuan kedua adalah melepaskakn syahwat.

Tambahan pula hadith ini turut melarang menjimak isteri di dubur, kerana ia merupakan tempat najis dan boleh menyebabkan penyakit. Itulah sebabnya hadith ini datang untuk melarang keras menjimak isteri pada bahagian duburnya.

Analisis Lafaz

"مَلْعُونٌ", dijauhkan daripada memperoleh rahmat Allah.

"أَتَى", menyetubuhi.

"دُبُرِهَا", dubur, tempat keluarnya kotoran dan najis.

"وَلَكِنْ أُعِلَّ بِالْإِرْسَالِ", tetapi hadith ini dinilai cacat kerana mursal, namun itu tidak mendatangkan masalah, kerana ia diriwayatkan melalui sekumpulan sahabat , iaitu: 'Ali, 'Umar, Khuzaimah, 'Ali bin Thalq, Ibn Mas'ud, Jabir, Ibn 'Abbas, Ibn 'Amr, al-Barra', 'Uqbah bin 'Amir, Anas dan ramai lagi. Keseluruhan jalur hadith ini meskipun sanadnya masih dipertikai, namun ia boleh dijadikan sebagai hujah.

Fiqh Hadith

Haram menjimak dubur wanita. al-Rabi', murid Imam al-Syafi'i berkata: "Imam al-Syafi'i menulis dalam enam buku mengenai hukum haram perbuatan ini."

Dalam kitab al-Hada al-Nabawi disebutkan daripada Imam al-Syafi'i bahawa beliau berkata: "Saya tidak pernah memberi keringanan kepada pelaku perbuatan ini, sebaliknya saya melarangnya dengan keras. Jadi, barang siapa yang mengatakan ada ulama yang mengharuskan perbuatan ini, maka mereka telah melakukan kesalahan besar kerana apa yang dibolehkan adalah mendatangi wanita dari arah belakang dan dia tetap menyetubuhi kemaluannya, bukan duburnya."

Sementara Imam Malik membolehkannya, tetapi murid-muridnya mengingkari hal itu.

٢٤٤- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يَنْظُرُ اللهُ إِلَى رَجُلٍ أَتَى رَجُلاً أَوْ امْرَأَةً فِي دُبُرِهَا". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ، وَأُعِلَّ بِالْوَقْفِ.

244- Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Allah tidak memandang lelaki yang bersetubuh dengan lelaki dan bersetubuh dengan wanita melalui duburnya." (Diriwayatkan oleh al-Tirmidhi, al-Nasa'i, dan Ibn Hibban. Hadith ini mawquf: 1044).

Makna Hadith

Ibn Hajar mengemukakan hadith ini bagi menguatkan makna hadith sebelumnya sekali gus menegaskan bahawa seorang lelaki diharamkan menyetubuhi dubur sesama lelaki. Inilah yang disebut liwat atau homoseksual.

Analisis Lafaz

"لَا يَنْظُرُ اللهُ", maksudnya Allah tidak melihat dengan rahmat-Nya.

"أَتَى رَجُلاً", meliwat lelaki lain.

"وَأُعِلَّ بِالْوَقْفِ", ia dinilai mawquf, tetapi masalah seperti ini tidak dapat dikatakan berdasarkan pendapat dan oleh kerananya, hadith ini dinyatakan marfu'.

Fiqh Hadith

1. Haram melakukan liwat atau homoseksual.
2. Haram menjimak perempuan di duburnya.

٢٤٥- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلَا يُؤْذِي جَارَهُ، وَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا، فَإِنَّهُنَّ خُلِقْنَ مِنْ ضِلَعٍ، وَإِنَّ أَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الضِّلَعِ أَعْلَاهُ، فَإِنْ ذَهَبْتَ تُقِيمُهُ كَسَرْتَهُ، وَإِنْ تَرَكْتَهُ لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ، فَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

وَلِمُسْلِمٍ: "فَإِنْ اسْتَمْتَعْتَ بِهَا اسْتَمْتَعْتَ وَبِهَا عِوَجٌ، وَإِنْ ذَهَبْتَ تُقِيمُهَا كَسَرْتَهَا، وَكَسْرُهَا طَلَاقُهَا".

245- Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Barang siapa beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka janganlah mengganggu jiran tetangganya. Hendaklah kamu menasihati

kaum wanita dengan cara yang baik, sebab mereka diciptakan daripada tulang rusuk, sedangkan tulang rusuk yang paling bengkok adalah bahagian yang paling atas; jika kamu berusaha meluruskannya, ia akan patah dan jika kamu membiarkannya, ia tetap bengkok. Oleh itu, nasihatilah mereka dengan cara yang baik." (Muttafaq 'alaihi, lafazh hadith menurut menurut al-Bukhari).

Dalam riwayat Muslim disebutkan: "Jika kamu bersenang-senang dengannya, maka kamu dapat bersenang-senang dengannya meskipun dia tetap bengkok. Jika kamu berusaha meluruskannya, maka dia boleh patah yang bererti cerai: 1045).

Makna Hadith

Rasulullah (s.a.w) seorang yang bersifat kasih sayang kepada umatnya. Dalam kaitan ini, Allah berfirman:

لَقَدْ جَآءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

"*Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (iaitu Nabi Muhammad s.a.w), yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat tamak (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) ia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman.*" (Surah al-Taubah: 128). Ini dibuktikan bahawa sering kali memberi wasiat umat manusia supaya rajin mengerjakan amal kebaikan, terlebih-lebih kepada jiran tetangga. Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَا زَالَ جِبْرِيْلُ يُوْصِيْنِي بِالْجَارِ حَتَّى ظَنَنْتُ أَنَّهُ سَيُوَرِّثُهُ.

"Jibril sentiasa berwasiat kepadaku untuk berbuat baik kepada jiran tetangga, sehingga aku mengira bahawa jiran tetangga mendapat bahagian harta warisan." Rasulullah (s.a.w) banyak berwasiat yang salah satunya adalah membuang gangguan yang terdapat di tengah jalan merupakan salah satu tanda kesempurnaan iman.

Kemudian Rasulullah (s.a.w) berwasiat untuk sentiada bersikap ramah dan berlemah lembut kepada isteri, kerana dia merupakan orang yang paling dekat dengan kaum lelaki. Baginda menjelaskan wanita memiliki watak yang keras sebagaimana asal mula penciptaannya yang berasal dari tulang rusuk yang bengkok dan sangat sukar merubahnya, bahkan tidak jarang keinginan lelaki untuk merubah sikap wanita itu malah berakhir dengan perceraian.

Baginda memberi petunjuk untuk berbuat baik setelah menjelaskan penyakitnya iaitu seorang lelaki boleh tetap menikmati iserinya walaupun dia tetap bengkok, kerana setelah diberi pengjaran barang kali dia segera berubah menjadi baik dan insaf.

Analisis Lafaz

"يُؤْذِي", jangan sekali-kali menyakiti jiran tetangga kerana seseorang itu telah beriman kepada Allah dan hari kiamat. Kalimat ini merupakan larangan yang keras untuk tidak menyakiti jiran tetangga.

"اسْتَوْصُوا", berikan mereka wasiat dan hendaklah kamu saling berwasiat kepada mereka dengan kebaikan.

"ضِلَع", dengan membaca *kasrah* huruf *dhad* dan *fathah* huruf *lam*. ini mengisyaratkan kepada hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Ishaq daripada Ibn 'Abbas bahawa:

إِنَّ حَوَّاءَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلَعِ آدَمَ الْأَقْصَرِ الْأَيْسَرِ.

"Sesungguhnya Hawa' diciptakan daripada tulang rusuk sebelah kiri Nabi Adam." Tulang rusuk merupakan nama bagi salah satu tulang yang terdapat pada rusuk. Jamaknya "أضلاع". Pada mulanya kalimat ini bermakna setiap ranting pohon panjang yang bengkok. Tulang ini diberi nama demikian kerana ia menyerupai bentuk ranting yang bengkok itu.

"وَإِنَّ أَعْوَجَ شَيْءٍ فِي الضِّلَعِ أَعْلَاهُ", penciptaan wanita berasal dari tulang rusuk yang bahagian atas dan ia merupakan tulang yang paling bengkok. Ini membuktikan betapa bengkok tabiat dan sikap mereka.

Ada yang mengatakan bahawa maksud perkataan ini adalah kepalanya yang merupakan bahagian paling atas anggota tubuh dan paling keras. Pada bahagian kepala itu terdapat lisan yang merupakan sumber segala kata-kata kasar dan kesat.

"تُقِيمَهُ", meluruskan tulang rusuk yang bengkok.

"كَسَرْتَهُ", dalam riwayat lain disebutkan bahawa maksud mematahkan di sini adalah talak.

"اسْتَمْتَعْتَ", meminta untuk bersenang-senang dengannya, baik dalam bentuk persetubuhan atau memanfaatkannya.

Fiqh Hadith

1. Menjelaskan betapa hak jiran tetangga itu amat besar, hingga mengganggu jiran menyebabkan seseorang tidak beriman kepada Allah dan hari berbangkit. Menurut al-Shan'ani, ungkapan ini

merupakan ungkapan yang hiperbola, kerana seseorang yang benar dalam beriman tidak akan menyakiti jiran tetangganya dan perbuatan menyakit jiran termasuk dosa besar. Jadi orang yang mengganggu yang jirannya tidak memiliki iman yang sempurna dan Allah telah berwasiat di dalam al-Qur'an untuk berbuat baik kepada jiran tetangga.

2. Berwasiat kepada wanita dengan cara memaafkan mereka, bersikap lemah lembut dan bersabar di atas kekerasan hati mereka.
3. Menjelaskan bahawa keras kepala wanita sukar untuk diatasi (diluruskan).
4. Menjelaskan bahawa bersenang-senang dengan isteri tidak tercapai kecuali dengan penuh kesabaran.

٢٤٦- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنَّا مَعَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي غَزَاةٍ، فَلَمَّا قَدِمْنَا الْمَدِينَةَ، ذَهَبْنَا لِنَدْخُلَ. فَقَالَ: "أَمْهِلُوا حَتَّى تَدْخُلُوا لَيْلًا - يَعْنِي: عِشَاءً - لِكَيْ تَمْتَشِطَ الشَّعِثَةُ، وَتَسْتَحِدَّ الْمَغِيبَةُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِلْبُخَارِيِّ: إِذَا أَطَالَ أَحَدُكُمُ الْغَيْبَةَ، فَلَا يَطْرُقْ أَهْلَهُ لَيْلاً.

246- Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Kami pernah bersama Rasulullah (s.a.w) dalam satu peperangan. Ketika kami tiba di Madinah, kami berusaha masuk, lalu baginda bersabda: "Sabarlah sehingga kamu masuk pada waktu malam (waktu Isyak) supaya wanita yang rambutnya kusut masa sempat bersikat dan menyukur bulu-bulu yang ada di sekitar anggota tubuh selama ditinggal pergi oleh suaminya." (Muttafaq 'alaih).

Dalam riwayat al-Bukhari disebutkan: "Jika seseorang di antara kamu bepergian dalam waktu yang lama, maka janganlah mengetuk pintu rumah keluarganya pada waktu malam. (1046).

Makna Hadith

Ketika Allah menyuruh untuk sentiasa berhias diri dan Allah mengetahui bahawa manusia tidak mempu berbuat demikian sepanjang masa, karena itu menyusahkan mereka, malah boleh menyebabkan sebahagian kewajipan terabaikan, maka Islam menganjurkan untuk tidak mendatangi perempuan pada waktu ketika dia tidak berhias sehingga tidak kelihatan buruk rupa bagi suaminya dan demikian pula wanita. Dengan demikian, kaum wanita tidak merasa kesusahan berhias pada waktu siang hari yang merupakan waktu yang sibuk baginya.

Tambahan pula seorang suami yang tidak sabar menunggu isterinya berhias boleh menyeksa batin mereka. Jika seorang suami bijak mengambil

berat keadaan ini, maka kehidupan rumah tangga mereka menjadi semakin harmoni, dipenuhi kasih sayang dan cinta.

Analisis Lafaz

"أَمْهِلُوا", perintah untuk berehat dan tidak tergesa-gesa.

"تَمْتَشِطَ", menyikat rambut.

"الشَّعِثَةُ", dibaca *fathah* huruf *syin* dan *kasrah* huruf *'ain*, yakni bulu-bulu halus yang tumbuh di sekitar kepala.

"تَسْتَحِدَّ", mencukur dengan pisau cukur atau mencukur bulu yang dianjurkan untuk dicukur, seperti bulu di bawah ketiak dan bulu sekitar kemaluannya.

"الْمَغِيبَةُ", wanita yang ditinggal lama oleh suaminya.

"يَطْرُقْ", datang pada waktu malam hari dari perjalanan dan lain-lain atau setiap orang yang datang pada waktu malam hari.

"لَيْلاً", datang pada waktu malam hari, namun tidak ada larangan untuk datang pada waktu siang hari meskipun tanpa sepengetahuan mereka. Ini kerana perselingkuhan pada kebiasaannya dilakukan pada waktu malam hari. Itulah sebabnya dilarang mengetuk pintu ketika datang pada waktu malam hari. Namun ini tidak bertentangan dengan perintah yang menyuruh untuk mengakhirkan masuk rumah hingga waktu Isyak bagi memberi kesempatan kepada isteri untuk berhias, kerana seorang isteri tidak mungkin berkhianat pada waktu ini.

Fiqh Hadith

1. Anjuran untuk tidak mencari-cari aib keluarga dan dianjurkan melakukan sesuatu yang boleh menimbulkan kasih sayang dan cinta di kalangan suami isteri.
2. Hendaklah tidak mengetuk pintu rumah pada waktu malam ketika pulang dari perjalanan.
3. Disunatkan untuk mengakhirkan masuk ke rumah hingga awal malam hari.
4. Disunatkan untuk bercukur dan berhias diri ketika menyambut kedatangan suami yang bakal pulang dari perjalanan jauh.

Penting

Ibn Khuzaimah meriwayatkan daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang kami daripada mengetuk pintu rumah isteri pada waktu malam hari. Namun ada dua orang lelaki yang berdegil dengan

tetap mengetuknya pada waktu malam hari dan mereka pun mendapati isteri mereka dalam keadaan yang mereka tidak disukai."

Abu 'Awanah dalam kitabnya al-Sahih meriwayatkan daripada Jabir bahawa Abdullah bin Rawahah pernah mendatangi isterinya pada waktu malam hari. Secara kebetulan, di sebelah isterinya itu ada seorang perempuan yang sedang menyikat rambutnya. Abdullah bin Rawahah mengiranya seorang lelaki, lalu dia mengarahkan pedangnya kepada wanita tersebut. Ketika peristiwa ini disampaikan kepada Rasulullah (s.a.w), baginda melarang suami untuk mengetuk pintu rumahnya pada waktu malam hari.

٢٤٧- وَعَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِنَّ شَرَّ النَّاسِ مَنْزِلَةً عِنْدَ اللهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ؛ الرَّجُلُ يُفْضِي إِلَى امْرَأَتِهِ وَتُفْضِي إِلَيْهِ، ثُمَّ يَنْشُرُ سِرَّهَا". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

247- Daripada Sa'id al-Khudri (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sejahat-jahat kedudukan di sisi Allah pada hari kiamat adalah seseorang yang menyetubuhi isterinya, kemudian dia mendedahkan rahsianya itu kepada orang lain." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1047).

Makna Hadith

Dalam satu hadith, Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيَقُلْ خَيْرًا أَوْ لِيَصْمُتْ.

"Barang siapa yang beriman kepada Allah dan hari kiamat, maka hendaklah dia berkata-kata baik atau diam."

Seorang suami yang mendedahkan apa yang dia lakukan ketika berjimak bersama isterinya merupakan perbuatan yang tidak baik. Rahsia rumah tangga hendaklah dirahsiakan. Oleh itu, hadith ini menyuruh suami isteri untuk memilih berdiam berkaitan dengan urusan-urusan rumah tangganya.

Tambahan pula, mendedahkan rahsia rumah tangga boleh menggerakkan orang lain yang mendengarnya ingin melakukan perbuatan tersebut terhadap isterinya sendiri atau ada orang lain yang berniat jahat merogol isterinya. Di sinilah muncul perbuatan jahat.

Jadi, seorang muslim disuruh untuk sentiasa menyembunyikan rahasia serta menutup aib isteri sendiri merasa seandainya orang lain mengetahuinya.

Analisis Lafaz

"شَرَّ النَّاسِ", dalam riwayat lain disebutkan "من أشر الناس". Menurut al-Qadhi 'Iyadh, ulama nahwu berkata: "Tidak boleh mengatakan kalimat "أشر" dan "أخير", tetapi cukup dengan mengatakan: "خير منه" dan "شر منه". Menurut beliau lagi, ada beberapa hadith sahih yang menggunakan kedua-dua bahasa ini dan ini menunjukkan ia boleh digunakan.

Menurut pensyarah kitan ini, makna kalimat ini adalah orang yang paling rendah kedudukannya.

"مَنْزِلَةً", kedudukan atau tempat.

"يُفْضِي", seorang lelaki menggauli isterinya atau menyetubuhinya. Maksudnya adalah mendedahkan rahsia rumah tangganya.

"يَنْشُرُ", mendedahkan atau memberitahu khalayak ramai. Seseorang yang menceritakan rahsia isterinya ketika berjimak kepada orang lain tentu kisah ini akan menyebar kepada yang lain. Jadi, pendedahan itu dilakukan sekali atau berulang kali adalah sama sahaja, di mana tetap dilarang di sisi syariat Islam.

Fiqh Hadith

1. Pasangan suami isteri dibolehkan membuka pakaian di hadapan pasangan mereka masing-masing meskipun seluruh auratnya kelihatan
2. Larangan bagi pasangan suami isteri menceritakan perbuatan mereka ketika melakukan persetubuhan. Jika sekadar menyebutkan kejadian berjimak tanpa menyebut perinciannya maka tidaklah dimakruhkan jika itu diperlukan, misalnya, isteri menuduh suaminya lemah syahwat atau tidak mampu lagi memberikan nafkah batin. Banyak kes-kes seperti dalam hadith Rasulullah (s.a.w) antara lain baginda bersabda: "Sesungguhnya aku telah melakukan hal ini (jimak) bersamanya (salah seorang isterinya)." Baginda pernah bertanya kepada Abu Thalhah: "Apakah kamu sudah melakukan pengantin malam ini?" Baginda pula berkata kepada Jabir: "Bersegeralah untuk mendatangi isterimu!" Baginda berkata ketika mengkebumikan anak perempuannya: "Sesiapa pun di antara kamu hendaklah menggauli isterinya malam ini."

٢٤٨- وَعَنْ حَكِيمِ بْنِ مُعَاوِيَةَ عَنْ أَبِيهِ قَالَ: قُلْتُ : يَا رَسُولَ اللهِ، مَا حَقُّ زَوْجِ أَحَدِنَا عَلَيْهِ؟ قَالَ: "تُطْعِمُهَا إِذَا أَكَلْتَ، وَتَكْسُوهَا إِذَا اكْتَسَيْتَ، وَلَا تَضْرِبِ الْوَجْهَ،

وَلَا تُقَبِّحْ، وَلَا تَهْجُرْ إِلَّا فِي الْبَيْتِ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَه، وَعَلَّقَ الْبُخَارِيُّ بَعْضَهُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ.

248- Daripada Hakim bin Mu'awiyah daripada ayahnya, beliau berkata: "Saya bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah hak isteri seorang di antara kami kepada suaminya?" Baginda menjawab: "Kamu memberinya makan apabila kamu makan, memberinya pakaian apabila kamu berpakaian, jangan memukul bahagian muka, menghina dengan menilainya buruk dan jangan memisahi tempat tidur melainkan tetap di dalam rumah." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud, al-Nasa'i dan Ibn Majah. Sebahagian hadith ini dijadikan mu'allaq oleh al-Bukhari dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim: 1048).

Makna Hadith

Hadith ini menetapkan beberapa perkara, di mana seorang suami diperintahkan untuk melakukannya kerana ia merupakan hak perempuan, iaitu:

Pertama, memberikan makan isteri ketika suaminya makan. Seorang suami tidak boleh memakan makan yang berbeza dengan makanan isterinya terlebih-lebih makanan yang dimakan isterinya tidak berkualiti sedangkan dia malah sebaliknya.

Kedua, memberinya pakaian untuk menutupi aurat sesuai dengan kelayakan pakaian yang dia pakai dan pakaiannya tidak boleh lebih mahal daripada pakaian isterinya.

Ketiga, tidak boleh memukul muka isterinya.

Keempat, tidak boleh mengucapkan dan memperdengarkan sesuatu yang dibenci oleh isterinya.

Kelima**,** jika suami ingin memberi pengajaran dengan cara berpisah tempat tidur, maka itu dibolehkan selagi masih dilakukan dalam satu rumah.

Analisis Lafaz

"حَقٌّ", perkara-perkara yang menjadi kewajipan suami terhadap isteri.

"زَوْج", baik suami mahupun isteri.

"تُقَبِّحْ", yakni kamu buruk. Ini merupakan perkataan untuk menghina dan merendahkan orang lain.

Fiqh Hadith

1. Seorang suami wajib memberi nafkah dan pakaian isterinya. Kewajiban ini hendaklah disesuaikan dengan kemampuan di mana seseorang tidak diberi bebanan melebihi kemampuannya.
2. Disunatkan untuk tidak berlebihan dalam hal pakaian dan makanan isteri melebihi keperluan yang dipakai oleh seorang suami.
3. Boleh memukul isteri untuk memberi pengajaran, tetapi tidak boleh memukul bahagian mukanya.
4. Larangan untuk memperdengarkan suatu ucapan yang dibenci oleh seorang isteri.
5. Larangan berpisah katil bersama isteri, namun dibolehkan jika itu hanya dilakukan di dalam rumah. Dalam kaitan ini, Allah berfirman:

..... وَٱلَّٰتِي تَخَافُونَ نُشُوزَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَٱهْجُرُوهُنَّ فِي ٱلْمَضَاجِعِ وَٱضْرِبُوهُنَّ ۖ فَإِنْ أَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوا۟ عَلَيْهِنَّ سَبِيلًا ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيًّا كَبِيرًا ﴿٣٤﴾

"...... *Dan perempuan-perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derhaka (nusyuz) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaukanlah mereka di tempat tidur, dan (kalau juga mereka masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya). Kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Tinggi, lagi Maha Besar....*" (Surah al-Nisa': 34). Pisah katil tidak boleh dilakukan dengan cara berpisah rumah. Ada yang mengatakan bahawa makna ayat ini seorang suami hendaklah tetap tidur dalam satu katil, tetapi dengan cara membelakangi isterinya. Pendapat lain mengatakan tidak menyetubuhinya. Pendapat lain mengatakan seorang suami hendaklah tetap menyetubuhi isterinya namun tidak bercakap dengannya. Akan tetapi dijelaskan dalam riwayat Bukhari dan yang lain bahwa Rasulullah memisahkan diri dari ranjang isteri-isteri-Nya, kemudian ia duduk dikamar kecil miliknya, dan Beliau tidak mau masuk kekamar istrinya.

Dalam Sahih al-Bukhari disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah tidak sebumbung dengan isterinya ketika bersumpah untuk berbuat demikian, baginda tinggal dalam sebuah bilik kecil dan baginda tidak mendatangi mereka sama sekali. Dalam kaitan ini, al-Bukhari membuat satu bab dengan judul: Rasulullah (s.a.w) pernah tinggal tidak sebumbung dengan isterinya. Al-Bukhari

turut menyebut satu hadith *marfu'* daripada Mu'awiyah bin Haidah bahawa tidak meninggalkan isteri namun jika tetap melakukannya, maka lakukan itu di dalam rumah.

Ulama banyak mengemukakan huraian panjang lebar dalam masalah ini yang menurut saya, huraian dan komentar mereka sudah menyimpang jauh dari kebenaran. Ini kerana lafaz hadith tersebut menyebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersumpah untuk tidak mencampuri isterinya selama satu bulan. Baginda meninggalkan isteri-isterinya dan tinggal di rumah yang berlainan dengan rumah mereka, kerana memang sumpahnya demikian. Ulama fiqh berbeza pendapat dalam masalah ini. Menurut jumhur ulama, dibolehkan berpisah katil dengan isteri sama ada dilakukan di dalam satu rumah atau mereka tinggal berlainan rumah.

Periwayat Hadith

Mu'awiyah bin Haidah pernah bertemu Rasulullah (s.a.w) pada tahun kedatangan delegasi, kemudian beliau menjadi sahabat baginda.

Antara orang yang meriwayatkan hadith daripadanya adalah anaknya bernama Hakim, 'Urwah bin Ruwaim al-Lakhmi dan Humaid al-Muzani. Beliau meninggal dunia di Khurrasan. Al-Arba'ah meriwayatkan hadithnya dan al-Bukhari meriwayatkanya secara *mu'allaq*.

٢٤٩- وَعَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَتِ الْيَهُودُ تَقُولُ: إِذَا أَتَى الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ مِنْ دُبُرِهَا فِي قُبُلِهَا، كَانَ الْوَلَدُ أَحْوَلَ. فَنَزَلَتْ: "نِسَاؤُكُمْ حَرْثٌ لَكُمْ فَأْتُوْا حَرْثَكُمْ أَنَّى شِئْتُمْ" [الْبَقَرَة: ٢٢٣]. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

249- Daripada Jabir bin Abdullah (r.a), beliau berkata: "Orang Yahudi berkata: "Jika ada orang menyetubuhi isterinya dari arah belakang, maka kelak anaknya akan lahir dengan mata juling, lalu turunlah ayat: "*Isteri-isteri kamu adalah sebagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai...*" (Surah al-Baqarah: 223). (Muttafaq 'alaihi, lafaz hadith menurut riwayat Muslim: 1049).

Makna Hadith, Analisis Lafaz dan Fiqh Hadith:

Dalam hadith sebelum ini disebutkan bahawa haram menjimak isteri di duburnya, namun dibolehkan menggauli isteri dari arah sebelah belakang dan tetap memasukkan zakar ke dalam kemaluan isterinya. Ulama berbeza pendapat mengenai sebab turunya ayat ini. Di sini ada tiga pendapat, iaitu:

Pertama, sebab turunnya ayat ini adalah seperti mana yang disebutkan dalam hadith ini. Sekumpulan ulama hadith meriwayatkan hadith yang sama makna dengannya daripada Jabir dan ada tiga puluh enam jalur yang menguatkan hadith ini ini.

Kedua, ayat ini turun untuk membolehkan mendatangi isteri dari arah belakang. Sekumpulan ulama meriwayatkannya daripada 'Abdullah bin 'Umar bin al-Khatthab, tetapi kaedah yang terdapat di dalam kitab al-Sahih lebih benar, lebih-lebih lagi bahawa jalur riwayat ini tidak melebihi satu pertiga jalur hadith pertama, di samping Ibn 'Umar sendiri merasa ragu dengan hadith ini.

Ketiga, ayat ini turun bagi mengharuskan 'azal. Riwayat ini menurut Ibn 'Abbas, Ibn 'Umar dan Ibn al-Musayyab, tetapi makna ayat ini tidak selari dengan maksud riwayat ini.

Apapun, pendapat yang paling kuat dalam masalah ini adalah pendapat pertama, kerana itu lebih mendekati kepada makna ayat dan lebih sesuai dengan fikiran manusia.

٢٥٠- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهِ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَوْ أَنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا أَرَادَ أَنْ يَأْتِيَ أَهْلَهُ قَالَ: بِسْمِ اللهِ، اَللَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِّبِ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْتَنَا؛ فَإِنَّهُ إِنْ يُقَدَّرْ بَيْنَهُمَا وَلَدٌ فِي ذَلِكَ، لَمْ يَضُرَّهُ الشَّيْطَانُ أَبَدًا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

250- Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika ada seorang di antara kamu hendak bersetubuh dengan isterinya lalu membaca doa:

بِسْمِ اللهِ، اَللَّهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِّبِ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْتَنَا

(Ya Allah, jauhkan kami daripada syaitan dan jauhkan pula rezeki yang telah Engkau berikan kepada kami daripada syaitan). Jika bila kelak mereka ditakdirkan mempuyai anak dari hasil persetubuhan itu, syaitan tidak akan dapat mengganggu anak itu selama-lamanya." (Muttafaq 'alaihi: 1050).

Makna Hadith

Antara petunjuk Rasulullah (s.a.w) adalah baginda sentiasa meninggalkan bacaan zikir untuk ummatnya supaya mereka diselamatkan daripada pedaya syaitan sekali gus mereka dekat kepada Allah. Zikir pula dapat membantu seseorang untuk menghadapi pelbagai cubaan dunia. Salah satu do'a untuk mencapai tujuan itu adalah doa yang mesti dibaca seorang muslim ketika hendak menggauli isterinya yang dengnnya dia memohon

perlindungan kepada Allah daripada godaan syaitan yang terkutuk supaya dia dan keluarganya tidak diganggu oleh syaitan.

Analisis Lafaz

"يَأْتِيَ", untuk menggauli.

"أَهْلَهُ", isterinya.

"جَنِّبْنَا", jadikanlah syaitan jauh daripada kami.

"رَزَقْتَنَا", rezeki berupa anak.

"لَمْ يَضُرَّهُ الشَّيْطَانُ أَبَدًا", al-Qadhi 'Iyadh berkata: "Maksud hadith ini bukan menafikan segala bentuk bahaya secara keseluruhan, meskipun lafaz hadith ini berbentuk umum kerana dalam hadith yang dijelaskan:

كُلُّ ابْنِ آدَمَ يَطْعَنُ الشَّيْطَانُ فِي بَطْنِهِ حِيْنَ يُوْلَدُ إِلاَّ مَرْيَمَ وَابْنَهَا.

"Setiap anak Adam dicubit oleh syaitan pada bahagian perutnya ketika dia lahir, kecuali Maryam dan anaknya Nabi 'Isa (a.s)." Apapun, cubitan ini juga termasuk jenis bahaya sesuai dengan makna kalimat hadith di atas."

Al-Shan'ani memberi komentar perkataan al-Qadhi 'Iyadh dengan berkata: "Apa yang dikatakan oleh al-Qadhi 'Iyadh merangkumi bahaya agama dan dunia, namun ada yang mengatakan bahawa maksudnya adalah bahaya agama sahaja. Jadi, maksud hadith di atas adalah seseorang yang membaca doa tersebut ketika berjimak lalu dikurniakan anak, maka anaknya termasuk ke dalam apa yang disebutkan dalam firman Allah:

إِنَّ عِبَادِى لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنٌ إِلَّا مَنِ ٱتَّبَعَكَ مِنَ ٱلْغَاوِينَ ﴿٤٢﴾

"*Sesungguhnya hamba-hambaKu, tidaklah ada bagimu sebarang kuasa untuk menyesatkan mereka, kecuali sesiapa yang menurutmu dari orang-orang yang sesat (dengan pilihannya sendiri).*" (Surah al-Hijr: 42)

Ada yang mengatakan maksudnya adalah anak itu tidak akan difitnah agamanya hingga menjadi orang kafir, namun tidak bermaksud dia menjadi maksum.

Ada pula yang mengatakan penyertaan syaitan ketika berjimak tidak akan membahayakan anak yang bakal dilahirkan kelak sebagaimana yang ditegaskan dalam sebuah hadith bahawa syaitan sentiasa turut serta ketika seseorang menggauli isterinya.

Menurut pensyarah kitab ini, pendapat kedua adalah pendapat yang benar, meskipun kurang teliti. Apa yang lebih benar adalah riwayat Syu'bah dalam Sahih Muslim dan Imam Ahmad, di mana hadith ini mentafsirkan bahawa syaitan tidak mampu menguasai anak itu atau syaitan tidak mampu

membahayakannya.

Dengan erti kata lain, syaitan tidak mampu mengusik dan mengarahkan anak yang bakal dihasilkan dari persetubuhan pasangan suami isteri itu. Inilah maksud firman Allah (s.w.t):

إِنَّ عِبَادِى لَيْسَ لَكَ عَلَيْهِمْ سُلْطَٰنٌ إِلَّا مَنِ ٱتَّبَعَكَ مِنَ ٱلْغَاوِينَ ﴿٤٢﴾

"*Sesungguhnya hamba-hambaKu, tidaklah ada bagimu sebarang kuasa untuk menyesatkan mereka, kecuali sesiapa yang menurutmu dari orang-orang yang sesat (dengan pilihannya sendiri).*" (Surah al-Hijr: 42) Tafsiran ini disokong oleh pendapat al-Hasan yang mengatakan setelah meriwayatkan hadith ini bahawa jika seseorang membaca doa ini, ada harapan anak yang dilahirkan kelak menjadi seorang soleh.

Menurut pensyarah kitab ini, ketika syaitan tidak mampu mempengaruhi seorang anak, maka ini bererti anak itu adalah orang soleh dan kelak Allah akan memasukkannya ke dalam syurga bersama orang soleh. Dengan demikian, syaitan tidak mampu membahayakannya untuk selama-lamanya.

Fiqh Hadith

1. Disunatkan membaca basmalah ketika memulakan setiap urusan dan pekerjaan.
2. Ketika hendak menggauli isteri, seseorang disunatkan membaca doa yang tertera di dalam hadith di atas.
3. Menjelaskan keutamaan doa ini, terlebih-lebih jika ingin menyelamatkan anak daripada godaan syaitan.

٢٥١- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا دَعَا الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ إِلَى فِرَاشِهِ فَأَبَتْ أَنْ تَجِيءَ، فَبَاتَ غَضْبَانَ، لَعَنَتْهَا الْمَلَائِكَةُ حَتَّى تُصْبِحَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ .

وَلِمُسْلِمٍ: كَانَ الَّذِي فِي السَّمَاءِ سَاخِطًا عَلَيْهَا حَتَّى يَرْضَى عَنْهَا.

251- Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Apabila seseorang di antara kamu mengajak isterinya untuk tidur, lalu si isteri enggan mendatangi suaminya, lalu suaminya marah pada malam itu, maka para malaikat melaknat si isteri sampai waktu pagi." (Muttafaq 'alaihi dan lafaz hadith menurut riwayat al-Bukhari)

Menurut riwayat Muslim disebutkan bahawa makhluk yang ada di langit murka kepada si isteri itu sampai suaminya memaafkannya. (1051).

Makna Hadith

Matlamat perkahwinan adalah menjaga kedua pasangan daripada perkara-perkara yang boleh menjerumuskan mereka melakukan perbuatan perbuatan dosa seperti berzina. Dalam kaitan ini, Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ، فَإِنَّهُ أَغَضُّ لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرَجِ.

"Barang siapa di antara kamu yang sudah mampu berkahwin, maka hendaklah dia berkahwin. Sesungguhnya itu mampu memalingkan pandangan dan menjaga kemaluan."

Ketika seseorang ingin menjimak isterinya, tetapi dia enggan mengikuti kehendak suaminya, maka sikap sedemikian boleh mengherat suaminya untuk melakukan perbuatan maksiat lantaran isteri enggan menerima permintaan suaminya. Jadi wajarlah jika dia mendapat murka dari Allah (s.w.t). Tambahan pula, sikap sedemikian bererti seorang isteri melarang suaminya daripada memperoleh haknya dengan cara yang wajar.

Analisis Lafaz

"إِلَى فِرَاشِهِ", tempat untuk melakukan persetubuhan.

"فَأَبَتْ", menolak dan melarang tanpa ada halanagan yang dibenarkan.

"فَبَاتَ", tidur pada waktu malam hari.

"تُصْبِحَ", dalam hadith al-Bukhari disebutkan sampai isteri tersebut mahu memenuhi hasrat suaminya.

"سَاخِطًا", murka dan marah.

Fiqh Hadith

1. Seorang isteri wajib mentaati suaminya selagi perintah itu bukan untuk melakukan perbuatan maksiat, terlabih-lebih masalah hubungan suami isteri. Dalilnya Rasulullah (s.a.w) melaknat seorang isteri yang menolak pelawaan suaminya untuk berjimak, kerana malaikat tidak melaknat kecuali atas perintah Allah. Setiap sesuatu yang diperintahkan Allah bererti ia bakal mengakibatkan hukuman dan hukuman tidak dijatuhkan oleh Allah kecuali ke atas orang yang meninggalkan kewajipan.
2. Murka Allah sentiasa turun sampai isterinya mahu memenuhi hasrat suaminya.
3. Seseorang yang menahan hak orang lain berhak mendapatkan laknat Allah.

4. Boleh menyebut bahawa Allah berada di atas langit, berbeza dengan seseorang yang tidak membolehkannya kerana dia tidak tahu hukumnya. Dalam al-Qur'an disebutkan:

أَمْ أَمِنتُم مَّن فِي ٱلسَّمَآءِ أَن يُرْسِلَ عَلَيْكُمْ حَاصِبًا ۖ فَسَتَعْلَمُونَ كَيْفَ نَذِيرِ ﴿١٧﴾

"Atau patutkah kamu merasa aman (tidak takut) kepada Allah yang pusat pemerintahanNya di langit itu: menghantarkan kepada kamu angin ribut yang menghujani kamu dengan batu; maka dengan itu, kamu akan mengetahui kelak bagaimana buruknya kesan amaranKu?" (Surah al-Mulk: 17)

٢٥٢- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَعَنَ الْوَاصِلَةَ وَالْمُسْتَوْصِلَةَ، وَالْوَاشِمَةَ وَالْمُسْتَوْشِمَةَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

252- Daripada Ibn 'Umar (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) melaknat wanita yang menyambung rambut dan wanita yang meminta supaya rambutnya disambung, wanita yang membuat tatu dan wanita yang meminta supaya dibuatkan tatu. (Muttafaq 'alaih: 1052).

Makna Hadith

Hadith ini diriwayatkkan daripada Ibn Mas'ud dalam Sahih al-Bukhari dengan lafaz yang lebih panjang yang lengkapnya adalah sebagai berikut:

لَعَنَ عَبْدُ اللهُ - ابْنُ مَسْعُوْدٍ - الْوَاشِمَاتِ وَالْمُتَنَمِّصَاتِ وَالْمُتَفَلِّجَاتِ لِلْحُسْنِ الْمُغَيِّرَاتِ خَلْقَ اللهِ، فَقَالَتْ أُمُّ يَعْقُوبَ: مَا هَذَا؟ قَالَ عَبْدُ اللهِ: وَمَا لِي لَا أَلْعَنُ مَنْ لَعَنَ رَسُولُ اللهِ وَفِي كِتَابِ اللهِ، قَالَتْ: وَاللهِ لَقَدْ قَرَأْتُ مَا بَيْنَ اللَّوْحَيْنِ فَمَا وَجَدْتُهُ، قَالَ: وَاللهِ لَئِنْ قَرَأْتِيهِ لَقَدْ وَجَدْتِيهِ: "وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا".

"Daripada 'Alqamah, beliau berkata: "Abdullah bin Mas'ud melaknat wanita yang membuat tatu, mencukur bulu kening dan menjarakkan gigi demi kecantikan yang bertujuan merubah ciptaan Allah. Ummu Ya'qub berkata: "Apa maksud semua ini?" 'Abdullah berkata: Saya melaknat orang yang telah dilaknat oleh Rasulullah di dalam kitab Allah." Ummu Ya'qub berkata: "Sesungguhnya aku telah membaca al-Qur'an, namun aku tidak pernah menemukan masalah ini." Ibn Mas'ud berkata: "Jika engkau benar-

benar membacanya, engkau pasti menjumpainya: "*Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya.*" (Surah al-Hasyr: 7)"

Dalam hadith ini ditegaskan bahawa tujuan mentato, mencukur bulu kening dan menyambung rambut adalah untuk kecantikan dan ini merupakan salah satu perbautan yang menyebabkan pelakunya dilaknat, kerana pada hakikatnya dia telah merubah ciptaan Allah, meskipun pelakunya tidak pernah berniat demikian.

Analisis Lafaz

"لَعَنَ", Rasulullah (s.a.w) mendo'akannya agar dijauhkan dari rahmat Allah.

"الْوَاصِلَةَ", orang yang menyambung rambutnya dengan rambut palsu supaya kelihatan panjang, sama ada dia melakukan sendiri atau dengan bantuan orang lain.

"الْمُسْتَوْصِلَةَ", orang yang meminta untuk melakukannya.

"الْوَاشِمَةَ", orang yang membuat tatu baik dilakukan sendiri atau dengan bantuan orang lain. Ini dilakukan dengan memasukkan dawat ke dalam kulit tubuh, sehingga kelihatan berwarna biru.

"الْمُسْتَوْشِمَةَ", orang yang meminta untuk melakukannya.

Fiqh Hadith

1. Haram bagi wanita menyambung rambutnya dengan rambut palsu, meskipun bukan rambut manusia sama ada wanita itu sudah berkahwin atau belum dan hukum haram ini berlaku bagi pelaku dan orang yang diminta bantuan untuk melakukannya.
2. Haram membuat tatu pada kulit.

Penting

Apakah hukum jika menyambung rambut dengan sutera?

Menurut al-Qadhi 'Iyadh, ulama berbeza pendapat dalam masalah ini. Imam Malik dan al-Tabrani berpendapat menyambung rambut haram, sama ada menyambungnya dengan sutera ataupun benang. Dalilnya adalah hadith yang diriwayatkan Muslim daripada Jabir bahawa Rasulullah (s.a.w) melarang wanita untuk menyambungnya dengan benda yang lain.

Menurut al-Laits bin Sa'd, larangan ini berlaku khusus bagi wanita yang menyambung rambut dengan rambut orang lain.

Menurut al-Qadhi, adapun wanita yang menyambung rambut dengan benang yang diwarnai sehingga tidak kelihatan seperti rambut lagi maka itu tidaklah dilarang, kerana ini tidak dikatakan menyambung rambut, sebaliknya sekadar hiasan dan fesyen.

٢٥٣- وَعَنْ جُذَامَةَ بِنْتِ وَهْبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: حَضَرْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي أُنَاسٍ وَهُوَ يَقُولُ: لَقَدْ هَمَمْتُ أَنْ أَنْهَى عَنِ الْغِيلَةِ، فَنَظَرْتُ فِي الرُّومِ وَفَارِسَ، فَإِذَا هُمْ يُغِيلُونَ أَوْلَادَهُمْ فَلَا يَضُرُّ ذَلِكَ أَوْلَادَهُمْ شَيْئًا". ثُمَّ سَأَلُوهُ عَنِ الْعَزْلِ؟ فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "ذَلِكَ الْوَأْدُ الْخَفِيُّ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

253- Daripada Judzamah binti Wahab (r.a), beliau berkata: "Saya pernah mendatangi Rasulullah (s.a.w) ketika sedang berhimpun dengan orang ramai." Baginda bersbda: "Saya betul-betul ingin melarang seseorang menyetubuhi isterinya pada waktu menyusui anaknya atau pada waktu hamil. Lalu saya melihat orang Rom dan Parsi, namun mereka juga menyetubuhi isterinya pada waktu menyusui atau ketika isterinya hamil dan tidak ada apa-apa bahaya kepada anak-anak mereka. Para sahabat sahabat bertanya kepada baginda mengenai 'azal (mengeluarkan sperma di luar vagina), lalu baginda menjawab: "Itu sama dengan menguburkan anak secara tidak langsung." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1053).

Makna Hadith

Hadith ini membicarakan dua perkara, iaitu;

Pertama, suami bersetubuh dengan isteri yang sedang menyusui anak, kerana ini sangat dibenci oleh masyarakat Arab, kemudian Rasulullah (s.a.w) menyanggah tradisi ini dengan memberikan contoh bahawa bangsa Parsi dan Rom biasa menyetubuhi isteri yang sedang menyusui anak dan isteri yang sedang hamil dan itu sama sekali tidak membahayakan anak-anak mereka.

Kedua, perbuatan seorang suami yang tidak menginginkan keturunan, iaitu ketika dia bersetubuh dan hendak orgasme, dia mengeluarkan air maninya di luar kemaluan isteri. Di sini Rasulullah (s.a.w) memberitahukan bahawa perbuatan ini sama seperti perbuatan orang jahiliah yang secara tidak langsung mengubur hidup-hidup anaknya dan ini pula yang diharamkan di sisi Islam. Allah (s.w.t) berfirman:

وَإِذَا ٱلْمَوْءُۥدَةُ سُئِلَتْ ﴿٨﴾ بِأَيِّ ذَنۢبٍ قُتِلَتْ ﴿٩﴾

"*Dan apabila anak perempuan yang ditanam hidup-hidup: ditanya. Dengan dosa apakah ia dibunuh?*" (Surah al-Takwir: 8-9)

Analisis Lafaz

"الْغِيلَةِ", dengan membaca *kasrah* huruf *ghain*, ada pula yang membacanya "الغيل" dengan membaca *fathah* huruf *ghain* dan ada pula yang membaca "الغيال" dengan membaca *kasrah* huruf *ghain*, iaitu seorang suami yang menyetubuhi isterinya yang sedang menyusui anak. Pendapat ini menurut Imam Maliki dan al-Asmu'i.

Ada pula yang mengatakan wanita yang menyusui yang ketika itu dia masih hamil.

"الْعَزْلِ", dengan membaca *fathah* huruf *'ain* dan sukun hurfu *zai*, iaitu seorang suami yang mencabut zakarnya ketika hendak orgamse dengan tujuan agar spermanya tumpah di luar kemaluan isterinya.

"الْوَأْدُ", mengubur hidup-hidup anak yang masih kecil.

"الْخَفِيُّ", perbuatan *'azal* ini sama seperti *al-wa'du*, tetapi perbuatan ini lebih halus, kerana tujuannya sama iaitu ingin membunuh anak. *'Azal* dilakukan sebelum anak lahir, sementara *al-wa'du* dilakukan setelah anak lahir.

Fiqh Hadith

1. Boleh menyetubuhi isteri yang sedang hamil atau ketika menyusui dalam keadaan hamil.
2. Larangan untuk melakukan *'azal*, bahkan perbuatan ini diharamkan. Inilah pendapat Ibn Hazam dan Ibn Hibban salah seorang ulama mazhab Syafi'i. Menurut jumhur ulama pula boleh melakukan *'azal* bagi wanita merdeka jika dilakukan atas izinnya, sementara perbuatan ini boleh dilakukan kepada hamba perempuan meskipun tanpa izinnya. Dalil mereka adalah hadith yang diriwayatkan daripada Jabir (r.a):

   كُنَّا نَعْزِلُ عَلَى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

   "Kami biasa melakukan *'azal* pada masa Rasulullah (s.a.w) masih hidup." Demikian pula hadith Abu Sa'id:

   أَصَبْنَا سَبِيًّا فَكُنَّا نَعْزِلُ فَسَأَلْنَا رَسُوْلَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَوَ إِنَّكُمْ لَتَفْعَلُوْنَ، مَا مِنْ نَسَمَةٍ كَائِنَةٍ إِلاَّ وَهِيَ كَائِنَةٌ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

"Kami menyetubuhi seorang tawanan perang, lalu kami ber'azal. Perkara ini kemudian kami tanyakan kepada Rasulullah (s.a.w), lalu baginda bersabda: "Adakah kamu benar-benar melakukannya? Tidaklah jiwa telah ditakdirkan hidup melainkan ia tetap hidup hingga hari kiamat." Hadith-hadith seumpama ini dikeluarkan oleh al-Bukhari dan selainnya. Ibn Majah dan Imam Ahmad meriwayatkan daripada 'Umar (r.a): "Dilarang melakukan 'azal bagi isteri yang merdeka, kecuali atas izinnya."

Penting

Al-Shan'ani berkata: "Usaha seorang wanita untuk menggugurkan sperma sebelum ditiupkan ruh padanya di dalam rahim adalah bergantung kepada boleh atau tidaknya melakukan *'azal*.

Barang siapa yang membolehkan *'azal*, maka dia membolehkan menggugurkan sperma yang sudah ada di dalam rahim namun belum ditiup ruh padanya. Barang siapa yang melarang *'azal*, maka hukum usaha untuk menggugurkan sperma di dalam rahim yang belum ditiupkan ruh padanya adalah diharamkan.

Demikian pula seorang wanita yang berusaha untuk tidak hamil sama sekali, malah sesetengah ulama mazhab Syafi'i mengharamkannya.

٢٥٤- وَعَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلاً قَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّ لِي جَارِيَةً، وَأَنَا أَعْزِلُ عَنْهَا، وَأَنَا أَكْرَهُ أَنْ تَحْمِلَ، وَأَنَا أُرِيدُ مَا يُرِيدُ الرِّجَالُ، وَإِنَّ الْيَهُودَ تُحَدِّثُ أَنَّ الْعَزْلَ الْمَوْؤُدَةُ الصُّغْرَى. قَالَ: كَذَبَتْ يَهُودُ، لَوْ أَرَادَ اللهُ أَنْ يَخْلُقَهُ مَا اسْتَطَعْتَ أَنْ تَصْرِفَهُ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَاللَّفْظُ لَهُ وَالنَّسَائِيُّ وَالطَّحَاوِيُّ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ.

254- Daripada Abu Sa'id al-Khudri (r.a) bahawa ada seorang lelaki berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya mempunyai hamba perempuan yang sentiasa saya 'azal ketika berhubungan dengannya, kerana saya tidak senang apabila dia hamil dan saya hanya menginginkan apa-apa yang dikehendaki oleh kaum lelaki, namun orang Yahudi berkata: "'Azal adalah menguburkan anak secara tidak langsung." Mendengar itu, baginda bersabda: "Orang Yahudi itu berbohong. Jika Allah telah mentakdirkan seorang anak baginya, tentu kamu tidak mampu mengeluarkan menolak kedatangan anak itu." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud, lafaz hadith menurut Abu Dawud. Begitu pula hadith ini diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan al-Thahawi. Periwayatnya thiqoh: 1054).

Makna Hadith

Hadith ini menegaskan larangan 'azal seperti mana yang disebut dalam hadith sebelum ini tidaklah diharamkan mengikut pendapat jumhur ulama termasuklah Ibn Hajar di mana membincangkan masalah ini dengan panjang lebar dalam kitab Fath al-Bari. Ringkasnya, hadith ini pada hakikatnya saling menguatkan antara satu sama lain. Ada sebahagian ulama berusaha mengumpulkan pemahaman antara kedua-dua hadith tersebut bahawa larangan yang terdapat dalam hadith Judhamah menunjukkan hukum makruh. Tafsiran ini turut dikemukakan oleh al-Baihaqi.

Ada pula di antara ulama yang menilai daif hadith Judhamah, kerana ia bertentangan dengan hadith yang memiliki jalur yang lebih banyak. Ada pula yang menganggap hadith tersebut dimansukh setelah menelusuri sejarah masa lampau Islam.

Ada pula yang mengatakan bahawa 'azal pada mulanya dibolehkan di mana Rasulullah (s.a.w) ingin menyesuaikan diri dengan ahli kitab dalam perkara-perkara yang belum diturunkan di dalamnya. Namun setelah hukumnya diketahui dengan jelas, baginda pun menjelaskan hukumnya.

Ada pula yang menagatakan bahawa hadith Judhamah sahih dan hadith yang menentangnya dinilai lemah, tetapi menggabungkan pemamahan antara dua hadith yang seolah bercanggah dalam masalah ini adalah memungkinkan seperti mana yang dilakukan oleh Ibn Hazm dan Ibn Hibban.

Menurut Ibn al-Qayyim, apa yang didustakan oleh orang Yahudi adalah mereka yakin bahawa kehamilan tidak mungkin terjadi jika 'azal dilakukan. Rasulullah (s.a.w) menyanggah pendustaan ini, kerana jika Allah menghendaki hamil bagi seorang wanita, dia tetap hamil meskipun telah dilakukan 'azal. 'Azal dinamakan *al-wa'du* kerana seseorang yang melakukannya tidak menginginkan anak yang seolah-olah perbuatan ini sama dengan membunuh anak.

Analisis Lafaz

"مَا يُرِيدُ الرِّجَالُ", apa yang diinginkan oleh lazimnya kaum lelaki iaitu persetubuhan.

"المَوْؤُدَةُ", makna kalimat ini telah dihuraikan sebelum ini.

"يَخْلُقَهُ", menjadi anak atau hamil.

"تَصْرِفَهُ", menolak anak atau kehamilan.

"وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ", periwayatnya thiqoh, tetapi ulama hadith berbeza pendapat mengenai sanadnya, malah ada yang menilai hadith ini cacat. Oleh kerana hadith ini diriwayatkan menerusi jalur yang pelbagai, Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari berkata: "Hadith ini mempunyai jalur yang saling menguatkan

antara satu sama lain."

Fiqh Hadith

Boleh melakukan 'azal, walaupun ia dilakukan untuk tidak menginginkan kehamilan.

٢٥٥- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنَّا نَعْزِلُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْقُرْآنُ يَنْزِلُ، وَلَوْ كَانَ شَيْئًا يُنْهَى عَنْهُ لَنَهَانَا عَنْهُ الْقُرْآنُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلِمُسْلِمٍ: فَبَلَغَ ذَلِكَ نَبِيَّ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمْ يَنْهَنَا.

255- Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Kami biasa ber'azal pada masa Rasulullah (s.a.w) masih hidup dan al-Qur'an masih diturunkan. Jika perbuatan ini merupakan sesuatu yang dilarang, nescaya perbuatan kami itu sudah dilarang oleh al-Qur'an. (Muttafaq 'alaih).

Menurut riwayat Muslim disebutkan bahawa perkara itu kemudian sampai kepada Rasulullah (s.a.w) dan baginda tidak melarang perbuatan kami itu: 1055).

٢٥٦- وَعَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَطُوفُ عَلَى نِسَائِهِ بِغُسْلٍ وَاحِدٍ. أَخْرَجَاهُ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

256- Daripada Anas bin Malik bahawa Rasulullah (s.a.w) sering menyetubuhi seluruh isteri-isteri baginda dengan satu kali mandi. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, lafaz hadith menurut riwayat Muslim: 1056).

Kedua-dua hadith ini telah pun dibahas dalam bab mandi sebelum ini.

Soalan

1. Apakah yang dimaksudkan dengan tata cara menggauli isteri?
2. Sebutkan teks dua hadith yang mengharamkan menjimak isteri di duburnya?
3. Sempurnakan hadith: "استوصوا بالنساء خيرا..." dan jelaskan maksud kalimat yang ada padanya?
4. Apakah makna kalimat "وتستحد اللحية", "تمتشط الشعثة" dan "نهى عن الطروق"?
5. Sebutkan teks hadith yang melarang suami mendedahkan rahsia

isterinya ketika sedang berjimak?

6. Ketika Rasulullah (s.a.w) ditanya apakah hak salah seorang kami ke atasnya, baginda bersabda: …. Sebutkan tekas hadith ini?
7. Apakah tafsiran tidak bertegur sapa atau meninggalkan isteri di dalam rumah?
8. Bolehkah meninggalkan isteri hingga tidak lagi tinggal dalam satu rumah?
9. Sebutkan asbabun nuzul firman Allah (s.w.t): "نساؤكم حرث لكم"?
10. Apakah bacaan ketika hendak menyetubuhi isteri?
11. Apakah maksud sabda Rasulullah (s.a.w) berkaitan masalah jimak: "لم يضره الشيطان أبدا"?
12. Sempurnakan hadith: "إذا دعا الرجل امرأته إلى فراشه..." dan sebutkan hukum-hakam fiqh di dalamnya?
13. Apakah makna "الواشمة", "المستوصلة", "الواصلة" dan "المستوشمة"? Apa pula hukum masalah-masalah ini?
14. Apakah hukump menyambung rambut dengan sutera?
15. Apakah makna *al-ghilah* dan adakah ia dibolehkan?
16. Sebutkan dua hadith yang saling bercanggah maksud secara zahirnya berkaitan hukum 'azal? Cubalah anda menggabungkan maksud kedua hadith ini dan kemudian sebutkan sanggahan sebahagian ulama dalam masalah ini?
17. Apakah hukum 'azal di sisi ulama fiqh?
18. Apakah hukum usaha seorang perempuan yang ingin menggugurkan sperma yang sudah masuk ke dalam rahim?

BAB MAS KAHWIN

Al-Shadaq dengan membaca *fathah* huruf *shad* atau membacanya *kasrah*, berasal dari perkataan "الصدق" kerana ia menunjukkan ketulusan hati seorang bakal suami kepada calon isterinya yang bakal dikahwininya. Perkataan ini memiliki tujuh bacaan dan mempunyai lapan nama yang antara lain adalah:

صَدَاقٌ وَمَهْرٌ وَنِحْلَةٌ وَفَرِيْضَةٌ   حِبَاءٌ وَأَجْرٌ ثُمَّ عَقْرُ عَلَائِقَ

"*shadaq, mahar, nihlah, faridhah, hiba', ajr, 'aqr, 'ala'iq.*" Takrifnya adalah sejumlah harta yang diberikan oleh suami kepada isterinya sebagai bayaran yang perempuan itu dijadikan sebagai isterinya.

٢٥٧- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ أَعْتَقَ صَفِيَّةَ وَجَعَلَ عِتْقَهَا صَدَاقَهَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

257- Daripada Anas (r.a) dari Rasulullah (s.a.w) bahawa baginda pernah memerdekakan Shafiyyah dan menjadikan kemerdekaannya itu sebagai mas kahwinnya. (Muttfaq 'alaih: 1057).

Makna Hadith

Ketika mahar merupakan sejumlah harta atau yang sejenisnya, maka mahar pula boleh dalam bentuk harta atau nilai yang sejenis dengannya. Memerdekakan seorang hamba pastinya memerlukan sejumlah harta yang banyak dan oleh itu, tidak ada larangan menjadikan kemerdekaan itu sebagai mahar sebagaimana yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah (s.a.w) terhadap Ummul Mukminin Shafiyyah (r.a).

Analisis Lafaz

Shafiyyah adalah anak perempuan Huyay bin Akhtab, salah satu keturunan Harun bin 'Imaran. Sebelum ini Shafiyyah menjdi isteri Ibn Abu al-Haqiq, kemudian dia mati terbunuh pada waktu Perang Khaibar dan Shafiyyah pula menjadi tawanan perang. Rasulullah (s.a.w) kemudian menjadikannya sebagai hak milik lalu memerdekakannya dan mengahwininya serta menjadikan kemerdekaannya itu sebagai mas kahwin. Shafiyyah meninggal dunia pada tahun ke-50 Hijriah, namun ada pendapat yang mengatakan lain.

Fiqh Hadith

Sah menjadikan kemerdekaan seorang hamba sebagai mahar. Inilah pendapat Ibn al-Musayyab, al-Nakha'i, al-Zuhri, Abu Yusuf, Imam Ahmad, Ishaq dan al-Bukhari. Al-Tirmidhi dan Ibn Hazm menukilnya daripada Imam al-Syafi'i, namun mengikut pendapat yang masyhur Imam al-Syafi'i adalah sebaliknya.

Menurut jumhur ulama, tidak boleh menjadikan kemerdekaan hamba sebagai mahar. Mereka menjawab hadith ini dengan mengatakan Rasulullah (s.a.w) menjadikan kemerdekaan Shafiyyah sebagai syarat perkahwinan dan oleh kerananya, baginda wajib menyerahkan wang tebusan kepadanya dan kadar wang tebusan itu pun telah diketahui. Dengan ini, Rasulullah (s.a.w) berkahwin dengan Shafiyyah.

Tafsiran ini dibantah dengan lafaz Muslim yang mengatakan: "kemudian baginda berkahwin dengan dengannya (Shafiyyah) lalu menjadikan kemerdekaannya sebagai mas kahwinnya."

Di samping itu, Anas selaku periwayat hadith ini turut mengemukakan pandangan yang berseberangan dengan pendapat jumhur ulama.

Ulama telah panjang lebar membincangkan masalah ini, kerana kedua-dua pendapat ini masih dalam ada kemungkinan benarnya. Apapun, hadith ini secara tegas menyebutkan bahawa boleh menjadikan kemerdekaan hamba sebagai mas kahwin.

Adapun dakwaan yang mengatakan menjadikan kemerdekaan hamba sebagai mas kahwin bercanggah dengan qiyas, maka jawapannya adalah qiyas tidak diperlukan dalam masalah ini, kerana nas dengan tegas menyubutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) telah menjadikan kemerdekaan sebagai mas kahwin.

٢٥٨- وَعَنْ أَبِي سَلَمَةَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَنَّهُ قَالَ: سَأَلْتُ عَائِشَةَ زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَمْ كَانَ صَدَاقُ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ: كَانَ صَدَاقُهُ

لِأَزْوَاجِهِ ثِنْتَيْ عَشْرَةَ أُوقِيَّةً وَنَشًّا. قَالَتْ: أَتَدْرِي مَا النَّشُّ؟ قَالَ: قُلْتُ: لَا. قَالَتْ: نِصْفُ أُوقِيَّةٍ. فَتِلْكَ خَمْسُمِائَةِ دِرْهَمٍ، فَهَذَا صَدَاقُ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَزْوَاجِهِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

258- Daripada Abu Salamah bin 'Abdurrahman bahawa beliau berkata: "Saya pernah bertanya kepada Aisyah (r.a), isteri Rasulullah (s.a.w): "Berapakah mas kahwin Rasulullah (s.a.w)?" Dia menjawab: "Mas kahwin baginda kepada isteri-isterinya adalah sebesar dua belas awqiyah dan *nassya*." Aisyah (r.a) bertanya: "Apakah kamu tahu apa yang dimaksudkan dengan *nassya* itu? Saya jawab: "Tidak." Dia berkata: "Ia sama dengan setengah uqiyah, iaitu lima ratus dirham. Inilah mas kahwin Rasulullah (s.a.w) yang diberikan kepada isteri-isterinya." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1058).

Makna Hadith

Ketika syari'at Islam tidak memberi batasan terhadap jumlah mahar, maka hadith ini menjadi dalil sahnya mahar sama ada ia dalam kadar yang banyak ataupun sedikit, sebaliknya kadar mahar ditentukan oleh kemampuan manusia dan tradisi suatu masyarakat. Rasulullah (s.a.w) amat menyukai kesederhanaan dalam segala perkara dan ini merupakan rahmat bagi umat Islam.

Dalam kaitan ini, Abu Salmah bertanya kepada Aisyah berapa banyak jumlah mas kahwin yang pernah diberikan oleh Rasulullah (s.a.w) kepada isteri-isterinya. Aisyah menegaskan bahawa purata mas kahwin Rasulullah (s.a.w) sekitar lima ratus dirham dan jumlah ini pada zaman sekarang boleh membeli lima puluh ekor kambing.

Analisis Lafaz

Abu Salmah bin Abdurrahman bin 'Awf al-Zuhri al-Qurasyi, namanya sama dengan *kunyah*-nya. Beliau merupakan salah seorang sahabat yang banyak meriwayatkan hadith, banyak mendengar hadith daripada sahabat dan banyak meriwayatkan hadith kepada sekumpulan tabi'in. Beliau salah seorang daripada tujuh ulama fiqh yang terkenal di Madinah, di mana Imam Malik menjadikan merela sebagai sandaran dalam berfatwa. Ramai ulama hadith yang mengeluarkan hadithnya. Beliau meninggal dunia pada usia tujuh puluh tahun.

"أُوقِيَّةً", dengan membaca *dhammah* huruf *hamzah*, uqiyah Hijaz sekitar empat puluh dirham.

"وَنَشًّا", dibaca dengan *fathah* huruf *nun* dan *tasydid* huruf *syin*, setengah uqiyah sebagaimana yang ditafsirkan oleh Aisyah dan inilah jumlah mas

kahwin Rasulullah (s.a.w) terhadap isteri-isterinya.

Menurut al-Shan'ani, pernyataan Aisyah ini berdasarkan adat kebiasaan, kerana mas kahwin Shafiyyah adalah kemerdekaannya dan demikian pula dengan Juwairiyyah. Jumlah mas kahwin Khadijah pula tidak sampai mencecah jumlah yang disebutkan dalam hadith ini. Sedangkan mas kahwin Ummu Habibah sebanyak empat ribu dirham dan empat ribu dinar di mana mahar ini merupakan pemberian al-Najasyi sebagai penghormatan kepada Rasulullah (s.a.w).

Bagi pensyarah kitab ini, tidak menutup kemungkinan biaya memerdekakan hamba itu sama dengan jumlah harta yang disebut dalam hadith ini. Oleh itu, jumlah mas kahwin Shafiyyah dan Juwairiyyah tidak perlu dipertikai lagi, sementara mas kawin Khadijah dilakukan sebelum baginda dilantik menjadi rasul. Jadi, ia tidak sepatutnya dipertikai. Dengan demikian, pernyataan Aisyah tersebut di atas tidak perlu lagi untuk ditafsirkan atau ditakwilkan.

Fiqh Hadith

1. Disunatkan menjadikan mas kahwin sebanyak lima ratus dirham, pendapat ini menurut mazhab Syafi'i dan sekumpulan ulama.
2. Disunatkan mengikut langkah Rasulullah untuk melakukan perkara-perkara yang mubah.

٢٥٩- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: لَمَّا تَزَوَّجَ عَلِيٌّ فَاطِمَةَ عَلَيْهِمَا السَّلَامُ. قَالَ لَهُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَعْطِهَا شَيْئًا، قَالَ: مَا عِنْدِي شَيْءٌ. قَالَ: فَأَيْنَ دِرْعُكَ الحُطَمِيَّةُ؟ رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ، وَالنَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

259- Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: "Ketika 'Ali berkahwin dengan Fatimah, Rasulullah (s.a.w) bersabda kepadanya: "Berilah Fatimah itu sesuatu (mas kahwin)." 'Ali menjawab: "Saya tidak mempunyai apa-apa." Baginda bertanya: "Di manakah baju besi al-Huthamiyah milikmu itu?" (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i, dinilai sahih oleh al-Hakim: 1059).

Makna Hadith

Ulama fiqh mensunatkan bagi seorang lelaki yang baru berkahwin dengan seorang perempuan untuk menyerahkan sebahagian mahar yang telah disepakati untuk menyenangkan hati isteri yang ketika itu sedang bersedih kerana berpisah dengan saudara maranya dan sedang menjalani hidup baru

bersama seorang lelaki yang baru dikenalinya.

Analisis Lafaz

"عَلِيٌّ", Ali bin Abu Thalib (r.a).

"فَاطِمَةَ", Fathimah binti Rasulullah (s.a.w), di mana peristiwa ini berlaku pada tahun ke-2 Hijriah bertepatan bulan Ramadhan atau bulan Zulhijjah.

Fatimah meninggal dunia setelah tiga bulan kewafatan Rasulullah (s.a.w). Dia merupakan keluarga baginda paling awal menyusul kewafatan baginda.

"الحُطَمِيَّةُ", dibaca dengan *dhammah* huruf *ha'* dan *fathah* huruf *tha'*, ia dinisbahkan kepada Huthamah bin Muharib, salah satu kabilah 'Abdul Qais. Mereka merupakan masyarakat yang memiliki kerjaya sebagai pembuat baju perang.

Pendapat lain mengatakan dinamakan *al-Huthamiyyah*, kerana ia mampu menghalang tusukan pedang dan mematahkannya. Pendapat lain pula mengatakan dinamakan *al-Huthamiyyah* kerana ia merupakan jenis baju perang yang lebar.

Fiqh Hadith

Seorang lelaki disunatkan menyerahkan mahar kepada isterinya. Inilah pendapat yang diriwayatkan daripada Ibn 'Abbas, Ibn 'Umar, al-Zuhri dan Imam Malik.

Menurut al-Hasan, al-Tsauri dan Imam al-Syafi'i, diboleh menyetubuhi isteri sebelum memberikan sesuatu sebagai mahar dan pendapat ini diperkuatkan lagi oleh hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud daripada Aisyah bahawa Rasulullah (s.a.w) menyuruhku untuk memberitahu wanita untuk bersetubuh dengan suaminya meskipun dia belum menerima mahar. Hadith ini masih dipertikai.

Imam al-Syaukani berkata: "Zahir hadith ini menyatakan bahawa mahar tidak perlu disebut ketika akad nikah dilangsungkan. Pendapat ini disanggah bahawa ada kemungkinan mahar disebut ketika akad dilangsungkan, namun pembayarannya ditangguhkan dan Rasulullah (s.a.w) menyuruh seseorang untuk membayar terlebih dahulu sebahagian daripada mahar sebagai penghormatan kepada wanita. Hadith Aisyah ini menyatakan bahawa tidak disyaratkan bagi memastikan suatu pernikahan itu sah bahawa seorang lelaki wajib menyerahkan mahar sebelum menyetubuhi isterinya dan saya tidak mengetahui ulama yang membantah pendapat ini."

Penting

Al-Shan'ani berkata: "Dalam riwayat ini tidak disebutkan sama ada 'Ali bin Abu Thalib memberikan baju perangnya itu atau malah memberikan benda yang lain."

Menurut pensyarah kitab ini, menurut riwayat Abu Dawud daripada seorang lelaki sahabat Rasulullah (s.a.w) bahawa 'Ali menyerahkan baju perangnya itu, kemudian dia langsung menyetubuhinya.

٢٦٠- وَعَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَيُّمَا امْرَأَةٍ نَكَحَتْ عَلَى صَدَاقٍ أَوْ حِبَاءٍ أَوْ عِدَةٍ قَبْلَ عِصْمَةِ النِّكَاحِ، فَهُوَ لَهَا، وَمَا كَانَ بَعْدَ عِصْمَةِ النِّكَاحِ، فَهُوَ لِمَنْ أُعْطِيَهُ، وَأَحَقُّ مَا أُكْرِمَ الرَّجُلُ عَلَيْهِ ابْنَتُهُ أَوْ أُخْتُهُ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ إِلَّا التِّرْمِذِيَّ.

260- Daripada 'Amar bin Sya'uib daripada ayahnya daripada datuknya, beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Mana-mana perempuan berkahwin dengan memakai mas kahwin, pemberian atau janji-janji sebelum akad nikah dilangsungkan, maka barang itu menjadi miliknya. Namun benda yang diberikan setelah akad nikah dilangsungkan maka itu tetap menjadi hak milik orang yang memberi. Sebaik-baik pemberian yang diberikan oleh seorang lelaki adalah pemberikan yang diberikan kepada anak perempuannya dan saudarinya sekali gus ini sebagai penghormatan." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah kecuali al-Tirmidhi: 1060).

Makna Hadith

Kadang kala ketika akad nikah dilangsungkan ada disebutkan sesuatu untuk selain wanita yang dikahwini seperti untuk orang tua atau wali. Hadith ini menetapkan bahawa semua apa yang disebutkan itu menjadi hak milik wanita (isteri) dan tidak boleh menjadi hak orang lain, meskipun dinisbahkan kepadanya, kerana pada dasarnya mahar itu diberikan kepada isteri.

Hal ini berbeza jika barang itu disebutkan kepada orang lain setelah akad nikah, maka barang itu menjadi hak milik orang yang diberinya, kerana mahar tidak boleh diberikan setelah akad dilangsungkan. Ini menunjukkan pemberian itu bukan milik isteri kerana ia bukan mahar yang disebut ketika akan nikah sedang dilangsungkan.

Analisis Lafaz

"نَكَحَتْ", mengahwini.

"صَدَاقٍ", dengan membaca *kasrah* huruf *shad*, mahar atau mas kahwin yang diberikan kepada perempuan yang akan dinikahi.

"أَوْ حِبَاءٍ", dibaca *kasrah* huruf *ha'*, pemberian kepada orang lain atau kepada isteri sebagai tambahan ke atas mahar.

"عِدَةٍ", dibaca dengan *kasrah* huruf *'ain* dan *fathah* huruf *dal*, sesuatu yang dijanjikan oleh suami kepada isterinya.

"عِصْمَةِ النِّكَاحِ", akadnya.

"لِمَنْ أُعْطِيَهُ", *mabni li al-majhul*, sesuatu yang diberikan oleh suami kepada isterinya.

"رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ إِلَّا التِّرْمِذِيَّ", Ibn Hajar sama sekali tidak memberi komentar ke atasnya. Ia diriwayatkan daripada 'Amr bn Juraij dan al-Hajjaj bin Artha'ah, mereka berdua adalah *mudallas* dan tidak pernah berterus terang mengenai kedudukan hadith.

Fiqh Hadith

1. Sesuatu yang disebut sebelum akad nikah menjadi hak milik isteri, meskipun ia disebutkan untuk ayah, datuk atau saudaranya dan demikian pula sesuatu yang disebut ketika akad dilangsungkan. Inilah pendapat Imam Malik, 'Umar bin Abdul Aziz, al-Tsauri, Abu 'Ubaid. Pendapat ini ditarjih oleh al-Syawkani yang dinisbahkan kepada jumhur ulama. Imam Abu Hanifah dan sahabat-sahabatnya berkata: "Syarat wajib dipenuhi bagi orang yang disebutkan sama ada saudara ataupun ayah dan nikahnya dianggap sah." Menurut Imam al-Syafi'i, menyebutkan mahar seperti ini menjadikan akad nikah dianggap *fasid* (rosak) sementara wanita berkenaan berhak menerima mahar *mitsil*. Menurut Imam Ahmad, jika disyaratkan kepada ayah, maka mahar tersebut menjadi miliknya. Jika disebutkan kepada selain ayah perempuan itu, maka itu tetap menjadi milik perempuan.
2. Disyari'atkan menjalin silaturrahim dengan kerabat isteri dan berbuat baik kepada mereka. Perbuatan ini dibolehkan dan tidak termasuk sogok yang diharamkan di sisi Islam, kecuali mereka enggan melakukan perkahwinan melainkan dengan memberika sogok kepada mereka.

٢٦١- وَعَنْ عَلْقَمَةَ عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ سُئِلَ عَنْ رَجُلٍ تَزَوَّجَ امْرَأَةً وَلَمْ يَفْرِضْ لَهَا صَدَاقًا وَلَمْ يَدْخُلْ بِهَا حَتَّى مَاتَ، فَقَالَ ابْنُ مَسْعُودٍ: لَهَا مِثْلُ صَدَاقِ نِسَائِهَا لَا وَكْسَ وَلَا شَطَطَ، وَعَلَيْهَا الْعِدَّةُ وَلَهَا الْمِيرَاثُ، فَقَامَ مَعْقِلُ بْنُ سِنَانٍ الْأَشْجَعِيُّ فَقَالَ: قَضَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي بِرْوَعَ بِنْتِ وَاشِقٍ - امْرَأَةٍ مِنَّا - مِثْلَ مَا قَضَيْتَ، فَفَرِحَ بِهَا ابْنُ مَسْعُودٍ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ وَجَمَاعَةٌ.

261- Daripada 'Alqamah daripada Ibn Mas'ud (r.a) bahawa beliau pernah ditanya tentang seorang lelaki berkahwin dengan seorang perempuan namun tidak pernah menentukan berapa mas kahwin yang mesti diserahkan kepadanya dan tidak pula pernah berkumpul dengannya hingga meninggal dunia. Ibn Mas'ud (r.a) menjawab: Dia (wanita itu) berhak mendapat mas kahwin yang setara dengannya, tidak boleh kurang dan tidak boleh pula lebih. Dia wajib ber'iddah dan berhak mendapat harta warisan. Ma'qil bin Sinan al-Asja'i kemudian berdiri dan berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah memberi keputusan hukum kepada Birwa' binti Wasyiq, salah seorang perempuan di kalangan kami, sama seperti jawapanmu itu. Mendengar itu, Ibn Mas'ud pun gembira." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah, dinilai sahih oleh al-Tirmidhi dan dinilai hasan oleh sekumpulan ulama hadith: 1061).

Makna Hadith

Ulama bersepakat jika seorang perempuan yang telah dikahwini oleh seorang lelaki tidak ada disebutkan berapa jumlah mahar yang bakal diterimanya, maka suaminya itu wajib memberinya mahar sebaik dia telah menyetubuhinya. Mereka juga bersepakat jika seorang perempuan apabila diceraikan dan sebelumnya telah ditentukan berapa jumlah mahar yang mesti diterimanya sedangkan suaminya belum menyetubuhinya maka dia berhak mendapat separuh mahar. Jika seseorang berkahwin lalu dia meninggal dunia sebelum bercerai sementara mereka belum pernah bersetubuh, apakah hukum permaaslahan ini? Adakah perempuan itu berhak menerima separuh mahar sementara sebelumnya jumlah mahar tidak disebutkan dan demikian pula talak tidak pernah dijatuhkan atau dia berhak mendapat keseluruhan mahar, meskipun suaminya belum pernah menyetubuhinya dan apakah dia wajib beriddah meskipun belum pernah bersetubuh?

Permasalahan ini bukan tidak mungkin terjadi. Oleh itu, dalam riwayat Abu Dawud disebutkan bahwa para sahabar berdebat selama satu bulan membincangkan masalah ini. Ketika dijatuhkan ketetapan bahawa perempuan itu berhak mendapat mahar mitsil, wajib beriddah dan berhak mendapat hak waris, Ibn Mas'ud berkata: "Jika fatwa ini benar, maka ia datang dari Allah. Jika salah, maka ia datang dari syaitan. Allah dan Rasul-Nya berlepas daripadanya." Ibn Mas'ud (r.a) kemudian merasa gembira ketika mendapat tahu bahawa fatwanya itu selari dengan keputusan yang pernah dibuat oleh Rasulullah (s.a.w).

Analisis Lafaz

'Alqamah bin Qais, seorang tabi'in yang disegani, meriwayatkan hadith daripada 'Umar, Ibn Mas'ud dan lain-lain. Ramai ulama hadith yang meriwayatkan hadith daripadanya. Beliau meninggal dunia pada umur enam puluh satu tahun.

"لَهَا", bagi perempuan yang ditinggal mati oleh suaminya sebelum disetubuhi.

"مِثْلُ صَدَاقِ نِسَائِهَا", sama seperti wanita wanita setempat, seperti saudarinya, makciknya dan anak perempuannya yang memiliki kesetaraan baik dalam harta, kecantikan mauhpun keturunan.

"وَكْسَ", dibaca *fathah* huruf *waw* dan *sukun* huruf *kaf*, kurang.

"شَطَط", dibaca *fathah* huruf *syin* dan huruf *tha'*, zalim. Maksudnya seorang suami tidak berdosa jika menambahkan jumlah mahar.

"الْعِدَّةُ", seorang wanita yang menunggu masa sucinya kerana ditinggal mati oleh suaminya selama empat bulan sepuluh hari.

"مَعْقِلُ", Ma'qil adalah Abu Muhammad, beliau turut serta dalam penaklukkan kota Makkah, dan mati syahid pada waktu perang al-Hurrah.

"سِنَانٍ", dengan membaca *kasrah* huruf *sin*.

"بِرْوَعَ", dengan membaca *fathah* huruf *ba*, *sukun* huruf *ra'* dan *fathah* huruf *waw*.

"وَاشِقٍ", dengan membaca *kasrah* huruf *syin*.

"امْرَأَةٍ مِنَّا", yakni dari suku Asyja'.

"وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ وَجَمَاعَةٌ", di antara mereka adalah Ibn Mahdi, Ibn Hazm, Ibn Hibban, al-Hakim dan lain-lain, tetapi ada sekumpulan ulama pula yang menilainya daif.

Imam al-Syafi'i berkata: "Jika hadith benar dari Rasulullah (s.a.w), maka ia mesti dijadikan panduan, kerana tidak ada hujah bagi sesiapa pun selain Rasulullah (s.a.w), walau sehebat manapun orang itu. Apapun, saya tidak dapat memastikan hadith ini sahih atau sebaliknya, kerana ada

ketikanya ia diriwayatkan daripada Ma'qil bin Sinan, ada ketikanya pula daripada Ma'qil bin Yasar dan ada ketikanya pula daripada seorang berasal dari Asyja' tanpa menyebutkan siapa sebenarnya namanya." Oleh itu, Imam al-Syafi'i menilai hadith ini daif kerana mudhtharib.

Al-Baihaqi di sini menyanggah dengan berkata: "Nama periwayat hadith ini Ibn Sinan, seorang sahabat masyhur. Perbezaan nama periwayat di sini tidak menjadikan hadith ini cacat, kerana kesemua riwayatnya sahih, malah ada sesetengah riwayat yang menegaskan bahawa sekumpulan bani Asyja' turut menjadi saksi ke atasnya."

Al-Shan'ani turut mengemukakan kenyataan yang serupa ketika memberi komentar ke atas tarjih yang dibuat oleh al-Daruquthni terhadap riwayat yang di dalamnya tidak disebutkan nama sahabat. Beliau kemudian menyatakan bahawa hadith ini memiliki *syahid* daripada 'Uqbah bin 'Amir dalam Sunan Abu Dawud sepertimana langkah yang dilakukan oleh Ibn Hajar.

Fiqh Hadith

Jika ada wanita yang ditinggal mati oleh suaminya, sementara maharnya belum disebutkan, maka dia berhak menerima mahar sepenuhnya meskipun mereka belum sempat bersetubuh, malah dia juga berhak mendapat harta warisan. Inilah pendapat Ibn Mas'ud, Ibn Sirin, Ibn Abu Laila, Imam Abu Hanifah dan sahabat-sahabatnya, Imam Ahmad dan Ishaq.

Pendapat lain mengatakan wanita itu tidak mendapat apa-apa selain warisan. Inilah pendapat 'Ali, Ibn 'Abbas, Ibn 'Umar, Imam Malik, Imam al-Syafi'i dalam salah satu riwayat di mana mereka berkata: "Hadith ini mudhtharib, kerana mahar ganti rugi. Jika suami belum melunasi kewajipannya maka tidak wajib baginya memberikan mahar."

Dalam riwayat lain Imam al-Syafi'i berkata: "Wanita itu berhak menerima setengah daripada jumlah mahar." Pendapat yang serupa turut diriwayatkan daripada Imam Ahmad.

Ada yang mengatakan Imam al-Syafi'i rujuk daripada pendapatnya ini dan mengemukakan pendapat yang sama dengan hadith ini.

٢٦٢- وَعَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ أَعْطَى فِي صَدَاقِ امْرَأَةٍ سَوِيقًا أَوْ تَمْرًا فَقَدْ اسْتَحَلَّ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ، وَأَشَارَ إِلَى تَرْجِيحِ وَقْفِهِ.

262- Daripada Jabir bin 'Abdullah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Barang siapa memberikan sawiq atau kurma sebagai mas kahwin maka dia

telah halal berkahwin (dengan wanita yang diberinya itu). (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan mengisyaratkan hadith ini sebagai mawquf: 1062).

Makna Hadith

Sebelum ini telah disebutkan dalam hadith Sahl bin Sa'ad bahawa seorang wanita telah menghibahkan dirinya dan boleh memberikan mahar bukan dalam bentuk wang sebaliknya dalam bentuk barang. Di sini Ibn Hajar mengemukukan satu hadith yang membolehkan mahar dalam bentuk kurma, tepung, barli dan lain sebagainya di mana kesemuanya ini boleh dinilai dengan wang.

Analisis Lafaz

"صَدَاقِ", mahar.

"سَوِيقًا", tepung jagung, gandum atau barli.

Dalam riwayat Abu Dawud disebutkan: "من أعطى في صداق امرأة ملء كفيه سويقا..." (Barang siapa memberi segenggam tepung sebagai mahar bagi wanita ....) Di mana dalam riwayat ini ditambahkan "segenggam". Dalam kitab Bulugh al-Maram, tambahan kalimat ini dibuang.

"اسْتَحَلَّ", halal kemaluannya, sah mahar dan nikahnya.

"وَأَشَارَ إِلَى تَرْجِيح وَقْفِهِ", Abu Dawud setelah meriwayatkan hadith daripada Yazid bin Harun daripada Musa bin Muslim daripada Abu al-Zubair daripada Jabir berkata: "Hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Mahdi daripada Shaleh bin Ruman – Musa – daripada Abu al-Zubair daripada Jabir secara mawquf. Ia turut diriwayatkan oleh Abu 'Ashim daripada Shalih bin Ruman daripada Abu al-Zubair daripada Jabir, beliau berkata:

كُنَّا عَلَى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَسْتَمْتِعُ بِالْقَبْضَةِ مِنَ الطَّعَامِ، عَلَى مَعْنَى الْمُتْعَةِ.

"Pada masa Rasulullah (s.a.w) masih hidup, kami sudah dapat bersenang-senang dengan segenggam makanan, yakni bersenang-senang dengan bersetubuh."

Menurtu Abu Dawud, hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Juraij daripada Abu al-Zubair daripada Jabir yang maksudnya sama dengan riwayat Abu 'Ashim.

Menurut pensyarah kitab ini, ada beberapa catatan dalam perkataan Abu Daud ini, iaitu:

Pertama, mentarjih hadith ini sebagai mawuquf. Al-Ajuri daripada Abu Dawud berkata: "Yazid bin Harun telah melakukan kesalahan, dia berkata: "Musa bin Ruman."

Menurut pensyarah kitab ini, mereka menegaskan bahawa kesalahan nama periwayat merupakan satu kesalahan dalam menilai marfu' atau mawquf hadith ini jika ia menyalahi periwayat yang lebih kuat daripadanya, terlebih-lebih lagi seperti Ibn Mahdi.

Kedua, maksud hadith ini adalah seseorang yang ingin memberi sesuatu kerana ingin bersenang-senang (nikah mut'ah). Ulama telah bersepakat untuk mengharamkannya, kerena pemberian di sini dianggap sebagai upah. Jadi nikah dan mahar tidak boleh diqiyaskan dengan nikah mut'ah. Jadi, hadith ini tidak boleh dijadikan hujah.

Oleh kerana Muslim atau Shalih termasuk periwayat daif atau majhul mengikut kenyataan yang dikemukakan oleh Abdul Haq, al-Azdi, al-Zahabi dan Abu Hatim, maka lafaz hadith yang boleh dijadikan pegangan adalah Abu 'Ashim dan hadithnya menceritakan nikah mut'ah, bukannya perkahwinan.

Tambahan pula, Abu al-Zubair telah menjadikan hadith ini mu'an'an daripada Jabir sedangkan dia seorang yang *mudallas*.

Fiqh Hadith

Boleh menjadikan mahar tidak dalam bentuk wang dinar dan dirham. Inilah pendapat jumhur ulama.

٢٦٣- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَامِرِ بْنِ رَبِيعَةَ عَنْ أَبِيهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجَازَ نِكَاحَ امْرَأَةٍ عَلَى نَعْلَيْنِ. أَخْرَجَهُ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ، وَخُولِفَ فِي ذَلِكَ.

263- Daripada 'Abdullah bin 'Amir bin Rabi'ah daripada ayahnya bahawa Rasulullah (s.a.w) membolehkan perempuan berkahwin dengan sepasang selipar sebagai mas kahwinnya. (Diriwatkan oleh al-Tirmidhi dan menilainya sahih, namun penilaian ini ditentang oleh ulama yang lain: 1063).

Makna Hadith

Maksud hadith ini sama dengan hadith sebelumnya di mana dibolehkan memberkan mahar tidak dalam bentuk wang, sebaliknya dalam bentuk barang.

Analisis Lafaz

"عَلَى نَعْلَيْنِ", mas kahwin yang diberikan kepadanya berupa sepasang selipar.

"وَخُولِفَ فِي ذَلِكَ", ini kerana di dalam hadith Ini terdapat periwayat yang bernama 'Áshim bin 'Ubaidillah, seorang yang daif sebagaimana dikatakan oleh Ibn Mu'in, Imam Malik, al-Bukhari, Abu Hatim dan lain-lain.

Fiqh Hadith

Boleh memberikan mahar dalam bentuk barang yang boleh dinilai dengan harga. Inilah pendapat jumhur ulama di mana mereka berkata: "Mahar adalah sesuatu yang telah disepakati oleh suami dan isteri." Inilah pendapat Sufyan, Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad, Ishaq dan ramai lagi.

Menurut Imam Malik, mahar tidak boleh kurang daripada satu perempat dinar. Menurut Imam Abu Hanifah dan sahabat-sahabatnya, mahar tidak boleh kurang daripada sepuluh dirham.

Pendapat yang lebih mendekati kebenaran adalah pendapat jumhur ulama, kerana ia disokong oleh hadith berikut ini, sementara pendapat Abu Hanifah pula lemah yang akan dihuraikan sebabnya berikut ini, manakala pendapat Imam Malik pula berlandaskan qiyas dan kita tahu bahawa tidak ada qiyas apabila ada nash. Ada pula yang mengatakan pendapat Imam Malik itu berlandaskan hadith Abdurrahman bin Auf di mana baginda mendoakannya dengan kebaikan. Apapun, hadith ini tidak boleh dijadikan dalil untuk masalah ini.

٢٦٤- وَعَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: زَوَّجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلاً امْرَأَةً بِخَاتَمٍ مِنْ حَدِيدٍ. أَخْرَجَهُ الْحَاكِمُ. وَهُوَ طَرَفٌ مِنَ الْحَدِيثِ الطَّوِيلِ الْمُتَقَدِّمِ فِي أَوَائِلِ النِّكَاحِ.

264- Daripada Sahl bin Sa'ad (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah mengahwinkan seorang lelaki dengan seorang perempuan di mana mas kahwinnya adalah cincin yang terbuat daripada besi. (Diriwayatkan oleh al-Hakim. Ia merupakan sebahagian kecil daripada hadith yang panjang yang disebut dalam permulaan bab perkahwinan: 1064).

Makna Hadith

Hadith ini mengandungi makna yang sama dengan dua hadith sebelumnya, di mana dibolehkan memberikan mahar dalam bentuk barang, bukan dalam bentuk wang.

Analisis Lafaz

"زَوَّجَ", sebelum ini disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Carilah meskipun itu berupa seutas cincin yang terbuat daripada besi." Meskipun lelaki tetap tidak mendapatkannya, namun jika mendapatinya, maka dia akan menjadikannya sebagai mas kahwin dalam perkahwinannya itu. Jadi, hadith ini boleh dijadikan sebagai dalil.

Peliknya, al-Shan'ani mengatakan hadith ini tidak boleh dijadikan sebagai dalil termasuk hadith Sahl sebelum ini.

Fiqh Hadith

Boleh memberikan mahar walau dalam bentuk apapun selagi ia memiliki nilai atau harga.

*- وَعَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ لَا يَكُونُ الْمَهْرُ أَقَلَّ مِنْ عَشَرَةِ دَرَاهِمَ. أَخْرَجَهُ الدَّارَقُطْنِيُّ مَوْقُوفًا، وَفِي سَنَدِهِ مَقَالٌ.

*- Daripada 'Ali (r.a), beliau berkata: "Mas kahwin tidak boleh kurang daripada sepuluh dirham. (Dikeluarkan oleh oleh al-Daruquthni secara mawquf dan sanadnya masih dipertikai)

Makna Hadith

Ibn Hajar mengemukakan athar ini dengan tujuan untuk memperlihatkan betapa daif athar dan tidak ada hujah bagi orang yang mengatakan mahar yang paling minimum adalah sepuluh dirham. Pendapat yang benar dalam masalah ini adalah apa yang disebutkan dalam hadith sebelum ini.

Analisis Lafaz

"وَفِي سَنَدِهِ مَقَالٌ", ini kerana di dalam athar ini terdapat Dawud al-Awdi, seorang periwayat yang daif. Tambahan pula al-Sya'bi tidak pernah mendengarnya daripada 'Ali dan oleh kerananya, hadith ini *mungqathi'*.

Apapun, hadith ini memiliki *syahid* daripada Jabir secara marfu', meskipun di dalam sanadnya terdapat Mubasysyir bin 'Ubaid, seorang periwayat *matruk*. Menurut Imam Ahmad dan Ibn Hibban, periwayat ini sering kali meriwayatkan hadith-hadith *mawdhu'* dan sekumpulan ulama seperti Ibn 'Adi, al-'Uqaili dan al-Daruquthni menilainya daif.

Al-'Aini dalam al-Binayah membantah status daif Jabir yang dijadikan sebagai syahid di sini dengan berkata: "Ia diriwayatkan daripada beberapa

jalur yang kesemuanya daif, namun ia menjadi hasan dan boleh dijadikan sebagai hujah apabila kesemua jalur itu digabungkan."

Pengarang kitab 'Umdah al-Ri'ayah Hasyiyah Syarh al-Wiqayah membantah kenyataan al-'Aini dengan berkata: "Hadith menjadi hasan jika status daif itu tidak terlampau teruk dan oleh kerananya, ia boleh ditutupi dengan banyaknya jalur sanad. Namun jika status daif hadith ini itu terlampau teruk, maka tentu salah satu daripada jalurnya ada seorang periwayat yang diyakini pembohong. Hadith Jabir ini tidak dapat dijadikan sebagai hujah kerana terlampau daif."

Fiqh Hadith

Jumlah mahar tidak boleh kurang daripada sepuluh dirham. Inilah pendapat Imam Abu Hanifah, namun jumhur ulama tidak sependapat dengannya.

Penting

Ulama mazhab Hanafi membantah dalil jumhur ulama yang mengatakan mahar boleh kurang daripada sepuluh dirham bahawa mahar yang kurang daripada kadar ini merupakan mahar yang diserahkan sebagai wang muka. Pengarang kitab 'Umdah al-Ri'ayah membantah ulama mazhab Hanafi dengan menyatakan bahawa kemungkinan seperti ini boleh diterima sekiranya tidak bercanggah dengan zahir nas. Jika bercanggah dengan zahir nas, maka seorang ulama mestilah berpegang dengan dalil yang muktamad dan lebih kuat.

٢٦٥- وَعَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "خَيْرُ الصَّدَاقِ أَيْسَرُهُ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

265- Daripada 'Uqbah bin 'Amir (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sebaik-baik mas kahwin adalah yang paling mudah dijangkau." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 1065).

Makna Hadith

Sering kali terjadi mahar terlampau mahal hingga seorang lelaki tidak mampu membayarnya hingga pada akhirnya tidak dapat berkahwin. Anak gadis pula tidak bersuami lantaran bayaran mahar yang terlampau mahal itu. Keadaan ini mendorong mereka menjadi bujang lapuk. Oleh itu, Rasulullah (s.a.w) menggalakkan untuk merendahkan harga mahar bagi mengelak terjadinya gejala bujang lapuk ini sama ada di kalangan teruna mahupun dara.

Talak yang disyariatkan oleh dalam keadaan tertentu bertujuan mengelakkan terjadinya mudarat bagi kedua pasangan suami isteri apabila mereka tidak sanggup lagi hidup sebumbung, namun keadaan ini tidak berlaku apabila bayaran mahar terlampau mahal.

Ada pula sesetengah suami yang tidak bertanggung jawab sengaja membuat suasana rumah tangga menjadi huru hara dengan tujuan isterinya meminta khuluk kepadanya dengan harapan mahar yang sebelum ini telah diserahkan dapat kembali semula kepadanya. Inilah salah satu akibat mahar yang terlampau mahal.

Analisis Lafaz

"خَيْرُ" paling afdhal dan paling baik. Ada yang mengatakan paling berkat.

"أَيْسَرُهُ" paling murah dan paling meringankan beban lelaki.

Fiqh Hadith

Disunatkan meringankan bayaran mahar.

٢٦٦- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ عَمْرَةَ بِنْتَ الْجَوْنِ تَعَوَّذَتْ مِنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ أُدْخِلَتْ عَلَيْهِ - تَعْنِي: لَمَّا تَزَوَّجَهَا - فَقَالَ : لَقَدْ عُذْتِ بِمَعَاذٍ، فَطَلَّقَهَا، وَأَمَرَ أُسَامَةَ فَمَتَّعَهَا بِثَلَاثَةِ أَثْوَابٍ. أَخْرَجَهُ ابْنُ مَاجَه، وَفِي إِسْنَادِهِ رَاوٍ مَتْرُوكٌ.

266- Daripada Aisyah (r.a) bahawa sesungguhnya 'Amrah binti al-Jawn pernah meminta perlindungan kepda Allah supaya dijauhkan daripada Rasulullah (s.a.w) ketika berada dalam satu bilik dengan baginda, yakni ketika dikahwini oleh baginda. Baginda bersabda: "Betul-betul kamu telah meminta perlindungan kepada tempat berlindung." Baginda lalu menceraikannya dan menyuruh Usamah untuk memberinya barangan mut'ah sebanyak tiga helai pakaian." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan dalam ada sanadnya yang periwayat *matruk*: 1066).

٢٦٧- وَأَصْلُ الْقِصَّةِ فِي "الصَّحِيحِ" مِنْ حَدِيثِ أَبِي أُسَيْدٍ السَّاعِدِيِّ.

267- Asal kisah ini ada dalam Sahih al-Bukhari daripada hadith Abu Usaid al-Sa'idi: 1067).

Makna Hadith

Sebab yang mendorong Rasulullah (s.a.w) melakukan perbuatan ini adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Sa'ad dan lain-lain bahawa ketika Rasulullah (s.a.w) mendatanginya (pengantin wanita itu) di dalam bilik dan dia merupakan salah seorang wanita yang paling cantik, maka isteri-isteri baginda yang lain pun turut cemburu. Mereka berkata kepada perempuan itu: "Seorang wanita yang paling disenangi oleh Rasulullah (s.a.w) apabila dia mengucapkan "أعوذ بالله منك" ketika hendak disetubuhinya."

Dalam riwayat lain disebutkan bahawa Aisyah dan Hafshah masuk kedalam bilik kamar pengantin wanita. mereka menyikat rambutnya dan memasang inai. Salah seorang di antara mereka berkata: "Sesungguhnya Rasulullah (s.a.w) sangat menyukai wanita yang mengatakan "أعوذ بالله منك" ketika hendak disetubuhinya."

Kisah ini tersebar luas dalam banyak buku, tetapi ia sangat daif dan munkar. Banyak lagi asbabul wurud hadith ini yang kesemuanya tidak sunyi daripada kritikan selain riwayat al-Bukhari. Ibn Hajar mengemukakan hadith ini sebagai dalil bahawa disyariatkan *mut'ah* (pemberian saguhati) bagi isteri yang ditalak sebelum terjadi persetubuhan.

Analisis Lafaz

'Amrah binti al-Jun. ada yang mengatakan dia adalah Asma' binti al-Nu'man bin Abu al-Jun. Dalam Shhhih al-Bukhari disebutkan Umaimah.

"تَعَوَّذَتْ", dia berkata: "أعوذ بالله منك" (aku berlindung dengan Allah daripada kamu).

"أُدْخِلَتْ عَلَيْهِ", pada hari pengantin.

"عُذْتِ", berlindung daripada dan pada kebiasaannya seseorang berlindung daripada orang jahat. "العوذ" bermaksud mencari perlindungan. Dengan erti kata lain, engkau berlindung kepada orang yang boleh menyelamatkan dirimu daripada kejahatan orang yang kamu takuti perbuatan jahatnya.

"بِمَعَاذٍ", dengan membaca *fathah* huruf *mim*. Dalam Sahih al-Bukhari disebutkan: "لقد عذت بعظيم".

"فَمَتَّعَهَا", memberikan sejumlah harta atau *mut'ah* (pemberian saguhati). Dalam hadith disebutkan bahawa pemberian saguhati tidak lebih daripada tiga helai pakaian. Dalam Sahih al-Bukhari disebutkan bahawa baginda memberikan saguhati sebanyak dua baju.

"وَفِي إِسْنَادِهِ رَاوٍ مَتْرُوكٌ", di dalam sanadnya terdapat periwayat matruk lantaran ada tambahan: "dan baginda menyuruh Usamah memberikan tiga helai baju sebagai *mut'ah* (pemberian saguhati)." Oleh itu, Ibn Hajar menisbahkan hadith kepada Ibn Majah. Jika tidak, hadith ini daripada Aisyah

yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan lafaznya adalah anak perempuan al-Jun ketika dipanggil Rasulullah (s.a.w) untuk mendekatinya, dia malah berkata: "أعوذ بالله منك" (aku berlindung dengan Allah daripadamu)." Mendengar itu, baginda bersabda: "Sesungguhnya engkau telah berlindung kepada Yang Maha Mulia, pulanglah kepada keluargamu."

Kisah lengkapnya adalah sebagai berikut ini:

فَلَمَّا دَخَلَ عَلَيْهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: هَبِي نَفْسَكِ لِي، قَالَتْ: وَهَلْ تَهَبُ الْمَلِكَةُ نَفْسَهَا لِلسُّوقَةِ؟ قَالَ: فَأَهْوَى بِيَدِهِ يَضَعُ يَدَهُ عَلَيْهَا لِتَسْكُنَ، فَقَالَتْ: أَعُوذُ بِاللهِ مِنْكَ، فَقَالَ: قَدْ عُذْتِ بِمَعَاذٍ، ثُمَّ خَرَجَ عَلَيْنَا، فَقَالَ: يَا أَبَا أُسَيْدٍ اكْسُهَا رَازِقِيَّتَيْنِ وَأَلْحِقْهَا بِأَهْلِهَا.

"Ketika Rasulullah (s.a.w) mendatanginya, baginda bersabda: "Serahkan dirimu kepadaku." Perempuan itu menjawab: "Adakah seorang ratu menyerahkan dirinya kepada orang bawahan?" Baginda kemudian berhasrat meletakkan tangannnya ke atas tubuh wanita itu dengan tujuan dia dapat bertenang. Namun wanita itu malah berkata: "أعوذ بالله منك" (aku berlindung dengan Allah daripadamu)." Baginda bersabda: "Betul-betul kamu telah meminta perlindungan kepada tempat berlindung." Baginda kemudian keluar mendatangi kami dan bersabda: "Wahai Abu Usaid, berilah perempuan dua helai pakaian dan suruhlah dia pulang kepada keluarganya."

Fiqh Hadith

1. Disunatkan mentalak isteri yang tidak mampu menggauli suaminya dengan cara yang baik.
2. Disyariatkan *mut'ah* (pemberian saguhati) bagi isteri yang dicerai sebelum dilakukan persetubuhan dengannya sama ada jumlah mahar telah ditentukan ataupun sebaliknya. Ulama kebanyakan mewajibkan *mut'ah* (pemberian saguhati) jika mahar tidak disebutkan. Dalam kaitan ini, Allah (s.w.t) berfirman:

لَّا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن طَلَّقْتُمُ ٱلنِّسَآءَ مَا لَمْ تَمَسُّوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا۟ لَهُنَّ فَرِيضَةً ۚ وَمَتِّعُوهُنَّ عَلَى ٱلْمُوسِعِ قَدَرُهُۥ وَعَلَى ٱلْمُقْتِرِ قَدَرُهُۥ مَتَـٰعًۢا بِٱلْمَعْرُوفِ ۖ حَقًّا عَلَى ٱلْمُحْسِنِينَ ﴿٢٣٦﴾

"*Tidaklah kamu bersalah dan tidaklah kamu menanggung bayaran maskahwin) jika kamu menceraikan isteri-isteri kamu sebelum kamu sentuh (bercampur) dengan mereka atau (sebelum) kamu menetapkan maskahwin untuk mereka. Walaupun demikian, hendaklah kamu memberi "mut'ah" (pemberian saguhati) kepada mereka (yang diceraikan itu). Iaitu: suami yang senang (hendaklah memberi saguhati itu) menurut ukuran kemampuannya; dan suami yang susah pula menurut ukuran kemampuannya, sebagai pemberian saguhati menurut yang patut, lagi menjadi satu kewajipan atas orang-orang (yang mahu) berbuat kebaikan.*" (Surah al-Baqarah: 236). Zahir perintah dalam ayat ini adalah wajib dengan memberikan *mut'ah* (saguhati) kepada isteri yang dicerikan sebelum disetubuhi.

Menurut Imam Malik dan al-Laits, pemberian *mut'ah* (saguhati) ini tidak wajib. Sedangkan pemberian *mut'ah* (saguhati) bagi suami yang tidak menyebutkan maharnya sementara dia telah menyetubuhi isterinya, maka menurut 'Umar, 'Ali, Imam al-Syafi'i, perempuan itu wajib menerima *mut'ah* (saguhati) daripada suaminya. Dalilnya firman Allah (s.w.t):

وَلِلْمُطَلَّقَٰتِ مَتَٰعُۢ بِٱلْمَعْرُوفِ ۖ حَقًّا عَلَى ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٢٤١﴾

"*Dan isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat Mut'ah pemberian saguhati) dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib atas orang-orang yang taqwa.*" (Surah al-Baqarah: 241).

Menurut ulama mazhab Hanafi, wanita tersebut berhak menerima mahar mitsil.

Soalan

1. Apakah takrif mahar atau secara bahasa dan secara syarak?
2. Bolehkah memerdekakan seorang wanita sekali gus dijadikan sebagai maharnya dan apa pula dalilnya?
3. Berapakah mahar Rasulullah (s.a.w) kepada isterinya dan sebutkan satu hadith mengenai masalah ini?
4. Sempurnakan hadith: "فلما تزوج علي فاطمة، قال رسول الله صلى الله عليه وسلم:..." dan bincangkan?
5. Apakah hukum sesuatu yang disebut oleh suami sebelum akad nikah dilangsungkan kepada selain isterinya; adakah ia menjadi hak milik isteri atau tidak?
6. Apakah hukum seorang perempuan yang dikahwini oleh seorang lelaki, namun tidak sempat memberikan mahar dan tidak pula sempat menyetubuhinya lalu lelaki itu meninggal dunia?
7. Bincangkan kedudukan hadith Jabir: "من أعطى في صداق امرأة سويقا..." dan ini merupakan mahar paling minimum menurut ulama fiqh dan

apa dalil mereka?

8. Apakah pendapat yang benar mengenai mahar paling minimum yang dengannya boleh melangsungkan akad ini dan sokong pendapat ini dengan dalil?
9. Bincangkan dalil ulama yang mengatakan mahar paling minimum tidak boleh kurang daripada sepuluh dirham!
10. Sebutkan nas hadith yang menganggap sunat mahar yang mudah dijangkau dan apa pula alasannya?
11. Sebutkan beberapa faktor yang mendorong Rasulullah (s.a.w) menjatuhkan talak ke atas anak gadis al-Jun dan sebutkan pendapat yang rajih dari sekian faktor-faktor itu?
12. Bincangkan pendapat ulama fiqh berkaitan *mut'ah* (pemberian saguhati) bagi isteri yang ditalak sebelum disetubuhi!

BAB WALIMAH

Al-Walimah berasal dari kalimat "الولم" dengan membaca *fathah* huruf *waw* dan *sukun* huruf *lam* yang bermaksud menyatukan atau menggabungkan.

Al-Azhari berkata: :"Kata kerjanya adalah "أولم". Ia merupakan istilah bagi setiap jamuan makan keraa kesyukuran, sementara *walimatul urus* pula biasanya dilakukan ketika acara pengantinan atau sesudah itu.

٢٦٨- عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ اَلنَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى عَلَى عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ أَثَرَ صُفْرَةٍ، قَالَ: مَا هَذَا؟، قَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنِّي تَزَوَّجْتُ امْرَأَةً عَلَى وَزْنِ نَوَاةٍ مِنْ ذَهَبٍ. فَقَالَ: فَبَارَكَ اللهُ لَكَ، أَوْلِمْ وَلَوْ بِشَاةٍ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِمُسْلِمٍ.

268- Daripada Anas bin Malik (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah melihat tangan 'Abdurrahman bin 'Auf merah kerana bekas inai. Baginda bertanya: "Kenapa ini?" Dia menjawab: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya saya sudah berkahwin dengan seorang wanita dengan mas kahwin emas sebesar biji kurma." Baginda bersabda: "Semoga Allah memberi keberkatan kepadamu, adakan walimah walaupun dengan sekadar menyembelih seekor kambing." (Muttafaq 'alaih, lafaz hadith menurut Muslim: 1068).

Makna Hadith

Oleh kerana mengisytiharkan perkahwinan disunatkan, maka orang ramai biasanya berkumpul menghadiri pesta perkahwinan dan memuliakan tetamu sememangnya disunatkan. Oleh itu, eloklah kiranya apabila diadakan walimah (pesta) bagi orang yang berkemampuan, terlebih-lebih dengan ini dapat menjemput lebih ramai orang untuk menghadirinya

supaya suasana kegembiraan lebih semarak di mana ia merupakan salah satu tujuan diadakannya pesta perkahwinan.

Analisis Lafaz

"أَثَرَ صُفْرَةٍ", dalam satu riwayat ditafsirkan bahawa makna *shufrah* di sini adalah bekas titisan zakfaran.

"نَوَاةٍ مِنْ ذَهَبٍ", ada yang mengatakan emas sebesar biji kurma dan ada pula yang mengatakan nilainya sebesar tiga puluh dirham. Ada yang mengatakan kadarnya adalah satu perempat dinar. Inilah pendapat ulama mazhab Maliki, kerana menurut mereka jumlah paling minimum mahar adalah satu perempat dinar, tetapi pendapat ini tidak ada dalilnya.

Ada yang mengatakan jumlahnya lima dirham perak. Inilah pendapat al-Khatthabi dan al-Azhari yang dinukil oleh 'Iyadh dan ulama kebanyakan. Ini juga merupakan pendapat Imam al-Syafi'i dan Abu 'Awanah.

Ada yang mengatakan jumlahnya sebesar lima dirham emas. Inilah pendapat Ibn Faris seperti mana yang dikemukakan oleh Ibn Qutaibah dan al-Baidhawi. Pendapat lain yang dikemukakan oleh al-Baihaqi daripada Qatadah yang berkata: "Aku telah menilainya sebanyak tiga dirham dan dua pertiga." Akan tetapi sanad ini lemah sebagaimana yang ditegaskan oleh Imam Ahmad.

"أَوْلِمْ", *fi'il amr*, maksudnya buatlah pesta.

Fiqh Hadith

1. Boleh memakai inai pada pakaian bagi pengantin. Inilah pendapat Imam Maliki dan ulama Madinah. Dalilnya hadith ini dan hadith:

   لَا يَقْبَلُ اللهُ صَلَاةَ رَجُلٍ فِي جَسَدِهِ شَيْءٌ مِنَ الْخَلُوْقِ.

   "Allah tidak menerima solat seseorang yang di tubuhnya terdapat bau busuk." Ini menunjukkan bahawa memakai inai pada pakaian dibolehkan. Menurut Imam Abu Hanifah, Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama, tidak boleh berinai dan mereka mengemukakan dalil yang melarang perbuatan ini, di samping apa yang dilakukan oleh Abdurrahman adalah sebelum adanya larangan iaitu pada awal-awal hijrah. Bagi mereka, ada kemungkian inai yang dilihat oleh Rasulullah (s.a.w) merupakan titisan daripada inai isterinya. Ini tidak bermaksud memakainya. Al-Nawawi membenarkan tafsiran ini. Bagi pensyarah kitab ini, al-Bukhari seorang yang alim telah membolehkan berinai dan beliau telah membuat satu bab dengan judul: 'inai bagi pengantin' yang diriwayatkan oleh 'Abdurrahman bin 'Auf daripada Rasulullah (s.a.w).

2. Sah berkahwin dengan mahar emas sebesar biji kurma.
3. Disyariatkan mengadakan walimah (pesta) sebelum perkahwinan. Menurut Imam al-Syafi'i dan mazhab Zahiri, pesta perkahwinan wajib dilaksanakan berdasarkan hadith ini dan hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bahawasa Rasulullah (s.a.w) bersabda ketika meminang Fathimah: "Wajib diadakan pesta perkahwinan (walimah)." Menurut Imam Ahmad, hukum walimah adalah sunat. Menurut jumhur ulama, hukum walimah mandub dan dalil mereka adalah Rasulullah (s.a.w) hanya menyuruh Abdurrahman bin Auf untuk mengadakan pesta perkahwinan.
4. Biaya paling kecil walimah adalah menyembelih satu ekor kambing. Namun dalam riwayat yang lain disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) mengadakan walimah dengan biaya yang lebih sedikit daripada memotong seekor kambing ketika berkahwin dengan Ummu Salamah. Apa yang penting adalah mengadakan walimah mengikut kemampuan, malah baginda pernah mengadakan walimah ketika berkahwin dengan Shafiyyah dengan dua mud barli.

Penting

Ulama berbeza pendapat mengenai waktu walimah, apakah ia dilakukan pada waktu akad nikah atau setelah akad nikah atau ketika hendak memulai malam pengantin? Ketiga-tiga waktu ini dikemukakan oleh ulama mazhab Maliki.

Al-Mawardi menjelaskan bahawa walimah diadakan ketika malam pengantin. Menurut Ibn al-Subki, apa yang dinukil daripada amalan Rasulullah (s.a.w) adalah walimah diadakan setelah malam pengantin sebagaimana baginda lakukan ketika perkahwinannya dengan Zainab binti Jahsy dan berdasarkan kenyataan Anas bahawa baginda mengadakan pesta perkahwinan ketika berkahwin dengan Zainab, lalu baginda menjemput orang ramai.

٢٦٩- وَعَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا دُعِيَ أَحَدُكُمْ إِلَى الْوَلِيمَةِ فَلْيَأْتِهَا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَلِمُسْلِمٍ: "إِذَا دَعَا أَحَدُكُمْ أَخَاهُ، فَلْيُجِبْ؛ عُرْسًا كَانَ أَوْ نَحْوَهُ".

269- Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika salah seorang di antara kamu dijemput untuk menghadiri walimah pengantin, maka hendaklah kamu menghadirinya." (Muttafaq 'alaih).

Dalam riwayat Muslim disebutkan: "Jika salah seorang di antara kamu dijemput datang oleh saudaranya, maka hendaklah kamu memenuhi

jemputan itu, sama ada acara walimah pengantin atau lain sebagainya." (1069).

Makna Hadith

Islam menganjurkan pemeluknya untuk memenuhi jemputan walimah kerana beberapa pertimbangan berikut:

- Memupuk kasih sayang, kerana ketika seseorang menjemput orang lain bererti dia sangat berharap kehadirannya.
- Mengelak daripada membazirkan harta, kerana seseorang yang mengadakan pesta pasti menyediakan makanan sesuai dengan jumlah jemputan. Jika ada yang tidak hadir, maka makanan bersisa dan mungkin dibuang lantaran tidak ada orang yang memakannya.
- Menghindari prasangka buruk, kerana jika jemputan tidak dihadiri, maka orang yang mengadakan walimah akan merasa kecewa.

Analisis Lafaz

"إِذَا دَعَا أَحَدُكُمْ أَخَاهُ", dijemput untuk menghadiri acara walimah.

Fiqh Hadith

Wajib menghadiri jemputan undangan sama ada pesta perkahwinan atau jemputan yang selainnya. Inilah pendapat mazhab Zahiri dan sebahagian mazhab Syafi'i. Pendapat ini dinukil oleh Ibn Hazim daripada majoriti sahabat dan tabi'in.

Ada sekumpulan ulama yang membezakan antara jemputan walimah dengan jemputan yang selainnya. Ibn Abdul Barr, 'Iyadh dan al-Nawawi menukil bahawa menghadiri jemputan pesta pengantin hukumnya adalah wajib.

Majoriti ulama Syafi'i dan mazhab Hanbali berpendapat bahawa menghadiari pesta perkahwinan hukumnya fardhu ain. Imam Malik turut mengemukakan pendapat yang serupa. Sementara menurut sebahagian ulama, hukum menghadiri pesta perkahwinan adalah fardhu kifayah. Dalam perkataan Imam al-Syafi'i difahami bahawa wajib menghadiri pesta perkahwinan dan tidak ada keringanan di dalamnya.

Penting

Ibn al-Daqiq al-'Id dalam kitab Syarh al-Ilmam berkata: "Dibolehkan untuk tidak menghadiri pesta perkahwinan kerana beberapa alasan berikut iaitu:

- Jika makanannya dianggap syubhat.
- Jika jemputan khusus untuk orang kaya sahaja.
- Jika tidak dapat menghadiri pesta perkahwinan kerana ada uzur atau tidak patut berada di majlis itu.
- Jika kehadirannya bakal membantu untuk melakukan perbuatan batil.
- Jika di dalam pesta itu terdapat perbuatan mungkar seperti khamar, perbuatan sia-sia, permaidan sutera dan gambar."

Kata Ibn Daqiq al-'Id lagi: "Ini berdasarkan hukum syari'at yang pernah terjadi terhadap sahabat. Jika menghadiri jemputan adalah satu kewajiban, namun di dalamnya ada perbuatan mungkar, maka di sini terjadi pertembungan antara kewajipan dengan larangan. Jika itu terjadi, larangan hendaklah diambil kira dengan tidak menghadiri pesta perkahwinan itu."

٢٧٠- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "شَرُّ الطَّعَامِ طَعَامُ الْوَلِيمَةِ: يُمْنَعُهَا مَنْ يَأْتِيهَا، وَيُدْعَى إِلَيْهَا مَنْ يَأْبَاهَا، وَمَنْ لَمْ يُجِبِ الدَّعْوَةَ فَقَدْ عَصَى اللهَ وَرَسُولَهُ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

270- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Seburu-buruk jamuan adalah jamuan walimah; orang yang datang ditolak sedangkan orang yang tidak mahu datang dijemput datang. Barang siapa yang tidak datang menghadiri jemputan itu, maka orang itu telah berbuat derhaka kepada Allah dan Rasul-Nya." (Diriwayatkan Muslim: 1070).

Makna Hadith

Hadith ini memperkuat hadith sebelumnya yang mewajibkan seseorang menghadiri jemputan, tetapi pesta itu dimurkai Allah jika orang yang dijemput hanya orang kaya sahaja sedangkan orang miskin tidak dijemput datang.

Analisis Lafaz

"شَرُّ الطَّعَام", yakni sejahat-jahat makanan. Dengan erti kata lain, sesuatu yang menyebabkannya buruk dan jahat.

"مَنْ يَأْتِيهَا", yakni orang fakir sebagaimana yang disebutkan dalam hadith Ibn 'Abbas yang diriwayatkan oleh al-Tabrani:

بِئْسَ الطَّعَامُ طَعَامَ الْوَلِيْمَةِ يُدْعَى إِلَيْهَا الشَّبْعَانُ، وَيُمْنَعُ عَنْهَا الْجِيْعَانُ.

"Sejahat-jahat makanan adalah makanan pesta perkahwinan yang diberikan kepada orang yang kenyang (orang kaya), sementara orang yang kelaparan (orang miskin) dilarang daripada menghadirinya."

"مَنْ يَأْبَاهَا", mereka adalah orang kaya, kerana mereka biasanya tidak begitu berselera dengan makanan pesta; ada kalanya kerana ramainya orang yang menghadiri pesta itu atau kerana meja makan mereka setiap hari mirip dengan hidangan pesta.

Fiqh Hadith

1. Larangan mengundang orang kaya tanpa mengundang orang miskin ketika mengadakan pesta perkahwinan.
2. Wajib menghadiri jemputan.

٢٧١- وَعَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا دُعِيَ أَحَدُكُمْ فَلْيُجِبْ؛ فَإِنْ كَانَ صَائِمًا فَلْيُصَلِّ، وَإِنْ كَانَ مُفْطِرًا فَلْيُطْعَمْ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ أَيْضًا.

271- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "JIka seseorang di antara kamu dijemput untuk menghadiri jemputan maka hendaklah dia memenuhinya. Jika sedang berpuasa, maka hendaklah dia mendoakannya dan jika tidak berpuasa, maka hendaklah dia memakannya." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1071).

٢٧٢- وَلَهُ مِنْ حَدِيثِ جَابِرٍ نَحْوُهُ. وَقَالَ: "فَإِنْ شَاءَ طَعِمَ وَإِنْ شَاءَ تَرَكَ".

272- Hadith yang serupa turut diriwayatkan daripada Jabir dan dan baginda bersabda: "Dia boleh makan dan bolah tidak makan." (1072).

Makna Hadith

Dua hadith sebelum ini menyebutkan bahwa menghadiri jemputan hukumnya wajib, kemudian disebutkan pula beberapa alasan yang menyebabkan seseorang tidak dapat menghadirinya. Hadith ini menjelaskan bagaimana sikap seseorang yang berpuasa jika menghadiri jemputan, di mana dia digalakkan mendoakan tuan rumah dengan keberkatan dan keampunan.

Dalam kaitan ini, Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ أَدَّى إِلَيْكُمْ مَعْرُوْفًا فَكَافِئُوْهُ، فَإِنْ لَمْ تَجِدُوْا إِلَّا أَنْ تَدْعُوَا لَهُ فَادْعُوْا.

"Barang siapa di antara kamu yang mendapat kebaikan, maka hendaklah dia membalasnya. Jika tidak mampu selain mendoakannya, maka hendaklah

dia mendoakan orang yang berbuat baik kepadanya."

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", periwayat hadith ini sama dengan hadith sebelumnya, Abu Hurairah (r.a).

"فَلْيُصَلِّ", menurut jumhur ulama, maksud ayat ini adalah hendaklah kamu mendoakan tuan rumah semoga memperoleh keampunan dan keberkatan.

Ada pendapat lain yang mengatakan maksudnya adalah mengerjakan solat sunat supaya tuan rumah dan orang yang hadir turut memperolehi kebaikan dan kerberkatan.

"فَلْيُطْعَمْ", maka hendaklah dia makan.

"وَلَهُ", yakni menurut riwayat Muslim

Fiqh Hadith

1. Wajib menghadiri jemputan.
2. Hendaklah orang yang berpuasa mendoakan kebaikan bagi orang yang menjemputnya.
3. Orang yang berpuasa tidak wajib berbuka ketika menghadiri jemputan makan. Menurut ulama fiqh, jika berpuasa fardhu, maka seseorang itu tidak boleh berbuka ketika menghadiri jemputan tanpa ada perbezaan pendapat di kalangan ulama, sementara jika berpuasa sunat, maka seseorang itu dibolehkan berbuka.
4. Wajib memakan hidangan sebagaimana yang ditegaskan oleh hadith pertama. Inilah pendapat sekumpulan ulama dan menurut mereka, dia wajib memakan setidaknya sesuapan. Akan tetapi dalam riwayat yang lain disebutkan bahawa seseorang yang menghadiri jemputan boleh makan dan boleh pula meninggalkannya. Inilah pendapat yang lebih sahih di sisi mazhab Syafi'i yang mengatakan tidak wajib makan ketika menghadiri jemputan atau undangan.

٢٧٣- وَعَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "طَعَامُ الْوَلِيمَةِ أَوَّلَ يَوْمٍ حَقٌّ، وَطَعَامُ يَوْمِ الثَّانِي سُنَّةٌ، وَطَعَامُ يَوْمِ الثَّالِثِ سُمْعَةٌ، وَمَنْ سَمَّعَ سَمَّعَ اللهُ بِهِ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَاسْتَغْرَبَهُ، وَرِجَالُهُ رِجَالُ الصَّحِيحِ.

273- Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jamuan walimah pada hari pertama adalah layak dan benar, pada

hari kedua sunat dan pada hari ketiga pula riya' atau sum'ah (mencari populariti). Barang siapa ingin mengejar nama baik (populariti), Allah akan memperburuk namanya." (Diriwayatkan oleh al-Tirmidhi yang menilainya sebagai gharib dan periwayatnya pula adalah periwayat Sahih al-Bukhari: 1073).

٢٧٤- وَلَهُ شَاهِدٌ عَنْ أَنَسٍ عِنْدَ ابْنِ مَاجَه.

274- Hadith ini turut memiliki syahid daripada Anas yang diriwayatkan oleh Ibn Majah. (1074)

Makna Hadith

Ketika Rasulullah (s.a.w) menganjurkan untuk mengadakan pesta walimah, menjemput orang lain untuk turut serta meraikannya dan menyuruh mereka tetamu mendoakannya, baginda mengingatkan supaya walimah tidak dilakukan kerana riya', mempamerkan kekayaan dan mengejar populariti, kerana segala amalan bergantung kepada niat seseorang.

Analisis Lafaz

"حَقٌّ", wajib atau mandub, yakni ketetapan atau sesuatu yang mesti dilakukan.

"سُنَّةٌ", dalam riwayat Abu Dawud disebutkan bahawa pesta pada hari kedua merupakan amalan makruf, yakni tidak dikategorikan mungkar, kerana ia suatu perbuatan yang sudah menjadi tradisi. Ini menunjukkan bahawa sunat di sini bukan lawan daripada fardhu.

"سُمْعَةٌ", dibaca dengan *dhammah* huruf *sin* dan *sukun* huruf *mim*, mengejar populariti yang ingin dilihat oleh orang ramai.

"وَمَنْ سَمَّعَ سَمَّعَ اللهُ بِهِ", barang siapa yang mempamerkan perbuatan baiknya kerana ingin berbangga diri dan dianggap dermawana, maka Allah pasti memburukkan dirinya.

"وَاسْتَغْرَبَهُ", al-Tirmidhi berkata: "Kami tidak tahu hadith ini marfu' kecuali daripada hadith Ziyad bin 'Abdullah, seorang periwayat yang banyak meriwayatkan hadith gharib dan munkar."

"Aku pernah mendengar Muhammad bin Isma'il – al-Bukhari – menceritakan daripada Muhammad bin 'Uqbah, beliau berkata: "Waki' berkata: "Ziyad bin Abdullah meskipun seorang yang disegani namun kerap berdusta dalam meriwayatkan hadith."

Ibn Hajar membantah dakwaan ini dalam kitab al-Taqrib dengan berkata: "Tidak dapat dipastikan Waki' pernah menuduh berbohong kepada

Ziyad bin Abdullah. Ulama masih berbeza pendapat sama ada Ziyad boleh dijadikan hujah. Apapun, beliau mendengar hadith daripada Atha' setelah beliau mula nyanyuk."

"وَرِجَالُهُ رِجَالُ الصَّحِيحِ", menurut al-Shan'ani, tidak benar perkataan al-Tirmidhi bahawa periwayat hadith ini periwayat Sahih al-Bukhari. Menurut pensyarah kitab ini, kenyataan ini benar, kerana periwayatnya sememangnya demikian dan ini tidak mencacatkan periwayat hadith dalam kitab al-Sahih kerana al-Bukhari dan Muslim telah menapis hadith-hadith yang baik..

"وَلَهُ شَاهِدٌ عَنْ أَنَسٍ عِنْدَ ابْنِ مَاجَه", hadith ini memiliki *syahid* daripada Anas yang diriwayatkan oleh Ibn Majah, namun di dalam sanadnya terdapat Abdul Malik bin Husain, seorang periwayat yang daif.

Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari turut menyebutkan beberapa *syahid* terhadap hadith ini meskipun setiap satu daripadanya tidak sepi daripada kritikan. Hadith ini secara keseluruhannya boleh dijadikan hujah.

Fiqh Hadith

1. Disyariatkan bertamu dalam acara walimah dalam dua hari pertama.
2. Tidak disyariatkan bertamu dalam acara walimah pada hari ketiga, malah itu diharamkan. Inilah pendapat ulama kebanyakan dan menerima tetamu pada hari ketiga hukumnya makruh. Inilah pendapat mazhab Hanbali dan mazhab Syafi'i. Menurut sekumpulan, tidak dimakruhkan menerimam tetamu pada hari ketiga pesta pernikahan bagi orang yang tidak datang pada hari pertama dan kedua jika orang yang dijemput ramai sehingga perlu menunggu waktu kosong supaya tidak berasak-asakan dalam menghadiri pesta perkahwinan itu. Inilah pendapat yang benar kerana telah berusaha menggabungkan antara dua hadith yang seolah bertentangan itu. Namun al-Bukhari membuat satu bab: "wajib menghadiri jemputan dan orang yang mengadakan walimah selama tujuh hari kerana Rasulullah (s.a.w) tidak membatasi waktu walimah selama satu atau dua hari." Dengan ini beliau mengisyaratkan bahawa hadith dalam masalah ini daif dan demikian pula dengan *syahid*-*syahid*-nya. Malah dalam Mushannaf Ibn Abu Syaibah daripada Hafshah binti Sirin, beliau berkata: "Ketika ayah saya mengadakan pesta perkahwinan, beliau menjemput para sahabat selama tujuh hari. Pada hari kaum Ansar dijemput, beliau mengundang Ubay bin Ka'ab, Zaid bin Tsabit dan selainnya." Abu Ya'la meriwayatkan dengan sanad hasan daripada Anas bahawa beliau pernah mengadakan acara walimah Shafiyyah selama tiga hari. Athar ini terdapat dalam Sahih al-Bukhari. Inilah pendapat mazhab Malik dan mereka sependapat dengan al-Bukhari.

3. Dosa riya' amatlah besar, bahkan dalam berbagai hadith disebutkan balasannya akan diterima di akhirat kelak, meskipun tetapi tidak menutup kemungkinan hukuman itu diterima ketika masih hidup di alam dunia ini.

٢٧٥- وَعَنْ صَفِيَّةَ بِنْتِ شَيْبَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: أَوْلَمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى بَعْضِ نِسَائِهِ بِمُدَّيْنِ مِنْ شَعِيرٍ. أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

275- Daripada Sofiyyah binti Syaibah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) merayakan perkahwinannya dengan sebahagian isterinya dengan dua mud barli." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1075).

Makna Hadith

Waktu pun berputar dan rezeki pun bermusim; ada ketikanya musim kemarau dan ada ketikanya pula musim hujan. Jadi tidak ada salahnya mengadakan walimah sesuai mengikut kemampuan setiap orang, meskipun hanya sekadar satu mud barli, kemudian menjemput orang lain sesuai dengan makanan yang telah disediakan.

Oleh itu, tidak ada batasan yang diwajibkan untuk mengadakan walimah, kerana Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Adakan walimah meskipun hanya sekadar memotong seekor kambing."

Analisis Lafaz

"عَلَى بَعْضِ نِسَائِهِ", Ibn Hajar berkata: "Saya tidak dapat mengenal pasti siapakah nama sebahagian isteri baginda ini, namun dalam beberapa hadith diketahui bahawa namanya adalah Ummu Salmah. Ada pula pendapat lain yang mengatakan acara tersebut untuk acara walimah walimah Fathimah. Banyaknya riwayat dalam masalah ini tidak menutup kemungkinan peristiwa ini terjadi berulang kali.

Fiqh Hadith

Boleh mengadakan walimah meskipun hanya menelan biaya dua mud barli.

Periwayat Hadith

Shafiyyah binti Syaibah bin 'Utsman bin Abu Thalhah dari bani Abdul Dar. Ada pendapat yang mengatakan dia melihat Rasulullah (s.a.w) dan inilah

pendapat yang paling kuat. Ada pula yang mengatakan dia tidak pernah melihat Rasulullah (s.a.w), pendapat ini menurut al-Daruquthni.

٢٧٦- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَقَامَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْنَ خَيْبَرَ وَالْمَدِينَةِ ثَلَاثَ لَيَالٍ، يُبْنَى عَلَيْهِ بِصَفِيَّةَ، فَدَعَوْتُ الْمُسْلِمِينَ إِلَى وَلِيمَتِهِ، فَمَا كَانَ فِيهَا مِنْ خُبْزٍ وَلَا لَحْمٍ، وَمَا كَانَ فِيهَا إِلَّا أَنْ أَمَرَ بِالْأَنْطَاعِ، فَبُسِطَتْ، فَأُلْقِيَ عَلَيْهَا التَّمْرُ وَالْأَقِطُ وَالسَّمْنُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

276- Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah bermukim di suatu kampung antara Khaibar dan Madinah selama tiga malam untuk bermalam bersama Sofiyyah (isteri barunya). Saya lalu menjemput kaum muslimin menghadiri acara walimahnya. Meskipun walimah itu tidak ada roti dan tidak ada daging selain baginda menyuruh supaya tikar-tikar kulit dibentangkan dan diletakkan jamuan berupa tamar, susu kering dan samin di atasnya." (Muttafaq 'alaih, lafaz hadith menurut al-Bukhari: 1075)

Makna Hadith

Hadith ini turut membahas permasalahan hadith sebelumnya seperti mengadakan walimah bagi pengantin selama tiga hari dan walimah boleh diadakan dengan sederhana tanpa ada makanan daging. Peristiwa ini terjadi setelah pulang daripada Perang Khaibar.

Analisis Lafaz

"يُبْنَى عَلَيْهِ بِصَفِيَّةَ", mendirikan khemah dan mengadakan acara untuk memeriahkan pesta perkahwinan.

"الْأَنْطَاع", jamak "نطع" dengan membaca *kasrah* huruf *nun* atau membacanya *fathah*, *sukun* huruf *tha'* atau membarisinya, iaitu karpet.

"الْأَقِطُ", susu yang dikeringkan.

"التَّمْرُ وَالْأَقِطُ وَالسَّمْنُ", kurma, susu kering dan samin; jika ketiga-tiga makanan ini disatukan, inilah yang dinamakan dengan *hais* (bubur Arab).

Fiqh Hadith

1. Boleh mengahwini perempuan ketika sedang bermusafir.
2. Disunatkan mengadakan walimah, meskipun sedang dalam keadan bermusafir malah ada pula yang mengatakannya wajib.

3. Boleh mengadakan walimah selama tiga hari.
4. Boleh mengadakan walimah meskipun dengan biaya lebih sedikit daripada harga seekor kambing.

٢٧٧- وَعَنْ رَجُلٍ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا اجْتَمَعَ دَاعِيَانِ، فَأَجِبْ أَقْرَبَهُمَا بَابًا، فَإِنْ سَبَقَ أَحَدُهُمَا فَأَجِبِ الَّذِي سَبَقَ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ، وَسَنَدُهُ ضَعِيفٌ.

277- Daripada salah seorang lelaki sahabat Rasulullah (s.a.w), beliau berkata: "Jika ada dua orang yang menjemput dalam satu waktu yang bersamaan, maka hendaklah orang itu menghadiri mereka yang pintu rumahnya lebih dekat dengannya. Jika salah seorang di antara mereka menemput terlebih dahulu, maka hendaklah orang itu menghadiri jemputan yang lebih dahulu." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan sanadnya daif: 1077).

Makna Hadith

Hadith ini membahas tentang orang yang paling berhak untuk dihadiri jemputannya, jika terdapat banyak jemputan yang waktunya secara kebetulan bersamaan. Jika demikian, maka jemputan yang paling berhak untuk dihadiri adalah jiran tetangga yang lebih dekat dengan kita, kerana ia memiliki keistimewaan tersendiri.

Jika sampainya kad jemputan itu datang dalam waktu yang berbeza, maka jemputan yang mesti dihadiri adalah kad jemputan yang lebih dahulu diterima. Ini kerana seseorang seakan telah membuat janji dengan jemputan yang pertama hingga jemputan kedua tidak berhak lagi untuk dihadiri. Ini menujukan betapa diwajibkan untuk menghadiri jemputan atau undangan.

Analisis Lafaz

"اجْتَمَعَ دَاعِيَانِ", dalam satu waktu yang bersamaan di mana kedua-dua jemputan itu sama-sama mengundang untuk menghadiri pesta walimah.

"وَسَنَدُهُ ضَعِيفٌ", sanadnya daif, seperti mana yang diyakini oleh Ibn Hajar.

Menurut al-Shan'ani, Ibn Hajar tidak tahu apa yang menyebabkan sanad hadith ini daif, kerana periwayatnya dianggap thiqoh oleh ulama hadith kecuali Abu Khalid al-Dalani. Mereka berbeza pendapat mengenai status al-Dalani ini, namun Abu Hatim menilainya thiqoh, sedangkan Imam Ahmad dan Ibn Mu'in menilainya tidak ada masalah, Ibn Hibban

pula mengatakan dia tidak boleh dijadikan hujah dan Ibn 'Adi menilainya sebagai seorang yang longgar dalam meriwayatkan hadith.

Menurut pensyarah kitab ini, Abu Ahmad al-Hakim berkata: "Ada sebahagian hadith yang diriwayatkan oleh al-Dalani tidak dapat dimutaba'ah." Ibn Sa'ad pula berkata: "Dia seorang periwayat yang munkar dalam hadith."

Meururt Ibn Abdul Barr, al-Dalani tidak boleh dijadikan sebagai hujah. Menurut Ibn Hibban, meskipun al-Dalani meriwayatkan bersama periwayat yang lain, dia tetap tidak boleh dijadikan hujah, apatah lagi jika dia meriwayatkan hadith secara bersendiri.

Oleh itu, al-Dalani masih dipertikai statusnya oleh ulama, tetapi pendapat al-Karabisi menjadi pusat perhatian. Atas pertimbangan inilah Ibn Hajar menilai hadith ini sebagai daif. Apapun, hadith ini memilik *syahid* yang diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Aisyah bahawa beliau bertanya:

يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّ لِي جَارَيْنِ فَإِلَى أَيِّهِمَا أُهْدِي؟ قَالَ: إِلَى أَقْرَبِهِمَا مِنْكِ بَابًا.

Wahai Rasulullah, aku mempunyai dua orang jiran tetangga, siapakah yang paling berhak di antara mereka untuk saya beri hadiah?" Baginda menjawab: "Kepada jiran tetangga yang pintunya lebih dekat denganmu."

Fiqh Hadith

1. Jika dua kad jemputan datang di mana salah satu daripadanya datang lebih awal, maka yang lebih berhak untuk dihadiri adalah jemputan yang lebih dahulu diterima.
2. Jika dua kad jemputan datang dalam satu waktu yang bersamaan, maka yang lebih berhak untuk didatangi adalah pesta yang pintunya lebih dekat dengan pintu rumahnya. Menurut sebahagian ulama, jika kad jemputan itu datang dalam satu waktu secara bersamaan, maka mestilah diadakan undian bagi mengetahui jemputan mana yang bakal dihadiri.

٢٧٨- وَعَنْ أَبِي جُحَيْفَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا آكُلُ مُتَّكِئًا". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

278- Daripada Abu Juhaifah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Saya tidak makan dalam keadaan bersandar." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1078).

Makna Hadith

Pakar perubatan mengatakan seseorang yang duduk bersandar cenderung makan lebih banyak dan ini mengakibatkannya cepat mengalami obesiti dan terdedah kepada pelbagai penyakit. Islam amat membenci obesiti, kerana orang yang gemuk biasanya menjadi pemalas, banyak tidur serta lalai untuk bangun pada waktu tengah malam untuk beribadah, bahkan ada ketikanya meninggalkan solat fardhu pada waktu siang hari. Oleh itu, dimakruhkan makan dengan cara duduk seperti ini, kerana bakal menimbulkan mudharat dunia dan akhirat.

Analisis Lafaz

"مُتَّكِئًا", 'الإتكاء' berasal dari kalimat 'الوكاء', iaitu tali yang digunakan untuk mengikat sesuatu benda. Ini selari dengan orang yang duduk bersandar kerana dengan bersandar dia seolah-olah menekan rapat tempat duduknya.

Jadi, jika anda makan, maka janganlah sekali-kali duduk bersandar, seperti perbuatan orang yang ingin makan banyak, sebaliknya makanlah sekadarnya supaya duduk dan cara makanmu kelihatan lebih terhormat. Dalam kaitan ini, Rasulullah (s.a.w) bersabda:

بِحَسْبِ ابْنِ آدَمَ لُقَيْمَاتٌ يُقِمْنَ صُلْبَهُ، فَإِنْ كَانَ لَا بُدَّ آكِلًا، فَثُلُثٌ لِطَعَامِهِ وَثُلُثٌ لِشَرَابِهِ وَثُلُثٌ لِنَفَسِهِ.

"Cukuplah bagi manusia itu beberapa suapan makan bagi menguatkan tulang sulbinya. Jika terpaksa harus makan, maka pertunya diisi dengan sepertiga makanan, sepertiga minuman dan sepertiga lagi untuk nafasnya."

Fiqh Hadith

Makruh makan sambil bersandar dan demikian pula dimakruhkan makan banyak.

٢٧٩- وَعَنْ عُمَرَ بْنِ أَبِي سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ لِي النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "يَا غُلَامُ، سَمِّ اللهَ، وَكُلْ بِيَمِينِكَ، وَكُلْ مِمَّا يَلِيكَ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

279- Daripada 'Umar bin Abu Salamah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda kepadaku: "Wahai anak muda, bacalah bismillah, makanlah dengan tangan kanan dan makanlah hidangan di sekitarmu." (Muttafaq 'alaih: 1079).

Makna Hadith

Dalam riwayat al-Bukhari yang lain disebutkan bahawa:

أَنَّ عُمَرَ بْنَ أَبِي سَلَمَةَ يَقُولُ: كُنْتُ غُلَامًا فِي حَجْرِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَتْ يَدِي تَطِيشُ فِي الصَّحْفَةِ، فَقَالَ لِي رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا غُلَامُ، سَمِّ اللهَ وَكُلْ بِيَمِينِكَ وَكُلْ مِمَّا يَلِيكَ، فَمَا زَالَتْ تِلْكَ طِعْمَتِي بَعْدُ.

"Umar bin Abu Salamah berkata: 'Ketika saya masih dalam usia remaja pada saat berada di rumah Rasulullah (s.a.w), tangan saya sering kali liar untuk mengambil makanan di dalam pinggan'. Melihatkan itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: kepadaku: 'Wahai anak muda, bacalah basmalah, makanlah dengan tangan kananmu dan makanlah makanan yang ada di sekelilingmu.' Sejak itu, apa yang diperintah oleh baginda itu menjadi amalan setiap kali aku makan."

Perintah ini merupakan salah satu kehebatan Rasulullah (s.a.w) dalam usahanya untuk sentiasa memberikan yang terbaik bagi umatnya, di mana setiap sesuatu yang diperintahkan pasti ada manfaatnya dan setiap sesuatu yang dilarang pasti ada mudharatnya. Dalam kaitan ini, Abu Dzar berkata: "Rasulullah (s.a.w) telah meninggalkan kami, dan tidaklah seekor burung terbang melainkan baginda memiliki pengetahuan mengenainya."

Ada tiga Sunnah Rasulullah (s.a.w) dalam hadith ini; pertama, membaca basmalah ketika hendak makan kerana mendatangkan keberkatan; kedua, menggunakan tangan kanan ketika makan kerana makan dengan tangan kiri merupakan kebiasaan syaitan; mengambil makanan yang ada di sisinya jika makanan itu terjadi daripada satu jenis. Ini kerana mengambil makanan secara liar mencerminkan seseorang berakhlak buruk di samping rakan yang berada di sebelahnya berpandangan buruk terhadap dirinya malah ada kemungkinan makanan itu tidak dijamahnya lantaran merasa jijik dengan sikapnya yang tidak baik itu.

Analisis Lafaz

"سَمِّ اللهُ", maksudnya membaca "بسم الله" sebagaimana yang disebutkan dalam beberapa hadith dan saya tidak menjumpai hadith yang menyuruh membaca "بسم الله الرحمن الرحيم" ketika makan.

"وَكُلْ مِمَّا يَلِيكَ" makanlah makanan yang ada di sisimu jika makanan itu terdiri daripada satu jenis.

Fiqh Hadith

1. Anjuran membaca basmalah ketika hendak makan. Zahir hadith ini menyatakan hukum membacanya adalah wajib, kerana Rasulullah (s.a.w) memerintahkan untuk berbuat demikian. Inilah pendapat ini sekumpulan ulama, sementara jumhur ulama mengatakan hukum membaca basmalah adalah sunat.
2. Wajib makan dengan menggunakan tangan kanan. Inilah pendapat Imam al-Syafi'i, ayah Ibn Hajar (pengarang kitab ini) dan sekumpulan ulama. Inilah pendapat yang kuat bagi orang yang mampu makan dengan tangan kanan. Menurut kebanyakan ulama mazhab Syafi'i, hukum makan dengan tangan kanan adalah sunat dan ini merupakan pendapat yang dipilih al-Ghazali dan al-Nawawi. Antara dalil yang mewajibkannya adalah hadith yang diriwayatkan oleh Muslim bahawa:

   أَنَّ رَجُلًا أَكَلَ عِنْدَ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِشِمَالِهِ، فَقَالَ: كُلْ بِيَمِينِكَ، قَالَ: لَا أَسْتَطِيعُ، قَالَ: لَا اسْتَطَعْتَ، مَا مَنَعَهُ إِلَّا الْكِبْرُ، قَالَ فَمَا رَفَعَهَا إِلَى فِيهِ.

   "Seorang lelaki makan di sisi Rasulullah (s.a.w) dengan tangan kiri. Melihatkan itu, baginda bersabda: 'Makanlah dengan tangan kananmu.' Dia menjawab: 'Saya tidak dapat melakukannya.' Baginda mendoakan: 'Semoga kamu memang tidak mampu melakukannya.' Dia enggan makan dengan tangan kanan kerana dia sombong. Akhirnya dia pun tidak mampu mengangkat tangannnya yang sebelah kanan seumur hidupnya."

   Demikian pula dengan hadith 'Uqbah bin 'Amir bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah melihat Subai'ah al-Aslamiyyah makan dengan tangan kirinya. Baginda bersabda: "Kelak dia akan terkena penyakit di Ghazzah." Ada yang mengatakan Subai'ah berbuat demikian kerana luka pada tangannya. Pada suatu hari, dia melewati Ghazaah lalu diserang taun lalu meninggal dunia.
3. Wajib memakan makanan yang ada di sekitarnya jika makanan itu terdiri daripada satu jenis. Dalilnya adalah hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim daripada Anas (r.a) bahawa:

   أَنَّ خَيَّاطًا دَعَا النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِطَعَامٍ صَنَعَهُ، فَذَهَبْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَقَرَّبَ خُبْزَ شَعِيرٍ وَمَرَقًا فِيهِ دُبَّاءٌ وَقَدِيدٌ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَتَبَّعُ الدُّبَّاءَ مِنْ حَوَالَيْ الْقَصْعَةِ.

"Seorang tukang jahit menjemput Rasulullah (s.a.w) untuk menghadiri jamuan makan yang telah disediakannya. Aku pun pergi bersama Rasulullah (s.a.w), lalu tuan rumah menyuguhkan roti barli dan kuah yang di dalamnya terdapat daging dan dendeng. Aku melihat Rasulullah (s.a.w) memakan daging yang berada di bahagian tepi pinggan." Ada pula hadith serupa yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi daripada 'Ikrasy.

Penting

Al-Tirmidhi dan lain-lain meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِذَا أَكَلَ أَحَدُكُمْ طَعَامًا، فَلْيَقُلْ: بِسْمِ اللهِ، فَإِنْ نَسِيَ فِي أَوَّلِهِ، فَلْيَقُلْ: بِسْمِ اللهِ فِي أَوَّلِهِ وَآخِرِهِ

"Jika salah seorang kamu memakan makanan, maka bacalah: 'بسم الله'. Jika lupa, maka bacalah: 'بسم الله في أوله وآخره'." Al-Tirmidhi berkata: "Hadith ini hasan sahih."

Al-Syafi'i berkata: "Sunnah sudah diperoleh jika ada satu orang yang membaca basmalah ketika makan berjamaah."

٢٨٠- وَعَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُتِيَ بِقَصْعَةٍ مِنْ ثَرِيدٍ، فَقَالَ: "كُلُوا مِنْ جَوَانِبِهَا، وَلَا تَأْكُلُوا مِنْ وَسَطِهَا، فَإِنَّ الْبَرَكَةَ تَنْزِلُ فِي وَسَطِهَا". رَوَاهُ الْأَرْبَعَةُ، وَهَذَا لَفْظُ النَّسَائِيِّ، وَسَنَدُهُ صَحِيحٌ.

280- Daripada Ibn 'Abbas (r.a) bahawa ada seseorang datang kepada Rasulullah dengan membawakan roti dan kuah, lalu baginda bersabda: "Makanlah dari bahagian tepinya dan janganlah kamu makan dari bahagian tengahnya, sebab sesungguhnya keberkatan turun pada bahagian tengahnya." (Diriwayatkan oleh olah al-Arba'ah, lafaz hadith ini menurut al-Nasa'i dan sanadnya daif: 1080).

Makna Hadith

Hadith ini sama dengan makna hadith sebelumnya yang membahas adab makan. Dalam hadith ini dijelaskan keberkatan makanan ada di bahagian tengah pinggan. Jadi, seseorang yang mengambil makanan pada bahagian tengahnya bererti dia telah menghilangkan keberkatannya dan Rasulullah (s.a.w) melarang daripada berbuat demikian.

Hadith ini turut menjelaskan sebab turunnya keberkatan di bahagian tengah makanan bahawa bahagian tengah merupakan paling adil dalam pembahagian makanan.

Analisis Lafaz

"أُتِيَ بِقَصْعَةٍ", pertengahan pinggan, jamaknya "قصعات".

"ثَرِيدٍ", makanan atau roti yang diberi pemanis.

Fiqh Hadith

1. Larangan memakan makanan yang ada di bahagian tengah pinggan. Zahir hadith ini mengharamkan perbuatan sedemikian dan bersesuaian dengan mafhum perkataan Imam al-Syafi'i dalam kitab al-Umm bahawa jika seseorang memakan makanan yang tidak berdekatan dengannya, maka dia berdosa lantaran perbuatannya itu apabila dia tahu hukumnya.
2. Menjelaskan bahawa keberkatan makanan ada di tengah-tengah pinggan.
3. Menjelaskan bahawa keberkatan makanan menjadi hilang apabila bahagian tengannya sudah dimakan.

Penting

Al-Ghazali berkata: "Demikian pula seseorang tidak boleh memakan bahagian tengah roti, sebaliknya dia hendaklah memakan dari bahagian tepinya kemudian barulah bahagian tengahnya."

٢٨١- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مَا عَابَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَعَامًا قَطُّ، كَانَ إِذَا اشْتَهَى شَيْئًا أَكَلَهُ، وَإِنْ كَرِهَهُ تَرَكَهُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

281- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) sama sekali tidak pernah mencela makanan. Jika berseleras, baginda memakannya dan jika tidak, baginda meninggalkannya." (Muttafaq 'alaih: 1080).

Makna Hadith

Allah menciptakan tabiat semula jadi, kemudian menciptakan baginya naluri untuk merasainya seperti rasa masam, masin, manis dan lain sebagainya. Jadi, adalah tidak salah jika ada seseorang melebihkan satu makanan ke atas

yang lain, namun dengan syarat tidak berlebihan dalam membuat penilaian hingga memakinya atau mengaibkannya. Ini kerana sikap sebegini secara tidak langsung mengingkari keragaman ciptaan Allah yang sememangnya diciptakan untuk manfaat manusia itu sendiri. Mencela makanan secara berlebihan pada hakikatnya adalah kufur terhadap nikmat Allah.

Analisis Lafaz

"عَابَ", dicela atau diaibkan seperti berkata: "Buah ini terlampau masam, terlampau lemak dan lain-lain sebagainya."

"طَعَامًا", makanan yang tidak diharamkan, kerana makanan yang diharamkan sememangnya tercela tetapi bukan dari segi ciptaan, sebaliknya dari segi makanan itu buatan manusia. Ini kerana ciptaan Allah tidak boleh dihina atau diaibkan, sebaliknya buatan manusia yang semestinya dicela.

Fiqh Hadith

1. Larangan untuk mencela makanan yang halal.
2. Seseorang dibolehkan mengidamkan dan mengistimewakan makanan tertentu dan ini tidak menunjukkan dia seorang yang tamak terhadap kenikmatan duniawi.
3. Boleh tidak memakan beberapa jenis makanan yang dihalalkan.

٢٨٢- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا تَأْكُلُوا بِالشِّمَالِ؛ فَإِنَّ اَلشَّيْطَانَ يَأْكُلُ بِالشِّمَالِ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

282- Daripada Jabir (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Janganlah kamu makan dengan tangan kiri, sebab syaitan makan dengan tangan kiri." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1082).

Makna Hadith, Analisis Lafaz dan Fiqh Hadith

Sebelum ini hadith 'Umar bin Abu Salmah, no. 279 telah pun dibincangkan dan demikian pula hukum makan dengan tangan kiri.

Tetapi benarkah syaitan itu betul-betul dengan tangan kiri atau ini sekadar kiasan? Pendapat yang kuat adalah syaitan makan dengan tangan kiri, kerana ia disokong oleh banyak hadith yang lain. Ibn Hajar turut menyokong pendapat ini dalam kitab Fath al-Bari ketika membahas hadith Umar bin Abu Salmah, beliau berkata: "Hadith mestilah diertikan mengikut lafaz yang zahir. Syaitan memang benar-benar makan dengan tangan kiri.

Ini kerana akal tidak akan mendustakannya. Ia dikemukakan oleh banyak hadith dan tidak perlu lagi takwil atau tafsiran."

Menurut pensyarah kitab ini, hadith Abu Hurairah yang menceritakan beliau sedang bertugas menjaga harta zakat lalu datang syaitan mencuri sebahagian daripadanya merupakan dalil yang jelas dalam masalah ini. Hadith Abu Hurairah ini disebutkan dalam Sahih al-Bukhari.

٢٨٣- وَعَنْ أَبِي قَتَادَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِذَا شَرِبَ أَحَدُكُمْ، فَلَا يَتَنَفَّسْ فِي الْإِنَاءِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

283- Daripada Abu Qatadah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika salah seorang di antara kamu minum, maka janganlah bernafas di dalam bekas minumnya itu." (Muttafaq 'alaih: 1083).

٢٨٤- وَلِأَبِي دَاوُدَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ نَحْوُهُ، وَزَادَ: "أَوْ يَنْفُخْ فِيهِ". وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ.

284- Hadith serupa turut diriwayatkan oleh Abu Dawud daripada Ibn 'Abbas dan menambahkan: "... dan meniup di dalam bekas itu." (Dinilai sahih oleh al-Tirmidhi: 1084).

Makna Hadith

Dalam hadith ini Ibn Hajar menjelaskan adab minum setelah sebelumnya membahas walimah dan adab makan. Untuk itu, beliau mengemukakan dua hadith ini yang melarang bernafas di dalam bekas minum atau meniupkan udara di dalamnya. Ini kerana dikhuatiri kotoran yang terdapat di dalam mulut masuk ke dalam bekas tempat dia minum, sehingga orang lain merasak jijik ketika hendak meminumnya, di samping mulut si orang minum itu tentu berbau busuk.

Sementara menurut ilmu perubatan pula ketika seseorang bernafas di dalam bekas tempat dia minum akan mengeluarkan nitrogen apatah lagi dia menghembuskan nafasnya di dalamnya.

Analisis Lafaz

"وَزَادَ: أَوْ يَنْفُخْ فِيهِ", meniup di dalam bekas tempat dia minum. Lafaz tambahan itu berbunyi: "Rasulullah (s.a.w) melarang bernafas di dalam bekas tempat minum atau meniup di dalamnya."

"وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ", al-Tirmidhi menilai hadith ini sahih. Dalam hadith Abu Qatadah yang diriwayatkan oleh Ibn Abu Syaibah bahawa dilarang

meniupkan udara di dalam bekas."

Fiqh Hadith

1. Larangan bernafas di dalam bekas tempat air diminum.
2. Larangan meniup di dalam bekas tempat air diminum.

Penting

Muslim meriwayatkan satu hadith daripada Anas (r.a) bahawa:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَنَفَّسُ فِي الشَّرَابِ ثَلَاثًا، وَيَقُولُ: إِنَّهُ أَرْوَى وَأَبْرَأُ وَأَمْرَأُ.

"Rasulullah (s.a.w) pernah bernafas sebanyak tiga kali di dalam bekas tempat baginda minum. Baginda kemudian bersabda: "Cara minum seperti lebih memuaskan dan mampu menghilangkan dahaga dalam kadar yang segera." Bahagian pertama hadith ini disebutkan dalam Sahih al-Bukhari.

Bernafas seperti mana yang disebut dalam hadith Anas ini bermaksud bernafas di luar bekas dan ini berbeza dengan hadith Abu Qatadah maka maksudnya adalah bernafas di dalam bekas.

Ini disokong oleh hadith yang diriwayatkan al-Tirmidhi daripada Abu Sa'id dan dinilai sahih oleh al-Hakim bahawa:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ النَّفْخِ فِي الشُّرْبِ، فَقَالَ رَجُلٌ: الْقَذَاةُ أَرَاهَا فِي الْإِنَاءِ، قَالَ: أَهْرِقْهَا، قَالَ: فَإِنِّي لَا أَرْوَى مِنْ نَفَسٍ وَاحِدٍ، قَالَ: فَأَبِنِ الْقَدَحَ إِذَنْ عَنْ فِيكَ.

"Rasulullah (s.a.w) meniup minuman. Lalu berkatalah seorang lelaki: "Saya ada melihat kotoran di dalam bekas ini." Baginda bersabda: "Kalau begitu, buang air itu." Lelaki itu verkata: "Saya tidak dapat puas minum jika hanya meneguk dalam satu nafas." Baginda bersabda: "Kalau begitu, jauhkan terlebih dahulu cawan itu daripada mulutmu. Bernafaslah dan kemudian minumlah semula."

Ibn Majah meriwayatkan hadith daripada Abu Hurairah (r.a) yang dianggapnya sebagai marfu', Rasulullah (s.a.w) bersabda:

إِذَا شَرِبَ أَحَدُكُمْ فَلَا يَتَنَفَّسْ فِي الْإِنَاءِ، فَإِذَا أَرَادَ أَنْ يَعُودَ فَلْيُنَحِّ الْإِنَاءَ ثُمَّ لِيَعُدْ إِنْ كَانَ يُرِيدُ.

"Jika salah seorang kamu minum maka janganlah bernafas di dalam bekas. Jika ingin kembali semula minum, maka jauhkan bekas itu daripada mulutnya dan kemudian barulah meminum semula air jika dia mahu berbuat demikian."

Soalan

1. Apakah takrif walimah?
2. Bolehkah memakai inai pada pakaian bagi pengantin?
3. Apakah hukum mengadakan walimah dan apa pula pendapat yang kuat di sisi ulama fiqh?
4. Bilakah walimah itu diadakan?
5. Apakah hukum menghadiri acara walimah dan apa pula pendapat yang kuat di sisi ulama fiqh?
6. Bolehkah tidak menghadiri jemputan?
7. Sempurnakan hadith berikut: "شر الطعام طعام..." dan huraikan maksudnya?
8. Sempurnakan hadith berikut: "إذا دعي أحدكم فليجب، فإن كان صائما..." dan huraikan maksudnya?
9. Wajibkah memakan makanan yang disediakan pada waktu walimah?
10. Bolehkah walimah diadakan selama tiga hari atau lebih dan apa pula dalilnya?
11. Bincangkan kedudukan hadith yang melarang mengadakan walimah lebih daripada tiga hari?
12. Sempurnakan hadith berikut: "إذا اجتمع داعيان..."?
13. Bincangkan kedudukan hadith berikut: "إذا اجتمع داعيان..."?
14. Apakah maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "لا آكل متكئا"?
15. Bagaimanakah cara membaca basmalah ketika makan, apa pula lafaznya dan kemukakan alasannya?
16. Apakah hukum membaca basmalah ketika makan?
17. Wajibkah makan dengan tangan kanak dan apa pula penapat ulama fiqh serta apakah pendapat ulama fiqh yang kuat dalam masalah ini?

18. Wajibkah memakan makanan yang ada di sekitar diri seseorang?
19. Apakah bacaan doa bagi seseorang yang lupa membaca basmalah ketika memulakan makan?
20. Apakah sebab yang melarang memakan makanan yang ada di bahagian tengah?
21. Sempurnakan hadith berikut: "ما عاب رسول اله صلى الله عليه وسلم طعاما..." dan bincangkan maksudnya?
22. Bolehkah bernafas di dalam bekas ketika sedang minum?

BAB MENGGILIR ISTERI BAGI SUAMI YANG BERISTERI LEBIH DARIPADA SEORANG

٢٨٥- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْسِمُ لِنَسَائِهِ فَيَعْدِلُ، وَيَقُولُ: "اَللَّهُمَّ هَذَا قَسْمِي فِيمَا أَمْلِكُ، فَلَا تَلُمْنِي فِيمَا تَمْلِكُ وَلَا أَمْلِكُ". رَوَاهُ الْأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ، وَلَكِنْ رَجَّحَ التِّرْمِذِيُّ إِرْسَالَهُ.

285- Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.w.t) sentiasa menggilir isteri-isterinya dengan adil." Baginda berdoa: "Ya Allah, inilah giliran yang dapat aku lakukan. Oleh itu, janganlah Engkau cela diriku untuk melakukan apa-apa yang Engkau miliki mampu sedangkan aku tidak mampu melakukannya." (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah, dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim, namun al-Tirimizi cenderung menilainya mursal: 1085).

Makna Hadith

Dalam satu hadith, Rasulullah (s.a.w) bersabda:

الْقُلُوبُ بَيْنَ أُصْبُعَيْنِ مِنْ أَصَابِعِ الرَّحْمَنِ يُقَلِّبُهَا كَيْفَ يَشَاءُ.

"Hati terletak di antara dua jari daripada jari-jari al-Rahman; Dia sentiasa membolak-balikkannya mengikut kehendak-Nya."

Setiap manusia pasti sentiasa dikawal oleh hatinya hingga kadang kala mengalahkan kemampuannya untuk mengawal anggota tubuhnya yang lain. Apapun, Rasulullah (s.a.w) sentiasa berusaha untuk mengarahkan hatinya menuju kebaikan dan mengawal nafsunya menuju apa-apa yang diinginkan oleh syariat Islam. Jika masih terjadi kelalaian, maka seseorang hendaklah

meminta ampun kepada Allah di atas segala kelaianan yang telah berlaku.

Dalam hadith ini disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) sentiasa memohon ampun kepada Allah kalau di dalam hatinya ada terlintas melebihkan cinta dan kasih sayang kepada salah seorang isterinya berbanding dengan isteri-isterinya yang lain. Ini membuktikan ketakwaan dan betapa warak baginda, meskipun sebenarnya Allah tidak pernah menuntutnya untuk berbuat demikian.

Analisis Lafaz

"يَقْسِمُ لِنَسَائِهِ", membahagi sama rata kepada isteri-isterinya baik ketika tidur di rumah, nafkah mahupun hak-hak seorang isteri terhadap suaminya. Apa yang dimaksudkan dalam hadith ini adalah membahagi sama rata tidur di rumah isteri.

"قَسْمِي", pembahagian yang kulakukan.

"تَمْلِكُ وَلَا أَمْلِكُ", menurut al-Tirmidhi, maksudnya adalah cinta dan kasih sayang.

"وَلَكِنْ رَجَّحَ التِّرْمِذِيُّ إِرْسَالَهُ", al-Tirmidhi cenderung mengatakannya sebagai mursal. Demikian pula yang dilakukan oleh Abu Zur'ah dan sekumpulan ulama hadith termasuklah al-Nasa'i, Ibn Katsir dan al-Zahabi. Ulama yang menilainya mawshul adalah Hammad bin Salamah manakala ulama yang menilainya sebagai mursal adalah Hammad bin Zaid. Hammad bin Zaid lebih thiqoh dan lebih hafiz berbanding Hammad bin Salamah, meskipun dia lebih dikenali sebagai tokong yang taat beragama. Penggal pertama hadith ini memiliki jalur lain daripada Aisyah.

Fiqh Hadith:

1. Rasulullah (s.a.w) sentiasa berlaku adil terhadap isteri-isterinya dalam segala perkara termasuklah giliran tidur dan nafkah zahir batin.
2. Kadar cinta hati Rasulullah (s.a.w) terhadap salah seorang isterinya kadang kala tidak dapat disama ratakan.
3. Cinta dan kasih sayang merupakan sesuatu yang tidak dapat dikendalikan oleh manusia, kerana Allah yang mengawal dan mengendalikan hati setiap manusia.

Penting

Rasulullah (s.a.w) tidak diwajibkan menggilir isteri-isterinya. Dalilnya firman Allah (s.w.t):

﴿ تُرْجِى مَن تَشَآءُ مِنْهُنَّ وَتُـْٔوِىٓ إِلَيْكَ مَن تَشَآءُ ۖ وَمَنِ ٱبْتَغَيْتَ مِمَّنْ عَزَلْتَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكَ ۚ ذَٰلِكَ أَدْنَىٰٓ أَن تَقَرَّ أَعْيُنُهُنَّ وَلَا يَحْزَنَّ وَيَرْضَيْنَ بِمَآ ءَاتَيْتَهُنَّ كُلُّهُنَّ ۚ وَٱللَّهُ يَعْلَمُ مَا فِى قُلُوبِكُمْ ۚ وَكَانَ ٱللَّهُ عَلِيمًا حَلِيمًا ﴿٥١﴾

"*Engkau boleh menangguhkan sesiapa yang engkau kehendaki dari mereka dan engkau boleh mendamping: sesiapa yang engkau kehendaki; dan sesiapa yang engkau hendak mendampinginya kembali dari mereka yang telah engkau jauhi itu maka tidaklah menjadi salah bagimu melakukannya; kebebasan yang diberikan kepadamu itu (bila diketahui oleh mereka) adalah lebih dekat untuk mententeramkan hati mereka, dan menjadikan mereka tidak berdukacita, serta menjadikan mereka pula reda akan apa yang engkau lakukan kepada mereka semuanya. Dan (ingatlah) Allah sedia mengetahui apa yang ada dalam hati kamu; dan Allah adalah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar.*" (Surah al-Ahzab: 51)

Ini menunjukkan baginda dibolehkan untuk tidak bersikap sama rata dan tidak wajib menggilir isteri-isterinya, di mana baginda dibenarkan untuk mengakhirkan giliran seorang isterinya ke atas isterinya yang lain dan menyetubuhi salah seorang isterinya namun tidak demikian dengan isterinya yang lain. Ini merupakan salah satu keistimewaan Rasulullah (s.a.w) kerana *dhamir* (kata ganti) dalam kalimat "منهن" kembali kepada isteri-isteri Rasulullah (s.a.w).

Jika benar Rasulullah (s.a.w) tidak diwajibkan menggilir isterinya, maka tindakan baginda untuk tetap menggilir isteri-isterinya secara adil merupakan bukti baginda seorang yang berakhlak mulia dan sentiasa berusaha menyenangkan hati isteri-isterinya.

٢٨٦- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "مَنْ كَانَتْ لَهُ امْرَأَتَانِ فَمَالَ إِلَى إِحْدَاهُمَا، جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَشِقُّهُ مَائِلٌ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ، وَسَنَدُهُ صَحِيحٌ.

286- Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Barang siapa mempunyai dua orang isteri, lalu dia cenderung lebih mencintai salah seorang daripadanya, maka dia datang pada hari kiamat dalam keadaan tubuhnya miring." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah, sanadnya sahih: 1086).

Makna Hadith

Dalam Islam, setiap perbuatan selalunya diringi dengan hukuman, seperti hukuman ke atas orang yang enggan berzakat dan lain sebagainya. Hadith ini menegaskan bahawa barang siapa yang mempunyai isteri lebih daripada satu orang, kemudian dia melebihkan kasih sayang dan cinta kepada salah seorang isterinya, maka kelak di akhirat dia akan berjalan dalam keadaan tempang. Inilah hukuman yang bakal diterima oleh seorang suami yang tidak adil terhadap isteri-isterinya yang kelak pada hari kiamat sikap sebegini akan diketahui orang ramai hingga membuatnya malu yang tiada taranya.

Analisis Lafaz

"امْرَأَتَانِ", kalimat ini hanya sekadar perumpamaan, kerana hukuman ini berlaku bagi lelaki yang memiliki tiga atau empat isteri.

"فَمَالَ", tidak adil dalam masalah giliran, nafkah dan tidur, bukan dalam masalah cinta.

"وَشِقُّهُ مَائِلٌ", dalam riwayat al-Tirmidhi menggunakan kalimat "ساقط" di mana kedua-dua kalimat ini memiliki makna yang sama. Maksudnya sebelah tubuhnya miring atau tempang.

Fiqh Hadith

Larangan untuk melebihkan kecenderungan hati kepada salah seorang isteri dan ini berlaku bagi lelaki yang memiliki isteri lebih dari satu orang, kemudian dia tidak berlaku adil dalam masalah giliran, sama ada kecenderungan itu besar ataupun kecil.

Sebahagian ulama membolehkan bagi suami untuk lebih cenderung kepada salah seorang isteri jika kecondongan itu kecil dan dalilnya adalah berdasarkan mafhum firman Allah (s.w.t):

..... فَلَا تَمِيلُوا۟ كُلَّ ٱلْمَيْلِ فَتَذَرُوهَا كَٱلْمُعَلَّقَةِ ۚ وَإِن تُصْلِحُوا۟ وَتَتَّقُوا۟ فَإِنَّ ٱللَّهَ كَانَ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿١٢٩﴾

"...oleh itu janganlah kamu cenderung dengan melampau (berat sebelah kepada isteri yang kamu sayangi) sehingga kamu biarkan isteri yang lain seperti benda yang tergantung (di awan-awan); dan jika kamu memperbaiki (keadaan yang pincang itu), dan memelihara diri (daripada perbuatan yang zalim), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." (Surah al-Nisa': 129)

Penting

Jika salah seorang isteri itu wanita merdeka, kemudain salah seorang lagi wanita hamba, maka wanita merdeka memiliki 2/3 giliran tidur, sementara wanita hamba hanya memiliki 1/3 giliran tidur sahaja. Permasalahan ini telah diputuskan oleh Abu Bakar al-Shiddiq (r.a) dan 'Ali bin Abu Thalib (r.a).

٢٨٧- وَعَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مِنَ السُّنَّةِ إِذَا تَزَوَّجَ الرَّجُلُ الْبِكْرَ عَلَى الثَّيِّبِ أَقَامَ عِنْدَهَا سَبْعًا ثُمَّ قَسَمَ، وَإِذَا تَزَوَّجَ الثَّيِّبَ أَقَامَ عِنْدَهَا ثَلَاثًا ثُمَّ قَسَمَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

287- Daripada Anas (r.a), beliau berkata: "Jika seorang yang mempunyai isteri berkahwin lagi dengan anak gadis, maka mengikut Sunnah Rasulullah (s.a.w) dia mesti bermalam dengannya selama tujuh hari, kemudian barulah dilakukan giliran. Jika dia berkahwin dengan janda maka memadailah baginya bermalam dengannya selama tiga hari, kemudian barulah dilakukan giliran." (Muttafaq 'alaihi, lafaz hadith menurut al-Bukhari: 1087).

Makna Hadith

Jika seorang lelaki sudah berkahwin, kemudian dia berkahwin lagi dengan seorang anak gadis dara, maka dia mesti memberinya giliran selama tujuh hari tujuh malam sejak malam pengantin sebelum memulakan giliran kepada isteri-isterinya yang lain. Jika wanita yang dikahwininya itu sudah janda, maka dia mesti memberinya giliran selama tiga hari kemudian barulah dia memberi giliran kepada isteri yang lain sesuai dengan haknya.

Tujuan ketetapan ini adalah memperlihatkan bukti kasih sayang seorang suami kepada isterinya yang baru, kerana seorang wanita yang masih gadis lebih tinggi kebergantungannya kepada suami dan sentiasa berharap tetap berada di sisi suaminya. Ini berbeza dengan seorang wanita yang sudah janda dan oleh itu, bahagian perempuan yang masih gadis dilebihkan selama empat hari.

Analisis Lafaz

"مِنَ السُّنَّةِ", maksudnya mengikut Sunnah Rasulullah (s.a.w). Oleh itu, hadith ini dihukumkan sebagai marfu'. Abu Qilabah periwayat hadith ini daripada Anas berkata: "Aku ingin rasanya mengatakan Anas telah mengangkat hadith

ini kepada Rasulullah (s.a.w) hingga ia pun dihukumkan sebagai *marfu'*.[23]" Makna "mengikut Sunnah Rasulullah (s.a.w)" adalah hadith itu marfu'. Abu Qilabah mengatakan ini kerana dia benar-benar memelihara setiap hadith yang diriwayatkan oleh Anas. Di samping itu, menganggap hadith ini marfu' menurut ijtihadnya masih banyak mengundang kemungkinan sedang nash secara tegas telah menyatakannya sebagai marfu'. Seorang periwayat tidak boleh mengutamakan sesuatu yang masih banyak mengandungi kemungkinan ke atas sesuatu yang telah dinyatakan dengan nash secara tegas. Inilah yang ditegaskan oleh Ibn Daqiq al-'Id.

Inilah pendapat ulama salaf hingga Salim berkata: "Apa yang dikatakan oleh sahabat 'mengikut Sunnah' adalah Sunnah Rasulullah (s.a.w)." Ibn Abdul Barr menjadikan ini sebagai ijma' ulama.

"تَزَوَّجَ الرَّجُلُ", sebelumnya lelaki itu memiliki lebih satu orang isteri dan dapat difahami menerusi perkataan Anas: "kemudian dia membuat giliran" dan perkataannya: "berkahwin dengan anak dara yang sebelumnya sudah berkahwin dengan janda". Ada sesetengah ulama yang mengatakan hadith ini bersifat mutlak kerana ada sesetengah riwayat yang mengatakan: "Jika seorang lelaki yang sudah beristeri berkahwin semula dengan anak dara, maka dia hendaklah bermalam bersamanya selama tujuh malam." Apapun, dakwaan ini salah, sebab riwayat yang mutlak hendaklah dikaitkan dengan riwayat yang bersifat khusus.

"الْبِكْرَ", wanita yang belum pernah berkahwin, meskipun hanya sekadar melakukan akad mengikut pendapat yang kuat.

"الثَّيِّبِ", seorang wanita yang sudah pernah berkahwin kemudian dia diserai suaminya atau ditinggal mati oleh suaminya.

"سَبْعًا", tujuh hari.

"ثُمَّ قَسَمَ", kemudian dia memberi giliran tidur kepada masing-masing isterinya sesuai dengan hak mereka yang telah ditentukan.

Fiqh Hadith

1. Mengutamakan isteri baru bagi seorang suami yang telah beristerikan satu orang atau lebih sebelumnya.
2. Anak dara diberi giliran sejak malam pengantin selama tujuh hari berturut-turut sebelum membuat giliran kepada isteri-isteri yang lain. Menurut jumhur ulama, ini merupakan hak bagi setiap wanita

[23] Dalam beberapa jalur dijelaskan bahawa hadith ini marfu' sebagaimana yang diungkapkan oleh al-Isma'ili dan lain-lain.

sejak malam pertama pengantin, sama ada dia isteri pertama atau isteri kedua dan seterusnya.

3. Janda yang dikahwini berhak menerima giliran sejak malam pertama selam tiga hari berturut-turut. Inilah pendapat jumhur ulama. Menurut ulama Kufah, anak dara dan janda memiliki hak yang sama, iaitu mendapat hak tiga hari berturut sebelum memulakan giliran dengan isteri yang lain. Apapun, pendapat mereka ini dibantah oleh hadith tersebut di atas.

Penting

Al-Shan'ani berkata: "Mengutamakan isteri baru ini adalah dengan mendapatkan hak tidur bersama pada waktu malam hari dan tidur bersama pada waktu siang hari. Adalah salah jika ada sebahagian ulama yang mengatakan suami mestilah bersama isterinya yang baru sepanjang waktu siang dan malam. Malah Ibn Daqiq mengatakan adalah melampau apa yang dinyatakan oleh sesetengah ulama fiqh apabila mengesyorkan suami yang baru kahwin dengan isteri muda untuk sentiasa tetap bersamanya dan keadaan ini boleh dijadikan sebagai uzur untuk meninggalkan solat Jumaat."

"Imam al-Syafi'i menegaskan adalah dimakruhkan melengahkan solat Jumaat lantaran sibuk mengurus waktu tujuh hari bersama isteri dara yang baru atau waktu tiga hari bersama isteri janda yang baru, hingga tidak sanggup lagi mengerjakan amalan-amalan kebajikan yang biasa dia lakukan sebelum ini. Al-Rafi'i mengertikan perkataan Imam al-Syafi'i di sini untuk waktu siang bukannya waktu malam hari, kerana melakukan sesuatu yang sunat tidak boleh dijadikan alasan untuk meninggalkan sesuatu yang wajib."

"Sekumpulan ulama mazhab Syafi'i ada yang mengatakan bahawa kesibukan seorang suami lelaki pada minggu pertama dengan isteri kedua atau seterusnya boleh dijadikan sebagai uzur untuk tidak menghadiri solat Jumaat."

٢٨٨- وَعَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا تَزَوَّجَهَا أَقَامَ عِنْدَهَا ثَلَاثًا، وَقَالَ: "إِنَّهُ لَيْسَ بِكِ عَلَى أَهْلِكِ هَوَانٌ، إِنْ شِئْتِ سَبَّعْتُ لَكِ، وَإِنْ سَبَّعْتُ لَكِ سَبَّعْتُ لِنِسَائِي". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

288- Daripada Ummu Salamah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) ketika mengahwininya, baginda bermalam dengannya selama tiga hari tiga malam dan baginda bersabda: "Sesungguhnya engkau tidaklah dipandang hina oleh keluargamu. Jika kamu mahu, aku bermalam bersamamu selama tujuh

hari dan tujuh malam. Jika aku bermalam denganmu selama tujuh hari tujuh malah, maka aku mesti bermalam dengan isteri-isteriku yang lain selama tujuh hari tujuh malam. (Diriwayatkan oleh Muslim: 1088).

Makna Hadith

Jika seorang lelaki yang sudah beristeri ketika berkahwin semula dengan janda boleh memberinya hak pilih sama ada tinggal bersamanya selama tiga hingga tujuh hari atau keadaan ini diminta secara langsung oleh isterinya yang baru itu.

Dalam hadith ini disebutkan bahawa waktu tinggal bersama dengan isteri baru yang janda adalah tiga hari namun boleh disambung hingga menjadi tujuh hari dengan syarat isteri-isteri yang lain juga mesti mendapat giliran yang serupa.

Dalam Muslim disebutkan: "Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada Ummu Salamah: "Kalau kamu mahu, aku akan tinggal bersamamu (Ummu Salamah) selama tiga tiga hari, lalu aku mesti menggilir isteri yang lain pula." Ummu Salamah berkata: "Baginda tinggal bersamaku selama tiga hari."

Analisis Lafaz

"أَهْلِكِ", yakni diri Rasulullah (s.a.w) sendiri.

"هَوَانٌ", dipandang rendah dalam kedudukan.

"سَبَّعْتُ", aku menambah giliran dari tiga hari menjadi tujuh hari.

"لِنِسَائِي", terhadap isteri-isteriku yang lain.

Fiqh Hadith

1. Wanita janda berhak mendapat giliran sejak malam pertama selama tiga hari dan ini berlaku bagi suami yang mempunyai isteri lebih daripada satu orang.
2. Seorang suami boleh memberikan pilihan kepada isterinya yang baru, sama ada dia ingin menambah daripada tiga hari menjadi tujuh hari ataupun sebaliknya dan hal ini berlaku jika isteri itu seorang yang janda.
3. Jika wanita janda mengambil gilirannya sejak malam pertama selama tiga hari, maka isteri yang lain tidak diberi tambahan giliran, namun jika dia mengambil giliran hingga tujuh hari, maka madunya yang lain berhak mendapat giliran tambahan yang sama di mana di suami diwajibkan bermalam di rumah isterinya yang lain selama tujuh hari pula. Ini berbeza jika isterinya yang baru itu mengambil giliran selama tiga hari, maka giliran madunya yang lain tidak bertambah,

sebaliknya suami hanya wajib bermalam satu malam di rumah isteri-isterinya yang lain. Inilah maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "Jika aku bermalam denganmu selama tujuh hari tujuh malah, maka aku mesti bermalam dengan isteri-isteriku yang lain selama tujuh hari tujuh malam." Oleh itu, Ummu Salamah tetap memilih waktu tiga hari kerana itu lebih afdhal baginya.

4. Menjelaskan betapa Rasulullah (s.a.w) bersikap lemah lembut kepada isteri-isterinya.
5. Disunatkan memberikan hak pilih kepada seseorang jika dia memiliki hak untuk memilih.
6. Menjelaskan bahawa setiap perbuatan yang dilakukan oleh seseorang mempunyai ganjaran atau hukuman.

Penting

Syiekh Abu Ishaq al-Syairazi dalam kitab al-Muhadzzab mengemukakan dua pendapat bagi kes ini. Pertama, jika suami bermalam bersama isterinya yang baru selama tujuh hari sesuai dengan keinginannya dan isterinya itu merupakan wanita janda, maka suami wajib mengganti waktu selama tujuh hari bagi masing-masing isterinya yang lain. Kedua, jika suami tetap tinggal bersama isterinya yang baru itu selama tujuh hari dan ini tidak berdasarkan keinginannya, maka suami wajib mengganti empat hari tambahan itu sahaja bagi isteri-isterinya yang lain.

٢٨٩- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ سَوْدَةَ بِنْتَ زَمْعَةَ وَهَبَتْ يَوْمَهَا لِعَائِشَةَ، وَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْسِمُ لِعَائِشَةَ يَوْمَهَا وَيَوْمَ سَوْدَةَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

289- Daripada Aisyah (r.a) bahawa Saudah binti Zam'ah memberikan gilirannya kepada Aisyah. Jadi, Rasulullah (s.a.w) memberi giliran untuk Aisyah pada harinya dan hari giliran Saudah. (Muttafaq alaih: 1089).

Makna Hadith

Ibn Sa'ad meriwayatkan dengan sanad yang periwayatnya adalah thiqoh daripada al-Qasim bin Abu Bazzah secara mursal:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَلَّقَ سَوْدَةَ، فَقَعَدَتْ لَهُ عَلَى طَرِيْقِهِ فَقَالَتْ: وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ، مَالِي فِي الرِّجَالِ حَاجَةٌ، وَلَكِنْ أُحِبُّ أَنْ أُبْعَثَ مَعَ نِسَائِكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، فَأُنْشِدُكَ بِالَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ، هَلْ طَلَّقْتَنِي

لِمَوْجِدَةٍ وَجَدْتَهَا عَلَيَّ؟ قَالَ: لَا، قَالَتْ: فَأُنْشِدُكَ لِمَا رَاجَعْتَنِي، فَرَاجَعَهَا، قَالَتْ: فَإِنِّي قَدْ جَعَلْتُ يَوْمِي لِعَائِشَةَ حُبَّةِ رَسُوْلِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

"Rasulullah (s.a.w) menceraikan Saudah. Dia pun duduk di hadapan pintu dan berkata: "Demi Allah yang mengutusmu dengan kebenaran, sebenarnya aku tidak mahu berkahwin lagi, tetapi aku ingin dibangkitkan bersama isteri-isterimu pada hari kiamat kelak. Aku bermohon kepadamu demi Allah yang telah menurunkan al-Qur'an kepadamu, adakah tuan menceraikan diri saya kerana ada sesuatu yang tidak kena pada diri saya? Baginda menjawab: "Tidak." Saudah berkata: "Aku berharap tuan dapat merujuk saya." Mendengar itu, baginda pun merujuknya dan Saudah berkata: "Sejak hari itu aku memberikan giliranku kepada Aisyah kekasih Rasulullah (s.a.w)."

Abu Dawud membantah riwayat Ibn Sa'ad ini bahawa Saudah ketika usianya kian bertambah senja dan dia pun khuatir kalau Rasulullah (s.a.w) menceraikan dirinya, dia pun berkata: "Wahai Rasulullah, giliranku aku serahkan kepada Aisyah." Baginda pun menerima tawaran itu. Apapun, riwayat yang serupa dengan riwayat Abu Dawud ini lebih banyak.

Analisis Lafaz

Saudah binti Zam'ah berkahwin dengan Rasulullah (s.a.w) semasa di Makkah lagi setelah kematian Khadijah. Dia kemudian berjijrah bersama baginda. Perkataan Aisyah yang diriwayatkan oleh Muslim: "Saudah adalah wanita yang dikahwini Rasulullah (s.a.w) setelahku" bermaksud melangsungan akad nikah kepada Saudah setelah sebelumnya melakukan akad nikah dengan Aisyah. Saudah meninggal dunia di Madinah dalam usia lima puluh empat tahun.

"وَهَبَتْ يَوْمَهَا", dalam sebahagian riwayat al-Bukhari disebutkan: "Dia (Saudah) memberikan giliran baik siang mahupun malam hari. Dengan demikian, dia dapat menarik simpati Rasulullah (s.a.w)."

Fiqh Hadith

1. Seorang isteri boleh memberikan gilirannya kepada madunya. Apa yang mesti diambil kira dalam masalah ini adalah adanya keredhaan suami, kerana dia turut memiliki hak ke atas isterinya dan seorang istri tidak boleh menggugurkan haknya sesuka hatinya melainkan setelah mendapat keredhaan dan kebenaran suami.
2. Menjelaskan tentang keutamaan Aisyah (r.a) berbanding isteri-isteri Rasulullah (s.a.w) yang lain.

Penting

Ulama berkata: "Jika seorang isteri memberikan gilirannya kepada madunya dan secara kebetulan hari berikutnya adalah giliran madu yang telah diberikan giliran kepadanya, maka itu dibolehkan. Jika tidak, suami tidak boleh terus melangkaui isteri yang lain sebelum mendapat kebenaran daripada mereka."

"Jika suami menerima pemberian giliran, maka madu yang diberi pemberian giliran itu tidak boleh menolak. Jika suami tidak menerimanya, maka dia tidak boleh dipaksakan. Ada pula setengah ulama yang mengatakan isteri yang memberikan gilirannya kepada madunya dibolehkan rujuk semula terhadap giliran yang telah dihibahkan itu."

"Jika seorang isteri memberikan gilirannya kepada suaminya tanpa menentukan madu yang mana satu untuk menerima giliran itu, maka adakah suami dibolehkan untuk memilih sendiri isteri mana yang berhak menerima giliran itu jika dia memiliki isteri lebih daripada dua orang. Adakah giliran itu dibahagikan secara sama rata kepada isteri-isterinya yang lain? Majoriti ulama mengatakan suami dibolehkan memilih salah seorang daripada ister-isterinya untuk menerima giliran itu sesuai dengan kehendaknya. Ulama yang lain pula mengatakan suami tidak boleh berbuat demikian dan pemberian giliran itu dianggap batal. Ulama yang lain pula mengatakan jika isteri yang memberikan gilirannya itu berkata: 'Terserah kamu mana satu di antara isterimu yang bakal menerima giliran ini', maka suami dibolehkan menentukan sendiri mana-mana isterinya yang bakal menerima giliran itu. Jika tidak ada kata-kata sedemikian, maka suami tidak boleh menentukan sesuka hatinya."

٢٩٠- وَعَنْ عُرْوَةَ قَالَ: قَالَتْ عَائِشَةُ: يَا ابْنَ أُخْتِي، كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا يُفَضِّلُ بَعْضَنَا عَلَى بَعْضٍ فِي الْقَسْمِ مِنْ مُكْثِهِ عِنْدَنَا، وَكَانَ قَلَّ يَوْمٌ إِلَّا وَهُوَ يَطُوفُ عَلَيْنَا جَمِيعًا، فَيَدْنُو مِنْ كُلِّ امْرَأَةٍ مِنْ غَيْرِ مَسِيسٍ، حَتَّى يَبْلُغَ الَّتِي هُوَ يَوْمُهَا، فَيَبِيتَ عِنْدَهَا. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَاللَّفْظُ لَهُ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

290- Daripada 'Urwah, beliau berkata: "Aisyah berkata: "Wahai anak saudara perempuankau, Rasulullah (s.a.w) tidak pernah mengistimewakan sebahagian kami ke atas sebahagian yang lain, khususnya mengenai giliran yang dilakukan oleh baginda kepada kami. Baginda setiap harinya pasti menggilir kesemua isterinya dan jarang sekali berlaku sebaliknya. Baginda menghampiri setiap isterinya tanpa menyentuhnya hingga sampai pada hari yang merupakan gilirannya. Baginda pun bermalam di tempat isterinya yang merupakan gilirannya itu." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu

Dawud, lafaz hadith menurut Abu Dawud, dinilai sahih oleh al-Hakim: 1090).

٢٩١- وَلِمُسْلِمٍ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا صَلَّى الْعَصْرَ دَارَ عَلَى نِسَائِهِ، ثُمَّ يَدْنُو مِنْهُنَّ... الْحَدِيثَ.

291- Dalam riwayat Muslim daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Jika Rasulullah (s.a.w) mengerjakan solat Asar, baginda menggilir kesemua isterinya untuk menghampiri mereka…hingga akhir hadith." (1091)

Makna Hadith

Kebanyakan wanita jika sudah ditinggal lama, maka kasih sayang mereka menjadi pudar. Ada sesetengah mereka yang ingin ditemani suaminya pada waktu siang hari dan ada pula yang ingin ditemani suaminya pada waktu malam hari. Ini sama halnya dengan kaum lelaki yang sentiasa ingin ditemani oleh isterinya. Di sini Islam membolehkan suami untuk mengunjungi seluruh isterinya beberapa saat pada waktu siang hari atau sekadar mencicipi makanan ringan bersama mereka atau sekadar bersendai gurau bersama mereka.

Analisis Lafaz

"ابْنَ أُخْتِي", maksudnya adalah Asma'.

"مُكْثِهِ", dibaca dengan *dhammah* huruf *mim* dan *sukun* huruf *kaf*, tinggal atau duduk di suatu tempat.

"يَدْنُو", menghampiri, maksudnya adalah sentuhan dan kucupan.

"مَسِيسٍ", bersetubuh.

"يَبِيتَ", bermalam di rumahnya.

Fiqh Hadith

1. Seorang suami dibolehkan masuk ke dalam rumah isterinya meskipun hari itu bukan gilirannya, bersendau gurau dengannya dan mengucupnya. Inilah pendapat jumhur ulama. Ibn al-'Arabi menjadikan perbuatan ini sebagai kekhususan Rasulullah (s.a.w) yang tidak boleh dilakukan oleh orang selain baginda. Apapun, Ibn Hajar membantahnya kerana pendapat ini tidak berlandaskan dalil.
2. Menjelaskan betapa adil Rasulullah (s.a.w) dalam memberikan hak kepada isteri-isterinya.

3. Menjelaskan betapa mulia akhlak Rasulullah (s.a.w) di mana baginda adalah sebaik-baik manusia bagi keluarganya.

٢٩٢- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَسْأَلُ فِي مَرَضِهِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ: أَيْنَ أَنَا غَدًا؟ يُرِيدُ: يَوْمَ عَائِشَةَ، فَأَذِنَ لَهُ أَزْوَاجُهُ يَكُونُ حَيْثُ شَاءَ، فَكَانَ فِي بَيْتِ عَائِشَةَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

292- Daripada Aisyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah bertanya ketika baginda menderita sakit yang akihrnya baginda wafat: "Di mana aku harus bermalam esok?" Baginda sebenarnya ingin bermalam di rumah Aisyah dan isteri-isteri baginda yang lain mengizinkan di rumah mana pun baginda bermalam. Baginda akhirnya bermalam di rumah Aisyah. (Muttafaq 'alaihi: 1092).

Makna Hadith

Menurut riwayat Imam Ahmad dijelaskan tentang sebab permohonan Rasulullah (s.a.w) untuk tinggal dalam satu rumah yang sama bahawa baginda bersabda kepada isteri-isterinya: "Sesungguhnya aku tidak mampu lagi mendatangi rumah kamu semua. Jika kamu memperkenankan diriku, berilah aku keringan dan mereka pun kemudian mengizinkannya." Peristiwa ini berdasarkan cadangan Fathimah sekali gus orang yang bertanggung jawab melaksanakan hasrat Rasulullah (s.a.w). Ibn Sa'ad meriwayatkan daripada al-Zuhri secara mursal dengan sanad yang sahih bahawa Fathimah merupakan orang yang berbicara kepada Ummahatul Mukminin, di mana beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) merasa berat untuk mendatangi setiap rumah isterinya dan aku segera menyampaikan hasrat baginda ini kepada isteri-isterinya."

Sebab baginda memilih rumah Aisyah sebagai tempat tinggal ketika waktu sakit lantaran dia merupakan isteri yang paling disayanginya di samping giliran Aisyah lebih banyak kerana Saudah telah menyerahkan giliran kepada Aisyah.

Analisis Lafaz

"أَيْنَ", baginda ingin bertempat tinggal di salah satu rumah milik isterinya.

"يُرِيدُ: يَوْمَ عَائِشَةَ", baginda menginginkan rumah Aisyah. Ini dapat difahami menerusi sabdanya: "Siapa yang berani memisahkan diriku dengan Aisyah?" Apapun, pendapat ini tidak ada kena mengena dengan topik di sini, kerana tidak selari dengan konteks kisah dalam hadith ini. Apapun, Rasulullah

(s.a.w) ingin tinggal di rumah Aisyah kerana baginda amat mencintainya. Inilah pendapat yang lebih mendekati kebenaran.

Fiqh Hadith

1. Seorang suami boleh merayu isteri-isterinya supaya memberikan giliran mereka kepada salah seorang daripada madu mereka dan kemudian tinggal dalam satu tempat.
2. Jika isteri memberikan gilirannya kepada suaminya, maka jatuhlah haknya untuk mendapatkan giliran.

Ulama berbeza pendapat sama ada isteri yang telah memberikan giliran kepada suaminya boleh rujuk ataupun sebaliknya, sebab perbezaan pendapat ini lantaran mereka berbeza pendapat sama ada boleh ataupun tidak merujuk semula hibah.

٢٩٣- وَعَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَرَادَ سَفَرًا أَقْرَعَ بَيْنَ نِسَائِهِ، فَأَيَّتُهُنَّ خَرَجَ سَهْمُهَا، خَرَجَ بِهَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

293- Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Jika Rasulullah (s.a.w) hendak bermusafir, baginda mengundi isteri-isterinya; siapa di antara nama mereka yang keluar undianya, baginda membawanya keluar bermusafir bersamanya." (Muttafaq 'alaih: 1093).

Makna Hadith

Undian atau cabutan merupakan syari'at umat sebelum Nabi Muhammad (s.a.w), sebagaimana yang tertera dalam firman Allah (s.w.t):

ذَٰلِكَ مِنْ أَنۢبَآءِ ٱلْغَيْبِ نُوحِيهِ إِلَيْكَ ۚ وَمَا كُنتَ لَدَيْهِمْ إِذْ يُلْقُونَ أَقْلَٰمَهُمْ أَيُّهُمْ يَكْفُلُ مَرْيَمَ وَمَا كُنتَ لَدَيْهِمْ إِذْ يَخْتَصِمُونَ ﴿٤٤﴾

"*Peristiwa yang demikian ialah sebahagian dari berita-berita ghaib yang Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), sedang engkau tidak ada bersama-sama mereka ketika mereka mencampakkan qalam masing-masing (untuk mengundi) siapakah di antara mereka yang akan memelihara Maryam. Dan engkau juga (wahai Muhammad) tidak ada bersama-sama mereka ketika mereka berkelahi (tentang perkara menjaga dan memelihara Maryam).*" (Surah Ali Imran: 44)

Ini kerana ada keadaan tertentu yang memaksa kita untuk melakukan udian atau cabutan ketika tidak ada jalan lain untuk menyelesaikan suatu

permasalahan. Hadith ini merupakan dalil yang membolehkan penggunaan undian atau cabutan ketika diperlukan seperti mana yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w) terhadap isteri-isterinya yang hendak diajak untuk keluar bermusafir.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهَا", periwayat hadith ini sama dengan hadith sebelumnya, Aisyah (r.a).

"أَقْرَعَ", mengadakan undian, tetapi tidak boleh ada manipulasi atau unsur penipuan.

"خَرَجَ سَهْمُهَا", bagi undian yang keluar.

"خَرَجَ بِهَا", untuk keluar bermusafir mengadakan perjalanan jauh.

Fiqh Hadith

Boleh mengadakan undian dalam menentukan mana isteri yang bakal di bawah keluar bermusafir. Dalam kaitan ini, enurut Imam al-Syafi'i, undian wajib dilakukan.

Ulama berbeza pendapat mengenai ketentuan setelah pulang daripada perjalanan sama ada suami wajib mengganti giliran madu yang ditinggalkan pergi selama perjalanan ataupun sebaliknya.

Menurut Imam Abu Hanifah, wajib mengganti giliran yang ditinggal pergi bermusafir, sama ada telah mengadakan undian ketika hendak bermusafir ataupun sebaliknya. Menurut Imam al-Syafi'i, jika telah mengadakan undian sebelum bermusafir, maka tidak wajib mengganti giliran madu yang ditinggal pergi bermusafir. Jika tidak, maka dia wajib mengganti giliran isteri-isteri yang tidak dibawa bermusafir.

Jumhur ulama mengambil kira undian antara orang-orang yang berkongsi dalam suatu usaha atau perkara yang lain, namun mengikut pendapat yang masyhur dalam mazhab Hanafi dan mazhab Malik undian tidak perlu diambil kira.

٢٩٤- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ زَمْعَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يَجْلِدُ أَحَدُكُمْ امْرَأَتَهُ جَلْدَ الْعَبْدِ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

294- Daripada Abdullah bin Zam'ah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Seseorang di antara kamu tidak dibenarkan memukul isterinya sama seperti memukul hamba sahaya." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1094).

Makna Hadith

Hadith ini memiliki sambungan dalam riwayat al-Bukhari iaitu: "ثم يجامعها" (kemudian dia menyetubuhinya) dan dalam riwayat yang lain pula disebutkan: "ولعله يضاجعها" (barangkali dia ingin menidurinya). Ini sebab larangan memukul isteri sama dengan memukul hamba sahaya.

Persetubuhan terjadi ketika adanya kecenderungan dalam jiwa dan kasih sayang sedang isteri yang dipukul akan membenci suaminya yang kerap memukul dirinya. Suami yang gemar memukul isterinya kerana didorong oleh perasaan marah dan benci kepada isterinya, namun pelik apabila di waktu malam harinya dia malah menciumnya dan kemudian menyetubuhinya.

Memukul menjadikan seorang isteri trauma yang berpanjangan dan tujuan memukul isteri hanya sekadar memberi pengajaran supaya taat kepada suaminya. Apapun, memaafkan karenah isteri dan saling memahami merupakan sikap terbaik untuk mengatasi masalah ini. Inilah akhlak Rasulullah (s.a.w) sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i daripada Aisyah (r.a) bahawa:

مَا ضَرَبَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ امْرَأَةً وَلَا خَادِمًا وَلَا ضَرَبَ بِيَدِهِ قَطُّ إِلَّا فِي سَبِيْلِ اللهِ أَوْ تُنْتَهَكُ مَحَارِمُ اللهِ فَيَنْتَقِمُ لِلّٰهِ.

"Rasulullah (s.a.w) tidak pernah memukul isterinya dan demikian pula pembantunya. Beliau juga tidak pernah memukul kecuali di jalan Allah atau untuk mencegah larangan-larangan Allah, kerana itu akan menyebabkan Allah murka."

Analisis Lafaz

"لَا يَجْلِدُ", dengan menggunakan kalimat larangan, sementara menurut riwayat al-Isma'ili menggunakan kalimat berita. Dalam sesetengah riwayat menggunakan perkataan: "إلام يجلد" dan "علام يجلد".

"جَلْدَ الْعَبْدِ", seperti memukul hamba lelaki dan menurut riwayat Muslim: "جلد الأمة" (seperti memukul seorang hamba wanita).

Fiqh Hadith

1. Boleh memukul hamba dengan tujuan memberi pengajaran.
2. Boleh memukul isteri dengan pukulan yang tidak membahayakan dan tidak mencederakan hingga menyebabkannya membenci

suaminya. Imam al-Syafi'i berkata: "Ada kemungkinan larangan[24] di sini bersifat pilihan kerana pada dasarnya dibolehkan. Ada pula kemungkinan larangan ini sebelum turunnya ayat yang mngharuskan mereka dipukul. Sabda Rasulullah (s.a.w): "Janganlah orang pilihan di antara kamu memukul" menunjukkan memukul isteri adalah dibolehkan. Tujuan memukul isteri adalah memberi pengajaran ketika suami melihat suatu perbuatan yang tidak disenanginya dan dia wajib mentaatinya. Jika cukup dilakukan dengan amaran, maka itu lebih afdhal."

Periwayat Hadith

Abdullah bin Zam'ah bin al-Aswad bin Abdul Mutthallib bin Asad bin Abdul Uzza, seorang sahabat masyhur. Ibunya kerabat dekat saudari Ummu Salamah. Beliau merupakan suami Zainab binti Salamah. Mati syahid pada waktu Perang al-Dar, namun ada yang mengatakan pada waktu Perang al-Hurrah. Inilah satu-satu hadith Abdullah bin Zam'ah yang diriwayatkan oleh al-Bukhari.

Soalan

1. Apakah pendapat hadith berikut ini mursal atau mawshul: "اللّٰهُمَّ هذا قسمي فيما أملك..."? Bincangkan masalah ini?
2. Siapakah ulama yang mengatakan bahawa menggilir isteri bagi Rasulullah (s.a.w) tidak wajib dan apa pula dalilnya?
3. Sempurnakan hadith berikut: "من كانت امرأتان فمال..." dan bincangkan maksudnya?
4. Apakah makna perkataan sahabat: "من السنة"?
5. Sempurnakan hadith berikut: "من السنة إذا تزوج الرجل البكر على الثيب..." dan sebutkan hukum-hakam yang boleh diambil daripadanya?
6. Adakah tinggal di rumah isteri baru sama ada dara atau janda sejak malam pertama mesti dilakukan sepanjang siang dan malam hari?

[24] Iyas bin Abdullah dalam satu hadith marfu' meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Janganlah kamu memukul kaum perempuan." Umar kemudian datang dan berkata: "Kini ramai isteri yang berani membangkang suami mereka." Mendengar itu, baginda membenarkan suami memukul isteri mereka. Tidak lama kemudian, ramai wanita datang menghadap Rasulullah (s.a.w) mengeluh yang suami mereka amat keras ketika memukul mereka. Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Kamu tidak mendapati mereka sebagai orang-orang terpilih di antara kamu." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud, al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Hakim)

7. Bolehkah bagi seorang suami yang baru berkahwin dengan perempuan janda menambah waktu bermalam daripada tiga kepada empat malam sedangkan dia mempunyai isteri yang selainnya dan apa pula dalilnya?
8. Apakah seorang suami wajib mengganti selama tiga atau tujuh hari ketika bermalam dengan isterinya yang baru apabila kembali menggilir isterinya yang lain?
9. Adakah ulama mazhab Syafi'i membezakan antara hasrat isterinya yang baru menginginkan suaminya bermalam selama tujuh hari bersamanya dengan tidak adanya hasrat untuk berbuat demikian dan apa pula pendapat mereka?
10. Apakah faktor yang mendorong Saudah bin Zam'ah memberikan gilirannya kepada Aisyah?
11. Bolehkah seorang suami memilih isteri untuk diberi giliran jika isteri yang memberi giliran itu tidak menentukan mana satu di antara madunya yang berhak menerimanya?
12. Mestikah seorang suami menggilir seluruh isterinya dalam satu hari dan apa pula dalilnya?
13. Jika seorang suami hendak bermusafir sedangkan dia memiliki lebih daripada seorang isteri, adakah dia mesti membuat undingan bagi memastikan mana satu isterinya yang hendak dibawa bermusafir? Apakah hukum undian ini? Adakah suami tersebut wajib mengganti hari kepada isteri-ieterinya yang lain ketika ditinggalkan bermusafir?
14. Apakah hukum memukul isteri dan apa pula dalilnya.

BAB *KHULUK*

Al-Khulu' dengan membaca *dhammah* huruf *kha'* dan *sukun* huruf *lam*, iaitu permohonan cerai seorang isteri kepada suaminya dengan membayar sejumlah wang atau harta.

Ia berasal dari perkataan "خلع الثوب" (menanggalkan pakaian), kerana secara majaz wanita adalah pakaian suami sebagaimana dalam firman Allah (s.w.t):

..... هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ ..... ﴿١٨٧﴾

"*...Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka....*" (Surah al-Baqarah: 187). Dalil disyari'atkan khuluk adalah firman Allah (s.w.t):

..... فَإِنْ خِفْتُمْ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ ٱللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا ٱفْتَدَتْ بِهِۦ ۗ تِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ فَلَا تَعْتَدُوهَا ۚ وَمَن يَتَعَدَّ حُدُودَ ٱللَّهِ فَأُو۟لَـٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّـٰلِمُونَ ﴿٢٢٩﴾

"*.... Oleh itu kalau kamu khuatir bahawa kedua-duanya tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah, maka tidaklah mereka berdosa - mengenai bayaran (tebus talak) yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya (dan mengenai pengambilan suami akan bayaran itu). Itulah aturan-aturan hukum Allah maka janganlah kamu melanggarnya; dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.*" (Surah al-Baqarah: 229)

٢٩٥- عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ امْرَأَةَ ثَابِتِ بْنِ قَيْسٍ أَتَتْ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ، ثَابِتُ بْنُ قَيْسٍ مَا أَعِيبُ عَلَيْهِ فِي خُلُقٍ وَلَا دِينٍ،

وَلَكِنِّي أَكْرَهُ الْكُفْرَ فِي الإِسْلَامِ، قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَتَرُدِّينَ عَلَيْهِ حَدِيقَتَهُ؟ قَالَتْ: نَعَمْ. قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: اِقْبَلِ الْحَدِيقَةَ، وَطَلِّقْهَا تَطْلِيقَةً. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ. وَفِي رِوَايَةٍ لَهُ: وَأَمَرَهُ بِطَلَاقِهَا .

295- Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa isteri Tsabit bin Qais datang kepada Rasulullah (s.a.w) lalu berkata: "Wahai Rasulullah, saya tidak mencela akhlak dan agama Tsabit bin Qais, tetapi saya tidak suka mendrhaka (kepada suami) setelah memeluk agama Islam. Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Apakah kamu bersedia memulangkan kebun miliknya?" Dia menjawab: "Ya." Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada Tsabit bin Qais: "Terimalah kebun itu dan ceraikanlah dia." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari. Dalam riwayat al-Bukhari yang lain: baginda menyuruhnya (Tsabit bin Qais) menceraikannya (isterinya): 1095).

٢٩٦- وَلِأَبِي دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيِّ وَحَسَّنَهُ: أَنَّ امْرَأَةَ ثَابِتِ بْنِ قَيْسٍ اخْتَلَعَتْ مِنْهُ، فَجَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِدَّتَهَا حَيْضَةً.

296- Menurut riwayat Abu Dawud dan al-Tirmidhi yang dinilainya sebagai hasan bahawa isteri Tsabit bin Qais meminta khuluk kepada suaminya dan baginda menjadikan iddahnya selama satu kali haid (1096).

Makna Hadith

Ada ketikanya seorang wanita merasa benci terhadap suaminya, sehingga dia ingin bercerai kerana dia merasa jika bahtera rumah tangga diteruskan maka bakal berlaku sesuatu yang lebih buruk lagi atau malah isteri itu bakal melakukan perbuatan-perbuatan yang melanggar etika dan hukum agama. Dalam keadaan ini, seorang wanita meminta bercerai dengan suaminya. Oleh kerana suami diwajibkan membayar sejumlah harta sebagai ganti rugi mahar apabila mentalak isterinya, adalah adil apabila isteri pula turut dituntut membayar sejumlah harta apabila menuntut cerai kepada suaminya lantaran tidak ada lagi kesesuaian dalam kehidupan rumah tangga mereka.

Seorang wanita biasanya tidak memiliki harta untuk membayar permohonan cerai itu dan oleh kerananya, dia dibolehkan menebus dirinya dengan bayaran mahar yang ada padanya.

Analisis Lafaz

"امْرَأَةَ ثَابِتِ بْنِ قَيْسٍ", al-Bukhari menyebutnya dengan nama Jamilah dalam jalur sanad yang mursal daripada 'Ikrimah. Inilah pendapat ulama Basrah.

Menurut ulama Madinah, beliau adalah Habibah binti Mashil dan hadithnya diriwayatkan oleh al-Bazzar daripada 'Umar. Ibn Hajar merajihkan bahawa Jamilah dan Habibah adalah dua orang yang berlainan.

Menurut al-Baihaqi, beliau adalah Zainab binti 'Abdullah bin Ubay bin Salul. Pendapat ini mursal, tetapi sanadnya kuat. Apapun, pendapat yang kuat adalah Jamilah sebagaimana yang disebut oleh al-Bukhari dan al-Dimyathi.

Manakala Tsabit bin Qais pula adalah orang Khazraj termasuk orang Ansar. Beliau turut serta dalam Perang Uhud dan perang setelahnya. Beliau merupakan salah seorang sahabat yang disegani dan merupakan juru bicara Rasulullah (s.a.w) dan golongan Ansar. Baginda menjaminnya masuk syurga.

"مَا أَعِيبُ", yakni aku tidak pernah melihat aib atau cela padanya.

"أَكْرَهُ الْكُفْرَ فِي الْإِسْلَامِ", aku benci jika aku tetap hidup bersamanya akan menyebabkan diriku menjadi kafir, tetapi tidak bermaksud dia mendorong suaminya untuk menjadi kafir. Buktinya adalah perkataannya: "Aku tidak mencelanya dalam perilaku dan agamanya."

Ada pula kemungkinan dia memperlihatkan kekufuran untuk tujuan memfasakh perkahwinnya lantaran betapa benci kepada suaminya.

Ada pula kemungkinan dia membangkang, memusuhi kepada suaminya dan melakukan tindakan-tindakan yang hanya dilakukan oleh orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari akhir. Ini merupakan perbuatan yang biasa dilakukan oleh orang kafir.

Ada pula tafsiran yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan kufur di sini adalah keengganan untuk berbuat baik kepada suaminya.

"حَدِيقَتَهُ", kebunnya. Dalam riwayat lain disebutkan bahawa Tsabit bin Qais mengahwini isterinya dengan mahar dalam bentuk kebun kurma.

"قَالَتْ: نَعَمْ", ya, aku menerima permintaannya untuk memulangkan semula kebunnya yang jadikan mahar kepadaku dengan syarat aku dapat bercerai dengannya.

Fiqh Hadith

1. Sah dan disyariatkan melakukan khuluk, malah seorang suami berhak meminta ganti rugi kepada isterinya di atas khuluk yang dipohonnya itu. Inilah ijma' ulama. Tetapi ulama berbeza pendapat apakah bagi memastikan khuluk itu sah disyaratkan bahawa istri

berbuat nusyuz ketika melakukan khuluk atau tidak? Menurut mazhab Zahiri dan Ibn al-Munzir, wanita itu disyaratkan berbuat nusyuz. Bagi mereka, meminta dijatuhkan talak ke atas dirinya merupakan bukti seorang isteri nusyuz. Menurut jumhur ulama, seorang isteri tidak disyaratkan nusyuz dan khuluk menjadi sah apabila ada persetujuan antara kedua suami isteri, meskipun tidak berlaku kekeruhan suasana dalam rumah tangga mereka dan suami tetap halal menerima bayaran khuluk daripada isterinya. Dalilnya adalah firman Allah (s.w.t):

وَءَاتُواْ ٱلنِّسَآءَ صَدُقَٰتِهِنَّ نِحۡلَةٗۚ فَإِن طِبۡنَ لَكُمۡ عَن شَيۡءٖ مِّنۡهُ نَفۡسٗا فَكُلُوهُ هَنِيٓـٔٗا مَّرِيٓـٔٗا ﴿٤﴾

"Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin-maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya." (Surah al-Nisa': 4) Jumhur ulama menegaskan hadith Tsabit di sini tidak dapat dijadikan dalil bahawa ia mensyaratkan nusyuz bagi seorang isteri bagi membolehkannya khluluk. Malah Allah (s.w.t) berfirman:

..... إِن ظَنَّآ أَن يُقِيمَا حُدُودَ ٱللَّهِۗ وَتِلۡكَ حُدُودُ ٱللَّهِ يُبَيِّنُهَا لِقَوۡمٖ يَعۡلَمُونَ ﴿٢٣٠﴾

"... jika mereka kuat menyangka akan dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah dan itulah aturan-aturan hukum Allah, diterangkannya kepada kaum yang (mahu) mengetahui dan memahaminya." (Surah al-Baqarah: 230) Ini merupakan bukti bahawa pasangan suami isteri menegakkan hukum Allah ketika menuntut cerai.

2. Seorang suami dibolehkan mengambil mahar yang sebelumnya telah diberikan kepada isterinya ketika terjadi khuluk. Bolehkah mengambil bayaran khuluk yang melebihi bayaran mahar? Menurut Imam Malik dan Imam al-Syafi'i, bayaran khuluk yang melebihi bayaran mahar adalah dibolehkan apabila isteri berbuat nusyuz. Dalilnya firman Allah (s.w.t):

..... فَإِنۡ خِفۡتُمۡ أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ ٱللَّهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيۡهِمَا فِيمَا ٱفۡتَدَتۡ بِهِۦۗ تِلۡكَ حُدُودُ ٱللَّهِ فَلَا تَعۡتَدُوهَاۚ وَمَن يَتَعَدَّ حُدُودَ ٱللَّهِ فَأُوْلَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿٢٢٩﴾

"... Oleh itu kalau kamu khuatir bahawa kedua-duanya tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah, maka tidaklah mereka berdosa -

mengenai bayaran (tebus talak) yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya (dan mengenai pengambilan suami akan bayaran itu). Itulah aturan-aturan hukum Allah maka janganlah kamu melanggarnya; dan sesiapa yang melanggar aturan-aturan hukum Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim." (Surah al-Baqarah: 229) Inilah pendapat yang turut dikemukakan oleh jumhur ulama di mana mereka membolehkan seorang suami mengambil bayaran khuluk melebihi bayaran mahar yang telah diberikan kepada isterinya, tetapi Imam Malik berkata: "Jika suami berbuat demikian, maka itu tidak termasuk perbuatan akhlak yang mulia." Atha', Thawus, Imam Ahmad dan sekumpulan ulama berpendapat bayaran khuluk yang melebihi mahar tidak dibolehkan berdasarkan hadith mursal yang mengatakan: "Adapun bayaran yang melebihi mahar maka itu tidak dibolehkan." Periwayat hadith ini thiqoh.

3. Khuluk dilakukan dengan lafaz talak dan apa yang membezakan talak dengan khuluk adalah bahawa memulangkan semula sebahagian atau keseluruhan mahar kepada suaminya kerana perceraian itu. Ulama berbeza pendapat jika seorang suami meninggalkan isterinya dengan lafaz Khuluk tanpa ada niat khuluk di dalam hati, adakah perbuatan ini dianggap talak atau fasakh? Menurut Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad dalam riwayat yang kuat dalam mazhabnya, perbuatan ini adalah fasakh bukan talak, pendapat ini diriwayatakn daripada Ibn 'Abbas dan Thawus, 'Ikrimah dan Ishaq. Menurut Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Imam Ahmad dalam riwayat yang lain serta al-Auza'i, perbuatan ini adalah talak satu ba'in. Pendapat ini diriwayatkan daripada 'Ali, Ibn Mas'ud, Ibn al-Musayyab, Atha', al-Hasan, Mujahid, al-Sya'bi, al-Zuhri dan sekumpulan ulama termasuklah Imam al-Syafi'i turut menegaskan demikian dalam kitab al-Imla' dengan berkata: "Ungkapan seperti ini termasuk talak *sarih*". Ulama yang mengatakan perbuatan ini adalah fasakh bukan talak mengemukakan beberapa dalil berikut: Pertama, Rasulullah (s.a.w) menyuruh isteri Tsabit bin Qais beriddah selama satu kali haid dan keadaan seperti ini bukanlah iddah talak. Kedua, firman Allah (s.w.t): ""*... Oleh itu kalau kamu khuatir bahawa kedua-duanya tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah, maka tidaklah mereka berdosa - mengenai bayaran (tebus talak) yang diberikan oleh isteri untuk menebus dirinya (dan mengenai pengambilan suami akan bayaran itu).*" (Surah al-Baqarah: 229) terletak antara firman-Nya: "*Talak (yang boleh dirujuk kembali itu hanya) dua kali...*" (Surah al-Baqarah: 229) dengan firman-Nya: "*Sesudah (diceraikan dua kali), itu jika diceraikan pula (bagi kali yang ketiga) maka perempuan itu tidak halal lagi baginya sesudah itu, sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain....*" (Surah al-Baqarah: 230). Jika ungkapan di atas dianggap talak, Allah (s.w.t) tidak mengatakan: "*Sesudah (diceraikan dua kali), itu jika diceraikan pula (bagi kali yang ketiga) maka perempuan itu tidak halal lagi baginya sesudah itu,*

sehingga ia berkahwin dengan suami yang lain...." (Surah al-Baqarah: 230). Ketiga, pendapat yang dinukil daripada 'Ali dan Ibn Mas'ud sangatlah lemah, sementara pendapat yang dinukil daripada Ibn Abbas mengatakan ia disebut perpisahan, bukan talak atau khuluk. Al-Thahawi mendakwa adanya ijma' ulama bahawa jika seseorang berniat khuluk ketika mengucapkan talak, maka jatuhlah talak. Hadith telah menegaskan demikian dengan mengatakan: "maka talaklah dia satu kali talak."

4. Boleh menjatuhkan khuluk ketika isteri sedang haid, kerana hadith ini tidak memerincikan sama ada isteri Tsabit bin Qais itu sedang haid atau sebaliknya, tetapi pendapat ini belum jelas kerana ada kemungkinan Rasulullah (s.a.w) mengetahui yang isteri Tsabit itu sedang haid atau sedang tidak haid ketika meminta dijatuhkan khuluk ke atas dirinya.
5. Banyak hadith mencela isteri yang menuntut talak atau khuluk jika tidak disertai dengan alasan-alasan yang munasabah.
6. Disunatkan mengatakan yang benar walaupun ke atas diri orang yang berbicara itu sendiri.
7. Setiap perbuatan hendaklah dipertimbangkan dengan seksama sama ada ia dapat mendekatkan diri kepada Allah atau sebaliknya. Jika dapat mendekatkan diri kepada Allah, hendaklah diteruskan, namun jika tidak, maka hendaklah ia segera ditinggalkan.
8. Sadd al-Dzara'i dalam segala permasalahan hendaklah diguna pakai dan tidak boleh melakukan perkara-perkara yang boleh menjerumuskan diri ke dalam perbuatan maksiat dan kejahatan.
9. Dibolehkan memisahkan pasangan suami isteri apabila itu berdasarkan permohonan isteri dengan tetap membayar tebusan khuluk jika telah dikenal pasti dia tidak mahu lagi rujuk kepada suaminya.

٢٩٧- وَفِي رِوَايَةِ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ عِنْدَ ابْنِ مَاجَه: أَنَّ ثَابِتَ بْنَ قَيْسٍ كَانَ دَمِيمًا وَأَنَّ امْرَأَتَهُ قَالَتْ: لَوْلَا مَخَافَةُ اللهِ إِذَا دَخَلَ عَلَيَّ لَبَصَقْتُ فِي وَجْهِهِ.

297- Dalam riwayat Ibn Majah daripada 'Amr bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya bahawa Tsabit bin Qais seorang yang berwajah buruk dan istrinya pernah berkata: "Seandainya tidak takut kepada Allah nescaya aku sudah meludah wajahnya ketika dia memasuki bilik saya. (1097).

٢٩٨- وَلِأَحْمَدَ مِنْ حَدِيثِ سَهْلِ بْنِ أَبِي حَثْمَةَ: وَكَانَ ذَلِكَ أَوَّلَ خُلْعٍ فِي الْإِسْلَامِ.

298- Dalam riwayat Imam Ahmad daripada Sahl bin Abu Hatsmah ditegaskan bahawa peristiwa ini merupakan khuluk pertama yang terjadi dalam Islam. (1098).

Makna Hadith

Sebab utama isteri Tsabit bin Qais meminta cerai kerana suaminya memiliki rupa yang buruk. Oleh kerana seorang lelaki menginginkan seorang wanita cantik dan menyenangkannya, maka hak ini pula turut diberikan kepada seorang wanita.

Dalam riwayat al-Nasa'i disebutkan bahawa sebab isteri Tsabit bin Qais menuntut cerai kerana suaminya mematahkan tangan isterinya. Apapun, pernyataan dibantah dengan pengakuan isteri Tsabit sendiri ketika berkata: "Aku tidak mencelanya sebagai seorang yang berakhlak jahat dan tidak taat beragama." Jika tuntutan cerai disebabkan pemukulan tangan hingga mengakibatkannya patah, tentu suaminya itu memiliki akhlak yang buruk dan tidak menjalankan ajaran agama dengan baik, kerana orang yang taat beragama tidak akan memukul tangan isterinya apatah lagi hingga patah.

Sementara pendapat yang mengatakan bahawa sebab gugatan cerai kerana rupa suaminya yang buruk adalah hadith yang diriwayatkan oleh 'Abdurrazzaq daripada Ma'mar, beliau berkata: "Telah sampai berita kepadaku bahawa dia (isteri Tsabit bin Qais) berkata: "Wahai Rasulullah, tuan tahu betapa aku seorang wanita yang jelita sementara Tsabit suamiku seorang lelaki yang buruk rupa."

Dalam riwayat 'Ikrimah daripada Ibn Abbas, isteri Tsabit berkata: "Aku pun menyingap tudungku untuk melihat suamiku. Ketika aku membandingkannya dengan beberapa orang lelaki yang lain, ternyata suamiku seorang yang berkulit hitam, pendek dan buruk rupa."

Analisis Lafaz

"دَمِيمًا", buruk rupa.

Sahl bin Abu Hatsmah, seorang sahabat yang turut serta dalam Bai'at Ridhwan, menyaksikan setiap peperangan kecuali Perang Badar. Pendapat yang paling sahih menyatakan beliau meninggal dunia pada masa pemerintahan Mu'awiyah dan hadithnya diriwayatkan oleh sekumpulan ulama hadith.

Fiqh Hadith

Seorang isteri boleh menuntut cerai kerana rupa suami yang buruk, di mana dia tidak mampu lagi hidup sebumbung dengan suaminya.

Soalan

1. Apakah takrif khuluk menurut bahasa dan syarak?
2. Sebutkan teks hadith yang menceritakan isteri Tsabit Qais meminta khuluk dan syarahkan lafaz-lafaz hadith di dalamnya?
3. Apakah disyaratkan bagi memastikan khluk sah bahawa seorang isteri itu nusyuz?
4. Bolehkah seorang suami mengambil bayaran khuluk melebihi bayaran mahar yang telah diserahkan kepada isterinya ketika akad nikah?
5. Jika khuluk terjadi dengan menggunakan lafaz khuluk meskipun tanpa disertai niat khuluk, maka apakah ini dianggap fasakh atau talak?
6. Apakah hukumnya jika seorang lelaki melafazkan khuluk dengan niat talak; adakah ia jatuh talak?
7. Apakah hujah ulama yang mengatakan bahawa khuluk adalah fasakh?
8. Apakah faktor-faktor yang mendorong isteri Tsabit bin Qais menuntut khuluk kepada suaminya?

BAB TALAK

Talak mengikut bahasa adalah melepaskan perjanjian. Kalimat ini berasal dari perkataan "الإطلاق" yang ertinya melepaskan dan meninggalkan.

Talak menurut syari'at adalah melepaskan ikatan perkahwinan.

Imam al-Haramain berkata: "Kalimat ini merupakan istilah orang jahiliah yang kemudian istilah ini diguna pakai dalam Islam.

٢٩٩- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَبْغَضُ الْحَلَالِ عِنْدَ اللهِ الطَّلَاقُ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَابْنُ مَاجَه، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ، وَرَجَّحَ أَبُو حَاتِمٍ إِرْسَالَهُ.

299- Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sesuatu yang halal dan paling dibenci oleh Allah adalah talak." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan Ibn Majah, dinilah sahih oleh al-Hakim dan Abu Hatim mentarjihkannya sebagai mursal: 1099).

Makna Hadith

Allah mensyariatkan talak sebagai jalan keluar bagi kehidupan rumah tangga yang sudah kelam kabut supaya kehidupan si lelaki dan si perempuan menjadi harmoni di kemudian hari. Tidak adanya keharmonian yang mengganggu bahtera rumah tangga pasangan suami isteri menjadikan talak mampu menghilangkan sifat ego setiap pasangan sehingga mereka dapat menempuh hidup sesuai dengan cara mereka masing-masing.

Sungguhpun demikian, Allah (s.w.t) sentiasa menyuruh pasangan suami isteri selalu berusaha untuk berdamai sebagaimana dalam firman-Nya:

وَإِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَٱبْعَثُوا۟ حَكَمًا مِّنْ أَهْلِهِۦ وَحَكَمًا مِّنْ أَهْلِهَآ إِن يُرِيدَآ إِصْلَٰحًا يُوَفِّقِ ٱللَّهُ بَيْنَهُمَآ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلِيمًا خَبِيرًا ﴿٣٥﴾

"*Dan jika kamu bimbangkan perpecahan di antara mereka berdua (suami isteri) maka lantiklah "orang tengah" (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang dari keluarga lelaki dan seorang dari keluarga perempuan. Jika kedua-dua "orang tengah" itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuanNya.*" (Surah al-Nisa': 35)

Jika tidak mahu lagi berdamai, maka mereka hendaklah bercerai, meskipun di dalam perceraian itu terdapat kesedihan dan kepiluan yang sukar untuk dibayangkan. Perceraian turut memberi kesan terhadap kejiwaan, anak dan harta. Itulah sebabnya ini merupakan perbuatan halal yang paling dibenci oleh Allah.

Menyebutkan sesuatu yang paling dibenci di dalam hadith ini seolah-olah menggambarkan bahawa perceraian itu adalah jalan yang paling terakhir, kerana pada hakikatnya dalam syari'at Islam sesuatu yang halal tidaklah dibenci, sebaliknya sesuatu yang dibenci adalah benda haram. Jadi sebutan haram bagi kepada perbuatan yang halal merupakan perumpamaan betapa perbuatan talak ini amat mendekati sesuatu yang diharamkan.

Jika ada yang berkata: "Menyebutkan sifat haram kepada sesuatu yang halal membuktikan bahawa label halal bagi perbuatan itu telah berpindah menjadi sesuatu yang diharamkan.

Jawapannya adalah tidak demikian, kerana asas sesuatu itu lebih kuat berbanding sifat, lafaz halal merupakan istilah syari'at, sedangkan kebencian di sini bermaksud aspek kebahasaan sahaja. Oleh itu, istilah syari'i hendaklah lebih didahulukan ke atas istilah bahasa.

Analisis Lafaz

"أَبْغَضُ", al-Khatthabi berkata: "Kebencian di sini hendaklah dimaksudkan untuk sesuatu yang menyebabkan terjadinya perceraian seperti tidak adanya keharmonian dan tidak wujud lagi persefahaman."

Ada yang berkata: "Sesuatu yang dibenci menuntut perkara itu untuk dijauhi sedangkan halal pula menuntut seseorang memiliki kebebasan sama ada melakukannya atau malah menjauhinya. Ini tentunya amat bercanggah." Saya telah menjawab persoalan dalam makna hadith sebelum ini.

"وَرَجَّحَ أَبُو حَاتِمٍ إِرْسَالَهُ", Abu Hatim mentarjih hadith ini mursal, kerana ia diriwayatkan oleh Muhammad bin Khalid al-Wahibi daripada Mu'arrif bin Washil daripada Muhrib bin Ditsar daripada Ibn Umar secara marfu'.

Ia turut diriwayatkan oleh Ahmad bin Yunus, Waki' bin al-Jarrah dan Yahya bin Bukair daripada Mu'arrif daripada Muarib secara mursal. Jumlah periwayat di sini lebih ramai dan oleh kerananya, hadith ini mursal. Antara ulama yang menilainya mursal adalah al-Daruquthni, al-Baihaqi, al-Khatthabi dan al-Munziri.

Fiqh Hadith

Tidak boleh tergesa-gesa dalam menjatuhkan talak hingga benar-benar yakin tidak ada lagi jalan keluar yang terbaik selain talak itu.

Ulama fiqh berkata: "Perceraian sangat dibenci adalah perceraian yang terjadi tanpa apa-apa sebab, sementara kehidupan rumah tangga tetap harmoni dan ceria."

٣٠٠- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ طَلَّقَ امْرَأَتَهُ - وَهِيَ حَائِضٌ - فِي عَهْدِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَسَأَلَ عُمَرُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ذَلِكَ؟ فَقَالَ: "مُرْهُ فَلْيُرَاجِعْهَا، ثُمَّ لْيُمْسِكْهَا حَتَّى تَطْهُرَ، ثُمَّ تَحِيضَ، ثُمَّ تَطْهُرَ، ثُمَّ إِنْ شَاءَ أَمْسَكَ بَعْدُ، وَإِنْ شَاءَ طَلَّقَ قَبْلَ أَنْ يَمَسَّ، فَتِلْكَ الْعِدَّةُ الَّتِي أَمَرَ اللهُ أَنْ تُطَلَّقَ لَهَا النِّسَاءُ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

300- Daripada Ibn 'Umar (r.a) bahawa beliau pernah menceraikan isterinya ketika haid semasa Rasulullah (s.a.w), kemudian 'Umar menanyakan hal ini kepada Rasulullah (s.a.w), lalu baginda bersabda: "Perintahkan dia rujuk semula kepadanya (isterinya), kemudian tunggulah sampai dia suci, kemudian berhaid kemudian suci lagi. Setelah itu terserah dia sama ada tetap menjadikannya sebagai isteri atau mentalak sebelum disetubuhi. Itulah iddah talak yang diperintahkan oleh Allah (s.w.t)." (Muttafaq 'alaih: 1100).

٣٠١- وَفِي رِوَايَةٍ لِمُسْلِمٍ: "مُرْهُ فَلْيُرَاجِعْهَا، ثُمَّ لْيُطَلِّقْهَا طَاهِرًا أَوْ حَامِلًا.

301- Dalam riwayat Muslim disebutkan: ".... Perintahkan dia untuk merujuk semula isterinya, kemudian hendaklah menceraikannya pada waktu suci ataupun hamil." (1101).

٣٠٢- وَفِي رِوَايَةٍ أُخْرَى لِلْبُخَارِيِّ: "وَحُسِبَتْ عَلَيْهِ تَطْلِيقَةً".

302- Dalam riwayat al-Bukhari yang lain disebutkan: ".... dan dihitung sekali talak." (1102).

٣٠٣- وَفِي رِوَايَةٍ لِمُسْلِمٍ: قَالَ ابْنُ عُمَرَ: أَمَّا أَنْتَ طَلَّقْتَهَا وَاحِدَةً أَوْ اِثْنَتَيْنِ، فَإِنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَنِي أَنْ أُرَاجِعَهَا ثُمَّ أُمْسِكَهَا حَتَّى تَحِيضَ حَيْضَةً أُخْرَى، ثُمَّ أُمْهِلَهَا حَتَّى تَطْهُرَ، ثُمَّ أُطَلِّقُهَا قَبْلَ أَنْ أَمَسَّهَا، وَأَمَّا أَنْتَ طَلَّقْتَهَا ثَلَاثًا، فَقَدْ عَصَيْتَ رَبَّكَ فِيمَا أَمَرَكَ مِنْ طَلَاقِ اِمْرَأَتِكَ.

303- Dalam riwayat Muslim disebutkan: "Ibn Umar berkata: "Kamu telah menceraiknnya satu kali talak atau dua kali talak, sebab Rasulullah (s.a.w) telah menyuruhku untuk rujuk semula kepadanya, kemudian aku bersabar menahannya sehinggalah datang bulan sekali lagi. Lalu aku sabar lagi hingga suci, lantas aku menceraikannya sebelum aku menyetubuhinya. Sementara apabila kamu menceraikannya dengan talak tiga, maka kamu benar-benar telah berbuat derhaka kepada Tuhanmu yang telah memberikan perintah kepadamu tentang tata cara mencerai isterimu." (1103).

٣٠٤- وَفِي رِوَايَةٍ أُخْرَى: قَالَ عَبْدُ اللهِ بْنُ عُمَرَ: فَرَدَّهَا عَلَيَّ، وَلَمْ يَرَهَا شَيْئًا، وَقَالَ: "إِذَا طَهُرَتْ فَلْيُطَلِّقْ أَوْ لِيُمْسِكْ".

304- Dalam riwayat yang lain pula disebutkan : "... Abdullah bin Umar berkata: "Lalu baginda mengembalikan isteri itu kepadaku dan menganggganya tidak berlaku apa-apa." Baginda bersabda: Jika dia sudah uci, maka bolehlah kamu menceraikannya atau tetap menjadikannya sebagai isterimu." (1104).

Makna Hadith

Ibn Hajar mengemukakan hadith ini bagi menjelaskan maksud talak sunni dan talak bid'i. Talak sunni adalah seorang lelaki menceraikan isterinya pada waktu suci dan tidak disetubuhi selama waktu suci itu, manakala talak bid'i pula adalah talak yang dijatuhkan oleh seorang lelaki semasa isterinya dalam keadaan haid. Itulah sebabnya al-Bukhari membahas permasalahan talak sunni pada permulaan bab talak, kemudian pada bab kedua beliau berkata: "Bab: jika seorang perempuan yang sedang berhaid dijatuhkan talak ke atasnya, maka dia mesti beriddah." Ibn Hajar di sini mengemukakan tiga hadith yang kesemuanya menyatakan talak Ibn Umar pada waktu isterinya sedang haid tetap sah.

Analisis Lafaz

"مُرْهُ", huruf *hamzah* pada kalimat ini dibuang bagi meringankan sebutan.

"يَمَسَّ", menyetubuhi.

"حُسِبَتْ", dihitung dan dikira.

"وَفِي رِوَايَةٍ لِمُسْلِمٍ: قَالَ ابْنُ عُمَرَ", maksudnya ketika seseorang bertanya kepadanya.

"قَبْلَ أَنْ أَمَسَّهَا", sebelum aku menyetubuhinya.

"وَلَمْ يَرَهَا شَيْئًا", tidak melihat adanya ketentuan hukum ke atasnya.

Fiqh Hadith

1. Seorang lelaki wajib merujuk isterinya yang ditalak ketika sedang haid, pendapat ini menurut Imam Malik, Imam Ahmad dalam satu riwayat, mazhab Hanafi mengikut pendapat yang paling sahih dan Dawud al-Zahiri. Menurut jumhur ulama, rujuk dalam keadaan ini adalah sunat, bukannya wajib.
2. Barang siapa yang menceraikan isterinya semasa haid, maka talak tidak jatuh melainkan pada waktu suci yang kedua kalinya, bukan suci yang pertama. Antara ulama yang mengharamkan untuk menjatuhkan talak pada waktu suci yang pertama adalah Imam Malik dan mazhab Syafi'i mengikut pendapat yang paling sahih. Menurut mazhab Hanafi pula menunggu sampai masa suci yang kedua adalah disunatkan. Sebab mereka berbeza pendapat dalam masalah ini adalah teks hadith yang dikemukakan Ibn Hajar di sini.
3. Jika seorang lelaki menjatuhkan talak setelah bersetubuh dengan isterinya pada waktu suci, maka inilah yang disebut talak bid'i yang diharamkan, pendapat ini menurut jumhur ulama. Sebahagian ulama mazhab Maliki berpendapat bahawa jika dia menjatuhkan talak setelah bersetubuh dengan isterinya, maka dia wajib dipaksa untuk merujuknya semula, sama halnya apabila dia menjatuhkan talak ketika isterinya sedang haid. Ulama berbeza pendapat mengenai makna suci di sini sama ada ia bermaksud berhentinya darah haid atau setelah perempuan sudah mandi wajib setelah haid. Imam Ahmad dalam masalah ini memiliki dua riwayat pendapat dan pendapat yang kuat adalah suci dikira setelah perempuan itu mandi wajib setelah haid dan berdasarkan riwayat al-Nasa'i yang secara tegas ada menyebutkan mandi di dalamnya.
4. Menjatuhkan talak pada waktu isteri hamil adalah talak sunni dan tetap dianggap sah, pendapat ini menurut jumhur ulama.
5. Talak yang dijatuhkan ketika isteri sedang haid tetap dihitung dan dikira talak seperti mana yang dinyatakan dalam hadith: "dan

dihitung sekali talak", pendapat ini menurut jumhur ulama. Dalil mereka adalah sabda Rasulullah (s.a.w): "Perintahkan dia rujuk semula kepadanya (isterinya)" dan perkataan "rujuk" terjadi apabila talak telah dianggap dijatuhkan.

Ibn Taimiyah, Ibn al-Qayyim dan Ibn Hazm berpendapat talak tidak dianggap jatuh dan dalil mereka adalah hadith yang lain: "Lalu baginda mengembalikan isteri itu kepadaku dan menganggaNya tidak berlaku apa-apa." Meskipun riwayat hadith ini ada di dalam Sahih Muslim, namun ia masih diperdebatkan dan al-Bukhari telah menilai hadith ini *ma'lul* (cacat).

Ibn Abdul Barr berkata: "Riwayat Muslim Muslim merupakan perkataan Abu al-Zubair dan ia tidak boleh dijadikan hujah terlebih-lebih lebih bercanggah dengan hadith yang lebih sahih daripadanya. Jika memang hadith ini sahih, maka maksudnya: "Dan baginda melihat tindakan (Ibn Umar) itu sebagai tidak betul, kerana tidak selari dengan Sunnah."

Pernyataan serupa turut dikemukakan al-Khatthabi di mana beliau berkata: "Satu-satunya hadith Abu al-Zubair yang paling munkar adalah riwayat hadith ini." Imam al-Syafi'i setelah menyebut riwayat Abu al-Zubair ini berkata: "Nafi' lebih diutamakan ke atas Abu al-Zubair, terlebih-lebih lagi ketika terjadi perbezaan riwayat di antara keduanya. Riwayat Nafi' selalunya menepati kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh ulama hadith. PerkataanAbu al-Zubair "dan menganggapnya tidak berlaku apa-apa" maksudnya perbuatan itu dianggap tidak betul, sebaliknya Ibn Umar diperintahkan untuk merubah tindakannya dengan cara segera merujuk semula isterinya." Inilah tafsiran yang betul.

٣٠٥- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ الطَّلَاقُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَأَبِي بَكْرٍ وَسَنَتَيْنِ مِنْ خِلَافَةِ عُمَرَ، طَلَاقُ الثَّلَاثِ وَاحِدَةٌ، فَقَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ: إِنَّ النَّاسَ قَدِ اسْتَعْجَلُوا فِي أَمْرٍ كَانَتْ لَهُمْ فِيهِ أَنَاةٌ، فَلَوْ أَمْضَيْنَاهُ عَلَيْهِمْ؟ فَأَمْضَاهُ عَلَيْهِمْ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

305- Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Pada zaman Rasulullah (s.a.w), Abu Bakar dan dua tahun masa pemerintahan 'Umar, menjatuhkan tiga kali talak dalam satu ucapaan tetap dikira satu talak. 'Umar kemudian berkata: "Sesungguhnya umat manusia terburu-buru dalam masalah yang semestinya mereka boleh bersabar. Jika kita menjatuhkan tiga talak bagi seseorang yang melafazkannya dalam satu ucapan, tentu itu lebih baik. Beliau kemudian menerapkan undang-undang ini." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1105)

٣٠٦- وَعَنْ مَحْمُودِ بْنِ لَبِيدٍ قَالَ: أُخْبِرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ رَجُلٍ طَلَّقَ امْرَأَتَهُ ثَلَاثَ تَطْلِيقَاتٍ جَمِيعًا، فَقَامَ غَضْبَانَ ثُمَّ قَالَ: "أَيُلْعَبُ بِكِتَابِ اللهِ تَعَالَى وَأَنَا بَيْنَ أَظْهُرِكُمْ". حَتَّى قَامَ رَجُلٌ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَلَا أَقْتُلُهُ؟ رَوَاهُ النَّسَائِيُّ وَرُوَاتُهُ مُوَثَّقُونَ.

306- Daripada Mahmud bin Labid (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) diberitahu tentang seorang lelaki yang menceraikan isterinya dengan tiga talak secara sekali gus. Baginda pun berdiri dalam keadaan marah lalu bersabda: "Adakah berhasrat untuk mempermainkan Kitab Allah sedangkan aku masih hidup di tengah-tengah kalian?" Hingga ada seseorang yang berdiri dan berkata: "Wahai Rasulullah, bagaimana kalau aku bunuh sahaja orang itu?" (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i dan periwayatnya thiqoh: 1106).

٣٠٧- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: طَلَّقَ أَبُو رُكَانَةَ أُمَّ رُكَانَةَ، فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "رَاجِعِ امْرَأَتَكَ"، فَقَالَ: إِنِّي طَلَّقْتُهَا ثَلَاثًا، قَالَ: "قَدْ عَلِمْتُ، رَاجِعْهَا". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ.

307- Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Abu Rukanah telah menceraikan Ummu Rukanah. Rasulullah (s.a.w) lalu bersabda kepadanya: "Rujuklah semula isterimu itu." Dia pun menjawab: "Sesungguhnya saya telah mencerainya dengan talak tiga." Baginda bersabda: "Aku sudah tahu itu, rujuklah kamu kepadanya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud: 1107).

٣٠٨- وَفِي لَفْظٍ لِأَحْمَدَ: طَلَّقَ أَبُو رُكَانَةَ امْرَأَتَهُ فِي مَجْلِسٍ وَاحِدٍ ثَلَاثًا، فَحَزِنَ عَلَيْهَا، فَقَالَ لَهُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: فَإِنَّهَا وَاحِدَةٌ. وَفِي سَنَدِهَا ابْنُ إِسْحَاقَ، وَفِيهِ مَقَالٌ.

308- Dalam lafaz hadith riwayat Imam Ahmad disebutkan bahawa Abu Rukanah telah menceraikan isterinya sebanyak tigakali dalam satu majlis. Dia pun menyesal di atas perbuatannya dan merasa kasihan kepadanya. Melihatkan itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada Abu Rukanah: "Sesungguhnya itu hanya jatuh talak satu." (Di dalam sanadnya terdapat Ibn Ishaq dan ia masih diperdebatkan oleh ulama: 1108).

٣٠٩- وَقَدْ رَوَى أَبُو دَاوُدَ مِنْ وَجْهٍ آخَرَ أَحْسَنَ مِنْهُ أَنَّ رُكَانَةَ طَلَّقَ اِمْرَأَتَهُ سُهَيْمَةَ الْبَتَّةَ، فَقَالَ: وَاللهِ مَا أَرَدْتُ بِهَا إِلَّا وَاحِدَةً، فَرَدَّهَا إِلَيْهِ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

309- Daripada jalur yang lain Abu Dawud meriwayatkan hadith yang lebih baik daripada hadith sebelumnya bahawa Rukanah telah menceraikan isterinya bernama Suhaimah dengan talak ba'in. Dia kemudian berkata: "Demi Allah, saya sebenarnya hanya ingin menjatuhkan talak satu," Rasulullah (s.a.w) kemudian menyuruhnya kembali kepadanya. (1109).

Makna Hadith

Di sini Ibn Hajar mengemukakan tiga hadith secara berurutan yang menceritakan tentang hukum orang yang menjatuhkan talak tiga secara sekali gus dalam satu majlis. Apakah talak itu menjadikan isterinya tidak halal lagi bagi suaminya kecuali setelah berkahwin dengan orang lain atau jatuh satu kali talak ba'in?

Hadith-hadith ini menegaskan bahawa talak tiga yang diucapkan dalam satu majlis tetap jatuh talak satu, kecuali hadith Mahmud bin Labid yang masih mengandungi beberapa tafsiran. Masalah ini akan dibahas berikutnya, demikian pula fatwa Umar dan riwayat Abu Dawud daripada Ibn Abbas tentang perceraian Rukanah.

Analisis Lafaz

"أَنَاةٌ", tempoh untuk berfikir dan bertenang.

"أَمْضَيْنَاهُ عَلَيْهِمْ", kami tetapkan sesuai dengan apa yang mereka inginkan.

"بَيْنَ أَظْهُرِكُمْ", masih hidup di tengah-tengah kamu.

"وَرُوَاتُهُ مُوَثَّقُونَ", Ibn Hajar mengatalan demikian dalam kitab Fath al-Bari dan menambahkan: "Mahmud bin Labid lahir pada zaman Rasulullah (s.a.w), tetapi beliau belum pernah mendengar hadith secara terus daripada Rasulullah (s.a.w), meskipun ada sebahagian ulama mengkategorikannya sebagai sahabat kerana beliau pernah melihat Rasulullah (s.a.w). Imam Ahmad telah menyebut biografinya dalam kitab al-Musnad dan mengeluarkan beberapa hadith Mahmud bin Labid namun tidak dinyatakan beliau pernah mendengarnya secara terus daripada Rasulullah (s.a.w)." Al-Nasa'i berkata: "Aku tidak dapat mengenal pasti ada orang yang meriwayatkan hadith daripadanya selain Makhramah bin Bukair, iaitu Ibn al-Asyajj daripada ayahnya."

Ibn Hajar berkata: "Riwayat Makhramah daripada ayahnya ada di dalam Sahih Muslim dan disebutkan dalam beberapa hadith. Ada yang mengatakan beliau belum pernah mendengar secara terus daripada ayahnya."

Dalam sanad kedua-dua riwayat ini terdapat Ibn Ishaq yang masih dipertikai kedudukannya seperti mana yang dinyatakan oleh Ibn Hajar. Ibn Ishaq tidak terdapat dalam sanad Ibn Dawud seperti mana yang ditegaskan Ibn Hajar ketika menyebutkan jalur Ibn Ishaq ini dalam kitab Fath al-Bari, sebaliknya beliau menisbahkannya kepada Imam Ahmad dan Abu Ya'la, bukannya kepada Abu Dawud.

Abu Dawud meriwayatkan hadith daripada Ahmad bin Shalih, telah memberitahukan kepada kami oleh Abdul Razzaq, telah memberitahukan kepada kami oleh Ibn Juraij, telah memberitakan kepadaku oleh sebahagian bani Abu Rafi' mawla Rasulullah (s.a.w) daripada 'Ikrimah mawla Ibn Abbas daripada Ibn Abbas, beliau berkata: ....

Dalam sanad ini terdapat periwayat yang majhul dan oleh kerananya, ia dinilai daif oleh Imam Ahmad.

Ibn Ishaq dijadikan hujah dalam beberapa hadith, tetapi statusnya masih dipertikai. Apapun, jumhur ulama masih menerima hadithnya apabila secara terang-terangan beliau menggunakan "حدثنا" dan inilah yang ditegaskan oleh Imam Ahmad.

Ada perbezaan lafaz dalam hadith ini; ada ketikanya "طلقها ثلاثا"; ada ketikanya "واحدة" dan ada ketikanya "البتة". Oleh itu, al-Bukhari berkata: "Hadith ini mudhtharib." Inilah sanggahan paling keras ke atas hadith ini. Ia turut dinilai dh'if oleh Ibn Hazm dan Abu 'Ubaid. Dengan mengemukakan ketiga-tiga lafaz hadith di atas, Ibn Hajar di sini sesolah-solah ingin mengisyaratkan kepada kecacatan hadith ini.

Fiqh Hadith

Barang siapa yang menceraikan isterinya sebanyak tiga kali lafaz talak secara sekali gus dalam satu ucapan, maka jatuhlah talak satu dan orang yang menjatuhkannya sebagai talak tiga adalah 'Umar bin al-Khatthab. Di akhir riwayat Rukanah disebutkan bahawa ketetapan Umar bin al-Khatthab ini pada hakikatnya berlandaskan amalan Rasulullah (s.a.w). Ulama berbeza pendapat dalam masalah ini kepada empat kumpulan iaitu:

Pertama, talak tiga dengan satu kali ucapan menjadikannya jatuh talak tiga, seperti seseorang berkata: "Kamu kutalak dengan talak tiga" atau mengucapkan lafaz talak sebanyak tiga kali dalam satu majlis. Inilah pendpat Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad. Ia merupakan pendapat jumhur ulama salaf dan khalaf, 'Umar Ibn 'Abbas, Aisyah dan lain-lain.

Dalil mereka adalah hadith Rukkanah dengan lafaz terakhir yang disebutkan oleh Ibn Hajar di mana Rukanah menceraikan isterinya tiga kali

talak dalam satu majlis, lalu dia memberitahukan hal ini kepada Rasulullah (s.a.w). Rukanah berkata: "Demi Allah, aku hanya ingin menjatuhkan talak satu." Jadi, beliau hanya ingin menjatuhkan talak satu dengan perkataannya itu. Ini membuktikan jika dia menginginkan lebih daripada talak satu, maka talak tersebut pasti jatuh sesuai dengan keinginannya.

Mereka turut mengemukakan dalil dengan hadith yang diriwayatkan daripada Aisyah bahawa seorang lelaki menceraikan isterinya dengan mengucapkan talak tiga, kemudian bekas isterinya berkahwin lagi dengan lelaki lain dan kemudian dia dicerai oleh suaminya yang kedua. Ada seseorang yang bertanya kepada Rasulullah (s.a.w): "Adakah perempuan itu sudah halal berkahwin semula dengan suaminya yang pertama?" Baginda menjawab: "Tidak, sehinggalah perempuan itu bersetubuh dengan suaminya yang kedua itu.

Mereka turut mengemukakan dalil dengan keputusan Umar dan sahabat-sahabat yang lain dalam masalah ini. Di samping itu, mereka turut mengemukakan dalil-dalil yang lain, tetapi kesemuanya masih memuatkan tafsiran yang lain kecuali hadith Rukanah ini. Anda tentu masih ingin ulama yang menilai hadith ini sebagai cacat dan faktor-faktor yang menyebabkannya cacat.

Kedua, seseorang yang menjatuhkan talak tiga dalam satu kali ucapan atau dalam satu majlis tanpa dengan rujuk atau perkahwinan, maka jatuhlah talak satu. Inilah pendapat sekumpulan sahabat antara lain Abu Musa al-Asy'ari, Ibn Abbas, Ibn Mas'ud, 'Ali, Ibn 'Auf dan al-Zubair bin al-'Awwam. Ia turut dikemukakan oleh tabi'in seperti Thawus, Atha', kebanyakan pengikut Ibn 'Abbas, Muhammad bin Ishaq dan ramai lagi. Ia turut dikemukakan oleh sekumpulan ulama seperti Dawud al-Zahiri dan murid-muridnya, sebahagian murid Abu Hanifah, sebahagian ulama mazhab Hanbali dan mazhab Maliki. Ini merupakan pendapat pilihan Ibn Taimiyah dan muridnya Ibn al-Qayyim.

Dalil mereka adalah hadith dalam Sahih Muslim yang merupakan hadith pertama yang disebut Ibn Hajar dalam kitab ini di mana Abu al-Shahba' berkata kepada Ibn 'Abbas: "Apakah kamu tidak tahu bahawa pada zaman Rasulullah (s.a.w) dan Abu Bakar hingga pertengahan pemerintahan Khalifah Umar talak tiga dalam satu lafaz atau dalam satu majlis menjadi talak satu? Ibn Abbas menjawab: "Ya, saya tahu itu."

Dalam lafaz yang lain disebutkan: "Talak tiga yang diucapkan dalam satu lafaz atau dalam satu majlis menjadi satu talak?" Ibn Abbas menjwab: "Ya, benar!" Nas hadith ini sangat jelas dan tidak perlu lagi untuk ditakwilkan.

Mereka turut mengemukakan dalil bahawa menjatuhkan talak tiga secara sekali gus adalah perbuatan bid'ah yang bercanggah dengan prinsip syari'at dan Rasulullah (s.a.w) bersabda:

مَنْ عَمِلَ عَمَلًا لَيْسَ عَلَيْهِ أَمْرُنَا فَهُوَ رَدٌّ.

"Barang siapa yang melakukan satu amalan yang tidak termasuk dalam Sunnah kami, maka ia mesti ditolak." Menjatuhkan talak dalam satu kali ucapan adalah bid'ah yang menyalahi kaedah syari'at dan oleh itu, talak seperti ini mesti ditolak.

Golongan ini menyanggah dalil jumhur ulama bahawa hadith Rukanah mudhtharib sedangkan hadith Aisyah masih mengandungi banyak tafsiran. Suatu dalil jika memiliki banyak tafsiran tidak dapat dijadikan sebagai hujah.

Mereka turut menyanggah dalil yang berlandaskan amalan sahabat kerana jumlah sahabat lebih seratus ribu orang, di mana zaman Rasulullah (s.a.w), zaman Abu Bakar hingga pertengahan pemerintahan Umar talak tiga dalam satu kali ucapan jatuh talak satu. Jadi jumhur sahabat yang meninggal dunia sebelum permulaan pemerintah Umar sependapat dengan pendapat kami. Oleh itu, berdalil dengan amalan sahabat menjadi batal dengan adanya amalan sahabat sebelum masa pemerintahan Abu Bakar al-Shiddiq.

Ketiga, talak tiga dalam satu lafaz atau dalam satu majlis tidak jatuh talak, kerana ini perbuatan bid'ah. Dalil kumpulan ini adalah hadith Aisyah sebelum ini: "Barang siapa yang melakukan satu amalan yang tidak termasuk dalam Sunnah kami, maka ia mesti ditolak." Namun dalil ini bertentangan dengan hadith-hadith sahih yang menyatakan jatuhnya talak.

Keempat, pendapat ini membezakan antara wanita yang pernah disetubuhi dengan wanita yang belum disetubuhi. Jika wanita itu sudah disetubuhi, maka jatuhlah talak tiga, namun jika belum disetubuhi, maka jatuhlah talak satu. Pendapat ini dinukil daripada sekumpulan sahabat termasuklah Ibn Abbas dan Ibn Rahawaih.

Dalil mereka adalah hadith dalam Sunan Abu Dawud bahawa:

أَمَا عَلِمْتَ أَنَّ الرَّجُلَ كَانَ إِذَا طَلَّقَ امْرَأَتَهُ ثَلَاثًا قَبْلَ أَنْ يَدْخُلَ بِهَا جَعَلُوهَا وَاحِدَةً عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

"Apakah kamu tahu bahawa pada zaman Rasulullah (s.a.w), jika seorang suami menjatuhkan talak tiga secara sekali gus sebelum menyetubuhi isterinya, mereka menjadikannya talak satu."

Ada dua faktor yang menyebabkan dalil ini lemah, iaitu; pertama, dalil ini tidak menafikan pendapat golongan yang kedua, malah pendapat ini sama dengan pendapat mereka, sementara perincian pendapat keempat tidak jelas dalam menyampaikan hadith ini; kedua, hadith dengan lafaz ini daif, kerana ia diriwayatkan oleh Ayyub daripada beberapa periwayat yang

majahil daripada Thawus.

٣١٠- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "ثَلَاثٌ جِدُّهنَّ جِدٌّ وَهَزْلُهُنَّ جِدٌّ: النِّكَاحُ وَالطَّلَاقُ وَالرَّجْعَةُ". رَوَاهُ الْأَرْبَعَةُ إِلَّا النَّسَائِيَّ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

310- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Ada tiga perkara yang jika dikatakan dengan sungguh-sungguh tetap menjadi sah dan jika dikatakan secara senda gurau tetap menjadi sah pula, iaitu; kahwin, talak dan rujuk." (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah kecuali al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh al-Hakim: 1110).

٣١١- وَفِي رِوَايَةٍ لِابْنِ عَدِيٍّ مِنْ وَجْهٍ آخَرَ ضَعِيفٍ: "الطَّلَاقُ وَالْعِتَاقُ وَالنِّكَاحُ".

311- Dalam riwayat Ibn 'Adi menerusi jalur yang lain namun daif disebutkan: "... iaitu talak, memerdekakan hamba dan kahwin." (1111).

٣١٢- وَلِلْحَارِثِ ابْنِ أَبِي أُسَامَةَ مِنْ حَدِيثِ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَفَعَهُ: "لَا يَجُوزُ اللَّعِبُ فِي ثَلَاثٍ: الطَّلَاقُ وَالنِّكَاحُ وَالْعِتَاقُ، فَمَنْ قَالَهُنَّ فَقَدْ وَجَبْنَ". وَسَنَدُهُ ضَعِيفٌ.

312- Dalam riwayat al-Harits bin Abu Usamah daripada hadith 'Ubadah bin al-Shamit, hadith marfu' bahawa: "Ada tiga perkara yang tidak boleh dipermainkan; talak, kahwin dan memerdekakan hamba. Jadi, barang siapa mengucapkannya maka wajib melaksanakannya." (Sanadnya daif: 1112).

Makna Hadith

Tidak dapat dimungkiri bahawa wanita merupakan salah satu kenikmatan dunia yang paling dahysat. Dalam kaitan ini Allah (s.w.t) berfirman:

صِرَٰطَ ٱلَّذِينَ أَنۡعَمۡتَ عَلَيۡهِمۡ غَيۡرِ ٱلۡمَغۡضُوبِ عَلَيۡهِمۡ وَلَا ٱلضَّآلِّينَ ﴿٧﴾

"*Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.*" (Surah al-Fatihah: 7)

Di sini Allah mendahulukan wanita berbanding perhiasan dunia yang lain sekali gus menunjukkan ia merupakan perhiasan yang paling

mempengaruhi kehidupan manusia.

Kesesatan dan bencana yang dialami oleh penduduk dunia adalah disebabkan oleh syahwat dan syubhat, dan bencana terbesar adalah syahwat. Itulah sebabnya Allah mengajarkan kita bacaan supaya selamat dari kedua-dua penyebab petaka ini setiap kali mengerjakan solat. Di akhir surah al-Fatihah, kita sering membaca:

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ مِنَ ٱلنِّسَآءِ وَٱلۡبَنِينَ وَٱلۡقَنَٰطِيرِ ٱلۡمُقَنطَرَةِ مِنَ ٱلذَّهَبِ وَٱلۡفِضَّةِ وَٱلۡخَيۡلِ ٱلۡمُسَوَّمَةِ وَٱلۡأَنۡعَٰمِ وَٱلۡحَرۡثِۗ ذَٰلِكَ مَتَٰعُ ٱلۡحَيَوٰةِ ٱلدُّنۡيَاۖ وَٱللَّهُ عِندَهُۥ حُسۡنُ ٱلۡمَـَٔابِ ﴿١٤﴾

"Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu syurga)." (Surah Ali 'Imran: 14)

Jika ini disedari, kita tahu bahawa seseorang sering kali melanggar hukum Allah dengan menjatuhkan talak kepada isterinya kerana menganggapnya sebagai permainan. Di sini Allah mengingatkan untuk tidak mempermainkan pernikahan supaya umat manusia sesat dan bergelimang dalam dosa.

Analisis Lafaz

"الرَّجْعَةُ", dengan membaca *kasrah* huruf *ra'* atau membacanya *fathah*, iaitu seorang suami yang kembali merujuk isteri yang telah ditalaknya.

"لِابْنِ عَدِيٍّ مِنْ وَجْهٍ آخَرَ ضَعِيفٍ", Ibn 'Adi meriwayatkannya menerusi jalur lain yang daif, kerana ia diriwayatkan oleh Ghalib bin 'Ubaidillah al-Jazari daripada al-Hasan daripada Abu Hurairah. Ibn Mu'in menilai daif Ghalib sedangkan al-Hasan pula adalah *mudallas* yang meriwayatkan hadith secara *mu'an'an*.

"وَجَبْنَ", wajib, sehingga mereka mesti melakukannya.

"وَسَنَدُهُ ضَعِيفٌ", sanadnya daif karana dua faktor, iaitu; pertama, adanya Abdullah bin Lahi'ah, seorang periwayat yang daif menurut Ibn Hajar; kedua, riwayat putus antara 'Ubaidillah bin Abu Ja'far dengan 'Ubadah.

Tetapi hadith ini memiliki *syahid* dengan menyebut "memerdekakan hamba" yang diriwayatkan daripada Abu Dzar oleh Abdul Razzaq dalam kitab al-Mushannaf. Ada pula dua athar daripada 'Umar dan 'Ali yang turut

memperkuat hadith ini.

Jadi, menyebutkan "memerdekaan hamba" di sini menjadikannya hadith Hasan lantaran kewujudan *syahid-syahid* ini.

Fiqh Hadith

Kahwin, talak, rujuk dan memerdekakan hamba dianggap sah meskipun diucapkan dengan lafaz secara main-main, kerana perkataan tidak memerlukan niat. Inilah pendapat ulama mazhab Hanafi dan mazhab Syafi'i.

Menurut Imam Ahmad bin Hanbal dan sekumpulan ulama pula talak, rujuk, kahwin dan memerdekakan hamba tidak sah jika diucapkan dengan lafaz main-main. Dalilnya adalah hadith:

إِنَّمَا ٱلْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ.

"Sesungguhnya sahnya perbuatan itu bergantung kepada niat." Berhujah dengan hadith ini dapat disanggah kerana ia bersifat umum, sementara hadith dalam bab ini bersifat khusus. Dalil khusus mesti diutamakan ke atas dalil umum.

٣١٣- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِنَّ اللهَ تَجَاوَزَ عَنْ أُمَّتِي مَا حَدَّثَتْ بِهِ أَنْفُسَهَا مَا لَمْ تَعْمَلْ أَوْ تَكَلَّمْ." مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

313- Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Sesungguhnya Allah (s.w.t) memaafkan apa-apa yang tersirat di dalam hati ummatku selagi tidak dilakukan atau dibicarakan." (Muttafaq 'alaih: 1113).

Makna Hadith

Allah (s.w.t) mengutus syaitan untuk menggoda dan menanamkan dalam diri manusia. Tugas ini bagi bagi syaitan amatlah mudah. Ia memasuki diri manusia dari segala arah. Namun rahmat Allah sentiasa dikurniakan kepada umat manusia, di mana bisikan syaitan dan angan-angan jahat di dalam hati seseorang tidak diberi balasan, kerana Allah hanya memberi balasan terhadap perkataan atau perbuatan. Bisikan dan angan-angan di dalam diri manusia sememangnya tidak mampu mereka kawal dan itu luar kemapuannya. Allah (s.w.t) berfirman:

لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا ..... ﴿٢٨٦﴾

"*Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya….*" (Surah al-Baqarah: 286)

Analisis Lafaz

"تَجَاوَزَ", mengampuni dan memaafkan.

Fiqh Hadith

Talak tidak jatuh jika masih dalam bentuk bisikan di dalam hati selagi belum diucapkan, baik melalui perkataan mahupun sindiran, pendapat ini menurut jumhur ulama.

Menurut Ibn Sirin, al-Zuhari dan Imam Malik, jika seseorang berniat talak di dalam hatinya, maka jatuhlah talak. Pendapat ini disokong oleh Ibn al-'Arabi dengan mengatakan bahawa seseorang yang meyakini kekufuran di dalam hatinya dan terus kekal melakukan perbuatan maksiat maka dia berdosa.

٣١٤- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "إِنَّ اللهَ تَعَالَى وَضَعَ عَنْ أُمَّتِي الْخَطَأَ وَالنِّسْيَانَ وَمَا اسْتُكْرِهُوا عَلَيْهِ". رَوَاهُ ابْنُ مَاجَه وَالْحَاكِمُ، وَقَالَ أَبُو حَاتِمٍ: لَا يَثْبُتُ.

314- Daripada Ibn Abbas (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Sesungguhnya Allah telah memaafkan kesilapan, kelupaan dan apa-apa yang dilakukan oleh umatku dengan cara paksa." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan al-Hakim. Abu Hatim berkata: "Hadith ini tidak sahih: 1114).

Makna Hadith

Ibn Hajar mengemukakan hadith ini untuk memberitahu apa-apa yang dengannya seseorang tidak dicatat oleh malaikat dalam lembaran amalannya. Hadith ini membahas tentang tingkah laku yang tidak dicatat oleh malaikat sedangkan hadith sebelumnya membahas tentang geritik hati dan bisikan.

Analisis Lafaz

"وَضَعَ عَنْ أُمَّتِي الْخَطَأَ", dosa kesalahan yang tidak disedari oleh ummatku akan diampuni dan ini merupakan bukti bahawa kesalahan itu pasti ada.

"اسْتُكْرِهُوا", mereka melakukannya dalam keadaan dipaksa tanpa ada keinginan untuk melakukannya.

"وَقَالَ أَبُو حَاتِمٍ: لَا يَثْبُتُ", menurut Abu Hatim, hadith ini tidak sahih, kerana ia diriwayatkan menerusi jalur al-Walid bin Muslim, telah menceritakan

kepada kami oleh al-Auza'i daripada Atha' daripada Ibn Abbas sedangkan periwayatnya thiqoh. Al-Walid bin Muslim seorang *mudallas*. Hadithnya tidak dapat diterima melainkan jika dia mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh ulama hadith dan dia tidak melakukannya.

Atha' pula tidak pernah mendengar hadith secara terus daripada 'Ibn Abbas mengikut pendapat yang masyhur, terlebih-lebih lagi ada riwayat lain daripada Ayyub dan Bisyr bin Bakr, kata mereka berdua, telah menceritakan kepada kami oleh al-Auzai'i daripada Atha' daripada 'Ubaid bin 'Ufair daripada Ibn Abbas.

Di sini jelaslah bahawa al-Walid telah melakukan *tadlis*, sebab yang betul adanya tambahan 'Ubaid di dalam sanad hadith ini.

Sanad hadith ini dinilai oleh al-Nawawi dan Ibn Hajar. Ibn Hibban dan al-Hakim pula menilainya sebagai hasan. Kedua-dua ulama ini sering kali mengatakan sahih ke atas hadith yang sebenarnya adalah hasan.

Abu Hatim menegaskan hadith ini memiliki cacat dan berkata: "Al-Auza'i tidak pernah mendengar hadith ini daripada Atha', sebaliknya beliau mendengarnya daripada seorang lelaki yang tidak disebutkan namanya. Ada kemungkinan nama lelaki itu adalah Abdullah bin 'Amir atau Isma'il bin Muslim. Hadith ini tidak sahih."

Ada benarnya apa yang dikatakan Abu Hatim ini. Apapun, hadith ini memiliki jalur lain daripada Ibn Abbas, Abu Dzar, Tsauban, Ibn Umar, Abu Bakrah dan Ummu al-Darda'. Kesemua syahid ini meskipun mengndungi unsur daif seperti mana yang telah diulas oleh al-Zayla'i maka ia saling menguatkan antara satu sama lain, apatah lagi Muslim meriwayatkan dalam kitabnya al-Sahih daripada Ibn Abbas bahawa ketika ayat "...Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah..." (Surah al-Baqarah: 286), Allah pun berfirman: "Aku sudah memakbulkan doa mereka itu."

Fiqh Hadith

1. Tidak jatuh talak bagi orang yang mengucapkannya kerana tersalah, pendapat ini menurut jumhur ulama. Menurut mazhab Hanafi, talak tetap jatuh bagi orang yang tersalah mengucapkannya. Al-Khallal menukil daripada Imam Ahmad bahawa beliau berkata: "Barang siapa yang menganggap salah dan lupa tidak dibebani hukum taklif, maka dia telah menyalahi kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya. Ini kerana Allah tetap menjatuhkan denda dan hukuman ke atas orang yang tersalah dalam membunuh.
2. Tidak jatuh talak orang yang lupa, pendapat ini menurut sekumpulan seperti Atha', Ibn Dinar, al-Sya'bi dan Imam al-Syafi'i dalam satu riwayat. Menurut Qatadah, al-Auza'i, Imam Malik, Ummu Abu

Laila, al-Tsauri, mazhab Hanafi, Imam al-Syafi'i dalam satu riwayat dan Imam Ahmad, jatuh talak meskipun dalam keadaan lupa.

3. Tidak jatuh talak yang diucapkan lantaran adanya paksaan, pendapat ini diriwayatkan daripada 'Umar, 'Ali, Ibn 'Umar, Ibn 'Abbas, Syuraih, Atha', al-Hasan, al-Sya'bi, Imam Malik, al-Auza'i, Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad dan Ishaq. Mereka mengemukakan dalil dengan hadith ini dan firman Allah:

مَن كَفَرَ بِٱللَّهِ مِنۢ بَعۡدِ إِيمَٰنِهِۦٓ إِلَّا مَنۡ أُكۡرِهَ وَقَلۡبُهُۥ مُطۡمَئِنُّۢ بِٱلۡإِيمَٰنِ وَلَٰكِن مَّن شَرَحَ بِٱلۡكُفۡرِ صَدۡرٗا فَعَلَيۡهِمۡ غَضَبٞ مِّنَ ٱللَّهِ وَلَهُمۡ عَذَابٌ عَظِيمٞ ١٠٦

"*Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman; akan tetapi sesiapa yang terbuka hatinya menerima kufur maka atas mereka tertimpa kemurkaan dari Allah, dan mereka pula beroleh azab yang besar.*" (Surah al-Nahl: 106) Ketika kekufuran tidak diambil kira lantaran ada paksaan, maka demikian pula dengan perkara yang selainnya. Menurut al-Nakha'i, Qatadah dan mazhab Hanafi, jatuh talak meskipun dalam keadaan dipaksa. Apapun, pendapat yang lebih benar adalah pendapat jumhur ulama.

٣١٥- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: إِذَا حَرَّمَ امْرَأَتَهُ لَيْسَ بِشَيْءٍ. وَقَالَ: لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ . (الْأَحْزَاب: ٢١). رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

315- Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Jika seseorang mengharamkan isterinya, maka tiada apa-apa hukum berlaku ke atasnya. Allah (s.w.t) berfirman: "*Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik,...*" (Surah al-Ahzab: 21) (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1115).

٣١٦- وَلِمُسْلِمٍ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ: إِذَا حَرَّمَ الرَّجُلُ عَلَيْهِ امْرَأَتَهُ، فَهِيَ يَمِينٌ يُكَفِّرُهَا .

316- Dalam riwayat Muslim daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa jika seorang suami mengharamkan isterinya ke atas dirinya, maka itu dianggap sumpah yang mesti dibayar kifaratnya. (1116).

Makna Hadith

Kebiasan orang Arab sebelum kedatang Islam berkata kepada isterinya: "Engkau haram bagiku." Dia tidak mendekatinya dan tidak pula mentalaknya. Status wanita ini menjadi jelas sepanjang hidupnya; tidak gadis, tidak janda dan tidak pula perempuan yang berstatus isteri seseorang. Ini merupakan zalim ke atas kaum perempuan.

Peristiwa ini pernah berlaku ke atas Rasulullah (s.a.w) seperti mana yang diriwayatkan oleh al-Nasa'i dengan sanad yang sahih daripada Anas (s.a.w) bahawa baginda pernah memiliki seorang hamba perempuan dan keadaan ini mengundang kecemburuan Hafshah dan Aisyah. Allah (s.w.t) kemudian menurunkan firman-Nya:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ لِمَ تُحَرِّمُ مَآ أَحَلَّ ٱللَّهُ لَكَ ۖ تَبْتَغِى مَرْضَاتَ أَزْوَٰجِكَ ۚ وَٱللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١﴾

قَدْ فَرَضَ ٱللَّهُ لَكُمْ تَحِلَّةَ أَيْمَـٰنِكُمْ ۚ وَٱللَّهُ مَوْلَىٰكُمْ ۖ وَهُوَ ٱلْعَلِيمُ ٱلْحَكِيمُ ﴿٢﴾

"*Wahai Nabi! Mengapa engkau haramkan (dengan bersumpah menyekat dirimu daripada menikmati) apa yang dihalalkan oleh Allah bagimu, (kerana) engkau hendak mencari keredaan isteri-isterimu? (Dalam pada itu, Allah ampunkan kesilapanmu itu) dan Allah sememangnya Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. Sesungguhnya Allah telah menetapkan bagi kamu (wahai Nabi dan umatmu, untuk) melepaskan diri dari sumpah kamu (dengan membayar denda - kaffarah); dan Allah ialah Pelindung yang mentadbirkan keadaan kamu, dan Ia Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*" (Surah al-Tahrim: 1-2)

Al-Thabari turut meriwayatkan hadith yang semakna dengan hadith ini dengan sanad yang sahih daripada Zaid bin Aslam secara mursal, di mana di dalamnya disebutkan bahawa baginda bersumpah untuk tidak menyetubuhinya. Inilah sebab turunnya ayat tersebut di atas.

Kemudian Allah mewajibkan kifarat terhadap sumpah ini supaya dapat keluar daripada sumpah yang telah diucapkannya hingga dapat bebas daripada sebarang kesempitan kerana mengharamkan sesuatu yang telah dihalalkan oleh Allah.

Analisis Lafaz

"لَيْسَ بِشَيْءٍ", Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari berkata: "Hadith ini ada kemungkinan bermaksud menafikan jatuhnya talak dengan sumpah itu dan ada pula kemungkinan tafsiran yang lebih bersifat umum lagi. Apapun, tafsiran yang pertama lebih tepat di samping ada satu kenyataan yang mengatakan sesuatu yang diharamkan wajiblah dibayar kifaratnya. Menurut al-Isma'ili disebutkan jika seorang lelaki mengharamkan isterinya, maka perkataan ini sama seperti sumpah yang wajib dibayar kifaratnya.

Inilah lafaz kedua yang disebut oleh Ibn Hajar dan dinisbahkan kepada Muslim bagi menjelaskan maksud hadith yang sebelumnya di mana talak tidak jatuh jika seseorang mengharamkan isterinya ke atas dirinya. Inilah tafsiran yang betul.

Menurut sekumplan ulama, Ibn Abbas dalam masalah ini mempunyai dua pendapat, iaitu; pertama: wajib membayar kifarat; kedua, tidak ada apa-apa kewajipan ke atasnya. Allah (s.w.t) berfirman:

لَّقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ ٱللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا۟ ٱللَّهَ وَٱلْيَوْمَ ٱلْءَاخِرَ وَذَكَرَ ٱللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

"*Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).*" (Surah al-Ahzab: 21). Apa yang dimaksudkan dengan ayat ini menerangkan sebab turunnya ayat bagi orang yang mengharamkan isterinya dan kewajipan kifarat.[25] Inilah ketetapan yang mesti dipatuhi oleh umat Nabi Muhammad di mana mereka dituntut untuk sentiasa menjadikan baginda sebagai contoh ikutan. Perkataan Ibn Abbas di sini menjelaskan sebab turunnya ayat 21 surah al-Ahzab ini. Adalah salah tafisran sesetengah pihak yang mengatakan bahawa perkataan "لَيْسَ بِشَيْءٍ" bermaksud tidak ada talak dan tidak kifarat, kerana dalam kisah ini ada disebutkan tentang kifarat.

Fiqh Hadith

Mengharamkan isteri tidaklah jatuh talak, tetapi bagi seseorang itu wajib membayar kifarat sumpah. Ulama berbeza pendapat dalam masalah ini hingga tiga belas pendapat. Apapun, ia dapat diringkaskan menjadi empat pendapat, iaitu:

Pertama, perkataan mengharamkan isteri dianggap sebagai sumpah yang wajib dibayar dengan kifarat. Pendapat ini diriwayatkan daripada Abu Bakar, 'Umar, Ibn Mas'ud dan Aisyah. Ia merupakan pendapat Imam Abu Hanifah, Imam Malik, al-Syafi'i dan al-Auza'i. Dalilnya adalah sebab turunnya ayat 21 surah al-Ahab seperti mana yang dikatakan oleh Ibn Abbas di mana beliau ada menyebutkan kifarat.

---

[25] Ada pula yang mengatakan bahawa kifarat dalam ayat ini untuk kifarat sumpah bukan kifarat bagi orang yang mengharamkan isterinya.

Kedua, perkataan ini bergangung kepada niat orang yang mengucapkannya sama ada dia berniat talak, zihar ataupun sumpah. Inilah pendapat Imam Abu Hanifah dalam satu riwayat, Imam Ahmad dan pendapat ini merupakan pilihan sekumpulan ulama mazhab Hanbali, sekumpulan ulama mazhab Syafi'i. Dalilnya adalah setiap perbuatan bergantung kepada niat.

Ketiga, perkataan ini adalah zihar dan wajib membayar kifarat zihar. Inilah pendapat yang masyhur Imam Ahmad, Ishaq dan sekumpulan tabi'iin. Mereka menjadikannya sama dengan zihar kerana pada hakikatnya perkataan mengharamkan isteri sama dengan zihar dan hukum zihar telah ditetapkan di dalam al-Qur'an.

Keempat, perkataan ini dianggap sia-sia. Inilah sekumpulan salaf dan mazhab Zahiri. Mereka berdalil dengan firman Allah (s.w.t):

وَلَا تَقُولُوا۟ لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ ٱلْكَذِبَ هَـٰذَا حَلَـٰلٌ وَهَـٰذَا حَرَامٌ لِّتَفْتَرُوا۟ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ ۚ إِنَّ ٱلَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى ٱللَّهِ ٱلْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ ﴿١١٦﴾

"*Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu: "Ini halal dan ini haram", untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah; sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya.*" (Surah al-Nahl: 116)

Setiap mazhab mengemukakan dalil dan hujah bagi menyokong pendapatnya. Setelah saya amati ternyata pendapat yang pertama lebih mendekati kebenaran. *Wallahu a'lam*.

٣١٧- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ ابْنَةَ الْجَوْنِ لَمَّا أُدْخِلَتْ عَلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَدَنَا مِنْهَا. قَالَتْ: أَعُوذُ بِاللهِ مِنْكَ، قَالَ: "لَقَدْ عُذْتِ بِعَظِيمٍ، اِلْحَقِي بِأَهْلِكِ". رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ.

317- Daripada Aisyah (r.a) bahawa ketika anak perempuan al-Jaun dimasukkan ke dalam bilik Rasulullah (s.a.w) (bilik pengantin) dan baginda pun menghampirinya, dia malah berkata: "Aku berlindung dengan Allah daripadamu." Mendengar itu, baginda bersabda: "Engkau benar-benar telah berlindung dengan zat yang maha agung, pergilah kepada keluargamu." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1117).

Makna Hadith

Hadith ini yang menceritakan anak perempuan al-Jaun dan sebab dia mengucapkan ta'awwuz telah pun dibahas dalam hadith sebelum ini. Kita

juga telah membahas hadith Ka'ab bin 'Ujrah dan kisah perceraian al-Aliyah, di mana sabda Rasulullah (s.a.w): "Pulanglah kepada keluargamu" merupakan *kinayah* (sindiran) talak.

Membahas sindiran talak adalah penting, kerana bahasa Arab luas dan rumit. Oleh itu, setiap individu mestilah mengenal pasti hukum lafaz sindiran yang menunjukkan talak supaya seseorang tidak terjatuh ke dalam perbuatan zina.

Analisis Lafaz

"ابْنَةَ الْجَوْنِ", pada bahagian akhir bab mahar perselisihan mengenai namanya telah disebutkan.

"دَنَا", mendekat dan ingin menyetubuhinya.

"أَعُوذُ", berlindung.

"بِعَظِيم", dalam riwayat yang lain disebutkan: "بِمَعَاذٍ", maksudnya Allah (s.w.t).

"اِلْحَقِي بِأَهْلِكِ", sindiran untuk talak.

Fiqh Hadith

Perkataan seorang suami kepada isterinya: "Pulanglah kepada keluargamu" adalah ucapan talak. Inilah pendapat imam mazhab yang empat dan jumhur ulama dengan syarat diiringi dengan niat talak.

Menurut mazhab Zahiri, perkataan ini tidak menjatuhkan talak. Bagi mereka, Rasulullah (s.a.w) tidak pernah melakukan akad nikah dengan anak perempuan al-Jaun, kerana wanita itu dihadapkan kepada baginda untuk dipinang. Buktinya hadith Rasulullah (s.a.w) dalam Sahih al-Bukhari, baginda bersabda: "Sudikah dirimu ini kini menjadi milikku?" Anak perempuan al-Jaun itu berkata: "Patutkah seorang ratu menyerahkan dirinya kepada orang pasaran."

Menurut mereka, permintaan untuk menyerahkan diri seorang wanita tidaklah bererti baginda telah melakukan akad nikah.

Apapun, apa yang dikatakan mazhab Zahiri itu amat jauh dari kebenaran. Ini kerana dalam satu hadith disebutkan: "Rasulullah (s.a.w) telah meletakkan tangannya di atas tubuh wanita itu" malah dalam riwayat yang lain disebutkan: "Ketika Rasulullah (s.a.w) hendak menjimaknya." Keadaan seperti ini tidak mungkin dilakukan melainkan dengan seorang perempuan yang telah berstatus sebagai isteri. Manakala perkataan baginda: "Sudikah..." pula bertujuan menyenangkan hatinya. Dalam satu riwayat disebutkan bahawa baginda telah bersepakat dengan ayahnya mengenai jumlah mahar yang hendak diberikan kepada perempuan itu.

٣١٨- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا طَلَاقَ إِلَّا بَعْدَ نِكَاحٍ، وَلَا عِتْقَ إِلَّا بَعْدَ مِلْكٍ". رَوَاهُ أَبُو يَعْلَى، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ، وَهُوَ مَعْلُولٌ.

318- Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak sah talak kecuali setelah adanya akad nikah dan tidak sah memerdekakan hamba kecuali setelah hamba itu menjadi hak miliknya." (Diriwayatkan oleh Abu Ya'la, dinilai sahih oleh al-Hakim dan hadith ini ma'lul: 1118).

٣١٩- وَأَخْرَجَ ابْنُ مَاجَه عَنِ الْمِسْوَرِ بْنِ مَخْرَمَةَ مِثْلَهُ، وَإِسْنَادُهُ حَسَنٌ، لَكِنَّهُ مَعْلُولٌ أَيْضًا.

319- Hadith serupa turut diriwayatkan oleh Ibn Majah daripada al-Miswar bin Makhramah, sanadnya hasan tetapi ma'lul. (1119).

Makna Hadith

Syari'at Islam menegaskan bahawa tidak ada penjualan melainkan didahului olen pembelian dan tidak ada pembahagian warisan kecuali setelah adanya kematian. Demikian seorang perempuan tidak dihalalkan melainkan setelah adanya akad.

Ulama bersepakat bahawa tidak jatuh talak bagi seseorang yang menceraikan wanita yang bukan isterinya. Tetapi mereka berbeza pendapat terhadap perkataan seseorang: "Jika aku berkahwin dengannya, maka dia telah aku ceraikan." Inilah tajuk perbincangan hadith ini.

Analisis Lafaz

"لَا طَلَاقَ", tidak sah atau tidak jatuh talak.

"لَا عِتْقَ", tidak sah memerdekakan hamba.

"وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ", hadith ini dinilai sahih oleh al-Hakim. Beliau berkata: "Saya merasa aneh bagaimana mungkin al-Bukhari dan Muslim mengabaikan hadith ini, padahal ia hadith sahih mengikut syarat mereka berdua daripada Ibn 'Umar, Aisyah, 'Abdullah bin 'Abbas, Mu'adz bin Jabal dan Jabir.

"وَهُوَ مَعْلُولٌ", inilah sebab mengapa al-Bukhari dan Muslim tidak meriwayatkannya, kerana mengikut pendapat yang benar hadith ini mursal sebab di dalamnya tidak disebutkan nama Jabir.

Menurut Yahya bin Mu'in, hadith paling sahih adalah Hadid Ibn al-Munkadir yang meriwayatkan hadith daripada Jabir daripada orang yang pernah mendengarkan Thawus daripada Rasulullah (s.a.w) secara mursal.

"لَكِنَّهُ مَعْلُولٌ", tetapi hadith ini ma'lul, kerana di dalamnya terdapat Hisyam bin Sa'ad al-Madani yang dinilai daif oleh Imam Ahmad, Yahya bin Sa'id, Ibn Mu'in dan al-Nasa'i, meskipun ada sebahagian kumpulan kecil yang menilai hadith ini hasan. Ulama berbeza pendapat ke atas al-Zuhari yang mengambil riwayat daripada 'Urwah; ada yang mengatakan al-Zuhari daripada Jabir; ada yang mengatakan al-Zuhari daripada Aisyah; ada yang mengatakan al-Zuhri daripada al-Miswar; ada pula yang mengatakan al-Zuhri daripada Abu Bakar, Abu Hurairah, Abu Musa, Abu Sa'id dan 'Imran. Semua ini disebut oleh al-Baihaqi dalam kitab al-Khilafiyyat.

Hadith ini turut memiliki beberapa *syahid* yang antara lain adalah:

- Daripada 'Amr bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya yang diriwayatkan oleh al-Arba'ah kecuali al-Nasa'i. Ia dinilah hasan oleh al-Tirmidhi dan berkata: "Saya pernah bertanya kepada al-Bukhari: 'Manakah hadith paling sahih tentang ucapan talak sebelum dilakukan akad nikah?' Al-Bukhari menjawab: 'Hadith 'Amr daripada ayahnya daripada datuknya'."
- Daripada Ibn Umar yang diriwayatkan oleh al-Hakim, namun di dalam sanadnya terdapat 'Ashim bin Hilal, seorang yang cuai. Ia turut diriwayatkan oleh al-Daruquthni menerusi jalur yang lain namun di dalam sanadnya terdapat Abu Khalid al-Wasithi, seorang periwayat *mawdhu'*.
- Daripada Aisyah yang diriwayatkan oleh al-Hakim.
- Daripada Mu'adz yang diriwayatkan oleh al-Hakim dan al-Daruquthni.
- Daripada Ibn Abbas yang diriwayatkan oleh al-Hakim dan al-Daruquthni.
- Daripada Abu Tsa'labah yang diriwayatkan oleh al-Daruquthni.

Kesemua syahid meskipun tidak sunyi daripada pelbagai kritikan, namun secara keseluruhan hadith ini memiliki landasan. Antara ulama yang secara tegas menilainya hadith daif adalah Imam Ahmad, Ibn Mu'in, Ibn Abdul Barr dan Ibn al-'Arabi al-Maliki.

Fiqh Hadith

1. Tidak sah memerdekakan hamba kecuali setelah memilikinya.
2. Tidak sah talak melainkan setelah akad nikah. Ulama bersepakat bahawa talak tidak sah kepada wanita lain yang bukan isterinya jika lafaz talak itu diungkapkan dalam bentuk *tanjiz* (langsung). Jika lafaz talak diungkapkan dalam bentuk *ta'liq* (gantung), misalnya,

seseorang berkata: "Jika aku berkahwin dengan si fulanah, maka dia telah aku ceraikan", ada tiga pendapat ulama dalam masalah ini, iaitu:

Pertama, perkataan seperti ini tidak menjadikan jatuhnya talak, pendapat ini menurut mazhab Syafi'i, Imam Ahmad, Dawud al-Zahiri dan al-Bukhari menceritakannya daripada dua puluh dua orang sahabat. Dalil mereka adalah hadith-hadith sebelum ini dan firman Allah (s.w.t):

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا نَكَحۡتُمُ ٱلۡمُؤۡمِنَٰتِ ثُمَّ طَلَّقۡتُمُوهُنَّ مِن قَبۡلِ أَن تَمَسُّوهُنَّ فَمَا لَكُمۡ عَلَيۡهِنَّ مِنۡ عِدَّةٖ تَعۡتَدُّونَهَاۖ فَمَتِّعُوهُنَّ وَسَرِّحُوهُنَّ سَرَاحٗا جَمِيلٗا ﴿٤٩﴾

"*Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan yang beriman, kemudian kamu ceraikan mereka sebelum kamu menyentuhnya, maka tiadalah kamu berhak terhadap mereka mengenai sebarang idah yang kamu boleh hitungkan masanya. Oleh itu, berilah "mut'ah" (pemberian sagu hati) kepada mereka, dan lepaskanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya.*" (Surah al-Ahzab: 49) Ini pendapat yang kuat kerana disokong oleh yang kuat pula.

Kedua, perkataan seperti ini boleh menjatuhkan talak kerana ia merupakan ta'liq talak, pendapat ini menurut Imam Abu Hanifah.

Ketiga, jika seseorang itu mengungkapkan perkataan yang bersifat khusus seperti berkata: "Jika aku berkahwin dengan wanita suku ini atau negeri ini, maka dia telah aku ceraikan" maka ungkapan ini menjatuhkan talak, sementara jika dia mengungkapkan perkataan yang bersifat umum, misalnya, dia berkata: "Setiap wanita yang aku kahwini, maka dia telah aku ceraikan, maka tidak jatuh talak. Inilah pendapat sekumpulan ulam dan Imam Malik.

٣٢٠- وَعَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا نَذْرَ لِابْنِ آدَمَ فِيمَا لَا يَمْلِكُ، وَلَا عِتْقَ لَهُ فِيمَا لَا يَمْلِكُ، وَلَا طَلَاقَ لَهُ فِيمَا لَا يَمْلِكُ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ، وَنُقِلَ عَنْ الْبُخَارِيِّ أَنَّهُ أَصَحُّ مَا وَرَدَ فِيهِ.

320- Daripada 'Amr bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya, beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Bagi anak Adam, tidak sah

menazarkan sesuatu barang yang bukan miliknya, tidak sah baginya memerdekakan hamba yang bukan miliknya dan tidak sah baginya menceraikan perempuan yang bukan isterinya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Tirmidhi yang menilainya sebagai sahih, dan menurut al-Bukhari, hadith ini merupakan hadith paling sahih dalam bab ini: 1120).

Hadith ini telah dibahas sebelum ini sehingga tidak perlu lagi untuk diulang semula pembahasannya.

٣٢١- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ: عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ، وَعَنِ الصَّغِيرِ حَتَّى يَكْبُرَ، وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَعْقِلَ أَوْ يَفِيقَ". رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ إِلَّا التِّرْمِذِيَّ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ وَأَخْرَجَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

321- Daripada Aisyah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Lembaran amal tidak mencatat amalan bagi tiga golongan berikut; orang tidur hingga bangun, kanak-kanak hingga dewasa dan orang gila hingga berakal sihat atau sedarkan diri." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah kecuali al-Tirmidhi, dinilai sahih oleh al-Hakim dan diriwayatkan oleh Ibn Hibban: 1121).

Makna Hadith

Oleh kerana setiap perbuatan bergantung kepada niat seseorang, maka setiap perbuatan tanpa niat tidaklah diambil kira dan oleh kerananya, hukum taklif tidak berlaku bagi orang tidur, kanak-kanak dan orang gila.

Analisis Lafaz

"رُفِعَ الْقَلَمُ", al-Shan'ani berkata: "Maksud 'رُفِعَ الْقَلَمُ' adalah perbuatannya tidak dijatuhi hukuman jika melakukan kesalahan, tetapi tidak menafikan sahnya Islamnya seorang kanak-kanak dan demikian pula jika dia melaksanakan ibadah haji."

Al-Subki berkata: "Kalimat 'رُفِعَ الْقَلَمُ' merupakan kinayah yang menyatakan tidak ada taklif, kerana taklif menuntut adanya *kitabah* (penulisan) dan ketentuan. Dalam kaitan ini, Allah (s.w.t) berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa." (Surah al-Baqarah: 183) *Kitabah* (penulisan) memerlukan pena. Jika 'pena diangkat' sebagai kinayah ke atas beban taklif yang dihilangkan, maka ini merupakan sebaik-baik kinayah.

Menurut Ibn Hibban, maksud 'رُفِعَ الْقَلَمُ' adalah meninggalkan penulisan terhadap amal kejahatan yang mereka lakukan. Ibn Hajar memberikan komentar ke atas pendapat ini dalam Syarh al-Tirmidi dengan berkata: "Ini boleh berlaku bagi kanak-kanak namun tidak dengan orang gila atau orang tidur, karena mereka berdua tidak dapat melakukan ibadah dan tidak sah jika melakukannya, kerana akal mereka hilang.

"الْمَجْنُونِ", dalam riwayat Abu Dawud digantikan dengan perkataan "المبتلى" (orang yang ditimpa musibah) dan ini lebih bersifat umum.

"يَعْقِلَ أَوْ يَفِيقَ", dalam riwayat Abu Dawud disebutkan: "حتى يبرأ" (hingga dia sembuh).

Fiqh Hadith

1. Tidak ada taklif bagi orang tidur sehinggalah dia terjaga daripada tidurnya, pendapat ini mengikut ijma' ulama apabila seseorang itu tidur pulas.
2. Tidak ada taklif bagi knak-kanak yang belum mumayyiz hinggalah dia besar atau dewasa. Ulama bersepakat dengan ketetapan ini, tetapi mereka berbeza pendapat mengenai batas umur dewasa bagi kanak-kanak. Ada yang mengatakan batas kanak-kanak itu dewasa hingga dia mampu berpuasa dan sudah pandai mengerjakan solat, pendapat ini menurut Imam Ahmad bin Hanbal. Pendapat lain mengatakan jika kanak-kanak sudah mencapai umur dua belas tahun, maka dia sudah dianggap dewasa. Pendapat lain mengatakan apabila kanak-kanak telah bermimpi basah maka dia sudah dianggap dewasa. Ada yang mengatakan jika dia sudah berusia baligh.
3. Tidak ada taklif bagi orang gila, pendapat ini mengikut ijma' ulama.

Dengan menyebut hadith ini, Ibn Hajar ingin mengatakan bahawa talak yang diucapkan oleh orang gila terhadap isterinya adalah tidak sah.

Penting

Orang mabuk yang kehilangan akal, apakah dia dikategorikan sebagai orang gila di mana jika mentalak isterinya maka talaknya tidak jatuh?

'Usman, Jabir, Umar bin Abdul Aziz, sekumpulan ulama salaf, Imam Ahmad bin Hanbal dan mazhab Zahiri berpendapat talak orang mabuk

tidak sah. Dalil mereka hadith di atas dan firman Allah (s.w.t):

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَقۡرَبُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنتُمۡ سُكَـٰرَىٰ حَتَّىٰ تَعۡلَمُواْ مَا تَقُولُونَ ..... ﴿٤٣﴾

"*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan…*" (Surah al-Nisa': 43) Ayat ini menyatakan bahawa perkataan orang mabuk tidak boleh diambil kira kerana dia sedar dengan apa yang dia katakan.

'Ali, Ibn 'Abbas, sekumpulan sahabat, Imam Abu Hanifah, Imam Malik dan Imam al-Syafi'i menyatakan talak orang mabuk dianggap sah. Dalil mereka adalah ayat 43 surah al-Nisa': "*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan…*"Bagi mereka, seseorang dilarang mendekati solat dalam keadaan mabuk dan larangan membuktikan mereka tetap diberi beban taklif meskipun dalam keadaan mabuk sedangkan orang mukallaf dianggap sah jika melakukan suatu perbuatan.

Soalan

1. Apakah takrif talak mengikut bahasa dan syarak?
2. Adakah hadith "أبغض الحلال إلى الله الطلاق" mawshul atau mursal dan mengapa demikian?
3. Apakah maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "أبغض الحلال إلى الله الطلاق"?
4. Apakah yang dimaksudkan dengan talak sunni dan talak bid'i?
5. Wajibkah seorang lelaki merujuk isterinya apabila dia mentalaknya dalam keadaan isterinya berhaid?
6. Adakah seorang suami boleh mentalak pada waktu suci pertama atau waktu suci kedua apabila sebelumnya telah mentalaknya pada waktu isterinya berhaid? Sebutkan dalilnya?
7. Apakah yang perlu diambil kira dalam masalah suci; berhentinya darah ataukah mandi? Sebutkan pendapat yang kuat beserta dalilnya?
8. Adakah talak yang terjadi pada waktu haid tetap dikira talak? Bincangkan masalah ini?
9. Sebutkan dua hadith yang saling bercanggah antara satu sama lain tentang talak tiga tanpa diselangi nikah atau rujuk?
10. Bincangkan masalah talak tiga yang diucapkan dalam satu lafaz dan sebutkan pula dalilnya?
11. Adakah sahih hadith Rukanah yang membincangkan talak tiga dan mengapa demikian?

12. Sempurnakan hadith berikut: "ثلاث حدهن جد وهزلهن جد..." dan apa pula kedudukan hadith ini?
13. Apakah pendapat ulama fiqh tentang talak yang dikeluarkan oleh seseorang yang bermain-main?
14. Jatuhkah talak yang berbisik di dalam hati dan sebutkan dalilnya?
15. Apakah maksud hadith: "وضع عن أمتي الخطأ"?
16. Mengapakah Abu Hatim menilai daif: "إن الله تعالى وضع عن أمتي الخطأ والنسيان وما استكرهوا عليه"?
17. Jatuhkah talak orang yang tersilap?
18. Jatuhkah talah orang yang lupa?
19. Jatuhkah talak orang yang dipaksa?
20. Jika seorang lelaki berkata kepada isterinya: "Kamu haram ke atasku", apakah hukumnya dan apa pula dalilnya?
21. Adakah perkataan seorang lelaki kepada isterinya: "Pulanglah kamu kepada keluargamu"dianggap sebagai talak dan sebutkan dalilnya?
22. Bincangkan hadith: "لا طلاق له فيما لا يملك" dan apa pula kedudukan hadith ini?
23. Jatuhkah talak sebelum berkahwin dan apa pula pendapat ulama fiqh dalam masalah ini?
24. Apakah maksud sabda Rasulullah (s.a.w): "رفع القلم عن النائم..."?
25. Sahkah talak orang mabuk, apa dalilnya dan sebutkan pendapat ulama fiqh dalam masalah ini?

BAB RUJUK

Al-Raj'ah (rujuk) dengan membaca *fathah* huruf *ra'* atau membacanya kasrah, iaitu kembali semula kepada isteri yang telah diceraikannya.

٣٢٢- عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ سُئِلَ عَنْ الرَّجُلِ يُطَلِّقُ، ثُمَّ يُرَاجِعُ، وَلَا يُشْهِدُ؟ فَقَالَ: أَشْهِدْ عَلَى طَلَاقِهَا وَعَلَى رَجْعَتِهَا. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ هَكَذَا مَوْقُوفًا، وَسَنَدُهُ صَحِيحٌ.

322- Daripada 'Imran bin Hushain (r.a) bahawa beliau pernah ditanya tentang orang yang menceraikan isterinya, kemudain merujuknya semula namun tidak dihadir oleh saksi. 'Imran menjawab: "Hadirkan saksi ketika mentalak isteri dan ketika merujuknya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud secara mawquf dan sanadnya sahih: 1123)

٣٢٣- وَأَخْرَجَهُ الْبَيْهَقِيُّ بِلَفْظِ أَنَّ عِمْرَانَ بْنَ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ سُئِلَ عَمَّنْ رَاجَعَ امْرَأَتَهُ وَلَمْ يُشْهِدْ فَقَالَ: فِي غَيْرِ سُنَّةٍ؟ فَلْيُشْهِدِ الْآنَ. وَزَادَ الطَّبَرَانِيُّ فِي رِوَايَةٍ: وَيَسْتَغْفِرِ اللهَ.

323- Al-Baihaqi meriwayatkan hadith ini dengan lafaz sebagai berikut bahawa 'Imran bin Hushain pernah ditanya tentang seorang lelaki yang merujuk semula isterinya namun tidak menghadirkan saksi. Beliau menjawab: "Perbuatan itu menyalahi Sunnah Rasulullah (s.a.w). Oleh itu, hadirkan saksi sekarang juga." Al-Tabrani dalam satu riwayat menambahkan: "dan hendaklah dia beristighfar kepada Allah": 1123).

Makna Hadith

Ramai lelaki yang merasa menyesal setelah menceraikan isterinya, kerana perasaan kasih sayang menyelimuti hati setelah talak dijatuhkan, terlebih-lebih lagi jika orang tua melihat nasib dan masa depan anaknya.

Oleh itulah, Islam mensyari'atkan rujuk atau kembali semula kepada isteri yang telah diceraikan. Rujuk merupakan hak suami selagi masih dalam tempoh iddah selagi dia tidak mentalaknya tiga kali. Bagi mengelakkan terjadi perkara yang tidak diinginkan dan menjaga hak suami dan isteri, maka rujuk hendaklah dilakukan di hadapan saksi.

Analisis Lafaz

"فِيْ غَيْرِ سُنَّةٍ", yakni dia rujuk tanpa mengikut Sunnah Rasulullah (s.a.w). Sunnah di sini tidak bermaksud istilah yang biasa digunakan oleh ulama fiqh, sebaliknya ia bermaksud cara yang ditempuh oleh baginda berupa wajib, mandub dan mustahab.

Lafaz ini menjadikan hadith tersebut marfu'. Oleh itu, Ibn Hajar menyebutnya tetapi menerusi jalur Ibn Sirin daripada 'Imran walaupun dia tidak mendengarnya secara terus.

Fiqh Hadith

1. Disyariatkan rujuk dan dalilnya adalah firman Allah (s.w.t):

   ..... وَبُعُولَتُهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِي ذَٰلِكَ إِنْ أَرَادُوٓا۟ إِصْلَٰحًا ۚ وَلَهُنَّ مِثْلُ ٱلَّذِى عَلَيْهِنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٢٨﴾

   "… Dan suami-suami mereka berhak mengambil kembali (rujuk akan) isteri-isteri itu dalam masa idah mereka jika suami-suami bertujuan hendak berdamai. Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajipan yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak); dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isterinya). Dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana." (Surah al-Baqarah: 228)
   Ulama bersepakat bahawa suami berhak merujuk isterinya apabila ditalak raj'i selagi masih dalam masa iddah meskipun dilakukan tanpa keredhaan isterinya itu sendiri atau keredhaan walinya dan ini jika talak dijatuhkan setelah dilakukan persetubuhan.
2. Disyaratkan menghadirkan saksi ketika rujuk semula kepada isteri. Dalil yang mewajibkan saksi adalah firman Allah (s.w.t):

..... وَأَشْهِدُواْ ذَوَىْ عَدْلٍ مِّنكُمْ وَأَقِيمُواْ ٱلشَّهَـٰدَةَ لِلَّهِ ۚ ذَٰلِكُمْ يُوعَظُ بِهِۦ مَن كَانَ يُؤْمِنُ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْـَٔاخِرِ ۚ وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجْعَل لَّهُۥ مَخْرَجًا ﴿٢﴾

"… dan adakanlah dua orang saksi yang adil di antara kamu (semasa kamu merujukkan atau melepaskannya); dan hendaklah kamu (yang menjadi saksi) menyempurnakan persaksian itu kerana Allah semata-mata. Dengan hukum-hukum yang tersebut diberi peringatan dan pengajaran kepada sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya)." (Surah al-Thalaq: 2) Inilah pendapat Imam al-Syafi'i dalam qaul qadim.

Penting

Ulama fiqh berbeza pendapat mengenai rujuk dengan perbuatan tanpa disertai perkataan. Menurut Imam al-Syafi'i dan Imam Yahya, rujuk seperti ini tidak dibolehkan. Menurut jumhur ulama, rujuk seperti ini tetap dianggap sah.

Mereka pula berbeza pendapat, apakah rujuk dengan perbuatan mesti diiringi dengan niat? Menurut Imam Malik, rujuk dengan perbuatan tidak sah kecuali diiringi dengan niat. Menurut jumhur ulama, rujuk dengan perbuatan sah meskipun dilakukan tanpa niat.

Apakah seorang suami wajib memberitahukan hasrat rujuknya supaya isterinya tidak berkahwin lagi dengan orang lain? Menurut jumhur ulama, seorang suami tidak wajib memberitahukan rujuknya itu. Pendapat lain mengatakan dia wajib memberitahukannya.

Apapun, jika seorang perempuan berkahwin dengan lelaki lain sebelum dia tahu bahawa suaminya telah merujuknya, maka perkahwinan itu dianggap batal dan dia tetap menjadi hak suami pertama. Menurut Imam Malik. permepuan itu menjadi hak suami yang kedua, sama ada dia sudah menyetubuhinya ataupun belum.

٣٢٤- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ لَمَّا طَلَّقَ اِمْرَأَتَهُ، قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِعُمَرَ: مُرْهُ فَلْيُرَاجِعْهَا. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

324- Daripada Ibn 'Umar (r.a) bahawa ketika beliau menceraikan isterinya, Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada 'Umar: "Perintahkan dia (Ibn 'Umar) agar rujuk semula kepada isterinya." (Muttafaq 'alaih: 1124).

Hadith ini telah dibahas dalam hadith no. 300 dan tidak perlu lagi mengulanginya semula di sini.

Soalan

1. Apakah takrif raj'ah dan apa pula hukumnya?
2. Adakah disyaratkan menghadirkan saksi ketika melakukan rujuk?
3. Sahkah rujuk dengan perbuatan tanpa disertai perkataan?
4. Wajibkah seorang suami memberitahu isterinya yang dirinya telah merujuknya?
5. Sebutkan satu hadith yang menyatakan rujuk itu digalakkan dan sebutkan ayat berkaitannya dari al-Qur'an?

BAB *ILA', ZIHAR* DAN *KIFARAT*

Al-Ila' secara bahasa adalah sumpah manakala secara syari'at pula adalah bersumpah untuk tidak menyetubuhi isteri.

Al-Zihar berasal dari perkataan "الظهر" iaitu perkataan seorang lelaki kepada isterinya: "Kamu ke atasku sama seperti tulang belakang ibuku."

Al-Kifarah secara bahasa berasal dari perkataan "التكفير" iaitu menutupi dan menghalangi manakala secara syarak pula adalah sesuatu yang dituntut daripada seorang muslim baik perkataan mahupun perbuatan untuk menjatuhkan hukuman yang disebabkan melakukan perbuatan dosa.

٣٢٥- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: آلَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ نِسَائِهِ وَحَرَّمَ، فَجَعَلَ الْحَرَامَ حَلَالًا، وَجَعَلَ لِلْيَمِينِ كَفَّارَةً. رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ، وَرُوَاتُهُ ثِقَاتٌ.

325- Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) pernah bersumpah ila' kepada isteri-isterinya dan mengharamkan dirinya berkumpul dengan mereka. dengan ini baginda menghalalkan yang telah diharamkan dan sumpahnya itu kemudian dibayar kifarat." (Diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dan periwayatnya thiqoh: 1125).

Makna Hadith

Dalam satu hadith disebutkan beberapa sebab di mana Rasulullah (s.a.w) meng*ila'* sebahagian isteri-isterinya iaitu enggan mencampuri mereka, antara lain adalah:

Pertama, Hafshah membocorkan rahsia Rasulullah (s.a.w) dan riwayat ini menurut al-Bukhari dan yang lain, meskipun terjadi perbezaan riwayat apa sebenarnya rahsia itu.

Ada yang mengatakan baginda telah mengharamkan untuk tidak bercampur dengan Mariyah al-Qibthiyyah, namun Hafshah malah membocorkan rahsia ini kepada Aisyah. Inilah pendapat yang lebih kuat. Ada yang mengatakan baginda mengharamkan madu. Ada pula yang mengatakan Rasulullah (s.a.w) berbisik kepada Hafshah bahawa ayahnya ('Umar bin al-Khatthab) kelak bakal menjadi khalifah setelah Abu Bakar.

Kedua, Rasulullah (s.a.w) memberikan hadiah kepada isteri-isterinya, namun Zainab binti Jahsy tidak berpuas hati dengan pemberian hadiah yang diterimanya, lalu baginda menambahnya, tetapi dia tetap juga belum berpuas hati. Maka Aisyah berkata: Hadiah itu dikembalikan kepadamu. Rasulullah (s.a.w) kemudian bersabda: Aku tidak akan mencampuri kalian selama satu bulan." Riwayat ini dikeluarkan oleh Ibn Sa'ad dan yang selainnya.

Ketiga, isteri-isteri Rasulullah (s.a.w) itu menuntut hak nafkah, riwayat ini dikeluarkan oleh Muslim. Ada pula pendapat lain yang mengatakan bahawa sebab *ila'* Rasulullah (s.a.w) terhadap isterinya adalah ketiga-tiga sebab ini.

Analisis Lafaz

"آلَى", baginda bersumpah, tetapi Aisyah tidak menjelaskan secara terperinci mengenai perihal yang disumpahkan oleh Rasulullah (s.a.w). Dalam riwayat yang lain disebutkan bahawa baginda bersumpah untuk tidak menggauli isteri-isterinya.

"وَحَرَّمَ", Aisyah juga tidak menjelaskan apa yang diharamkan oleh Rasulullah (s.a.w).

"فَجَعَلَ الْحَرَامَ حَلاَلاً", sesuatu yang diharamkan adalah seperti tidak meminum madu, kerana perbuatan mengharamkan madu hukumnya haram, kerana ia adalah sesuatu yang halal.

"رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ، وَرُوَاتُهُ ثِقَاتٌ", ia diriwayatkan oleh al-Tirmidhi dan periwayatnya pula thiqoh, tetapi al-Tirmidhi merajihkannya mursal. Setelah meriwayatkan hadith ini secara mawsul daripada Maslamah daripada Dawud daripada al-Sya'bi daripada Masruq daripada Aisyah, al-Tirmidhi berkata: "Ia diriwayatkan oleh Ali bin Mushir dan selainnya daripada Dawud daripada al-Sya'bi secara mursal. Di dalamnya tidak disebutkan 'daripada masruq daripada Aisyah'. Jalur ini lebih sahih daripada hadith Maslamah." Sebelum itu al-Tirmidhi berkata: "Dalam bab ini ada hadith Abu Musa dan Anas yang diriwayatkan oleh al-Bukhari."

Fiqh Hadith

Barang siapa yang bersumpah ila', maka dia wajib membayar kifarat sumpahnya itu.

*- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: إِذَا مَضَتْ أَرْبَعَةُ أَشْهُرٍ وَقَفَ الْمُؤْلِي حَتَّى يُطَلِّقَ، وَلَا يَقَعُ عَلَيْهِ الطَّلَاقُ حَتَّى يُطَلِّقَ. أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

*- Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "JIka berlalu empat bulan, maka orang yang berila' berhenti hingga dia menjatuhkan talak dan taalak tidak jatuh sehingga dialah sendiri yang menjatuhkannya." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari)

*- وَعَنْ سُلَيْمَانَ بْنِ يَسَارٍ قَالَ: أَدْرَكْتُ بِضْعَةَ عَشَرَ مِنْ أَصْحَابِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّهُمْ يَقِفُونَ الْمُؤْلِي. رَوَاهُ الشَّافِعِيُّ.

*- Daripada Sulaiman bin Yasar (r.a), beliau berkata: "Saya berjumpa dengan sepuluh orang lebih daripada sahabat Rasulullah (s.a.w) di mana kesemua mereka menghentikan orang yang berila'." (Diriwayatkan oleh al-Syafi'i).

*- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ إِيلَاءُ الْجَاهِلِيَّةِ السَّنَةَ وَالسَّنَتَيْنِ، فَوَقَّتَ اللهُ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ، فَإِنْ كَانَ أَقَلَّ مِنْ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ، فَلَيْسَ بِإِيلَاءٍ. أَخْرَجَهُ الْبَيْهَقِيُّ.

*- Daripada Ibn 'Abbas (r.a), beliau berkata: "Masa ila' orang jahiliah selama satu tahun dan dua tahun, lalu Allah hanya memberi waktu empat bulan. Jadi, jika kurang dari empat bulan maka tidak disebut sebagai ila'." (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi).

Makna Hadith

Allah (s.w.t) berfirman:

لِّلَّذِينَ يُؤْلُونَ مِن نِّسَآئِهِمْ تَرَبُّصُ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ ۖ فَإِن فَآءُو فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢٦﴾ وَإِنْ عَزَمُوا۟ ٱلطَّلَٰقَ فَإِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٢٧﴾

"*Kepada orang-orang yang bersumpah tidak akan mencampuri isteri-isteri mereka, diberikan tempoh empat bulan. Setelah itu jika mereka kembali (mencampurinya), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. Dan jika mereka berazam hendak menjatuhkan talak (menceraikan isteri), maka sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.*" (Surah al-Baqarah: 226-227)

Jika masa empat bulan sudah berakhir dan suami tetap tidak membayar dendanya, maka bagaimanakah hukumnya?

Ibn Hajar mengemukakan dua athar di sini, di mana suami yang berila' wajib ditanya sama ada menjatuhkan talak atau merujuk semula isterinya.

Ibn Hajar sengaja mengemukakan dua athar mawquf di sini, kerana tidak satu pun hadith marfu' dalam masalah ini. Athar Ibn Abbas disebutkan bagi menunjukkan yang ila' tidak boleh kurang daripada empat bulan, kerana ulama fiqh berbeza pendapat dalam menentukan batasan minimum waktu ila'.

Analisis Lafaz

"مَضَتْ أَرْبَعَةُ أَشْهُرٍ", yakni telah berlalu waktu empat bulan sedangkan suami yang ber'ila' tidak merujuk isterinya atau menceraikannya, meskipun isterinya tidak menuntut untuk berbuat demikian.

"وَقَفَ الْمُؤْلِي", hakim hendaklah menanyakan hasrat dan keputusan suami yang telah mengila' isterinya itu.

"السَّنَةَ وَالسَّنَتَيْنِ", selama satu dan dua tahun.

Fiqh Hadith

1. Jika masa empat bulan telah berakhir, maka ini tidak serta merta terjadi jatuhnya talak. Inilah pendapat jumhur ulama yang diriwayatkan daripada 'Umar, 'Utsman, 'Ali, Ibn 'Umar, Ibn 'Abbas, Abu al-Darda' dan Aisyah. Malah Ibn Yasar menyebutkan pendapat ini diriwayatkan oleh belasan sahabat. Ia turut diriwayatkan daripada Tsabit bin Zaid dan berkata: "Pendapat ini diriwayatkan daripada dua belas orang sahabat." Menurut Abu Shalih, sanad-sanad mereka sahih dan muttashil. Saya telah menyebut sanad-sanad mereka yang sudah ditakhrij dalam kitab Taqrib al-Madarik. Menurut Imam Abu Hanifah, jika waktu empat bulan telah berakhir dan suami tidak merujuk isterinya, maka ia jatuh talak. Pendapat daripada 'Ali, 'Utsman, Zaid bin Tsabit dalam masalah ini adalah tidak benar. Sementara riwayat menurut Ibn Mas'ud, Ibn Abbas dan Ibn 'Umar dalam masalah ini adalah benar, namun 'Umar tidak pernah mengatakan demikian. Ada sekumpulan ulama yang turut bersetuju dengan pendapat ini iaitu Thawus, Ma-khul dan Ibn al-Musayyab.
2. Waktu minimum *ila'* adalah empat bulan, pendapat ini menurut jumhur ulama. Sementara menurut al-Hasan dan yang selainnya, ila' boleh dilakukan tanpa wujud batasan waktu. Dalil mereka firman Allah (s.w.t):

لِّلَّذِينَ يُؤْلُونَ مِن نِّسَآئِهِمْ تَرَبُّصُ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ ۖ فَإِن فَآءُو فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢٦﴾ وَإِنْ عَزَمُوا۟ ٱلطَّلَـٰقَ فَإِنَّ ٱللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٢٧﴾

"*Kepada orang-orang yang bersumpah tidak akan mencampuri isteri-isteri mereka, diberikan tempoh empat bulan. Setelah itu jika mereka kembali (mencampurinya), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. Dan jika mereka berazam hendak menjatuhkan talak (menceraikan isteri), maka sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.*" (Surah al-Baqarah: 226-227) Ayat ini tidak ada menyebut batasan waktu sedangkan waktu empat bulan dalam ayat ini hanya sekadar pemberitahuan sama ada rujuk semula kepada isterinya atau sebaliknya.

Beberapa Permasalahan Ila'

Pertama, adakah *ila'* dianggap sah dengan setiap pernyataan sumpah untuk tidak menggauli isteri, sama ada sumpah itu menggunakan kalimat Allah atau selainnya. Menurut jumhur ulama, lafaz *ila'* seperti ini tetap dianggap sah. Pendapat lain yang mengatakan lafaz *ila'* seperti ini tidak sah.

Kedua, jika seseorang mengatakan di dalam sumpahnya untuk tidak bercakap dengan isterinya, apakah ini termasuk *ila'*? Menurut jumhur ulama, lafaz *ila'* mestilah disertai dengan keengganan suami untuk tidak mencampuri isteri dengan lafaz yang jelas.

Ketiga, bagaimanakah caranya merujuk dari *ila'*? Ada yang mengatakan rujuk daripada *ila'* dengan cara melakukan persetubuhan bagi orang yang mampu berbuat demikian, sedangkan bagi yang tidak mampu maka hendaklah menjelaskan uzur yang menyebabkannya tidak mampu melakukan persetubuhan. Pendapat yang lain mengatakan rujuk daripada *ila'* dengan perkataan: "Aku rujuk atau kembali daripada sumpahku."

Keempat, apakah kifarat diwajibkan ke atas orang yang sudah rujuk daripada *ila'*? Menurut jumhur ulama, kifarat tetap diwajibkan, kerana ia adalah sumpah yang telah dilanggar. Pendapat lain mengatakan kifarat tidak diwajibkan dan dalilnya firman Allah:

لِّلَّذِينَ يُؤْلُونَ مِن نِّسَآئِهِمْ تَرَبُّصُ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ ۖ فَإِن فَآءُو فَإِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٢٢٦﴾

"*Kepada orang-orang yang bersumpah tidak akan mencampuri isteri-isteri mereka, diberikan tempoh empat bulan. Setelah itu jika mereka kembali (mencampurinya), maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*" (Surah al-Baqarah: 226)

٣٢٦- وَعَنْهُ رَضِيَ اللهُ تَعَالَى عَنْهُمَا أَنَّ رَجُلًا ظَاهَرَ مِنِ امْرَأَتِهِ، ثُمَّ وَقَعَ عَلَيْهَا، فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنِّي وَقَعْتُ عَلَيْهَا قَبْلَ أَنْ أُكَفِّرَ، قَالَ: "فَلَا تَقْرَبْهَا حَتَّى تَفْعَلَ مَا أَمَرَكَ اللهُ بِهِ". رَوَاهُ الْأَرْبَعَةُ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ، وَرَجَّحَ النَّسَائِيُّ إِرْسَالَه. وَرَوَاهُ الْبَزَّارُ مِنْ وَجْهٍ آخَرَ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ وَزَادَ فِيهِ: كَفِّرْ وَلَا تَعُدْ.

326- Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa ada seorang lelaki menzihar isterinya, kemudian dia menyetubuhinya, lalu dia datang menghadap Rasulullah (s.a.w) dan berkata: "Sesungguhnya saya telah menyetubuhi isteri saya sebelum membayar kifarat." Baginda bersabda: "Jangan kamu mendekatinya hingga kamu mengerjakan apa yang diperintah oleh Allah kepadamu." (Diriwayatkan oleh al-Arba'ah, dinilai sahih oleh al-Tirmidhi dan hadith ini mursal menurut al-Nasa'i) Al-Bazzar meriwayatkan hadith ini menerusi jalur lain daripada Ibn 'Abbas (r.a) dan menambahkan: "Bayarlah kifarat dan jangan kamu mengulangi semula perbuatan itu." (1026).

٣٢٧- وَعَنْ سَلَمَةَ بْنِ صَخْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: دَخَلَ رَمَضَانُ، فَخِفْتُ أَنْ أُصِيبَ امْرَأَتِي، فَظَاهَرْتُ مِنْهَا، فَانْكَشَفَ لِي مِنْهَا شَيْءٌ لَيْلَةً، فَوَقَعْتُ عَلَيْهَا، فَقَالَ لِي رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "حَرِّرْ رَقَبَةً"، قُلْتُ: مَا أَمْلِكُ إِلَّا رَقَبَتِي. قَالَ: "فَصُمْ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ"، قُلْتُ: وَهَلْ أَصَبْتُ الَّذِي أَصَبْتُ إِلَّا مِنْ الصِّيَامِ؟ قَالَ: "أَطْعِمْ فَرَقًا مِنْ تَمْرٍ بَيْنَ سِتِّينَ مِسْكِينًا". أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ إِلَّا النَّسَائِيَّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ وَابْنُ الْجَارُودِ.

327- Daripada Salamah bin Shakhr (r.a), beliau berkata: "Ketika Ramadhan tiba, aku khuatir tidak mampu menahan diri daripada menjimak isteriku. Atas pertimbangan itu, aku pun menziharnya. Pada suatu malam, aku pula ternampak sebahagian anggota tubuhnya yang terbuka. Aku pun terus menjimaknya. Setelah itu Rasulullah (s.a.w) bersabda kepadaku: "Merdekakan hamba." Aku berkata: "Aku tidak memiliki hamba selain diriku sendiri." Baginda bersabda: "Puasalah selama dua bulan berturut-turut." Aku berkata: "Bukankah aku diwajibkan membayar kifarat ini lantaran berpuasa di Ramadhan?" Baginda bersabda: "Berikan satu *faraq* kurma kepada setiap orang miskin hingga mencapai enam puluh orang miskin." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah kecuali al-Nasa'i, dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah dan Ibn al-Jarud: 1127).

Makna Hadith

Ibn Hajar mengemukakan dua hadith ini dalam bab zihar kerana keduanya memuatkan banyak permasalahan zihar. Allah (s.w.t) mewajibkan kifarat ke atas perbuatan ini ketika seorang lelaki berkata: "Kamu ke atasku seperti sama tulang belakang ibuku." Tujuan zihar adalah mengeluarkan suami isteri dilemma yang mereka sendiri melakukannya dan ini merupakan rahmat Allah kepada orang Islam, kerana tidak seorang pun yang dibolehkan mengharamkan sesuatu yang telah dihalalkan oleh Allah. Allah kemudian mewajibkan seseorang yang melakukan zihar untuk memerdekakan hamba. Jika tidak mampu, dia wajib berpuasa selama dua bulan berturut-turut. Jika belum mampu, dia wajib memberi makan enam puluh fakir miskin dan ini bagi membebaskan perkataannya yang telah menzihar isterinya dan membayar kifarat di atas perbuatan yang telah dilakukannya.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", yakni periwayat hadith ini sama dengan hadith sebelumnya, Ibn Abbas (r.a).

"ظَاهَرَ", seorang suami berkata kepada isterinya: "Kamu ke atasku sama seperti tulang belakang ibuku."

"وَقَعَ عَلَيْهَا", menyetubuhinya.

"أُكَفِّرَ", membebaskan dari ziharku.

"فَلَا تَقْرَبْهَا", jangan kamu menyetubuhinya.

"مَا أَمَرَكَ اللهُ بِهِ", yakni kifarat yang telah diperintahkan oleh Allah kepadamu, di mana Allah (s.w.t) berfirman:

وَٱلَّذِينَ يُظَٰهِرُونَ مِن نِّسَآئِهِمْ ثُمَّ يَعُودُونَ لِمَا قَالُوا۟ فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مِّن قَبْلِ أَن يَتَمَآسَّا ۚ ذَٰلِكُمْ تُوعَظُونَ بِهِۦ ۚ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٣﴾ فَمَن لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ مِن قَبْلِ أَن يَتَمَآسَّا ۖ فَمَن لَّمْ يَسْتَطِعْ فَإِطْعَامُ سِتِّينَ مِسْكِينًا ۚ ذَٰلِكَ لِتُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ ۚ وَتِلْكَ حُدُودُ ٱللَّهِ ۗ وَلِلْكَٰفِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٤﴾

"*Dan orang-orang yang "ziharkan" isterinya, kemudian mereka berbalik dari apa yang mereka ucapkan (bahawa isterinya itu haram kepadanya), maka hendaklah (suami itu) memerdekakan seorang hamba sebelum mereka berdua (suami isteri) bercampur. Dengan hukum yang demikian, kamu diberi pengajaran (supaya jangan mendekati perkara yang mungkar itu). Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya akan*

apa yang kamu lakukan. Kemudian, sesiapa yang tidak dapat (memerdekakan hamba), maka hendaklah ia berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum mereka (suami isteri) itu bercampur. Akhirnya sesiapa yang tidak sanggup berpuasa, maka hendaklah ia memberi makan enam puluh orang miskin. Ditetapkan hukum itu untuk membuktikan iman kamu kepada Allah dan RasulNya (dengan mematuhi perintahNya serta menjauhi adat Jahiliyah). Dan itulah batas-batas hukum Allah; dan bagi orang-orang yang kafir disediakan azab seksa yang tidak terperi sakitnya." (Surah al-Mujadilah: 3-4)

"وَرَجَّحَ النَّسَائِيُّ إِرْسَالَه", menurut al-Nasa'i, hadith ini mursal dan demikian pula menurut Ibn Hatim dan sekumpulan. Beliau tahu apa yang dilakukan oleh Abu Dawud yang banyak meriwayatkan hadith mursal. Al-Hakam bin Aban pula seorang yang shaduq, namun sering melakukan kesilapan.

"وَرَوَاهُ الْبَزَّارُ مِنْ وَجْهٍ آخَرَ", hadith ini diriwayatkan oleh al-Bazzar menerusi jalur yang lain daripada Khushaif daripada Atha' daripada Ibn Abbas.

Menurut pensyarah kitab ini, kebanyakan ulama hadith menilai suatu hadith itu hasan apabila ia telah diriwayatkan menerusi dua jalur yang berlainan; salah satunya mursal dan satunya lagi mawsul, meskipun hadith itu daif. Oleh itu, al-Hafiz Ibn Hajar setelah menyebut jalur-jalur hadith hadith berkata: "Apapun, hadith ini dengan seluruh jalurnya dan *syahid*-nya adalah sahih."

"أُصِيبَ امْرَأَتِي", aku menyetubuhinya.

"فَظَاهَرْتُ", aku berkata kepada isteriku: "Kamu bagiku sama seperti belakang ibuku."

"فَانْكَشَفَ لِي مِنْهَا شَيْءٌ", lalu ternampaklah sebahagian anggota tubuhnya. Bahagian anggota tubuh yang terbuka itu adalah pahanya sebagaimana yang disebutkan dalam riwayat lain.

"فَوَقَعْتُ عَلَيْهَا", dalam satu riwayat disebutkan: "نزوت", aku bersetubuh dengannya.

"حَرِّرْ", merdekakan hamba.

"رَقَبَةً", hamba, baik lelaki mahupun perempuan.

"فَرَقًا", dalam riwayat lain disebutkan: "وسقا" dan dalam riwayat yang lain pula disebut: "عرقا".

Apa yang masyhur adalah mengikut riwayat kedua dan ketiga, bukan riwayat yang pertama. Satu wasaq sama dengan enam puluh sha', sementara satu 'irq sama dengan lima belas sha', namun ada yang mengatakan tiga puluh sha' sebagaimana yang diceritakan oleh Abu Dawud dalam kitabnya al-Sunan.

Sedangkan satu faraq sama dengan tiga sha' atau lebih sedikit. Ini tidak benar, kerana kifarat lebih banyak daripada itu, di samping tidak seorang pun ulama fiqh yang mengatakan bahawa ini adalah kadar membayar kifarat zihar.

"وَصَحَّحَهُ ابْنُ خُزَيْمَةَ", dinilai sahih oleh Ibn Khuzaimah, tetapi al-Bukhari malah menilainya ma'lul kerana Sulaiman bin Yasar tidak pernah mendengar secara terus daripada Salamah bin Shakhr (r.a).

Fiqh Hadith

1. Jika seseorang yang menzihar isterinya kemudian menjimak isterinya sebelum membayar kifarat, maka dia wajib membayar satu kifarat, pendapat ini menurut al-Tsauri, Imam Malik, Imam al-Syafi'i, Ishaq, Imam Ahmad dan Imam Abu Hanifah. Menurut Ibn Umar dan Ibn Mahdi, dia wajib membayar dua kifarat, pendapat ini diriwayatkan daripada 'Amr bin al-'Ash dan Qatadah. Menurut Ibn Jubair, kifarat digugurkan. Menurut al-Hasan al-Bashri dan al-Nakha'i, dia wajib membayar tiga kifarat. Pendapat yang benar adalah pendapat pertama kerana disokong oleh dalil.
2. Wajib membayar kifarat secara tertib; pertama, memerdekakan hamba; kedua, jika tidak mampu, maka wajib berpuasa selama dua bulan berturut-turut; ketiga, jika masih tidak mampu, maka dia wajib memberi makan fakir miskin sebanyak enam puluh orang. Ini berdasarkan ijma' ulama.
3. Apa yang diwajibkan adalah memerdekakan satu orang hamba. Inilah kesepakatan ulama, tetapi mereka berbeza pendapat mengenai syarat beriman bagi hamba tersebut. Menurut Imam Abu Hanifah dan sekumpulan ulama, hamba itu tidak disyaratkan beriman. Menurut Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama, memerdekakan hamba kafir tidaklah memadai untuk membayar kifarat, kerana ayat zihar hendaklah disamakan dengan ayat diyat pembunuhan, meskipun sebabnya berlainan. Dalil mereka adalah kisah seorang lelaki meminta fatwa kepada Rasulullah (s.a.w) ketika memerdekakan seorang hamba wanita. Baginda bertanya kepada hamba perempuan itu: "Di manakah Allah? Siapa pula diriku ini?" Ketika baginda mengetahui dia seorang yang beriman, maka baginda pun menyuruh si penanyan untuk memerdekakannya. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim).
4. Berpuasa dua bulan berturut-turut wajib dilakukan sebelum melakukan persetubuhan. Jika menjimak isterinya di sela-sela berpuasa selama dua bulan itu, maka dia wajib mengulangi semula puasanya dari awal apabila jimak itu dilakukan pada waktu siang hari mengikut ijma' ulama dan demikian pula jika dilakukan pada waktu malam menurut Imam Abu Hanifah.
5. Puasa wajib dilakukan selama dua bulan berturut-turut. Ulama berbeza pendapat sekiranya ada uzur datang pada waktu pertengahan berpuasa itu hingga menyebabkannya tidak mampu berpuasa,

kemudian uzur pun hilang, maka apakah dia dibolehkan meneruskan puasanya atau berpuasa semula dari awal? Menurut Imam Malik dan Imam Ahmad, dia boleh meneruskan puasanya kerana dia memutusnya bukan kerana kehendaknya sendiri. Menurut Imam Abu Hanifah dan Imam al-Syafi'i dalam satu riwayat, dia hendaklah mengulangi semula puasanya dari awal.

6. Jika tidak menemukan hamba, maka hendaklah berpindah kepada berpuasa. Jika tidak mampu, hendaklah memberi makan fakir miskin sebanyak enam puluh orang. Ulama berbeza pendapat jika seseorang itu memberi makan satu orang miskin selama enam puluh hari. Menurut Imam al-Syafi'i, Imam Malik dan Imam Ahmad, itu tidak sah. Menurut Imam Abu Hanifah, itu sudah dianggap sah.
7. Terdapat perbezaan riwayat hadith di mana ada yang menyebutkan 'irq dan ada pula yang menyebut wasaq. Ekoran itu, ulama pun berbeza pendapat berkaitan bahagian yang mesti diterima oleh setiap orang miskin itu. Menurut Imam al-Syafi'i, setiap orang miskin wajib menerima satu mud dan satu mud sama dengan satu perempat sha'. Dalilnya adalah riwayat yang menyebutkan 'irq di mana ia sama dengan lima belas sha'. Namun ada pula yang mentafsirkan satu 'irq sama dengan enam puluh sha' dan ada pula yang mengatakan tiga puluh sha'. Apa yang dikatakan oleh al-Syafi'i itu lebih sahih. Menurut Imam Abu Hanifah pula setiap orang miskin wajib memperoleh satu sha' dan jumlah keseluruhannya adalah enam puluh sha'. Dalilnya adalah riwayat yang menyebutkan wasaq.

Beberapa Permasalahan Zihar

Pertama, jika seseorang itu tidak mampu melakukan ketiga-tiga kifarat di atas, maka apakah kewajiban tersebut digugurkan daripadanya? Menurut Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad dalam satu riwayat, kewajipan membayar kifarat tidak digugurkan dengan alasan tidak mampu. Dalilnya adalah hadith Khawlah binti Malik yang diriwayatkan Abu Dawud bahawa Khawalah berkata: "Suami saya itu tidak memiliki apa-apa harta untuk disedekahkan." Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Aku akan membantunya dengan satu 'irq." Jika kewajipan membayar kifarat itu digugurkan tentu baginda tidak menghulurkan bantuan kepadanya. Menurut Imam Ahmad dalam satu riwayat dan sekumpulan ulama, kewajipan membayar kifarat digugurkan dengan alasan tidak mampu.

Kedua, jika seseorang menzihar isterinya untuk waktu tertentu, misalnya dia berkata: "Kamu bagiku sama seperti ibuku hingga malam hari" lalu dia tidak menyetubuhinya hingga berakhir malam itu?

Menurut Imam Malik dan Ibn Abu Laila, dia tetap wajib membayar kifarat walaupun dia tidak menyetubuhi isterinya. Menurut jumhur ulama, dia tidak mempunyai apa-apa kewajipan selama tidak menyetubuhi

isterinya itu. Imam al-Syafi'i dalam masalah ini mempunyai dua pendapat; pertama sama dengan pendapat Imam Malik dan kedua sama dengan jumhur ulama.

Ketiga, jika seseorang menyamakan sebahagian anggota tubuh isterinya dengan anggota tubuh ibunya, misalnya dia berkata: "Perutmu sama dengan perut ibuku", maka bagaimanakah hukumnya?

Menurut jumhur ulama, perkataan ini sama dengan zihar. Pendapat lain mengatakan perkataan ini tidak dikatakan zihar kecuali anggota tubuh yang diharamkan melihatnya.

Keempat, bagaimana jika seseorang menyamakan isteri dengan muhrim yang selain ibunya? Menurut Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan Imam Abu Hanifah, perkataan itu sama dengan zihar, meskipun dia menyamakannya dengan muhrim kerana saudara sesusuan. Dalil mereka adalah qiyas kerana illatnya adalah haram mengahwini saudari sesusuan untuk selama-lamanya. Namun menurut Imam Malik dan Imam Ahmad, tidak menjadi zihar meskipun diserupakan dengan muhrim yang haram dikahwini untuk selama-lamanya.

Kelima, apakah mukaddimah jimak seperti ciuman disamakan dengan bersetubuh? Menuru jumhur ulama, hukumnya sama dengan bersetubuh. Menurut pendapat yang lain pula hukumnya tidak sama dengan bersetubuh. Namun al-Auza'i berkata: "Dia dibolehkan bersenang-senang dengan isterinya selagi itu dilakukan pada bahagian atas pusat."

Keenam, bagaimanakah hukumnya apabila zihar diniatkan talak? Menurut Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad dan sekumpulan ulama, perkataan itu tetap dianggap zihar dan tidak jatuh talak. Pendapat lain mengatakan perkataan itu menyebabkan jatuhnya talak.

Soalan

1. Apakah takrif ila', zihar dan kifarat?
2. Apakah faktor yang mendorong Rasulullah (s.a.w) meng*ila'* isterinya?
3. Bincangkan masalah Rasulullah (s.a.w) sama ada baginda bersumpah untuk tidak menjimak isterinya atau bersumpah dengan yang selainnya?
4. Jika telah berlalu waktu *ila'* selama empat bulan dan seseorang itu tidak ada melakukan rujuk, adakah ia dikira sebagai talak?
5. Berapa waktu minimum *ila'* menurut pendapat jumhur ulama?
6. Sahkah *ila'* apabila bersumpah dengan tidak menggunakan lafaz Allah?
7. Sahkah *ila'* tanpa disertai keengganan untuk melakukan jimak?
8. Apakah cara yang harus dilakukan untuk rujuk dari *ila'*?

9. Wajibkah membayar kifarat bagi orang yang kembali rujuk?
10. Sebutkan hadith Salamah bin Shakhr dalam masalah zihar dan analisis lafaz-lafaznya yang sukar difahami?
11. Adakah hadith Salamah bin Shakhr itu sahih dan adakah ia memiliki *syahid*?
12. Jika suami yang menzihar isterinya lalu menjimak isterinya sebelum membayar kifarat, adakah dia wajib membayar kifarat yang lain?
13. Adakah hamba yang hendak dimerdekakan mesti seorang yang beriman dan sebutkan pendapat ulama fiqh beserta dalil mereka dalam masalah ini?
14. Jika seorang lelaki yang menzihar isterinya kemudian menjimak isterinya itu pada waktu malam hari ketika sedang menjalankan puasa dua bulan, adakah urutan puasa itu dianggap batal?
15. Jika orang yang berpuasa kifarat zihar mengalami uzur sehigga menyebabkannya tidak berpuasa, kemudian uzur itu hilang, adakah dia mesti mengulangi semula puasanya?
16. Berapakah kadar makanan yang wajib diberikan kepada setiap orang miskin ketika membayar kifarat dengan makanan dan apa pula dalilnya?
17. Adakah kifarat digugurkan secara keseluruhannya apabila seseorang itu tidak melakukannya?
18. Sahkah zihar dalam jangka waktu tertentu?
19. Sahkah zihar jika seorang suamu menyerupakan isterinya dengan salah satu anggota tubuh ibunya atau mahram yang selainnya?
20. Apakah hukum mukaddimah jimak bagi orang yang menzihar isterinya?
21. Jika seseorang yang menzihar isterinya dengan niat mentalaknya, adakah ia jatuh talak?

BAB *LI'AN*

Al-Li'an juga disebut *al-ilti'an* dan *al-mula'anah* yang berasal dari perkataan "اللعن" iaitu jauh dari rahmat Allah.

Li'an adalah jika seorang suami meyakini atau mengetahui isterinya berbuat zina, maka suami itu hendaklah bersumpah sebanyak empat kali, kemudian untuk sumpah kali yang kelima dia mesti menyatakan laknat Allah ke atas dirinya jika dia berdusta.

٣٢٨- عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَأَلَ فُلَانٌ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، أَرَأَيْتَ أَنْ لَوْ وَجَدَ أَحَدُنَا امْرَأَتَهُ عَلَى فَاحِشَةٍ، كَيْفَ يَصْنَعُ؟ إِنْ تَكَلَّمَ تَكَلَّمَ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، وَإِنْ سَكَتَ سَكَتَ عَلَى مِثْلِ ذَلِكَ، فَلَمْ يُجِبْهُ، فَلَمَّا كَانَ بَعْدَ ذَلِكَ أَتَاهُ، فَقَالَ: إِنَّ الَّذِي سَأَلْتُكَ عَنْهُ قَدِ ابْتُلِيتُ بِهِ، فَأَنْزَلَ اللهُ الْآيَاتِ فِي سُورَةِ النُّورِ، فَتَلَاهُنَّ عَلَيْهِ وَوَعَظَهُ وَذَكَّرَهُ، وَأَخْبَرَهُ أَنَّ عَذَابَ الدُّنْيَا أَهْوَنُ مِنْ عَذَابِ الْآخِرَةِ. قَالَ: لَا، وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ مَا كَذَبْتُ عَلَيْهَا، ثُمَّ دَعَاهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَعَظَهَا كَذَلِكَ، قَالَتْ: لَا، وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ إِنَّهُ لَكَاذِبٌ، فَبَدَأَ بِالرَّجُلِ، فَشَهِدَ أَرْبَعَ شَهَادَاتٍ بِاللهِ، ثُمَّ ثَنَّى بِالْمَرْأَةِ، ثُمَّ فَرَّقَ بَيْنَهُمَا. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

328- Daripada Ibu 'Umar (r.a), beliau berkata: "Si fulan bertanya: "Wahai Rasulullah, bagaimana pendapat tuan sekiranya seorang di antara kami menjumpai isterinya sedang melakukan perbuatan zina? Apa mesti dia lakukan? Jika bercakap, dia telah membicarakan masalah yang besar, sebaliknya jika berdiam, dia pun mendiamkan suatu masalah yang besar pula. Baginda tidak menjawab soalannya itu. Setelah itu dia datang lagi dan berkata: "Sesungguhnya masalah yang saya tanyakan tadi adalah musibah yang saya alami sendiri." Allah kemudian menurunkan beberapa ayat dalam

surah al-Nur. Baginda pun membacakannya, memberi nasihat-nasihat dan mengingatkannya sekali gus memberitahu bahawa seksa dunia lebih ringan berbanding seksa di akhirat kelak. Si fulan itu berkata: "Tidak, demi Allah yang telah mengutus tuan dengan kebenaran, saya tidak berbohong dalam masalah ini." Kemudian baginda memanggil isterinya lalu memberinya nasihat seperti mana yang dilakukan kepada suaminya tadi. Si isteri berkata: "Tidak, demi Allah yang mengutus tuan dengan kebenaran, dia adalah berbohong. Baginda kemudian menyuruh lelaki itu membaca syahadat sebanyak empat kali dan setelah itu baginda menyuruh isterinya untuk melakukan perkara yang sama. Baginda kemudian menceraikan pasangan suami isteri itu." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1128).

Makna Hadith

Hukum syari'at sentiasa menyuruh umat Islam untuk memutuskan orang yang sedang bersengketa dengan sumpah atau bukti. Seorang lelaki yang mengetahuai perbuatan khianat isterinya, baik terhadap dirinya mahupun terhadap agamanya, sering kali sukar untuk dibuktikan dengan menghadirkan empat orang saksi supaya isterinya itu ditetapkan sebagai telah berzina kemudian dijatuhkan hukum rejam ke atasnya.

Jika ini tidak dapat dilakukan, maka mesti ada jalan keluar yang lain, kerana seperti yang diungkapkan pelaku kisah dalam hadith ini bahawa jika bercakap, maka dia membicarangan masalah besar, namun jika berdiam, maka dia pun mendiamkan masalah yang besar pula, kerana tidak mempunyai bukti atau saksi. Satu-satunya cara untuk menyelesaikan perkara ini adalah sumpah ketika bukti atau saksi sukar dilakukan.

Syari'at Islam sentiasa memberi perhatian serius dalam setiap permasalahan umatnya, terlebih lagi masalah perkahwinan dan kehormatan. Ia pun memerintahkan orang yang bersangkutan bersumpah sebanyak empat kali, kemudian untuk sumpah kali yang kelima dia menyatakan bahawa laknat Allah akan ditimpakan ke atas dirinya jika dia berbohong. Ini bagi mengelakkan sumpah tidak dipermainkan hingga seseorang tidak sewenang-wenang menjatuhkan maruah isterinya, sengaja menceraikannya dan menyia-nyiakan haknya.

Analisis Lafaz

"فُلَانٌ", dalam banyak riwayat disebutkan beliau adalah 'Uwaimir al-'Ajlani.

"عَلَى فَاحِشَةٍ", yakni perbuatan zina.

"بِأَمْرٍ عَظِيمٍ", melakukan perkara besar, kerana berita itu teramat keji. Dalam riwayat Ibn Mas'ud disebutkan: "Jika aku mengatakannya, kamu akan menyebatnya. Jika aku bunuh, kamu akan membunuhnya. Jika aku

diam, bererti aku menyimpan api dalam sekam."

"سَكَتَ عَلَى مِثْلِ ذَلِكَ", mendiamkan masalah besar itu, kerana dia telah melakukan perbuatan yang teramat keji.

"فَلَمْ يُجِبْهُ", Rasulullah (s.a.w) tidak menjawabnya, kerana baginda tidak ingin memberi jawapan ke atas suatu peristiwa yang belum benar-benar terjadi. Dalam kaitan ini, Allah (s.w.t) berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَسۡـَٔلُواْ عَنۡ أَشۡيَآءَ إِن تُبۡدَ لَكُمۡ تَسُؤۡكُمۡ وَإِن تَسۡـَٔلُواْ عَنۡهَا حِينَ يُنَزَّلُ ٱلۡقُرۡءَانُ تُبۡدَ لَكُمۡ عَفَا ٱللَّهُ عَنۡهَاۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ۝١٠١

"*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu bertanyakan (kepada Nabi) perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu, dan jika kamu bertanya mengenainya ketika diturunkan Al-Quran, tentulah akan diterangkan kepada kamu. Allah maafkan (kamu) dari (kesalahan bertanyakan) perkara-perkara itu (yang tidak dinyatakan di dalam Al-Quran); kerana Allah Maha pengampun, lagi Maha penyabar.*" (Surah al-Ma'idah: 101)

Allah (s.w.t) kemudian menurunkan surah al-Nur seperti mana yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi:

وَٱلَّذِينَ يَرۡمُونَ أَزۡوَٰجَهُمۡ وَلَمۡ يَكُن لَّهُمۡ شُهَدَآءُ إِلَّآ أَنفُسُهُمۡ فَشَهَٰدَةُ أَحَدِهِمۡ أَرۡبَعُ شَهَٰدَٰتِۭ بِٱللَّهِ إِنَّهُۥ لَمِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ۝٦ وَٱلۡخَٰمِسَةُ أَنَّ لَعۡنَتَ ٱللَّهِ عَلَيۡهِ إِن كَانَ مِنَ ٱلۡكَٰذِبِينَ ۝٧ وَيَدۡرَؤُاْ عَنۡهَا ٱلۡعَذَابَ أَن تَشۡهَدَ أَرۡبَعَ شَهَٰدَٰتِۭ بِٱللَّهِ إِنَّهُۥ لَمِنَ ٱلۡكَٰذِبِينَ ۝٨ وَٱلۡخَٰمِسَةَ أَنَّ غَضَبَ ٱللَّهِ عَلَيۡهَآ إِن كَانَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ۝٩

"*Dan orang-orang yang menuduh isterinya berzina, sedang mereka tidak ada saksi-saksi (yang mengesahkan tuduhannya itu) hanya dirinya sendiri, maka persaksian (sah pada syarak) bagi seseorang yang menuduh itu hendaklah ia bersumpah dengan nama Allah, empat kali, bahawa sesungguhnya ia dari orang-orang yang benar; Dan sumpah yang kelima (hendaklah ia berkata): Bahawa laknat Allah akan menimpa dirinya jika ia dari orang-orang yang dusta. Dan bagi menghindarkan hukuman seksa dari isteri (yang kena tuduh) itu hendaklah ia bersumpah dengan nama Allah, empat kali, bahawa suaminya (yang menuduh) itu sesungguhnya adalah dari orang-orang yang berdusta; Dan sumpah yang kelima (hendaklah ia berkata); Bahawa kemurkaan Allah akan menimpa dirinya jika suaminya dari orang-orang yang benar.*" (Surah al-Nur: 6-9)

Dalam hadith Sahl bin Sa'ad seperti yang diriwayatkan oleh al-Bukhari bahawa sebab turunnya surah al-Nur ini adalah soalan 'Uwaimir. Hal serupa turut di sebut dalam hadith Ibn Abbas, tetapi dalam hadith Ibn Abbas yang

diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim bahawa sebab turunnya ayat ini kerana Hilal bin Umayyah mengqazaf (menuduh isterinya berzina) dengan Syarik bin Samha'.

Menurut pendapat yang kuat, ayat ini turun kepada dua peristiwa itu. Ibn Hajar alam kitab Fath al-Bari berkata: "Kini saya memiliki tafsiran lain, di mana 'Ashim yang diutus oleh 'Uwaimir untuk bertanya telah menanyakan masalah ini sebelum turunnya surah al-Nur itu. Setelah itu, Hilal datang dan menanyakan masalahnya, lalu turunlah ayat tersebut ketika dia sedang bertanya. 'Uwaimir kemudian datang bertanya untuk yang kedua kalinya dan dia mendapati ayat-ayat telah turun untuk menjawab persoalan yang dihadapi Hilal. Rasulullah (s.a.w) kemudian memberitahu bahawa ayat tersebut turun untuk dirinya, yakni ayat ini turun untuk setiap permasalahan yang serupa dengan kes yang dialami 'Uwaimir dan ia tidak berlaku khusus kepada kes Hilal.

"فَتَلَاهُنَّ", Rasulullah (s.a.w) membacakan ayat tersebut untuk mereka.

"وَوَعَظَهُ وَذَكَّرَهُ", mengingatkan dan memberinya nasihat.

"عَذَابَ الدُّنْيَا أَهْوَنُ", Rasulullah (s.a.w) mengatakan demikian dikhuatirkan dia telah berbuat jahat kepada isterinya atau ada keinginan menceraikan isterinya tanpa memberikan mut'ah (saguhati) kepadanya. Bersabar menghadapi azab dunia lebih baik dariapada menghadapi azab akhirat sebagai balasan ke atas apa yang telah dilakukan kepada isterinya seperti menuduhnya berbuat zina. Azab dunia di sini boleh ditafsirkan dengan sebatan.

"فَوَعَظَهَا كَذَلِكَ", baginda turut menasihati isterinya. Dalam riwayat al-Tirmidhi bahawa Rasulullah (s.a.w) mengingatkan isterinya: "Seksa dunia baginya adalah rejam."

"مَا كَذَبْتُ عَلَيْهَا", aku tidak berbohong terhadap tuduhanku kepadanya.

"فَشَهِدَ أَرْبَعَ شَهَادَاتٍ بِاللهِ", al-Tirmidhi menambahkan: "sesungguhnya dia mengaku diri sebagai orang yang jujur di atas tuduhannya, kemudian sumpah kali yang kelima ditegaskan dia berhak mendapat laknat Allah ke atas dirinya jika dia berbohong dalam tuduhannya itu."

"ثُمَّ ثَنَّى", kemudian Rasulullah (s.a.w) menyuruh isterinya bersumpah setelah suaminya terlebih dahulu melakukannya. Dia bersumpah bahawa suaminya termasuk orang yang berdusta, kemudian sumpah kali yang kelima kemurkaan Allah ke atas dirinya jika suaminya termasuk orang-orang yang benar dalam tuduhannya.

"فَرَّقَ بَيْنَهُمَا", baginda menceraikan pasangan suami isteri itu atau memfasakhkan mereka.

"رَوَاهُ مُسْلِمٌ", al-Bukhari dan Abu Dawud turut meriwayatkannnya secara ringkas sedangkan al-Tirmidhi meriwayatkannya secara panjang lebar.

Fiqh Hadith

1. Tidak boleh memberikan jawapan terhadap permasalahan yang belum pasti terjadi. Imam al-Syafi'i berkata: "Menanyakan hukum suatu permasalahan ketika wahyu masih diturunkan adalah dilarang supaya tidak turun ayat yang justeru malah menyusahkan dan menyulitkan. Dalam kaitan ini, Allah (s.w.t) berfirman:

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا تَسْـَٔلُوا۟ عَنْ أَشْيَآءَ إِن تُبْدَ لَكُمْ تَسُؤْكُمْ وَإِن تَسْـَٔلُوا۟ عَنْهَا حِينَ يُنَزَّلُ ٱلْقُرْءَانُ تُبْدَ لَكُمْ عَفَا ٱللَّهُ عَنْهَا ۗ وَٱللَّهُ غَفُورٌ حَلِيمٌ ﴿١٠١﴾

"*Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu bertanyakan (kepada Nabi) perkara-perkara yang jika diterangkan kepada kamu akan menyusahkan kamu, dan jika kamu bertanya mengenainya ketika diturunkan Al-Quran, tentulah akan diterangkan kepada kamu. Allah maafkan (kamu) dari (kesalahan bertanyakan) perkara-perkara itu (yang tidak dinyatakan di dalam Al-Quran); kerana Allah Maha pengampun, lagi Maha penyabar.*" (Surah al-Ma'idah: 101)

Dalam satu hadith Rasulullah (s.a.w) bersabda:

أَعْظَمُ النَّاسِ جُرْمًا مَنْ سَأَلَ عَنْ شَيْءٍ لَمْ يُحْرَمْ فَحُرِّمَ مِنْ أَجْلِ مَسْأَلَتِهِ.

"Sebesar-besar dosa seorang manusia adalah ketika dia menanyakan suatu permasalahan yang sebenarnya tidak diharamkan, namun ia diharamkan hanya kerana soalannya itu." (Diriwayatkan oleh Muslim).

Al-Khatthbi berkata: Dalam al-Qur'an, soalan itu adalah dua, iaitu: pertama, soalan untuk meminta penjelasan dan pembelajaran yang sememangnya diperlukan dalam urusan agama; kedua, soalan untuk menyusahkan diri. Jenis soalan pertama dibolehkan, malah digalakkan dan kadang kala diwajibkan. Dalam kaitan ini, Allah (s.w.t) berfirman:

..... فَسْـَٔلُوٓا۟ أَهْلَ ٱلذِّكْرِ إِن كُنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٧﴾

"*... maka bertanyalah kamu kepada 'ahluz zikri' jika kamu tidak mengetahui.*" (Surah al-Anbiya': 7) Al-Qur'an sendiri pernah menjawab soalan tentang haji dan masalah haid. Sementara soalan yang kedua dilarang seperti bertanya tentang ruh dan hari kiamat, kerana tidak adanya jawapan kepada orang yang bertanya adalah sebagai teguran supaya dia tidak lagi bertanya mengenainya.

2. Dianjurkan memberi nasihat kepada orang yang hendak melakukan li'an dengan tujuan salah seorang daripada mereka ada yang mengalah.
3. Suami hendaklah lebih dahulu bersumpah, kemudian disusuli isteri sebagaimana yang ditegaskan al-Qur'an dan ijma' ulama, tetapi mereka berbeza pendapat sama ada ia wajib atau sebaliknya. Menurut jumhur ulama, mendahulukan suami hukumnya wajib. Menurut Imam Abu Hanifah, boleh mendahulukan wanita untuk bersumpah, kerana ayat ini tidak mewajibkan tertib dalam melakukan sumpah li'an.
4. Li'an terjadi perceraian secara serta merta sebaik dilakukan li'an, sebaliknya perceraian dilakukan oleh keputusan hakim atau kadi. Inilah pendapat sekumpulan ulama dan mereka mengemukakan dalil dengan hadith sahih bahawa seorang lelaki menjatuhkan talak tiga kepada isterinya setelah melakukan li'an, kemudian Rasulullah (s.a.w) memperakui itu. Hadith ini dihuraikan pada no. (332). Jumhur ulama mengatakan perceraian terjadi dengan adanya li'an. Mereka kemudian berbeza pendapat, di mana menurut Imam al-Syafi'i, li'an menyebabkan perceraian sebaik ia telah dilakukan secara sempurna. Menurut Imam Ahmad pula perceraian tidak terjadi melainkan setelah dilakukan li'an dengan sempurna. Inilah pendapat mazhab Zahiri dan mazhab Maliki. Dalil jumhur ulama dalam masalah ini adalah hadith dalam Sahih Muslim: "Inilah perceraian di antara pasangan suami isteri yang berli'an." Apapun, jumhur ulama bersepakat bahawa wanita yang telah dili'an tidak sah untuk dinikahi semula oleh suaminya untuk selama-lamanya, meskipun wanita itu telah berkahwin dan kemudian bercerai dengan lelaki yang lain. Apakah perceraikan li'an dinamakan fasakh atau talak? Menurut Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad dan sekumpulan ulama, perceraian ini disebut fasakh dan wanita tersebut menjadi haram baginya untuk selama-lamanya. Ini kerana li'an bukan lafaz talak *sarih* dan bukan pula lafaz talak *kinayah* dan perceraian terjadi sebaik li'an dilakukan. Menurut Imam Abu Hanifah, perceraian ini disebut talak ba'in.

Penting

Apakah suami yang melakukan li'an dijatuhi hukuman sebat kerana telah menuduh berbuat zina dan menuduh lelaki lain berbuat zina dengan isterinya?

Ulama bersepakat untuk tidak menjatuhkan hukuman hudud ke atas suami yang menuduh isterinya berbuat zina, tetapi mereka berbeza pendapat mengenai lelaki yang dituduh berbuat zina dengan isterinya itu.

Menurut Imam al-Syafi'i, hukuman hudud sebat dijatuhkan apabila nama lelaki itu disebut ketika melakukan lian. Jika tidak, maka dia dijatuhi

hukuman sebat. Menurut Imam Abu Hanifah, hukuman hudud wajib ke atas lelaki yang menuduh lelaki berzina dengan isterinya.

٣٢٩- وَعَنْهُ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِلْمُتَلَاعِنَيْنِ: "حِسَابُكُمَا عَلَى اللهِ تَعَالَى، أَحَدُكُمَا كَاذِبٌ لَا سَبِيلَ لَكَ عَلَيْهَا"، قَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، مَالِي؟ قَالَ: "إِنْ كُنْتَ صَدَقْتَ عَلَيْهَا، فَهُوَ بِمَا اسْتَحْلَلْتَ مِنْ فَرْجِهَا، وَإِنْ كُنْتَ كَذَبْتَ عَلَيْهَا، فَذَاكَ أَبْعَدُ لَكَ مِنْهَا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

329- Daripada Ibn 'Umar (r.a), Rasulullah (s.a.w) bersabda kepada pasangan suami isteri yang sedang berli'an: "Hisab amalan kamu terserah kepada Allah, salah seorang di antara kamu berdua pasti ada yang bohong dan tidak ada jalan lain untukmu mengambil mahar yang telah diberikan kepada isterimu dahulu." Si suami berkata: Wahai Rasulullah, itu harta milikku." Baginda bersabda: "Jika kamu benar, maka ia dijadikan sebagai ganti kepada kehormatannya yang telah kamu halalkan sebelum ini. Jika kamu berbohong, maka mas kahwinmu itu adalah mustahil untuk kamu memilikinya semula." (Muttafaq 'alaih: 1129).

Makna Hadith

Hadith ini memiliki maksud yang dengan hadith sebelumnya, namun disebutkan tentang mahar yang telah diberikan kepada isteri, di mana ia sudah menjadi hak sepenuhnya kaum perempuan. Ia dianggap sebagai ganti rugi kerana suami sudah menyetubuhinya dan menikmatinya sepanjang usia perkahwinan hingga terjadinya li'an itu.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهُ", periwayat hadith ini sama dengan periwayat yang sebelumnya, Ibn 'Umar (r.a).

"لِلْمُتَلَاعِنَيْنِ", dua orang yang saling berli'an di sini adalah 'Uwaimir dan isterinya.

"لَا سَبِيلَ لَكَ عَلَيْهَا", tidak ada kuasa atau hak bagimu ke atasnya. Maksudnya mahar yang telah diberikan kepadanya tidak boleh kami mengambilnya lagi.

"مَالِي", yakni mahar itu adalah milikku. Dia tidak memiliki hak untuk mengambilnya?

"اسْتَحْلَلْتَ مِنْ فَرْجِهَا", kerana kamu telah bersenang-senang dengannya dan kamu telah memecah keperawanannya.

"فَذَاكَ أَبْعَدُ", maka itu lebih tidak mungkin bagimu untuk mengambilnya.

Fiqh Hadith

1. Disunatkan memberi nasihat sebelum dilakukan li'an dan mengingatkan mereka dengan laknat dan seksa Allah ke atas mereka.
2. Isteri yang telah disetubuhi berhak mendapat keseluruhan mahar, pendapat ini mengikut ijma' ulama.
3. Isteri yang belum sempat disetubuhi tidak berhak mendapat keseluruhan mahar, sebaliknya dia hanya berhak mendapat separuh mahar sahaja sama seperti wanita yang ditalak sebelum disetubuhi. Inilah pendapat jumhur ulama, sedangkan menurut Abu al-Zinad, al-Hakam dan Hammad, isteri yang belum pernah disetubuhi berhak menerima keseluruhan mahar. Menurut al-Zuhri yang diriwayatkan daripada Imam Malik, dia tidak memperoleh apa-apa.

٣٣٠- وَعَنِ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "أَبْصِرُوهَا، فَإِنْ جَاءَتْ بِهِ أَبْيَضَ سَبِطًا فَهُوَ لِزَوْجِهَا، وَإِنْ جَاءَتْ بِهِ أَكْحَلَ جَعْدًا فَهُوَ الَّذِي رَمَاهَا بِهِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

330- Daripada Anas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Lihatlah perempuan itu; jika dia kelak melahirkan anak berkulit putih dan berambut lurus, maka anak itu adalah keturunan suaminya; jika dia melahirkan anak berkulit hitam dan berambut keriting, maka anak itu adalah keturunan orang yang dituduh oleh suaminya." (Muttafaq 'alaih: 1130).

Makna Hadith

Hadith ini merupakan sebahagian daripada hadith Hilal bin Umayyah yang mengqazaf (menuduh isterinya berzina) hingga akhirnya mereka melakukan li'an. Lafaz hadith yang selengkapnya adalam Sahih Muslim adalah sebagai berikut:

إِنَّ هِلَالَ بْنَ أُمَيَّةَ قَذَفَ امْرَأَتَهُ بِشَرِيكِ ابْنِ سَحْمَاءَ، وَكَانَ أَخَا الْبَرَاءِ بْنِ مَالِكٍ لِأُمِّهِ، وَكَانَ أَوَّلَ رَجُلٍ لَاعَنَ فِي الْإِسْلَامِ، قَالَ: فَلَاعَنَهَا، فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ

وَسَلَّمَ: أَبْصِرُوهَا؛ فَإِنْ جَاءَتْ بِهِ أَبْيَضَ سَبِطًا قَضِيءَ الْعَيْنَيْنِ فَهُوَ لِهِلَالِ بْنِ أُمَيَّةَ، وَإِنْ جَاءَتْ بِهِ أَكْحَلَ جَعْدًا حَمْشَ السَّاقَيْنِ فَهُوَ لِشَرِيكِ ابْنِ سَحْمَاءَ، قَالَ: فَأُنْبِئْتُ أَنَّهَا جَاءَتْ بِهِ أَكْحَلَ جَعْدًا حَمْشَ السَّاقَيْنِ.

"Hilal bin Umayyah mengqazaf (menuduh isterinya berzina) dengan Syarik bin Samha' yang merupakan saudara seibu al-Barra' bin Malik. Dia orang pertama yang melakukan li'an dalam Islam. Hilal pun terus melakukan li'an. Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Lihatlah perempuan itu; jika dia kelak melahirkan anak berkulit putih, berambut lurus dan kedua matanya bengkak, maka anak itu adalah anak Hilal bin Umayyah; jika dia melahirkan anak berkulit hitam, berambut keriting dan lembut kedua kakinya, maka anak itu adalah anak Syarik bin Samha'." Aku kemudian diberitahu bahawa perempuan itu melahirkan anak yang berkulit hitam, berambut keriting dan lembut kedua kakinya.

Pada bahagian akhir hadith Ibn Abbas turut dikemukakan cerita yang sama dengan hadith Anas dan lafaznya adalah sebagai berikut:

أَبْصِرُوهَا؛ فَإِنْ جَاءَتْ بِهِ أَكْحَلَ الْعَيْنَيْنِ سَابِغَ الْأَلْيَتَيْنِ خَدَلَّجَ السَّاقَيْنِ فَهُوَ لِشَرِيكِ ابْنِ سَحْمَاءَ فَجَاءَتْ بِهِ كَذَلِكَ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَوْلَا مَا مَضَى مِنْ كِتَابِ اللهِ لَكَانَ لِي وَلَهَا شَأْنٌ.

"Lihatlah perempuan itu; jika dia kelak melahirkan anak beralis hitam pada kedua matanya, kedua pipi punggung yang besar dan kedua kaki panjang, maka anak itu adalah anak Syarik bin Samha'." Perempuan itu kemudian melahirkan anak persis seperti mana yang digambarkan oleh Rasulullah (s.a.w) itu. Baginda kemudian bersabda: "Jika bukan kerana sudah ada ketetapan dalam kitab Allah, aku sebetulnya sudaha menaruh curiga terhadap perempuan itu." Inilah lafaz al-Bukhari.

Analisis Lafaz

"أَبْصِرُوهَا", lihatlah anak yang bakal dilahirkannya itu.

"سَبِطًا", rambut yang lurus. Ada yang mengatakan ia bermaksud sempurna ciptaan dan berbadan tinggi. Dalam riwayat Muslim ditambahkan: "قَضِيءَ الْعَيْنَيْنِ" (matanya bengkak lantaran menangis atau berwarna merah).

"لِزَوْجِهَا", Hilal

"أَكْحَلَ", warna rambut yang hitam seolah-olah diberi celak.

"جَعْدًا", anak lelaki yang bertubuh pendek. Ada yang mengatakan anak yang berambut keriting.

"رَمَاهَا بِهِ", maksudnya Syarik bin Samha'.

"مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ", saya tidak menjumpainya selain dalam Sahih Muslim. Al-Bukhari meriwayatkannya daripada Ibn Abbas (r.a) dan al-Mizzi menisbahkannya dalam kitab al-Tuhfah kepada Muslim dan al-Nasa'i. Al-Hafiz Ibn Hajar di sini telah melakukan kesilapan.

Fiqh Hadith

1. Sah melakukan li'an kepada isteri yang sedang mengandung dan tidak perlu ditangguh hingga dia melahirkan. Inilah pendapat ini menurut jumhur ulama. Menurut Abu Yusuf, Muhammad yang diriwayatkan daripada Imam Abu Hanifah, dan Imam Ahmad, tidak boleh melakukan li'an ketika hamil kerana dikhuatiri perut kembung itu lantaran masuk angin.
2. Kemiripan anak yang dilahirkan kelak tetap diambil kira untuk memastikan siapa yang berbohong dan siapa pula yang sebaliknya, walaupun ia tidak ada konsekuensi hukum.

٣٣١- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ رَجُلاً أَنْ يَضَعَ يَدَهُ عِنْدَ الْخَامِسَةِ عَلَى فِيهِ، وَقَالَ: إِنَّهَا مُوجِبَةٌ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ.

331- Daripada Ibn 'Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) menyuruh seorang lelaki meletakkan tangannya di mulutnya pada kali kelima dan berkata: "Sumpah yang kelima ini betul-betul menentukan cerai atau mendapat seksa akhirat." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i, periwayatnya thiqoh: 1131).

Makna Hadith

Sebelum ini telah ditegaskan bahawa tujuan mengulang-ulangi sumpah serta memohon diturunkan laknat ke atas orang yang berbohong adalah bagi memastikan tidak adanya sikap sewenang-wenang dalam menuduh isteri berlaku curang.

Demikian pula dianjurkan untuk memberikan nasihat kepada orang yang hendak mengadakan li'an, malah ini sebaiknya dilakukan di dalam masjid seperti mana yang ditegaskan oleh al-Bukhari. Hadith ini menegaskan kembali betapa penting masalah ini sekali gus mengingatkan orang yang

berli'an bahawa perbuatan keji seperti ini jika memang benar-benar terjadi bakal diseksa oleh Allah.

Analisis Lafaz

"مُوجِبَةٌ", ada yang mengatakan ia mewajibkan perceraian. Ada pula yang mengatakan ia berhak mendapat azab jika dia berdusta. Maksudnya bagi yang berdusta berhak mendapat seksaan api neraka. Tafsiran ini lebih mendekati kebenaran, kerana lafaz ini yang sering diguna pakai dalam kebanyakan hadith.

Fiqh Hadith

Disunatkan bagi lelaki meletakkan tangannya di mulut ketika sampai kepada sumpah yang kelima. Menurut al-Rafi'i, ini juga disunatkan untuk wanita.

٣٣٢- وَعَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ -فِي قِصَّةِ الْمُتَلَاعِنَيْنِ- قَالَ: فَلَمَّا فَرَغَا مِنْ تَلَاعُنِهِمَا قَالَ: كَذَبْتُ عَلَيْهَا يَا رَسُولَ اللهِ، إِنْ أَمْسَكْتُهَا، فَطَلَّقَهَا ثَلَاثًا قَبْلَ أَنْ يَأْمُرَهُ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

332- Daripada Sahl bin Sa'ad (r.a) dalam kisah suami isteri yang berli'an, beliau berkata: "Ketika mereka selesai membaca kalimat-kalimat li'an, si suami berkata: "Wahai Rasulullah, saya telah berbohong kepadanya apabila saya masih menjadi suaminya. Dia pun menceraikan dengan talak tiga sebelum diperintahkan oleh Rasulullah (s.a.w)." (Muttafaq 'alaih: 1132).

٣٣٣- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَجُلاً جَاءَ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنَّ امْرَأَتِي لَا تَرُدُّ يَدَ لَامِسٍ. قَالَ: غَرِّبْهَا. قَالَ: أَخَافُ أَنْ تَتْبَعَهَا نَفْسِي. قَالَ: فَاسْتَمْتِعْ بِهَا. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَالْبَزَّارُ، وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ.

وَأَخْرَجَهُ النَّسَائِيُّ مِنْ وَجْهٍ آخَرَ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ بِلَفْظٍ: قَالَ: طَلِّقْهَا، قَالَ: لَا أَصْبِرُ عَنْهَا. قَالَ: فَأَمْسِكْهَا.

333- Daripada Ibn 'Abbas (r.a) bahawa ada seorang lelaki datang menghadap Rasulullah (s.a.w) lalu berkata: "Sesungguhnya isteriku tidak mahu menolak tangan orang yang menyentuh atau mengusik dirinya." Baginda bersabda:

Ceraikan dia." Dia berkata: "Aku khuatir hatiku tidak tahan berpisah dengannya." Baginda bersabda: "Hendaklah kamu bersenang-senang dengannya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Tirmidhi dan al-Bazzar, periwayatnya thiqoh).

Al-Nasa'i meriwayatkannya menerusi jalur yang lain daripada Ibn 'Abbas dengan lafaz sebagai berikut: "Baginda bersabda: "Ceraikan dia." Dia berkata: "Aku tidak tahan meninggalkannya." Baginda bersabda: "Kalau begitu, tahanlah dia (jangan kamu menceraikannya). (1133).

Makna Hadith

Ulama berbeza pendapat mengenai makna hadith ini kepada dua pendapat yang saling bercanggah antara satu sama lain. Ulasan selanjutnya boleh merujuk kepada analisis lafaz berikut ini.

Analisis Lafaz

"لَا تَرُدُّ يَدَ لَامِسٍ", Ibn Hajar dalam kitab al-Talkhis berkata: "Ada dua tafsiran terhadap kalimat ini. Tafsiran pertama, berzina, di mana dia tidak menolak setiap kali diajak orang lain untuk berbuat zina." Inilah tafsiran ini Abu 'Ubaid, al-Khallal, al-Nasa'i, Ibn al-'Arabi, al-Khatthabi, al-Ghazali, al-Nawawi dan al-Rafi'i."

"Tafsiran kedua, pembaziran, di mana dia tidak pernah menahan tangannya untuk mengeluarkan harta suaminya jika ada orang lain datang meminta-minta kepadanya. Inilah tafsiran ini Imam Ahmad, al-Ashmu'i, Muhammad bin al-Nashir dan Ibn al-Jauzi di mana beliau memperotes keras ke atas ulama mengemukakan tafsiran yang pertama."

Apapun, Ibn Hajar berkata: "Al-Qadhi Abu al-Thayyib merajihkan pendapat yang pertama, kerana sifat dermawan sememangnya digalakkan dan baginda tidak perlu menyuruh suaminya untuk mentalaknya. Ini kerana isterinya memboroskan harta miliknya sendiri, maka dia berhak membelanjakannya sesuka hatinya. Jika harta itu milik suaminya, maka suami wajib menjaga hartanya sendiri dan ini tidak mungkin boleh dijadikan sebagai alasan untuk menceraikannya. Mengikut pendapat yang kuat, perkataan "لَا تَرُدُّ يَدَ لَامِس" tidak bermaksud isterinya itu tidak mahu menepis tangan gatal yang menyentuh dirinya untuk bersenang-senang meskipun tidak sampai bersetubuh, kerana Rasulullah (s.a.w) tidak menetapkan hukum qazaf bagi si suami. Ada pula kemungkinan si suami memahami bahawa isterinya tidak dapat menahan diri apabila diajak orang lain untuk melakukan perbuatan keji, namun itu tidak bermaksud benar-benar terjadi."

Al-Shan'ani pula berkata: "Tafsiaran pertama yang mengatakan perbuatan zina sangat jauh daripada makna yang sebenar, kerana tidak

selari dengan firman Allah (s.w.t):

ٱلزَّانِى لَا يَنكِحُ إِلَّا زَانِيَةً أَوْ مُشْرِكَةً وَٱلزَّانِيَةُ لَا يَنكِحُهَآ إِلَّا زَانٍ أَوْ مُشْرِكٌ ۚ وَحُرِّمَ ذَٰلِكَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾

"*Lelaki yang berzina (lazimnya) tidak ingin berkahwin melainkan dengan perempuan yang berzina atau perempuan musyrik; dan perempuan yang berzina itu pula (lazimnya) tidak ingin berkahwin dengannya melainkan oleh lelaki yang berzina atau lelaki musyrik. Dan perkahwinan yang demikian itu terlarang kepada orang-orang yang beriman.*" (Surah al-Nur: 3). Jadi seorang mukmin diharamkan berkahwin dengan wanita penzina dan Rasulullah (s.a.w) tidak pernah menyuruh seseorang menjadi dayus. Oleh itu, tafsiran ini tidak betul."

"Tafsiran kedua yang mengatakan pembaziran juga jauh dari kebenaran, kerana suaminya sebenarnya boleh melarangnya daripada berbuat demikian dan masalah ini tidak mungkin telah mendorong Rasulullah (s.a.w) menyuruh suaminya menceraikan isterinya. Tambahan pula pakar bahasa tidak pernah menggunakan kalimat "لَا تَرُدُّ يَدَ لَامِسٍ" ini sebagai kinayah terhadap sifat dermawan."

Kata al-Shan'ani lagi: "Tafsiran yang paling mendekati kebenaran adalah wanita tersebut mempunyai sifat ramah tamah yang berlebihan di mana dia tidak memiliki perasaan segan untuk bertegur sapa dengan lelaki lain, namun tidak bermaksud dia melakukan perbuatan maksiat dengan lelaki lain. Ini kerana ramai orang baik lelaki mahupun wanita yang memiliki sifat seperti ini, di mana dia ramah dengan orang lain, namun dia tetap menjauhi perbuatan maksiat. Jika maksud perkataan itu adalah memberitahu kepada Rasulullah (s.a.w) bahawa istrinya telah berbuat zina, maka lelaki dianggap telah mengqazafnya.

"غَرِّبْهَا", ceraikanlah dia, sebagaimana diterangkan dalam riwaya lain.

"تَتْبَعَهَا نَفْسِي", hatiku tidak mampu mencerainya, kerana aku sentiasa ingin bersamanya.

"فَأَمْسِكْهَا", kalau begitu, jangan menceraikannya. Ada yang mengatakan maksudnya adalah cegahlah dia supaya tidak melakukan perbuatan zina atau pembaziran dengan sentiasa mengawasinya.

"وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ", al-Nawawi menilai hadith ini sahih, namun Ibn al-Jauzi malah mengatakannya sebagai mawdhu'. Al-Nasa'i berkata setelah meriwayatkannya menerusi jalur yang lain: "Hadith ini tidak sahih." Baginya, ia adalah mursal.

Dalam perkembangan yang lain, Imam Ahmad mengatakan bahawa tidak ada sahih dalam masalah ini, yakni berkahwin dengan perempuan pezina. Apapun, apa yang dikatakannya itu tidak menyebabkan hadith ini daif.

Fiqh Hadith

1. Seorang suami boleh mengadukan permasalahan keluarganya kepada hakim atau kepada orang yang dapat dipercayainya dengan tujuan agar mendapat petunjuk dan bimbingan.
2. Boleh menggambarkan perbuatan seorang lelaki mahupun perempuan ketika itu memang diperlukan.
3. Boleh memberi nasihat kepada seorang lelaki untuk menceraikan isterinya jika itu mendatangkan maslahat baginya.
4. Boleh berkahwin dengan pezina atau memperakui perkahwinannya.
5. Kebergantungn seorang suami kepada isterinya bukanlah suatu yang aib.

٣٣٤- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللهُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ -حِينَ نَزَلَتْ آيَةُ الْمُتَلَاعِنَيْنِ-: "أَيُّمَا امْرَأَةٍ أَدْخَلَتْ عَلَى قَوْمٍ مَنْ لَيْسَ مِنْهُمْ، فَلَيْسَتْ مِنَ اللهِ فِي شَيْءٍ، وَلَنْ يُدْخِلَهَا اللهُ جَنَّتَهُ، وَأَيُّمَا رَجُلٍ جَحَدَ وَلَدَهُ -وَهُوَ يَنْظُرُ إِلَيْهِ- احْتَجَبَ اللهُ عَنْهُ وَفَضَحَهُ اللهُ عَلَى رُءُوسِ الْخَلَائِقِ الْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَابْنُ مَاجَه، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ.

334- Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa beliau pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) ketika ayat li'an diturunkan: "Mana-mana perempuan yang memasukkan lelaki yang bukan keluarganya (ke dalam rumah), maka dia tidak memiliki apa-apa kemuliaan di sisi Allah dan kelak dia tidak dimasukkan ke dalam syurga. Mana-mana lelaki yang mengingkari anaknya sedangkan dia tahu itu adalah anaknya, Allah tidak memberinya rahmat dan dia dipermalukan di hadapan seluruh umat manusia generasi terdahulu dan generasi belakangan." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Nasa'i dan Ibn Majah, dinilah sahih oleh Ibn Hibban: 1134).

Makna Hadith

Seorang isteri yang berzina dengan orang lain dan mengandung anak haram diingatkan untuk tidak mengatakan anak itu adalah anak milik suaminya dan orang lain tidak mengetahui perkara itu padahal anak itu merupakan hasil perselingkuhannya dengan lelaki lain. Tambahan pula menisbahkan anak bukan kepada ayahnya merupakan perbuatan dosa besar.

Demikian pula seorang suami dilarang untuk tidak mengakui anak yang lahir sebagai anaknya dan darah dagingnya. Dalan satu riwayat disebutkan:

كَفَرَ مَنْ تَبَرَّأَ مِنْ نَسَبٍ وَإِنْ دَقَّ.

"Barang siapa yang tidak mengakui anaknya meskipun hanya satu detik, maka dia menjadi kafir."

Analisis Lafaz

"أَدْخَلَتْ عَلَى قَوْمٍ", dinisbahkan kepada orang yang bukan nasabnya yang sebenar seperti merahsiakan bahawa anak tersebut merupakan hasil perselingkuhannya dengan lelaki lain.

"مَنْ", maf'ul kepada perkataan "أدخلت", maksudnya adalah anak.

"لَيْسَ مِنْهُمْ", bukan keturunan mereka, tidak pula berasal dari darah dagingnya.

"فَلَيْسَتْ", yakni wanita tersebut.

"مِنَ اللهِ", dari agama-Nya atau tidak mendapat rahmat dan keampunanan-Nya.

"فِي شَيْءٍ", sesuatu yang dituduhnya.

"جَحَدَ", mengingkari.

"وَلَدَهُ", meskipun masih dalam bentuk janin.

"وَهُوَ يَنْظُرُ إِلَيْهِ", perkataan ini bermaksud makna sindiran sekali gus makna hakiki. Ia bermakna sindirin kerana sebagai pengetahuan bagi si janin dan bermakna hakiki telah hadap anak setelah dilahirkan.

"احْتَجَبَ اللهُ عَنْهُ", Allah menghalangi dan menjauhkannya daripada rahmat-Nya. Seseorang yang tidak dilihat oleh Allah pasti berakibat dengan kebinasaan baik di dunia mahupun di akhirat. Dalam satu hadith disebutkan: "Allah tidak memandang mereka, tidak menyucikan mereka dan mereka memperoleh seksa yang dahsyat."

"فَضَحَهُ", mengungkap kebohongannya, bahkan akan menjadikannya semakin hina dina.

"عَلَى رُءُوسِ الْخَلَائِقِ الْأَوَّلِينَ وَالْآخِرِينَ", di hadapan generasi terdahulu hingga generasi terkemudian pada hari kiamat kelak.

"وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ", ia dinilai sahih oleh Ibn Hibban. Al-Shan'ani berkata: "Hadith ini diriwayatkan oleh Abdullah bin Yunus seorang diri datipada Sa'id al-Maqbari daripada Abu Hurairah dan Abdullah tidak dikenali melainkan dalam hadith ini. Menilai hadith ini sebagai sahih masih perlu dikaji semula. Ia dinilai sahih oleh al-Daruquthni sekali gus mengakui yang

hadith ini diriwayatkan seorang diri oleh Abdullah."

Bagi pensyarah kitab ini, hadith ini diriwayatkan oleh Ibn Majah daripada jalur Musa bin 'Ubaidah daripada Yahya bin Harb daripada Sa'id daripada Abu Hurairah, meskipun Musa seorang periwayat daif dan gurunya pula majhul.

Ia diriwayatkan oleh al-Baghaqi daripada Sa'id, tetapi di dalam sanadnya terdapat orang yang masih diragui kedudukannya sebagai periwayat hadith.

Kata al-Shan'ani lagi: "Dalam masalah ini ada hadith yang diriwayatkan oleh al-Bazzar daripada Ibn Umar dan di dalam sanadnya terdapat Ibrahim bin Yazid seorang periwayat yang daif. Imam Ahmad meriwayatkannya daripada Mujahid daripada Ibn Umar dengan lafaz yang serupa."

Bagi pensyarah kitab ini, hadith ini Ibn Umar terdapat dalam Musnad Imam Ahmad, al-Tabrani dalam kitab al-Kabir, Abu Nu'aim dalam kitab al-Hilyah dan kesemua periwayatnya adalah thiqoh. Hadith ini dengan kesemua jalur dan *syahid* ini adalah sahih.

Fiqh Hadith

1. Disunatkan untuk mengingatkan pasangan suami isteri yang hendak berli'an sebelum ia dimulakan supaya mereka tidak berbohong sekali gus menjelaskan bahawa perbuatan mengingkari anak merupakan dosa besar dan demikian pula merahsiakan perselingkuhan.
2. Dosa besar bagi orang yang tidak mahu mengakui anaknya dan demikian pula wanita yang merahsiakan anak hasil perselingkuhannya dengan lelaki lain.

*- وَعَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مَنْ أَقَرَّ بِوَلَدٍ طَرْفَةَ عَيْنٍ، فَلَيْسَ لَهُ أَنْ يَنْفِيَهُ. أَخْرَجَهُ الْبَيْهَقِيُّ، وَهُوَ حَسَنٌ مَوْقُوفٌ.

*- Daripada 'Umar (r.a), beliau berkata: "Barang siapa pernah mengakui anaknya walau hanya sekelip mata, maka dia tidak boleh mencabut lagi pengakuan itu." (Diriwayatkan oleh al-Baihaqi. Hadith gasan mawquf)

Makna Hadith

Mengingkari anak setelah sebelumnya diakuinya sebagai anaknya merupakan perbuatan yang tidak boleh diterima akal sihat, kerana tabiat semula jadi manusia tidak akan mengakui anak yang sememangnya bukan darah dagingnya.

Analisis Lafaz

"أَقَرَّ", mengakui dengan dirinya sendiri.

"طَرْفَةَ عَيْنٍ", yakni sekadar adanya pengakuan.

Fiqh Hadith

Tidak boleh menafikan anak setelah adanya pengakuan, pendapat ini berdasarkan ijma' ulama.

Mereka berbeza pendapat jika seorang lelaki berdiam setelah dia mengetahui keberadaan anaknya dan dia tidak menafikannya.

Menurut Imam al-Syafi'i dan Yahya, perbuatan menafikan anak hendaklah dilakukan dengan kadar yang segera. Ukurannya adalah adat kebiasaan. Jika dia sibuk menyalakan lampu atau memakai pakaian terlebih dahulu, maka itu tidak dianggap lambat atau sengaja melengahkannya. Pendapat lain mengatakan bahawa seseorang boleh menafikan anaknya selagi dia belum mati.

٣٣٥- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا قَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّ امْرَأَتِي وَلَدَتْ غُلَامًا أَسْوَدَ؟ قَالَ: هَلْ لَكَ مِنْ إِبِلٍ؟ قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: فَمَا أَلْوَانُهَا؟ قَالَ: حُمْرٌ. قَالَ: هَلْ فِيهَا مَنْ أَوْرَقَ؟ قَالَ: نَعَمْ. قَالَ: فَأَنَّى ذَلِكَ؟ قَالَ: لَعَلَّهُ نَزَعَهُ عِرْقٌ. قَالَ: فَلَعَلَّ ابْنَكَ هَذَا نَزَعَهُ عِرْقٌ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

وَفِي رِوَايَةٍ لِمُسْلِمٍ: وَهُوَ يُعَرِّضُ بِأَنْ يَنْفِيَهُ، وَقَالَ فِي آخِرِهِ: وَلَمْ يُرَخِّصْ لَهُ فِي الِانْتِفَاءِ مِنْهُ.

335- Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa ada seorang lelaki berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya isteriku melahirkan seorang anak berkulit hitam." Baginda bertanya: "Adakah kamu mempunyai unta?" Dia menjawab: "Ya." Baginda bertanya: "Apa warnanya?" Dia menjawab: "Merah." Baginda bertanya: "Adakah yang berwarna abu-abu?" Dia menjawab: "Ya." Baginda bertanya: "Mengapa boleh menjadi begitu?" Dia menjawab: "Ada kemungkinan itu adalah keturunan nenek moyangnya dahulu." Baginda bersabda: "Ada kemungkinan anakmu itu disebabkan oleh keturunan nenek moyangnya dahulu." (Muttafaq 'alaih)

Dalam riwayat Muslim disebutkan: "Dia ingin untuk tidak mengakui anak itu sebagai anaknya. Pada bahagian akhir hadith, dia berkata: "Baginda tidak mengizinkannya mengingkari anaknya. (1135).

Makna Hadith

Hadith ini menjelaskan bahawa sifat-sifat nenek moyang sentiasa wujud di dalam tulang sulbi keturunan dan Allah akan mengeluarkannya setelah berselang beberapa waktu yang lama. Jika seseorang melihat ada perbezaan yang ketara pada anaknya, demikian pula berbeza dengan ibu dan saudara maranyanya, maka janganlah terburu-buru menaruh curiga, apatah lagi menuduhnya berbuat maksiat, kerana ada kemungkinan sifat ini berasal daripada sperma nenek moyang yang wujud di dalam tulang sulbi seorang ayah yang kemudian diwariskan kepada generasi yang selanjutnya.

Analisis Lafaz

"رَجُلًا", beliau adalah Dhamdham bin Qatadah.

"غُلَامًا أَسْوَدَ", Dhamdham seorang yang berkulit putih. Dia ingin menafikan anak yang dilahirkan oleh isterinya sebagaimana yang ditegaskan dalam hadith Muslim.

"حُمْرٌ", warna campuran antara putih dengan merah.

"أَوْرَقَ", warna hitam manis.

"نَزَعَهُ", berasal dan bersumber.

"عِرْقٌ", asal usul nenek moyangnya. Ada kemungkinan salah seorang nenek moyangmu ada yang memiliki warna kulit yang sedemikian, lalu anakmu ini mewarisi warna kulit itu.

"يُرَخِّصُ", membolehkan.

Fiqh Hadith

1. Adanya perbezaan warna kulit dan rupa tidak boleh mendorong si bapa untuk mencurigai isterinya dan tidak boleh pula dijadikan sebagai alasan untuk menafikan anak.
2. Menetapkan salah satu sumber hukum, iaitu qiyas dan dua perkara yang serupa pada hakikatnya memiliki hukum yang sama
3. Prasangka tidak boleh diertikan sebagai qazaf. Ini pendapat jumhur ulama. Menurut mazhab Maliki, seseorang yang melakukan prsangka itu wajib dijatuhi hukuman hudud jika prasangka itu boleh difahami sebagai qazaf. Ibn Daqiq mengatakan bahawa seorang yang meminta fatwa wajib menjauhi prasangka yang boleh mengheret kepada pemahaman qazaf, seperti berkata: "Seandanya lelaki itu berkulit putih maka anaknya bakal berkulit hitam."

4. Dianjurkan mengumpamakan sesuatu yang tidak majhul (samar) dengan sesuatu yang maklum (ketahui) bagi memberikan pemahaman kepada penanya.
5. Prasangka tidak boleh dijadikan sebagai landasan untuk untuk menafikan anak. Al-Qurthubi yang mengikuti langkah Ibn Rusyd berkata: "Mazhab berbeza pendapat dalam masalah ini. Bagi mereka, jika prasangka itu tidak disertai tanda-tanda zina, maka tidak boleh menafikan anak. Jika suami menuduh isterinya berbuat curang lalu anaknya lahir dengan warna kulit yang sama dengan lelaki yang telah dituduh berbuat zina dengannya itu, maka di sini boleh menafikan anak mengikut pendapat yang kuat. Menurut mazhab Hanbali, dibolehkan menafikan anak jika disertai dengan bukti-bukti. Perbezaan pendapat terjadi apabila prasangka tidak disertai dengan bukti."

Soalan

1. Apakah takrif li'an mengikut bahasa dan syarak?
2. Sebutkan satu hadith mengenai sebab turunnya ayat li'an, sebutkan pula sebab yang lain turunnya ayat ini dan bagaimanakah cara menggabungkan kedua-dua riwayat ini?
3. Bolehkah menanyakan sesuatu yang belum terjadi? Bincangkan!
4. Wajibkah seorang lelaki memulakan li'an terlebih dahulu?
5. Adakah perceraian secara automatik terjadi apabila li'an sudah dilakukan?
6. Adakah perceraian li'an itu fasakh atau talak ba'in? Sebutkan pendapat ulama fiqh dalam masalah ini?
7. Adakah orang yang meli'an isterinya dijatuhi hukuman hudud kerana telah mengqazafnya dan mengqazaf orang yang diyakini berzina dengan isterinya itu?
8. Adakah perempuan tetap berhak memiliki mahar jika telah dili'an oleh isterinya dan sebutkan dalilanya?
9. Apakah makna kalimat-kalimat berikut: "أكحل", "سبطا" dan "جعدا"?
10. Boleh meli'an isteri yang sedang mengandung?
11. Sebutkan sifat sumpah orang yang melakukan li'an?
12. Apakah maksud perkataan: "لا يرد يد لامس" dan adakah hadith ini sahih?
13. Bolehkah seorang lelaki apabila telah mengakui anaknya untuk menafikannya semula? Sebutkan athar yang membincangkan masalah ini?

14. Jika seorang lelaki berdiam diri setelah mengetahui itu adalah anaknya dan dia tidak menafikannya, adakah dia boleh menafikannya?
15. Huraikan makna kalimat berikut: "أورق", "رمك" dan "نزعه عرق"?
16. Adakah sindiran qazaf dianggap sebagai qazaf? Apakah pendapat ulama dalam masalah ini?

BAB *'IDDAH*, BELASUNGKAWA DAN *ISTIBRA'*

Al-Iddah (iddah) dengan membaca *kasrah* huruf *'ain* dan *tasydid* huruf *dal* merupakan istilah yang digunakan untuk waktu bagi seorang wanita untuk tidak boleh berkahwin dengan orang lain, sama ada setelah suami meninggal dunia mahupun setelah bercerai. Masa 'iddah ditentukan dengan melahirkan anak, suci atau perhitungan hari.

Al-Ihdad (bela sungkawa) dengan menggunakan huruf *ha'* setelah huruf *dal* secara bahasa adalah mencegah atau melarang sedangkan secara syari'at adalah meninggalkan berhias, bersolek dan memakai wangi-wangian semasa masih dalam masa iddah kerana ditinggal mati oleh suaminya.

Al-Istibra' (istibra') berasal dari perkataan "البراءة" sedangkan menurut syari'at adalah masa tunggu seorang wanita bagi memastikan sama ada dia mangandung anak dari suami yang menceraikannya atau sebaliknya.

٣٣٦- عَنِ الْمِسْوَرِ بْنِ مَخْرَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ سُبَيْعَةَ الْأَسْلَمِيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا نُفِسَتْ بَعْدَ وَفَاةِ زَوْجِهَا بِلَيَالٍ، فَجَاءَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاسْتَأْذَنَتْهُ أَنْ تَنْكِحَ، فَأَذِنَ لَهَا، فَنَكَحَتْ. رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ، وَأَصْلُهُ فِي الصَّحِيحَيْنِ.

وَفِي لَفْظٍ: أَنَّهَا وَضَعَتْ بَعْدَ وَفَاةِ زَوْجِهَا بِأَرْبَعِينَ لَيْلَةً.

وَفِي لَفْظٍ لِمُسْلِمٍ، قَالَ الزُّهْرِيُّ: وَلَا أَرَى بَأْسًا أَنْ تَزَوَّجَ وَهِيَ فِي دَمِهَا غَيْرَ أَنَّهُ لَا يَقْرَبُهَا زَوْجُهَا حَتَّى تَطْهُرَ.

336- Daripada al-Miswar bin Makhramah (r.a) bahawa Subai'ah al-Aslamiyyah (r.a) melahirkan anaknya setelah dalam beberapa malam setelah suaminya meninggal dunia. Dia pun terus datang menghadap Rasulullah (s.a.w) meminta izin untuk berkahwin semula. Baginda pun memberinya

izin dan dia terus berkahwin. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari, asal hadith ini dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim)

Dalam lafaz hadith yang lain disebutkan bahawa dia melahirkan anaknya setelah empat puluh malam sejak kematian suaminya.

Dalam lafaz riwayat Muslim, al-Zuhri berkata: "Tidak ada salahnya seorang lelaki melangsungkan akad nikah dengan perempuan yang masih mengeluarkan darah nifas, namun si suami tidak dibolehkan berhubungan sebelum dia suci. (١١٣٦).

Makna Keseluruhan

Dengan melahirkan anak bagi isteri yang ditinggal mati oleh suaminya, maka sempurnalah *istibra'*-nya, walaupun masa yang ditentukan oleh syari'at dalam al-Qur'an belum berakhir. Allah (s.w.t) berfirman:

وَٱلَّذِينَ يُتَوَفَّوۡنَ مِنكُمۡ وَيَذَرُونَ أَزۡوَٰجٗا يَتَرَبَّصۡنَ بِأَنفُسِهِنَّ أَرۡبَعَةَ أَشۡهُرٖ وَعَشۡرٗاۖ فَإِذَا بَلَغۡنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيۡكُمۡ فِيمَا فَعَلۡنَ فِيٓ أَنفُسِهِنَّ بِٱلۡمَعۡرُوفِۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعۡمَلُونَ خَبِيرٞ ٢٣٤

"*Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (beridah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis masa idahnya itu maka tidak ada salahnya bagi kamu mengenai apa yang dilakukan mereka pada dirinya menurut cara yang baik (yang diluluskan oleh Syarak). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa jua yang kamu lakukan.*" (Surah al-Baqarah: ٢٣٤)

Ini kerana dengan melahiarkan anak, maka *istibra'* telah sempurna sekali gus memberikan keyakinan bahawa tidak bakal wujud percampuran air mani antara suami pertama dengan suami yang kedua.

Allah (s.w.t) memberikan ketetapan tentang masalah di dalam al-Qur'an:

وَٱلَّٰٓـِٔي يَئِسۡنَ مِنَ ٱلۡمَحِيضِ مِن نِّسَآئِكُمۡ إِنِ ٱرۡتَبۡتُمۡ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَٰثَةُ أَشۡهُرٖ وَٱلَّٰٓـِٔي لَمۡ يَحِضۡنَۚ وَأُوْلَٰتُ ٱلۡأَحۡمَالِ أَجَلُهُنَّ أَن يَضَعۡنَ حَمۡلَهُنَّۚ ٤

"*Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid, jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh idah mereka) maka idahnya ialah tiga bulan; dan (demikian) juga idah perempuan-perempuan yang tidak berhaid. Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh idahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya...*" (Surah al-Thalaq: ٤)

Analisis Lafaz

Al-Miswar bin Makhramah, biografi sahabat ini telah dibahas sebelumnya.

Subai'ah binti al-Harits seperti mana yang ditegaskan oleh Ibn Sa'ad, atau binti Abu Barzah seperti mana yang ditegskan oleh Imam Ahmad. Ada pula kemungkinan al-Harits itu adalah Abu Barzah atau datuknya.

" نُفِسَتْ", dia baru melahirkan dan darah nifasnya masih lagi mengalir.

" زَوْجِهَا", suaminya adalah Sa'ad bin Hiwalah.

" بِلَيَالٍ", dalam riwayat lain disebutkan bahawa masa melahirkannya telah berlalu selama empat puluh hari.

"تَنْكِحَ", berkahwin dengan lelaki lain, tetapi mereka tidak boleh melakukan persetubuhan.

" أَنْ تَزَوَّجَ وَهِيَ فِي دَمِهَا", da menikah dengan lelaki lain, sementara darah nifasnya masih lagi mengalir.

" يَقْرَبُهَا", menyetubuhinya.

" حَتَّى تَطْهُرَ", hingga darah nifasnya berhenti dan darah ini biasanya berhenti setelah empat puluh hari masa melahirkan.

Fiqh Hadith

Iddah isteri yang hamil yang ditinggal mati oleh suaminya adalah sampai dia melahirkan kandungannya, meskipun masa empat bulan sepuluh hari belum lagi berakhir. Dia dibolehkan berkahwin setelah melahirkan.

Inilah pendapat jumhur sahabat seperti 'Umar, Ibn 'Umar, Ibn Mas'ud, Abu Hurairah dan ramai lagi. Pendapat serupa turut dikemukakan oleh jumhur ulama fiqh seperti Imam Malik, al-Tsauri, al-Auza'i, Imam Abu Hanifah dan Imam al-Syafi'i.

Mereka mengemukakan dalil dengan hadith di atas dan firman Allah:

وَٱلَّٰٓـِٔي يَئِسۡنَ مِنَ ٱلۡمَحِيضِ مِن نِّسَآئِكُمۡ إِنِ ٱرۡتَبۡتُمۡ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَٰثَةُ أَشۡهُرٖ وَٱلَّٰٓـِٔي لَمۡ يَحِضۡنَۚ وَأُوْلَٰتُ ٱلۡأَحۡمَالِ أَجَلُهُنَّ أَن يَضَعۡنَ حَمۡلَهُنَّۚ ..... ﴿٤﴾

"*Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid, jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh idah mereka) maka idahnya ialah tiga bulan; dan (demikian) juga idah perempuan-perempuan yang tidak berhaid. Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh idahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya...*" (Surah al-Thalaq: ٤) Meskipun sebelum ayat ini membicarakan talak, tetapi ia tetap tidak mengkhususkan keumumannya.

Keumuman makna ayat ini dikuat lagi oleh hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Ahmad dalam al-Musnad, al-Dhiya' dalam al-Mukhtarah dan Ibn Mardawaih daripada Ubai bin Ka'ab, beliau berkata: "Wahai Rasulullah, adakah ayat "... *Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh idahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya...*" (Surah al-Thalaq: ٤) ini untuk wanita yang ditalak tiga atau untuk wanita yang ditinggal mati oleh suaminya?" Rasulullah (s.a.w) menjawab: "Ayat ini ditujukan kepada wanita yang ditalak tiga dan wanita yang ditinggal mati oleh suaminya."

Ibn Jarir dan Ibn Abu Hatim dalam jalur yang lain turut meriwayatkan bahawa ketika ayat ini turun, aku bertanya: "Wahai Rasulullah, ayat ini *musytarak* (memiliki banyak makna) atau *mubham* (makna yang samar)?" Baginda menjawab: "Ayat yang mana yang kamu maksudkan?" Aku menjawab: Ayat "...*Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh idahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya...*" (Surah al-Thalaq: ٤)" Adakah ia bermaksud wanita yang ditinggal mati oleh suaminya atau wanita yang ditalak tiga?" Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Ya."

Ibn Hajar memberi komentar ke atas hadith ini dengan berkat: "Hadith ini marfu' jika sanadnya tidak dikritik oleh ulama hadith. Apapun, banyaknya jalur hadith ini menjadikannya ia boleh dijadikan sebagi hujah di samping ia turut diperkuat oleh hadith Subai'ah sebelum ini."

Ada pula athar daripada Ibn Mas'ud melalui beberapa jalur bahawa beliau pernah meriwayatkan kisah yang sama.

Ibn Mardawaih turut meriwaytkan daripad Ibn Mas'ud, beliau berkata: "Surah al-Nisa' al-Qashri[26] telah memansukh setiap iddah: "...*Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh idahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya...*" (Surah al-Thalaq: ٤)." Beliau berkata: "Iddah orang yang hamil dan ditinggal mati oleh suaminya sampai dia melahirkan kandungannya."

Ibn Mardawaih meriwaytkan daripada Abu Sa'id al-Khudri, beliau berkata: "Surah al-Nisa' al-Qashra turun setelah ayat talak dalam Surah al-Baqarah dalam kurun waktu tujuh tahun. Ayat ini memansukh ayat tersebut iaitu jika melahirkan sebelum masa iddah empat bulan sepuluh hari."

Muslim dan al-Bukhari meriwayatkan hadith daripada Abu Salamah bin Abdurrahman, beliau berkata: "Ketika aku, Ibn Abbas dan Abu Hurairah duduk bersama, tiba-tiba datang seorang lelaki dan bertanya: "Berikan kepadaku fatwa mengenai seorang wanita yang melahirkan setelah ditinggal mati oleh suaminya setelah empat puluh hari, apakah dia sudah boleh berkahwin semula?" Ibn Abbas menjawab: "Ia mesti beriddah selam dua kali masa iddah.

[26] Maksudnya Surah al-Thalaq.

Aku –Abu Salamah- berkata: "Allah (s.w.t) berfirman: "*…Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh idahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya...*" (Surah al-Thalaq: ٤)

Ibn Abbas berkata: "Ayat ini turun kepada wanita yang ditalak." Abu Salamah berkata: "Bagaimana pula jika wanita tersebut hamil selama satu tahun, sampai bilakah iddahnya?"

Dia menjawab: "Dia tetap beriddah dengan tempoh yang paling lama." Abu Hurairah berkata: "Aku sependapat dengan anak saudaraku, yakni Abu Salmah."

Kemudian Ibn Abbas mengutus seorang hamba miliknya yang bernam Kuraib kepada Ummu Salamh bertanya kepadanya: "Apakah dalam masalah ini ada Sunnah Rasulullah (s.a.w)?"

Ummu Salamah berkata: "Suami Subai'ah al-Aslamiyah mati syahid sedangkan Subai'ah ketika itu sedang mengandung. Dia pun bersalin empat puluh hari setelah kematian suaminya itu. Dia pun dipinang oleh lelaki lain dan Rasulullah (s.a.w) kemudian mengahwinkannya."

Hadith ini turut diriwayatkan oleh 'Abd bin Humaid menerusi jalur yang lain, di mana mereka mengutus seseorang menanyakan masalah ini kepada Aisyah, kemudian Aisyah menjawab seperti mana jawapan Ummu Salamah.

Ibn Abbas, Ali dan sebahagian kecil ulama berpendapat bahawa wanita berkenaan hendaklah menunggu iddah hingga tempoh iddah yang paling lama. Dengan erti kata lain, jika kehamilan itu memakan tempoh yang lama hingga melewati empat bulan sepuluh hari, maka dia hendaklah menunggu sampai melahirkan. Jika melahirkan sebelum empat bulan sepuluh hari, maka dia mesti menunggu hingga empat bulan sepuluh hari berakhir. Dalil mereka adalah firman Allah:

وَٱلَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَٰجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا ۖ فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا فَعَلْنَ فِىٓ أَنفُسِهِنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ ۗ وَٱللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٢٣٤﴾

"*Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (beridah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis masa idahnya itu maka tidak ada salahnya bagi kamu mengenai apa yang dilakukan mereka pada dirinya menurut cara yang baik (yang diluluskan oleh Syarak). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa jua yang kamu lakukan.*" (Surah al-Baqarah: ٢٣٤)

Apapun, dalil mereka disanggah bahaw hadith dan athar sebelum ini secara tegas telah memberikan ketetapan dalam masalah ini sedangkan ayat

yang dijadikan dalil boleh berlaku bagi orang yang tidak hamil.

Penting

Al-Nawawi dalam Syarh Sahih Muslim berkata: "Ulama dari kalangan sahabat kami berkata: "Iddah seorang wanita yang sedang hamil adalah sampai dia melahirkan, sama ada anak yang dilahirkan itu lelaki mahupun perempuan, lahir dalam keadaan sempurna atau sebaliknya, berbentuk segumpal darah atau berbentuk seketul daging, sama ada anak yang dilahirkan itu berbentuk rupa manusia atau sebaliknya."

Ibn Daqiq al-'Id tidak memberi sebarang pendapat dalam masalah ini, kerana pada kebiasaannya istilah hamil hanya digunakan bagi janin yang telah berbentuk sempurna.

Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari berkat: "Oleh itu, telah dinukil daripada Imam al-Syafi'i bahawa iddah belum lagi habis dengan melahirkan seketul daging yang sama sekali tidak ada rupa manusia padanya. Apapun, ayat ini menggunakan istilah kehamilan yang bermaksud ia bersifat umum."

Bagi pensyarah kitab ini, tujuah iddah adalah membebaskan atau memastikan kebersihan rahim. Ini dapat dilakukan dengan cara bersalin. Apapun bentuk yang telah dilahirkan oleh wanita berkenaan, maka kebersihan rahim telah dapat dipasikan dan itu merupakan bukti yang memadai."

٣٣٧- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: أُمِرَتْ بَرِيرَةُ أَنْ تَعْتَدَّ بِثَلَاثِ حِيَضٍ. رَوَاهُ ابْنُ مَاجَه، وَرُوَاتُهُ ثِقَاتٌ، لَكِنَّهُ مَعْلُولٌ.

337- Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Barirah pernah diperintahkan untuk beriddah selama tiga kali haid." (Diriwayatkan oleh Ibn Majah dan periwayatnya thiqoh, tetapi hadith ini ma'lul: ١١٣٧).

Makna Keseluruhan

Sebelum ini telah dibahas kisah kemerdekaan Barirah daripada perhambaan dalam kitab jual beli dan bab khiar.

Hadith ini diriwayatkan daripada Aisyah bahawa hamba wanita seperti Barirah berhak menunggu masa iddah selama tiga kali Haid jika dia sudah dimerdekakan.

Analisis Lafaz

Barirah, biografi sahabat ini telah dibahas sebelumnya.

"أُمِرَتْ", orang yang memerintahkan di sini adalah Rasulullah (s.a.w).

Fiqh Hadith

Iddah bagi hamba wanita yang telah dimerdekakan sama dengan iddah wanita yang lain, di mana dia beriddah yang sama dengan orang yang merdeka iaitu tiga kali haid, meskipun dia bersuamikan seorang hamba.

٣٣٨- وَعَنْ الشَّعْبِيِّ عَنْ فَاطِمَةَ بِنْتِ قَيْسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -فِي الْمُطَلَّقَةِ ثَلَاثًا-: "لَيْسَ لَهَا سُكْنَى وَلَا نَفَقَةٌ". رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

338- Daripada al-Sya'bi daripada Fathimah binti Qais (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w) mengenai wanita yang ditalak tiga oleh suaminya, baginda bersabda: "Dia tidak memiliki hak untuk mendapatkan tempat tinggal dan nafkah." (Diriwayatkan oleh Muslim: ١١٣٨).

Makna Keseluruhan

Seorang wanita yang ditalak tiga oleh suaminya tidak halal lagi bagi suaminya kecuali setelah berkahwin dengan lelaki lain dan dia tidak berhak mendapat nafkah daripada suami yang menceraikannya, demikian pula tempat tinggal.

Analisis Lafaz

Al-Sya'bi adalah Abu Amr 'Amir bin Syurhbil bin Abdullah al-Sya'bi al-Hamadzani al-Kufi, seorang tabi'n yang disegani dan salah seorang tokoh ilmu fiqh, malah ada yang mengatakan beliau seorang faqih pada zamannya setelah Ibn Jubair. Ibn Umar pernah berkata kepadanya setelah mendengarnya bercerita tentang sejarah peperangan: "Kamu ini seolah-olah pernah menyaksikan sendiri peristiwa perang itu. Dia lebih tahu daripadaku." Beliau lahir pada masa pemerintahan Umar bin al-Khatthab dan meninggal dunia pada tahun ١٠٤ Hijrah. Hadithnya diriwayatkan oleh sekumpulan ulama.

Fatimah, biografi sahabat ini telah dihuraikan sebelumnya.

"فِي الْمُطَلَّقَةِ", yakni dia memerintahkan kepada wanita yang dijatuhkan talak tiga oleh suaminya.

" سُكْنَى", rumah untuk dijadikan tempat tinggal.

" نَفَقَةٌ", nafkah yang boleh memenuhi keperluan.

Fiqh Hadith

Wanita yang telah ditalak tiga tidak berhak mendapatkan nafkah dan tempat tinggal, pendapat ini menurut Ibn Abbas, al-Hasan, Atha', al-Sya'bi dan Imam Ahmad dalam riwayat yang masyhur, Ishaq, Dawud al-Zahiri dan majoriti ulama hadith. Mereka menjadikan hadith ini sebagai dalil.

Umar bin al-Khatthab, Ibn Mas'ud, Umar bin Abdul Aziz, mazhab Hanafi, al-Tsauri dan sekumpulan ulama bahawa wanita yang ditalak tiga tetap wajib diberi nafkah dan tempat tinggal. Dalilnya adalah firman Allah:

أَسْكِنُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنتُم مِّن وُجْدِكُمْ وَلَا تُضَآرُّوهُنَّ لِتُضَيِّقُوا۟ عَلَيْهِنَّ ..... ﴿٦﴾

"*Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman kamu sesuai dengan kemampuan kamu; dan janganlah kamu adakan sesuatu yang menyakiti mereka (di tempat tinggal itu) dengan tujuan hendak menyusahkan kedudukan mereka (supaya mereka keluar meninggalkan tempat itu)...*" (Surah al-Thalaq: ٦) dan firman Allah (s.w.t):

وَلِلْمُطَلَّقَٰتِ مَتَٰعٌۢ بِٱلْمَعْرُوفِ ۖ حَقًّا عَلَى ٱلْمُتَّقِينَ ﴿٢٤١﴾

"*Dan isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat Mut'ah pemberian saguhati) dengan cara yang patut, sebagai satu tanggungan yang wajib atas orang-orang yang taqwa.*" (Surah al-Baqarh: ٢٤١)

Mereka menyanggah hadith di atas dengan beberapa jawapan berikut:

Pertama, periwayat hadith ini adalah seorang perempuan dan tidak disertai dengan dua saksi yang adil bagi memastikan hadithnya ini sahih.

Kedua, riwayat ini bercanggah dengan maksud zahir ayat al-Qur'an.

Ketiga, keluarnya wanita tersebut dalam hadith ini dari rumah suaminya bukan bererti dia tidak mempunyai hak lagi, sebaliknya disebabkan dia telah menyakiti keluarga suami secara lisan dan secara perbuatan. Ada yang mengatakan dia keluar meninggalkan rumah suaminya kerana rumahnya terletak di kawasan terpencil, sehingga dikhuatiri berlaku yang tidak diingini ke atas dirinya.

Keempat, hadith ini bercanggah dengan riwayat Umar.

Imam Malik, Imam al-Syafi'i dan tujuh orang ulama fiqh Madinah yang dinukil daripada Aisyah berpendapat bahawa wanita berkenan berhak

mendapat tempat tinggal namun tidak berhak mendapat nafkah.

Pendapat lain mengatakan bahawa wanita berkenan berhak mendapat nafkah namun tidak berhak ke atas tempat tinggal.

Apa yang benar adalah pendapat pertama, kerana riwayatnya bersumber secara terus daripada Rasulullah (s.a.w). Dalil yang dijadikan sebagai hujah oleh ulama yang lain dalam masalah ini masih bersifat umum.

Jumhur ulama menyanggah kritikan mazhab yang mengatakan wanita yang ditalak tiga berhak mendapat tempat tinggal dan nafkah sebagai berikut:

Jawapan ke atas sanggahan yang pertama, banyak hadith yang hanya diriwaytkan oleh seorang wanita dan itu hadith sahih, malah ia telah panduan umat Islam. Contoh hadith seperti ini dapat dilihat dalam kitab al-Sunan dan al-Masanid. Peliknya, kenapa mereka berani menolak hadith yang diriwayatkan oleh seorang wanita sahabat padahal seperti sedia maklum, seluruh sahabat bersifat adil, di samping sahabat perempuan ini merupakan tokoh dalam kisah ini dan tidak ada hadith sahih yang lain yang bercanggah dengannya.

Belum lagi sikap mereka sebegini bertentangan dengan kaedah ilmu hadith, meskipun sekiranya perempuan itu bukan seorang sahabat. Tambahan pula hadith ini diriwayatkan daripada Aisyah dan Hafshah dalam beberapa riwayat.

Jawapan ke atas sanggahan yang kedua, firman Allah (s.w.t): "*Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjalani idahnya) itu di tempat kediaman kamu...*" (Surah al-Thalaq: ٦) dan firman Allah (s.w.t): "*... Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah kediamannya (sehingga selesai idahnya),...*" (Surah al-Thalaq: ١) Ayat ini ditujukan kepada wanita yang masih berhak untuk dirujuk. Hal ini diperjelaskan lagi dengan ayat berikut: "*... Patuhilah hukum-hukum itu, kerana) engkau tidak mengetahui boleh jadi Allah akan mengadakan, sesudah itu, sesuatu perkara (yang lain).*" (Surah al-Thalaq: ١). Manakala firman Allah (s.w.t): "*Kemudian, apabila mereka (hampir) habis tempoh idahnya, maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik, atau lepaskan mereka dengan cara yang baik;...*" (Surah al-Thalaq: ٢) berlaku untuk talak ba'in. Pemahaman sebegini adalah mustahil.

Jawapan ke atas sanggahan yang ketiga, tidak ada dalil yang mensahihkan hujah mereka, kerana ia bercanggah dengan zahir hadith. Benar, keluarnya wanita itu daripada rumahnya lantaran ada kekhuatiran terhadap bahaya yang boleh menimpa ke atas dirinya dan kisah ini boleh dijumpai dalam Sahih Muslim, namun itu tidak bererti dia berhak untuk mendapatkan kemudahan tempat tinggal, sebaliknya ini menunjukkan bahawa wanita yang sedang beriddah dibolehkan berpindah tempat apabila ada uzur.

Jawapan ke atas sanggahan yang keempat, ada beberapa kritikan ke atas sanggahan yang keempat ini antara lain adalah sebagai berikut:

a. Perkataan Umar di sini tidak boleh dinilai sahih, di mana beliau pernah berkata: Saya pernah mendengar Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Dia – isteri yang ditalak tiga – berhak mendapat tempat tinggal dan nafkah." Hadith ini berasal daripada Ibrahim al-Nakha'i daripada 'Umar, sementara Ibrahim tidak pernah mendengarnya secara langsung daripada 'Umar.
b. Perkataan 'Umar: "Kami tidak mahu meninggalkan Kitab Tuhan kami dan Sunnah Nabi kami kerana adanya perkatan seorang perempuan yang kami sendiri tidak dapat memastikan sama ada dia benar-benar hafal terhadap apa yang dikatakannya atau sudah lupa" ada kemungkinan b bermaksud keraguan beliau terhadap hafalan Fathimah binti Qais. Jika Fathimah diyakini memiliki hafalan yang kuat tentu Umar mengatakan apa yang dikatakannya sebagai hadith. Jadi orang yang mengatakan Fathimah memiliki hafalan yang kuat bererti orang itu telah menyalahi perkatan 'Umar.
c. Perkataan Fathimah tidak menyalahi al-Qur'an adalah tidak tepat seperti mana yang telah dihuraikan dalam jawapan ke atas sanggahan yang kedua.
d. Al-Shan'ani berkata: "Imam Ahmad bin Hanbal mengingkari adanya tambahan "dan Sunnah Nabi kami" dalam hadith ini dan adalah salah jika ia dinisbahkan kepada Umar. Ini kerana beliau pernah bersumpah dengan berkata: "Mana ada di dalam Kitab Allah yang mewajibkan nafkah dan tempat tinggal bagi wanita yang telah ditalak tiga?" Jadi perkataan yang mewajibkan nafkah dan tempat tinggal adalah tidak benar datang daripada 'Umar. Inilah yang dikatakan oleh al-Daruquthni."

Menurut pensyarah kitab ini, Abu Dawud menukil dalam kitab al-Masa'il daripada Imam Ahmad, beliau berkata: "Ketika Imam Ahmad ditanya mengenai perkataan Umar: 'Kami tidak akan meninggalkan Kitab Tuhan kami...'; adakah perkataan ini sahih?" Imam Ahmad menjawab: "Tidak."

Al-Daruquthni berkata: "Lafaz 'dan Sunnah Nabi kami' adalah tidak sahih. Yahya bin Adam lebih kuat hafalannya berbanding Abu Ahmad al-Zubairi dan telah dimutaba'ah oleh Qabishah bin 'Uqbah daripada Yahya. Sedangkan al-Hasan bin 'Umarah seorang yang matruk dan Asy'ats bin Siwar seorang yang daif; keduanya meriwaytkan hadith ini. Hadith ini turut diriwayatkan oleh al-A'masy daripada Ibrahim tanpa menyebut perkataan 'dan Sunnah Nabi kami' sedangkan al-A'masy lebih kuat berbanding Asy'ats."

Al-Baihaqi berkata: "Lafaz ini dikeluarkan oleh Muslim dalam kitabnya al-Sahih namun orang selain Muslim menilai lafaz hadith ini tidak sahih." Al-Baihaqi kemudian mengemukakan pandangan seperti mana yang dikemukakan oleh al-Daruquthni.

Penting

Ibn al-Qayyim dalam Syarh Sunan Abu Dawud berkata: "Perkataan yang diriwayatkan oleh ulama ushul fiqh bahawa 'kami tidak mahu meninggalkan Kitab Tuhan kami dan Sunnah Nabi kami lantaran adanya perkataan seorang perempuan yang kami sendiri tidak tahu sama ada dia seorang yang jujur atau seorang yang dusta' adalah salah. Ia bukan hadith, sebaliknya apa yang terdapat dalam hadith ini adalah perkatan 'sama ada dia hafal atau lupa' dan ini merupakan lafaz Muslim." Ibn al-Qayyim turut menyebut komentar al-Sya'bi terhadap perkataan 'kami tidak tahu sama ada dia hafal atau lupa' dengan berkata: "Dia adalah seorang perempuan Quraisy yang bijak namun lupa keputusan hukum yang telah ditetapkan ke atas dirinya."

٣٣٩- وَعَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا تُحِدَّ امْرَأَةٌ عَلَى مَيِّتٍ فَوْقَ ثَلَاثٍ إِلَّا عَلَى زَوْجٍ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا، وَلَا تَلْبَسْ ثَوْبًا مَصْبُوغًا، إِلَّا ثَوْبَ عَصْبٍ، وَلَا تَكْتَحِلْ، وَلَا تَمَسَّ طِيبًا، إِلَّا إِذَا طَهُرَتْ نُبْذَةً مِنْ قُسْطٍ أَوْ أَظْفَارٍ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَهَذَا لَفْظُ مُسْلِمٍ.

وَلِأَبِي دَاوُدَ وَالنَّسَائِيِّ مِنَ الزِّيَادَةِ: وَلَا تَخْتَضِبْ. وَلِلنَّسَائِيِّ: وَلَا تَمْتَشِطْ.

339- Daripada Ummu 'Athiyyah (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Seorang perempuan tidak dibolehkan berkabung ke atas kematian orang lain melebihi waktu tiga hari, kecuali terhadap kematian suaminya, di mana dia boleh berkabung selama empat bulan sepuluh hari; dia tidak boleh memakai pakaian berwarna kecuali kain *'ashab*, tidak boleh bercelak dan memakai wangi-wangian kecuali setelah bersuci. Cukuplah baginya memakai sedikit qusth dan adhfar." (Muttafaq 'alaih, lafazh hadith ini menurut Muslim)

Dalam riwayat Abu Dawud dan al-Nasa'i ada tambahan: "Tidak boleh memakai inai." Dalam riwayat al-Nasa'i disebutkan: "Tidak boleh menyikat rambut." (1139).

Makna Keseluruhan

Sesungguhnya Allah lah yang menciptakan makhluk, Dia pula yang memilikinya, lalu Allah berhak memperlakukan apa sahaja terhadap kepunyaan-Nya, tidak ada yang dapat mencegah apa yang telah ditetapkan-Nya. Oleh itu, Allah melarang seseorang untuk berkabung di atas kematian seseorang lebih daripada tiga hari. Seorang muslim tidak boleh memprotes terhadap apa yang telah ditetapkan oleh Allah, demikian pula tidak boleh

bersikap cuai terhadap kematian si mati. Selama tiga, seseorang dibolehkan berkabung, namun setelah itu, dia hendaklah pasrah dan redha terhadap takdirnya. Ini salah satu rahmat Allah kepada hamba-Nya. Sabar itu hendaklah diamalkan ketika musibah yang pertama terjadi. Apapun, larangan berkabung sama sekali tentu menyusahkan umat manusia.

Sungguhpun demikian, seorang wanita yang ditinggal mati oleh suaminya dikecualikan daripada larangan ini. Keringanan ini diberikan kepada isteri yang ditinggal mati oleh suaminya. Dia pula dilarang berpakaian cantik dan wewangian bagi menghormati suaminya yang baru meninggal dunia itu, di samping menjaga tuduhan negatif yang mungkin dilontarkan oleh keluarga si mati.

Analisis Lafaz

Ummu Athiytah,namanya Nasibah dan biografinya telah dibahas sebelum ini.

"تَحِدَّ", dengan membaca *dhammah* huruf *mudhara'ah*, kasrah huruf *ha'* sedangkan huruf *dal* boleh dibaca *dhammah* dan boleh pula dibaca *jazam* memandangkan wujud huruf *la*, berkabung.

" فَوْقَ", lebih dari.

" ثَلَاثٍ", selama tiga hari.

" وَعَشْرًا", sepuluh hari.

" مَصْبُوغًا", pakaian yang berwarna-warni.

" عَصْبٍ", dengan membaca *fathah* huruf *'ain* dan *sukun* huruf *shad*, memakai pewarna kulit supaya kelihatan cantik.

" تَكْتَحِلْ", memakai celak dialisnya.

" وَلَا تَمَسَّ طِيبًا", maksudnya bukan sekadar menyentuh wewangian seperti memindahkannya dari satu tempat ke tempat yang lain, tetapi memakainya supaya kelihatan cantik, menawan dan menarik.

" طَهُرَتْ", suci daripada haid.

"نُبْذَةً", dibaca *nashab* kerana berkedudukan sebagai *istitsna'*, ia dibaca *dhammah* huruf *nun* dan dibaca *sukun*, potongan dari sesuatu

" مِنْ قُسْطٍ", dibaca *dhammah* huruf *qaf*, *sukun* huruf *sin* dan huruf *tha'*. Dalam riwayat yang lain menggunakan kalimat: "كست" dengan mengganti huruf *qaf* dengan huruf *kaf*. Kedua-dua perkataan ini benar mengikut kaedah bahasa Arab, meskipun ada yang menganggap salah terhadap salah satu perkataan itu. Ia memiliki *wazan* yang sama. Ia adalah sesuatu yang dipakai dengan maksud menghilngkan bau yang tidak sedap, bukan untuk memakai wangi-wangian.

" أَوْ أَظْفَار", dalam satu riwayat disebutkan: "من قسط وأظفار" dengan menggunakan huruf waw. Dalam riwayat yang lain disebutkan: "من كست أظفار". Menurut Ibn al-Tin, yang benar adalah "قسط ظفار" tanpa menggunakan huruf alif. sejenis wewangian dan ada yang mengatakan ia sejenis wewangian yang menyerupai *zafr*.

" تَخْتَضِبْ", mewarnai kuku kaki dan tangan dengan menggunakan inai atau lain sebagainya supaya warnanya berubah.

" تَمْتَشِطْ", menyikat rambut

Fiqh Hadith

1. Haram bagi wanita untuk berkabung ke atas kematian sesiapa pun baik ayah, ibu, saudara mahupun selainnya kecuali ke atas kematian suaminya, di mana dia dibolehkan berkabung selama empat bulan sepuluh hari.
2. Tidak wajib berkabung bagi perempuan yang masih berusia kanak-kanak kerana kematian suaminya dan tidak dilarang berkabung ke atas orang selain suaminya melebihi waktu tiga hari. Inilah mazhab Hanafi dan sekumpulan ulama dengan berdalilkan sabda Rasulullah (s.a.w) di atas: "perempuan" yang menunjukkan ia adalah seorang yang sudah dewasa. Namun jumhur ulama tidak mengatakan ini sebagai sebahagian daripada fiqh hadith, kerana perkataan "perempuan" dalam hadith ini sekadar menunjukkan kebiasaan. Wali bertanggung jawab melarang perempuan yang masih berusia kanak-kanak untuk tidak memakai wewangian dan lain sebagainya. Ini kerana iddah tetap diwajibkan ke atas kanak-kanak sama halnya dengan orang dewasa dan dia tidak boleh dipinang semasa iddah itu.
3. Tidak ada berkabung bagi wanita yang diceraikan suaminya jika talaknya itu talak rujuk berdasarkan ijma' ulama. Jika talaknya itu talak ba'in, jumhur ulama mengatakan tidak ada kewajipan berkabung ke atasnya. Menurut Imam Abu Hanifah pula wanita yang ditalak ba'in wajib berkabung kerana diqiyaskan dengan wanita yang ditinggal mati oleh suaminya, kerana keduanya memiliki kesamaan dalam masalah iddah, di samping iddah mengharamkan adanya perkahwinan sepanjang tempoh itu dan oleh kerananya, apa-apa yang berkaitan dengannya turut diharamkan.
4. Berkabung secara keseluruhanya bukanlah suatu yang diwajibkan sebaliknya ada di antaranya yang dibolehkan. Namun sebahagian besar ulama mengatakan wajib berkabung secara keseluruhan. Dalilnya adalah hadith yang diriwaytkan oleh Abu Dawud daripada hadith Ummu Salamah, beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) mendatangiku ketika Abu Salamah meninggal dunia sedangkan

aku memakai *sabir...*" Hadith ini turut diriwayatkan oleh al-Nasa'i namun di dalam sanadnya terdapat unsur gharib. Demikian pula dengan hadith yang diriwayatkan oleh Abu Dawud, al-Nasa'i dan Imam Ahmad dengan lafaz: "Perempuan yang ditinggal mati oleh suaminya tidak boleh memakai *mu'ashfar* dan ...." Menurut Ibn Katsir, sanadnya jayyid, tetapi al-Baihaqi meriwayatkannya secara mawquf ke atas Ummu Salamah. Al-Hasan dan al-Sya'bi berpendapat bahaw berkabung secara keseluruhan tidaklah diwajibkan. Perempuan yang ditalak tiga dan perempuan yang ditinggal mati oleh suaminya dibolehkan bercelak, memakai minyak wangi dan berdandan sesuka hati mereka. Dalilnya adalah hadith Asma' binti 'Umais yang telah dinilai sahih oleh al-Hakim bahawa: "Janganlah kamu berkabung setelah harimu ini." Hadith ini telah saya bahas dalam kitab karya saya berjudul al-Intiha' li Ma'rifah al-Ahadith allati la Yufti biha al-Fuqaha'.

5. Larangan bagi perempuan yang berkabung untuk memakai pakaian berwarna kecuali *'ashab* dan seumpamanya. Ibn Abdul Barr berkata: "Ulama bersepakat bahawa perempuan yang berkabung tidak boleh memakai kain *mu'ashfar* dan pakaian berwarna kecuali pakaian yang berwarna hitam, di mana Imam Malik dan Imam al-Syafi'i membolehkannnya kerana ia biasanya tidak dijadikan sebagai hiasan, sebaliknya ia adalah pakaian yang dipakai ketika sedang berdukacita. Ulama berbeza pendapat memakai kain sutera ketika dalam suasana berkabung. Mazhab Syafi'i melarangnya mengikut pendapat yang paling sahih sama ada kain sutera itu berwarna atau sebaliknya."
6. Larangan bercelak bagi perempuan yang sedang berkabung, pendapat ini menurut jumhur ulama. Ibn Hazm berkata: "Ia tidak boleh bercelak meskipun kedua-dua matanya telah pun tiada sama ada pada waktu malam mahupun pada waktu siang." Dalilnya hadith Ummu Athiyyah ini dan hadith Ummu Salamah bahawa ada seorang perempuan telah ditinggal mati oleh suaminya. Jiran tetangganya berasa khuatir kalau-kalau matanya rosak lantaran terlampau sering menangis. Mereka pun segera mendatangi Rasulullah (s.a.w) meminta izin kepada baginda supaya perempuan itu dibenarkan memakai celak. Baginda tetap tidak membenarkannya. Apapun, jumhur ulama tidak sependapat dengan Ibn Hazm di mana mereka membolehkan bercelak jika untuk tujuan berubat. Mereka mengemukakan dalil dengan satu hadith yang tidak bercanggah dengan hadith Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim seperti mana dalil yang telah dikemukakan oleh Ibn Hazm. Ibn Abdul Barr mengemukakan satu cadangan menarik bagi mengatasi perbezaan pendapat dalam masalah ini di mana beliau berkata: "Hadith daripada Ummu Salamah yang diriwayatkan oleh Abu Dawud mengharuskan penggunaan celak pada waktu malam, meskipun ia bertentangan dengan hadith lain yang melarang memakai

celak walaupun ada kekhuatiran mata bakal rosak akibat terlalu banyak menangis. Namun kedua-dua hadith boleh digabungkan di mana baginda telah mengenal pasti keadaan perempuan yang dilarang daripada memakai celak itu kerana keperluannya untuk memakai celak itu tidaklah begitu mendesak." Bagi pensyarah kitab ini, dalil ini mengandungi banyak kemungkinan. Satu dalil apabila mengandungi banyak kemungkinan tidak boleh dijadikan sebagai hujah.

Penting

Ibn Hazm berkata: "Perempuan yang sedang berkabung dikehendaki mengelak daripada memaki pakaian berwarna, namun dibolehkan memakai pakaian bersulam emas dan barangan kemas sam ada emas, perak, permata ataupun yaqut." Beliau menyanggah riwayat hadith yang melarang daripada memakai barangan kemas bahawa ia tidak sahih, kerana diriwayatkan daripada Ibrahim bin Thuhman.

Namun kenyataan Ibn Hazm ini tidak dapat diterima keran Ibrahim bin Thuhman merupakan seorang hafiz yang thiqoh. Hadithnya dinilai sahih oleh sekumpulan ulama hadith seperti Ibn al-Mubarak, Imam Ahmad dan Abu Hatim. Jumhur ulama turut mengeluarkan fatwa seperti ini di mana tidak boleh memakai barang kemas bagi perempuan yang sedang berkabung kerana ia termasuk salah satu daripada perhiasan.

Penting

Ada beberapa cara penggunaan *kust* (sejenis wewangian) kerana ia mesti dicampur dengan benda lain ketika hendak memakainya. Menurut al-Dawudi, *kust* hendaklah dihaluskan terlebih dahulu kemudian dimasukkan ke dalam air yang bakal dijadikan sebagai siraman terakhir bagi tubuh. Menurut Ibn Hajar pula ia hendaklah dicampur dengan benda kemudian barulah dihaluskan dan kemudian barulah digunakan.

٣٤٠- وَعَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: جَعَلْتُ عَلَى عَيْنِي صَبِرًا، بَعْدَ أَنْ تُوُفِّيَ أَبُو سَلَمَةَ، فَقَالَ رَسُولُ اللهُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّهُ يَشِبُّ الْوَجْهَ، فَلَا تَجْعَلِيهِ إِلَّا بِاللَّيْلِ، وَانْزِعِيهِ بِالنَّهَارِ، وَلَا تَمْتَشِطِي بِالطِّيبِ، وَلَا بِالْحِنَّاءِ، فَإِنَّهُ خِضَابٌ". قُلْتُ: بِأَيِّ شَيْءٍ أَمْتَشِطُ؟ قَالَ: "بِالسِّدْرِ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ، وَإِسْنَادُهُ حَسَنٌ.

340- Daripada Ummu Salamah (r.a), beliau berkata: "Saya memakai *shabir* pada kedua mata saya setelah Abu Salamah meninggal dunia."

Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Sesungguhnya ia mempercantik wajah dan oleh itu janganlah kamu mengoleskannya kecuali pada waktu malam dan hapuslah ia ketika waktu siang hari. Jangan kamu menyikat rambut dengan menggunakan minyak rambut dan jangan pula memakai inai rambut, sebab ia termasuk perbuatan menghiasi rambut." Saya bertanya: "Lalu apa yang saya gunakan untuk menyikat rambut?" Baginda menjawab: "Dengan memakai daun bidara." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i, sanadnya hasan: 1140).

٣٤١- وَعَنْهَا أَنَّ امْرَأَةً قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ إِنَّ ابْنَتِي مَاتَ عَنْهَا زَوْجُهَا، وَقَدِ اشْتَكَتْ عَيْنَهَا، أَفَنَكْحُلُهَا؟ قَالَ: "لَا". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

341- Daripada Ummu Salamah (r.a) bahawa ada seorang perempuan berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya anak perempuanku ditinggal mati oleh suaminya dan dia mengeluh matanya terasa sakit. Bolehkah kami menyuruhnya memakai celak?" Baginda menjawab: "Tidak boleh." (Muttafaq 'alaihi: 1141).

Makna Keseluruhan

Kedua-dua hadith ini membahas permasalahan hadith sebelumnya.

Analisis Lafaz

"صَبِرًا", dengan membaca *kasrah* huruf *shad* dan *kasrah* huruf *ba'* meskipun kadang kala huruf *ba'* ini dibaca *sukun*, ubat pahit

"يَشِبُّ", dibaca dengan *fathah* huruf *ya'* dan *dhammah* huruf *syin*, bedak yang dipakai untuk mempercantik wajah.

"تَجْعَلِيهِ", meletakkannya di wajahmu.

"انْزِعِيهِ", hapus dan hilangkanlah.

"بِالسِّدْرِ", pohon bidara.

Fiqh Hadith

1. Perempuan yang sedang berkabung dilarang memakai wangi-wangian dan perhiasan.
2. Boleh menggunakan bidara untuk menyikat rambut bagi perempuan yang sedang berkabung.
3. Dilarang memakai kosmetik yang berlebihan sehingga mempercantik wajah, meskipun ia tidak termasuk jenis wewangian, kecuali ia

sekadar tujuan perubatan dan itu pun dipakai pada waktu malam hari.

4. Perempuan yang sedang berkabung boleh membersihkan dan membasuh tubuhnya, kerana apa yang dilarang baginya adalah berhias bukannya membersihkan tubuh.

٣٤٢- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: طُلِّقَتْ خَالَتِي، فَأَرَادَتْ أَنْ تَجُدَّ نَخْلَهَا فَزَجَرَهَا رَجُلٌ أَنْ تَخْرُجَ، فَأَتَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: بَلْ جُدِّي نَخْلَكِ، فَإِنَّكِ عَسَى أَنْ تَصَدَّقِي، أَوْ تَفْعَلِي مَعْرُوفًا. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

342- Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: "Makcik saya pernah ditalak tiga kali lalu dia ingin memotong batang pohon kurmanya. Mendengar itu, ada seorang lelaki yang melarangnya keluar daripada rumah. Dia kemudian datang menghadap Rasulullah (s.a.w) kemudian baginda bersabda: "Kamu boleh keluar dan potonglah batang pohon kurmamu. Sebab dengan demikian kamu mungkin dapat bersedekah atau berbuat amal kebajikan." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1142).

Makna Keseluruhan

Hadith ini menyempurnakan permasalahan iddah yang telah dibahas pada hadith sebelumnya, di mana orang yang sedang berkabung boleh keluar dari rumah untuk memenuhi atau mencari keperluan sehariannya dan ini merupakan bukti kasih sayang Allah kepada hamba-Nya, kerana wanita yang masih dalam masa iddah pastinya memerlukan sesuatu yang memaksanya keluar dari rumahnya.

Analisis Lafaz

"تَجُدَّ", memotong kurma atau pohonnya.

"فَزَجَرَهَا", melarang dengan keras.

"تَصَدَّقِي", huruf *ta'* yang pertama dibuang bagi memudahkan bacaan, bersedekahlah.

Fiqh Hadith

1. Wanita yang sedang dalam iddah talak ba'in boleh keluar dari rumahnya meskipun pada waktu siang hari kerana ingin memenuhi keperluannya. Sebahagian ulama mengharuskannya keluar rumah

kerana adanya keperluan atau uzur, sama ada pada waktu malam mahupun siang hari. Pendapat lain mengatakan dia hanya boleh keluar pada waktu siang hari secara mutlak, namun tidak boleh keluar pada waktu malam hari.

2. Anjuran untuk menanyakan sesuatu sebelum melakukannya.
3. Anjuran bersedekah dan berbuat baik.

Penting

Ibn Taimiyah berkata: "Perempuan yang sedang berkabung hendaklah tinggal di dalam rumah, tidak boleh keluar rumah sama ada pada waktu malam mahupun pada waktu siang kecuali ada keperluan atau dalam keadaan terpaksa. Dia juga dibolehkan melakukan seluruh apa yang dibolehkan bagi perempuan yang tidak beriddah seperti bercakap dengan lelaki bukan mahram selagi dia berpakaian tertutup. Inilah Sunnah Rasulullah (s.a.w) dan apa yang dilakukan para sahabat perempuan ketika ditinggal mati oleh suami mereka."

"Jika keluar rumah tanpa ada keperluan atau tinggal di rumah selain rumahnya sendiri atau tidak mempedulikan lagi situasi berkabung, maka dia hendaklah memohon keampunan dan bertaubat kepada Allah, namun tidak perlu lagi mengulangi keadaan berkabung. Jika masih ada sisa waktu berkabung, hendaklah dia berkabung pada sisa waktu berkabung itu. Dia turut dibolehkan berkumpul dengan orang yang dibolehkan berkumpul dengannya ketika tidak sedang beriddah."

٣٤٣- وَعَنْ فُرَيْعَةَ بِنْتِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ زَوْجَهَا خَرَجَ فِي طَلَبِ أَعْبُدٍ لَهُ فَقَتَلُوهُ. قَالَتْ: فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ أَرْجِعَ إِلَى أَهْلِي؛ فَإِنَّ زَوْجِي لَمْ يَتْرُكْ لِي مَسْكَنًا يَمْلِكُهُ وَلَا نَفَقَةً، فَقَالَ: "نَعَمْ". فَلَمَّا كُنْتُ فِي الْحُجْرَةِ نَادَانِي، فَقَالَ: "اُمْكُثِي فِي بَيْتِكَ حَتَّى يَبْلُغَ الْكِتَابُ أَجَلَهُ". قَالَتْ: فَاعْتَدَدْتُ فِيهِ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا، قَالَتْ: فَقَضَى بِهِ بَعْدَ ذَلِكَ عُثْمَانُ. أَخْرَجَهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ، وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ والذُّهْلِيُّ وَابْنُ حِبَّانَ وَالْحَاكِمُ وَغَيْرُهُمْ.

343- Daripada Furai'ah binti Malik (r.a) bahawa suaminya keluar mencari beberapa orang hamba sahaya miliknya, lalu mereka membunuhnya. Furai'ah menceritakan: "Saya kemudian minta izin kepada Rasululla (s.a.w) untuk kembali pulang ke tempat keluarga saya, sebab suami saya betul-betul tidak meninggalkan rumah miliknya dan nafkah untuk saya." Baginda pun bersabda: "Ya, kamu boleh berbuat demikian. Ketika saya berada

di dalam bilik, baginda memanggil saya dari sebelah luar dan bersabda: "Tetaplah kamu bertahan di dalam rumahmu hingga habis waktu iddah." Dia menceritakan: "Di dalam bilik itu saya beriddah selama empat bulan sepuluh hari." Katanya lagi: "Setelah itu Usman pada era pemerintahannya juga memutuskan hukum yang serupa dalam kes yang serupa pula." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah, dinilai sahih oleh al-Tirmidhi, al-Dzuhli, Ibn Hibban, al-Hakim dan lain-lain: 1043).

٣٤٤- وَعَنْ فَاطِمَةَ بِنْتِ قَيْسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّ زَوْجِي طَلَّقَنِي ثَلَاثًا، وَأَخَافُ أَنْ يُقْتَحَمَ عَلَيَّ، قَالَ: فَأَمَرَهَا، فَتَحَوَّلَتْ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

344- Daripada Fathimah binti Qais (r.a), beliau berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya suamiku telah menceraikanku dengan talak tiga. Aku khuatir ada orang lain masuk ke bilikku." Baginda kemudian menyuruhnya berpindah meninggalkan rumahnya itu." (1144).

Makna Keseluruhan

Kedua-dua hadith ini menjelaskan bahawa seorang wanita yang beriddah dibolehkan keluar dari rumahnya; hadith pertama untuk wanita yang ditinggal mati oleh suaminya, sedangkan hadith kedua untuk wanita yang diceraikan dengan talak tiga.

Wanita yang ditinggal mati oleh suaminya tidak dibenarkan keluar rumah meskipun suaminya tidak meninggalkan nafkah dan rumah untuk memenuhi keperluannya. Manakala wanita yang ditalak tiga oleh suaminya dibenarkan keluar rumah apabila ada uzur seperti rumahnya terpencil daripada tempat keramaian dan dia merasa takut ke atas dirinya kalau-kalau berlaku sesuatu yang tidak diingini.

Analisis Lafaz

"فُرَيْعَةَ", Furai'ah adalah saudari Abu Sa'id al-Khudri, dia menyaksikan Bai'ah al-Ridhwan.

"خَرَجَ فِي طَلَبِ أَعْبُدٍ لَهُ فَقَتَلُوهُ", menurut riwayat Abu Dawud disebutkan: "Suaminya keluar mencari beberapa orang hamba sahaya miliknya lantaran mereka melarikan diri. Ketika mereka hampir sampai, dia menemukannya namun mereka kemudian malah membunuhnya."

"إِلَى أَهْلِي", Abu Dawud menambahkan: "di kalangan bani Khudrah."

"لَمْ يَتْرُكْ لِي", menurut riwayat Abu Dawud disebutkan: "Dia tidak meninggalkan apa-apa untukku." Ini lebih jelas.

" فِي الْحُجْرَةِ", dalam riwayat Abu Dawud disebutkan: "atau di dalam masjid."

" وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ", menurut Ibn Abdul Barr, hadith ini masyhur di sisi ulama Hijaz dan Iraq, namun dinilai cacat oleh Ibn Hazm dan langkah ini turut diikuti oleh Abdul Haqq kerana status Zainab binti Ka'ab bin 'Ujarah yang tidak diketahui dan Sa'id bin Ishaq tidak diketahui yang dia bersifat adil.

Apapun, Zainab seorang tabi'in. Ia adalah isteri Abu Sa'id. Sa'id bin Ishaq meriwayatkan hadith daripadanya dan riwayatnya disebut oleh Ibn Hibban dalam kitab al-Tsiqat. Sulaiman bin Muhammad turut meriwayatkan hadith daripadanya dan ulama thiqoh tidak sedikit pun menilainya cacat.

Sa'ad bin Ishaq dinilai thiqoh oleh Ibn Mu'in, al-Nasa'i dan al-Daruquthni. Hammad bin Zaid, al-Tsauri, Ibn Juraij dan Malik meriwayatkan hadith daripadanya.

" يُقْتَحَمَ عَلَيَّ", masuk tanpa seizinku.

" فَتَحَوَّلَتْ", ia pindah ke rumah lain,

Fiqh Hadith

1. Wanita yang ditinggal mati oleh suaminya hendaklah menghabiskan masa iddahnya di rumahnya sendiri dan tidak boleh keluar meninggalkannya, pendapat ini menurut Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad, Imam Abu Hanifah dan jumhur ulama. Menurut riwayat Aisyah dan Ibn Abbas, dia dibolehkan keluar rumah.
2. Wajib memberi tempat tinggal kepada isteri yang ditinggal mati oleh suaminya, pendapat ini menurut Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama. Pendapat lain mengatakan dia tidak berhak mendapat tempat tinggal.
3. Seorang wanita tidak boleh tinggal seorang diri dalam satu rumah, kerana dikhuatiri keselamatannya terancam.

٣٤٥- وَعَنْ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَا تُلْبِسُوا عَلَيْنَا سُنَّةَ نَبِيِّنَا، عِدَّةُ أُمِّ الْوَلَدِ إِذَا تُوُفِّيَ عَنْهَا سَيِّدُهَا أَرْبَعَةُ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَابْنُ مَاجَه، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ، وَأَعَلَّهُ الدَّارَقُطْنِيُّ بِالِانْقِطَاعِ.

345- Daripada Amr bin al-'Ash (r.a), beliau berkata: "Jangan kamu mengaburkan Sunnah Nabi kami kita; iddah *ummul walad* yang ditinggal oleh mati tuannya adalah empat bulan sepuluh hari." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad, Abu Dawud dan Ibn Majah, dinilai sahih oleh al-Hakim dan

dinilai mungqathi' oleh al-Daruquthni: 1145).

Makna Keseluruhan

Ada kemungkinan 'Umar sering mendengar ramai orang yang mengingkari adanya iddah bagi seorang wanita hamba yang dikurnia anak sedangkan tuannya meninggal dunia. 'Umar merasa khuatir jika hukum yang benar dalam masalah ini disia-siakan. Di sini beliau mengisytiharkan bahawa iddahnya sama seperti wanita merdeka. Ini menurut pendapat yang mengatakan iddah bergantung kepada keadaan suami sama ada suaminya merdeka atau hamba. Barang siapa yang mengatakan iddah bergantung kepada status suami, maka iddah hamba perempuan yang ditinggal mati oleh suaminya memiliki iddah yang sama dengan iddah wanita merdeka.

Analisis Lafaz

"لَا تُلْبِسُوا عَلَيْنَا", Jangan kamu sorok Sunnah Nabi dari Kami, kerana jika sesuatu itu telah dirahsiakan maka ia tidak akan muncul lagi, atau jangan kamu campur adukkan, kerana jika Sunnah telah dicampuradukkan dengan perkara lain, ia menjadi kabur sehingga tidak lagi dikenali.

"سُنَّةَ نَبِيِّنَا", dalam riwayat lain disebutkan: "Sunnahnya." Menurut al-Khatthabi, ada dua tafsiran dalam hadith ini:

Pertama, maksudnya adalah Sunnah yang diriwayatkan daripada Rasulullah (s.a.w).

Kedua, maksudnya adalah ijtihad 'Umar bin al-Khatthab di mana ketetapan yang berlaku terhadap wanita merdeka sama dengan wanita hamba.

Jika maksud Sunnah di sini adalah hadith yang diriwayatkan daripada Rasulullah (s.a.w), sebaiknya Umar bin al-Khatthab di sini menyebutnya secara berterus terang. Apa-apa keraguan sepatutnya tidak boleh berlaku dalam hadith. Keadaan sedemikian hanya boleh berlaku dalam ijtihad. Ada pula yang mengatakan bahawa hadith ini berlaku dalam keadaan khusus iaitu tentang ummul walad yang dimerdekakan oleh tuannya lalu dia mengahwininya. Iddah yang disebut dalam hadith ini merupakan ketetapan bagi ummul walad ini. Ulama tidak ada berbeza pendapat dalam masalah ini.

"أُمِّ الْوَلَدِ", seorang wanita yang melahirkan anak tuannya.

"وَأَعَلَّهُ الدَّارَقُطْنِيُّ بِالِانْقِطَاعِ", al-Daruquthni menilainya cacat kerana munqathi', sebab di dalam hadith ini terdapat Qabishah bin Dzuwa'ib kerana tidak mendengar hadith ini daripada 'Amr.

Menurut Imam Ahmad, hadith ini tidak sahih. Dalam kesempatan yang lain, adakah Sunnah Nabi (s.a.w) seperti ini? Dalam kesempatan lain beliau berkata: ”Hadith ini munkar.”

Menurut al-Munziri, dalam sanad hadith ’Amr terdapat Mathar bin Thuhman di mana ramai ulama yang menilainya daif.

Hadith turut diriwayatkan daripada Khallas daripada Ali, namun ramai ulama yang mempertikai kedudukank hadith Khallas, malah Ibn Mu’in tidak pernah menghiraukannya.

Menurut Imam Ahmad pula, riwayatnya adalah dusta. Menurut al-Baihaqi pula hadith Khallas daripada Ali adalah sangat daif di sisi ulama hadith.

Fiqh Hadith

Ummul walad yang ditinggal mati oleh tuannya hendaklah beriddah selama empat bulan sepuluh hari, pendapat ini menurut al-Auza’i, Imam Ahmad dalam satu riwayat, Ibn al-Musayyab, Ibn Sirin, Ibn Jubair, Mujahid, Khallas, Umar bin Abdul Aziz, al-Zuhri dan Ishaq.

Menurut Atha’, Thawus dan Qatadah, dia wajib beriddah selama dua bulan lima hari.

Menurut Imam Malik, Imam al-Syafi’i, Imam Ahmad dalam riwayat yang masyhur, Abu Ubaid dan Abu Tsaur, iddahnya adalh satu kali haid, pendapat ini diriwayatkan daripada Ibn Umar, Utsman dan Aisyah. Mereka mengemukakan alasan bahawa Ummul walad bukan isteri tuannya dan dia pula tidak ditalak. Jadi tujuan iddahnya hanya sekadar mengetahui sama ada rahimnya sudah bersih dari kehamilan atau sebaliknya dan ini sudah memadai dengan satu kali haid kerana dia disamakan dengan hamba wanita.

Menurut Ali dan Ibn Mas’ud, iddahnya adalah tiga kali haid, pendapat ini menurut Imam Abu Hanifah, Sufyan al-Tsauri dan al-Nakha’i.

Penting

Imam Malik berkata: “Jika ummul walad itu tidak lagi haid, maka masa iddahnya selama tiga bulan dan berhak mendapat tempat tinggal.”

*- وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: إِنَّمَا الْأَقْرَاءُ؛ الْأَطْهَارُ. أَخْرَجَهُ مَالِكٌ فِي قِصَّةٍ بِسَنَدٍ صَحِيحٍ.

*- Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: “*Quru’* adalah waktu suci.” (Diriwayatkan oleh Malik dalam satu kisah dengan sanad sahih)

Makna Keseluruhan

Allah (s.w.t) berfirman:

وَٱلْمُطَلَّقَٰتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنفُسِهِنَّ ثَلَٰثَةَ قُرُوٓءٍ ۚ وَلَا يَحِلُّ لَهُنَّ أَن يَكْتُمْنَ مَا خَلَقَ ٱللَّهُ فِىٓ أَرْحَامِهِنَّ إِن كُنَّ يُؤْمِنَّ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۚ ..... ﴿٢٢٨﴾

"Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid). Dan tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan (tidak memberitahu tentang) anak yang dijadikan oleh Allah dalam kandungan rahim mereka, jika betul mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat...." (Surah al-Baqarah: ٢٢٨)

Dalam bahasa Arab lafazh *quru'* disebut waktu haid dan waktu suci. Oleh itu, ulama berbeza pendapat dalam masalah ini, masing-masing mereka menyesuaikan makna ayat dengan pendapat mereka. Ibn Hajar menyebut hadith bagi menyokong mazhab ulama yang mengatakan bahawa ia bermaksud waktu suci. Inilah pendapat jumhur ulama.

Analisis Lafaz

"الْأَقْرَاءُ", jamak *quru'* dengan membaca *fathah* atau *dhammah* huruf *qaf*. Secara bahasa ia bermaksud menahan dan Aisyah mentafsirkannya dengan makna waktu suci.

Fiqh Hadith

Quru' adalah bersuci. Pendapat ini diriwayatkan daripada Ibn Abbas, Zaid bin Tsabit, Salim, al-Qasim, 'Urwah dan tujuh ulama fiqh Madinah. Inilah mazhab Imam Malik, Imam al-Syafi'i, Dawud al-Zahiri, Abu Tsaur dan Imam Ahmad dalam satu riwayat. Selain athar ini, mereka turut mengemukakan beberapa dalil yang antara lain:

1. Allah (s.w.t) berfirman:

   يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّبِىُّ إِذَا طَلَّقْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعِدَّتِهِنَّ وَأَحْصُوا۟ ٱلْعِدَّةَ ۖ ..... ﴿١﴾

   "Wahai Nabi! Apabila kamu - (engkau dan umatmu) - hendak menceraikan isteri-isteri (kamu), maka ceraikanlah mereka pada masa mereka dapat memulakan idahnya, dan hitunglah masa idah itu (dengan betul),..." (Surah al-Thalaq: 1) Dalam ayat ini, perintah talak berlaku pada waktu bersuci bukannya pada waktu sedang haidh.

2. Hadith Ibn Umar (r.a): "Hendaklah dia merujuk isterinya sampai dia suci, kemudian haid lalu suci sekali lagi." Di sini Rasulullah (s.a.w) menyuruh Ibn Umar menceraikan isterinya ketika sedang suci yang merupakan awal iddah. Inilah menunjukkan makna *quru'* adalah suci.

Abu Bakar, Umar, Utsman, Ali, Ibn Abbas dalam pendapat yang lain, Ibn al-Musayyab, al-Tsauri, al-Auza'i, Ishaq, Abu Ubaid, Ashab al-Ra'yi dan Imam Ahmad dalam riwayt masyhur berpendapat bahaw makna *quru'* adalah masa haid. Dalil mereka antara lain adalah:

1. Allah (s.w.t) berfirman:

وَٱلَّٰٓـِٔي يَئِسۡنَ مِنَ ٱلۡمَحِيضِ مِن نِّسَآئِكُمۡ إِنِ ٱرۡتَبۡتُمۡ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَٰثَةُ أَشۡهُرٖ وَٱلَّٰٓـِٔي لَمۡ يَحِضۡنَۚ ..... ﴿٤﴾

"*Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid, jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh idah mereka) maka idahnya ialah tiga bulan; dan (demikian) juga idah perempuan-perempuan yang tidak berhaid....*" (Surah al-Thalaq: 4) Memindahkan iddah ketika seseorang tidak lagi haid kepada hitungan bulan membuktikan bahawa awal iddah dimulai sejak haid.

Menurut pensyarah kitab ini, memahami ayat tersebut dengan cara seperti masih perlu dikaji semula, karena tidak mungkin dikatakan: "Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang masa sucinya telah habis", sementara mereka selamanya dalam keadaan suci keran masa haid mereka sudah berakhir. Ini kerana suci terjadi setelah adanya haid. Jika masa haid berakhir, maka hilanglah ketentuan menentukan iddah dengan masa suci.

2. Hadith Rasulullah (s.a.w):

تَدَعِي الصَّلَاةَ أَيَّامَ قُرْئِهَا.

"Tinggalkan solat pada hari-hari quru'nya wanita." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud).

Dalam riwayat yang lain:

إِذَا أَتَى قُرْؤُكِ فَلَا تُصَلِّي، وَإِذَا مَرَّ قُرْؤُكِ فَتَطَهَّرِي، ثُمَّ صَلِّي مَا بَيْنَ الْقُرْءِ إِلَى الْقُرْءِ.

"Jika hari quru'-mu datang, maka jangan kamu mengerjakan solat. Jika hari quru'-mu sudah berlalu, maka solatlah, dan solatlah antara quru' dengan quru'."

3. Allah (s.w.t) berfirman:

وَٱلْمُطَلَّقَٰتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنفُسِهِنَّ ثَلَٰثَةَ قُرُوٓءٍ ۚ وَلَا يَحِلُّ لَهُنَّ أَن يَكْتُمْنَ مَا خَلَقَ ٱللَّهُ فِىٓ أَرْحَامِهِنَّ إِن كُنَّ يُؤْمِنَّ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۚ ..... ﴿٢٢٨﴾

"*Dan isteri-isteri yang diceraikan itu hendaklah menunggu dengan menahan diri mereka (dari berkahwin) selama tiga kali suci (dari haid). Dan tidaklah halal bagi mereka menyembunyikan (tidak memberitahu tentang) anak yang dijadikan oleh Allah dalam kandungan rahim mereka, jika betul mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat....*" (Surah al-Baqarah: 228) Apa yang diwajibkan untuk menahan diri adalah tiga kali *quru'*. Barang siapa yang menjadikan makna *quru'* sebagai bersuci, maka memadailah baginya dua kali suci dan sebahagian daripada waktu suci yang ketiga. Pemahaman seperti ini tentu bertentangan dengan zahir nash

٣٤٦- وَعَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: طَلَاقُ الْأَمَةِ تَطْلِيقَتَانِ، وَعِدَّتُهَا حَيْضَتَانِ. رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ، وَأَخْرَجَهُ مَرْفُوعًا وَضَعَّفَهُ.

346- Daripada Ibn 'Umar (r.a), beliau berkata: "Talak bag hamba wanita dua kali dan iddahnya pula dua kali haid." (Diriwayatkan oleh Daruquthni dan menurutnya hadith ini marfu' dan daif: 1146).

٣٤٧- وَأَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَابْنُ مَاجَه مِنْ حَدِيثِ عَائِشَةَ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ، وَخَالَفُوهُ، فَاتَّفَقُوا عَلَى ضَعْفِهِ.

347- Hadith tersebut turut diriwayatkan pula oleh Abu Dawud, al-Tirmidhi dan Ibn Majah daripada hadith Aisyah. Hadith ini dinilai sahih oleh al-Hakim, namum mereka tidak sependapat dengannya malah mereka bersepakat menilainya daif: 1147).

Makna Keseluruhan

Ibn Hajar mengemukakan dua hadith ini dengan dua tujuan, iaitu:

Pertama, sebahagian ulama ada yang mengatakan bahawa maksud *quru'* adalah masa haid.

Kedua, menjelaskan iddah hamba perempuan dan talak yang masih boleh dirujuk. Dalam hadith ini dijelaskan seorang hamba wanita yang ditalak satu boleh dirujuk dan setelahnya ada ketikanya terus mempertahankannya

dengan cara yang baik atau menceraikannya dengan cara yang baik pula. Ini kerana iddahnya hanya dua kali haid.

Dalam hadith ini disebutkan bahawa iddah ditentukan dengan masa haid dan ini merupakan inti hadith pertama, kemudian lafaz hadith Aisyah bahawa talak wanita hamba adalah dua kali, sementara *quru'* mereka dua kali haid.

Analisis Lafaz

"وَأَخْرَجَهُ مَرْفُوعًا وَضَعَّفَهُ", ia dikeluarkan secara marfu' sekali gus menilainya daif, kerana di dalam sanad hadith ini terdapat 'Umar bin Syabib dan 'Athiyyah al-Aufi; keduanya adalah periwayat yang daif. 'Athiyyah al-Aufi yang meriwayatkan hadith daripada Ibn Umar bercanggah dengan dengan Nafi' dan Salim kerana mereka hadith tersebut mawquf kepada Ibn 'Umar. Di sini Nafi' dan Salim hendaklah diutamakan.

"وَخَالَفُوهُ، فَاتَّفَقُوا عَلَى ضَعْفِهِ", menurut Abu Dawud, hadith ini majhul. Al-Tirmidhi berkata: "Kami tidak tahu hadith ini marfu' kecuali hadith yang diriwayatkan daripada Muzahir dan kami tidak mengetahui selain hadith ini."

Menurut Ibn Mu'in, hadithnya tidak perlu diambil kira. Menurut Abu Hatim, hadithnya munkar. Menurut Abu 'Ashim, di Basrah tidak ada hadith yang lebih munkar daripada hadith Muzahir ini.

Bagi pensyarah kitab ini, isi kandungan hadith yang paling munkar dalam masalah ini adalah perkataan Aisyah: "dan quru'nya sebanyak dua kali haid" setelah diketahui bahawa beliau meriwayatkan satu hadith dengan sanad yang paling sahih bahawa quru' itu adalah waktu suci.

Fiqh Hadith

Hamba perempuan berbeza dengan wanita merdeka, di mana seorang hamba perempuan menjadi talak ba'in apabila ditalak oleh suaminya dan iddahnya pula dua kali suci. Ulama berbeza pendapat dalam masalah ini, iaitu:

Pertama, menurut mazhab Zahiri talak hamba dan orang merdeka adalah sama, kerana berdasarkan keumuman nash al-Qur'an yang membahas talak di samping dalil-dalil yang membezakan talak orang merdeka dengan hamba tidaklah kuat.

Kedua, pendapat Imam Malik, Imam al-Syafi'i, Imam Abu Hanifah dan jumhur ulama bahawa hamba memiliki hak untuk menjatuhkan talak sebanyak dua kali sementara iddah hamba wanita hanya dua kali haid. Dalil mereka adalah athar di atas, pendapat ini dinukil daripada Ibn Umar, Ali dan Ibn Umar, dan tidak seorang sahabat pun yang mengingkari pendapat ini.

٣٤٨- وَعَنْ رُوَيْفِعِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا يَحِلُّ لِامْرِئٍ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ يَسْقِيَ مَاءَهُ زَرْعَ غَيْرِهِ". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ, وَحَسَّنَهُ الْبَزَّارُ.

348- Daripada Ruwaifi' bin Tsabit (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Tidak halal bagi orang yang beriman kepada Allah dan hari akhir menyiramkan airnya ke dalam tanaman milik orang lain." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Tirmidhi, dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan dinilai hasan oleh Ibn al-Bazzar: 1148)

Makna Keseluruhan

Ketika Islam menyuruh umatnya berkahwin dengan tujuan untuk memperoleh keturunan, maka adalah tidak dibolehkan bagi seorang lelaki yang telah berkahwin menyuruh isterinya bersetubuh dengan orang lain supaya melahirkan anak yang bukan daripada keturunannya. Hadith ini melarang bagi seorang isteri untuk melakukan perselingkuhan.

Analisis Lafaz

"رُوَيْفِعِ", nama ini dibaca *tasghir*.

Ibn Tsabit dari bani Malik bin al-Najjar, termasuk sahabat yang meninggal dunia di Basrah, meninggal dunia pada tahun ١٤ Hijrah.

"يَسْقِيَ", memasuki

"مَاءَهُ", air maninya.

"زَرْعَ", anak sebagaimana yang disebutkan dalam hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi.

Fiqh Hadith

1. Seorang lelaki tidak dihalalkan menyetubuhi hamba atau wanita tawanan ketika dia sedang hamil sehinggalah dia bersalin. AL-Tirmidhi berkata: "Inilah yang menjadikan pegangan ulama."
2. Menikahi wanita hamil kerana berzina dianggap *fasid*, pendapat ini menurut mazhab Hanbali. Menurut mazhab Hanafi, tidak dilarang melangsungkan perkahwinan tetapi mereka dilarang bersetubuh selama waktu kehamilan.

*- وَعَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ -فِي امْرَأَةِ الْمَفْقُودِ- تَرَبَّصُ أَرْبَعَ سِنِينَ، ثُمَّ تَعْتَدُّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا. أَخْرَجَهُ مَالِكٌ وَالشَّافِعِيُّ.

*- Daripada Umar (r.a) mengenai isteri ditinggal pergi dalam waktu yang lama oleh suaminya dan tidak berita mengenainya, hendaklah menunggu selama empat tahun, kemudian setelah itu hendaklah beriddah selama empat bulan sepuluh hari. (Diriwayatkan oleh Malik dan al-Syafi'i).

Makna Keseluruhan

Athar ini memiliki kisah tersendiri di mana ada seorang lelaki berkata kepada 'Umar: "Saya pernah keluar untuk mengerjakan solat Isyak. Saya lalu bertemu dengan sekelompok jin dan mereka menawan saya. Saya tinggal bersama mereka dalam waktu yang lama. Mereka kemudian diserang jin mu'min hingga mereka berjaya memenangi peperangan itu. Jin yang kalah itu berjaya ditawan dan mereka juga menawanku. Mereka berkata: "Kami melihatmu seorang muslim, kami tidak dibenarkan menawanmu." Mereka kemudian mereka memberiku pilihan antara tetap tinggal bersama mereka atau kembali pulang ke dalam kehidupanku yang semula. Saya pun memilih untuk kembali dalam kehidupan saya yang semula untuk menetap bersama keluargaku. Semasa saya hilang dan masuk ke alam jin itu, isteriku datang menghadap Umar. Dia diperintahkan untuk menahan diri selama empat tahun sejak dia mengadukan perkaranya. Umar kemudian memanggil waliku dan menceraikan isteriku dariku. Beliau kemudian menyuruhnya beriddah selama empat bulan sepuluh hari. Saya pun datang setelah dia telah berkahwin dengan lelaki lain, lalu Umar memberiku pilihan antara tetap menjadikan perempuan itu tetap menjadi isteriku atau mengambil mahar yang telah saya berikan kepadanya dahulu kala. Kisah ini terdapat dalam kitab karya Abdul Razzaq dan al-Baihaqi.

Analisis Lafaz

"فِي امْرَأَةِ الْمَفْقُودِ", yakni 'Umar memberi fatwa mengenai wanita yang kehilangan suaminya.

"تَرَبَّصُ", menunggu.

"أَخْرَجَهُ مَالِكٌ وَالشَّافِعِيُّ", hadith ini dikeluarkan oleh al-Syafi'i dan Imam Malik, namun Ibn Hajar tidak memberi sebarang komentar dalam masalah ini kerana adanya perbezaan pendapat sama ada Ibn al-Musayyab pernah mendengar hadith daripada 'Umar atau sebaliknya. Apapun, pendapat yang kuat adalah hadith ini munqathi'. Sungguhpun begitu, hadith ini diriwayatkan daripada Mujahid daripada Ibn Abu Laila daripada 'Umar.

Fiqh Hadith

Pendapat Umar mengenai isteri yang kehilangan suaminya bahawa jatuh talak ba'in jika telah berlalu waktu empat tahun sejak perkara ini diajukan mahkamah. Jika belum datang, maka dia beriddah selama empat bulan sepuluh hari. Pendapat ini menurut Imam Malik, Imam Ahmad, Ishaq, Imam al-Syafi'i dan sekumpulan.

Menurut Abu Yusuf, Muhammad, Imam Abu Hanifah dalam satu riwayat dan Imam al-Syfi'i dalam satu riwayat, ikatan suami isteri tidak boleh diputuskan sehinggalah ada kepastian sama ada di suami mati, menjatuhkan talak ataupun sudah murtad. Ini hendaklah dipastikan terlebih dahulu. Ini kerana akad perkahwinan mereka ditetapkan dengan jelas dan oleh itu, ia tidak boleh diputuskan kecuali dengan jelas pula. Mereka mengemukan dalil dengan hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Syafi'i daripada Ali:

امْرَأَةُ الْمَفْقُوْدِ امْرَأَةٌ ابْتُلِيَتْ، فَلْتَصْبِرْ حَتَّى يَأْتِيَها مَوْتُهُ بِيَقِيْنٍ.

"Wanita yang kehilangan suaminya merupakan seorang yang sedang diuji. Oleh itu, hendaklah dia bersabar sampai suaminya datang atau kematiannya telah dipastikan."

Yahya berkata: "Jika suami meninggalkan segala apa yang diperlukan oleh isterinya, maka suami tersebut dianggap tetap wujud, meskipun tidak dapat menjimaknya, kerana bersetubuh merupakan hak kaum lelaki dan bukannya hak kaum perempuan."

Jika suami tidak meninggalkan apa-ap yang menjadi keperluan isteri semasa ditinggalkan, maka hakim berhak menfasakh mereka sesuai dengan permintaan si isteri. Dalilnya firman Allah (s.w.t):

وَإِذَا طَلَّقْتُمُ ٱلنِّسَآءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ سَرِّحُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍۚ وَلَا تُمْسِكُوهُنَّ ضِرَارًا لِّتَعْتَدُوا۟ۚ وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُۥۚ وَلَا تَتَّخِذُوٓا۟ ءَايَٰتِ ٱللَّهِ هُزُوًاۚ وَٱذْكُرُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ عَلَيْكُمْ وَمَآ أَنزَلَ عَلَيْكُم مِّنَ ٱلْكِتَٰبِ وَٱلْحِكْمَةِ يَعِظُكُم بِهِۦۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَٱعْلَمُوٓا۟ أَنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٣١﴾

"Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu) kemudian mereka (hampir) habis tempoh idahnya maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik atau lepaskan mereka dengan cara yang baik. Dan janganlah kamu pegang mereka (rujuk semula dengan maksud memberi mudarat, kerana kamu hendak melakukan kezaliman (terhadap mereka); dan sesiapa yang melakukan demikian maka sesungguhnya dia menganiaya dirinya sendiri. dan janganlah kamu menjadikan ayat-ayat hukum Allah

itu sebagai ejek-ejekan (dan permainan). Dan kenanglah nikmat Allah yang diberikan kepada kamu, (dan kenanglah) apa yang diturunkan kepada kamu iaitu Kitab (Al-Quran) dan ilmu hikmat, untuk memberi pengajaran kepada kamu dengannya. Dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah: sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu." (Surah al-Baqarah: ٢٣١). Demikian pula hadith Rasulullah (s.a.w):

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ.

"Tidak boleh membahayakan diri sendiri dan tidak boleh membahayakan orang lain."

٣٤٩- وَعَنِ الْمُغِيرَةِ بْنِ شُعْبَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "اِمْرَأَةُ الْمَفْقُودِ اِمْرَأَتُهُ حَتَّى يَأْتِيَهَا الْبَيَانُ." أَخْرَجَهُ الدَّارَقُطْنِيُّ بِإِسْنَادٍ ضَعِيفٍ.

349- Daripada al-Mughirah bin Syu'bah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Isterinya yang suaminya pergi tidak ada berita masih tetap menjadi isterinya sehingga ada keterangan yang tepat." (Diriwyatkan oleh al-Daruquthni dengan sanad yang daif: 1149).

Makna Keseluruhan

Hadith membahas permasalahan yang sama dengan hadith sebelumnya, namun ia hadith daif sebagaimana yang dihuraikan oleh Ibn Hajar. Abu al-Thayyib dalam kitab al-Ta'liq al-Mughni berkata: "Dalam kitab al-'Ilal, Ibn Abu Hatim berkata: "Aku bertanya kepada ayahku tentang hadith ini, beliau menjawab bahawa ini merupakan hadith munkar, kerana Muhammad bin Syarahbil seorang periwayat matruk. Dia meriwayatkan hadith munkar dan batil daripada al-Mughirah dan Siwar bin Mush'ab pula periwayat yang matruk seperti mana yang ditegaskan oleh Ibn al-Qatthan. Shalih bin Malik seorang yang tidak diketahui sementara Muhammad bin al-Fadhl juga tidak diketahui keadaannya.

٣٥٠- وَعَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يَبِيتَنَّ رَجُلٌ عِنْدَ امْرَأَةٍ، إِلَّا أَنْ يَكُونَ نَاكِحًا أَوْ ذَا مَحْرَمٍ." أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

350- Daripada Jabir (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jangan sekali-kali seorang lelaki bermalam bersama seorang perempuan kecuali dia sudah berkahwin atau ditemani seorang mahram." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1150).

٣٥١- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا يَخْلُوَنَّ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ، إِلَّا مَعَ ذِي مَحْرَمٍ". أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

351- Daripada Ibn Abbas (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), beliau bersabda: "Jangan sekali-kali seorang lelaki berkhalwat bersama seorang perempuan kecuali bersama mahram." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1151).

Makna Keseluruhan

Dalam satu hadith diriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

لَا يَخْلُوَنَّ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلَّا كَانَ الشَّيْطَانُ ثَالِثَهُمَا.

"Tidaklah seorang lelaki dan seorang perempuan berduaan kecuali syaitan menjadi orang yang ketiga di antara mereka."

Allah (s.w.t) berfirman:

﴿ وَمَآ أُبَرِّئُ نَفْسِىٓ ۚ إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّىٓ ۚ إِنَّ رَبِّى غَفُورٌ رَّحِيمٌ ٥٣ ﴾

"*Dan tiadalah aku berani membersihkan diriku; sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*" (Surah Yusuf: ٥٣)

Sudah menjadi kebiasaan bahawa hati seorang lelaki pastinya sentiasa berpaut dengan wanita. Oleh itu, Rasulullah (s.a.w) melarang seorang lelaki dan perempuan tinggal dalam satu rumah kecuali ditemani oleh suami atau muhramnya, malah dalam hadith berikutnya turut dilarang berkhalwat baik pada waktu malam mahupun pada waktu siang, kerana larangan untuk bermalam mungkin dapat difahami berduaan pada waktu siang hari dibolehkan. Inilah yang ditekankan oleh Ibn Hajar dalam hadith ini.

Analisis Lafaz

"لَا يَبِيتَنَّ", menginap atau bermalam.

"رَجُلٌ", lelaki-laki yang baligh dan berminat dengan perempuan.

" امْرَأَةٍ", dalam lafaz Muslim disebutkan: "ثيب" (janda) dan kalimat ini sekadar menunjukkan kebiasaan, kerana biasanya janda selalunya cenderung melakukan perbuatan keji, berbeza dengan gadis, dia lebih

mampu menahan syahwat dan sentiasa berusaha menjauhi kaum lelaki. Apapun, maksud hadith ini adalah setiap perempuan yang sudah berusia baligh.

Ada kemungkinan menyebutkan janda di sini dapat difahami jika dilarang berduaan dengan janda apatah lagi dengan anak gadis, bahkan larangannya lebih keras lagi.

" نَاكِحًا", bersuami.

" مَحْرَم", mahram bagi wanita itu, iaitu orang yang haram menikahinya untuk selama-lamanya.

" يَخْلُوَنَّ", berkhalwat, iaitu berduaan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan sehingga membolehkan mereka berdua melakukan perkara-perkara yang dilarang di sisi syariat Islam.

Fiqh Hadith

1. Haram berkhalwat dengan perempuan lain yang bukan mahram, baik pada waktu siang mahupun pada waktu malam, namun dibolehkan berkhalwat bersama muhram, pendapat ini menurut ijma' ulama.
2. Seorang lelaki dibolehkan berkhalwat dengan perempuan lain jika bersama mahram, tetapi khalwat di sini bukanlah khalwat yang sebenar.

Penting

Syiekh Taqyuddin dalam kitab Syarh al-'Umdah berkata: "Mahram bagi wanita adalah orang yang selamanya diharamkan untuk berkahwin dengannya, kecuali ibu yang disetubuhi kerana syubhat dan perempuan yang dili'an. Mereka berdua selamanya haram untuk dikahwini, tetapi mereka bukan muhrim, demikian pula dengan Ummahatul Mu'minin (isteri-isteri Rasulullah (s.a.w). Saudari wanita dan makciknya serta anaknya tidak termasuk mahram jika telah menikah dengan ibunya walaupun belum sempat bersetubuh."

٣٥٢- وَعَنْ أَبِي سَعِيدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِي سَبَايَا أَوْطَاسٍ: "لَا تُوطَأُ حَامِلٌ حَتَّى تَضَعَ، وَلَا غَيْرُ ذَاتِ حَمْلٍ حَتَّى تَحِيضَ حَيْضَةً". أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ، وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

352- Daripada Abu Sa'id (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda mengenai wanita tawanan Authas: "Tidak dibolehkah berkumpul dengan wanita hamil hingga dia melahirkan dan begitu pula dengan wanita yang tidak

mengandung sehinggalah tidak datang bulan satu kali." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan dinilai sahih oleh Hakim: 1152).

٣٥٣- وَلَهُ شَاهِدٌ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ فِي الدَّارَقُطْنِيِّ.

353- Hadith ini mempunyai *syahid* daripada Ibn Abbas dalam riwayat al-Daruquthni: 1153).

Makna Keseluruhan

Penggal pertama hadith ini telah dibahas dalam hadith Ruwaifi' bin Tsabit sedangkan penggal kedua pula menegaskan bahawa tidak boleh menyetubuhi wanita tawanan atau hamba wanita yang baru dibeli hingga tiba masa satu kali haid. Inilah maksud hadith ini. Syarat haid ini bagi memastikan rahimnya bersih dari janin sehingga terhindar daripada percampuran keturunan.

Analisis Lafaz

"سَبَايَا", jamak "سبية", wanita yang ditahan oleh tentera muslim kerana mereka berjaya mengalahkan musuh.

"أَوْطَاس", nama sebuah lembah di negeri Hawazin yang terletak berhampiran Hunain.

"تُوطَأُ", menyetubuhi.

"تَضَعَ", melahirkan.

"وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ", hadith ini dinilai sahih oleh al-Hakim, meskipun di dalam sanadnya ada Syarik al-Qadhi, beliau banyak melakukan kesalahan.

Apapun, hadith ini turut diriwayatkan melalui jalur lain secara mursal dan kuat. Ia turut mempunyai *syahid* seperti mana yang disebutkan oleh Ibn Hajar. Itulah sebabnya beliau menilainya hasan seperti yang ditegaskan Ibn Hajar dalam al-Talkhish.

"فِي الدَّارَقُطْنِيِّ", maksudnya dalam Sunan al-Daruquthni.

Fiqh Hadith

1. Tentera muslim wajib memastikan bahawa rahim tawanan wanita telah bersih daripada janin dengan cara menunggunya hingga satu kali haid jika dia ingin menyetubuhinya sama ada tawanan wanita itu masih gadis ataupun janda, pendapat ini menurut jumhur ulama. Menurut ulama yang lain, ini berlaku jika rahimnya tidak dapat

dikenal pasti sama ada dia hamil ataupun sebaliknya. Jika telah dikenal pasti maka *istibra'* tidak berlaku lagi baginya, pendapat ini diriwayatkan daripada Ibn Umar, Ali dan Imam Malik.

2. Dibolehkan bersenang-senang atau berseronok selain bersetubuh dengan tawanan perang wanita sebelum dilakukan *istibra'*, kerana hadith ini hanya melarang bersetubuh sahaja. Mereka mengemukakan dalil dengan hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Ibn Umar bahawa beliau berkata: "Aku mendapat bahagian harta rampasan perang berupa seorang wanita pada waktu perang Jalaula'. Aku melihat seolah-olah lehernya putih bagaikan perak. Aku pun tidak mampu lagi mengawal nafsuku hingga aku terus menciumnya."
3. Tawanan perang wanita yang hamil tidak boleh disetubuhi sehinggalah dia melahirkan anaknya.

Penting

Diqiyaskan dengan wanita perang adalah hamba wanita yang dibeli atau hamba wanita yang dimiliki dengan cara kepemilikan yang lain seperti hibah atau waris misalnya, kerana setiap permulaan kepemilikan dalam masalah ini mestilah mematuhi ketetapan ini.

٣٥٤- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "الْوَلَدُ لِلْفِرَاشِ، وَلِلْعَاهِرِ الْحَجَرُ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ مِنْ حَدِيثِهِ.

354- Daripada Abu Hurairah (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w), beliau bersabda: "Anak miliki pasangan suami isteri yang sah sedangkan anak bagi orang yang berzina tidakboleh dinasabkan kepadanya." (Muttafaq 'alaih daripada hadith Abu Hurairah: 1154).

٣٥٥- وَمِنْ حَدِيثِ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا فِي قِصَّةٍ.

355- Daripada hadith Aisyah (r.a) dalam satu kisah. (1155)

٣٥٦- وَعَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عِنْدَ النَّسَائِيِّ.

356- Daripada Ibn Mas'ud (r.a) dalam riwayat al-Nasa'i. (1156)

٣٥٧- وَعَنْ عُثْمَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عِنْدَ أَبِي دَاوُدَ.

357- Daripada hadith 'Utsman (r.a) dalam riwayat Abu Dawud (1157)

Makna Keseluruhan

Hadith ini mempunyai kisah yang dapat menjelaskan lagi maksudnya di mana Aisyah (r.a) meriwayatkannya bahawa bahawa:

اخْتَصَمَ سَعْدُ بْنُ أَبِي وَقَّاصٍ وَعَبْدُ بْنُ زَمْعَةَ فِي غُلَامٍ، فَقَالَ سَعْدٌ: هَذَا يَا رَسُولَ اللهِ ابْنُ أَخِي عُتْبَةُ بْنُ أَبِي وَقَّاصٍ عَهِدَ إِلَيَّ أَنَّهُ ابْنُهُ انْظُرْ إِلَى شَبَهِهِ، وَقَالَ عَبْدُ بْنُ زَمْعَةَ: هَذَا أَخِي يَا رَسُولَ اللهِ وُلِدَ عَلَى فِرَاشِ أَبِي مِنْ وَلِيدَتِهِ، فَنَظَرَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى شَبَهِهِ، فَرَأَى شَبَهًا بَيِّنًا بِعُتْبَةَ، فَقَالَ: هُوَ لَكَ يَا عَبْدُ بْنَ زَمْعَةَ، الْوَلَدُ لِلْفِرَاشِ وَلِلْعَاهِرِ الْحَجَرُ.

"Sa'id bin Abu Waqqash dan Abd Zam'ah pernah bertengkar mengenai seorang anak. Sa'ad berkata: "Wahai Rasulullah, anak ini adalah anak saudaraku 'Utbah bin Abu Waqqash. Dia mengatakan kepada saya bahawa ini adalah anaknya. Lihatlah, bukankah anak ini mirip dengan ayahnya itu." Abd bin Zam'ah berkata: "Wahai Rasulullah, ini adalah saudaraku, dia lahir daripada katil ayahku hasil perkahwinannya dengan isterinya." Rasulullah (s.a.w) kemudian meneliti dan mendapati anak itu mirip dengan 'Utbah. Baginda bersabda: "Ia bukan menjadi milikmu wahai Abd bin Zam'ah. Anak menjadi milik suami isteri yang sah dan orang yang berzina dijatuhi hukuman rejam."

Maksudnya jika seorang anak lahir daripada seorang lelaki, maka itu anaknya dan menjadi miliknya, meskipun si perempuan telah melacurkan dirinya dengan orang lain, kerana lelaki yang berzina itu tidak mendapat nasab keturunan.

Analisis Lafaz

"الْوَلَدُ لِلْفِرَاشِ", maksudnya menjadi milik orang yang mempunyai isteri, iaitu suami kerana pada hakikatnya dialah yang meniduri wanita itu secara sah. Ini dikuatkan lagi dangan hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari bahawa anak menjadi hak yang mempunya isteri.

Al-Syaukani berkata: "Ulama berbeza pendapat mengenai makna *al-firasy*. Menurut jumhur ulama, maknanya adalah isteri sedangkan menurut sekumpulan ulama, maknanya adalah perkahwinan."

"لِلْعَاهِرِ", penzina. Ada yang mengatakan perbuatan zina dengan kalimat ini khusus pada malam hari sahaja. Apapun, kalimat ini hanya sekadar menunjukkan kebiasaan.

" الْحَجَرُ", tidak memiliki apa-apa hak. Istilah ini sangat terkenal di kalangan masyarakat Arab.

Pendapat lain mengatakan maksud *al-hajar* adalah merejam penzina yang sudah pernah berkahwin. Maksud yang pertama lebih mendekati kebenaran.

Fiqh Hadith

1. Anak hendaklah dinisbahkan kepada ayahnya setelah *al-firasy* atau pernikahan ditetapkan, sementara *al-firasy* tidak dapat ditetapkan kecuali adanya kemungkinan menyetubuhi isteri dengan akad nikah yang sah dan fasid bagi wanita wanita merdeka,[27] pendapat ini menurut pendapat jumhur ulama. Menurut Imam Abu Hanifah, jika seseorang telah melakukan akad dengan seorang perempuan, maka sabitlah hak *al-firasy* baginya, walaupun diketahui mereka belum pernah bersetubuh, bahkan meskipun dia menceraikan isterinya dalam majlis akad. Ibn Taimiyah mengkritik pendapat mazhab Hanafi dengan berkata: "Apakah menurut bahasa dan tradisi seorang perempuan dianggap sebagai berhak diberi istilah *al-firasy* sebelum dilakukan persetubuhan ke atasnya? Mungkinkah syari'at Islam menentukan nasab terhadap seseorang yang belum pernah menyetubuhi isterinya?"
2. Keturunan hamba wanita yang disetubuhi oleh tuannya boleh dinisbahkan kepada kepada hamba wanita itu jika dia memang benar milik tuannya dan mahu mengakuinya. Dalilnya adalah hadith yang diriwayatkan daripada Aisyah. Inilah pendapat Imam Malik, Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad, Ishaq dan sekumpulan ulama. Menurut Imam Abu Hanifah, keturunan tidak boleh ditetapkan kepada hamba wanita kecuali jika ada dakwaan anak berkenaan dan adanya pengakuan bahawa hamba wanita itu telah disetubuhi oleh tuannya tidak memadai untuk dijadikan sebagi bukti. Jika anak itu tidak membuat tuntutan, maka dia tidak mempunyai keturunan, sebaliknya dia tetap menjadi milik kepada tuan ibunya. Jika telah terbukti bahawa anak itu merupakan hasil persetubuhannya dengan tuannya, maka seluruh anak yang mereka lahirkan adalah tetap menjadi hak milik tuannya, meskipun tidak ada tuntutan daripada anaknya.

[27] Ini keran nikah sah dan nikah fasid tidak menjadi hak hamba wanita, walaupun hadith ini bersifat umum.

Penting

Mazhab Hanafi menjadikan hadith perselisihan Ibn Abu Waqqash dengan Abd bin Zam'ah sebagai dalil bahawa tidak boleh menetapkan nasab dengan cara qiyafah kerana adanya sabda Rasulullah (s.a.w): "Anak dinisbahkan bagi perkahwinan yang sah (*firasy*)" meskipun anak itu lebih menyerupai orang yang tidak ada memiliki perkahwinan yang sah. Bagi mereka, perkataan "Anak dinisbahkan bagi perkahwinan yang sah (*firasy*)" pada hakikatnya memberikan makna keterbatasan. Jika nasab anak itu boleh ditetapkan dengan qiyafah tentulah dia dinasabkan kepada 'Utbah bin Abu Waqqash.

Imam al-Syafi'i dan sekumpulan ulama berpendapat bahawa nasab boleh ditetapkan dengan qiyafah dan kes perselisihan antara Ibn Abu Waqqash dengan Abd bin Zam'ah adalah pengecualian. Qiyafah dapat diberlakukan dalam kes seorang hamba wanita yang disetubuhi oleh pembeli dan penjual ketika masih dalam satu kali suci sebelum dilakukan *istibra'* ke atasnya.

Dalil mereka yang mengharuskan qiyafah dalam menetapkan nasab adalah hadith Mujazzaz al-Mudlaji ketika melihat kemiripan tapak kaki Usamah bin Zaid dengan ayahnya Zaid. Dia berkata: "Kaki ini sangat mirip." Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) gembira dengan perkataan Mujazzaz. Hadith ini diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhari dan Muslim.

Al-Shan'ani berkata: "Ulama yang tidak mengakui qiyafah sebagai salah satu cara untuk menetapkan nasab mengemukakan pelbagai dalil bagi mengukuhkan pendapat mereka, meskipun dalil-dalil yang mereka gunakan cenderung berlebihan dan tidak ada kena mengena dengan permasalahan. Hukum syariat hendaklah ditetapkan berdasarkan zahir dalil. Berlebihan dalam menolak dalil yang sudah nyata tentunya mencerminkan fanatik mazhab buta yang tercela. Ini tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang yang mematuhi ajaran Allah dan Rasul-Nya."

Soalan

1. Apakah takrif 'iddah, bela sungkawa dan istibra'?
2. Sebutkan teks hadith Subai'ah al-Aslamiyyah yang menceritakan dia bersalin setelah kematian suaminya?
3. Berapakah 'iddah wanita mengandung yang ditinggal mati oleh suaminya dan sebutkan pendapat ulama fiqh berserta dalil-dalil mereka?
4. Jika seorang perempuan melahirkan seketul daging, adakah itu sudah memadai untuk dikatakan bahaw dia sudah bersalin?
5. Jika hamba perempuan telah dimerdekakan, berapa iddahnya dan apa pula dalilnya?

6. Adalah perempuan yang ditalak tiga berhak mendapat nafkah dan tempat tinggal dan sebutkan dalilnya?
7. Benarkah Umar (r.a) pernah mengatakan: "Kami tidak meninggalkan Kitab Tuhan kami dan Sunnah Nabi kami" dan sempurnakan perkataan ini?
8. Sebutkan teks hadith Ummu Athiyyah tentang bela sungkawa?
9. Huraikan makna kalimat berikut: "ثوب عصب", "تكتحل", "تمس طيبا","نبذة", "قسط", "أظفار"" dan "تختضب"!
10. Bolehkah seorang perempuan berkabung melebihi waktu tiga hari dan kepada siapakh dia dibolehkan berkabung melebihi waktu itu?
11. Boleh berkabung ke atas perempuan yang masih dalam usia kanak-kanak dan sebutkan dalilnya?
12. Bolehkah berkabung bagi perempuan yang ditalak raj'i atau talak ba'in?
13. Adakah berkabung itu wajib?
14. Bolehkah bercelak bagi perempuan yang berkabung? Apakah yang dibolehkan bagi perempuan yang sedang berkabung dan apa pula dalilnya?
15. Bolehkah bagi perempuan yang berkabung memakai emas, permata dan lain sebagainya? Sebutkan dalilnya!
16. Huraikan maksud kalimat yang terdapat dalam hadith Ummu Salamah dan kemudian buatlah barisnya: "صبرا", "يشب", "تجعليه" dan "السدر"!
17. Bolehkah bagi perempuan yang berkabung menggunakan sesuatu benda yang boleh mempercantik wajah? Sebutkan dalilnya!
18. Bolehkah bagi perempuan yang beriddah keluar rumah?
19. Bolehkah bagi perempuan yang berkabung keluar meninggalkan rumahnya untuk menghabiskan masa iddahnya di rumah orang lain?
20. Wajibkah tempat tinggal bagi perempuan yang ditinggal mati oleh suaminya? Sebutkan perbezaan pendapat dalam masalah ini!
21. Bincangkan ap yang dimaksudkan dengan perkataan 'Amr bin al-'Ash: "Janganlah kamu mengkaburkan Sunnah Nabi kami"?
22. Berapakah iddah ummul walad apabila ditinggal mati oleh tuannya?
23. Ulama fiqh berbeza pendapat tentang maksud quru', sebutkan perbezaan pendapat ini dan sebutkan dalil-dalil mereka!
24. Bolehkah menilai marfu' hadith: "طلاق الأمة تطليقتان"?
25. Siapakah ulama fiqh yang mengatakan bahawa jumlah talak hamba wanita sama dengan jumlah talak wanita merdeka dan sebutkan dalil

mereka?

26. Jika seorang lelaki membeli hamba wanita atau memiliki wanita tawanan perangan, bolehkah dia menyetubuhinya dalam keadaan mengandung dan sebutkan dalilnya?
27. Apakah hukum wanita yang kehilangan suaminya dan sebutkan dalilnya?
28. Bincangkan hadith: "لا يبيتن رجل عند امرأة إلا أن يكون ناكحا أو ذا محرم"!
29. Apakah takrif mahram dan bincangkan takrif ini?
30. Jika seorang lelaki membeli hamba wanita yang sedang tidak mengandung, adakah dia boleh terus menyetubuhinya?
31. Bolehkah bersenang-senang atau berseronok dengan tawanan perang wanita tanpa menjimaknya sebelum dilakukan *istibra'*?
32. Bincangkan hadith: "الولد للفراش وللعاهر الحجر"!
33. Dengan cara apakah menetapkan *firasy* menurut ulama fiqh? Sebutkan pendapat yang kuat menurut mereka!
34. Dengan cara apakah menetapkan *firasy* bagi hamba wanita?
35. Bolehkah menetapkan nasab dengan qiyafah dan sebutkan dalilnya?

BAB MENYUSUKAN ANAK

"الرضاعة" dibaca *kasrah* atau *fathah* pada huruf *ra'* dan demikian pula dengan lafaz: "الرضاع".

٣٥٨- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا تُحَرِّمُ الْمَصَّةُ وَالْمَصَّتَانِ". أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

358- Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Satu hisapan dan dua hisapan masih belum mengharamkan." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1158)

٣٥٩- وَعَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أُنْظُرْنَ مَنْ إِخْوَانُكُنَّ، فَإِنَّمَا الرَّضَاعَةُ مِنْ الْمَجَاعَةِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

359- Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Wahai kaum wanita, lihatlah saudara-saudaramu sesusuan, sebab susuan itu kerana adanya rasa lapar." (Muttafaq 'alaihi: 1159).

Makna Hadith

Ketika Allah mengharamkan untuk mengahwini saudari perempuan yang sesusuan[28], hadith ini datang menjelaskan apa sebenarnya yang

[28] Allah (s.w.t) berfirman:

..... وَأُمَّهَٰتُكُمُ ٱلَّٰتِىٓ أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَٰتُكُم مِّنَ ٱلرَّضَٰعَةِ ..... ﴿٢٣﴾

"*…dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu,…*" (Surah al-Nisa': 23)

dimaksudkan dengan sesusuan, kerana ia tidak bersifat mutlak, di mana Rasulullah (s.a.w) mengatakan hanya satu sampai dua hisapan sahaja yang tidak menyebabkannya haram, dan apa yang diharamkan adalah hisapan susu yang boleh mengenyangkan dan menumbuhkan daging.

Rasulullah (s.a.w) mengingatkan supaya umatnya berhati-hati dalam masalah ini, kerana padahnya sangat besar agar setiap orang tidak sewenang-wenang mendakwa dirinya adalah mahram si anak berkenan lantaran pernah menyusukannya satu kali hisapan.

Analisis Lafaz

"لَا تُحَرِّمُ", jangan kamu menjadikan mahram kerana satu sampai dua kali hisapan hingga dengan demikian menjadi haram berkahwin.

"الْمَصَّةُ", satu kali hisapan ringan. Maksudnya bayi yang menghisap susu wanita ketika sedang menetek sebanyak satu kali hisapan dan demikian pula dengan dua kali hisapan, di mana ini tidak menjadikannya mahram bagi anak-anaknya.

"اُنْظُرْنَ", perhatikan dan berhati-hatilah.

"الرَّضَاعَةُ مِنْ الْمَجَاعَةِ", susuan yang menjadikan seseorang itu mahram yang denganya dibolehkan berkhalwat adalah penyusuan yang boleh mengenyangkan rasa lapar. Hadith ini seolah-olah mengatakan jangan sekali-kali kamu menganggap setiap susuan itu menjadi saudara sesusuan yang diharamkan untuk berkahwin, melainkan susuan itu boleh menghilangkan rasa lapar dan menumbuhkan daging. Hal ini sebagaimana yang disebutkan dalam hadith Ibn Mas'ud ini: "Tidak dinamakan susuan kecuali susuan yang memperkuat tulang dan menumbuhkan tulang" dan hadith Ummu Salamah: "Susuan tidak menjadikan seseorang itu mahram kecuali susuan yang menguatkan usus atau mengenyangkan."

Fiqh Hadith

1. Satu sampai dua kali hisapan bayi terhadap susu seorang perempuan tidak menjadikannya sebagai ibu susuan baginya dan tidak pula menjadikannya sebagai saudara sesusuan anaknya yang denganya menjadikan mereka muhram dan halal untuk berkhalwat. Ulama berbeza pendapat dalam masalah ini.

   Pertama, ada sebahagian ulama yang mengambil hukum berdasarkan zahir hadith ini di mana tiga kali hisapan hingga seterusnya menjadikan anak tersebut mahram. Inilah pendapat Abu Dawud al-Zahiri, Abu Tsaur dan Ibn al-Munzir.

   Kedua, ada sebahagian ulama mengatakan sekadar menyusu telah menjadikan anak tersebut menjadi mahram sama ada susuan

itu banyak ataupun sedikit. Inilah pendapat Ali, Ibn Abbas, Ibn al-Musayyab dan al-Hasan al-Bashri, al-Zuhri, Qatadah, al-Auza'i dan al-Tsauri. Hal serupa turut dikemukakan oleh Imam Abu Hanifah dan Imam Malik. Mereka mengemukakan dalil bahawa Allah (s.w.t) telah telah mengaitkan hukum haram dengan sekadar adanya susuan. Jika sudah ada susuan, maka hukum haram pun wujud. Ada hadith yang bersifat mutlak dan ia selari dengan ayat al-Qur'an. Hadith tersebut berbunyi:

يُحْرَمُ مِنَ الرَّضاعِ مَا يُحْرَمُ مِنَ النَّسبِ.

"Apa yang diharamkan oleh susuan maka diharamkan pula dengan nasab."

Dalil mereka pula adalah hadith 'Uqbah di mana Rasulullah (s.a.w) bersabda:

كَيْفَ وَقدْ زَعمتْ أَنَّها أَرْضَعتْكُمَا.

"Bagaimana lagi, kerana dia (perempuan itu) telah menyatakan bahawa kalian berdua pernah disusuinya." Hadith ini tidak memerincikan berapa jumlah susuan yang telah dilakukan oleh perempuan itu.

Ulama berbeza pendapat mengenai ketentuan penyusuan ini sedangkan dalil mereka tidak lepas daripada sanggahan.

Ketiga, tidak diharamkan kecuali sampai lima kali susuan, pendapat ini menurut Ibn Mas'ud, Ibn al-Zubair, Atha' dan Thawus. Inilah pendapat mazhab Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad, Ibn Hazam dan sekumpulan ulama. Mereka mengemukakan dalil dengan hadith Aisyah:

كَانَ فِيمَا أُنْزِلَ مِنَ الْقُرْآنِ عَشْرُ رَضعاتٍ مَعْلُوْمَاتٍ يُحْرَمْنَ، ثُمَّ نُسِخْنَ بِخَمْسٍ مَعْلُوْمَاتٍ، فَتُوُفِّيَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسلَّم وَهُنَّ فِيْمَا يُتْلَى مِنَ الْقُرْآنِ.

"Ketika al-Qur'an masih diturunkan, sepuluh kali menyusui diharamkan, kemudian ketetapan ini dimansukh menjadi lima kali menyusui. Ketika Rasulullah (s.a.w) wafat, mereka tetap mengamalkan apa yang disebutkan oleh al-Qur'an."

Mereka juga berdalil dengan hadith Aisyah yang menceritakan kisah Sahlah, di mana di dalamnya disebutkan sebanyak lima kali susuan.

Golongan ini menyanggah golongan pertama yang mengatakan sedikit atau banyaknya susuan menyebabkan si anak menjadi mahram, bahawa pernyataan mereka ditolak oleh hadith yang membincangkan masalah ini.

Golongan ini turut menyanggah golongan kedua bahawa dalil mereka berdasarkan *mafhum* (tersurat) hadith, bukannya *manthuq* (tersirat) sedangkan *manthuq* mesti didahulukan ke atas *mafhum* dalam menggali hukum. Pendapat golongan ketiga lebih mendekati kebenaran.

2. Wajib berhati-hati dalam masalah susuan. Istilah menyusu sudah dapat dilakukan meskipun hanya sekali. Jika bayi telah menetek susu seorang perempuan lalu menghisapnya kemudian dia melepaskannya dengan kemahuannya tanpa wujud sesuatu yang memaksanya untuk terus menyusu dan menurut perkiraan dia telah kenyang dengan susuan itu, maka itu sudah dinamakan menyusu. Sedangkan berhenti menyusu kerana ada suatu keadaan yang memaksanya untuk berhenti menyusu seperti menarik nafas, istirehat sekejap atau ada sesuatu yang mendorongnya menghentikan susuan dalam waktu yang singkat, kemudian dia kembali menyusu dalam waktu yang tidak lama, maka keadaan itu tetap disebut sebagai satu kali susuan. Inilah perkataan Imam al-Syafi'i dan ia selari dengan kefahaman dari segi bahasa.

   Hadith ini menegaskan bahawa meminum air susu wanita yang menyusu sebagai makanan bayi menjadikannya mahram sama ada ia diminum, disuntik ataupun diinfus, kerana bayi menjadi kenyang dan sihat dengan meminum susu tersebut, pendapat ini menurut jumhur ulama. Menurut mazhab Hanafi pula cara seperti ini tidak menjadikan bayi tersebut mahram, kerana ia tidak disebut sebagai menyusui.

   Ibn Taimiyah berkata: "Ulama bersepakat bahawa apa-apa yang diharamkan dengan adanya nasab keturunan juga diharamkan dengan adanya penyusuan. Jika seorang wanita menyusui seorang bayi sebanyak lima kali susuan dan itu dilakukan sebelum bayi berusia dua tahun, maka dia menjadi anak bagi wanita yang menyusui itu. Ini merupakan kesepakatan ulama. Dia juga menjadi anak kepada suami wanita tersebut dan seluruh anaknya menjadi saudara yang disusuinya, sama ada anak mereka sebapa, seibu atau anak kandung dan sama ada anak yang dia lahirkan itu sebelum atau sesudah menyusui anak tersebut."

   "Oleh yang demikian, seluruh ahli keluarga wanita berkenaan menjadi ahli keluarga anak yang disusuinya, anak-anaknya menjadi saudaranya, ayahnya menjadi datuknya dan ibunya menjadi neneknya, saudara wanita itu menjadi pakciknya dan saudarinya menjadi makciknya."

"Ahli keluarga suaminya pula menjadi ahli keluarga anak yang menyusu kepada isterinya. Namun saudara anak yang disusuinya yang senasab atau saudara sesusuan lain yang berbeza susuan tidak boleh dijadikan sebagai ahli keluarganya. Semua ini berdasarkan kesepakatan ulama."

٣٦٠- وَعَنْهَا قَالَتْ: جَاءَتْ سَهْلَةُ بِنْتُ سُهَيْلٍ. فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّ سَالِمًا مَوْلَى أَبِي حُذَيْفَةَ مَعَنَا فِي بَيْتِنَا، وَقَدْ بَلَغَ مَا يَبْلُغُ الرِّجَالُ. قَالَ: أَرْضِعِيهِ، تَحْرُمِي عَلَيْهِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

360- Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Sahlah binti Suhail datang lalu berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya Salim mawla Abu Hudzaifah hidup bersama kami dalam satu rumah. Dia sudah dewasa. Baginda bersabda: "Susuilah dia, nescaya engkau menjadi mahram ke atasnya." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1160).

Makna Hadith

Ibn Hajar mengemukakan hadith ini bagi mengisyaratkan bahawa sabda Rasulullah (s.a.w) telah dikhususkan dengan hadith Sahlah ini, di mana menyusui anak yang sudah besar juga menjadikannya sebagai mahram meskipun dia tidak masuk ke dalam kategori susuan yang menyebabkan kenyang atau masa pertumbuhan.

Kisah hadith ini adalah Abu Hudzaifah mengangkat anak yang bernama Salim. Salim seorang mawla kepada seorang perempuan Anshar. Allah kemudian menurunkan ayat berikut:

ٱدْعُوهُمْ لِءَابَآئِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِندَ ٱللَّهِ ۚ فَإِن لَّمْ تَعْلَمُوٓا۟ ءَابَآءَهُمْ فَإِخْوَٰنُكُمْ فِى ٱلدِّينِ وَمَوَٰلِيكُمْ ۚ ..... ﴿٥﴾

"Panggilah anak-anak angkat itu dengan ber"bin"kan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggilah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai "maula-maula" kamu...." (Surah al-Ahzab: ٥)

Setelah itu, setiap anak wajib dinasabkan kepada ayahnya sedangkan anak yang tidak mempunyai ayah dijadikan sebagi saudara seagama. Ketika itu, Sahlah datang untuk menceritakan kisah ini dan ini merupakan ringkasan hadith dalam Sunan Abu Dawud.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهَا", periwayat hadith ini sama dengan hadith sebelumnya, yakni Aisyah (r.a).

Sahlah binti Suhail bin 'Amr, masuk Islam sejak awal lagi, kemudian berhijrah bersama suaminya Abu Hudzaifah ke Habsyah. Di Habsyah mereka dikurniakn seorang anak bernama Muhammad.

"بَلَغَ", dalam riwayat Imam Ahmad dan Muslim disebutkan: "وهو ذو لحية" (janggutnya sudah mula tumbuh).

"أَرْضِعِيهِ", dalam riwayat Muslim disebutkan: "Dia (Sahlah) berkata: "Bagaimana mungkin saya menyusuinya (Salim), sementara dia seorang lelaki yang sudah dewasa?" Rasulullah (s.a.w) pun tersenyum dan bersabda: "Saya pun tahu dia seorang lelaki yang sudah dewasa."

Menurut al-Qadhi 'Iyadh, ada kemungkinan Sahlah terlebih dahulu memerah air susunya kemudian memberinya minum kepada Salim. Dia kemudian meminum air susunya tanpa menghisap payudaranya. Inilah tafsiran yang lebih baik. Namun ada pula kemungkinan baginda membenarkan Salim menyusu secara terus menyusu kepada Sahlah kerana itu memang diperlukan dan ini merupakan satu pengkhususan bagi seorang perempuan yang ingin menyusukan orang yang sudah dewasa.

Sambungan hadith ini menurut riwayat Abu Dawud sebagai berikut:

فَجَاءَتْ سَهْلَةُ بِنْتُ سُهَيْلِ بْنِ عَمْرٍو الْقُرَشِيِّ ثُمَّ الْعَامِرِيِّ وَهِيَ امْرَأَةُ أَبِي حُذَيْفَةَ فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّا كُنَّا نَرَى سَالِمًا وَلَدًا وَكَانَ يَأْوِي مَعِي وَمَعَ أَبِي حُذَيْفَةَ فِي بَيْتٍ وَاحِدٍ وَيَرَانِي فُضْلًا، وَقَدْ أَنْزَلَ اللهُ عَزَّ وَجَلَّ فِيهِمْ مَا قَدْ عَلِمْتَ، فَكَيْفَ تَرَى فِيهِ؟ فَقَالَ لَهَا النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَرْضِعِيهِ، فَأَرْضَعَتْهُ خَمْسَ رَضَعَاتٍ فَكَانَ بِمَنْزِلَةِ وَلَدِهَا مِنْ الرَّضَاعَةِ، فَبِذَلِكَ كَانَتْ عَائِشَةُ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا تَأْمُرُ بَنَاتِ أَخَوَاتِهَا وَبَنَاتِ إِخْوَتِهَا أَنْ يُرْضِعْنَ مَنْ أَحَبَّتْ عَائِشَةُ أَنْ يَرَاهَا وَيَدْخُلَ عَلَيْهَا وَإِنْ كَانَ كَبِيرًا خَمْسَ رَضَعَاتٍ، ثُمَّ يَدْخُلُ عَلَيْهَا، وَأَبَتْ أُمُّ سَلَمَةَ وَسَائِرُ أَزْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُدْخِلْنَ عَلَيْهِنَّ بِتِلْكَ الرَّضَاعَةِ أَحَدًا مِنْ النَّاسِ حَتَّى يَرْضَعَ فِي الْمَهْدِ، وَقُلْنَ لِعَائِشَةَ: وَاللهِ مَا نَدْرِي لَعَلَّهَا كَانَتْ رُخْصَةً مِنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِسَالِمٍ دُونَ النَّاسِ.

"Sahlah binti Suhail bin 'Amr al-Qurasyi al-'Amiri yang merupakan isteri Hudzaifah berkata: "Wahai Rasulullah, kami anggap Salim itu sebagai anak kandung kami. Dia tinggal di rumah kami yang di dalamnya terdiri daripada saya, Abu Hudzaifah dan Salim. Dia mengangapku bukan mahram. Allah (s.w.t) pun telah menurunkan hukum tentang mereka. Bagaimana cara menyelesaikan masalah ini?" Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Kalau begitu, susuilah dia." Sahlah pun menyusui Salim sebanyak lima kali susuan yang dengannya dia dianggap sebagai anak susuan Sahlah. Dengan cara ini, Aisyah pun menyuruh anak saudara dan saudarinya supaya menyusu kepadanya. Penyusuan itu dilakukan sebanyak lima kali meskipun yang disusuinya itu sudah dewasa. Tujuan berbuat demikian, dia kekal bebas melihat keponakanya dan bebas pula masuk ke dalam rumahnya. Namun Ummu Salamah dan isteri-isteri Rasulullah (s.a.w) yang lain enggan berbuat demikian dan tidak mahu menyusukan orang lain dengan tujuan bebas masuk ke dalam rumah mereka melainkan anak itu telah disusuinya sejak usia bayi lagi. Pada suatu hari, mereka pernah menegur perbuatan Aisyah itu dengan berkata: "Kami tidak dapat memastikan bahawa apa yang dilakukan oleh Sahlah itu merupakan keringanan khusus yang diberikan Rasulullah (s.a.w) kepadanya dan juga salim sehingga ketetapan ini tidak boleh diterapkan kepada orang lain."

Dalam sanad riwayat Abu Dawud ini terdapat 'Anbasah seorang periwayat yang statusnya masih diragui. Apapun, dia seorang yang shaduq. Al-Bukhari meriwayatkan hadithnya dan demikian pula ulama hadith yang lain.

Fiqh Hadith

Susuan yang dilakukan hingga lima kali menjadikan seseorang yang disusuinya itu menjadi mahram meskipun orang yang menyusui sudah dewasa.

Jumlah susuan yang dilakukan sebanyak lima sememangnya telah disepakati oleh ulama bahaw ia menjadikan seseorang sebagai mahramnya. Namun adakah ketetapan ini turut berlaku bagi orang yang sudah dewasa, ulama berbeza pendapat dalam masalah ini.

Kumpulan yang berpendapat bahawa menyusukan orang dewasa tetap menjadikannya sebagai mahram adalah Aisyah, Ali, 'Urwah, Atha', al-Laits bin Sa'ad, Abu Muhammad bin Hazm, Dawud al-Zahiri. Dalil mereka hadith ini dan firman Allah (s.w.t):

..... وَأُمَّهَٰتُكُمُ ٱلَّٰتِيٓ أَرۡضَعۡنَكُمۡ وَأَخَوَٰتُكُم مِّنَ ٱلرَّضَٰعَةِ ..... ﴿٢٣﴾

"...dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu,..." (Surah al-Nisa': 23) Ayat ini bersifat mutlak tanpa ada ketentuan yang bersifat khusus.

Sementara majoriti jumhur sahabat, tabi'in dan imam mazhab mengatakan orang dewasa yang menyusu air susu seorang perempuan tidak menjadikanya sebagai mahramnya. Bagi mereka, tidak diharamkan menyusui kecuali ketika masih dalam masih kecil. Mereka kemudian berbeza pendapat dalam menentukan batasan kanak-kanak yang masih kecil itu.

Sebahagian besar mereka mengatakan susuan yang menjadikan sebagai mahram adalah penyusuan yang dilakukan selama anak masih dalam usia dua tahun. Dalil mereka firman Allah (s.w.t):

﴿ وَٱلْوَٰلِدَٰتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَٰدَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ ۖ لِمَنْ أَرَادَ أَن يُتِمَّ ٱلرَّضَاعَةَ ۚ ..... ﴿٢٣٣﴾

"*Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu;...*" (Surah al-Baqarah: ٢٣٣)

Ulama yang lain pula mengatakan susuan yang menjadikan sebagai mahram adalah penyusuan yang dilakukan sebelum anak tersebut disapih sebagaimana yang disebutkan dalam riwayat Ummu Salamah.

Jumhur ulama yang mengatakan susuan tidak diharamkan kecuali dilakukan dalam usia yang masih kecil, mengemukakan dalil dengan hadith:

إِنَّمَا الرَّضَاعَةُ مِنْ الْمَجَاعَةِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

"Sebab susuan itu kerana adanya rasa lapar." Ini bererti anak itu kenyang kerana meminum air susu ibu yang menyusuinya dan dia hanya memakan air susu. Jadi, orang dewasa tidak termasuk ke dalam pengertian hadith.

Jumhur ulama menyanggah kisah Sahlah bahawa peristiwa ini bersifat khusus bagi Sahlah seperti mana yang pernah ditegaskan oleh Ummu Salmah dan ada pula kemungkinan kisah ini telah dimansukh. Tambahan pula kisah ini terjadi pada permulaan hijrah ketika ayat ini diturunkan: "*Panggilah anak-anak angkat itu dengan ber"bin"kan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggilah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai "maula-maula" kamu....*" (Surah al-Ahzab: 5) Sedangkan hadith-hadith yang mengharamkan penyusuan bagi kanak-kanak diriwayatkan oleh sahabat-sahabat yang belakangan masuk Islam seperti Abu Hurairah.

Adapun berdalil dengan hadith yang mengatakan bahawa penyusuan yang diharamkan kerana adanya rasa lapar maka dalil itu berdasarkan *mafhum* hadith, sementara dalil *manthuq* (tersurat) lebih didahulukan berbanding dalil *mafhum* (tersirat).

Dakwaan peristiwa ini bersifat khusus dan hanya berlaku kepada Sahlah tidak boleh diterima melainkan ada dalilnya sementara kita tidak menemukan adanya dalil yang mengatakn demikian, kerana Rasulullah (s.a.w) sentiasa menjelaskan suatu ketetapan hukum yang bersifat khusus,

seperti pengkhusussan Abu Burdah yang dibenarkan menyembelih kambing kacang sebagai qurban.

Dakwaan yang mengatakan hadith ini mansukh tidak boleh diterima kerana dakwaan ini tidak terlepas daripada sekadar adanya kemungkinan. Ini kerana tidak menolak kemungkina seorang sahabat yang belakang masuk Islam meriwayatkan hadith daripada sahabat yang lebih dahulu masuk Islam. Perkataan Sahlah: "Bagaimana mungkin saya menyusuinya (Salim) sedangkan dia seorang dewasa?" menunjukkan beliau tahu yang penyusuan hanya dilakukan kepada kanak-kanak, bukannya kepada orang dewasa.

Dalil jumhur ulama pun tidak lepas daripada kritikan. Ibn Taimiyah berusaha menggabungkan antara dua pendapat yang berbeza ini dengan berkata: "Penyusuan memang dilakukan ke atas kanak-kanak yang masih kecil melainkan ada keperluan yang mendesak hingga terpaksa menyusukan orang yang sudah dewasa kerana dia sering masuk ke dalam rumah perempuan terbabit dan dia pula sukar untuk untuk sentiasa memakai pakaian yang serba tertutup. Inilah yang berlaku bagi Salim dan isteri Abu Hudzaifah. Selain kes ini, susuan hanya berlaku bagi kanak-kanak yang masih kecil."

Ini merupakan satu cara bagaimana menggabungkan dua pemahaman yang sememangnya bercanggah antara satu sam lain.

٣٦١- وَعَنْهَا أَنْ أَفْلَحَ -أَخَا أَبِي الْقُعَيْسِ- جَاءَ يَسْتَأْذِنُ عَلَيْهَا بَعْدَ الْحِجَابِ. قَالَتْ: فَأَبَيْتُ أَنْ آذَنَ لَهُ، فَلَمَّا جَاءَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَخْبَرْتُهُ بِالَّذِي صَنَعْتُ، فَأَمَرَنِي أَنْ آذَنَ لَهُ عَلَيَّ. وَقَالَ: إِنَّهُ عَمُّكِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

361- Daripada Aisyah (r.a) bahawa Aflah saudara Abu al-Qu'ais datang minta izin kepada Aisyah setelah diturunkan ayat perintah hijab. Aisyah berkata: "Saya tidak mahu memberi kebenaran kepadanya. Ketika Rasulullah (s.a.w) datang, saya memberitahukan kepada baginda api yang telah saya lakukan tadi. Baginda kemudian menyuruhku memberi izin kepadanya untuk masuk kepadaku kemudian baginda bersabda: "Dia adalah bapa saudaramu." (Muttafaq 'alaihi: 1161).

Makna Hadith

Abu al-Qu'ais saudara Aflah merupakan suami kepada seorang perempuan yang pernah menyusui Aisyah (r.a). Aflah kemudian datang meminta izin untuk masuk ke dalam rumahnya, sementara Aisyah tidak tahu bahawa saudara suami perempuan yang pernah menyusuinya itu merupakan bapa

saudara yang menyusui dirinya. Aisyah pun tidak mengizinkannya masuk ke dalam rumahnya hingga perkara ini ditanyakan kepada Rasulullah (s.a.w) dan baginda memberitahukan hukum yang sebenar. Lafaz hadith ini menurut Abu Dawud adalah sebagai berikut:

دَخَلَ عَلَيَّ أَفْلَحُ بْنُ أَبِي الْقُعَيْسِ فَاسْتَتَرْتُ مِنْهُ، قَالَ: تَسْتَتِرِينَ مِنِّي وَأَنَا عَمُّكِ؟ قَالَتْ: قُلْتُ: مِنْ أَيْنَ؟ قَالَ: أَرْضَعَتْكِ امْرَأَةُ أَخِي قَالَتْ إِنَّمَا أَرْضَعَتْنِي الْمَرْأَةُ وَلَمْ يُرْضِعْنِي الرَّجُلُ، فَدَخَلَ عَلَيَّ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَحَدَّثْتُهُ، فَقَالَ: إِنَّهُ عَمُّكِ فَلْيَلِجْ عَلَيْكِ.

"Aflah bin Abu al-Qu'ais hendak masuk ke rumahku, kemudian aku segera memasang hijab. Dia berkata: "Kenapa kamu memakai hijab sedangkan aku adalah bapa saudaramu?" Aku menjawab: "Dari sebelah yang mana itu?" Dia berkata: "Kamu telah disusui oleh isteri saudaraku." Aku menjawab: "Orang yang menyusuiku seorang wanita, bukan lelaki." Rasulullah (s.a.w) pun datang dan aku segera menceritakan apa yang berlaku tadi. Mendengar itu, baginda bersabda: "Dia itu bapa saudaramu. Suruhlah dan pelawalah dia masuk ke dalam rumah."

Analisis Lafaz

"وَعَنْهَا", periwayat hadith sama dengan hadith sebelumnya, yakni daripada Aisyah (r.a).

"أَفْلَحُ", Aflah merupakan mawla Rasulullah (s.a.w), namun ada yang mengatakan dia adalah mawla Ummu Salamah.

"أَخَا أَبِي الْقُعَيْسِ", Ibn Hajar menyebut nama dan gelaran saudara Abu al-Qu'ais dalam kisah yang panjang, kemudian beliau berkata: "Menurut Ibn Abdul Barr, saya tidak menemukan Abu al-Qu'ais disebutkan di dalam hadith selain dalam riwayat ini."

"يَسْتَأْذِنُ", dalam riwayat Abu Dawud disebutkan bahawa dia tidak meminta izin. Ibn Hajar dalam kitab Fath al-Bari berkata: "Cara menggabungkan kefahaman dua riwayat ini bahawa pada waktu pertama kali datang, Aflah masuk ke dalam rumah Aisyah tanpa meminta izin terlebih dahulu lalu Aisyah segera memakai hijab dan perbincangan di antara mereka berdua terjadi. Aflah kemudian datang untuk kali kedua sambil meminta izin, kerana dia mengira bahwa Aisyah telah menerimanya, tetapi beliau tidak memberinya izin masuk ke dalam rumahnya sehingga akhirnya Rasulullah (s.a.w) mengizinkannya masuk ke dalam rumah.

Fiqh Hadith

1. Susuan menyebabkan muhrim ke atas suami bagi perempuan yang menyusukan anak tersebut. Dengan erti kata lain, hukum susuan juga berlaku ke atas suami kepada perempuan yang telah menyusukan anak tersebut dan demikian pula dengan ahli keluarganya. Ini kerana susu perempuan tersebut boleh keluar lantaran air suami dan isteri secara bersamaan. Jadi kedudukan suami sama dengan perempuan (ibu) yang menyususinya, pendapat ini menurut majoriti sahabat, tabi'in dan para imam seperti al-Auza'i, al-Tsauri, Imam Abu Hanifah, Ibn Juraij, Imam Malik, Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad, Ishaq dan Abu Tsaur. Dalil mereka adalah hadith ini. Manakala Ibn Umar, Ibn al-Zubair, Rafi' bin Khadij, Aisyah, Ibn al-Munzir, Dawud al-Zahiri pula berpendapat bahawa hukum susuan tidak berlaku ke atas suami kepada perempuan yang menyusukan anak tersebut, kerana susuan hanya dilakukan oleh wanita dan air susu hanya keluar daripadanya. Dalil mereka adalah firman Allah (s.w.t):

   ..... وَأُمَّهَٰتُكُمُ ٱلَّٰتِيٓ أَرۡضَعۡنَكُمۡ وَأَخَوَٰتُكُم مِّنَ ٱلرَّضَٰعَةِ ..... ﴿٢٣﴾

   "*…dan ibu-ibu kamu yang telah menyusukan kamu, dan saudara-saudara susuan kamu,…*" (Surah al-Nisa': 23) Apapun, dalil disanggah bahawa ayat ini tidak bercanggah dengan hadith di atas.
2. Seseorang yang mengaku telah disusui oleh seorang perempuan dan dia kemudian membenarkannya maka diantara mereka berdua berlakulah hukum susuan dan tidak perlu dibuktikan.
3. Susuan yang sedikit sama dengan susuan yang banyak di mana kedua-duanya sama-sama menyebabkan berlakunya mahram, kerana Aisyah tidak memberi gambaran susuan itu secara terperinci. Kenyataan ini dapat disanggah bahawa Aisyah lebih mengetahui berbanding orang lain hingga tidak perlu lagi memerincikannya.
4. Seseorang yang merasa ragu mengenai suatu permasalahan hendaklah terlebih dahulu menanyakannya kepada ulama.
5. Jika seseorang masih merasa tidak yakin terhadap sesuatu, maka hendaklah pendakwa dituntut mendatangkan bukti.
6. Wajib bagi wanita untuk berhijab ketika bercakap dengan wanita lain.
7. Seorang mahram disyariatkan meminta izin atau mengetuk pintu muhrimnya ketika hendak bertamu.
8. Seorang isteri tidak boleh memberi izin masuk ke dalam rumahnya melainkan setelah mendapat kebenaran daripada suaminya.
9. Boleh memberi nama anak dengan nama Aflah meskipun ada hadith lain yang melarangnya.

٣٦٢- وَعَنْهَا قَالَتْ: كَانَ فِيمَا أُنْزِلَ فِي الْقُرْآنِ عَشْرُ رَضَعَاتٍ مَعْلُومَاتٍ يُحَرِّمْنَ، ثُمَّ نُسِخْنَ بِخَمْسٍ مَعْلُومَاتٍ، فَتُوُفِّيَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهِيَ فِيمَا يُقْرَأُ مِنَ الْقُرْآنِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

362-Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Semasa ayat al-Qur'an diturunkan, sepuluh kali susuan yang tertentu dapat mengharamkan, kemudian ia dimansukh dengan lima kali susuan tertentu. Rasulullah (s.a.w) pun wafat sedangkan al-Qur'an masih seperti yang dibaca tanpa wujud perubahan." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1162).

Makna Hadith

Perbahasan hadith ini telah pun dibahas pada dua hadith tentang susuan sebelum ini.

Analisis Lafaz

"وَعَنْهَا", periwayat hadith sama dengan hadith sebelumnya, yakni daripada Aisyah (r.a).

"وَهِيَ فِيمَا يُقْرَأُ مِنَ الْقُرْآنِ", maksudnya ketetapan memansukh lima kali susuan merupakan paling akhir sekali diturunkan sehingga Rasulullah (s.a.w) wafat sedangkan sebahagian orang masih tetap membaca "خمس رضعات" kemudian mereka menjadikannya sebagai al-Qur'an yang sentiasa dibaca, kerana berita ayat dimansukh tidak diketahui oleh ramai orang kerana waktunya terlampau dekat dengan kewafatan baginda.

Ketika mereka mengetahui ayat ini telah dimansukh, mereka sepakat untuk tidak membacanya lagi.

Fiqh Hadith

Jumlah susuan paling sedikit yang diharamkan adalah lima kali susuan.

Penting

Al-Shan'ani berkata: "Pendapat yang mengatakan hadith Aisyah ini tidak termasuk al-Qur'an, kerana al-Qur'an tidak boleh ditetapkan berdasarkan *khabar ahad* dan ia pula bukan hadith kerana tidak diriwayatkan sebagai hadith adalah ditolak. Ini kerana meskipun ia bukan al-Qur'an, namun hukumnya sama seperti apa yang tertera di dalam al-Qur'an. Aisyah meriwaytkan

hadith daripada Rasulullah (s.a.w). Oleh itu, ia memiliki kedudukan yang sama sepeti mana hadith yang lain dan boleh dijadikan sebagai sandaran dalam beramal. Beberapa ulama telah menjadikan pegangan dalaml beramal seperti Imam al-Syafi'i dan Imam Ahmad sedangkan mazhab Hanafi berpegang dengan qiraat Ibn Mas'ud: "فصيام ثلاثة أيام(متتابعات)" dengan menambah perkataan "متتابعات" (*maka hendaknya berpuasa tiga hari*) dengan menambahkan (berturut-turut). Demikian pula dengan qiraat Ubai yang menjadi pegangan Imam Malik: "وله أخ أو أخت(من أم)" dengan menambah "من أم" (*jika ia mempunyai saudara atau saudari*) dengan menambahkan (dari sebelah ibu). Jadi, tidak ada alasan untuk tidak menjadikan hadith ini sebagai pegangan dalam beramal."

٣٦٣- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُرِيدُ عَلَى ابْنَةِ حَمْزَةَ. فَقَالَ: "إِنَّهَا لَا تَحِلُّ لِي؛ إِنَّهَا ابْنَةُ أَخِي مِنْ الرَّضَاعَةِ، وَيَحْرُمُ مِنْ الرَّضَاعَةِ مَا يَحْرُمُ مِنْ النَّسَبِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

363- Daripada Ibn Abbas (r.a) bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah ditawarkan untuk mengahwini anak perempuan Hamzah, lalu baginda bersabda: "Dia tidak halal bagiku. Dia adalah anak perempuan saudara sesusuan. Apa-apa yang diharamkan kerana nasab juga diharamkan kerana sesusuan." (Muttafaq 'alaihi: 1163).

Makna Hadith

Hadith ini menegaskan bahawa apa yang diharamkan dengan sebab susuan turut diharamkan dengan sebab keturunan, namun di sini ditambahkan bahawa pengharaman yang datang menerusi sesuan mestilah diambil kira, meskipun selama ini pertalian keluarga selalunya mengutamakan hubungan keturunan. Jadi tidak boleh dikatakan pertalian keluarga ditetapkan dengan nasab keturunan dan oleh kerannya, pertalian sesuan tidak perlu diambil kira. Ini kerana Hamzah merupakan bapa saudar Rasulullah (s.a.w), namun begitu baginda menganggap nak perempuan bapa saudaranya sebagai saudarinya juga.

Analisis Lafaz

"أُرِيدُ", dengan membaca dhammah huruf hamzah dan mabni li al-majhul, orang yang berkata di sini adalah Ali bin Abu Thalib sebagaimana menurut riwayat Muslim.

"ابْنَةِ حَمْزَةَ", ulama hadith berbeza pendapat dalam menentukan namanya; ada yang mengatakan namanya Umamah, 'Umarah, Salma, Aisyah, Fathimah, Amatullah dan Ya'la.

Fiqh Hadith

Haram menikahi anak bapa saudara jika anak saudara itu telah menjdi satu susuan dengan bapa saudaranya, kerana apa yang diharamkan dengan sebab nasab juga diharamkan denga sebab susuan.

٣٦٤- وَعَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا يُحَرِّمُ مِنَ الرَّضَاعَةِ إِلَّا مَا فَتَقَ الْأَمْعَاءَ وَكَانَ قَبْلَ الْفِطَامِ". رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَصَحَّحَهُ هُوَ وَالْحَاكِمُ.

364- Daripad Ummu Salmah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak haram dari susuan kecuali apa yang boleh membesarkan usus dan anak yang menyusu itu belum disapih." (Diriwayatkan oleh al-Tirmidhi yang dinilainya sahih dan demikian pula al-Hakim: 1164).

Perbahasan hadith ini telah dibahas dalam hadith yang pertama bab menyusukan anak.

٣٦٥- وَعَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: "لَا رَضَاعَ إِلَّا فِي الْحَوْلَيْنِ". رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ وَابْنُ عَدِيٍّ مَرْفُوعًا وَمَوْقُوفًا، وَرَجَّحَا الْمَوْقُوفَ.

365- Daripada Ibn Abbas (r.a), beliau berkata: "Menyusukan tidak mengharamkan kecuali dilakukan selama dua tahun." (Diriwayatkan oleh al-Daruquthni dan Ibn Adi dalam keadaan marfu' dan mawquf, namun mereka merajihkannya mawquf: 1165).

Perbahasan hadith ini telah dibahas dalam hadith yang pertama bab menyusukan anak. Al-Daruquthni dan Ibn Adi cenderung merajihkan riwayat ini sebagai mawquf, kerana al-Haitsam bin Jamil seorang diri yang menilainya marfu' daripada Ibn Uyainah. Ulama yang lain seperti Sa'id bin Manshur menentangnya dengan menetapkan hadith mawquf.

Perkataan Ibn Abbas ini turut diriwayatkan daripada 'Umar dan Ibn Mas'ud.

٣٦٦- وَعَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهُ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَا رَضَاعَ إِلَّا مَا أَنْشَزَ الْعَظْمَ وَأَنْبَتَ اللَّحْمَ". رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ.

366- Daripada Ibn Mas'ud (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tidak ada penyusuan yang dapat mengharamkan kecuali susuan yang dapat menguatkan tulang dan menumbuhkan daging." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud: 1166).

Makna Hadith

Perbahasan hadith ini telah dibahas dalam hadith pertama bab menysukan anak.

Analisis Lafaz

"أَنْشَزَ", kuat, kokoh dan tumbuh serta berkembang.

"رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ", menurut pendapat yang sahih, hadith ini mawquf bukannya marfu'.

Fiqh Hadith

Susuan yang menjadikanya sebagai mahram adalah susuan yang dilakukan ketika masah kanak-kanak.

٣٦٧- وَعَنْ عُقْبَةَ بْنِ الْحَارِثِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ تَزَوَّجَ أُمَّ يَحْيَى بِنْتَ أَبِي إِهَابٍ، فَجَاءَتْ اِمْرَأَةٌ. فَقَالَتْ: قَدْ أَرْضَعْتُكُمَا، فَسَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: كَيْفَ وَقَدْ قِيلَ؟ فَفَارَقَهَا عُقْبَةُ. وَنَكَحَتْ زَوْجًا غَيْرَهُ. أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

367- Daripada Uqbah bin al-Harits (r.a) bahawa beliau berkahwin dengan Ummu Yahya binti Abu Ihab. Lalu ada seorang perempuan datang dan berkata: "Saya benar-benar telah menyusui kamu berdua. Uqbah kemudian bertanya mengenai masalah ini kepada Rasulullah (s.a.w). Baginda menjawab: "Bagiamana lagi kerana sudah ada pengakuan yang kalian adalah saudara sesuan?" Baginda kemudian memisahkan antara mereka berdua dan Ummu Yahya kemudian berkahwin lagi dengan lelaki lain. (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1167).

Makna Hadith

Hadith ini mempunyai dua maksud, iaitu: Pertama, kesaksian ibu susuan boleh diterima walaupun dia seorang diri, keran dalam hadith ini tidak disebutkan bahawa ada orang lain yang bersaksi selain dirinya. Al-Bukhari telah membuat satu bab khusus mengenai masalah ini. Kedua, jika telah diketahui bahawa suami isteri itu ternyata saudara sesusuan, maka mereka berdua wajib segera dipisah, meskipun salah satu di antara mereka bukan anak kandung bagi ibu yang menyusui tersebut.

Analisis Lafaz

"اِمْرَأَةٌ", dalam satu riwayat oleh al-Bukhari ditetapkan bahawa namanya adalah Sauda'. Dalam satu riwayat yang lain disebutkan dia adalh mawla kepada salah seorang penduduk Makkah. Dalam riwayat lain oleh al-Bukhari disebutkan bahawa dia seorang hamba sahaya berkulit hitam. Inilah yang betul meskipun namanya tidak diketahui.

Manakala isteri 'Uqbah pula adalah Ummu Yahya dan namanya adalah Ghaniyyah namun ada pula yang mengatakan namanya Zainab.

"فَقَالَ: كَيْفَ وَقَدْ قِيلَ؟", yakni bagaimana kamu tidak boleh menceraikan isterimu, sementara ada orang yang mengakui bahawa kamu berdua tumbuh besar daripada satu ibu susuan.

Dalam riwayat yang lain disebutkan bahawa Rasulullah (s.a.w) berpaling sebelum mengatakan demikian.

Fiqh Hadith

1. Pengakuan ibu susuan terhadap anak susuannya boleh diterima meskipun dia mengaku tanpa dikuatkan oleh saksi. Inilah pendapat Utsman, Ibn Abbas, Imam Ahmad, al-Zuhri, al-Hasan, al-Auzai, Ishaq, al-Bukhari dan sekumpulan ulama. Menurut Imam Malik, pengakuan ibu susuan tidak boleh diterima kecuali disertai dua orang wanita yang lain sebagi saksi. Menurut mazhab Hanafi, pengakuan ibu susuan sama seperti pengakuan orang yang lain, di mana dia wajib menghadirkan dua orang lelaki adil sebagai saksi atau satu orang lelaki dan dua orang wanita, dan tidak boleh diterima pengakuan jika hanya dilakukan oleh ibu susuan sahaja. Menurut Imam al-Syafi'i, pengakuan ibu susuan bersama tiga orang wanita sebagai saksi boleh diterima dengan syarat tidak meminta upah. Mazhab Maliki, Hanafi dan Syafi'i menjawab hadith ini bahawa ia bersifat sunat bagi mengelakkan perkara-perkara syubhat. Apapun, kenyataan mereka disanggah keran pendapat mereka ini bercanggah dengan zahir lafz

hadith, di mana di dalamnya disebutkan: "Bagaimana kalian tidak diceraikan, sementara ada orang yang mengaku bahawa kalian dibesarkan dari satu ibu susuan?" Dalam satu riwayat disebutkan "Tinggalkan dia (isterimu) itu."

2. Disunatkan menanyakan suatu perkara yang masih syubhat atau samar, malah dianjurkan mencari orang yang dapat dijadikan sebagai pakar rujuk untuk menanyakan perkara yang dianggap masih samar atau syubhat. Dalam kaitan ini al-Bukhari menulis dalam kitab Ilmu: bab bepergian untuk menanyakan permasalahan yang sedang terjadi" di mana beliau menulis satu hadith yang antara isinya: "kemudian dia menaiki unta ke Madinah menemui Rasulullah (s.a.w) menanyakan perkara yang sedang difikirkanya."

Periwayat Hadith

'Uqbah bin al-Harits bin 'Amir bin Naufal, Abu Sirwa'ah al-Naufali. Beliau yang membunuh Khubaib bin Adi sebelum masuk dia masuk Islam, kemudian dia memelik Islam setelah pembukaan kota Makkah. Beliau adalah sahabat yang tinggal di Makkah, meriwayatkan hadith daripada Rasulullah (s.a.w), Abu Bakar dan Jubair bin Muth'im. Antara orang yang mengambil riwayat hadith daripadanya adalah Abu Mulaikah dan sekumpulan ulama. Hadithnya dikeluarkan oleh al-Bukhari dan Ashhab al-Sunan selain Ibn Majah.

٣٦٨- وَعَنْ زِيَادِ السَّهْمِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تُسْتَرْضَعَ الْحَمْقَى. أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَهُوَ مُرْسَلٌ، وَلَيْسَتْ لِزِيَادٍ صُحْبَةٌ.

368- Daripada Ziyad al-Sahmi (r.a), beliau berkata: "Rasulullah (s.a.w) melarang daripada memminta perempuan bodoh untuk menyusui." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud secara mursal, sedangkan Ziyad pula bukan seorang sahabat: 1168).

Makna Hadith

Seperti sedia maklum, susuan memiliki pengaruh kesan dalam membentuk mentaliti dan kejiwaan seorang anak, malah pertumbuhan seorang anak banyak ditentukan oleh perilaku orang yang menyusuinya. Hadith ini melarang untuk menyusukan anak kepada orang bodoh. Ini bagi mengelak kekhuatiran bahawa sifat bodoh ibu susuan itu menjangkiti si anak yang sedang disusuinya.

Analisis Lafaz

"الْحَمْقَى", lemah akal dan memiliki ingatan yang lemah.

Fiqh Hadith

Dianjurkan untuk memilih ibu susuan yang soleh dan bijak.

Soalan

1. Apakah yang diharamkan dari susuan? Sebutkan pendapat ulama fiqh, dalil mereka dan rajihkan di antara sekian pendapat itu?
2. Cuba anda beri baris kalimat "المرضعة"!
3. Adakah meminum air susu perempuan yang menyusui diqiyaskan dengan susuan yang secara langsung?
4. Bincangkan makna sabda Rasulullah (s.a.w): "يحرم من الرضاع ما يحرم من النسب"!
5. Sahkah menetapkan hukum haram susuan bagi orang dewasa dan apa pula dalilnya?
6. Adakah susu haiwan boleh mengharamkan seperti mana susu manusia dan apa pula dalilnya?
7. Sebutkan teks hadith permohonan Aflah untuk memasuki rumah Aisyah (r.a) dan sebutkan pula hukum-hakam yang ada di dalamnya!
8. Apakah maksud perkataan Aisyah tentang lima kali susuan: "وهي فيما يتلى من القرآن"
9. Ulama menegaskan bahaw tiada apa yang boleh dijadikan dalil dalam perkataan Aisyah: "كان فيما أنزل من القرآن". Apa yang mereka perkatakan dalam masalah ini dan bagaimana pula cara menyanggah dakwaan mereka itu?
10. Adakah anak perempuan bapa saudara diharamkan apabila bapa saudara pernah menyusu dengan anak saudaranya daripada seorang perempuan yang sama? Sebutkan dalilnya?
11. Sebutkan teks hadith Uqbah bin al-Harits ketika berpisah dengan isterinya lantaran mereka adalah saudara sesusuan?
12. Bolehkah diterima kesaksian seorang perempuan yang menyusui?
13. Sebutkan teks hadith yang menyuruh untuk memilih ibu susuan yang baik dan pilihan dan bincangkan pula sanad hadithnya?

BAB NAFKAH

Nafkah adalah sesuatu yang diberikan kepada seseorang untuk memenuhi keperluan, baik untuk diri sendiri mahupun untuk orang lain, seperti makanan, minuman dan lain-lain.

٣٦٩- عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: دَخَلَتْ هِنْدُ بِنْتُ عُتْبَةَ -اِمْرَأَةُ أَبِي سُفْيَانَ- عَلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَقَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ إِنَّ أَبَا سُفْيَانَ رَجُلٌ شَحِيحٌ لَا يُعْطِينِي مِنْ النَّفَقَةِ مَا يَكْفِينِي وَيَكْفِي بَنِيَّ، إِلَّا مَا أَخَذْتُ مِنْ مَالِهِ بِغَيْرِ عِلْمِهِ، فَهَلْ عَلَيَّ فِي ذَلِكَ مِنْ جُنَاحٍ؟ فَقَالَ: خُذِي مِنْ مَالِهِ بِالْمَعْرُوفِ مَا يَكْفِيكِ وَيَكْفِي بَنِيكِ. مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

369- Daripada Aisyah (r.a), beliau berkata: "Hindun binti 'Utbah isteri Abu Sufyan pernah datang menjumpai Rasulullah (s.a.w) lalu berkata: "Wahai Rasulullah, Abu Sufyan seorang yang kedekut; dia tidak memberi nafkah yang cukup untuk diriku dan anak-anakku kecuali apabila hartanya itu aku ambil tanpa sepengetahuannya. Adakah aku berdosa kerana perbuatanku itu? Baginda menjawab: "Ambillah hartanya untuk mencukupi keperluanmu dan anak-anakmu dengan cara yang baik." (Muttafaq 'alaihi: 1169)

Makna Hadith

Ada ketikanya dalam keadaan tertentu, seorang suami tidak mahu memberi nafkah kepada keluarganya sedangkan mereka memerlukan nafkah untuk memenuhi keperluan seharian supaya tubuh mereka tetap sihat dan kuat.

Abu Sufyan jenis orang kedekut dalam memberi nafkah kepada rumah tangganya dan tidak pernah memenuhi kewajipannya sebagai seorang suami. Isterinya kemudian datang menjumpai Rasulullah (s.a.w) menanyakan apa

yang dialaminya akibat perlakukan suaminya itu. Dia mengadu bahawa dia tidak pernah mendapat wang belanja daripada suami kecuali apa yang diambilnya secara diam-diam tanpa sepengetahuan suaminya; adakah perbuatan tersebut dilarang atau dibolehkan di sisi syari'at? Rasulullah (s.a.w) menjelaskan bahawa selagi dia mengambilnya sesuai dengan keperluan, maka itu tidak berdosa, kerana ap yang diambilnya hanyalah sekadar keperluan yang tidak melebihi kewajipan yang sememangnya wajib dikeluarkan oleh suaminya.

Analisis Lafaz

Hindun binti 'Utbah bin Rabi'ah bin 'Abd Syams bin 'Abd Manaf. Dia masuk Islam pada tahun pembukaan kota Makkah setelah suaminya terlebih dahulu masuk Islam. Sebab dia enggan masuk Islam sebelum ini kerana ayahnya 'Utbah, bapa saudaranya Syaibah dan saudaranya al-Walid mati terbunuh di tangan tentera kaum muslimin pada waktu Perang Badar. Semasa Perang Uhud, Hamzah pun mati syahid. Dia sangat gembira di atas kematian Hamzah. Dia mengoyak perut Hamzah dan memakan hatinya, kemudian memuntahkannya semula. Allah kemudian memberinya hidayah masuk Islam ketika pembukaan kota Makkah. Dia meninggal dunia pada bulan Muharram tahun ke-١٤ Hijrah.

Abu Sufyan, Sakhr bin Harb bin Umayyah bin 'Abd Syams, salh seorang tokoh Quraisy, masuk Islam pada tahun pembukaan kota Makkah sebelum isterinya masuk Islam ketik tentara Islam berjaya merebut Makkah. Dia ditangkap oleh pasukan tentera Islam dan kemudian dihadapkan kepada Rasulullah (s.a.w), namun al-Abbas telah memberi jaminan kepadanya lalu masuk Islam. Rasulullah (s.a.w) berkata kepada penduduk Makkah: "Barang siapa yang masuk ke rumah Abu Sufyan, maka dia selamat." Dia meninggal dunia pada masa pemerintahan Khalifah Utsman tahun ke-٣٢ Hijrah.

"شَحِيحٌ", ia bermaksud kedekut namun lebih teruk lagi daripada sifat bakhil. Sifat bakhil kerana seseorang itu enggan mendermakan hartanya sedangkan kedekut pula enggan mendermakan segala sesuatu yang dimilikinya termasuklah tenaganya. Dalam riwayat yang lain, perkataan "شحيح" diganti dengan perkataan "مسيك". Menurut al-Qurthubi, Hindun tidak bermaksud menyifatkan Abu Sufyan kedekut dengan segala apa yang dimilikinya. Dia menggambarkan demikian ketika Abu Sufyan bersikap terhadap isterinya dan anak-anaknya. Ini tidak bererti beliau seorang yang kedekut dalam segala sesuatunya. Kebanyakan pemimpin ada ketikanya dia bersikap demikian terhadap keluarganya kerana lebih mengutamakan kepentingan orang lain. Bagi pensyarah kitab ini, kenyataan ini disokong oleh satu peristiwa di mana seorang lelaki pernah mengambil harta Abu Sufyan secara berulang kali sedangkan beliau tidak mengetahuinya dan beliau pun tidak menuntutnya. Inilah bukti yang Abu Sufyan bukan seorang yang kedekut. Meskipun ada kemungkinan beliau tidak mengetahui seberapa

banyak jumlah harta yang dimilikinya kerana terlampau sering menderma.

"جُنَاح", dosa.

"بِالْمَعْرُوفِ", menurut al-Qurthubi, apa yang dimaksudkan dengan cara yang baik adalh kadar yang memadai untuk memenuhi keperluan mengikut adat kebiasaan.

Fiqh Hadith

1. Boleh menyebut aib atau sifat seseorang jika itu diperlukan meskipun orang tersebut membencinya, misalnya untuk mengadukannya atau meminta pendapat.
2. Hakim boleh mendengar keterangan salah seorang yang bertikai meskipun salah seorang lagi tidak hadir.
3. Seseorang yang mendakwa dirinya sedang kesusahan hendaklah disertai dengan bukti yang menyokongnya.
4. Wajib memberikan nafkah kepada isteri dan anak, dan kewajipan ini mesti dapat menutupi keperluan asas mereka, pendapat ini menurut jumhur ulama dan al-Syafi'i. Menurut Imam al-Syafi'i dalam pendapat yang masyhur, kadar nafkah itu ditentukan dengan kiraan mud; bagi orang kaya sebanyak dua mud setiap hari, bagi orang pertengahan sebanyak satu mud setengah dan bagi orang susah pula sebanyak satu mud. Pendapat ini turut diriwayatkan daripada Imam Malik. Ulama telah menyebutkan kadar-kadar tertentu nafkah meskipun itu tidak berlandaskan kepada dalil. Apa yang betul dalam masalah ini adalah nafkah itu dapat memenuhi keperluan asas dan itu mesti bersandar kepada kepada adat kebiasaan setempat.
5. Jumlah nafkah ditentukan oleh keadaan dan keperluan isteri, pendapat ini menurut sebahagian ulama mazhab Hanafi. Menurut mazhab Syafi'i pula jumlah nafkah ditentukan oleh keadan dan keperluan suami. Dalilnya firman Allah (s.w.t):

   لِيُنفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِۦ ۖ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُۥ فَلْيُنفِقْ مِمَّآ ءَاتَىٰهُ ٱللَّهُ ۚ لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَآ ءَاتَىٰهَا ۚ سَيَجْعَلُ ٱللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ﴿٧﴾

   "*Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.*" (Surah al-Thalaq: 7) Pada pensyarah kitab ini, apa yang perlu diambil kira adalah jika

nafkah itu melebihi kadar keperluan asas maka hendaklah disesuaikan dengan keadaan suami sedangkan jika nafkah itu kurang daripada kadar keperluan asas maka hendaklah disesuaikan dengan keadaan isteri.

6. Wajib memberi nafkah anak dengan syarat jika sudah diperlukan, menurut Imam al-Syafi'i dan kewajipan ini berlaku ketika anak masih kecil lagi.
7. Ibu mempunyai hak untuk memberi nafkah anak ketika suami enggan memenuhi kewajipannya.
8. Barang siapa yang mempunyai hak di sisi orang lain, sementara orang itu tidak mampu membayarnya atau mengmbilnya, maka dia boleh mengambil haknya meskipun itu dilakukan tanpa izin sekadar haknya itu. Inilah yang disebut dengan masalah *al-zhafr*.
9. Jika syari'at Islam tidak memberikan suatu batasan, maka adat kebiasaan boleh dijadikan sebagai sandaran hukum.
10. Dibolehkan menjatuhkan hukuman ke atas orang yang telah tidak hadir di mahkamah.

Penting

Ibn Hajar berkata: "Sesetengah orang merasa kesusahan memahami langkah al-Bukhari ketika menjadikan hadith ini sebagai dalil masalah *al-zhafr* kerana di satu sudut beliau menjadikan hadith ini sebagai dalil yang mengharuskan untuk menjatuhkan hukuman ke atas orang yang tidak hadir di mahkamh. Masalah *al-zhafr* adalah fatwa sedangkan menjatuhkan hukuman ke atas orang yang tidak hadir di mahkamah adalah keputusan hukum. Hadith ini ada kalanya berkaitan fatwa hingga dengannya masalah keputusan hukum dibatalkan atau hadith ini berkaitan dengan keputusan hukum maka fatwa pun dibatalkan. Jawapanya setiap hukum yang dikeluarkan oleh syariat Islam pada hakikatnya adalah fatwa untuk memutuskan hukum terhadap suatu peristiwa yang berlaku. Oleh yang demikian, hadith ini boleh dijadikank dalil bagi kedua-dua permasalahan ini."

٣٧٠- وَعَنْ طَارِقٍ الْمُحَارِبِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَدِمْنَا الْمَدِينَةَ، فَإِذَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَائِمٌ يَخْطُبُ النَّاسَ وَيَقُولُ: "يَدُ الْمُعْطِي الْعُلْيَا، وَابْدَأْ بِمَنْ تَعُولُ: أُمَّكَ وَأَبَاكَ، وَأُخْتَكَ وَأَخَاكَ، ثُمَّ أَدْنَاكَ أَدْنَاكَ". رَوَاهُ النَّسَائِيُّ، وَصَحَّحَهُ ابْنُ حِبَّانَ وَالدَّارَقُطْنِيُّ.

370- Daripad Thariq al-Muharibi (r.a), beliau berkata: "Kami datang ke Madinah ketika Rasulullah (s.a.w) sedang berdiri di atas mimbar

menyampaikan khotbah di hadapan orang ramai. Baginda bersabda: "Tangan pemberi adalah tangan paling tinggi. Dahulukan memberi nafkah kepada orang yang menjadi tanggung jawabmu; ibumu dan ayahmu, saudari perempuanmu dan saudara lelakimu, kemudian keluarga yang dekat denganmu lalu keluarga yang agak dekat denganmu." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i, dinilai sahih oleh Ibn Hibban dan al-Daruquthni: 1170).

Makna Hadith

Setelah Rasulullah (s.a.w) menggalakkan bersedekah dan berinfaq, baginda menyusun mana satu yang mesti didahulukan di antara sekian banyak ahli keluarga itu ketika hendak memberikan nafkah jika mereka dalam kesulitan. Orang yang wajib lebih didahulukan adalah ibu, kemudian ayah, saudari dan saudara.

Sebab Ibn Hajar memilih hadith ini, meskipun tidak ada menyebutkan anak dan isteri, kerana mereka disebutkan dalam hadith sebelumnya telah disebutkan.

Analisis Lafaz

"يَدُ الْمُعْطِي الْعُلْيَا", maksudnya adalah tangan orang memberi nafkah seperti mana yang ditegaskan dalam hadith sahih dan lafaz hadith seterusnya turut menguatkan lagi kefahaman ini. Ini berbeza dengan kumpulan sufi di mana mereka menyalahi naqal dan akal yang mengatakan bahawa tangan di atas adalah orang yang menerima pemberian.

"تَعُولُ", mulakanlah dengan orang yang wajib engkau beri nafkah.

"أُمَّكَ", di*nashab*kan sebagai maf'ul.

"أَدْنَاكَ", keluarga paling dekat dan kemudian keluarga yang agak dekat.

Fiqh Hadith

1. Anjuran untuk bersedekah dan berinfak, kerana tangan orang yang memberi lebih baik daripada tangan orang yang menerima.
2. Wajib memberi nafkah kepada ahli keluarga mengikut susunan yang telah disebutkan dalam hadith tersebut. Ulama telah bersepakat mewajibkan nafkah kepada ahli keluarga, tetapi mereka berbeza pendapat tentang ketentuannya. Menurut Imam Malik, nafkah hanya diwajibkan kepada ibu dan bapa, sementara nenek atau datuk tidak wajib diberi nafkah dan wajib memberi nafkah kepada anak dan seluruh keturunannya ke bawah sama ada mereka bakal menjadi pewaris ataupun tidak hingga meliputi zawil arham. Menurut Imam

Abu Hanifah, nafkah diwajibkan ke atas ayah dan ibu ke atas, anak dan keturunannya ke bawah, bapa saudar dan ibu saudara berserta keturunannya, namun tidak wajib memberi nafkah zawil arham kerana mereka tidak berhak mendapat hak waris. Menurut Imam Ahmad pula wajib memberi nafkah kepada ayah dan ibu ke atas, demikian pula kepada anak ke bawah sama ada mereka mendapat harta warisan ataupun sebaliknya, sedangkan bapa saudara dan ibu saudara pula turut wajib diberi nafkah jika bakal memperoleh harta warisan baik menjadi ashabul asbah ataupun menjadi zawil furudh. Dalil Abu Hanifah dan Imam yang mewajibkan memberi nafkah kepada datuk dan nenek ke atas adalah firman Allah (s.w.t):

..... مِّلَّةَ أَبِيكُمْ إِبْرَٰهِيمَ ۚ ..... ﴿٧٨﴾

"*…agama bapa kamu Ibrahim.…*" (Surah al-Hajj: 78) Manakala dalil wajib memberi nafkah kepada ahli waris adalah firman Allah (s.w.t):

..... وَعَلَى ٱلْوَارِثِ مِثْلُ ذَٰلِكَ ۗ ..... ﴿٢٣٣﴾

"*…dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada).…*" (Surah al-Baqarah: 233) Di samping itu, Allah telah menyuruh untuk menjalin ikatan silaturrahim dan melarang daripada memutuskannya.

3. Dalam memberi nafkah, orang yang dalam kesulitan hendaklah diberi keutamaan.

Penting

Ulama bersepakat bahawa tidak boleh menggugurkan nafkah isteri dengan berlalunya waktu yang sudah lama sama ada kerana kesulitan ekonomi atau kerana kedekut, kerana ia merupakan nafkah yang mesti dibayar sebagai pertukaran terhadap bersenang-senang yang telah dilakukan terhadap isteri dan sebagai bayaran terhadap penahanan isteri untuk tetap bersedia melayan si suami. Oleh yang demikian, kewajipan memberi nafkah tidak boleh digugurkan kerana berlalunya waktu yang sudah lama.

Ulama turut bersepakat bahawa kewajipan memberi nafkah digugurkan kepada ahli keluarga dengan berlalunya masa yang lama, meskipun mereka berbeza pendapat dalam menentukan tempohnya itu.

٣٧١- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لِلْمَمْلُوكِ طَعَامُهُ وَكِسْوَتُهُ، وَلَا يُكَلَّفُ مِنَ الْعَمَلِ إِلَّا مَا يُطِيقُ." رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

371- Daripad Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Hamba sah wajib diberi makan dan pakaian, dan tidak boleh diberi bebanan pekerjaan kecuali berdasarkan kemampuannya." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1171).

Makna Hadith

Ibn Hajar mengemukakan hadith ini bagi menjelaskan bahawa memberi nafkah kepada hamba sahaya hukumnya wajib seperti memberinya makan dan pakaian.

Rasulullah (s.a.w) menambahkan seseorang tidak boleh membebani seorang hamba yang telah dibelinya dengan bebanan yang di luar kemampuannya.

Kaitan antara hadith ini dengan hadith sebelumnya adalah hendaklah seseorang bersifat kasih sayang dan berlemah lembut kepada hamba sekali gus melarang si majikan daripada mengatakn bahawa dia telah memberinya makan dan pakain hingga dia wajib melakukan segala apa yang diperintahkan meskipun itu di luar kemampuanya.

Analisis Lafaz

"لِلْمَمْلُوكِ", hamba sahaya sama ada lelaki mahupun wanita. Huruf *lam* di sini bermaksud menetapkan hak dengan memberinya makan dan pakaian.

"طَعَامُهُ", makanan itu sesuai dengan keperluan dan demikian pula dengan pakaiannya.

"يُكَلَّفُ", memberinya bebanan yang sewajarnya.

"طِيقُ", sesuai dengan kemampuan.

Fiqh Hadith

1. Wajib memberi nafkah kepada hamba sahay berupa makanan dan pakaian. Apapun, Muslim meriwayatkan bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda:

   أَطْعِمُوهُمْ مِمَّا تَأْكُلُونَ وَأَلْبِسُوهُمْ مِمَّا تَلْبَسُونَ.

   "Berilah mereka makan seperti mana kamu makan dan berilah mereka pakaian seperti mana kamu pakai." Ini menunjukkan jenis makanan dan pakaian dan jumhur ulama mengertikan hadith sebagai sunat setelah mereka sepakat mengatakan bahawa wajib memberi nafkah kepada hamba sahaya.

2. Larangan untuk memberi bebanan yang berlebihan di luat kemampuan seorang hamba sahaya. Ini berdasarkan ijma' ulama.

٣٧٢- وَعَنْ حَكِيمِ بْنِ مُعَاوِيَةَ الْقُشَيْرِيِّ عَنْ أَبِيهِ قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ، مَا حَقُّ زَوْجَةِ أَحَدِنَا عَلَيْهِ؟ قَالَ: أَنْ تُطْعِمَهَا إِذَا طَعِمْتَ، وَتَكْسُوَهَا إِذَا اكْتَسَيْتَ، وَلَا تَضْرِبِ الْوَجْهَ، وَلَا تُقَبِّحْ.... الْحَدِيثُ. وتَقَدَّمَ فِي عِشْرَةِ النِّسَاءِ.

372- Daripada Hakim bin Mu'awiyah al-Qusyairi daripada ayahnya, beliau berkata: "Saya berkata: "Wahai Rasulullah, apakah hak seorang isteri ke atas kami?" Baginda menjawab: "Hendaklah kamu memberinya makan ketika kamu makan, kamu memberinya pakaian ketika kamu berpakaian, janganlah kamu memukul muka dan jangan mengucapkan kata-kata buruk kepadanya...". (Hadith ini telah disebutkan dalam bab tatacara bergaul dengan isteri: 1172).

Perbahasan hadith ini telah dihuraikan sebelum ini.

٣٧٣- وَعَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -فِي حَدِيثِ الْحَجِّ بِطُولِهِ- قَالَ فِي ذِكْرِ النِّسَاءِ: وَلَهُنَّ عَلَيْكُمْ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ. أَخْرَجَهُ مُسْلِمٌ.

373- Daripada Jabir (r.a) daripada Rasulullah (s.a.w) dalam satu hadith panjang tentang haji, di mana baginda bersabda mengenai masalah perempuan: "Kami wajib memberi mereka rezeki dan pakaian dengan cara yang baik dan berpatutan." (Diriwayatkan oleh Muslim: 1173).

Perbahasan hadith ini telah dihuraikan pada awal bab ini. Apa yang diwajibkan dalam memberi nafkah adalah mengambil kira kemampuan dan mengikut kadar yang berpatutan.

٣٧٤- وَعَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يُضَيِّعَ مَنْ يَقُوتُ". رَوَاهُ النَّسَائِيُّ. وَهُوَ عِنْدَ مُسْلِمٍ بِلَفْظِ: "أَنْ يَحْبِسَ عَمَّنْ يَمْلِكُ قُوتَهُ".

374- Daripada Abdullah bin Umar (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Cukuplah seseorang itu berdosa ketika menyia-nyiakan orang yang wajib diberi makan." (Diriwayatkan oleh al-Nasa'i. Menurut riwayat Muslim disebutkan: "menahan makanan yang semetinya kepada hamba

yang dimilikinya": 1174).

Makna Hadith

Hadith ini menjelaskan bahawa betapa besar dosa orang yang menyia-nyiakan dan mengabaikan tanggung jawab memberi nafkah kepada anak dan isteri bagi orang yang mampu, kerana dia telah mengabaikan kewajipan yang sememangnya menjadi tanggung jawabnya.

Analisis Lafaz

"كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا", yakni sampai kepada puncak dosa, di mana ia mampu membinasakannya tanpa memerlukan dosa yang lain lagi.

"يُضَيِّعَ", menyia-nyiakan.

"مَنْ يَقُوتُ", orang yang wajib untuk diberi nafkah.

"يَحْبِسَ", menahan atau melarang.

"يَمْلِكُ قُوتَهُ", mempunyai makanannya. Lafaz ini lebih khusus berbanding lafaz al-Nasa'i, kerana lafaz al-Nasa'i lebih bersifat umum. Ia bermaksud hamba tersebut memiliki makanan kemudian dia enggan memberinya nafkah.

Fiqh Hadith

Dosa besar bagi orang yang menyia-nyiakan kewajipan dalam memberi nafkah kepada orang yang menjadi tanggungannya.

٣٧٥- وَعَنْ جَابِرٍ -يَرْفَعُهُ فِي الْحَامِلِ الْمُتَوَفَّى عَنْهَا- قَالَ: "لَا نَفَقَةَ لَهَا". أَخْرَجَهُ الْبَيْهَقِيُّ وَرِجَالُهُ ثِقَاتٌ، لَكِنْ قَالَ: الْمَحْفُوظُ وَقْفُهُ.

375- Daripada Jabir dalam satu hadith marfu' mengenai wanita hamil yang ditinggal mati oleh suaminya, beliau berkata: "Tidak ada nafkah baginya." (Diriwayakan oleh al-Baihaqi, periwayatnya thiqoh, tetapi beliau berkata: "Ap yang benar ia adalah mawquf": 1175).

٣٧٦- وَثَبَتَ نَفْيُ النَّفَقَةِ فِي حَدِيثِ فَاطِمَةَ بِنْتِ قَيْسٍ كَمَا تَقَدَّمَ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

376- Tidak wajib memberi nafkah ini turut disebut dalam hadith Fathimah binti Qais sebelum ini. (Diriwayatkan oleh Muslim: 1176).

Makna Hadith

Di sini Ibn Hajar mengemukakan dua hadith yang berkenaan dengan nafkah, iaitu:

Pertama, isteri yang ditinggal mati oleh suaminya tidak wajib diberi nafkah. Hadith yang diriwayatkan oleh Fathimah mengisyaratkan bahawa dia tidak wajib diberi nafkah.

Akan tetapi hadith yang diriwayatkan oleh Fathimah binti Qais adalah nafkah bagi isteri yang ditalak tiga, sedangkan hadith Jabir bagi isteri yang ditinggal mati oleh suaminya. Saya tidak tahu sama ada Ibn Hajar tersilap ketika menyebut hadith ini kerana hadith ini ada menyebut nafkah secara umum tanpa dikhususkan dengan perempuan yang ditalak tiga misalnya ataukah beliau ingin menegaskan bahawa perempuan yang ditalak ba'in dan perempuan yang ditinggal mati oleh suaminya memiliki hukum yang sama di mana kedua-duanya dibolehkan berkahwin dengan orang lain.

Kedua, isteri yang ditinggal mati berhak memperoleh tempat tinggal dan hadith Jabir ini akan saya bahas ketika membahas hadith Furai'ah saudari perempuan Abu Sa'id.

Analisis Lafaz

"يَرْفَعُهُ", hadith ini marfu' kepada Rasulullah (s.a.w) dan orang yang mengatakannya adalah baginda.

"فِي الْحَامِلِ", di ada kalimat yang dibuang dan maksudnya adalah memberi fatwa atau memutuskan hukum tentang orang mengandung.

Fiqh Hadith

Isteri mengandung yang ditinggal mati oleh suaminya tidak berhak menerima nafkah. Inilah pendapat mazhab Syafi'i dan mazhab Hanafi, kerana pada asalnya seseorang tidak mempunyai tanggungan. Jadi tidak ada sesuatu yang mewajibkannya berhak memperoleh nafkah.

Pendapat lain mengatakan isteri yang ditinggal mati oleh suaminya wajib diberi nafkah. Al-Shan'ani menisbahkan pendapat ini kepada al-Hadi. Apapun, al-Baghawi tidak mengambil peduli dengan perbezaan pendapat ini di mana beliau mengatakan seluruh ulama tidak berbeza pendapat bahawa dia tidak berhak menerima nafkah. Al-Baghawi kemudian mengemukakan hadith Jabir yang mawquf, beliau berkata: "Ibn Abbas berkata: "Ayat: "*Dan orang-orang yang (hampir) mati di antara kamu serta meninggalkan isteri, hendaklah berwasiat untuk isteri-isteri mereka, iaitu diberi nafkah saguhati (makan, pakai dan tempat tinggal) hingga setahun lamanya, dengan tidak disuruh pindah dari tempat tinggalnya. Kemudian jika mereka keluar (dari tempat tinggalnya dengan kehendaknya sendiri) maka tidaklah kamu bersalah (wahai wali waris si mati) mengenai apa yang*

mereka (isteri-isteri itu) lakukan pada diri mereka dari perkara yang patut yang tidak dilarang Syarak) itu dan ingatlah, Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana." (Surah al-Baqarah: ٢٤٠) telah dimansukh dengan ayat waris di mana isteri berhak mendapat bahagian satu perempat atau satu perlapan sedangkan tempoh satu tahun dimansukh dengan tempoh empat bulan sepuluh hari." Menurut pensyarah kitab ini, sanad hadith ini hasan.

٣٧٧- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "الْيَدِ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى، وَيَبْدَأُ أَحَدُكُمْ بِمَنْ يَعُولُ، تَقُولُ الْمَرْأَةُ: أَطْعِمْنِي أَوْ طَلِّقْنِي. رَوَاهُ الدَّارَقُطْنِيُّ، وَإِسْنَادُهُ حَسَنٌ.

377- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah. Seseorang di antara kamu hendaklah mendahulukan orang yang menjadi tanggung jawabnya; orang perempuan akan berkata: "Berilah aku makan atau ceraikan aku." (Diriwayatkan oleh al-Daruquthni dan sanadnya hasan: 1177).

Makna Hadith

Hadith ini telah dibahas dalam hadith Thariq al-Muharibi no. 370. Akan tetapi perkataan terakhir hadith ini: "beri aku makan atau ceraikan aku" akan dibahas dalam hadith berikut ini.

٣٧٨- وَعَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ -فِي الرَّجُلِ لَا يَجِدُ مَا يُنْفِقُ عَلَى أَهْلِهِ- قَالَ: "يُفَرَّقُ بَيْنَهُمَا". أَخْرَجَهُ سَعِيدُ بْنُ مَنْصُورٍ: عَنْ سُفْيَانَ عَنْ أَبِي الزِّنَادِ عَنْهُ. قَالَ: فَقُلْتُ لِسَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ: سُنَّةٌ؟ فَقَالَ: سُنَّةٌ. وَهَذَا مُرْسَلٌ قَوِيٌّ.

378- Daripada Sa'id al-Musayyab mengenai seorang lelaki yang tidak memiliki apa-apa untuk memberi nafkah kepada isterinya, beliau berkata: "Hendaklah mereka berdua diceraikan." (Diriwayatkan oleh Sa'id bin Manshur daripada Sufyan daripada Abu al-Zinad. Periwayat berkata: "Saya bertanya kepada Sa'id bin al-Musayyab: "Apakah ini Sunnah?" Beliau menjawab: "Ya, ini Sunnah." Hadith mursal yang kuat.

Makna Hadith

Kewajipan memberi nafkah kepada isteri tidak gugur kerana suami telah hidup bersama isterinya dan membina kehidupan rumah tangga dalam

waktu yang lama. Ia tidak boleh digugurkan dengan berlalunya masa.

Itulah sebabnya isteri tetap mempunyai hak untuk menerima nafkah daripada suaminya. Keengganan suami memberi nafkah merupakan salah satu perbuatan zalim, malah isteri berhak menuntutnya jika suami enggan memberinya nafkah. Jika tidak, isteri berhak menuntut cerai.

Analisis Lafaz

"فَقَالَ: سُنَّةٌ", Imam al-Syafi'i berkata: "Perkataan Sa'id "Sunah" pada hakikatnya adalah Sunnah Rasulullah (s.a.w)."

Al-Shan'ani berkata: "Perkataan Ibn Hazim yang mengatakan maksud Sunnah di sini sebagai Sunnah Umar merupakan satu kesilapan dan bercanggah dengan zahir hadith. Tidak mungkin si penanya menanyakan Sunnah, sementara apa yang dimaksudkannya itu adalah Sunnah 'Umar. Tafsiran seperti ini tidak sepatutunya berlaku. Setiap penanya pastinya menanyakan Sunnah Rasulullah (s.a.w). Memang ada sesetengah ulama yang mengatakan jika periwayat hadith berkata: "Termasuk Sunnah adalah seperti ini" maka perkatan ada kemungkinan bermaksud Sunnah para khalifah. Namun jika itu merupakan soalan periwayat hadith maka dia pasti menginginkan Sunnah Rasulullah (s.a.w)."

Al-Daruquthni dan al-Baihaqi meriwayatkan hadith Abu Hurairah secara marfu' mengenai seorang suami yang tidak mampu memberikan nafkah kepada isterinya lalu Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Dipisahkan atau ceraikan mereka." Dakwaan Ibn Hajar bahawa al-Daruquthni telah melakukan kesalahan dalam meriwayatkan hadith ini dan langkah ini kemudian diikuti oleh al-Baihaqi adalah tidak betul seperti mana yang telah kami teliti dalam kitab Dhawu' al-Nahar.

Menurut pensyarah kitab ini, secara umum perkataan periwayat: "Termasuk Sunnah" bermaksud Sunnah Rasulullah (s.a.w), sebagaimana yang disampaikan oleh Imam al-Syafi'i, jumhur ulama, Ibn Hazm dan al-Shan'ani.

Menurut Ibn Hazm, Sunnah ini tidak pernah diriwayatkan daripada Rasulullah (s.a.w), sebaliknya ia diriwayatkan daripada Umar bin al-Khatthab dan zahir hadith mestilah diganti sesuai dengan lafaz hadith Umar. Oleh kerana Ibn al-Musayyab merupakan ulama fiqh masyhur yang meriwayatkan hadith daripada Umar bin al-Khatthab dan Sunnah al-Khulafa' al-Rasyidin juga disebut sebagai Sunnah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Rasulullah (s.a.w), maka jawapan Sa'id dalam masalah ini adalah benar, di mana si penanya hanya ingin menanyakan Sunnah Rasulullah (s.a.w),bukannya Sunnah yang lain.

Ulama berbeza pendapat sama hadith Abu Hurairah itu marfu' atau sebaliknya. Jika dikatakan marfu' maka pendapat al-Shan'ani adalah betul namun jika tidak dikatakan marfu' maka pendapat Ibn Hazm yang benar.

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Daruquthni, al-Baihaqi dan Ibn al-Jauzi daripada jalur Ishaq bin Manshur, telah menceritakan kepada kami oleh Hammad bin Salamah daripada Yahya bin Sa'id daripada Sa'id....

Mereka turut meriwayatkannya daripada Ishaq bin Manshur, telah menceritakan kepada kami oleh Hammad bin Salamah daripada 'Ashim bin Bahdalah daripada Abu Shalih daripada Abu Hurairah daripada Rasulullah (s.a.w) dengan lafaz hadith yang serupa.

Sanad hadith ini hasan, meskipun ada cacatnya seperti mana yang disebut oleh Abu Hatim, beliau berkata: "Ishaq telah melakukan kesalahan ketika meringkas hadith ini. Ia diriwayatkan daripada 'Ashim daripada Abu Shalih daripada Abu Hurairah daripada Rasulullah (s.a.w): "Mulakanlah dengan orang yang menjadi tanggungjawabmu..."

Bagi pensyarah kitab ini, hadith sememangnya cacat dan oleh kerananya, ia bukan hadith marfu'. Dengan demikian, benarlah apa yang dikatakan oleh Ibn Hazm. Selain itu, kesalahan di dalam hadith ini tidak dilakukan oleh al-Daruquthni dan tidak pula oleh al-Baihaqi seperti mana yang ditegaskan oleh al-Shan'ani daripada Ibn Hajr, sebaliknya kesalahan dilakukan oleh Ishaq.

Antara ulama yang menganggap hadith ini cacat lantaran ia mursal adalah Ibn Hajar, Ibn al-Mawwaq, Ibn Abdul Hadi dan ramai lagi.

Fiqh Hadith

Boleh menceraikan pasangan suami isteri jika suami tidak mampu memberi nafkah kepada isterinya. Ulama berbeza pendapat dalam masalah masalah ini, iaitu:

Pertama, ia menjadi fasakh, pendapat ini menurut Ali, Umar, Abu Hurairah, sekumpulan tabi'in dan ulama fiqh seperti Imam Malik, Imam al-Syafi'i, Imam Ahmad dan mazhab Zahiri. Dalil mereka hadith di atas dan hadith yang diriwayatkan oleh Umar berikut ini, serta hadith:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ.

"Tidak boleh membahayakan dan tidak boleh pula memberi bahaya." Selain itu nafkah merupakan bayaran ke atas penahanan isteri dan bersenang-senang dengannya di mana wanita yang *nusyuz* (tidak patuh kepada suaminya) tidak wajib diberi nafkah, pendapat ini menurut jumhur ulama. Demikian pula fasakh jatuh kerana wanita membangkang suaminya, sementara tidak mampu memberi nafkah mempunyai kesan yang lebih besar lagi daripada semua itu.

Kedua, tidak boleh menjatuhkan fasakh kerana kesulitan ekonomi, pendapat ini menurut mazhab Hanafi dan satu riwayat daripada Imam al-

Syafi'i. Dalil mereka firman Allah (s.w.t):

لِيُنفِقۡ ذُو سَعَةٖ مِّن سَعَتِهِۦۖ وَمَن قُدِرَ عَلَيۡهِ رِزۡقُهُۥ فَلۡيُنفِقۡ مِمَّآ ءَاتَىٰهُ ٱللَّهُۚ لَا يُكَلِّفُ ٱللَّهُ نَفۡسًا إِلَّا مَآ ءَاتَىٰهَاۚ سَيَجۡعَلُ ٱللَّهُ بَعۡدَ عُسۡرٖ يُسۡرٗا ﴿٧﴾

"*Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.*" (Surah al-Thalaq: ٧)

Ketiga, tidak mengemukakan sebarang pendapat dalam masalah ini (*tawaqquf*), pendapat ini dinukil daripada Ibn Dawud al-Zahiri.

Keempat, jika isteri dalam keadaan lapang, sementara suaminya dalam kesulitan ekonomi hingga tidak mampu memberi nafkah isterinya, kemudian isterinya memberi nafkah suaminya, maka biaya yang dikeluarkan oleh isterinya itu tidak perlu diganti ketika keadaan suami sudah memiliki wang yang mencukupi.

Menurut pensyarah kitab ini, pendapat yang rajih adalah pendapat pertama, tetapi ulama berbeza pendapat mengenai tempoh yang memaksa fasakh itu dijatuhkan.

Menurut Imam Malik, waktunya ditangguhkan sampai satu bulan. Menurut Imam al-Syafi'i, waktunya ditangguhkan sampai tiga hari. Menurut Hammad, waktunya ditangguhkan sampai satu tahun.

*- وَعَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ كَتَبَ إِلَى أُمَرَاءِ الْأَجْنَادِ فِي رِجَالٍ غَابُوا عَنْ نِسَائِهِمْ: أَنْ يَأْخُذُوهُمْ بِأَنَّ يُنْفِقُوا أَوْ يُطَلِّقُوا، فَإِنْ طَلَّقُوا بَعَثُوا بِنَفَقَةِ مَا حَبَسُوا. أَخْرَجَهُ الشَّافِعِيُّ، ثُمَّ الْبَيْهَقِيُّ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ.

*- Daripada Umar (r.a) bahaw beliau telah berkirim surat kepada panglima-panglima perang untuk menangani masalah para suami yang telah lama meninggalkan isteri-isteri mereka. Mereka diberi dua pilihan sama ada memberi nafkah atau menceraikan isteri mereka. Jika mereka menceraikan isteri mereka maka mereka wajib mengirim nafkah selama mereka tidak bersama isteri mereka." (Diriwayatkan oleh al-Syafi'i, kemudian al-Baihaqi dengan sanad yang hasan).

Makna Hadith

Hadith ini sama dengan hadith sebelumnya, di mana orang yang tidak mampu memberi nafkah isterinya zahir dan batin tidak boleh dimaafkan dan tidak pula diberi keringan meskipun dia seorang pejuang Islam yang sedang bertempur di medan perang. Malah jika isteri mereka ditalak, maka pihak suami wajib memberikan seluruh nafkah yang menjdi kewajipan mereka selama meninggalkan isteri itu.

Analisis Lafaz

"غَابُوا عَنْ نِسَائِهِمْ", meninggalkan isteri tanpa meninggalkan nafkah selama dalam bepergian.

"أَنْ يَأْخُذُوهُمْ", diberikan kepada mereka salah satu pilihan.

"حَبَسُوا", mereka menahan dan tidak memberi nafkah ketika mereka tidak bersama istri.

Fiqh Hadith

1. Nafkah tidak boleh digugurkan daripada tanggung jawab suami ketika bermusafir, sebaliknya hak itu tetap menjadi hak isteri.
2. Bagi suami yang enggan nafkah isteri diberi dua pilihan; memberi nafkah atau menjatuhkan talak.

٣٧٩- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ عِنْدِي دِينَارٌ؟ قَالَ: أَنْفِقْهُ عَلَى نَفْسِكَ. قَالَ: عِنْدِي آخَرُ؟ قَالَ: أَنْفِقْهُ عَلَى وَلَدِكَ. قَالَ: عِنْدِي آخَرُ؟ قَالَ: أَنْفِقْهُ عَلَى أَهْلِكَ. قَالَ: عِنْدِي آخَرُ، قَالَ: أَنْفِقْهُ عَلَى خَادِمِكَ. قَالَ عِنْدِي آخَرُ، قَالَ: أَنْتَ أَعْلَمَ. أَخْرَجَهُ الشَّافِعِيُّ وَاللَّفْظُ لَهُ وَأَبُو دَاوُدَ، وَأَخْرَجَهُ النَّسَائِيُّ وَالْحَاكِمُ بِتَقْدِيمِ الزَّوْجَةِ عَلَى الْوَلَدِ.

379- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: "Seorang lelaki datang kepada Rasulullah (s.a.w) lalu berkata: "Wahai Rasulullah, saya mempunya wang satu dinar." Baginda bersabda: "Belanjakan ia untuk keperluan dirimu sendiri." Dia berkata: "Saya mempunyai satu dinar lagi." Baginda bersabda: "Belanjakan untuk keperluan anakmu." Dia berkata lagi: "Saya mempunyai satu dinar lagi." Baginda bersabda: "Belanjakan untuk keperluan pembantumu." Dia berkata: "Saya mempunyai satu dinar

lagi." Baginda bersabda: "Kamu lebih tahu (ke mana kamu semestinya membelanjakannya)." (Diriwayatkan oleh al-Syafi'i - lafaz hadith menurut al-Syafi'i - dan Abu Dawud sedangkan al-Nasa'i dan al-Hakim meriwayatkan hadith ini dengan mendahulukan isteri ke atas anak: 1179).

٣٨٠- وَعَنْ بَهْزِ بْنِ حَكِيمٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللهِ مَنْ أَبَرُّ؟ قَالَ: أُمَّكَ. قُلْتُ: ثُمَّ مِنْ؟ قَالَ: أُمَّكَ. قُلْتُ: ثُمَّ مِنْ؟ قَالَ: أُمَّكَ. قُلْتُ: ثُمَّ مِنْ؟ قَالَ: أَبَاكَ، ثُمَّ الْأَقْرَبَ فَالْأَقْرَبَ. أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالتِّرْمِذِيُّ وَحَسَّنَهُ.

380- Daripada Bahz bin Hakim daripada ayahnya daripada datuknya, beliau berkata: "Saya bertanya: "Wahai Rasulullah, kepada siapakah saya yang lebih layak untuk berbuat baik?" Baginda menjawaba: "Kepada ibumu." Saya bertanya: "Kemudian kepada siapa lagi?" Baginda menjawab: "Kepada ibumu." Saya bertanya lagi: "Kemudian kepada siapa lagi?" Baginda menjawab: "Kepada ibumu." Saya bertanya: "Kemudian kepada siapa lagi?" Baginda menjawab: "Kepada ayahmu, kemudian orang yang lebih dekat lalu orang yang agak dekat." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Tirmidhi sekali gus menilainya sebagai hasan: ١١٨٠).

Makna Hadith

Kami telah membahas makna kedua-dua hadith ini ketika menghuraikan hadith Thariq al-Maharibi. Ibn Hajar berkata: "Ibn Hazam berkata: "Yahya al-Qatthan dan Sufyan al-Tsauri berbeza pendapat, di mana Yahya mendahulukan nafkah istri ke atas anak, sementara Sufyan al-Tsauri mendahulukan anak ke atas isteri. Mereka berdua tidak boleh didahulukan antara satu sam lain, sebaliknya mereka berdua mestilah diberi hak yang sama. Ini kerana apabila Rasulullah (s.a.w) jika berbicara, baginda mengulanginya hingga tiga kali. Jadi ada ketikanya baginda mendahulukan sebutan anak ke atas isteri dan ada ketikanya pula mendahulukan sebutan isteri ke atas anak."

Al-Shan'ani memberikan komentar ke atas pernyataan ini dengan berkata: "Kemungkina seperti sukar diterima, kerana tidak selamanya baginda mengulangi percakapan sebanyak tiga kali, sebaliknya baginda lebih sering berbicara tanpa mengulanginya hingga tiga kali. Pengulangan dilakukan ketika perkataan itu sukar difahami. Hadith dalam bab ini merupakan jawapan terhadap soalan yang selalunya jarang terjadi pengulangan kerana si penanya selalunya sudah memahaminya. Sedangkan riwayat Jabir dalam Sahih Muslim tidak boleh diketepikan kerana ia menguatkan riwayat yang mengutamakan keluarga."

Soalan

1. Apakah takrif nafkah?
2. Sebutkan teks hadith Aisyah (r.a) di mana isteri Abu Sufyan mengeluhkan keadaan rumah tangganya dan sebutkan pula hukum-hakam yang terkandung di dalamnya?
3. Apakah hukum memberi nafkah kepada anak, isteri dan berapa pula kadarnya?
4. Adakah nafkah diukur berdasarkan keadaan isteri atau suami? Sebutkan pendapat yang kuat dalam masalah ini?
5. Apakah hukum memberi nafkah kepada ahli keluarga terdekat?
6. Sebutkan perbezaan pendapat ulama fiqh dalam menentukan ahli keluarga yang wajib diberi nafkah ke atas mereka?
7. Adakah nafkah wajib boleh digugurkan dan siapa yang bertanggung jawab ke atasnya?
8. Rasulullah (s.a.w) bersabda: "للمملوك طعامه...". Sempurnakan hadith ini dan bincangkan!
9. Sebutkan teks hadith yang melarang daripada mengabaikan orang-orang yang wajib diberi nafkah ke atas mereka?
10. Wajibkah memberi nafkah kepada perempuan hamil yang ditinggal mati oleh suaminya?
11. Ketika Ibn al-Musayyab ditanya mengenai seorang lelaki yang kesusahan secara ekonomi, adakah dia dengan isterinya boleh dipisahkan (diceraikan), maka beliau menjawab: "Mereka boleh diceraikan." Ketika ditanya lagi: "Adakah itu Sunnah?" Beliau menjawab: ""Ya, itu Sunnah." Bincangkan apa yang dimaksudkan oleh hadith ini?
12. Apakah faktor yang membuat hadith Abu Hurairah tentang talak orang yang susah dari segi ekonomi itu marfu'?
13. Apakah pendapat ulama fiqh tentang seorang lelaki yang kesusahan dari segi ekonomi; bolehkah difasakh atau sebaliknya?
14. Adakah nafkah isteri yang sengaja lambat diserahkan oleh suaminya boleh digugurkan dan apa pula dalilnya?
15. Sebutkan teks hadith mengenai susunan orang yang wajib diberi nafkah dan bincangkan!

BAB *HADHANAH* (PENJAGAAN ANAK)

Hadhanah adalah mashdar daripada perkataan "حضن الصبي حضنا وحضانة" (mengasuh bayi sekali gus mendidiknya). Sedangkan perkataan "الحضن" pula bermaksud bahagian anggota tubuh yang berada di bawah ketika hingga bahagian dada. Ia pula bermaksud lambung kerana pengasuh sentiasa mendokong anak yang diasuhnya.

Sedangkan mengikut syariat pula hadhanah adalah menjaga seseorang yang tidak dapat mengurus dirinya sendiri daripada sesuatu yang boleh membinasakannya atau memudharatkannya di samping mendidiknya dengan cara yang boleh membawa kepada kemaslahatannya.

٣٨١- عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ اِمْرَأَةً قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ إِنَّ اِبْنِي هَذَا كَانَ بَطْنِي لَهُ وِعَاءً، وَثَدْيِي لَهُ سِقَاءً، وَحِجْرِي لَهُ حِوَاءً، وَإِنَّ أَبَاهُ طَلَّقَنِي، وَأَرَادَ أَنْ يَنْتَزِعَهُ مِنِّي. فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنْتِ أَحَقُّ بِهِ مَا لَمْ تَنْكِحِي. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَأَبُو دَاوُدَ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ .

381-Daripada Abdullah bin Amr (r.a) bahawa seorang perempuan pernah berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya perutku yang mengandung anakku, susuku sebagai minumannya, pangkuanku sebagai tempat dia berlindung, ayahnya sekarang telah menceraikanku dan kemudian dia ingin mengambilnya daripada sisiku. Mendengar itu, Rasulullah (s.a.w) bersabda kepadanya: "Kamu lebih berhak terhadap anak itu selagi kamu tidak berkahwin." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Abu Dawud, dinila sahih oleh al-Hakim: 1181).

Makna Hadith

Diriwayatkan bahawa Abu Bakar al-Shiddiq (r.a) ketika didatangi seorang lelaki dan isteri yang telah ditalaknya untuk merebut anaknya siapakah di antara mereka yang berhak mengasuhnya. Abu Bakar berkata kepada lelaki itu: "Aroma ibunya dan sentuhan tangannya lebih baik bagi anak ini berbanding madu yang ada di tangan kamu."

Ini adalah lumrah di mana aeorang anak yang masih kecil selalunya bergantung kepada ibunya melebihi kebergantunganya kepad ayahnya. Ini kerana seorang ibu selalu memahami keperluan anak dan oleh kerannya, ibu mesti diberi keutaman untuk menjaga anaknya. Namun jika ibu seorang ahli kitab dan anak dikhuatiri bakal dipengaruhi supaya memeluk agama yang sama dengan ibunya, maka penjagan anak dalam keadaan ini hendaklah diberikan kepada ayahnya.

Analisis Lafaz

"وِعَاءً", dengan dibaca *kasrah* huruf *waw*, yakni masa mengandung.

"سِقَاءً", ketika masa menyusui. Asal "سقاء" adalah kulit yang dijahit rapat kemudian digunakan untuk menjadi tempat air minum.

"وَحِجْرِي", asuhanku.

"حِوَاءً", tempat mendidik dan menjaganya. Semua ini dia gambarkan kerana menurutnya dia lebih berhak menjaganya berbanding ayahnya.

"يَنْتَزِعَهُ", mengambilnya.

"بِهِ", anak tersebut.

Fiqh Hadith

Ibu lebih berhak berbanding ayah untuk menjaga anak yang masih kecil jika suami telah menceraikan isterinya yang masih mempunyai anak selagi isteri tersebut belum berkahwin.

Ini merupakan permasalahan tidak diperdebatkan oleh ulama sebagaimana yang pernah diputuskan oleh Abu Bakar, Umar, Ibn Abbas dan sahabat yang lain. Malah Ibn al-Munzir mendakwanya sebagai ijma'.

Sementara al-Hasan dan Ibn Hazm mengatakan hak penjagaan anak tidak boleh digugurkan daripada isteri meskipun dia sudah berkahwin lagi dengan lelaki lain. Dalilnya adalah ketika Anas bin Malik dijaga oleh ibunya yang telah berkahwin dengan orang lain. Demikian pula dengan Ummu Salamah menikah dengan Rasulullah (s.a.w) sementara anaknya masih dalam tanggungannya. Demikian pula anak perempuan Hamzah di mana Rasulullah (s.a.w) memutuskan bahawa anak tersebut mesti diserahkan kepada makciknya sebelah ibu padahal ibunya ketika itu seudah berkahwin

dengan lelaki lain.

Ibn Hazm menyanggah hadith Abdullah bin Amr sebagai banyak mengundang kritikan kerana dikisahkan bahw hadith Amr bin Syu'aib meriwayatkan daripada bapanya daripadnya datuknya telah mengalami perubahan pada lafaznya.

Kritikan Ibn Hazm ini disangah bahawa hadith 'Amr telah diterima oleh al-Bukhari, Imam Ahmad, Ibn al-Madini, al-Humaidi, Ibn Rahawaih dan lain-lain. Apa yang digunakan Ibn Hazm dalam masalah ini tidak dapat dijadikan dalil melainkan adanya tuntutan daripada orang lain yang bersedia menjaga anak tersebut. Ketiadan menuntut penjagaan anak tidak dapat dijadikan alasan bahawa itu sememangnya hak ibunya untuk menjaganya kerana ada kemungkinan bapanya telah memberinya izin untuk berbuat demikian. Jadi, itu bukan hujah. Inilah pernyataan al-Shan'ani.

Pada pensyarah kitab ini, Imam Ahmad dan Abu Dawud telah mengeluarkan satu hadith yang menceritakan pertelingkahan Ali, Ja'far dan Zaid untuk menentukan mana satu yang lebih berhak menjaga anak perempuan Hamzah. Asal hadith ini dapat dijumpai dalam Sahih al-Bukhari. Dalam kes ini, Rasulullah (s.a.w) memutuskan bahawa anak perempuan Hamzah itu diserahkan kepada makcik sebelah ibunya yang ketika itu telah menjadi isteri Ja'far. Zaid pula adalah saudara Hamzah dan persaudaraan ini berdasarkan ikatan Muhajirin dan Anshar. Persaudaraan seumpama ini telah dibatalkan dengan adanya firman Allah (s.w.t):

وَٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ مِنۢ بَعۡدُ وَهَاجَرُواْ وَجَٰهَدُواْ مَعَكُمۡ فَأُوْلَٰٓئِكَ مِنكُمۡۚ وَأُوْلُواْ ٱلۡأَرۡحَامِ
بَعۡضُهُمۡ أَوۡلَىٰ بِبَعۡضٖ فِي كِتَٰبِ ٱللَّهِۚ إِنَّ ٱللَّهَ بِكُلِّ شَيۡءٍ عَلِيمُۢ ﴿٧٥﴾

"*Dan orang-orang yang beriman sesudah itu, kemudian mereka berhijrah dan berjihad bersama-sama kamu, maka adalah mereka dari golongan kamu. Dalam pada itu, orang-orang yang mempunyai pertalian kerabat, setengahnya lebih berhak atas setengahnya yang (lain) menurut (hukum) Kitab Allah; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.*" (Surah al-Anfal: ٧٥)

Ini merupakan masalah usul fiqh di mana perkataan dan perbuatan Rasulullah (s.a.w) seolah-olah bercanggah antara satu sama lain. Jumhur ulama lebih mengutamakan perkataan kerana itu lebih bersifat umum ker atas perbuatan apabila diyakini wujud pertentangan antara perkataan dengan perbuatan. Masalah ini telah kami huraikan dengan terperinci dalam kitab kami I'lam al-'Ashr.

Penting

Imam Abu Hanifah berpendapat bahawa berkahwin dengan zawil arham kepada anak yang masih kecil itu tidaklah membatalkan hak asuhnya.

Menurut Imam al-Syafi'i pula hak penjagaan tetap batal kerana tidak ada dalil yang memerincikan demikian. Inilah pendapat yang lebih mendekati kebenaran.

٣٨٢- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ اِمْرَأَةً قَالَتْ: يَا رَسُولَ اللهِ، إِنَّ زَوْجِي يُرِيدُ أَنْ يَذْهَبَ بِابْنِي، وَقَدْ نَفَعَنِي وَسَقَانِي مِنْ بِئْرِ أَبِي عِنَبَةَ فَجَاءَ زَوْجُهَا، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: يَا غُلَامُ، هَذَا أَبُوكَ وَهَذِهِ أُمُّكَ، فَخُذْ بِيَدِ أَيُّهُمَا شِئْتَ، فَأَخَذَ بِيَدِ أُمِّهِ، فَانْطَلَقَتْ بِهِ. رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالْأَرْبَعَةُ وَصَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ.

382- Daripada Abu Hurairah (r.a) bahawa seorang perempuan pernah berkata: "Wahai Rasulullah, suamiku ingin membawa pergi anakku padahal dia seorang anak yang mampu memberi manfaat kepadaku; mengambilkan air minum dari sumur Abu Inabah. Setelah itu suaminya pun datang. Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Wahai anak muda, ini ayahmu dan ini ibumu, peganglah tangan salah satu daripada mereka seperti mana yang engkau inginkan." Dia kemudian memegang tangan ibunya dan langsung dibawa pergi." (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan al-Arba'ah, dinilai sahih al-Tirmidhi: 1182).

Makna Hadith

Jika anak sudah mumayyiz, maka dalam keadaan ini hak penjagan anak tidak sepenuhnya menjadi milik ibunya, sebaliknya anak itu disuruh memilih sama ada ikut ibu ataupun ayahnya. Jika dia telah menentukan pilihannya, maka hak penjagaan diberikan kepada orang yang tuanya yang telah dipilihnya itu.

Analisis Lafaz

"يَذْهَبَ بِابْنِي", dia ingin menjaganya.

"وَقَدْ نَفَعَنِي", yakni anakku.

"وَسَقَانِي مِنْ بِئْرِ أَبِي عِنَبَةَ", yakni anak itu yang sering mengambilkan air untuknya. Inabah merupakan sumur Ali yang terletak satu barid dari kota Madinah. Wanita itu mengatakan demikian kerana dia betapa memerlukan bantuan anak itu untuk mengambil air dari sumur. Seorang anak sepatutnya memberi bantuan yang sepatutnya untuk keperluan ibunya sedangkan ayahnya jarang yang memerlukan bantuan anaknya. Ada pula kemungkinan ibunya mula melatih anaknya untuk bekerja sebelum berpisah dengan suaminya, tetapi tafsiran ini terlampau jauh dari konteksnya.

Fiqh Hadith

1. Jika anak sudah mumayyiz, maka dia diberi pilihan sama ada ikut ayahnya atau ibunya jika orang tuanya bercerai dan memperebutkan hak asuhnya. Inilah pendapat Imam Ahmad dan Ishaq. Bagi mereka, anak diberi pilihan jika umurnya telah mencapai tujuh tahun, sementara menurut Imam al-Syafi'i, dia diberi pilihan jika umurnya telah mencapai tujuh sampai lapan tahun. Menurut riwayat yang lain daripada Imam Ahmad, dia diberi pilihan apabila sudah berusia dewasa. Menurut al-Tsauri dan Ashhab al-Ra'yi, ibu lebih berhak mengasuh anaknya hingga si anak itu mampu makan sendiri dan memakai pakaian sendiri. Menurut riwayat yang lain, hingga anak itu mampu mengurus dirinya sendiri dan ibu lebih berhak mengasuh anak perempuan hingga dia berhaid. Menurut Imam Malik, ibu lebih berhak mengasuh anak perempuan meskipun sudah berhaid hingga dia menikah manakala anak lelaki pula hingga mampu mengurus diri mereka sendiri dan berusia baligh. Ada pendapat yang mengatakan hendaklah diadakan undian untuk memilih mana satu yang lebih berhak mengasuh anak seperti mana yang ditegaskan dalam riwayat Abu Dawud: "Mereka mengadakan undian untuk menjaga anaknya." Pada pensyarah kitab ini, ada kemungkinan apa yang dimaksudkan dengan undian dalam riwayat Abu Dawud itu adalah ketika si anak tidak melakukan sebarang pilihan. Di sinilah diperlukan adanya undian bagi menentukan mana satu yang berhak mengasuh anak. Kami mengatakan demikian kerana tidak disebutkan undian secara tersurat di dalam hadith.
2. Boleh menjatuhkan hukuman setelah mendengar keterangan salah satu pihak jika pihak yang lain mendengarkan perbicaraannya, kerana dengan demikian dia seolah-olah bersetuju dengan apa yang didengarnya.
3. Disyariatkan mengadakan undian, meskipun undian di dalam hadith ini tidak seperti undian yang sudah dikenali oleh masyarakat.
4. Sah menggantikan perkataan dengan perbuatan selagi itu boleh difahami.

٣٨٣- وَعَنْ رَافِعِ بْنِ سِنَانٍ أَنَّهُ أَسْلَمَ وَأَبَتِ امْرَأَتُهُ أَنْ تُسْلِمَ. فَأَقْعَدَ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْأُمَّ نَاحِيَةً وَالْأَبَ نَاحِيَةً، وَأَقْعَدَ الصَّبِيَّ بَيْنَهُمَا. فَمَالَ إِلَى أُمِّهِ، فَقَالَ: "اللَّهُمَّ اِهْدِهِ". فَمَالَ إِلَى أَبِيهِ، فَأَخَذَهُ. أَخْرَجَهُ أَبُو دَاوُدَ وَالنَّسَائِيُّ وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ.

383- Daripada Rafi' bin Sinan (r.a) bahawa dia telah masuk Islam sementara isterinya enggan masuk Islam. Rasulullah (s.a.w) kemudian menyuruh si

ayah duduk di satu sudut dan si ibu duduk di satu sudut yang lain, lalu baginda menyuruh duduk anaknya di bahagian tengah. Si anak itu pun kemudian cenderung memilih ibunya, lalu baginda berdoa: "Ya Allah, berilah dia petunjuk." Anak itu kemudian cenderung memilih ayahnya dan langsung dia dibawa olehnya." (Diriwayatkan oleh Abu Dawud dan al-Nasa'i, dinilai sahih oleh al-Hakim: 1183).

Makna Hadith

Hadith ini turut membahas permasalahan hadith sebelumnya mengenai anak yang sudah mumayyiz, sementara kedua orang tuanya bercerai. Dalam keadaan ini anak diberikan hak kebebasan untuk memilih, tetapi bagaimana pula jika salah seorang daripada kedua orang tuanya itu musyrik.

Meskipun zahir hadith menunjukkan bahawa anak diberi hak kebebasan untuk memilih, tetapi pada hakikatnya tidak seperti itu, kerana seorang muslim lebih berhak untuk menjaga dan memelihara anaknya.

Analisis Lafaz

"وَأَقْعَدَ الصَّبِيَّ", dalam riwayat Abu Dawud dan al-Hakim disebutkan "seorang anak perempuan". Sifatnya dalam riwayat Abu Dawud disebutkan sebagai dia sudah hampir disapih. Menurut riwayat al-Nasa'i disebutkan bahawa dia seorang anak lelaki yang masih kecil dan belum berusia baligh.

"وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ", hadith ini dinilai sahih oleh al-Hakim namun tidak sepatutnya tidak sampai kepada penilaian sahih, kerana Abdul Hamid bin Ja'far perawinya masih diragui, sedangkan jumhur ulama menilainya sebagai thiqoh.

Fiqh Hadith

Al-Tsauri, meskipun menilai hadith ini sebagai dha'i, Imam Abu Hanifah dan murid-muridnya telah menjadikan hadith ini sebagai dalil bahawa ibu lebih berhak mengasuh anaknya meskipun dia seorang yang kafir.

Manakala al-Khatthabi pula berbeza pendapat dengan Imam Abu Hanifah di mana seorang muslim lebih berhak untuk memelihara anaknya jika salah seorang daripada orang tua anak itu ada yang musyrik.

Menurut pensyarah kitab ini, cara *istinbath* dalil yang dilakukan al-Khatthabi bahawa seandainya anak tersebut menjadi hak si perempuan berkenaan, tidak mungkin Rasulullah (s.a.w) mendoakan agar anak tersebut cenderung kepada ayahnya. Di samping itu, doa Rasulullah (s.a.w): "Ya Allah, berilah dia petunjuk" menjelaskan bahawa pilihan selain bapanya merupakan kesesatan.

Jika ada yang bertanya: "Apakah manfaat pilihan jika isteri yang kafir tidak memiliki hak untuk menjaga anaknya?"

Jawapannya, ada kemungkinan Rasulullah (s.a.w) berbuat demikian bagi memperlihatkan keadilan Islam di samping bertujuan menarik simpati si perempuan berkenan supaya memeluk Islam. Ini merupakan salah satu strategi baginda dalam berdakwah. Dalam kesempatan lain baginda turut bersabda: "Kedua ibu bapanya yang menjadikan seorang anak itu Yahudi, Nasrani atau Majusi."

Jumhur ulama turut sependapat dengan perkataan al-Khatthabi. Mereka menyanggah pendapat yang mengatakan perempuan kafir turut memiliki hak untuk menjaga anaknya sebagai berikut:

- Hadith ini daif. Menurut Ibn al-Munzir, hadith ini tidak diakui oleh ahli al-naql.
- Hadith ini dimansukh dengan firman Allah (s.w.t):

..... وَلَن يَجْعَلَ ٱللَّهُ لِلْكَٰفِرِينَ عَلَى ٱلْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا ﴿١٤١﴾

"*...dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk membinasakan orang-orang yang beriman.*" (Surah al-Nisa': 141)

- Hadhanah hendaklah mengambil berat kemaslahatan anak yang diasuh apatah lagi membesarkannya di lingkungan yang kafir.

٣٨٤- وَعَنْ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَضَى فِي اِبْنَةِ حَمْزَةَ لِخَالَتِهَا، وَقَالَ: الْخَالَةُ بِمَنْزِلَةِ الْأُمِّ. أَخْرَجَهُ الْبُخَارِيُّ.

384- Daripada al-Bara' bin 'Azib bahawa Rasulullah (s.a.w) pernah memberi keputusan terhadap anak perempuan Hamzah untuk dijaga oleh makciknya dari sebelah ibu. Baginda bersabda: "Makcik sebelah ibu memiliki kedudukan yang sama dengan ibu." (Diriwayatkan oleh al-Bukhari: 1184).

٣٨٥- وَأَخْرَجَهُ أَحْمَدُ مِنْ حَدِيثِ عَلِيٍّ فَقَالَ: وَالْجَارِيَةُ عِنْدَ خَالَتِهَا، فَإِنَّ الْخَالَةَ وَالِدَةٌ.

385- Imam Ahmad turut meriwayatkan hadith ini daripada Ali (r.a), di mana beliau berkata: "Anak perempuan itu hendaklah dijaga oleh makciknya sebelah ibu keran makcik sebelah ibu sama kedudukannya dengan ibu": 1185).

Makna Hadith

Hadith ini menetapkan bahawa kedudukan makcik sebelah ibu sama kedudukannya dengan ibu dan dia memiliki hak untuk mengasuh anak,

walaupun sudah bersuami. Malah menurut Ibn Hazm, perkahwinan tidak mencegah seorang perempuan untuk tetap memperoleh hak asuh anak. Ini dihuraikan Ibn Hazm ketika membahas perbezaan pendapat dalam hadith 'Amr bin Hazm bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya. Hadith ini terdapat di permulaan bab ini. Lafaz hadith menurut riwayat Abu Dawud adalah sebagai berikut:

خَرَجَ زَيْدُ بْنُ حَارِثَةَ إِلَى مَكَّةَ فَقَدِمَ بِابْنَةِ حَمْزَةَ، فَقَالَ جَعْفَرٌ: أَنَا آخُذُهَا أَنَا أَحَقُّ بِهَا ابْنَةُ عَمِّي وَعِنْدِي خَالَتُهَا وَإِنَّمَا الْخَالَةُ أُمٌّ، فَقَالَ عَلِيٌّ: أَنَا أَحَقُّ بِهَا ابْنَةُ عَمِّي وَعِنْدِي ابْنَةُ رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهِيَ أَحَقُّ بِهَا، فَقَالَ زَيْدٌ: أَنَا أَحَقُّ بِهَا أَنَا خَرَجْتُ إِلَيْهَا وَسَافَرْتُ وَقَدِمْتُ بِهَا، فَخَرَجَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَذَكَرَ حَدِيثًا، قَالَ: وَأَمَّا الْجَارِيَةُ فَأَقْضِي بِهَا لِجَعْفَرٍ تَكُونُ مَعَ خَالَتِهَا وَإِنَّمَا الْخَالَةُ أُمٌّ.

"Zaid bin Haritsah pergi ke Makkah lalu beliau datang dengan membawa anak perempuan Hamzah. Ja'far berkata: "Aku yang akan menjaganya, kerana aku lebih berhak dengannya, dia adalah anak perempuan bapa saudaraku, sementara makciknya dari sebelah ibu adalah isteriku, karena kedudukan makcik dari sebelah ibu sama seperti ibu." Ali pula berkata: "Aku lebih berhak untuk menjaganya, dia adalah anak bapa saudarakuku, sementara puteri Rasulullah (s.a.w) adalah isteriku dan dia lebih lebih berhak ke atasnya." Zaid pula berkata: "Aku lebih berhak untuk menjaganya. Akulah yang mendatanginya untuk mengambilnya dan aku pula yang membawanya datang kemari." Rasulullah (s.a.w) kemudian keluar seraya bersabda: "Anak perempuan ini menjadi hak Ja'far, kerana dia akan bersama dengan makcik sebelah ibunya dan kedudukan makcik sebelah ibu sama dengan kedudukan ibu."

Fiqh Hadith

1. Hak memelihara anak menjadi hak makcik sebelah ibu, kerana kedudukannya sama dengan ibu. Dia lebih diutamakan berbanding makcik sebelah bapa, nenek sebelah ibu atau nenek sebelah bapa.
2. Perkahwinan tidak menggugurkan hak makcik sebelah ibu untuk tetap mengasuh anak saudarinya. Sebelum ini telah dibahas bahawa Ibn Hazm menjadikan hak jagaan anak kepada ibu dan hak itu tidak gugur lantaran sudah berkahwin. Inilah pendapat al-Hasan, Yahya, Ibn Jarir dan satu riwayat daripada Imam Ahmad, namun jumhur ulama tidak sependapat dengan mereka. Ibn Juraij menggabungkan pemahaman antara hadith Ibn Amr: "selagi dia tidak berkahwin" dengan hadith yang menceritakn kisah Ja'far, bahawa perkahwinan

menggugurkan hak hadhanah seorang ibu ketika bapanya berusaha untuk mengambil alih hak jagaan anak itu, namun hak selain ibu dan hak ibu tidak boleh digugurkan apabila hak mengasuh anak itu dituntut oleh orang selain ayahnya.

٣٨٦- وَعَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "إِذَا أَتَى أَحَدَكُمْ خَادِمُهُ بِطَعَامِهِ، فَإِنْ لَمْ يُجْلِسْهُ مَعَهُ، فَلْيُنَاوِلْهُ لُقْمَةً أَوْ لُقْمَتَيْنِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ، وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ.

386- Daripada Abu Hurairah (r.a), beliau berkata: Rasulullah (s.a.w) bersabda: "Jika pembantu salah seorang kamu datang membawa makanannya, jika dia tidak mengajak pembantu itu duduk di sisinya, mak hendaklah diambilkan satu suapan atau dua suapan untuknya." (Muttafaq 'alaih dan lafaz hadith menurut riwayat al-Bukhari: 1186).

٣٨٧- وَعَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "عُذِّبَتْ اِمْرَأَةٌ فِي هِرَّةٍ سَجَنَتْهَا حَتَّى مَاتَتْ، فَدَخَلَتِ النَّارَ فِيهَا، لَا هِيَ أَطْعَمَتْهَا وَسَقَتْهَا إِذْ هِيَ حَبَسَتْهَا وَلَا هِيَ تَرَكَتْهَا؛ تَأْكُلُ مِنْ خَشَاشِ الْأَرْضِ". مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ.

387- Daripada Ibn Umar daripada Rasulullah (s.a.w), baginda bersabda: "Seorang perempuan diseksa kerana seekor kucing. Dia mengurungnya hingga mati. Akibatnya perempuan itu pun masuk neraka. Dia tidak memberi kucing itu makan dan minum ketika mengurungnya dan tidak pula memberinya makan rerumputan yang tumbuh di permukaan tanah." (Muttafaq 'alaih: 1187).

Makna Hadith

Di akhir bab pengasuhan anak ini, Ibn Hajar mengemukakan dua hadith ini yang pada zahirnya seolah-olah tidak ada kaitan dengan bab ini.

Apapun, Ibn Hajar teap menyebutnya di sini bagi menegaskan bahawa Islam menggalakkan majikan menghormati dan menghargai pembantu dengan mengajaknya duduk bersama majikanya atau memberinya makanan seperti mana yang dia makan. Islam pula memerintahkan untuk bersikap ramah terhadap haiwan, bahkan seorang wanita dimasukkan ke dalam neraka lantaran mengurung seekor binatang dan tidak memberinya makan dan minum. Oleh itu, adalah lebih diutamakan untuk memuliakan anak yang diasuh dan mengambil berat dengan kemaslahatannya.

Analisis Lafaz

"أَحَدَكُمْ", ia berkedudukan sebagai *maf'ul muqaddam*.

"خَادِمُهُ", ia berkedudukan sebagai *fa'il mu'akhkhar*, boleh digunakan untukm muzakkar dan mu'annats. Perkataan ini boleh berlaku untuk pembantu merdeka ataupun hamba sahaya.

"فَإِنْ لَمْ يُجْلِسْهُ مَعَهُ", yakni supaya makan. Dalam riwayat Muslim disebutkan bahawa hendaklah dia duduk dan makan bersamanya.

"لُقْمَةً أَوْ لُقْمَتَيْنِ", keraguan ini berasal daripada periwayat hadith, kerana dalam riwayat Muslim disebutkan: "لقمة".

"اِمْرَأَةٌ", dalam riwayat yang disebutkan bahawa perempuan in berasal daripada Himyar. Dalam riwayat lain dia berasal dari bani Israel.

"خَشَاشِ", dengan membaca *fathah* huruf *kha'*, namun boleh pula dibaca *kasrah* dan *dhammah*, maksudnya adalah tumbuh-tumbuhan dan rerumputan di muka bumi.

Fiqh Hadith

1. Wajib memberi makan pembantu seperti mana makanan yang dimakan oleh majikannya, walaupun hanya sekadar satu sampai dua suapan. Menurut al-Muhlab, hadith ini mentafsirkan hadith Abu Dzar yang menyuruh majikan berlaku adil terhadap pembantunya, baik dalam hal makanan mahupun pakaian. Imam al-Syafi'i berkata: "Bagi kami ada dua pendapat berkaitan hadith ini, iaitu: Pertama, mengajak pembantu duduk bersama majikan dan ini merupakan adalah perbuatan mulia. Jika itu tidak dilakukan, maka dia tidak dikatakan sebagai orang yang meninggalkan kewajipan. Kedua, pembantu boleh memilih antara duduk bersama majikan atau mempelawa makanan bersamanya." Ibn al-Munzir berkata: "Ulama bersepakat bahawa wajib memberi makan pembentu mengikut jenis makanan asas di negeri itu, demikian pula kuah dan pakaiannya. Seorang majikan dibolehkan untuk mengutamakan dirinya dengan barangan yang lebih mahal harganya meskipun menyamaratakn barangan dengan pembantu merupakan perbuatan yang terpuji."
2. Haram membunuh kucing. Menurut al-Dumairi, boleh membunuh kucing ketika sudah dianggap membahayakan.
3. Boleh mengurung kucing dengan syarat mesti diberi makan dan minum, pendapat ini menurtu al-Shan'ani.

Soalan

1. Apakah takrif hadhanah mengikut bahasa dan syarak?
2. Bilakah seorang ibu lebih berhak mengasuh anak menurut jumhur ulama?
3. Apakah makna kalimat berikut: "حجر" ,"حواء" ,"سقاء" ,"وعاء" dan "ينزع" yang terdapat dalam hadith Ibn 'Amr!
4. Jika seorang perempuan berkahwin dengan keluarga anak yang diasuhnya, maka siapakah sebenarnya yang berhak mengasuh anak itu?
5. Apakah pendapat ulama fiqh jika seorang anak telah berusia mumayyiz dan siapa pula yang berhak mengasuh anak itu?
6. Siapakah yang mengatakan bahawa perempuan kafir tidak boleh mengasuh anak meskipun dia belum berkahwin dan apa pula sanggahan ke atas ulama yang mengharuskannya?
7. Bagaimanakah cara menggabungkan pemahaman antara hadith yang menyerahkan anak perempuan Hamzah kepada makciknya yang telah bersuami dengan hadith Abdullah bin 'Amr yang mengatakan seorang perempuan dibolehkan mengasuh anak selagi belum bersuami?
8. Apakah yang diwajibkan dalam memberi makan kepada pembantu?
9. Sebutkan satu teks hadith yang mengharamkan untuk membunuh kucing dan huraikan makna lafaznya yang sukar difahami?